LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2008

AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

LAPORAN
KETUA AUDIT NEGARA
TAHUN 2008

MENGENAI AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN DAN PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN AUDIT NEGARA
MALAYSIA

KANDUNGAN

KANDUNGAN

	Muka Surat
KATA PENDAHULUAN	***vii***
INTISARI LAPORAN	***xi***
BAHAGIAN I	
PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN	
1. Pendahuluan	3
JABATAN PERDANA MENTERI	
Jabatan Peguam Negara	
2. Pengendalian Kes Sivil Dan Pendakwaan Oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri	3
KEMENTERIAN KEWANGAN	
3. Program Penyenggaraan Infrastruktur Awam, Infrastruktur Asas Dan Projek Pembangunan Kecil Luar Bandar Kawasan Parlimen	18
Lembaga Hasil Dalam Negeri	
4. Pengurusan Taksiran Cukai Pendapatan Individu Berpendapatan Penggajian Di Bawah Sistem Taksir Sendiri	32
5. Pengurusan Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan	43
Jabatan Kastam Diraja Malaysia	
6. Pengurusan Taksiran Duti Kastam Terhadap Barangan Yang Diimport	55
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI	
7. Program Pembangunan Infrastruktur Mempelbagai Tanaman	69
8. Projek Pembinaan Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu Tanjung Manis, Mukah, Sarawak	79
KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH	
9. Pengurusan Program Infodesa	91
KEMENTERIAN KERJA RAYA	
10. Pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Di Bandar Muadzam Shah, Kedah	106
Jabatan Kerja Raya Sabah	
11. Projek Pembinaan Jalan Sapulut - Kalabakan, Sabah	120
KEMENTERIAN PENGANGKUTAN	
12. Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang Dan Ipoh	130
KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI	
13. Pengurusan Program Pembangunan Modal Insan Dalam Bidang Sains, Teknologi Dan Inovasi	146
KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN	
Dewan Bandaraya Kuala Lumpur	
14. Penguatkuasaan Terhadap Aktiviti Perniagaan, Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan	157
KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA	
15. Penyenggaraan Bangunan Sekolah	172
16. Projek Bekalan Air Bersih Ke Sekolah Luar Bandar Di Sabah	194

Muka Surat

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA
17. Projek Pembinaan Hospital Pekan, Pahang 204
18. Pengurusan Aktiviti Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Demam Denggi 232
19. Program Pengurangan Mudarat 258

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN
Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia
20. Pengurusan Rancangan Tempatan 277

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN
Jabatan Perpustakaan Negara
21. Pengurusan Perpustakaan Desa 290

Jabatan Penyiaran Malaysia
22. Pengurusan Perolehan Van Siaran Luar Serta Sistem Penyiaran Dan Produksi Radio Digital 307

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA
23. Pengurusan Peralatan Pembelajaran Di Institut Latihan, Jabatan Tenaga Manusia 318

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI
24. Pengurusan Perolehan Peralatan Kursus Di Kolej Komuniti 338

KEMENTERIAN DALAM NEGERI
25. Pembinaan Dan Pengurusan Kompleks Kementerian Dalam Negeri Di Negeri Perak 354

Polis Diraja Malaysia
26. Pengurusan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera Dan Pengeluaran Saman 366

PELBAGAI KEMENTERIAN DAN JABATAN
27. Pengurusan Bayaran Emolumen Bagi Anggota Perkhidmatan Awam 379

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

28. Pendahuluan 395
29. Prestasi Kewangan Syarikat Secara Keseluruhan 395
30. Pengawasan Terhadap Syarikat Kerajaan Oleh Kementerian Kewangan 408
31. Pengurusan Aktiviti Syarikat 412
32. Pengurusan Export-Import Bank Of Malaysia Berhad 413
33. Pengurusan Syarikat Prasarana Negara Berhad 430
34. Pengurusan JKP Sdn. Bhd. 450
35. Pengurusan Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. 470
36. Pengurusan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. 485
37. Pengurusan Malaysia Venture Capital Management Berhad 507
38. Rumusan Terhadap Pengurusan Syarikat Kerajaan Secara Menyeluruh 523

BAHAGIAN III
TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/ JABATAN/SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TERHADAP PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006 DAN 2007 - KEDUDUKAN SETAKAT 1 APRIL 2009

39. Pendahuluan 527
40. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 527
41. Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2007 531

PENUTUP 541

KATA PENDAHULUAN

KATA PENDAHULUAN

1. Perkara 106 dan 107 Perlembagaan Persekutuan dan Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara mengaudit Penyata Kewangan, Pengurusan Kewangan serta aktiviti Kerajaan Persekutuan dan mengemukakan Laporan mengenainya kepada Yang di-Pertuan Agong untuk mendapatkan perkenan supaya Laporan itu dibentangkan di Parlimen. Bagi memenuhi tanggungjawab ini, Jabatan Audit Negara telah menjalankan 3 jenis pengauditan seperti berikut :-

1.1. **Pengauditan Terhadap Penyata Kewangan** – untuk memberi pendapat sama ada Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan bagi tahun berkenaan menggambarkan kedudukan yang benar dan saksama serta rekod perakaunan mengenainya telah diselenggarakan dengan teratur dan kemas kini.

1.2. **Pengauditan Pematuhan** – untuk menilai sama ada pengurusan kewangan di Kementerian/Jabatan Persekutuan dilaksanakan mengikut undang-undang dan peraturan kewangan yang berkaitan.

1.3. **Pengauditan Prestasi** – untuk menilai sama ada sesuatu aktiviti Kerajaan dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif/ matlamat yang telah ditetapkan.

2. Mulai Laporan bagi tahun 2006, Laporan saya hasil daripada pengauditan prestasi terhadap pelaksanaan aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan dan pengurusan Syarikat Kerajaan dilaporkan berasingan daripada Laporan saya berhubung dengan pengauditan terhadap Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan Tahun 2008 dan Pengurusan Kewangan Kerajaan Persekutuan. Pengasingan ini dibuat bagi memudahkan rujukan dan memberi lebih impak kepada perkara yang dibangkitkan. Laporan saya mengenai pelaksanaan aktiviti Kerajaan Persekutuan dan pengurusan Syarikat Kerajaan Tahun 2008 mengandungi 3 bahagian seperti berikut :-

Bahagian I	**:**	**Pelaksanaan Aktiviti Kementerian/Jabatan Persekutuan**
Bahagian II	**:**	**Pengurusan Syarikat Kerajaan**
Bahagian III	**:**	**Tindakan Susulan Yang Sedang/Belum Diambil Oleh Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan Terhadap Perkara Yang Dibangkitkan Dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2006 Dan 2007**

3. Seksyen 6(d), Akta Audit 1957 menghendaki Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan untuk menilai sama ada aktiviti Kerajaan diuruskan dengan cekap, berhemat dan selaras dengan objektif aktiviti berkenaan. Pengauditan tersebut melibatkan pelbagai aktiviti seperti pembinaan, penyenggaraan, penguatkuasaan undang-undang, perolehan, pengurusan aset, pengurusan cukai dan program peningkatan sosioekonomi. Laporan ini mengandungi perkara yang telah diperhatikan hasil daripada pengauditan terhadap 32 aktiviti di bawah 32 Kementerian/Jabatan/ Syarikat Kerajaan. Pada umumnya, didapati Kementerian/Jabatan Persekutuan telah

membuat perancangan dengan memuaskan bagi aktiviti/projek yang dijalankan. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan kakitangan dari segi bilangan dan kepakaran, kekurangan peruntukan kewangan, penyeliaan yang kurang rapi serta ketiadaan pemantauan yang berkesan.

4. Seperti mana pada tahun-tahun yang lalu, pengauditan terhadap syarikat yang mana Kerajaan memegang lebih daripada 50% ekuitinya telah juga dijalankan untuk menilai sama ada syarikat berkenaan telah melaksanakan aktivitinya dengan cekap dan berhemat serta selaras dengan objektif penubuhannya. Laporan ini mengandungi hasil analisis terhadap prestasi kewangan bagi 48 syarikat Kerajaan berdasarkan penyata kewangan syarikat berkenaan bagi tahun 2007 dan juga perkara yang diperhatikan daripada pengauditan terhadap pengurusan aktiviti 6 Syarikat Kerajaan. Analisis Audit mendapati 27 syarikat tersebut memperolehi keuntungan sebelum cukai berjumlah RM78 bilion pada tahun 2007 manakala 21 syarikat yang lain mengalami kerugian berjumlah RM0.87 bilion. Bagaimanapun daripada 27 syarikat tersebut, hanya 14 syarikat yang membayar dividen kepada Kerajaan berjumlah RM72.21 bilion. Sebanyak 30 syarikat Kerajaan telah membayar cukai berjumlah RM24.37 bilion kepada Kerajaan. Pengauditan terhadap pengurusan aktiviti syarikat pula mendapati secara umumnya, syarikat berkenaan juga telah merancang aktivitinya dengan baik. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki khususnya berhubung dengan kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan.

5. Bagi membantu Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2007, sejumlah 360 syor telah dikemukakan untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan setakat 1 April 2009 mendapati 338 (93.9%) daripada syor yang dikemukakan itu telah diambil tindakan oleh Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan berkenaan. Pemeriksaan susulan yang dijalankan terhadap perkara yang dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006 pula mendapati sebanyak 201 (93.9%) daripada 214 syor telah diambil tindakan. Manakala 13 syor bagi tahun 2006 dan 22 syor bagi tahun 2007 sama ada sedang/belum diambil tindakan oleh pihak yang terlibat.

6. Saya ingin merakamkan ucapan terima kasih kepada semua pegawai Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang telah memberikan kerjasama kepada pegawai saya sepanjang pengauditan dijalankan. Saya juga ingin melahirkan penghargaan dan terima kasih kepada pegawai saya yang telah berusaha gigih serta memberikan sepenuh komitmen untuk menyiapkan Laporan ini.

(TAN SRI DATO' SETIA HAJI AMBRIN BIN BUANG)
Ketua Audit Negara
Malaysia

Putrajaya
17 Jun 2009

INTISARI LAPORAN

INTISARI LAPORAN

BAHAGIAN I - PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

JABATAN PERDANA MENTERI

Jabatan Peguam Negara

- ***Pengendalian Kes Sivil Dan Pendakwaan Oleh Pejabat Penasihat Undang-Undang Negeri***

Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri (PPUN) adalah bertanggungjawab menggubal dan menyemak Enakmen/Ordinan untuk diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri; memberi khidmat nasihat perundangan kepada Kerajaan Negeri dalam aspek pentadbiran negeri; hubungan antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan/pihak swasta serta menjalankan tugas pendakwaan bagi kes jenayah dan sivil. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengendalian kes sivil dan pendakwaan perlu dipertingkatkan memandangkan terdapat kes di mana Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri (PPUN) mengambil masa sehingga 183 hari untuk membuat semakan terhadap kes sivil dan sehingga 1,149 hari bagi kes pendakwaan. Antara faktor yang menyebabkan masa yang lama diambil untuk menyelesaikan semakan terhadap kes sivil dan pendakwaan adalah kesukaran untuk mendapatkan maklumat lengkap daripada agensi penguatkuasa undang-undang; beban kerja yang banyak kerana pegawai yang sama juga terlibat dengan tugasan lain; tiada norma masa ditetapkan bagi menyelesaikan proses kerja yang tertentu dan kekerapan pertukaran pegawai yang mengendalikan kes. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan Peguam Negara memberikan pertimbangan kepada perkara berikut :-

- Memastikan PPUN menyelesaikan proses kerja yang berkaitan dengan kes sivil dan pendakwaan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan Akta Had Masa 1953. Bagi proses kerja di mana norma masa tidak ditetapkan, Jabatan Peguam Negara perlu menetapkan tempoh berkenaan dan memastikan PPUN mematuhinya.

- Mengkaji semula kedudukan jawatan di PPUN bagi menyesuaikannya dengan beban kerja yang sentiasa meningkat.

- Menyeragamkan satu sistem pengurusan maklumat untuk diterima pakai oleh semua PPUN bagi memudahkan rujukan/semakan serta meningkatkan pemantauan terhadap pengendalian kes.

KEMENTERIAN KEWANGAN

- ***Program Penyenggaraan Infrastruktur Awam, Infrastruktur Asas Dan Projek Pembangunan Kecil Luar Bandar Kawasan Parlimen***

Bagi tempoh tahun 2005 hingga November 2008, sebanyak 92,687 projek di bawah Program Penyenggaraan Infrastruktur Awam, Program Penyenggaraan Infrastruktur Asas dan Projek Pembangunan Kecil Luar Bandar Kawasan Parlimen yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM4.59 bilion telah dilaksanakan. Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya pelaksanaan projek-projek ini adalah kurang memuaskan seperti projek lewat disiapkan; kerja yang dilaksanakan tidak mengikut skop asal;perolehan peralatan dan aset dimasukkan dalam skop kerja menyebabkan kos projek meningkat; kemudahan yang siap dibina tidak digunakan; pembayaran telah dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan dan kekurangan pegawai untuk menjalankan kerja pemantauan/ penyeliaan terhadap projek. Bagi memastikan objektif program ini dicapai dan Kerajaan mendapat *value for money*, adalah disyorkan supaya Perbendaharaan Malaysia, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM) dan Pejabat Pembangunan Negeri (PPN)/Pejabat Daerah mempertimbangkan perkara berikut :-

- Bagi membolehkan PPN/Pejabat Daerah mengambil tindakan terhadap kontraktor yang gagal melaksanakan kerjanya, surat tawaran perlu menyatakan dengan jelas tarikh mula dan tarikh menyiapkan kerja serta peruntukan berhubung dengan pengenaan denda terhadap kontraktor yang gagal mematuhi syarat tawaran.
- Bagi mengelakkan pembaziran wang awam, pihak ICU, JPM perlu memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut perancangan dan digunakan secara optimum.
- PPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu menyiasat tentang bayaran yang tidak teratur dan jika berlaku penyelewengan, tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap mereka yang terlibat.
- Perbendaharaan Malaysia perlu mengkaji semula kedudukan jawatan Juruteknik dan Pembantu Teknik yang ditempatkan di setiap PPN dengan mengambil kira bebanan kerja sedia ada. PPN pula perlu memastikan latihan khusus yang berkaitan diberikan kepada pegawai ini bagi membolehkan mereka melaksanakan tugasan dengan cekap dan berkesan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

- ***Pengurusan Taksiran Cukai Pendapatan Individu Berpendapatan Penggajian Di Bawah Sistem Taksir Sendiri***

Sistem Taksir Sendiri adalah berteraskan kepada konsep ‘Taksir, Bayar dan Fail’ iaitu pembayar cukai dikehendaki membuat taksiran/pengiraan cukai sendiri dengan merujuk kepada panduan/peraturan yang ditetapkan, membuat bayaran cukai yang kena bayar dan mengemukakan Borang Cukai Pendapatan (Borang BE) kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN). Secara keseluruhannya, pelaksanaan taksiran cukai pendapatan

individu berpendapatan penggajian di bawah Sistem Taksir Sendiri adalah baik kerana dapat mengurangkan beban tugas pegawai LHDN. Namun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang boleh menyebabkan cukai pendapatan tidak/kurang dipungut. Antara kelemahan tersebut adalah Borang BE tidak dapat diserahkan kepada pembayar cukai; pembayar cukai tidak atau lewat mengembalikan Borang BE dan penalti tidak dikenakan terhadap mereka yang terlibat; wujud kesilapan/ketidaktepatan maklumat di Borang BE; potongan cukai berjadual tidak dibuat oleh majikan dan LHDN tidak mengeluarkan Arahan Potongan Gaji kepada majikan untuk memotong gaji pekerjanya yang mempunyai tunggakan cukai. LHDN hendaklah segera mengatasi masalah berkenaan Borang BE kerana ia boleh menjejaskan kutipan hasil Kerajaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya LHDN mengambil langkah berikut :-

- Memberi penerangan yang berterusan kepada pembayar cukai dengan menempatkan *desk officer* di tempat yang dikunjungi orang ramai seperti pusat membeli belah dan bangunan pejabat.
- Bagi kes yang perlu diaudit oleh Unit Audit Meja (Penggajian), semua dokumen sokongan hendaklah diminta daripada pembayar cukai dan disimpan di dalam fail pembayar cukai.
- Penalti dikenakan terhadap pembayar cukai yang tidak/lewat mengembalikan Borang BE.
- LHDN hendaklah mengambil tindakan bagi memastikan majikan membuat potongan cukai berjadual daripada gaji pekerja yang gaji bulanannya melebihi RM2,551.
- LHDN hendaklah mengeluarkan Arahan Potongan Gaji kepada majikan untuk membuat potongan gaji pekerja bagi menyelesaikan tunggakan cukai mereka.
- Memandangkan hampir 50% daripada kes Borang BE yang diaudit oleh Unit Audit Meja (Penggajian) mendapati ketidaktepatan cukai yang dibayar sama ada terlebih/terkurang, LHDN patut memperkasakan kakitangannya yang ditempatkan di unit tersebut dari segi kuantiti dan kepakarannya.

KEMENTERIAN KEWANGAN

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN)

- Pengurusan Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan

Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bertanggungjawab membayar balik lebihan cukai pendapatan kepada pembayar cukai selaras dengan Seksyen 111 Akta Cukai Pendapatan 1967. Pengauditan mendapati sebahagian besar daripada sampel bayaran balik lebihan cukai pendapatan yang diaudit melibatkan sejumlah RM648.70 juta telah lewat dibayar balik kepada pembayar cukai antara 10 hari hingga 2 tahun bagi kes manual dan hingga 1 tahun bagi kes *e-Filing.* Kelewatan ini antaranya disebabkan oleh pembangunan Sistem Taksir Sendiri untuk memproses Borang Nyata Cukai Pendapatan dilaksanakan secara berperingkat, maklumat/dokumen yang dikemukakan oleh pembayar cukai tidak lengkap/diragui dan ketidakupayaan LHDN menangani

masalah ini disebabkan oleh pegawai yang bertanggungjawab juga perlu menguruskan tugas-tugas lain. Selain itu, didapati ada juga bayaran balik yang tidak dibuat dengan tepat yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan. Memandangkan kutipan hasil cukai amat penting kepada hasil Kerajaan, adalah disyorkan supaya LHDN memberikan pertimbangan dan mengambil tindakan segera terhadap perkara berikut :-

- LHDN perlu mematuhi tempoh masa penyelesaian kes pembayaran balik lebihan cukai pendapatan yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan bagi meningkatkan sistem penyampaiannya.

- Piagam Pelanggan mengenai pembayaran balik lebihan cukai pendapatan perlu dinyatakan dengan jelas dan spesifik. Sehubungan ini, pembayar cukai perlu dimaklumkan tentang kewajipan mereka untuk memastikan maklumat taksiran cukai pendapatan adalah betul bagi semua tahun taksiran terlibat; baucar dividen asal yang lengkap telah disertakan; lebihan cukai pendapatan bagi tahun taksiran tertentu perlu ditolak dengan hutang cukai pendapatan untuk tahun taksiran lain, hutang cukai keuntungan harta tanah dan hutang kepada Kerajaan bagi kes syarikat jika Jumlah Perbandingan melebihi Agregat Perbandingan bagi tujuan pembayaran dividen.

- Kod-kod bayaran cukai perlu dipermudahkan melalui perbincangan dengan Perbendaharaan Malaysia. Ini adalah penting bagi mengelakkan pembayar cukai tersilap mengisi kod transaksi kerana keliru dengan banyak kod yang ada sehingga menyebabkan transaksi bayaran tersilap direkodkan dalam tahun taksiran yang tidak berkenaan.

- LHDN perlu mengkaji semula bilangan pegawai yang diperlukan di setiap Cawangan/Unit Pungutan dengan mengambil kira bebanan kerja sedia ada.

- Bagi memastikan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan dibuat dengan tepat dan teratur, senarai semak pengiraan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan perlu disediakan dan diisi. Butiran yang perlu disenaraikan untuk semakan dan diisi adalah kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(3)/107C(9), subseksyen 107B(4)/107C(10), subseksyen 103(3) dan 103(4) ACP 1967; hutang Seksyen 108 ACP 1967 dan hutang cukai keuntungan harta tanah serta bukti pengesahan baucar dividen bagi potongan cukai .

- Setiap transaksi pembayaran balik lebihan cukai pendapatan perlu disediakan Penyata Pengiraan Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan dan formatnya hendaklah diseragamkan antara Cawangan. Penyata ini perlu dihantar kepada pembayar cukai terlibat. Butiran seperti tarikh dan amaun taksiran cukai pendapatan bagi setiap tahun taksiran, tarikh dan amaun kenaikan cukai dikenakan, tarikh dan amaun bayaran cukai pendapatan, jumlah yang terhutang kepada Kerajaan (melibatkan dividen dan keuntungan harta tanah) perlu diperincikan bagi setiap tahun taksiran bagi memudahkan pembayar cukai membuat semakan terhadap pengiraan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan.

- Cukai pendapatan yang terlebih bayar balik perlu dikutip dengan segera daripada pembayar cukai yang terlibat.
- Penyata Tahunan Kumpulan Wang Amanah Tabung perlu disediakan untuk tujuan pengauditan seperti mana yang ditetapkan dalam Surat Ikatan Amanah.
- LHDN perlu mengenal pasti jumlah dana yang diperlukan bagi Tabung Bayaran Balik Cukai untuk membolehkan bayaran balik lebihan cukai pendapatan dibuat dengan sewajarnya kepada pembayar cukai.

JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

- Pengurusan Taksiran Duti Kastam Terhadap Barangan Yang Diimport

Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, secara purata Jabatan Kastam Diraja Malaysia telah memungut duti import, duti eksais (import) dan cukai jualan (import) berjumlah RM6.38 bilion setahun. Pengauditan mendapati beberapa kelemahan dalam urusan pungutan duti tersebut seperti kelewatan ejen penghantaran atau pengimport mengikrarkan barangan dan membayar duti/cukai import, kesilapan penjenisan dan penilaian oleh Pegawai Penaksir, kelemahan pengendalian borang kastam, kelemahan Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang membenarkan barangan diikrarkan beberapa kali serta *interface* antara Sistem Maklumat Kastam dan *Gate Control System* yang tidak berfungsi dengan baik. Bagi menangani kelemahan tersebut yang antara lainnya berpunca daripada kekurangan anggota dan kelemahan pemantauan, adalah disyorkan supaya Jabatan Kastam mengambil langkah-langkah seperti berikut :-

- Bagi mengelakkan amaun kompaun yang rendah dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan serta wujud ketidakseragaman antara stesen kastam, satu mekanisme wajar diwujudkan seperti menyediakan garis panduan pengenaan kadar kompaun. Jabatan Kastam perlu meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pengimport mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.
- Jabatan Kastam perlu membuat susulan terhadap permohonan pertambahan jawatan Pegawai Penaksir yang telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya jawatan yang diwujudkan selaras dengan beban tugas yang tinggi bagi mengurangkan kesilapan penjenisan dan penilaian harga barangan. Di samping itu, jawatan yang telah diluluskan hendaklah diisikan dengan segera.
- Pemeriksaan mengejut dan tindakan disiplin perlu dikuatkuasakan bagi memastikan pengurusan borang ikrar yang teratur dan tidak terdedah kepada penyelewengan.
- Jawatankuasa Pemantauan Harga Dan Penjenisan sebagai badan pengawas kepada keberkesanan dan penyelesaian isu serta masalah berkaitan penilaian dan penjenisan di peringkat stesen dan negeri hendaklah meningkatkan fungsinya dengan mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.
- Jabatan Kastam perlu lebih agresif dalam memungut tunggakan hasil bagi mengelakkan kehilangan hasil Kerajaan.

- Jabatan Kastam hendaklah memastikan wujudnya integriti data dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK) dan juga memastikan *Gate Control System* (GCS) sentiasa dapat berintegrasi dengan SMK bagi membolehkan pengesahan bayaran duti/cukai import dibuat. Bagi kes di mana GCS tidak berfungsi, Pegawai Kastam yang berada di pintu kawalan kastam perlu meningkatkan pemantauannya dengan memeriksa dokumen dan barang secara fizikal.
- Bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai, rancangan latihan tahunan perlu disediakan dengan memastikan setiap pegawai menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun sebagaimana yang ditetapkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 terutamanya kursus yang berkait langsung dengan bidang tugas pegawai.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

- ***Program Pembangunan Infrastruktur Mempelbagai Tanaman***

Setakat bulan Disember 2008, Kerajaan telah membelanjakan sejumlah RM182.93 juta untuk melaksanakan Program Pembangunan Infrastruktur Mempelbagai Tanaman. Pada umumnya, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan infrastruktur pertanian adalah baik di mana 92.5% projek yang dirancang dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari segi penyenggaraan infrastruktur yang telah dibina dan pelaksanaan aktiviti pertanian. Bagi memastikan pelaksanaan program ini dapat dimanfaatkan secara berterusan, adalah disyorkan supaya Kementerian memberikan pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Mengambil tindakan segera untuk menyiapkan projek terbengkalai supaya peserta projek mendapat manfaat sebagaimana yang dirancang.
- Menyediakan rancangan penyenggaraan secara berkala serta menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk penyenggaraan infrastruktur.
- Memastikan kawasan yang dipilih adalah bersesuaian sebelum meluluskan sesuatu projek supaya aktiviti pertanian dapat dijalankan sepanjang masa.
- Selain daripada meningkatkan pemantauan dan memberi bimbingan secara berterusan, pelan strategik pemasaran juga perlu dirangka bagi membantu petani memasarkan hasil tanaman mereka. Langkah ini amatlah penting untuk menggalakkan petani terus aktif mengusahakan tanaman mereka.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

- ***Projek Pembinaan Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu Tanjung Manis, Mukah, Sarawak***

Pembinaan Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu Tanjung Manis, Mukah, Sarawak telah dilaksanakan dengan nilai kontrak berjumlah RM313.62 juta. Terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek ini seperti projek lewat disiapkan, kualiti kerja kurang memuaskan dan beberapa kemudahan asas tidak disedia/tidak disediakan dengan lengkap. Bagi memperbaiki kelemahan tersebut dan juga mengelakkan kelemahan yang sama daripada berlaku dalam pelaksanaan projek yang

lain, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, Kementerian Kewangan, Jabatan Kerja Raya dan Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia memberi pertimbangan kepada perkara berikut :-

- Memandangkan kerosakan/kecacatan boleh menjadi semakin serius jika tidak diambil tindakan segera, kontraktor tidak boleh dibenar menangguhkan kerja pembaikan kerosakan/kecacatan tersebut sehingga kerja fasa 3 disiapkan.
- Bagi projek *fast track* yang dilaksanakan secara reka dan bina dan harga kontrak diluluskan oleh Kementerian Kewangan mengikut fasa, Kementerian Kewangan patut meluluskan harga kontrak mengikut urutan pelaksanaannya seperti mana yang dicadangkan oleh Kementerian/Jabatan terlibat. Ini adalah penting bagi mengelakkan pelaksanaan projek daripada terganggu.
- Kementerian Kewangan sepatutnya meluluskan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menyiapkan semua komponen asas supaya projek boleh berfungsi sepenuhnya dan matlamat pembinaan projek dicapai.

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

- ***Pengurusan Program Infodesa***

Program Infodesa dilaksanakan untuk mengurangkan jurang digital antara masyarakat desa dengan masyarakat bandar. Sehingga 31 Disember 2008, sejumlah RM68.38 juta telah dibelanjakan untuk program ini dan seramai 41,298 peserta telah diberi latihan ICT. Pengauditan mendapati beberapa kelemahan seperti projek lewat disiapkan; projek yang telah disiapkan lewat memulakan operasi akibat daripada kelewatan perolehan peralatan dan pengisian jawatan Pengurus Medan Infodesa (MID). Tapak tanah bagi 156 bangunan MID yang dibina dengan pembiayaan Kerajaan Persekutuan masih belum didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Bagi menangani masalah ini dan memastikan objektif program dicapai sepenuhnya, adalah disyorkan supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah memberikan pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

- Memandangkan keseluruhan projek ini melibatkan belanja yang besar dan ia dilaksanakan secara berterusan semenjak RMK-8, Kementerian patut mengkaji semula untuk mewujudkan jawatan Pengurus secara tetap supaya pengisiannya dapat dibuat dengan lebih mudah dan mereka yang dilantik mengisi jawatan ini lebih komited.
- Memastikan Lembaga Pengurusan ditubuhkan di setiap MID supaya ia berfungsi dengan sewajarnya. Memandangkan Pegawai Daerah tidak dapat meluangkan masa untuk mempengerusikan mesyuarat Lembaga, adalah disyorkan supaya wakil dari Pejabat Daerah berkenaan dilantik sebagai Pengerusi.
- Mempertingkatkan pemantauannya terhadap pelaksanaan projek bagi memastikan ia dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan ini, agensi pelaksana hendaklah diminta mengemukakan laporan kemajuan projek setiap bulan dan memberi penjelasan sekiranya berlaku kelewatan.

- Memastikan Pengurus MID mematuhi pekeliling dan peraturan kewangan yang ditetapkan mengenai perolehan dan pengurusan aset. Rekod dan daftar yang berkaitan juga perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Kementerian perlu menjalankan pemeriksaan di MID dari semasa ke semasa untuk memastikan pematuhan terhadap peraturan tersebut. Bagi memastikan Pengurus MID melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sempurna dan berkesan, latihan dalam bidang pengurusan termasuk kewangan patut diberi kepada mereka.
- Bilangan pengguna komputer di MID perlu dipertingkatkan supaya peralatan ICT digunakan secara optimum dan matlamat bagi mengurangkan jurang digital antara bandar dengan luar bandar dicapai. Bagi tujuan ini, Kementerian patut meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat setempat dan yang berhampiran tentang kemudahan yang disediakan di MID.
- Memastikan semua tapak tanah yang dibangunkan untuk MID dipindah milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi memastikan bahawa semua projek yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan dapat diteruskan aktivitinya walaupun berlaku pertukaran parti pemerintah di negeri berkenaan.
- Menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk tujuan penyenggaraan peralatan dan bangunan MID bagi membolehkan projek ini dijalankan secara berterusan.
- Membuat penilaian secara berkala untuk menentukan sejauh mana program ini telah mencapai objektifnya dan seterusnya mengambil langkah penambahbaikan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

- ***Pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Di Bandar Muadzam Shah, Kedah***

Setakat 31 Disember 2008, sebanyak 95% daripada projek pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan Di Bandar Muadzam Shah, Kedah telah disiapkan dan sejumlah RM243.53 juta telah dibelanjakan. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pelantikan kontraktor dan kaedah pelaksanaan projek yang telah melewatkan tempoh pelaksanaannya; pengurusan kontrak yang kurang memuaskan; bangunan siap tetapi lewat/tidak diduduki serta sebahagian kerja pembinaan kurang berkualiti. Bangunan kompleks ini sepatutnya boleh digunakan lebih awal sekiranya ada penyelarasan yang berkesan antara Jabatan Perdana Menteri, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan agensi-agensi yang terlibat serta pelantikan perunding yang cekap. Bagi menangani masalah ini, adalah disyorkan supaya JKR selaku Penguasa Projek dan Jabatan/Agensi yang akan menggunakan bangunan memberi pertimbangan kepada perkara berikut :-

- Perolehan perabot hendaklah diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan. Sehubungan ini, perolehan perabot patut dibuat semasa kemajuan kerja pada tahap 80% supaya bangunan dapat digunakan sepenuhnya sebaik sahaja ia disiapkan.

- Bagi bangunan guna sama, Jabatan/Agensi yang akan menggunakan bangunan tersebut hendaklah dimuktamadkan di peringkat perancangan projek. Ini adalah untuk mengelakkan daripada berlaku perubahan reka bentuk yang boleh melewatkan pelaksanaan projek.
- Keperluan pengguna perlu diambil kira semasa reka bentuk bangunan bagi mengelak daripada bangunan yang siap dibina tidak digunakan kerana tidak memenuhi keperluan pengguna dan kos tambahan diperlukan untuk mengubahsuainya.
- Bagi menjamin kepentingan Kerajaan, JKR hendaklah memastikan semua peraturan berhubung dengan pengurusan kontrak dipatuhi. Sehubungan ini, kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Tindakan tegas perlu diambil untuk memastikan kontraktor memperbaiki segala kecacatan yang dilaporkan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.
- Penyeliaan dan pemantauan projek perlu dipertingkatkan bagi memastikan pelaksanaan projek dibuat mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya.

JABATAN KERJA RAYA SABAH

- Projek Pembinaan Jalan Sapulut - Kalabakan, Sabah

Sejumlah RM563.33 juta telah dibelanjakan bagi membina Jalan Sapulut - Kalabakan, Sabah secara *design and build.* Projek ini dilaksanakan oleh Konsortium F.A. Irama Duta Sdn. Bhd. (kontraktor) yang dilantik secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan. Pengauditan yang dijalankan mendapati sungguhpun projek ini bertujuan untuk menyediakan jalan yang berturap sepanjang 145 kilometer, namun hanya jalan *gravel* yang dibina kerana kekurangan peruntukan disebabkan oleh kontraktor terpaksa menangani masalah mengeluarkan banyak *unsuitable material* di tapak. Masalah tanah ini tidak dikenal pasti sebelum projek dimulakan kerana penyiasatan tanah tidak dibuat dengan sempurna. Pemantauan terhadap pelaksanaan dan penyenggaraan projek ini juga kurang memuaskan menyebabkan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor kurang berkualiti. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan Kerja Raya Sabah memberikan pertimbangan kepada perkara berikut :-

- Memastikan kontraktor memperbaiki kerosakan jalan, runtuhan cerun dan kerosakan longkang di sepanjang jalan bagi mengelakkan keadaan menjadi bertambah serius sehingga merosakkan keseluruhan jalan serta menjejaskan keselamatan pengguna jalan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.
- Meningkatkan tahap pemantauan bagi memastikan kontraktor menjalankan kerja penyenggaraan yang berkualiti dan mengikut jadual serta syarat yang ditetapkan.
- Memohon peruntukan kewangan yang mencukupi di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk menyambung kerja penurapan aspal jalan.

- Bagi projek pembinaan jalan yang akan dilaksanakan di masa hadapan, Jabatan Kerja Raya hendaklah memastikan kajian tanah secara terperinci dijalankan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan agar reka bentuk jalan yang sesuai dapat disediakan sebelum jalan dibina.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

- Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang Dan Ipoh

Projek Landasan Berkembar Elektrik Antara Rawang Dan Ipoh yang melibatkan kos berjumlah RM5.77 bilion dilaksanakan melalui 2 pakej iaitu Pakej Infrastruktur dan Pakej Sistem. Kontraktor utama bagi Pakej Infrastruktur adalah DRB-Hicom Berhad (DRB-Hicom) manakala Pakej Sistem adalah Mitsui-MTS Konsortium (Mitsui). Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan seperti projek lewat disiapkan menyebabkan kos projek meningkat dianggarkan sejumlah RM1.43 bilion; perolehan peralatan melebihi keperluan dan perolehan tren tidak diselaraskan dengan pembangunan infrastruktur. Perkara ini telah menyebabkan objektif pelaksanaan projek tidak dapat dicapai sepenuhnya seperti mana yang ditetapkan. Kerajaan juga besar kemungkinan terpaksa menanggung sebahagian daripada kos kerugian yang dianggarkan berjumlah RM1.14 bilion kerana syarat antara DRB-Hicom (kontraktor asal) dengan Kerajaan telah menetapkan liabiliti maksimum yang boleh dituntut daripada kontraktor tersebut hanya setakat RM257.99 juta sahaja. Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* dan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan Kementerian Pengangkutan (Kementerian)/Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) dan agensi pusat yang berkaitan memberikan pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Kementerian sepatutnya mengenakan denda berjumlah RM80.88 juta (RM164,727 sehari) terhadap DRB-Hicom kerana kegagalannya menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.
- Bagi mengelakkan pembaziran, 5 set *Automatic Fare Collection System* yang masih disimpan di dalam stor perlu diagihkan ke stesen komuter yang memerlukannya.
- Kementerian/KTMB hendaklah memastikan semua kecacatan yang berlaku diperbaiki oleh kontraktor yang berkenaan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi mengelakkan Kerajaan daripada menanggung kos pembaikannya.
- Perolehan peralatan dan kemudahan yang berkaitan hendaklah diselaraskan dengan pembangunan infrastruktur dan sistem. Sehubungan ini, perolehan peralatan dan kemudahan sepatutnya dibuat semasa kemajuan kerja pada tahap 80% supaya infrastruktur yang dibangunkan dapat digunakan sepenuhnya sebaik sahaja ia disiapkan.
- Kementerian perlu mengambil tindakan tegas terhadap pengurus projek yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya dengan melaporkan kepada Kementerian Kewangan supaya perkhidmatannya dapat ditamatkan selaras dengan syarat kontrak.

- Agensi pusat sepatutnya meluluskan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk membeli peralatan/kemudahan yang merupakan komponen projek bagi membolehkan sesuatu projek yang dilaksanakan dapat berfungsi mengikut perancangan.

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

- ***Pengurusan Program Pembangunan Modal Insan Dalam Bidang Sains, Teknologi Dan Inovasi***

Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, sejumlah RM153.73 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan Program Pembangunan Modal Insan. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan projek ini seperti sasaran mengikut skim tidak dapat dicapai sepenuhnya; pembiayaan diberi kepada penerima yang tidak layak; beberapa perkara penting bagi menjamin kepentingan Kerajaan tidak dimasukkan dalam perjanjian kontrak; kelewatan mengagihkan peruntukan; kegagalan mematuhi syarat perjanjian serta kelemahan pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan Program. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (Kementerian) memberikan pertimbangan terhadap perkara-perkara berikut :-

- Mempertingkatkan promosi untuk memperjelaskan tentang Program Pembangunan Modal Insan terutamanya di kalangan pelajar/pensyarah Institusi Pengajian Tinggi dan juga pegawai Kementerian/agensi yang terlibat dalam bidang sains dan teknologi.
- Memastikan semua syarat penting dimasukkan ke dalam perjanjian seperti menghendaki penerima biaya mengemukakan keputusan peperiksaan semester/ laporan kemajuan penyelidikan dan melapor diri selepas tamat pengajian/ penyelidikan. Kementerian juga hendaklah membuat pemantauan untuk memastikan syarat-syarat tersebut dipatuhi sepenuhnya dan mengenakan ganti rugi terhadap mereka yang ingkar.
- Membuat penilaian untuk menentukan sejauh mana pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan telah mencapai objektif yang telah ditetapkan dan seterusnya mengambil tindakan terhadap kelemahan-kelemahan yang boleh menjejaskan pencapaian objektif.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

- ***Penguatkuasaan Terhadap Aktiviti Perniagaan, Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan***

Pengauditan yang dijalankan mendapati penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan oleh Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah Laporan Tindakan Penguatkuasaan yang disediakan tidak selaras dengan Sasaran

Kerja Tahunan, kelewatan tindakan susulan terhadap operasi KEJA (halangan kerusi dan meja), pengurusan aduan awam serta Notis Kesalahan Dan Tawaran Kompaun (Notis Kesalahan) kurang berkesan dan penyimpanan barang sitaan tidak dibuat dengan teratur. Bagi menangani kelemahan tersebut, adalah disyorkan supaya DBKL memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Bagi membolehkan penilaian dibuat terhadap prestasi aktiviti penguatkuasaan oleh Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan, DBKL perlu memastikan Sasaran Kerja Tahunan bagi aktiviti ini disediakan setiap tahun dan Laporan Tindakan Penguatkuasaan disediakan selaras dengan Sasaran Kerja Tahunan tersebut.
- Manual Prosedur Kerja dan Piagam Pelanggan bagi melaksanakan setiap proses yang terlibat dalam penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan perlu disediakan dengan lengkap dan jelas. Sehubungan ini, DBKL perlu menetapkan tempoh tindakan susulan yang patut dibuat setelah notis dikeluarkan/diberitahu secara lisan kepada peniaga berkenaan untuk mengalihkan kerusi dan meja yang menyebabkan halangan jalan. Selain itu, tempoh masa pengurusan aduan awam yang dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja dan Piagam Pelanggan DBKL perlu diseragamkan. DBKL juga perlu menyelenggarakan Buku Daftar Aduan dengan lengkap dan kemas kini untuk tujuan pemantauan dan meningkat keberkesanan sistem penyampaiannya.
- Mempertingkatkan kaedah pengurusan kutipan kompaun dengan mengambil tindakan mengatasi masalah berkaitan Sistem Pangkalan Data Undang-undang. Selain itu, DBKL hendaklah memantau status penyelesaian setiap Notis Kesalahan yang dikeluarkan dan menyediakan Laporan Tunggakan Kompaun serta memastikan semua Notis Kesalahan difailkan dan disimpan dengan teratur.
- Mengkaji semula tentang keperluan untuk mengurangkan tempoh akhir tuntutan barang sitaan daripada 3 bulan kepada 1 bulan. Perkara ini membolehkan tindakan pelupusan barangan sitaan diambil dengan lebih awal bagi mengatasi masalah kesesakan ruang stor dan juga tidak menjejaskan nilai barangan berkenaan.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

- ***Penyenggaraan Bangunan Sekolah***

Sebanyak 47 syarikat perunding swasta telah dilantik dengan kontrak bernilai RM22.18 juta untuk mengenal pasti kerja penyenggaraan/pembaikan sekolah yang perlu dilaksanakan, memantau/menyelia dan mengesahkan kerja penyenggaraan/ pembaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor sebelum pembayaran dibuat oleh Kementerian. Pengauditan yang dijalankan mendapati kerja penyenggaraan bangunan dan infrastruktur sekolah adalah tidak memuaskan menyebabkan ada bangunan sekolah atau infrastrukturnya yang tidak berada dalam keadaan yang baik/kondusif dan boleh menjejaskan keselamatan penggunanya. Kelemahan dalam penyenggaraan/ pembaikan tersebut disebabkan oleh Kementerian tidak diberikan peruntukan kewangan dan anggota teknikal yang mencukupi. Kementerian pula kurang memantau

prestasi perunding yang menyebabkan mereka gagal melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan. Pemantauan yang sewajarnya juga tidak dibuat terhadap kerja yang sepatutnya diselia sendiri oleh Kementerian/JPN/PPD/sekolah. Bagi menangani kelemahan di atas, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara berikut :-

- Menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua sekolah di seluruh negara berdasarkan kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995. Bagi tujuan ini, peruntukan kewangan yang secukupnya hendaklah disediakan.

- Kementerian Pelajaran Malaysia/Jabatan Kerja Raya patut menyediakan skop kerja penyenggaraan/pembaikan yang jelas dan boleh diukur bagi memudahkan rujukan kontraktor dan juga pegawai yang menyelia kerja tersebut.

- Meningkatkan pemantauan/penyeliaan terhadap kerja penyenggaraan/pembaikan sekolah yang dijalankan oleh kontraktor. Bagi tujuan ini, Kementerian perlu mempertingkatkan pemantauannya terhadap prestasi perunding bagi memastikan ia melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan seperti mana yang ditetapkan di dalam kontrak. Guru yang ditempatkan di JPN/PPD/sekolah sepatutnya tidak ditugaskan untuk menguruskan kerja penyenggaraan sekolah. Tanggungjawab ini sepatutnya diberi kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang teknikal. Sehubungan ini, jawatan teknikal yang secukupnya patut diwujudkan. Pembantu Teknik Gred J36 yang masih kosong di beberapa JPN juga perlu diisi segera. Bagi mempertingkatkan pemantauan terhadap penyenggaraan/ pembaikan, daftar pemantauan perlu diselenggarakan di sekolah.

- Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terbukti memperakukan kerja yang tidak dilaksanakan sebagai telah disempurnakan kerana ia merupakan satu *improper payment.* Sekiranya perakuan dibuat oleh pegawai awam, tindakan tatatertib atau surcaj patut diambil terhadap mereka yang terlibat. Sebaliknya, jika ia melibatkan perunding, syarikat berkenaan patut disenaraihitamkan dan kesalahan tersebut dilaporkan kepada badan profesion yang mengawasinya.

- Menyusun semula pelbagai bahagian yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan penyenggaraan bangunan sekolah dengan meletakkannya di bawah satu unit supaya kerja penyenggaraan dapat dirancang dan diuruskan dengan cekap dan berkesan.

- Memastikan semua pihak yang terlibat dengan perolehan kerja penyenggaraan/pembaikan mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Kajian pasaran perlu dibuat untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perolehan yang dibuat. Latihan mengenai pengurusan kewangan hendaklah diberi kepada mereka yang terlibat.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

- ***Projek Bekalan Air Bersih Ke Sekolah Luar Bandar Di Sabah***

Kementerian Pelajaran Malaysia telah melaksanakan projek bekalan air bersih ke sekolah-sekolah di Sabah melalui *Rain Water Harvesting System*, perigi tiub, paip air graviti, sistem retikulasi dan projek bekalan air dirawat. Sehingga bulan Disember 2008, sejumlah RM174.32 juta telah dibelanjakan bagi projek bekalan air bersih melalui *Rain Water Harvesting System* ke sekolah luar bandar di Sabah. Pengauditan mendapati pelaksanaan Fasa 3 projek ini adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti projek lewat disiapkan, spesifikasi projek tidak dipatuhi sepenuhnya, ketiadaan penyenggaraan sistem paip air oleh kontraktor dan kerja pengubahsuaian projek dibuat tanpa kelulusan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPP Sabah). Bagi membolehkan projek ini memberi manfaat kepada kumpulan yang disasarkan, adalah disyorkan supaya Pasukan Projek Sabah yang telah mengambil alih fungsi JPP Sabah/Kementerian Pelajaran Malaysia memberikan pertimbangan kepada perkara berikut :-

- Pasukan Projek Sabah (PPS) hendaklah membuat pemantauan rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan memastikan penyenggaraan terhadap sistem paip air dibuat secara berjadual oleh kontraktor berkenaan. Sehubungan ini, pihak sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, PPS dan kontraktor perlu bekerjasama dengan mengadakan mesyuarat secara *regular* untuk membincang dan mengatasi masalah berkaitan penyenggaraan projek ini.
- Kementerian Pelajaran Malaysia perlu menyediakan peruntukan bagi kerja-kerja penyenggaraan projek selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan supaya ia dapat dimanfaatkan secara berterusan.
- PPS perlu memastikan pihak sekolah mendapat kelulusannya sebelum sebarang kerja pengubahsuaian dibuat supaya kerja tersebut tidak menjejaskan fungsi tangki berkenaan.
- PPS perlu menentukan jumlah denda yang boleh dikenakan terhadap kontraktor dan memastikan ia menjelaskannya.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- ***Projek Pembinaan Hospital Pekan, Pahang***

Pengauditan yang dijalankan mendapati pelaksanaan projek pembinaan Hospital Pekan, Pahang yang melibatkan kos berjumlah RM96.45 juta adalah kurang memuaskan menyebabkan bukan sahaja kerugian kepada Kerajaan malahan kemudahan yang disediakan tidak boleh dimanfaatkan oleh orang awam. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan sedangkan masih ada kerja yang belum disiapkan sepenuhnya dan peralatan tidak dibekalkan dengan sempurna oleh kontraktor; projek lewat disiapkan menyebabkan kosnya meningkat; kerja pembinaan tidak sesuai/tidak berkualiti serta peralatan dan kemudahan tidak digunakan secara optimum. Bagi memperbaiki kelemahan yang

berlaku, adalah disyorkan supaya Kementerian Kesihatan (Kementerian) dan Jabatan Kerja Raya (JKR) memberi pertimbangan kepada perkara berikut :-

- Bagi menjamin kepentingan Kerajaan, JKR sepatutnya mempercepatkan proses menandatangani kontrak pembinaan hospital untuk tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak. JKR juga perlu memastikan Bon Pelaksanaan dan insurans diserahkan dalam tempoh sepatutnya.
- Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) tidak boleh dikeluarkan oleh JKR selagi kerja belum diselesaikan sepenuhnya dan peralatan belum dibekalkan dengan sempurna oleh kontraktor.
- Bagi peralatan yang diterima selepas tarikh CPC dikeluarkan atau masih belum diterima hingga kini, tempoh jaminan peralatan tersebut hendaklah ditetapkan untuk tempoh 2 tahun dari tarikh peralatan diterima dan bukan pada 31 Januari 2009.
- Kementerian perlu mempercepatkan tindakan pembaikan terhadap kerosakan/ kecacatan yang ditemui bagi memastikan hospital beroperasi dengan berkesan. Selain itu, Kementerian juga perlu mempercepatkan pengoperasian di Unit Rehabilitasi dan Farmasi supaya peralatan yang telah dibekalkan dapat digunakan secara optimum.
- Kementerian perlu mengambil tindakan segera untuk mendapatkan jumlah denda daripada pembekal ambulans yang lewat membekalkan 2 unit ambulans.
- Kementerian perlu menyelenggarakan Daftar Harta Modal dengan lengkap bagi merekodkan semua aset yang diperoleh.
- Pemantauan perlu dipertingkatkan bagi memastikan kerja disiapkan mengikut jadual dan berkualiti.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- ***Pengurusan Aktiviti Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Demam Denggi***

Pengauditan mendapati pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi oleh Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) masih belum berjaya mengurangkan kadar kejadian penyakit demam denggi dan kadar kematian akibat penyakit tersebut malahan ia terus meningkat setiap tahun. Mengikut rekod Kementerian, terdapat sebanyak 49,335 kes penyakit demam denggi dan denggi berdarah melibatkan 112 kematian telah dicatatkan pada tahun 2008 berbanding 38,556 kes dan 92 kematian pada tahun 2006. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan tersebut adalah kelemahan dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan kawalan seperti pemeriksaan premis tidak dibuat mengikut sasaran; lawatan susulan ke atas premis yang gagal diperiksa tidak dilakukan; indeks pengesanan vektor tidak digunakan sepenuhnya; kelewatan notifikasi kes denggi dan ujian darah tidak dilaksanakan dengan sempurna. Kelemahan ini antara lainnya berpunca daripada kekurangan guna tenaga dan kekurangan kemudahan yang diperlukan serta kurangnya kerjasama daripada masyarakat dalam aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit ini. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Mewujudkan jawatan dan unit khusus di peringkat Kementerian, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah bagi melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi memandangkan bilangan kes kejadian demam denggi dan kematian terus meningkat dari setahun ke setahun. Dengan mewujudkan unit tersebut, Kementerian boleh mempertimbangkan untuk mengambil alih aktiviti ini daripada Pihak Berkuasa Tempatan supaya ia dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh.
- Memastikan pengesanan terhadap tahap risiko jangkitan atau wabak denggi dilaksanakan di semua daerah dengan menggunakan indeks pengesanan vektor dan seterusnya aktiviti kawalan serta pencegahan nyamuk aedes dilaksanakan di lokaliti yang berisiko tinggi.
- Mewujudkan mekanisme untuk mengatasi masalah yang menyumbang kepada kelewatan menghantar notifikasi mengenai kes penyakit demam denggi. Notifikasi awal adalah penting bagi membolehkan pemeriksaan premis dan semburan kabus dilakukan dengan segera di kawasan berkaitan bagi mengelakkan daripada berlaku wabak.
- Memastikan pemeriksaan dibuat selaras dengan sasaran yang ditetapkan memandangkan pemeriksaan premis untuk mengesan pembiakan nyamuk aedes adalah merupakan antara langkah kawalan yang penting bagi mengurangkan kejadian penyakit demam denggi.
- Memastikan lawatan susulan dilakukan terhadap premis yang gagal diperiksa bagi memastikan tempat berpotensi pembiakan nyamuk aedes dikenal pasti dan tindakan pemusnahan dilakukan dengan awal. Bagi tujuan ini, Kementerian perlu mempertingkatkan kempen kesedaran di kalangan masyarakat khususnya penghuni premis tentang pentingnya mereka bekerjasama menjayakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi. Sehubungan ini, penglibatan masyarakat antaranya persatuan penduduk, persatuan belia, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan pasukan sukarelawan lain juga patut digalakkan.
- Memastikan rekod berhubung dengan ujian serologi diselenggarakan dengan lengkap untuk menentukan sama ada seseorang itu mengidap penyakit demam denggi supaya rawatan dapat diberikan dan premis serta lokaliti kejadian dapat dikenal pasti lebih awal untuk mengelakkan daripada berlaku wabak.
- Menetapkan satu norma masa yang munasabah dan memastikan ia dipatuhi bagi menggelakkan berlakunya kelewatan pengeluaran kompaun yang akan menjejas keberkesanan tindakan penguatkuasaan. Selain itu, tindakan terhadap semua kes kompaun yang gagal dijelaskan perlu diambil dengan merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya.
- Mengagihkan peralatan yang belum digunakan kepada Pejabat Kesihatan Daerah lain yang memerlukannya bagi mengelakkan keusangan dan pembaziran. Selain itu, perancangan untuk menambah bilangan kenderaan pengangkutan perlu disediakan.

KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA

- ***Program Pengurangan Mudarat***

Program Pengurangan Mudarat yang mengandungi 2 komponen iaitu Aktiviti Rawatan Terapi Gantian Dengan Metadon (Aktiviti Rawatan Metadon) serta Aktiviti Pertukaran Jarum Dan Alat Suntikan (Aktiviti Pertukaran Jarum) telah dilaksanakan oleh Kerajaan sejak tahun 2006 untuk menangani merebaknya penyakit *Human Immunodeficiency Viruses* (HIV). Pengauditan yang dijalankan mendapati pada umumnya program ini telah dapat membantu menurunkan tahap penagihan, pengurangan cara hidup berisiko dan peningkatan kualiti hidup penagih. Bagaimanapun masih ada beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki seperti bilangan penagih yang sepatutnya dirawat tidak mencapai sasaran yang ditetapkan sama ada kerana kekurangan anggota kesihatan atau kemudahan asas yang diperlukan; perolehan ubat metadon tidak dibuat dengan teratur yang menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian; penyelenggaraan rekod berhubung dengan stok jarum yang tidak teratur dan kelemahan pemantauan terhadap prestasi program. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Memandangkan keberkesanan Aktiviti Rawatan Metadon memerlukan penglibatan sepenuh masa daripada anggota kesihatan dan juga kemudahan asas yang mencukupi, Kementerian patut mewujudkan jawatan khusus di samping memastikan penyediaan kemudahan asas yang mencukupi di semua hospital atau klinik kesihatan yang terlibat dengan aktiviti ini.

- Memastikan bantuan kewangan disalurkan kepada Majlis AIDS dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang bertanggungjawab di bawah Aktiviti Pertukaran Jarum sebelum aktiviti tersebut dimulakan.

- Memandangkan Aktiviti Pertukaran Jarum berupaya mewujudkan kesedaran di kalangan penagih tentang risiko jangkitan HIV melalui perkongsian jarum, aktiviti ini patut dipertingkatkan melalui perluasan kawasan liputan aktiviti *Outreach.* Di samping itu, kerjasama dengan pihak polis dan penduduk setempat juga perlu dipertingkatkan.

- Mengenakan denda terhadap pembekal yang tidak mematuhi syarat kontrak berhubung dengan bekalan ubat metadon. Pada masa hadapan, pihak Kementerian juga perlu memaklum dan mengemukakan sesalinan perjanjian kepada hospital dengan segera bagi mengelakkan pembelian di luar kontrak dengan kos yang lebih tinggi.

- Memastikan semua pihak yang terlibat dengan urusan perolehan, perekodan dan penyimpanan bekalan jarum mematuhi peraturan yang berkaitan.

- Mempertingkatkan pemantauannya terhadap pelaksanaan Program Pengurangan Mudarat dengan memastikan Sistem MyMMT berfungsi mengikut perancangan dan Majlis AIDS pula mengemukakan laporan pencapaian aktiviti yang dikendalikannya mengikut tempoh yang ditetapkan. Kementerian juga perlu membuat analisis terhadap maklumat yang diperoleh daripada kedua-dua sumber ini.

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia

- Pengurusan Rancangan Tempatan

Rancangan Tempatan (RT) merupakan dokumen rujukan yang penting bagi memastikan pembangunan di sesuatu kawasan dibuat dengan teratur. Ia mengandungi antara lainnya keterangan mengenai guna tanah, alam sekitar, infrastruktur dan utiliti, landskap dan lalu lintas bagi sesuatu kawasan. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan seperti RT lewat diwartakan menyebabkan tempoh kuat kuasanya menjadi singkat dan kelulusan pembangunan dibuat berdasarkan kepada draf RT sahaja, RT berkenaan tidak mungkin dapat dimanfaatkan sepenuhnya sekiranya ia mengambil masa yang terlalu lama untuk disiap dan diwartakan serta pematuhannya tidak dipantau dengan rapi. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat secara langsung dalam penyediaan/penggunaan RT memberikan pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Semua pihak yang terlibat perlu menyediakan garis panduan berhubung dengan penyediaan, pewartaan, pencetakan, pengagihan dan penguatkuasaan RT secara bersama bagi memastikan dokumen ini lengkap dan dapat diikuti oleh semua pihak berkenaan. Antara lain, garis panduan tersebut hendaklah menetapkan pihak yang bertanggungjawab menguruskan pencetakan, bilangan dokumen RT yang patut dicetak dan diagihkan serta rekod yang perlu diselenggarakan berhubung dengan penyediaan, pengagihan dan pemantauan terhadap penggunaannya. Norma masa juga hendaklah ditetapkan bagi setiap proses kerja yang terlibat.

- Bagi mempercepatkan urusan pelantikan perunding untuk menyediakan draf RT, Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula proses pelantikan perunding dan penetapan kos memandangkan proses yang diikuti ketika ini melibatkan masa yang lama.

- Bagi memastikan pembangunan dibuat selaras dengan RT yang telah diwartakan, Pihak Berkuasa Tempatan perlu membuat pemantauan secara berterusan di kawasan yang berkenaan dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pihak yang tidak mematuhinya. Penguatkuasaan ini perlu bagi memastikan pembangunan kawasan dibuat dengan teratur supaya tidak menjejaskan kehidupan serta alam sekitar dan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang dibuat untuk menyediakan RT.

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

Jabatan Perpustakaan Negara

- Pengurusan Perpustakaan Desa

Setakat 31 Disember 2008, terdapat 425 Perpustakaan Desa beroperasi di seluruh negara. Ia diwujudkan untuk menjadi pemangkin kepada penggalakan budaya

membaca dan mengurangkan jurang ilmu antara masyarakat luar bandar dan bandar. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan Perpustakaan Desa seperti kelewatan menyiapkan pembinaan/pengubahsuaian bangunan, kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi/skop yang ditetapkan, penyenggaraan bangunan tidak memuaskan, rekod mengenai buku tidak diselenggarakan dengan sempurna dan denda tidak dikenakan terhadap pembekal yang gagal atau lewat membekalkan buku/bahan bacaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan Perpustakaan Negara memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Jabatan Perpustakaan Negara perlu memantau kerja pembinaan/pengubahsuaian bangunan awam untuk dijadikan Perpustakaan Desa bagi memastikan skop/ spesifikasi projek yang telah ditetapkan dipatuhi sepenuhnya oleh agensi pelaksana. Sehubungan ini, Jabatan Perpustakaan Negara patut mengkaji semula bilangan kakitangan yang diperlukan untuk menjalankan kerja pemantauan memandangkan ia hanya mempunyai seorang Juruteknik Kanan untuk memantau kerja pembinaan Perpustakaan Desa di seluruh negara. Beliau juga terlibat dengan projek pembangunan lain yang diuruskan oleh Jabatan Perpustakaan Negara.

- Perpustakaan Desa hendaklah disenggarakan secara berjadual bagi memastikan keadaan fizikalnya sentiasa baik dan selamat untuk digunakan. Bagi tujuan ini, peruntukan yang mencukupi hendaklah disediakan untuk tujuan penyenggaraan.

- Jabatan Perpustakaan Negara perlu memantau prestasi kontraktor yang terlibat dengan bekalan buku dan memastikan mereka mematuhi syarat kontrak yang ditetapkan serta mengenakan denda sekiranya mereka gagal mematuhinya. Jabatan Perpustakaan Negara patut mewujudkan satu mekanisme yang membolehkan Perpustakaan Desa mendapat bekalan majalah yang terkini.

- Jabatan Perpustakaan Negara sepatutnya menyelaraskan urusan perolehan buku dan kelengkapan perpustakaan dengan tarikh menyiapkan projek pembinaan/ pengubahsuaian supaya Perpustakaan Desa berkenaan dapat beroperasi dan dapat dimanfaatkan oleh rakyat sebaik sahaja ia disiapkan.

- Memandangkan aktiviti galakan membaca dapat meningkatkan minat membaca di kalangan masyarakat setempat, adalah penting Jabatan Perpustakaan Negara memastikan semua Perpustakaan Desa melaksanakan aktiviti ini secara berterusan. Bagi tujuan ini, Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Perpustakaan Desa yang menerangkan tatacara/kaedah pelaksanaan aktiviti berkenaan perlu dikeluarkan untuk rujukan pihak yang terlibat.

- Bagi mengurangkan kadar buku yang hilang/tidak dipulangkan, Jabatan Perpustakaan Negara disyorkan supaya mengkaji sama ada denda yang minima boleh dikenakan terhadap peminjam terlibat.

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

Jabatan Penyiaran Malaysia

- ***Pengurusan Perolehan Van Siaran Luar Serta Sistem Penyiaran Dan Produksi Radio Digital***

a. Kementerian Penerangan (Kementerian) telah membelanjakan tidak kurang daripada RM40 juta untuk perolehan Van Siaran Luar serta Sistem Penyiaran dan Produksi Radio Digital bagi mempertingkatkan keupayaan RTM dalam membuat liputan siaran. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam urusan perolehan tersebut seperti bekalan van/peralatan tertentu lewat diterima, syarat kontrak tidak dipatuhi dan bayaran tidak dibuat dengan teratur. Sehubungan ini, bagi membolehkan objektif perolehan tersebut dicapai sepenuhnya dan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

   - Memastikan kontraktor menyempurnakan bekalan van dan peralatan penyiaran yang masih tertangguh. Sehubungan ini, Kementerian perlu memasukkan peruntukan mengenai keperluan kontraktor memperbaharui Bon Pelaksanaan yang telah tamat pada 3 Mac 2009 dan pelanjutan tempoh waranti Van Siaran Luar dan peralatan penyiaran yang belum diterima.

   - Bagi kes di mana bayaran dibuat terhadap bekalan peralatan yang tidak dibuat, siasatan hendaklah dijalankan bagi menentukan pihak yang terlibat dan jika didapati bersalah, tindakan surcaj diambil terhadapnya.

   - RTM perlu memaklumkan tempoh jaminan peralatan termasuk jaminan pengilang kepada stesen RTM yang menerima bekalan bagi memanfaatkan kemudahan yang telah diberi.

b. Bagi menjamin kepentingan Kerajaan, Kementerian perlu menambah baik urusan perolehannya. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut :-

   - Kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

   - Memastikan Bon Pelaksanaan adalah berkuat kuasa sehingga kesemua pembaikan kecacatan/kekurangan disempurnakan oleh kontraktor bagi mengelakkan Kerajaan terdedah kepada risiko menanggung kos pembaikan/ pembetulannya.

   - Sebarang permohonan perubahan spesifikasi atau jadual peralatan hendaklah diluluskan selepas kajian perubahan nilai dan kos kontrak dilakukan terlebih dahulu. Kontraktor juga perlu mengemukakan pengesahan jaminan kualiti setanding dengan spesifikasi asal.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

- ***Pengurusan Peralatan Pembelajaran Di Institut Latihan, Jabatan Tenaga Manusia***

Kementerian Sumber Manusia (Kementerian) telah membelanjakan tidak kurang daripada RM441.33 juta untuk membekalkan peralatan pembelajaran ke 7 Institut Latihan Perindustrian di seluruh negara bagi tempoh RMK-8. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan peralatan tersebut yang boleh menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* dan menjejaskan kelancaran pembelajaran. Antara kelemahan tersebut adalah harga peralatan yang dibeli jauh lebih tinggi daripada harga pasaran; peralatan bernilai tidak kurang daripada RM3.66 juta masih tidak digunakan atau tidak digunakan secara optimum dan penyenggaraan peralatan tidak dibuat dengan teratur. Kelemahan tersebut antara lainnya berpunca daripada perancangan perolehan/penyenggaraan peralatan tidak dibuat dengan teliti dan ketiadaan kajian pasaran. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara berikut :-

- Memastikan jumlah nilai kontrak perolehan peralatan yang dipersetujui antara pembekal dan Kementerian ditetapkan setelah merundingkan harga bagi setiap jenis peralatan dan tidak diputuskan mengikut jumlah peruntukan Kementerian. Sehubungan ini, kajian pasaran perlu dijalankan untuk dijadikan panduan semasa menentukan harga peralatan dalam kontrak dan membuat semakan teliti terhadap harga peralatan yang ditawarkan oleh pembekal.

- Bagi membolehkan peralatan yang dibeli memenuhi keperluan dari segi kesesuaian dan kuantitinya, perancangan yang teliti dalam perolehan peralatan perlu diadakan dan pandangan daripada tenaga pengajar patut diperoleh untuk dipertimbangkan.

- Mengkaji semula kadar denda yang dikenakan terhadap pembekal yang lewat membekalkan peralatan memandangkan kadar sedia ada adalah terlalu rendah.

- Bagi memastikan tidak ada kelewatan dalam melaksanakan kerja penyenggaraan/ pembaikan peralatan, Kementerian hendaklah menetapkan norma masa bagi setiap proses kerja yang terlibat dan memastikan norma masa tersebut dipatuhi. Selain itu, Kementerian patut mengambil tindakan terhadap pembekal yang lewat membuat pembaikan peralatan seperti mengenakan denda atau merampas Bon Pelaksanaan.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

- ***Pengurusan Perolehan Peralatan Kursus Di Kolej Komuniti***

Kementerian Pengajian Tinggi (Kementerian) telah membelanjakan sejumlah RM80.07 juta untuk membekalkan peralatan kursus ke kolej komuniti bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan perolehan peralatan tersebut seperti peralatan yang diperlukan oleh kolej komuniti tidak dibekalkan, peralatan yang dibeli tidak digunakan secara optimum kerana perolehannya melebihi keperluan/tidak diperlukan/tidak sesuai; peralatan lewat dibekalkan oleh kontraktor; peralatan belum diujilari sungguhpun bayaran telah dibuat

dan peralatan diletakkan di tempat yang tidak sesuai/kurang selamat. Penyelenggaraan rekod harta modal juga tidak dibuat dengan lengkap dan tidak kemas kini. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

- Kementerian hendaklah memastikan peralatan yang dibeli adalah bersesuaian dengan kursus. Bagi tujuan ini, pandangan daripada pensyarah yang berkenaan hendaklah diperoleh sebelum perolehan dibuat. Bagi kes di mana peralatan gagal dibekalkan oleh pembekal, Kementerian perlu mengambil tindakan segera untuk mendapatkan peralatan tersebut dengan melantik pembekal baru. Manakala bagi peralatan yang melebihi keperluan pula, agihan boleh dibuat kepada kolej komuniti lain yang memerlukan peralatan tersebut.

- Kementerian perlu mengambil tindakan bagi memastikan baki peralatan yang masih belum diterima oleh kolej komuniti terlibat dibekalkan oleh pembekal dengan segera.

- Kolej komuniti yang terlibat perlu segera mengemukakan permohonan peruntukan kewangan kepada Kementerian untuk meningkatkan tahap keselamatannya. Kolej komuniti juga perlu peka tentang keperluan menempatkan peralatan kursus yang sensitif di tempat yang sesuai serta bagi peralatan tertentu yang memerlukan perakuan dari Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia, kelulusan yang sewajarnya perlu segera diperoleh.

- Rekod harta modal perlu diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan teratur bagi memudahkan rujukan. Rekod ini juga hendaklah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dari semasa ke semasa dan digunakan untuk tujuan pemeriksaan fizikal peralatan.

- Kementerian hendaklah menjalankan siasatan untuk menentukan sama ada bayaran yang telah dibuat adalah disokong dengan baucar bayaran dan ada dokumen sokongan. Sekiranya berlaku penyelewengan, tindakan disiplin atau surcaj hendaklah diambil terhadap pihak yang terlibat.

- Latihan hendaklah diberi kepada pegawai yang terlibat dengan urusan perolehan dan penyelenggaraan rekod harta modal khususnya di peringkat kolej komuniti.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

- ***Pembinaan Dan Pengurusan Kompleks Kementerian Dalam Negeri Di Negeri Perak***

Kompleks ini telah siap dibina pada bulan April 2005 dengan kos berjumlah RM41.83 juta. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pembinaan dan pengurusan kompleks ini seperti Pelan Lukisan Siap Bina serta Manual Operasi Dan Penyenggaraan hanya dikemukakan oleh kontraktor selepas 3 tahun bangunan disiapkan. Kelewatan penyerahan Pelan Lukisan Siap Bina telah menyebabkan perunding sukar untuk mengesahkan kualiti kerja pembinaan. Kerja-kerja membaiki kecacatan juga tidak dibuat dengan sempurna oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan oleh kontraktor. Selain itu, ruang tempat kerja yang disediakan

tidak mengikut piawaian MAMPU dan juga tidak mengambil kira pertambahan kakitangan. Sebaliknya kemudahan lain yang disediakan seperti TASKA, perpustakaan serta bilik sukan dan rekreasi pula belum digunakan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil tindakan yang berikut :-

- Menyediakan Manual Pengurusan Kompleks Kementerian Dalam Negeri secara menyeluruh dengan menyentuh pelbagai aspek tatacara pengurusan bangunan guna sama antara lainnya keperluan kewangan; penggunaan ruang dan kemudahan; penyenggaraan dan keselamatan bangunan.

- Menyelesaikan kesemua isu pembaikan kecacatan dengan segera iaitu dengan menggesa pemaju melaksanakan kerja yang masih belum selesai dan seterusnya mengeluarkan Sijil Perakuan Membaiki Kecacatan serta memuktamadkan akaun penutup projek secepat mungkin.

- Jawatankuasa Penyelarasan Penyenggaraan Kompleks yang telah ditubuhkan pada bulan Julai 2008 perlu mengambil tindakan yang agresif dan segera untuk menyelesaikan aduan kekurangan terhadap kemudahan di Kompleks oleh kakitangan dan orang awam.

- Bagi mengatasi masalah kekurangan ruang tempat kerja jangka masa pendek, Kementerian boleh mengubah suai ruang bangunan yang belum digunakan seperti TASKA, perpustakaan serta bilik kelab sukan dan rekreasi menjadi ruang tempat kerja bagi jabatan yang menghadapi kekurangan ruang yang kritikal. Selain itu, memandangkan kawasan persekitaran Kompleks adalah terhad dan sebagai penyelesaian jangka panjang, Kementerian boleh membuat perancangan menyusun semula jabatan yang kurang berurusan dengan orang awam supaya ditempatkan di bangunan/kawasan lain pada masa akan datang.

- Kementerian dan pengurusan Kompleks hendaklah mengambil tindakan segera meningkatkan tahap keselamatan di Kompleks ini bagi menjamin keselamatan harta benda serta keselamatan pengguna.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

Polis Diraja Malaysia

- Pengurusan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera Dan Pengeluaran Saman

Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera dibangunkan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kos berjumlah RM8.98 juta bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya supaya mematuhi isyarat lampu merah dan seterusnya boleh mengurangkan kadar kemalangan di persimpangan jalan. Kontrak penyenggaraan, pembaikan dan pembekalan alat ganti bagi sistem ini bernilai RM5.46 juta telah ditandatangani antara Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dengan Commercial Circle (M) Sdn. Bhd. untuk tempoh tahun 2004 hingga 2009. Setakat 31 Disember 2008, sejumlah RM3.21 juta telah dibayar kepada kontraktor. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan dan pemantauan terhadap Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan yang

boleh menjejaskan keberkesanan fungsi sistem ini seperti peralatan sistem tidak digunakan sepenuhnya; kerosakan peralatan sistem yang tidak dibaiki dan tidak disenggarakan dengan sewajarnya; penempatan peralatan sistem di lokasi yang tidak sesuai serta pengeluaran saman yang tidak diuruskan dengan cekap. Bagi memperbaiki kelemahan tersebut dan memastikan Kerajaan dapat mencapai objektif pemasangan sistem perangkap lampu merah berkamera serta memperoleh *value for money*, adalah disyorkan supaya Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) dan PDRM mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut :-

- Mewujudkan mekanisme untuk mengumpul data mengenai jumlah pelanggaran isyarat lampu merah dan kemalangan di setiap persimpangan jalan yang telah dipasang dengan sistem perangkap bagi tujuan menilai keberkesanan sistem ke arah mencapai objektif perolehannya.

- Memastikan sistem perangkap dipasang di lokasi yang sesuai dan sentiasa berfungsi dengan baik. Bagi tujuan ini, pemantauan yang berterusan hendaklah dibuat bagi memastikan sistem ini disenggara mengikut jadual yang telah ditetapkan dan sebarang kerosakan dibaiki segera. Selain itu, Kementerian/PDRM perlu bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan untuk memastikan aktiviti pembinaan/pelebaran jalan/pembangunan kawasan tidak menjejaskan keberkesanan sistem ini.

- Menyediakan anggota polis yang khusus untuk menguruskan sistem perangkap dan seterusnya memberi latihan kepada mereka untuk mengendalikan sistem khususnya dalam penggunaan filem bagi memastikan tidak berlaku kerosakan rakaman yang akan menjejaskan pengeluaran saman.

- Menentukan norma masa bagi setiap proses yang terlibat dari tarikh kesalahan dilakukan sehingga saman dikeluarkan bagi memastikan tidak ada sebarang kelewatan dalam pengeluaran saman kepada pesalah.

PELBAGAI KEMENTERIAN DAN JABATAN

- Pengurusan Bayaran Emolumen Bagi Anggota Perkhidmatan Awam

Mengikut data dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) setakat 31 Disember 2008, sebanyak 1,257,426 jawatan pelbagai gred telah diluluskan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam di mana 1,013,532 jawatan telah diisi. Jumlah jawatan yang diisi itu tidak termasuk anggota tentera dan polis yang sedia ada seramai 206,652 anggota. Bagi tahun 2008, sejumlah RM41.01 bilion telah dibelanjakan untuk membayar emolumen. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan bayaran emolumen di peringkat Kementerian/Jabatan yang menyebabkan emolumen terlebih/terkurang dibayar yang berpunca daripada kesilapan/kecuaian pegawai semasa memproses bayaran emolumen, kekurangan koordinasi antara bahagian-bahagian yang terlibat, kelemahan pemantauan terhadap kutipan balik lebihan bayaran emolumen serta rekod perkhidmatan yang tidak kemas kini. Bagi mengatasi kelemahan tersebut, adalah disyorkan supaya Kementerian/Jabatan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Kementerian/Jabatan perlu mengambil tindakan surcaj selaras dengan Seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan terhadap pegawai yang melakukan kesilapan/cuai sehingga menyebabkan lebihan/kurangan bayaran emolumen.
- Mewujudkan koordinasi antara semua pihak yang terlibat di semua peringkat supaya peraturan yang berkuat kuasa dapat dipatuhi dan pengemaskinian maklumat dapat dibuat dari semasa ke semasa apabila berlaku sebarang perubahan status atau maklumat pegawai terutamanya jika melibatkan pertukaran dan kenaikan pangkat.
- Memastikan pegawai yang bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan terperinci sebelum sebarang pindaan terhadap maklumat emolumen pegawai diluluskan bagi mengelakkan berlaku lebihan atau kurangan bayaran.
- Mengeluarkan surat perwakilan kuasa kepada pegawai yang meluluskan Borang Kewangan 8.
- Memberi latihan kepada pegawai yang melaksanakan tugas berkaitan pengurusan bayaran emolumen dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kepekaan terhadap peraturan yang sedang berkuat kuasa. Sehubungan ini, Institut Tadbiran Awam Negara juga patut diminta mengendalikan kursus berhubung dengan pengurusan bayaran emolumen. Selain itu, pegawai perlu merujuk kepada proses pengurusan bayaran emolumen yang dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja.
- Jabatan Akauntan Negara Malaysia hendaklah mempercepatkan penyediaan antara muka *Government Financial And Management Accounting System* (GFMAS) dan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS). Ketua Jabatan hendaklah memastikan maklumat pegawai dikemas kini dalam HRMIS dan disahkan ketepatannya.
- Unit Audit Dalam/Unit Naziran di setiap Kementerian/Jabatan perlu menyemak rekod perkhidmatan setiap 6 bulan secara berkala bagi memastikan ia lengkap dan kemas kini. Penyemakan ini juga membolehkan sebarang kesilapan yang dikesan diperbetulkan dengan segera.

BAHAGIAN II - PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

Sehingga 31 Disember 2008, Kerajaan mempunyai pelaburan berjumlah RM24.21 bilion dalam 99 syarikat. Sejumlah RM22.51 bilion daripadanya telah dilaburkan dalam 50 syarikat di mana Kerajaan memegang lebih daripada 50% ekuitinya. Objektif pelaburan Kerajaan adalah untuk mendapatkan pulangan yang munasabah, mengekalkan kepentingan Kerajaan dalam sektor strategik dan melabur dalam sektor yang kurang mendapat sumbangan daripada sektor swasta. Analisis Audit terhadap pendapatan 48 syarikat mendapati 27 daripadanya memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM78 bilion pada tahun 2007 manakala 21 syarikat yang lain mengalami kerugian berjumlah RM0.87 bilion. Bagaimanapun daripada 27 syarikat tersebut, hanya 14 syarikat yang membayar dividen kepada Kerajaan berjumlah RM72.21 bilion. Sebanyak 30 syarikat telah membayar cukai berjumlah RM24.37 bilion kepada Kerajaan.

Pengauditan terhadap pengurusan aktiviti syarikat pula mendapati secara umumnya, syarikat berkenaan juga telah merancang aktivitinya dengan baik. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang perlu diperbaiki khususnya berhubung dengan kawalan dalaman terhadap pengurusan kewangan.

- *PENGURUSAN EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD*

Export-Import Bank Of Malaysia Berhad (EXIM Bank) adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang mempunyai modal berbayar berjumlah RM2.71 bilion. Objektif utama EXIM Bank adalah untuk menyediakan kemudahan kredit bagi meningkatkan kemampuan syarikat Malaysia mengeksport barangan dan perkhidmatan serta melaksanakan projek pelaburan di luar negara. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, EXIM Bank meluluskan 115 pinjaman/jaminan berjumlah RM3.30 bilion. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan aktiviti pinjaman EXIM Bank kurang memuaskan seperti pinjaman diluluskan tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan; pinjaman diluluskan tanpa sekuriti mudah cair atau jaminan bank/korporat; kelonggaran dalam proses pengeluaran pinjaman; pemantauan terhadap prestasi peminjam tidak dilaksanakan dengan efektif dan tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat. Sungguhpun EXIM Bank memperoleh keuntungan bersih pada tahun 2005, 2006 dan 2008, namun syarikat ini tidak membayar dividen kepada Kerajaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan EXIM Bank dan Kementerian Kewangan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Pihak pengurusan perlu memastikan penetapan sekuriti pinjaman adalah selaras dengan tahap risiko yang ditentukan bagi setiap peminjam dengan memberi keutamaan kepada sekuriti tunai/berasaskan tunai atau jaminan korporat/bank.

- Bagi memastikan pinjaman tidak berbayar (NPL) tidak meningkat secara berterusan, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan perlu meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap prestasi peminjam serta menjalankan *post-mortem review* terhadap semua akaun NPL selaras dengan polisi EXIM Bank. Sehubungan ini, kedudukan prestasi pinjaman perlu dibentangkan dan dijadikan agenda tetap untuk dibincangkan di setiap mesyuarat Lembaga Pengarah.

- Pihak pengurusan perlu memastikan dividen dibayar kepada Kerajaan dari keuntungan syarikat memandangkan Kerajaan selaku pemegang saham layak mendapat pulangan dari pelaburannya.

- *PENGURUSAN SYARIKAT PRASARANA NEGARA BERHAD*

Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) adalah merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan dengan modal berbayar RM3.80 bilion. Syarikat ini bertanggungjawab untuk menguruskan infrastruktur pengangkutan awam di kawasan Lembah Klang dan Pulau Pinang. Sehingga 31 Disember 2008, Prasarana telah menerbitkan 8 bon berjumlah RM8.47 bilion untuk membiayai aktivitinya. Pengauditan yang dijalankan mendapati prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti Prasarana adalah kurang memuaskan. Syarikat ini telah mengalami kerugian terkumpul berterusan

bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 dan kerugian terkumpul setakat 31 Disember 2007 adalah RM839.81 juta. Kedudukan aliran tunainya yang kurang memuaskan tidak memungkinkan ia dapat menebus semula baki bon yang diterbitkannya berjumlah RM7.10 bilion. Selain itu, pengurusan aktiviti terutamanya urusan perolehan; pelupusan dan penyelenggaraan rekod aset juga kurang memuaskan. Petunjuk prestasi utama berhubung aktiviti Prasarana juga tidak disediakan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Lembaga Pengarah/pihak pengurusan Syarikat Prasarana dan Kementerian Kewangan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Lembaga Pengarah hendaklah memastikan Prasarana mempunyai mekanisme untuk memantau kedudukan aset yang digunakan oleh operator bagi memastikan ia disenggarakan dengan baik dan tidak terdedah kepada risiko kehilangan dan disalahgunakan.

- Memandangkan kedudukan kewangan Prasarana akan bertambah kritikal apabila perlu menanggung kos penyenggaraan bas dan rel berjumlah RM10.50 juta yang sepatutnya dibiayai oleh RapidKL, adalah wajar pihak pengurusan Prasarana mengkaji semula peranan RapidKL sebagai operator bas serta *Light Rail Transit* dan seterusnya menentukan langkah alternatif yang wajar diambil untuk perancangan jangka masa panjang.

- Lembaga Pengarah hendaklah memastikan syarikat subsidiari Prasarana mematuhi pekeliling Kerajaan yang dikeluarkan memandangkan Kerajaan turut mempunyai kepentingan terhadap syarikat subsidiari tersebut. Lembaga Pengarah Prasarana juga perlu memantau dengan rapi prestasi syarikat subsidiarinya bagi memastikan ia beroperasi dengan cekap dan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi syarikat subsidiari yang *dormant*, Lembaga sepatutnya menetapkan hala tuju syarikat berkenaan dan sekiranya tidak diperlukan, ia patut dibubarkan.

- Kementerian Kewangan perlu memantau dengan rapi pengurusan kewangan Prasarana untuk memastikan ia dikendalikan dengan lebih cekap dan berhemat supaya aliran tunai Prasarana dapat diperbaiki dan seterusnya berupaya untuk menebus semula bon yang telah diterbitkan.

- Kementerian Kewangan hendaklah memastikan keperluan pematuhan syarat kelulusan perolehan secara rundingan terus dinyatakan secara jelas dalam surat kelulusannya supaya ia dipatuhi oleh Prasarana. Selain itu, bagi mengelakkan berlakunya *conflict of interest,* Kementerian Kewangan hendaklah menetapkan peraturan di mana pegawainya yang menganggotai sesuatu Lembaga Pengarah tidak dibenarkan memberi kelulusan terhadap aktiviti perolehan yang melibatkan syarikat berkenaan.

- Kementerian Kewangan patut menetapkan indikator yang khusus sebagai asas pembayaran bonus terhadap syarikat yang terlibat dengan tanggungjawab sosial seperti Prasarana.

- ***PENGURUSAN JKP SDN. BHD.***

JKP Sdn. Bhd. (JKP) adalah sebuah syarikat milik penuh Kerajaan dengan modal berbayar berjumlah RM10.25 juta. Fungsi utama JKP adalah untuk melaksanakan projek sosio-ekonomi yang telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang bagi menjaga kepentingan masyarakat Bumiputera di negeri itu supaya tidak tersisih dari arus pembangunan ekonomi negeri yang berkembang dengan pesat. Pengauditan yang dijalankan mendapati peratus penyertaan Bumiputera dalam projek pembangunan JKP menepati sasaran yang telah ditetapkan iaitu pada tahap minimum 70%. Bagaimanapun terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti utamanya seperti projek lewat disiapkan dan tiada perjanjian ditandatangani antara JKP dengan perunding projek, agen kutipan sewa dan penyewa premis perniagaan. Selain itu, sewa dan caj penyenggaraan tidak dikutip dengan sewajarnya mengakibatkan tunggakan hasil yang tinggi. Beberapa peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan berhubung dengan pengurusan kewangan juga tidak dipatuhi sepenuhnya. Sebagai contoh, JKP tidak membayar dividen kepada Kerajaan sungguhpun telah memperoleh keuntungan bersih pada tahun 2005 dan 2006. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya Lembaga Pengarah/pihak pengurusan JKP dan Kementerian Kewangan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Pihak pengurusan JKP perlu memastikan kontraktor yang dilantiknya dan sub kontraktor yang dilantik oleh kontraktor mempunyai ‘track record’ yang baik, guna tenaga yang mencukupi dan kewangan yang stabil. Ini adalah kerana kelewatan menyiapkan projek boleh mendedahkan JKP kepada risiko menghadapi tindakan undang-undang daripada pembeli rumah.

- Bagi menjamin kepentingannya, Lembaga Pengarah perlu memastikan JKP menandatangani perjanjian kontrak dengan semua pelanggannya seperti perunding, agen kutipan hasil dan penyewa premis perniagaan. Dengan adanya perjanjian ini, tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap mereka yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya. Selain itu, Lembaga juga perlu memastikan semua kontrak pembinaan mengandungi klausa mengenai peruntukan denda terhadap kontraktor yang ingkar atau lewat menyiapkan projek.

- Pihak pengurusan JKP perlu memastikan aktiviti promosi untuk menjual rumah atau menyewakan premis perniagaan dipertingkatkan di samping memastikan bangunan tersebut sentiasa berkeadaan baik dan terurus.

- Pihak pengurusan JKP perlu memastikan kontraktor memperbaiki semua kecacatan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan kerana ia boleh menjejaskan imej JKP sebagai pemaju hartanah.

- Pihak pengurusan JKP perlu memastikan setiap prosedur keselamatan di tapak projek dipatuhi oleh kontraktor seperti mana yang ditetapkan dalam Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

- Lembaga Pengarah perlu memastikan garis panduan pengurusan kewangan/aktiviti yang lengkap, rancangan korporat, Petunjuk Prestasi Utama dan strategi

pelaksanaan disediakan untuk menguruskan aktiviti utama JKP dan memastikan ianya dipatuhi dengan sewajarnya.

- Lembaga Pengarah perlu memantau prestasi Jawatankuasa Audit supaya ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan.
- Pihak pengurusan JKP perlu mempertingkatkan pemantauan secara berkala terhadap pengurusan syarikat subsidiarinya bagi memastikan kelancaran operasi syarikat tersebut adalah selaras dengan objektif penubuhannya.
- Kementerian Kewangan hendaklah memastikan JKP mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangan JKP dibuat dengan teratur dan berhemat. JKP juga perlu mengemaskinikan prosedurnya berhubung dengan pengurusan kewangan dan memastikan ia dipatuhi sepenuhnya.

- *PENGURUSAN KUMPULAN MODAL PERDANA SDN. BHD.*

Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMP) mula beroperasi pada 1 Julai 2001 dan ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan dengan modal berbayar RM3.00. KMP bertanggungjawab untuk mengurus dan mentadbir dana modal bagi perolehan teknologi. Setakat 31 Disember 2008, KMP telah menguruskan pelaburan berjumlah RM92.62 juta. Pengauditan yang dijalankan mendapati pengurusan aktiviti KMP terutamanya Skim Hi-Tech Venture Capital (HTVC) adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti pelantikan General Partner HTVC tidak dibuat dengan teratur, syarat perjanjian tidak dipatuhi oleh General Partner, peranan dan tanggungjawab *nominee/trainee manager* bagi pelaburan HTVC adalah kurang berkesan serta prestasi syarikat yang dilantik untuk menguruskan dana pelaburan tidak dipantau dengan rapi. Sungguhpun KMP telah memperoleh keuntungan bersih pada tahun 2007, namun syarikat ini tidak membayar dividen kepada Kerajaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya pihak pengurusan/Lembaga Pengarah KMP dan Kementerian Kewangan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Kementerian Kewangan perlu memastikan pihak pengurusan KMP menyediakan rancangan korporat, Indeks Petunjuk Prestasi dan strategi pelaksanaannya dalam usaha mencapai misi dan visi syarikat serta menjamin kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham syarikat.
- Lembaga Pengarah KMP perlu memantau dengan rapi prestasi syarikat yang dilantiknya untuk menguruskan dana pelaburan bagi memastikan setiap pelaburan yang diuruskan oleh syarikat berkenaan adalah teratur dan memberi pulangan yang optimum. *Standard Operating Procedures* berhubung dengan proses kerja pelaburan perlu disediakan dengan lengkap dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.
- Lembaga Pengarah KMP perlu menilai pencapaian pemindahan teknologi dari semasa ke semasa berasaskan sasaran yang telah ditetapkan. Bagi tujuan ini, Lembaga Pengarah perlu menetapkan kaedah untuk membuat penilaian tersebut.

- Lembaga Pengarah KMP hendaklah memastikan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam ditubuhkan/dilantik supaya audit dalaman dapat dijalankan untuk memastikan pengurusan kewangan syarikat dibuat dengan teratur.

- Pihak pengurusan KMP perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan syarikat subsidiarinya bagi memastikan kelancaran operasi syarikat tersebut adalah selaras dengan objektif penubuhannya.

- Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula kedudukan KMP berhubung dengan keupayaan modalnya supaya ia boleh meningkatkan inisiatif pelaburan dan perpindahan teknologi ke Malaysia.

- *PENGURUSAN RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA SDN. BHD.*

Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. (RHSM) telah ditubuhkan pada bulan April 1994 bagi menguruskan hotel kos sederhana. Syarikat ini mempunyai modal berbayar berjumlah RM131.34 juta. Pengauditan yang dijalankan mendapati sungguhpun RHSM memperoleh keuntungan pada tahun 2006 dan 2007, namun kedudukan kewangannya masih belum kukuh. RHSM tidak mempunyai keupayaan untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan RHSM terutamanya yang berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Francais Hotel Seri Malaysia. Syarikat Pengurusan dan Pengendali Hotel tidak mematuhi syarat perjanjian; manual operasi tidak dikemaskinikan oleh Syarikat Pengurusan; Pengendali Hotel tidak menjelaskan yuran bulanan mengikut jadual; RHSM lewat menguruskan pindah milik tanah hotel dan ia juga tidak menguruskan kewangannya mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Sungguhpun RHSM mendapat keuntungan bersih pada tahun 2006 dan 2007, namun tidak ada sebarang dividen dibayar kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat. Didapati juga kelemahan dalam pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti RHSM yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004, masih ada yang belum diperbetulkan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Pengendali Hotel, Syarikat Pengurusan, pihak pengurusan/Lembaga Pengarah RHSM dan Kementerian Kewangan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Memandangkan Kerajaan telah membelanjakan tidak kurang daripada RM208.30 juta (tidak termasuk kos pengubahsuaian) untuk membina 19 Hotel Seri Malaysia, pihak pengurusan perlu memastikan tanah tapak hotel-hotel berkenaan dipindah milik kepada Kerajaan Persekutuan dengan segera bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

- Pihak pengurusan RHSM perlu membuat susulan dengan Syarikat Pengurusan Sistem Francais Hotel Seri Malaysia untuk mendapatkan maklumat yang tidak terdapat dalam Laporan *Management Operation Review* untuk membantunya menilai prestasi Pengendali Hotel.

- Memandangkan Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu telah dipilih menjadi *flagship hotel* sebagai model kepada hotel lain, pihak pengurusan RHSM perlu memastikan operasinya termasuk pengurusan kewangan sentiasa mencapai standard yang ditetapkan.

- Pihak Pengurusan perlu memastikan garis panduan bagi tujuan pengurusan dana yang sedia ada dikaji semula dan dikemaskinikan. Pemantauan mengenai pengurusan dana perlu dibuat secara berkala oleh Lembaga Pengarah untuk memastikan penggunaannya dibuat dengan teratur, telus dan selaras dengan objektif ditetapkan.

- Bagi memastikan objektif Kerajaan melaksanakan Sistem Francais Hotel Seri Malaysia dapat dicapai sepenuhnya, Lembaga Pengarah/pihak pengurusan RHSM dan Syarikat Pengurusan serta Pengendali Hotel perlu memastikan peranan, fungsi dan tanggungjawab masing-masing dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta selaras dengan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian berkenaan.

- Lembaga Pengarah perlu memantau prestasi Jawatankuasa Audit supaya ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan terutamanya dalam memastikan pihak pengurusan RHSM menangani kelemahan yang telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara. Sehubungan ini, pihak pengurusan RHSM juga perlu mengisi dengan segera jawatan di Unit Audit Dalam yang telah diluluskan.

- Kementerian Kewangan hendaklah memastikan RHSM mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangan RHSM dibuat dengan teratur dan berhemat.

- *PENGURUSAN MALAYSIA VENTURE CAPITAL MANAGEMENT BERHAD*

Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) telah ditubuhkan pada 19 April 2001. Ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan dengan modal berbayar berjumlah RM200 juta. Aktiviti utama MAVCAP adalah menguruskan pelaburan modal teroka dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui 2 jenis pelaburan iaitu Direct Venture Capital (DVC) dan Outsourced Partners Programme (OSP) di mana pulangan pelaburan akan diperoleh setelah sesuatu pelaburan dijual. Pengauditan yang dijalankan mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti MAVCAP seperti tidak mematuhi garis panduan/syarat perjanjian serta kurangnya pemantauan terhadap prestasi Pengurus Dana dan Syarikat Pelaburan. Latihan kepada pengusaha modal teroka juga tidak dirancang dan dilaksanakan sebagaimana misi yang ditetapkan. Pengurusan terhadap syarikat subsidiari tidak dipantau dengan rapi oleh MAVCAP. MAVCAP tidak membayar dividen bagi keuntungan bersih yang diperoleh pada tahun 2006. Sehubungan ini, Lembaga Pengarah/pihak pengurusan MAVCAP dan Kementerian Kewangan adalah disyorkan supaya memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

- Bagi memastikan pengurusan pelaburan dilaksanakan dengan cekap, pihak pengurusan MAVCAP perlu segera memuktamadkan pengemaskinian *Investment Operational And Process Manual.*

- Pihak pengurusan perlu memantau prestasi Pengurus Dana dengan rapi bagi memastikan mereka menguruskan pelaburan dengan teratur selaras dengan perjanjian yang ditetapkan supaya MAVCAP mendapat pulangan yang terbaik dari pelaburan tersebut.

- Lembaga Pengarah perlu mengkaji semula keperluan dan kesesuaian latihan modal teroka dan menetapkan dasar yang jelas berhubung dengan perkara ini bagi memastikan misi MAVCAP melatih dan melahirkan usahawan serta tenaga profesional dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi tercapai.

- Lembaga Pengarah perlu memastikan rancangan korporat tahunan serta strategi pelaksanaannya secara terperinci disediakan dalam usaha mencapai misi dan visi syarikat serta menjamin kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham syarikat.

- Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula atau menentukan status Cradle Fund Sdn. Bhd. (CFSB) dan hubungannya dengan MAVCAP serta menentukan mekanisme bagi pemantauan pengurusan aktiviti dan kewangan CFSB.

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

BAHAGIAN I

PELAKSANAAN AKTIVITI KEMENTERIAN/JABATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

1. PENDAHULUAN

Selain daripada menjalankan pengauditan kewangan, Jabatan Audit Negara dikehendaki juga di bawah Seksyen 6, Akta Audit 1957 mengaudit aktiviti Kementerian/ Jabatan untuk menentukan sama ada ia dilaksanakan dengan cara yang cekap, berhemat serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan. Bagi memenuhi kehendak peruntukan Akta tersebut, 35 aktiviti di 23 Kementerian/Jabatan Kerajaan Persekutuan telah dipilih untuk diaudit sepanjang tahun 2008. Hasil dari pengauditan itu telah dibincangkan dengan pihak pengurusan Kementerian/Jabatan yang terlibat sebaik sahaja pengauditannya selesai dijalankan. Perkara yang diperhatikan daripada pengauditan 32 aktiviti dilaporkan secara terperinci manakala bagi 3 aktiviti lain dimaklumkan kepada pihak pengurusan Kementerian berkenaan secara Pemerhatian Audit.

JABATAN PERDANA MENTERI

2. JABATAN PEGUAM NEGARA

- **PENGENDALIAN KES SIVIL DAN PENDAKWAAN OLEH PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI**

2.1. LATAR BELAKANG

2.1.1. Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri (PPUN) merupakan cawangan Jabatan Peguam Negara yang terletak di negeri di Malaysia. Fungsi PPUN antara lainnya adalah bertanggungjawab menggubal dan menyemak Enakmen/Ordinan untuk diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri; memberi khidmat nasihat perundangan kepada Kerajaan Negeri dalam aspek pentadbiran negeri; hubungan antara Kerajaan Negeri dan Persekutuan serta pihak swasta serta menjalankan tugas pendakwaan bagi kes jenayah dan sivil.

2.1.2. PPUN di setiap negeri diketuai oleh Penasihat Undang-undang Negeri Gred JUSA C atau L54. Setiap PPUN mempunyai antara 5 hingga 15 Pegawai Undang-undang yang diluluskan untuk ditempatkan di 4 unit iaitu Pendakwaan, Penasihat, Guaman dan Semakan bagi melaksanakan fungsi berikut :-

2.1.2.1. Unit Pendakwaan

Mengendalikan semua prosiding jenayah di Mahkamah Rendah dan Mahkamah Tinggi; mengendalikan rayuan, permohonan dan semakan kes jenayah di Mahkamah Tinggi dan mengkaji Kertas Siasatan serta memberi nasihat dan arahan kepada agensi penguatkuasa undang-undang mengenai siasatan dan izin pendakwaan.

2.1.2.2. Unit Penasihat

Memberi khidmat nasihat perundangan, menggubal Enakmen/Ordinan, menyemak semula Undang-undang Negeri dan mewakili Kerajaan Negeri dalam kes sivil.

2.1.2.3. Unit Guaman

Berperanan mewakili Kerajaan Persekutuan dalam semua tindakan sivil, kes yang berkaitan dengan kepentingan awam, agama dan sosial atau amanah/ kebajikan.

2.1.2.4. Unit Semakan

Berperanan mengkaji semula undang-undang lapuk dan usang serta memodenkan undang-undang supaya sejajar dengan perubahan semasa mengikut kehendak masyarakat.

2.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengendalian kes sivil dan pendakwaan telah dilaksanakan dengan cekap dan teratur.

2.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini memberi tumpuan kepada pengendalian kes sivil dan pendakwaan oleh Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri (PPUN). PPUN yang dipilih untuk diaudit ialah PPUN Johor, Selangor, Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Terengganu, Kelantan dan Sarawak. Semakan telah dijalankan terhadap fail kes dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Julai 2008 di PPUN tersebut. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat juga telah dijalankan.

2.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2008 mendapati pada umumnya, PPUN dapat menyelesaikan semakan terhadap kes sivil dan pendakwaan dalam tahun semasa sebelum ia didaftarkan di Mahkamah. Bagaimanapun, terdapat kes yang mengambil masa sehingga 183 hari bagi kes sivil dan sehingga 1,149 hari bagi kes pendakwaan. Antara faktor yang menyebabkan masa yang lama diambil untuk menyelesaikan semakan terhadap kes sivil dan pendakwaan

adalah kesukaran untuk mendapatkan maklumat lengkap daripada agensi penguatkuasa undang-undang; beban kerja yang banyak kerana pegawai yang sama juga terlibat dengan tugasan lain; tiada norma masa ditetapkan bagi menyelesaikan proses kerja yang tertentu; kekerapan pertukaran pegawai yang mengendalikan kes; peguam bela dan peguam cara memohon penangguhan serta penangguhan disebabkan penyelesaian luar mahkamah. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

2.4.1. Prestasi Pengendalian Kes Sivil

2.4.1.1. Unit Penasihat, PPUN menguruskan kes sivil yang melibatkan Kerajaan sama ada Kerajaan sebagai pihak yang dituntut (defendan) atau pihak yang menuntut (plaintif). Sebagai pihak defendan, pengurusan sesuatu kes bermula sama ada apabila pliding (penyataan bertulis secara formal tentang sebab sesuatu tindakan/pembelaan) diserahkan oleh pihak plaintif kepada Unit Penasihat atau apabila menerima pliding melalui Kementerian/Jabatan yang mana tuntutan sivil dibuat terhadapnya. Sebaliknya jika Kerajaan bertindak sebagai plaintif pula, kes sivil akan bermula apabila pliding difailkan di Mahkamah dan diserahkan kepada pihak defendan. Seterusnya perbicaraan dijalankan dan satu perintah/penghakiman dikeluarkan. Proses kerja pengendalian kes sivil dapat diringkaskan seperti di carta berikut :-

CARTA 2.1
PROSES KERJA PENGURUSAN KES SIVIL
DI MANA KERAJAAN SEBAGAI DEFENDAN

CARTA 2.2
PROSES KERJA PENGURUSAN KES SIVIL
DI MANA KERAJAAN SEBAGAI PLAINTIF



2.4.1.2. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, jumlah kes (saman dan penyataan tuntutan) yang dikendalikan oleh PPUN dan didaftarkan di Mahkamah oleh 7 PPUN yang diaudit ialah 3,826. Kes ini melibatkan pelbagai tuntutan berhubung dengan tanah; kemalangan jalan raya; kontrak, Tabung Pinjaman Penuntut; Perumahan Kos Rendah Kerajaan Negeri dan perkhidmatan lain. Pada umumnya, PPUN dapat menyemak kes yang diterima pada tahun semasa. Bagi tempoh yang sama, Mahkamah dapat menyelesaikan sebanyak 1,300 kes. Bagaimanapun, jumlah ini termasuk kes yang dikemukakan oleh PPUN pada tahun-tahun sebelumnya. Bilangan kes sivil yang selesai disemak oleh PPUN dan bilangan kes yang dapat diselesaikan oleh Mahkamah di negeri yang diaudit adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.1
BILANGAN KES SIVIL DISELESAIKAN OLEH PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI DAN MAHKAMAH BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

NEGERI	PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI	MAHKAMAH
	JUMLAH KES	JUMLAH KES *
Johor	768	70
Selangor	1,154	564
Pulau Pinang	1,269	602
Negeri Sembilan	316	20
Terengganu	63	14
Kelantan	119	17
Sarawak	137	13
JUMLAH	**3,826**	**1,300**

Nota : ***(*) Termasuk Kes Sivil Tahun-tahun Sebelumnya***

2.4.1.3. Sungguhpun PPUN dapat menyelesaikan semakan terhadap kes sivil dalam tahun ia diterima, namun terdapat kes di mana PPUN mengambil masa sehingga 183 hari untuk membuat semakan terhadap kes berkenaan sebelum diserahkan ke Mahkamah. Di peringkat Mahkamah pula, kes tersebut hanya dapat diselesaikan antara 18 hingga 4,032 hari selepas ia didaftarkan. Adalah didapati 1 kes sivil di Pulau Pinang dan 3 kes sivil di Johor diselesaikan oleh Mahkamah melebihi tempoh 6 tahun. Jadual berikut menunjukkan tempoh masa yang diambil oleh PPUN dan Mahkamah untuk menyelesaikan kes sivil berdasarkan sampel yang diaudit :-

JADUAL 2.2
TEMPOH MASA YANG DIAMBIL UNTUK MENYELESAIKAN KES SIVIL OLEH PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI DAN MAHKAMAH

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI/ RUJUKAN KES	DI PERINGKAT PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI			DI PERINGKAT MAHKAMAH		
	TARIKH SAMAN/ PENYATAAN TUNTUTAN DITERIMA	TARIKH NOTIS KEHADIRAN/ PENYATA PEMBELAAN DIFAILKAN	TEMPOH (Hari)*	TARIKH SEBUTAN/ KES DIBICARA	TARIKH KES SELESAI	TEMPOH (Hari)*
NEGERI SEMBILAN						
PU/NS(GS)16/2001	25.07.2001	27.08.2001	32	20.09.2001	31.01.2007	1,956
PU/NS(GS)8/2003	12.11.2003	13.05.2004	183	10.11.2005	19.06.2007	584
PU/NS(GS)2/2007	02.04.2007	13.08.2007	134	04.05.2007	23.09.2008	504
PU/NS(GS)14/2006	13.09.2006	19.09.2006	6	16.10.2006	07.12.2007	416
PU/NS(GS)5/2004	29.05.2004	28.07.2004	60	28.10.2004	13.12.2004	45
PU/NS(GS)15/2007 Jld.2	13.09.2007	14.09.2007	1	16.11.2007	22.09.2008	306
SELANGOR						
PU.SEL.LR 0154/02	18.01.2005	31.01.2005	13	17.02.2005	15.06.2006	485
PU.SEL.LR 0138/05	02.11.2005	18.04.2006	147	16.06.2006	01.11.2007	503
PU.SEL.PEL.0097/07	03.08.2007	14.08.2007	11	23.08.2007	28.11.2007	96
PEL.0110/07	10.10.2007	22.10.2007	12	14.03.2008	02.04.2008	18
PEL.0018/07	09.02.2007	12.02.2007	3	11.04.2007	24.04.2008	379
PU.SEL.PEL.0073/07	01.06.2007	4.06.2007	3	12.06.2007	29.04.2008	322
PEL.0030/07	30.03.2007	2.04.2007	2	21.06.2007	29.02.2008	252
PULAU PINANG						
PU/PP 3084/182	02.10.2001	6.11.2001	35	09.04.2002	23.05.2008	2,237
PU/PP 3084/204	08.08.2003	22.08.2003	14	29.08.2003	30.03.2004	214
PU/PP 3084/206	27.10.2003	03.11.2003	7	5.11.2003	11.08.2005	646
PU/PP 3084/248	01.11.2006	06.11.2006	5	20.11.2006	17.01.2008	424
PU/PP 3084/220	30.07.2004	03.08.2004	3	14.09.2004	15.11.2006	792
PU/PP 3084/228	27.02.2006	02.03.2006	2	30.03.2006	17.12.2008	993
SARAWAK						
PN.SWK.13-30-2004	28.07.1998	10.08.1998	13	28.06.1999	25.01.2005	2,036
PN.SWK.PP1-13-21-2001-I	21.03.2001	01.08.2001	133	19.06.2001	03.04.2006	1,748
PN.SWK.22-66-03	30.07.2003	27.09.2003	59	28.11.2003	11.05.2006	896
PN.SWK.22-67-03	03.11.2003	08.03.2004	125	28.04.2004	18.05.2006	750
PN.SWK.NM.22-75-05	28.04.2005	01.07.2005	63	05.07.2005	18.04.2006	288
PN.SWK.NM.22-77-05	14.06.2005	06.02.2006	237	09.02.2006	29.06.2006	141
PN.SWK.NM.11-12-05	18.02.2005	28.03.2005	56	01.04.2005	10.09.2007	892
PN.SWK.16-28-06	08.11.2001	15.11.2001	7	30.11.2006	05.12.2007	370

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI/ RUJUKAN KES	DI PERINGKAT PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI			DI PERINGKAT MAHKAMAH		
	TARIKH SAMAN/ PENYATAAN TUNTUTAN DITERIMA	TARIKH NOTIS KEHADIRAN/ PENYATA PEMBELAAN DIFAILKAN	TEMPOH (Hari)*	TARIKH SEBUTAN/ KES DIBICARA	TARIKH KES SELESAI	TEMPOH (Hari)*
KELANTAN						
PU.KN SM 7/2005	17.08.2005	27.11.2005	100	06.03.2006	22.05.2006	77
PU.KN SM 5/2004	19.04.2004	18.05.2004	29	24.10.2004	26.02.2006	487
PU.KN SM 19/2008	24.01.2008	11.05.2008	107	11.05.2008	11.09.2008	120
PU.KN SM 4/2006	04.04.2006	10.04.2006	6	06.11.2006	18.08.2008	647
TERENGGANU						
PN.TR.22/1/2005	02.01.2005	09.01.2005	7	06.02.2005	23.01.2008	1,077
PN.TR.22/2/2003	10.02.2003	17.02.2003	7	16.07.2003	01.03.2006	955
PN.TR.22/3/2006	14.03.2006	31.05.2006	77	09.07.2006	31.07.2006	22
PN.TR.22/1/2004	14.03.2004	24.03.2004	10	18.04.2004	05.11.2006	927
PN.TR.22/3/2005	07.03.2005	10.03.2005	3	11.04.2005	14.02.2006	333
PN.TR.22/5/2007	13.03.2007	05.04.2007	22	13.05.2007	30.07.3007	77
PN.TR.33/2006/05	10.05.2006	16.05.2006	6	25.02.2007	07.09.2008	557
PN.TR.HQ/SK/22/567/2007	14.12.2007	16.01.2008	32	20.01.2008	15.07.2008	175
JOHOR						
PN/JR/OA/22/6/2002	24.10.2002	09.01.2003	75	29.01.2003	22.08.2007	1,663
PN/JR/AR/22/12/2004	20.10.2004	01.11.2004	11	05.11.2004	28.04.2008	1,268
PN/JR/AR/22/23/2006	13.12.2006	27.12.2006	14	15.10.2007	30.07.2007	195
PN/JR/AR/22/10/1996	26.06.1996	10.07.1996	14	20.08.1996	07.09.2007	4,032
PN/JR/AR/22/19/2006	30.11.2006	27.12.2006	27	24.01.2007	07.05.2008	468
PN/JR/AM/22/13/2004	11.12.2004	17.12.2004	6	27.01.2005	15.03.2006	413
PN/JR/AR/22/11/2006	17.07.2006	25.07.2006	8	25.07.2006	02.04.2008	612
PN/JR/AM/22/11/2000	06.10.2000	12.10.2000	6	01.12.2000	15.01.2007	2,234
PN/JR/AM/22/5/1999	19.06.1999	10.07.1999	21	16.07.1999	27.02.2006	2,411
PN/JR/AM/22/03/2003	25.02.2003	07.03.2003	10	27.03.2003	31.07.2008	1,949
PN/JR/AR/22/08/2002	30.11.2002	16.01.2003	47	29.11.2003	25.07.2008	2,061

Nota : (*) Termasuk Hari Cuti Hujung Minggu/Cuti Umum

2.4.1.4. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan PPUN mengambil masa yang lama untuk menyemak dan mendaftarkan kes di Mahkamah adalah seperti berikut :-

a. Bagi kes di mana Kerajaan merupakan plaintif, kes sivil bermula apabila pliding difailkan di Mahkamah dan diserahkan kepada pihak defendan (pihak yang dituntut). Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, terdapat 11 saman yang telah diserahkan kepada defendan mengambil masa antara 13 hingga 158 hari. Berdasarkan maklum balas daripada pihak Peguam Negara, masa yang lama diambil untuk menyerahkan saman adalah disebabkan faktor-faktor berikut :-

   i. Alamat terkini defendan yang perlu dinyatakan dalam saman tidak diketahui kerana ada defendan yang tidak mempunyai alamat tetap ataupun telah bertukar alamat.

   ii. Defendan mengelak dari menerima saman yang dihantar melalui pos. Kebanyakan saman dikembalikan dengan catatan “telah bertukar”, “tiada nama berkenaan” dan sebagainya.

iii. Kebanyakan fakta/maklumat yang perlu dinyatakan dalam saman dan penyataan tuntutan belum diperoleh atau disediakan oleh Jabatan Kerajaan berkenaan kerana jabatan ini mengambil masa untuk mengumpul dan mengemukakan fakta/maklumat yang diminta.

b. Pada puratanya, seorang Pegawai Undang-undang (PUU) di Unit Penasihat/Guaman PPUN perlu mengendalikan antara 7 hingga 105 kes sivil setahun. Didapati dalam masa yang sama, pegawai berkenaan juga dikehendaki menjalankan tugasan lain seperti memberi nasihat kepada Kerajaan Negeri dalam perihal perundangan serta menyemak/menggubal undang-undang yang berkaitan dengan Kerajaan Negeri yang mana telah menyebabkan proses semakan kes sivil mengambil masa untuk diselesaikan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.3
BILANGAN KES BERBANDING DENGAN BILANGAN PEGAWAI UNDANG-UNDANG YANG MENGENDALIKANNYA BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI	BIL. KES SIVIL DIKENDALI SETAHUN (Secara Purata)	BIL. JAWATAN PEGAWAI UNDANG-UNDANG			NISBAH SETIAP PEGAWAI UNDANG-UNDANG DENGAN BIL. KES SIVIL
		LULUS	ISI	% DIISI	
Johor	256	5	4	80.0	1:64
Selangor	384	4	4	100	1:96
Pulau Pinang	423	4	4	100	1:105
Negeri Sembilan	105	3	3	100	1:35
Terengganu	21	4	3	75.0	1:7
Kelantan	39	3	3	100	1:13
Sarawak	45	2	2	100	1:22
JUMLAH	**1,273**	**25**	**23**	**92.0**	

c. Kekerapan pertukaran pegawai yang mengendalikan kes juga menyumbang kepada masa yang lama diambil bagi menyelesaikan kes di PPUN. Ini adalah kerana pegawai yang mengambil alih tugas perlu meneliti semula kes dari peringkat permulaan sebelum meneruskan tindakan selanjutnya. Pada puratanya, tempoh seseorang Pegawai Undang-undang ditempatkan di Unit Penasihat/Guaman adalah antara 2 hingga 3 tahun.

d. Terdapat kes di mana maklumat berhubung kes sivil yang dikemukakan oleh Kementerian/Jabatan adalah tidak lengkap dan telah menyebabkan kes tersebut lewat didaftarkan di Mahkamah. Kementerian/Jabatan juga mengambil masa untuk mengemukakan maklumat yang diperlukan oleh PPUN. Semakan Audit terhadap 38 kes permohonan PPUN untuk mendapatkan maklumat daripada Kementerian/Jabatan berkenaan mendapati hanya 17 kes di mana maklumat dikemukakan dalam tempoh 7 hari manakala bakinya melebihi 7 hari dan ada yang menjangkau sehingga 109 hari.

2.4.1.5. Pengendalian kes sivil perlu mematuhi Seksyen 6(1) Akta Had Masa 1953 yang menetapkan tindakan undang-undang tidak boleh diambil terhadap sesiapa selepas tamat tempoh 6 tahun daripada tarikh berlakunya sesuatu insiden. Kelewatan untuk menyelesaikan kes sivil boleh menyebabkan fail kes terpaksa ditutup. Sebagai contoh, sebanyak 3 daripada 9 kes di PPUN Johor yang telah menjangkau antara 7 hingga 9 tahun tidak dapat diteruskan dan terpaksa ditutup kerana halangan had masa.

Pada pandangan Audit, PPUN hendaklah memastikan tempoh masa yang ditetapkan dalam Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan Akta Had Masa 1953 bagi menyelesaikan kes sivil dipatuhi. PPUN juga perlu menetapkan norma masa bagi mengendalikan kes sivil di mana Kerajaan merupakan plaintif dan memastikan tempoh ini dipatuhi dengan sewajarnya. Kajian semula terhadap kedudukan jawatan patut dibuat bagi menyesuaikannya dengan beban kerja yang sentiasa meningkat.

2.4.2. Prestasi Pengendalian Kes Pendakwaan

2.4.2.1. Selepas menerima dan mendaftarkan Kertas Siasatan daripada agensi penguatkuasa undang-undang seperti Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia, Unit Pendakwaan, PPUN bertanggungjawab menyemak dan memberi pandangan/arahan tentang tindakan selanjutnya terhadap Kertas Siasatan itu. Unit ini akan membuat keputusan sama ada perlu menjalankan pendakwaan atau sebaliknya.

2.4.2.2. Timbalan Pendakwa Raya di PPUN mengendalikan sepenuhnya kes perbicaraan jenayah dan rayuan di Mahkamah Tinggi dan kes hukuman berat dan yang berkepentingan awam di Mahkamah Majistret dan Mahkamah Sesyen. Bagi kes yang lain, sebelum tahun 2008 tindakan pendakwaan diserahkan kepada agensi penguatkuasa undang-undang berkenaan. Bagaimanapun mulai awal tahun 2008, Penolong Pendakwa Raya Gred L41 lantikan secara kontrak oleh Jabatan Peguam Negara telah ditempatkan di Mahkamah Majistret dan Sesyen bagi mengambil alih tugas pendakwaan daripada PDRM. Bagi kes pendakwaan yang dijalankan oleh Unit Pendakwaan, Kertas Siasatan akan disimpan oleh Timbalan Pendakwa Raya untuk proses perbicaraan dan diserahkan kembali kepada agensi penguatkuasa undang-undang berkenaan setelah kes selesai didakwa di Mahkamah. **Carta 2.3 dan 2.4** menunjukkan proses kerja Unit Pendakwaan, PPUN dalam mengendalikan Kertas Siasatan yang diterima serta penyediaan kes untuk pendakwaan di Mahkamah secara ringkas :-

CARTA 2.3
PROSES KERJA PENGENDALIAN KERTAS SIASATAN
DI UNIT PENDAKWAAN, PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI



CARTA 2.4
PROSES KERJA PENGENDALIAN KES PENDAKWAAN
DI UNIT PENDAKWAAN, PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI



2.4.2.3. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, bilangan Kertas Siasatan yang disemak oleh PPUN adalah berjumlah 251,550. Berdasarkan Kertas Siasatan tersebut, sebanyak 12,234 kes (4.9%) telah didaftarkan di Mahkamah. Manakala bakinya sama ada kes tersebut tidak perlu dibawa ke Mahkamah atau diuruskan oleh Penolong Pendakwa Raya Gred L41 yang ditempatkan di Mahkamah Sesyen/Majistret. Bagi tempoh yang sama, Mahkamah dapat menyelesaikan sebanyak 3,982 kes (32.5%) daripada 12,234 kes yang telah didaftarkan oleh PPUN. Bilangan Kertas Siasatan yang selesai disemak oleh PPUN dan bilangan kes yang dapat diselesaikan oleh Mahkamah di negeri yang diaudit adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.4
BILANGAN KERTAS SIASATAN DIDAFTARKAN BERBANDING KES PENDAKWAAN DISELESAIKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI	KERTAS SIASATAN DISEMAK DAN DIDAFTARKAN OLEH PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI			KES PENDAKWAAN DISELESAIKAN DI MAHKAMAH		
	BIL. DITERIMA	BIL. SELESAI DISEMAK DAN DIDAFTARKAN	%	BIL. KES DITERIMA UNTUK DIBICARA	BIL. KES SELESAI	%
Johor	33,523	33,057	98.6	4,836	1,067	22.1
Selangor	94,083	91,712	97.5	1,686	527	31.3
Pulau Pinang	52,801	47,566	90.1	2,901	823	28.4
Negeri Sembilan	30,912	26,799	86.7	1,056	500	47.3
Terengganu	19,424	17,799	91.6	528	467	88.4
Kelantan	16,769	16,030	95.6	358	211	58.9
Sarawak	19,365	18,587	96.0	869	387	44.5
JUMLAH	**266,877**	**251,550**	**94.3**	**12,234**	**3,982**	**32.5**

2.4.2.4. Semakan Audit telah dijalankan terhadap 40 sampel Kertas Siasatan di 7 PPUN untuk menentukan tempoh masa yang diambil daripada tarikh Kertas Siasatan mengenainya diterima oleh PPUN sehingga kes tersebut didaftar dan dibicarakan oleh Mahkamah. Semakan Audit mendapati PPUN dapat menyelesaikan semakan dan mendaftarkan 15 daripada Kertas Siasatan tersebut dalam tempoh 7 hari. Manakala 25 daripadanya mengambil masa antara 8 hingga 1,647 hari untuk didaftarkan di Mahkamah. Semakan selanjutnya mendapati hanya 8 daripada 40 kes yang diaudit dapat diselesaikan perbicaraannya di peringkat Mahkamah dalam masa 365 hari (1 tahun) manakala 32 yang lain mengambil masa antara 385 hingga 2,090 hari. Butiran lanjut mengenai tempoh masa yang diambil oleh PPUN dan Mahkamah untuk menyelesaikan kes pendakwaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.5
TEMPOH MASA DIAMBIL UNTUK MENGENDALI DAN MENYELESAIKAN KES PENDAKWAAN DI PERINGKAT PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI DAN MAHKAMAH

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI/ RUJUKAN KES	DI PERINGKAT PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI			DI PERINGKAT MAHKAMAH		
	TARIKH KERTAS SIASATAN DITERIMA	TARIKH KES DIDAFTARKAN	TEMPOH (Hari)*	TARIKH SEBUTAN/ KES DIBICARA	TARIKH KES SELESAI	TEMPOH (Hari)*
NEGERI SEMBILAN						
MS K/P 62-24-03	07.09.2001	09.10.2003	762	14.06.2004	18.03.2008	1,369
MMS 82-13-03	25.07.2000	19.09.2003	1,149	19.09.2003	06.01.2007	1,202
MM S'ban 81-2-02	03.10.2002	10.10.2002	7	21.10.2002	21.06.2007	1,700
MM Rembau 81-1-05	28.10.2005	11.11.2005	13	01.11.2006	21.11.2007	385
MSS 62-68-05	13.02.2006	04.09.2006	201	14.12.2006	21.05.2008	522
SELANGOR						
TPR.SEL (T) 35/06	17.05.2005	18.05.2006	366	18.05.2006	01.08.2007	440
TPR.SEL (T) 104/05	26.09.2005	19.10.2005	24	20.10.2005	19.02.2008	850

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI/ RUJUKAN KES	DI PERINGKAT PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI			DI PERINGKAT MAHKAMAH		
	TARIKH KERTAS SIASATAN DITERIMA	TARIKH KES DIDAFTARKAN	TEMPOH (Hari)*	TARIKH SEBUTAN/ KES DIBICARA	TARIKH KES SELESAI	TEMPOH (Hari)*
TPR.SEL (T) 111/05	28.09.2005	19.10.2005	22	25.11.2005	07.11.2008	1,078
TPR.SEL (T) 16/06	22.02.2006	16.05.2006	86	04.07.2007	18.02.2008	227
TPR.SEL (T) 48/06	30.05.2006	31.07.2006	62	31.07.2006	27.02.2009	941
TPR.SEL (T) 72/06	06.07.2006	13.10.2006	99	13.10.2006	11.03.2008	515
TPR.SEL (T) 45/06	24.05.2006	28.07.2006	65	28.07.2006	25.01.2008	546
TPR.SEL (T) 131/06	30.10.2006	24.11.2006	24	22.01.2007	07.04.2008	440
TPR.SEL (T) 99/07	27.06.2007	20.07.2007	24	20.07.2007	13.11.2008	481
TPR.SEL (T) 121/07	25.07.2007	04.01.2008	163	04.10.2007	26.12.2008	449
PULAU PINANG						
62 (74)-37/04	17.06.2004	23.06.2004	6	07.04.2008	23.06.2008	77
SARAWAK						
KJM/2006/1/1(s)	30.01.2002	04.08.2006	1,647	21.09.2006	19.10.2007	394
KJM/2006/1/22(s)	13.10.2005	04.09.2006	326	22.09.2006	09.01.2007	109
KJM/2006/1/24(s)	23.08.2006	13.09.2006	21	06.11.2006	23.01.2008	443
KJM/2006/1/35	08.10.2004	24.04.2006	563	25.05.2006	27.02.2007	643
KJM/2006/1/44	17.11.2003	09.07.2006	964	24.07.2006	02.10.2007	436
KJM/2007/2/22	23.04.2007	03.05.2007	10	28.08.2007	26.03.2008	211
KJM/2007/1/83	14.08.2006	22.03.2007	220	28.08.2007	18.01.2008	143
KELANTAN						
MSKB (A) 62-79-2004	04.04.2004	22.09.2004	171	25.08.2005	17.01.2006	145
MTKB 45-2-2006	03.01.2005	09.01.2005	6	27.12.2005	05.02.2009	1,135
SKB (A) 62-16-2005	13.03.2005	21.03.2005	8	26.04.2005	02.10.2006	521
SKB (A) 62-59-2005	22.08.2005	30.08.2005	8	15.09.2005	30.08.2006	345
SKB (A) 62-34-2007	27.05.2007	05.06.2007	8	19.09.2007	30.11.2008	436
SKB (A) 62-23-2000	09.05.2000	10.05.2000	1	09.07.2000	04.04.2006	2,090
TERENGGANU						
KT 62-7-03	13.05.2003	13.05.2003	Hari yang sama	21.07.2003	08.03.2006	957
KT 62-04-07	28.01.2007	04.02.2007	6	14.05.2007	01.04.2008	317
KT 62-15-04	11.04.2004	13.04.2004	2	10.05.2004	22.10.2008	1,622
KT 62-11-05	09.01.2006	09.01.2006	Hari yang sama	23.01.2006	10.11.2008	1,017
Kt 62-17-04	18.05.2004	23.05.2004	5	12.09.2004	29.08.2007	1,077
JOHOR						
TPRJ. Bil (PJ) 3/05	28.01.2004	28.01.2004	Hari yang sama	17.05.2005	03.07.2008	1,141
TPRJ. Bil (PJ) 06/04	25.06.2004	25.06.2004	Hari yang sama	25.06.2004	10.12.2007	1,260
TPRJ. Bil (PJ) 22/05	27.05.2005	27.05.2005	Hari yang sama	27.05.2005	02.11.2007	885
TPRJ. Bil (PJ) 4/05	11.05.2005	12.05.2005	1	12.05.2005	07.12.2007	936
TPRJ. Bil (PJ) 39/05	01.10.2005	03.10.2005	2	03.10.2005	10.12.2007	797
TPRJ. Bil (PJ) 14/06	07.07.2006	07.07.2006	Hari yang sama	10.10.2006	01.12.2008	781

Nota : (*) Termasuk Hari Cuti Hujung Minggu/Cuti Umum

2.4.2.5. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyebabkan PPUN mengambil masa yang lama bagi beberapa kes untuk menyemak Kertas Siasatan dan mendaftarkannya di Mahkamah serta kelewatan Mahkamah menyelesaikan kes perbicaraan disebabkan perkara berikut :-

a. Kelewatan agensi penguatkuasa mengemukakan kertas siasatan yang lengkap kepada PPUN.

b. Tiada norma kerja ditetapkan untuk menyiapkan setiap proses kerja yang terlibat bermula dari Kertas Siasatan diterima daripada agensi penguatkuasa undang-undang sehingga kes didaftarkan di Mahkamah untuk dibicarakan.

c. Bilangan Kertas Siasatan dan kes pendakwaan (kes jenayah) sentiasa meningkat dari semasa ke semasa berbanding dengan bilangan pegawai yang ada. Pada puratanya, seorang pegawai di Unit Pendakwaan di PPUN perlu menyemak antara 496 hingga 3,920 Kertas Siasatan dan mengendalikan antara 17 hingga 161 kes pendakwaan setahun. Butiran lengkap mengenai perbandingan bilangan Kertas Siasatan dan kes pendakwaan yang dikendalikan di peringkat PPUN dengan bilangan Pegawai di Unit Pendakwaan di PPUN yang bertanggungjawab mengendalikan kes di negeri yang diaudit adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 2.6
BILANGAN KES BERBANDING DENGAN BILANGAN PEGAWAI UNDANG-UNDANG YANG MENGENDALIKANNYA BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI	BIL. KERTAS SIASATAN SETAHUN (Secara Purata)	BIL. KES PENDAKWAAN DIKENDALI SETAHUN (Secara Purata)	BIL. JAWATAN PEGAWAI UNDANG-UNDANG			NISBAH SETIAP PEGAWAI UNDANG-UNDANG DENGAN BIL. KERTAS SIASATAN	NISBAH SETIAP PEGAWAI UNDANG-UNDANG DENGAN BIL. KES PENDAKWAAN
			LULUS	ISI	% DIISI		
Johor	11,174	1,612	10	10	100	1:1,117	1:161
Selangor	31,361	562	23	8	34.8	1:3,920	1:70
Pulau Pinang	17,600	967	14	10	71.4	1:1,760	1:96
Negeri Sembilan	10,304	352	5	4	80.0	1:2,576	1:88
Terengganu	6,474	176	23	9	39.1	1:719	1:19
Kelantan	5,589	119	8	7	87.5	1:798	1:17
Sarawak	6,455	289	23	13	56.5	1:496	1:22
JUMLAH	**88,957**	**4,077**	**106**	**61**	**57.5**		

d. Kekerapan pertukaran pegawai yang mengendalikan Kertas Siasatan dan pendakwaan juga menyumbang kepada kelewatan menyelesaikan kes di PPUN. Ini adalah kerana pegawai yang mengambil alih tugas perlu meneliti semula kes dari peringkat permulaan sebelum meneruskan tindakan selanjutnya. Pada puratanya, tempoh seseorang Pegawai Undang-undang ditempatkan di Unit Pendakwaan adalah selama 2 hingga 3 tahun.

e. Penangguhan perbicaraan juga adalah merupakan antara faktor yang menyumbang kepada masa yang lama diambil oleh Mahkamah untuk

menyelesaikan sesuatu kes. Penangguhan ini dibuat sama ada kerana permohonan peguam bela/Pendakwa Raya untuk menangguhkan tarikh perbicaraan, ketidakhadiran saksi, sapina tidak dapat diserahkan, plaintif tidak hadir pada waktu perbicaraan atau dokumen kes belum disiapkan oleh agensi berkaitan seperti laporan kimia dan laporan perubatan. Selain itu, Mahkamah juga mendahulukan kes yang berkepentingan awam, jadual perbicaraan Mahkamah yang padat dan pertukaran Hakim/Majistret atau Hakim/Majistret menghadiri kursus/bercuti. Penangguhan perbicaraan menyebabkan bilangan kes tertunggak yang tinggi dan berikut diberikan kedudukan kes yang tertunggak di Mahkamah Rayuan, Mahkamah Tinggi, Mahkamah Sesyen dan Mahkamah Majistret setakat 31 Disember 2008 :-

JADUAL 2.7
BILANGAN KES TERTUNGGAK SETAKAT 31 DISEMBER 2008

PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI	KES TERTUNGGAK DI PERINGKAT			
	MAHKAMAH RAYUAN	MAHKAMAH TINGGI	MAHKAMAH SESYEN	MAHKAMAH MAJISTRET
Johor	904	698	1,412	755
Selangor	114	221	150	12
Pulau Pinang	550	669	1,394	48
Negeri Sembilan	-	700	352	16
Terengganu	221	11	110	4
Kelantan	-	3	14	-
Sarawak	-	2	552	96
JUMLAH	**1,789**	**2,304**	**3,984**	**931**

Pada pandangan Audit, PPUN hendaklah menetapkan tempoh masa bagi menyiapkan setiap proses kerja yang terlibat dengan semakan Kertas Siasatan dan mendaftarkan kes tersebut di Mahkamah serta tempoh tersebut dipatuhi dengan sewajarnya. Kajian semula terhadap kedudukan jawatan patut dibuat bagi menyesuaikannya dengan beban kerja yang sentiasa meningkat. Mahkamah pula perlu mengenal pasti satu mekanisme bagi mengatasi masalah kelewatan penyelesaian kes perbicaraan dan seterusnya mengelakkan kes tertunggak daripada meningkat.

2.4.3. Sistem Pengurusan Maklumat

2.4.3.1. Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 menggariskan tentang pengelasan, pengedaran, pendaftaran, penyelenggaraan, memelihara dan menjaga keselamatan fail. Semakan Audit di Unit Penasihat/Guaman dan Unit Pendakwaan di 7 PPUN mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan fail. Contohnya adalah seperti di **Jadual 2.8**. **Pada pandangan Audit, kelemahan pengurusan fail ini boleh menyebabkan maklumat berhubung dengan sesuatu kes sivil/pendakwaan tidak dapat diperoleh dan perbicaraan kes berkenaan tidak dapat diteruskan.**

JADUAL 2.8
KELEMAHAN DALAM PENGURUSAN FAIL

PENGURUSAN FAIL YANG TERATUR	PEJABAT PENASIHAT UNDANG-UNDANG NEGERI						
	JOHOR	SELANGOR	PULAU PINANG	NEGERI SEMBILAN	TERENGGANU	KELANTAN	SARAWAK
Daftar pergerakan fail diselenggarakan	X	X	X	X	X	X	X
Kertas minit adalah lengkap dan kemas kini	X	X	X	/	X	/	X
Indeks fail dicatat di kabinet fail	/	/	X	/	/	X	/
Pendaftaran rujukan fail kes adalah seragam	X	/	/	/	/	/	/
Penyimpanan fail mengikut penjenisan	/	X	/	/	/	/	/

Nota : ***/ - Mematuhi*** ***X - Tidak Mematuhi***

2.4.3.2. Berdasarkan kepada temu bual dengan pegawai di Bahagian Pentadbiran PPUN, pengurusan fail yang teratur tidak dapat dilakukan kerana hanya seorang Pembantu Tadbir Gred N17 ditugaskan bagi setiap unit untuk mengendalikan urusan pentadbiran dari permulaan kes sehingga kes selesai di mana beban tugas berkenaan tidak dapat dikendalikan dengan baik kerana di luar kemampuan kakitangan berkenaan.

2.4.3.3. Semakan Audit seterusnya mendapati kaedah pendaftaran Kertas Siasatan adalah berbeza antara PPUN. PPUN Pulau Pinang, Negeri Sembilan, Kelantan, Johor dan Terengganu mendaftar Kertas Siasatan secara manual ke dalam Buku Daftar Kertas Siasatan. Manakala PPUN Selangor membangunkan satu sistem berkomputer secara *in-house* yang dikenali sebagai Sistem Pengurusan Kertas Siasatan dengan menggunakan perisian *Visual Basic.* PPUN Sarawak pula menggunakan Sistem *infoLEGAL* seperti mana yang digunakan oleh Ibu Pejabat Jabatan Peguam Negara dan juga mengguna pakai Buku Daftar Kertas Siasatan secara manual untuk penyediaan Laporan Statistik Bulanan walaupun kedua-dua kaedah tersebut mempunyai maklumat yang sama.

Pada pandangan Audit, PPUN perlu menyeragamkan satu sistem pengurusan maklumat untuk diguna pakai oleh semua PPUN bagi memudahkan rujukan/semakan serta meningkatkan pemantauan terhadap pengendalian setiap kes. Selain itu, semua PPUN hendaklah memastikan pengendalian fail dibuat dengan teratur selaras dengan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007.

2.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, pengendalian kes sivil dan pendakwaan perlu dipertingkatkan memandangkan terdapat kes-kes di mana agensi penguatkuasa mengambil masa yang lama untuk melengkapkan kertas siasatan dan ini melewatkan Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri (PPUN) untuk mendaftarkan kes-kes berkenaan. Manakala Mahkamah pula mengambil masa yang lama untuk menyelesaikan kes tersebut sehingga menyebabkan kes tertunggak yang tinggi. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan Peguam Negara memberi pertimbangan terhadap perkara-perkara berikut :-

2.5.1. Memastikan PPUN menyelesaikan proses kerja yang berkaitan dengan kes sivil dan pendakwaan mengikut tempoh masa yang ditetapkan dalam Kaedah Mahkamah Tinggi 1980, Kaedah Mahkamah Rendah 1980 dan Akta Had Masa 1953. Bagi proses kerja di mana norma masa tidak dtetapkan, Jabatan Peguam Negara perlu menetapkan tempoh berkenaan dan memastikan PPUN mematuhinya.

2.5.2. Mengkaji semula kedudukan jawatan di PPUN bagi menyesuaikannya dengan beban kerja yang sentiasa meningkat.

2.5.3. Menyeragamkan satu sistem pengurusan maklumat untuk diguna pakai oleh semua PPUN bagi memudahkan rujukan/semakan serta meningkatkan pemantauan terhadap pengendalian kes.

KEMENTERIAN KEWANGAN

3. PROGRAM PENYENGGARAAN INFRASTRUKTUR AWAM, INFRASTRUKTUR ASAS DAN PROJEK PEMBANGUNAN KECIL LUAR BANDAR KAWASAN PARLIMEN

3.1. LATAR BELAKANG

3.1.1. Bagi memperbaiki infrastruktur asas di seluruh negara, Kerajaan telah melaksanakan beberapa program penyenggaraan dan menaikkan taraf infrastruktur dan kemudahan awam. Antara program tersebut adalah :-

a. Program Penyenggaraan Infrastruktur Awam (PIA) - Program ini dilaksanakan mulai tahun 2005 untuk menyenggara dan memelihara aset Kerajaan, menaik taraf bangunan, pendawaian semula elektrik, menyenggara longkang dan sistem perparitan, jalan dan lanskap bagi memanjangkan tempoh masa kegunaannya di samping mengindahkan persekitaran dan menjaga kebersihan kemudahan awam.

b. Program Penyenggaraan Infrastruktur Asas (PIAS) - Program ini dilaksanakan mulai tahun 2006 bagi menyedia, menyenggara dan menaik taraf kemudahan infrastruktur asas di kawasan luar bandar.

c. Projek Pembangunan Kecil Luar Bandar Kawasan Parlimen (PEKA) - Projek ini dilaksanakan hanya pada tahun 2007 bertujuan membina, menyenggara dan menaik taraf infrastruktur asas yang tidak mencukupi dan kurang sempurna terutamanya di kawasan luar bandar, pinggir bandar serta kawasan Pihak Berkuasa Tempatan.

3.1.2. Peruntukan untuk melaksanakan program ini dibiayai daripada peruntukan mengurus yang disediakan oleh Kementerian Kewangan dan disalurkan kepada agensi pelaksana melalui Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri (ICU, JPM). Mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia, kaedah perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek PIA, PIAS dan PEKA adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 3.1
ALIRAN KERJA PERANCANGAN, PELAKSANAAN DAN PEMANTAUAN TERHADAP PROJEK PIA, PIAS DAN PEKA



3.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini adalah untuk menilai sama ada projek di bawah program PIA, PIAS dan PEKA telah dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

3.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini tertumpu kepada aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek yang dilaksanakan. Semakan terhadap fail dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2005 hingga bulan November 2008 telah dibuat di Perbendaharaan Malaysia; ICU, JPM; 6 Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) di Negeri Sabah, Kedah, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Perak, Terengganu dan Melaka serta 19 Pejabat Daerah di negeri tersebut. Sebanyak 446 fail projek telah disemak dan lawatan ke 96 lokasi/tapak projek dibuat untuk meneliti kerja yang dilaksanakan serta menemu bual anggota dan pegawai yang terlibat.

3.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga November 2008 mendapati secara umumnya, pelaksanaan projek di bawah Program PIA, PIAS dan PEKA adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya seperti projek lewat disiapkan; kerja yang dilaksanakan tidak mengikut skop asal; perolehan peralatan dan aset dimasukkan dalam skop kerja menyebabkan kos projek meningkat; kemudahan yang siap dibina tidak digunakan; pembayaran telah dibuat bagi kerja yang tidak dilaksanakan dan kekurangan pegawai untuk menjalankan kerja pemantauan dan penyeliaan terhadap projek. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

3.4.1. Prestasi Projek

3.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2005 hingga bulan November 2008, sebanyak 92,687 (99.2%) daripada 93,432 projek yang diluluskan di bawah ketiga-tiga program ini telah disiapkan. Projek tersebut terdiri daripada 48,705 projek PIA, 31,010 projek PIAS dan 12,972 projek PEKA. Pada umumnya, kontraktor bagi melaksanakan projek di bawah Program PIA, PIAS dan PEKA telah dilantik secara undian dan ada juga dibuat secara sebut harga. Bagi tujuan ini, sejumlah RM4.59 bilion (98.1%) daripada peruntukannya berjumlah RM4.68 bilion telah dibelanjakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.1
BILANGAN PROJEK LULUS/SIAP DAN PERUNTUKAN/PERBELANJAAN BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2008

PROJEK	TAHUN	BIL. PROJEK		PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
		LULUS	SIAP		
PIA	2005	15,487	15,405	499.14	488.48
	2006	21,582	21,581	1,000.00	990.43
	2007	8,960	8,958	496.79	494.37
	2008 (Setakat Bulan November)	2,972	2,761	158.87	139.48
	Jumlah	**49,001**	**48,705**	**2,154.80**	**2,112.76**

PROJEK	TAHUN	BIL. PROJEK		PERUNTUKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)
		LULUS	SIAP		
PIAS	2006	10,382	10,367	499.55	494.32
	2007	14,717	14,705	992.29	982.10
	(Setakat Bulan November)	6,348	5,938	374.47	346.43
	Jumlah	**31,447**	**31,010**	**1,866.31**	**1,822.85**
PEKA	2007	12,984	12,972	660.53	656.46
JUMLAH		**93,432**	**92,687**	**4,681.64**	**4,592.07**

3.4.1.2. Semakan Audit di Pejabat Pembangunan Negeri Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati pada tahun 2005, sebanyak 18 projek di mana kosnya berjumlah RM0.53 juta telah meningkat kepada RM0.75 juta. Pada tahun 2006 pula, kos bagi 191 projek berjumlah RM12 juta telah meningkat kepada RM16.25 juta manakala kos bagi 104 projek yang diluluskan pada tahun 2007 berjumlah RM5.10 juta telah meningkat kepada RM8.13 juta iaitu peningkatan sejumlah RM3.03 juta atau 59.4%. Peningkatan perbelanjaan ini disebabkan kelemahan pemantauan oleh pihak PPN terhadap pelaksanaan kerja kontraktor yang antaranya didapati tidak mematuhi skop kerja yang ditetapkan dan skop kerja yang tidak dinyatakan dengan jelas sehingga memberikan peluang kepada kontraktor membuat kerja yang tidak disenaraikan dalam spesifikasi kerja. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.2
PERBELANJAAN MELEBIHI PERUNTUKAN DI PEJABAT PEMBANGUNAN NEGERI WILAYAH PERSEKUTUAN KUALA LUMPUR BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

TAHUN	BIL. PROJEK	KOS ASAL (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	PENINGKATAN (RM Juta)	% PENINGKATAN
2005	18	0.53	0.75	0.22	41.5
2006	191	12.00	16.25	4.25	35.4
2007	104	5.10	8.13	3.03	59.4
JUMLAH	**313**	**17.63**	**25.13**	**7.50**	**42.5**

3.4.1.3. Mengikut pekeliling yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia, pertukaran projek yang hendak dilaksanakan perlu mendapat kelulusan daripada ICU, JPM. Bagaimanapun bagi mempercepatkan proses pelaksanaan, mesyuarat Pengurusan Tertinggi ICU, JPM telah bersetuju memberi kuasa kepada Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP)/PPN di negeri yang berkenaan untuk meluluskan pertukaran projek di mana perlu. Semakan Audit terhadap 1,375 projek PIA dan 2,773 projek PIAS mendapati sebanyak 146 projek PIA (10.6%) dan 268 projek PIAS (9.7%) telah ditukar kepada projek yang lain. Pertukaran tersebut dibuat sama ada disebabkan oleh projek yang sama juga dilaksanakan oleh agensi lain, diganti dengan projek lain yang lebih penting atau atas permintaan Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung (JKKK)

atau Ahli Dewan Undangan Negeri di kawasan berkenaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati ada projek yang menggantikan projek yang telah diluluskan itu tidak digunakan sepenuhnya. Sebagai contoh, projek membina bangku penonton berbumbung di Taman Danau Desa Seputeh, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dilaksanakan untuk menggantikan projek membina pagar tembok dan menurap semula jalan serta kerja berkaitan di Kuchai Entrepreneurs Park. Bagaimanapun, didapati projek yang telah disiapkan ini tidak digunakan. Bilangan projek yang telah ditukar adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.3
KELULUSAN PERTUKARAN PROJEK

NEGERI	PIA		PIAS	
	BILANGAN PROJEK		BILANGAN PROJEK	
	DIAUDIT	DITUKAR	DIAUDIT	DITUKAR
Sabah	203	2	470	68
Kedah	133	4	282	5
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	108	38	32	-
Perak	240	10	593	25
Terengganu	383	20	752	12
Melaka	308	72	644	158
JUMLAH	**1,375**	**146 (10.6%)**	**2,773**	**268 (9.7%)**

3.4.2. Kelewatan Menyiapkan Projek

3.4.2.1. Setiap projek yang diserah kepada kontraktor perlu ditetapkan tarikh memula dan menyiapkan kerja. Sehubungan ini, tarikh mula kerja dan siap kerja perlu dicatatkan dalam surat tawaran. Semakan Audit terhadap fail projek mendapati 55 projek PIA, PIAS dan PEKA berjumlah RM4.92 juta lewat disiapkan oleh kontraktor antara 25 hingga 210 hari manakala 44 projek berjumlah RM5.07 juta tidak dapat ditentukan tempoh siap kerja kerana surat tawaran tidak menetapkan tarikh memula dan menyiapkan kerja. Semakan Audit selanjutnya mendapati hanya Pejabat Daerah Batu Gajah yang mengenakan denda terhadap kontraktor yang gagal menyiapkan kerjanya dalam tempoh yang ditetapkan. Pejabat Daerah/PPN lain tidak mengenakan denda kerana tiada peruntukan dalam surat tawaran yang membolehkan mereka mengambil tindakan tersebut. Butiran mengenai projek yang lewat disiapkan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.4
PROJEK PIA, PIAS DAN PEKA LEWAT DISIAPKAN

NEGERI	PROJEK LEWAT DISIAPKAN			TEMPOH KELEWATAN TIDAK DAPAT DITENTUKAN	
	BIL.	KOS (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	BIL.	KOS (RM Juta)
Sabah	16	1.58	25 - 96	-	-
Kedah	6	0.54	29 - 182	3	0.60

NEGERI	PROJEK LEWAT DISIAPKAN			TEMPOH KELEWATAN TIDAK DAPAT DITENTUKAN	
	BIL.	KOS (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	BIL.	KOS (RM Juta)
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	9	0.62	26 - 115	12	1.69
Perak	4	0.42	64 - 163	3	0.34
Terengganu	8	0.79	41 - 117	5	0.59
Melaka	12	0.97	25 - 210	21	1.85
JUMLAH	**55**	**4.92**		**44**	**5.07**

3.4.2.2. Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Ogos 2008 mendapati Projek Menaik Taraf Bangunan Balai Raya Kampung Padang Tembak, Keningau, Sabah di bawah program PIA yang sepatutnya disiapkan pada bulan Ogos 2008 masih dalam pembinaan **(Gambar 3.1)**. Begitu juga dengan Projek Menaik Taraf Surau Kampung Baharu Hulu Air Kuning, Batang Padang, Perak dan kerja penyenggaraan bangunan Tadika Gembira Ria Bukit Katong, Melaka di bawah program PIA telah lewat disiapkan antara 92 hingga 101 hari **(Gambar 3.2 dan 3.3)**. Selain itu, terdapat 72 wakaf/pondok/perhentian bas di Perak di bawah program PEKA bernilai RM1.41 juta juga lewat disiapkan antara 54 hingga 126 hari. Contohnya adalah seperti di **Jadual 3.5**.

GAMBAR 3.1

Bangunan Balai Raya Kampung Padang Tembak, Keningau, Sabah (12.08.2008)

GAMBAR 3.2

Surau Kampung Baharu Hulu Air Kuning, Batang Padang, Perak (23.10.2008)

GAMBAR 3.3

Bangunan Tadika Gembira Ria Bukit Katong, Melaka (20.11.2008)

JADUAL 3.5
PERHENTIAN BAS DI BAWAH PROGRAM PEKA YANG LEWAT DISIAPKAN

PROJEK	KOS (RM)	TARIKH		KELEWATAN (Hari)
		SEPATUT SIAP	SIAP SEBENAR	
Membina pondok menunggu bas di Taman Ibu, Temenggor, Perak.	19,990	29.08.2007	22.10.2007	54
Membina pondok menunggu bas di Taman Temenggor, Temenggor, Perak.	19,990	29.08.2007	22.10.2007	54
Membina pondok menunggu bas di RPA Batu 2, Temenggor, Perak.	19,990	29.08.2007	22.10.2007	54
Membina perhentian bas di Kampung Tanjung Lobak, Lenggong, Perak.	19,990	29.08.2007	22.10.2007	54
Membina pondok menunggu bas di Kuala Rui, Temenggor Perak.	19,990	28.06.2007	01.10.2007	95
Membina pondok menunggu bas di Kampung Jong, Gerik, Perak.	19,990	15.08.2007	19.12.2007	126
Membina pondok menunggu bas di Kampung Tersusun Jong, Gerik, Perak.	19,990	15.08.2007	19.12.2007	126
Membina pondok menunggu bas di Kampung Kerunai, Gerik, Perak.	19,990	15.08.2007	19.12.2007	126
Membina pondok menunggu bas di Kampung Pahat, Gerik, Perak.	19,990	19.07.2007	01.10.2007	74
Membina perhentian bas di Kampung Air Jada Kenering, Lenggong, Perak	19,500	19.07.2007	24.09.2007	67
Membina perhentian bas di Kampung Air Panas Gerik, Perak.	19,500	19.07.2007	24.09.2007	67

3.4.2.3. Kelewatan menyiapkan projek PIA, PIAS dan PEKA menyebabkan beberapa pembayaran kepada kontraktor tidak dapat dibuat dalam tahun semasa. Sebaliknya, pembayaran terpaksa dibuat pada tahun berikutnya dengan kelulusan Akauntan Negara Malaysia seperti mana yang ditetapkan di bawah Arahan Perbendaharaan (AP) 58(a). Semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, sejumlah RM7.10 juta yang melibatkan 121 projek telah diluluskan pembayarannya di bawah AP 58(a). Amalan ini menjejaskan peruntukan dan juga projek yang perlu dilaksanakan dalam tahun semasa. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.6
KELULUSAN PEMBAYARAN PROJEK PIA, PIAS DAN PEKA
DI BAWAH ARAHAN PERBENDAHARAAN 58(a)

TAHUN	TARIKH KELULUSAN JANM	BIL. PROJEK	JUMLAH (RM Juta)
2005	19.04.2006	39	1.13
	21.06.2006	4	0.23
	31.07.2006	1	0.02
	27.07.2006	4	0.12
Jumlah		**48**	**1.50**
2006	14.06.2007	21	1.37
	20.09.2007	1	0.05
Jumlah		**22**	**1.42**
2007	17.03.2008	40	3.29
	07.05.2008	8	0.52
	10.07.2008	3	0.37
Jumlah		**51**	**4.18**
JUMLAH KESELURUHAN		**121**	**7.10**

Nota : JANM - Jabatan Akauntan Negara Malaysia

Pada pandangan Audit, bagi membolehkan PPN/Pejabat Daerah mengambil tindakan terhadap kontraktor yang gagal melaksanakan kerjanya, surat tawaran perlu menyatakan dengan jelas tarikh memula dan menyiapkan kerja serta peruntukan berhubung dengan pengenaan denda terhadap kontraktor yang gagal mematuhi syarat tawaran.

3.4.3. Kerja Yang Dilaksanakan Tidak Mengikut Skop Asal

Semakan Audit selanjutnya di PPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur mendapati perkara berikut :-

3.4.3.1. Di Taman Danau Desa, Seputeh, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, didapati 3 projek iaitu membina gelanggang tertutup bernilai RM134,463, dewan orang ramai bernilai RM130,313 dan pusat rekreasi bernilai RM135,653 yang telah ditawarkan kepada 3 kontraktor yang berasingan pada bulan September 2007 tidak dilaksanakan. Bagaimanapun semakan Audit mendapati, ketiga-tiga kontraktor tersebut telah membina satu dewan khidmat masyarakat yang bernilai RM400,429 **(Gambar 3.4)**. Sungguhpun pembinaan tersebut dibuat atas persetujuan pihak PPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, **namun pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada kos pembinaan dewan tersebut adalah seimbang dengan bayaran yang dibuat kepada ketiga-tiga kontraktor berkenaan. Ini adalah kerana ketiadaan inden dan spesifikasi kerja disediakan.**

GAMBAR 3.4

Dewan Khidmat Masyarakat Taman Danau Desa, Seputeh, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (19.09.2008)

3.4.3.2. Projek memasang jubin/gril/tiang bendera dan stor bagi Pusat Komuniti Persiaran Kilang, Bandar Tun Razak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur atas tapak tanah milik satu syarikat telah diluluskan untuk dilaksanakan pada bulan Mac 2008 dengan kos berjumlah RM49,928. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati kerja sebenar yang dibuat adalah membina bangunan tambahan bagi pusat tersebut dengan kos berjumlah RM44,698 **(Gambar 3.5)**. Memandangkan lokasi pusat ini berdekatan dengan stor bekalan gas, pemilik tanah mengarahkan supaya bangunan tambahan tersebut dirobohkan bagi tujuan keselamatan.

GAMBAR 3.5

Bangunan Tambahan Bagi Pusat Komuniti Persiaran Kilang, Bandar Tun Razak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (29.01.2009)

3.4.4. Kemudahan Tidak Digunakan/Tidak Mengikut Tujuan Asal

3.4.4.1. Mengikut garis panduan, pelaksanaan projek di bawah program PIAS dan PEKA adalah untuk meningkatkan infrastruktur asas di kawasan luar bandar bagi memberi manfaat kepada orang awam. Lawatan Audit mendapati 10 projek kemudahan awam yang telah disiapkan antara bulan Mei hingga Disember 2007 dengan kos berjumlah RM0.99 juta tidak digunakan sama ada disebabkan ketiadaan bekalan elektrik atau tidak diperlukan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 3.7** dan contoh projek terlibat adalah seperti di **Gambar 3.6 dan 3.7**.

JADUAL 3.7
PROJEK KEMUDAHAN AWAM SIAP TETAPI TIDAK DIGUNAKAN

PROJEK	KOS (RM)	TARIKH SIAP	STATUS
Membina bumbung gelanggang futsal di Pusat Khidmat Masyarakat Seputeh, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	98,372	19.12.2007	Kemudahan tidak digunakan dan terdapat pokok menjalar
Membina tempat duduk penonton di Taman Danau Desa, Seputeh, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	48,960	29.06.2007	Kemudahan tidak digunakan dan terdapat pokok menjalar
Membina Dewan Kampung Alor Besar Pendang, Kedah	60,000	21.02.2008	Tiada bekalan elektrik
Membina dewan dan kerja berkaitan di Segambut Tengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	132,909	27.12.2007	Kemudahan tidak digunakan
Membina bangunan orang ramai di Taman Sri Endah, Bandar Tun Razak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	98,825	02.10.2007	Kemudahan tidak digunakan
Membina Dewan JKKK Taman Desa Perwira Ipoh, Perak	130,768	31.12.2007	Tiada bekalan elektrik
Membina Pusat Pentadbiran Belia Dan Urusetia Keselamatan di Kampung Gaung Kuala Berang, Hulu Terengganu	30,000	14.05.2007	Tiada bekalan elektrik
Kerja membaik pulih jambatan kayu merentangi Sungai Melaka di Kampung Mortem, Melaka	124,550	03.07.2007	Telah dirobohkan
Penyenggaraan am bangunan serta kerja berkaitan di Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Tengkawang, Hulu Terengganu	69,133	14.07.2007	Kemudahan tidak digunakan
10 pondok menunggu bas yang dilengkapi dengan kiosk di Negeri Perak	200,000	28.06.2007 Hingga 19.12.2007	Kiosk belum beroperasi
JUMLAH	**993,517**		

Nota : JKKK - Jawatankuasa Kemajuan Keselamatan Kampung

GAMBAR 3.6

Pusat Pemulihan Dalam Komuniti Tengkawang, Hulu Terengganu
- Projek Pusat Harian Siap Tidak Digunakan
(04.11.2008)

GAMBAR 3.7

Dewan JKKK Taman Desa Perwira Ipoh, Perak
- Bangunan Siap Tidak Digunakan
(21.10.2008)

3.4.4.2. Lawatan Audit ke PPN di Melaka, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Perak mendapati perkara berikut :-

a. Satu jambatan di Kampung Mortem, Melaka yang telah dibaik pulih pada bulan Julai 2007 dengan kos berjumlah RM124,550 telah dirobohkan pada bulan November 2008 oleh Perbadanan Sungai Melaka kerana kerja menaik taraf Sungai Melaka bagi tujuan pelancongan. **Tindakan ini adalah merupakan satu pembaziran**. Pihak Pejabat Daerah Melaka Tengah dan PPN memaklumkan mereka tidak dimaklumkan mengenai hal ini. Gambar berikut menunjukkan Jambatan Kampung Mortem yang telah dirobohkan :-

GAMBAR 3.8

GAMBAR 3.9

Jambatan Kampung Mortem, Melaka Yang DiBaik Pulih Telah Dirobohkan
(20.11.2008)

b. Sebuah dewan di Segambut Tengah Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dibina antara 24 November 2007 hingga 24 Januari 2008. Bayaran berjumlah RM132,909 telah dijelaskan kepada Pelopor Nusantara Enterprise pada 4 Januari 2008. Semakan Audit mendapati pembinaan dewan tersebut dilaksanakan di atas tapak hak milik Kementerian Kesihatan. Bagaimanapun persetujuan telah dicapai di mana bangunan tersebut diserahkan kepada Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur untuk dijadikan Klinik Ibu Dan Anak pada 30 Oktober 2008 seperti di **Gambar 3.10**. Lawatan Audit pada 29 Januari 2009 mendapati bangunan ini masih belum digunakan.

GAMBAR 3.10

Dewan Atas Tanah Kementerian Kesihatan - Kemudahan Ini Masih Belum Digunakan (29.01.2009)

c. Adalah didapati kiosk yang ditempatkan di 10 pondok menunggu bas (bernilai RM20,000 setiap satu) di Perak tidak beroperasi kerana kedudukannya yang tidak strategik. Semakan Audit selanjutnya mendapati pembinaan pondok ini tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan di mana kerja membekalkan peralatan dan keperluan seperti pendawaian elektrik, memasang paip dalaman serta besen basuh tidak dilaksanakan oleh kontraktor **(Gambar 3.11)**.

GAMBAR 3.11

Pondok Menunggu Bas Dan Kiosk Yang Tidak Digunakan Di Gerik, Perak (04.02.2009)

d. Projek membina tempat asuhan kanak-kanak dan peralatan permainan serta kerja berkaitan di Jalan Selimang, Taman Tenaga, Bandar Tun Razak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah diluluskan pada bulan Oktober 2007 dengan kos berjumlah RM179,126. Projek ini siap pada bulan Disember 2007 dan pada bulan April 2008 pula, kerja naik taraf iaitu memasang jubin dan *grill* telah dijalankan di tempat yang sama dengan kos berjumlah RM50,507. Lawatan Audit mendapati penggunaan bangunan ini tidak mengikut tujuan asal permohonan tetapi ia digunakan oleh satu persatuan wanita **(Gambar 3.12)**.

GAMBAR 3.12

Permohonan Asal Tempat Asuhan Kanak-kanak (17.09.2008)

e. Bangunan dewan orang ramai serta kerja berkaitan di Taman Sri Endah, Bandar Tun Razak, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur telah dibina pada tahun 2007. Projek ini dilaksanakan pada bulan Mei 2007 dengan kos berjumlah RM98,825 dan diperaku siap oleh Pembantu Teknik PPN pada 2 Oktober 2007. Lawatan Audit pada bulan September 2008 mendapati bangunan tersebut seperti di **Gambar 3.13** yang dibina di atas tapak padang permainan telah menimbulkan pertikaian di kalangan penduduk setempat. Perkara ini masih dalam peringkat perbincangan antara PPN dengan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur dan wakil penduduk untuk menyelesaikan isu berkenaan.

GAMBAR 3.13

Dewan Yang Dibina Atas Tapak Permainan - Kemudahan Ini Masih Belum Digunakan (12.12.2008)

Pada pandangan Audit, bagi mengelakkan pembaziran wang awam, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri perlu memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut perancangan dan kemudahan yang disediakan digunakan secara optimum.

3.4.5. Perolehan Peralatan Dan Harta Modal

Perolehan peralatan dan harta modal adalah tidak dibenarkan di bawah Program PIA, PIAS dan PEKA. Semakan Audit mendapati perolehan peralatan dan harta modal bagi 9 projek di Terengganu telah dimasukkan dalam spesifikasi kerja (Bills Of Quantities) menyebabkan kos projek meningkat daripada RM1.02 juta kepada RM1.05 juta. Antara peralatan dan aset yang dibeli adalah penyaman udara, kamera digital, komputer, komputer riba, mesin pencetak dan *distance measurement* yang bernilai RM30,920. Tiada bukti menunjukkan spesifikasi kerja yang disediakan oleh Juruteknik di pejabat PPN Terengganu disemak oleh pegawai penyelia berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.8
PERALATAN DAN HARTA MODAL YANG DIBELI

PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERALATAN/ HARTA MODAL	KOS (RM)	KOS PROJEK TANPA PERALATAN (RM)
Penyenggaraan am kaunter dan kerja berkaitan di Majlis Daerah Marang, Terengganu	100,000	Penyaman Udara	4,000	96,000

PROJEK	KOS PROJEK (RM)	PERALATAN/ HARTA MODAL	KOS (RM)	KOS PROJEK TANPA PERALATAN (RM)
Pengubahsuaian bangunan balai bomba lama kepada Pusat Pentadbiran *Non Government Agencies* (NGO) di Hulu Terengganu	149,800	Kamera Digital	1,500	148,300
Membina tempat duduk penonton di Padang Bola Kelab Komuniti Dewan Undangan Negeri Telemong, Terengganu	69,925	Pencetak Laser Komputer *Deskstop*	1,000 3,000	65,925
Membaiki dan menaik taraf jambatan dari Kg. Kepah kawasan pertanian mukim Hulu Telemong, Terengganu	121,878	Kamera Digital	2,000	119,878
Membina dan menyiapkan 2 jambatan konkrit dan pembetung di Jalan Kg. Tasek Sg. Ikan Tepoh, Terengganu	79,600	Kamera Digital *Distance Measurement* Kasut Keselamatan	2,000 500 900	76,200
Membekal dan memasang longkang konkrit, *culvert* di Kg.Tok Hakim, Terengganu	149,820	Komputer *Deskstop* *Distance* Measurement Kamera Digital	2,000 220 1,000	146,600
Membekal dan memasang longkang di Kampung Banggol Cicak Marang, Terengganu	159,800	Komputer Riba Kamera Digital	4,000 1,500	154,300
Menaik taraf jalan dari Jalan Pintu Air, Kg. Padang Kemuntung ke Jalan Maktab Perguruan Batu Rakit, Terengganu	97,220	Kamera Digital *Distance Measurement*	2,500 800	93,920
Melebar dan menaik taraf jalan Kg. Anak Ikan Dalam ke Kampung Anak Ikan Luar Jabi Setiu, Terengganu	119,996	Kamera Digital *Steel Tape 6m*	3,000 1,000	115,996
JUMLAH	**1,048,039**		**30,920**	**1,017,119**

3.4.6. Perbelanjaan Yang Tidak Teratur

3.4.6.1. Pembantu Teknik/Juruteknik adalah dipertanggungjawabkan untuk membuat pengesahan terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Pembayaran hanya boleh dibuat setelah kerja disahkan menepati spesifikasi yang ditetapkan dan disokong dengan dokumen yang lengkap. Didapati bayaran bagi 2 projek bernilai RM292,792 telah dibuat setelah disahkan siap oleh Pembantu Teknik/Juruteknik sungguhpun lawatan Audit mendapati kerja tersebut tidak dilaksanakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 3.9
BAYARAN DIBUAT BAGI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN

PROJEK	KOS PROJEK (RM)	KERJA TIDAK DILAKSANAKAN	BAYARAN BAGI KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN (RM)
Membina gelanggang tertutup dan pusat rekreasi di Taman Danau Desa, Seputeh, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	270,116	Gelanggang dan pusat rekreasi tidak dibina	270,116
Kerja menurap jalan dan mengecat tembok di Dewan Orang Ramai Kampung Pasir Segambut Luar, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	93,875	Sebahagian daripada kerja menurap jalan	22,676
JUMLAH	**363,991**		**292,792**

3.4.6.2. Di bawah program PEKA, satu projek asal yang telah diluluskan ialah kerja pembaikan dan menaik taraf serta kerja berkaitan di Surau Al Rahman Presint 16, Putrajaya dengan kos berjumlah RM50,000. Bagaimanapun, projek ini kemudiannya telah ditukar kepada projek mengecat semula serta kerja berkaitan di Rumah Jubli Perak King George V, Sungai Besi, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang melibatkan 2 bangunan pejabat/dewan dan asrama. Bagi melaksanakan kerja ini, surat tawaran dikeluarkan kepada kontraktor pada bulan Oktober 2006 dengan kos berjumlah RM50,000 dan tempoh siap kerja ditetapkan selama 4 minggu. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap inden kerja yang dikeluarkan pada bulan November 2006 mendapati kos projek tersebut adalah berjumlah RM172,258 di mana RM150,297 adalah bagi kerja memasang jubin lantai asrama dan pejabat. Lawatan Audit mendapati **kerja memasang jubin lantai asrama tidak dijalankan tetapi kos mengenainya tidak dapat ditentukan kerana spesifikasi kerja tidak menunjukkan secara berasingan kos bagi kerja memasang jubin asrama dan pejabat mengikut ruang keluasannya.**

3.4.6.3. Projek membina bangunan tambahan bagi Pusat Komuniti Persiaran Kilang, Bandar Tun Razak di Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dengan kos berjumlah RM44,698 telah dibuat pembayaran pada bulan Ogos 2008 sungguhpun kerja tidak disiapkan.

Pada pandangan Audit, PPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu menyiasat tentang bayaran yang tidak teratur ini dan jika ia berlaku akibat daripada penyelewengan, tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap mereka yang terlibat.

3.4.7. Pemantauan Dan Penyeliaan Terhadap Projek

3.4.7.1. Bagi memantapkan Program PIA dan PIAS, Perbendaharaan Malaysia telah meluluskan pelantikan seramai 15 Pembantu Teknik dan 131 Juruteknik untuk ditempatkan di kesemua Pejabat Pembangunan Negeri secara *Contract For Service*. Antara tugas Pembantu Teknik dan Juruteknik adalah seperti berikut :-

a. Melawat tapak projek sebelum penyediaan spesifikasi, pelan dan anggaran kos.
b. Menyediakan skop dan spesifikasi kerja serta anggaran kos dan pelan reka bentuk.
c. Menyelia, mengawasi dan membuat pengesahan kerja siap.
d. Menyediakan bayaran kemajuan dan perubahan kerja sekiranya berlaku perubahan skop.
e. Menyediakan laporan prestasi kewangan dan fizikal projek.
f. Menyediakan laporan siasatan projek.

3.4.7.2. Semakan Audit di 6 negeri mendapati nisbah bilangan Juruteknik berbanding projek adalah antara 1:17 hingga 1:105. Secara purata, seorang Juruteknik perlu menjaga, menyelia dan memantau 47 projek setahun. Semakan Audit juga mendapati sebahagian besar daripada Juruteknik/Pembantu Teknik berkenaan tidak mendapat latihan yang sewajarnya dalam bidang kerja masing-masing. Beban kerja yang banyak dan kekurangan latihan menyebabkan pegawai berkenaan sukar untuk menjalankan kerja penyeliaan dan pemantauan terhadap projek dengan berkesan.

Pada pandangan Audit, Perbendaharaan Malaysia perlu mengkaji semula bilangan Juruteknik dan Pembantu Teknik yang ditempatkan di setiap PPN dengan mengambil kira bebanan kerja sedia ada. PPN pula perlu memastikan latihan khusus yang berkaitan diberikan kepada pegawai ini bagi membolehkan mereka melaksanakan tugasan dengan cekap dan berkesan.

3.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Objektif program ini tidak mungkin dapat dicapai sepenuhnya jika kelemahan dalam pelaksanaannya yang berpunca daripada kegagalan agensi pelaksana mematuhi garis panduan yang ditetapkan dan kekurangan anggota teknikal di Pejabat Pembangunan Negeri (PPN) tidak diatasi dengan segera. Bagi memastikan objektif program ini dicapai dan Kerajaan mendapat *value for money*, adalah disyorkan Perbendaharaan Malaysia, Unit Penyelarasan Pelaksanaan, Jabatan Perdana Menteri dan PPN/Pejabat Daerah mempertimbangkan perkara berikut :-

3.5.1. Bagi membolehkan PPN/Pejabat Daerah mengambil tindakan terhadap kontraktor yang gagal melaksanakan kerjanya, surat tawaran perlu menyatakan dengan jelas tarikh memula dan menyiapkan kerja serta peruntukan berhubung dengan pengenaan denda terhadap kontraktor yang gagal mematuhi syarat tawaran.

3.5.2. Bagi mengelakkan pembaziran wang awam, pihak ICU, JPM perlu memastikan setiap projek dilaksanakan mengikut perancangan dan digunakan secara optimum.

3.5.3. PPN Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur perlu menyiasat tentang bayaran yang tidak teratur dan jika berlaku penyelewengan, tindakan yang sewajarnya hendaklah diambil terhadap mereka yang terlibat.

3.5.4. Perbendaharaan Malaysia perlu mengkaji semula kedudukan jawatan Juruteknik dan Pembantu Teknik yang ditempatkan di setiap PPN dengan mengambil kira bebanan kerja sedia ada. PPN pula perlu memastikan latihan khusus yang berkaitan diberikan kepada pegawai ini bagi membolehkan mereka melaksanakan tugasan dengan cekap dan berkesan.

KEMENTERIAN KEWANGAN

4. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI

- PENGURUSAN TAKSIRAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BERPENDAPATAN PENGGAJIAN DI BAWAH SISTEM TAKSIR SENDIRI

4.1. LATAR BELAKANG

4.1.1. Sistem Taksir Sendiri bagi pembayar cukai individu berpendapatan penggajian dilaksanakan mulai tahun taksiran 2004. Sistem Taksir Sendiri adalah berteraskan kepada konsep "Taksir, Bayar dan Fail" iaitu pembayar cukai dikehendaki membuat taksiran/pengiraan cukai sendiri dengan merujuk kepada panduan/peraturan yang ditetapkan, membuat bayaran cukai yang kena bayar dan mengemukakan Borang Cukai Pendapatan (Borang BE) kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) tanpa disokong dengan penyata/dokumen sokongan. Pembayar cukai perlu membayar jumlah cukai yang ditaksir sebelum atau pada tarikh yang ditetapkan dan dikehendaki menyimpan dokumen sokongan selama tempoh 7 tahun.

4.1.2. Proses taksiran cukai pendapatan individu berpendapatan penggajian bermula apabila data pembayar cukai aktif disalurkan oleh Bahagian Teknologi Maklumat kepada Pusat Pengeluaran. Seterusnya Pusat Pengeluaran akan mengeluarkan Borang BE kepada pembayar cukai pada 28 Februari. Borang BE yang telah diisi oleh pembayar cukai perlu dikembalikan kepada Pusat Pemprosesan selewat-lewatnya pada 30 April. Berdasarkan Borang BE yang diterima, Pusat Pemprosesan akan mengunci masuk (key-in*)* maklumat cukai ke dalam sistem bagi mengemaskinikan lejar pembayar cukai. Bagi Borang BE yang tidak dapat diserah kepada pembayar cukai, ia akan dikembalikan kepada Pusat Pemprosesan bagi membolehkannya mengemas kini maklumat dalam sistem sebagai borang tanpa serah. Seterusnya, maklumat mengenai pengeluaran Borang BE, Borang yang dikembalikan dan Borang BE tidak dapat diserah akan dijana supaya LHDN dapat mengeluarkan senarai Borang BE yang tidak dikembalikan.

4.1.3. Bagi tahun taksiran 2005 hingga 2007, peratus sumbangan pungutan cukai pendapatan individu berpendapatan penggajian berbanding jumlah pungutan hasil LHDN adalah antara 10.2% hingga 16.9% seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.1
PUNGUTAN CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU BERPENDAPATAN PENGGAJIAN BERBANDING JUMLAH PUNGUTAN HASIL

TAHUN	CUKAI PENDAPATAN INDIVIDU (RM Juta)	JUMLAH PUNGUTAN HASIL (RM Juta)	%
2005	5,777.69	56,854.56	10.2
2006	10,409.65	61,417.51	16.9
2007	11,592.18	69,308.94	16.7

4.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan taksiran cukai pendapatan individu berpendapatan penggajian di bawah Sistem Taksir Sendiri telah dilaksanakan dengan cekap dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

4.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan terhadap pengurusan taksiran cukai pendapatan individu berpendapatan penggajian di bawah Sistem Taksir Sendiri dijalankan bagi tempoh tahun taksiran 2005 hingga 2007. Pemilihan sampel berdasarkan kes yang telah disemak oleh Unit Audit Meja (Penggajian). Semakan Audit telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen yang berkaitan seperti Borang BE, fail taksiran, fail pungutan dan lejar pembayar cukai bagi **1,798** kes yang melibatkan 1,300 pembayar cukai di 12 cawangan LHDN iaitu Cawangan Jalan Duta; Kuala Lumpur Bandar; Cheras; Seremban; Kuantan; Terengganu; Kuching; Kangar; Ipoh; Pulau Pinang; Kelang dan Wilayah Persekutuan Labuan. Perbincangan dan temu bual juga diadakan dengan pegawai LHDN di semua peringkat yang terlibat bagi mendapat penjelasan lanjut.

4.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2008 mendapati secara keseluruhannya, pelaksanaan taksiran cukai pendapatan individu berpendapatan penggajian di bawah Sistem Taksir Sendiri adalah baik kerana dapat mengurangkan beban tugas pegawai LHDN. Namun dari segi pelaksanaannya, terdapat beberapa kelemahan yang boleh menyebabkan cukai pendapatan tidak/kurang dipungut. Antara kelemahan tersebut adalah Borang BE tidak dapat diserahkan kepada pembayar cukai; pembayar cukai tidak atau lewat mengembalikan Borang BE tetapi penalti tidak dikenakan terhadap mereka yang terlibat; wujud kesilapan/ketidaktepatan maklumat di Borang BE; potongan cukai berjadual tidak dibuat oleh majikan dan LHDN tidak mengeluarkan Arahan Potongan Gaji kepada majikan untuk memotong gaji pekerjanya yang mempunyai tunggakan cukai. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

4.4.1. Kelewatan Penerimaan Borang BE

4.4.1.1. Akta Cukai Pendapatan 1967 menghendaki pembayar cukai mengembalikan Borang BE sama ada secara manual atau *e-Filing* pada atau sebelum 30 April atau suatu tarikh yang ditetapkan oleh LHDN. Semakan Audit terhadap laporan statistik pengeluaran dan penerimaan Borang BE mendapati bagi tahun taksiran 2006 dan 2007, LHDN telah mengeluarkan sebanyak 4,105,040 Borang BE untuk diserahkan secara manual kepada pembayar cukai yang aktif. Bagaimanapun, sebanyak 146,349 (3.5%) Borang BE tidak dapat diserah kepada pembayar cukai kerana mereka telah berpindah/bertukar alamat. Daripada 3,958,691 Borang BE yang telah diserahkan bagi tahun 2006 dan

2007, hanya 1,560,409 (39.4%) borang tersebut yang dikembalikan oleh pembayar cukai. Daripada 1,560,409 Borang BE yang telah diterima, sebanyak 108,607 (7%) diklasifikasikan oleh LHDN sebagai lewat dikembalikan iaitu melebihi 15 hari dari tempoh yang ditetapkan. Mengikut statistik penerimaan borang *e-Filing* bagi tahun taksiran 2006 dan 2007 pula, sebanyak 27,097 (1.8%) daripada 1,534,651 Borang BE *e-Filing* lewat diterima oleh LHDN. Kedudukan penyerahan Borang BE bagi tahun taksiran 2006 dan 2007 sama ada melalui manual atau *e-Filing* adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.2
KEDUDUKAN PENYERAHAN BORANG BE MANUAL DAN *e-FILING*
BAGI TAHUN TAKSIRAN 2006 DAN 2007

TAHUN TAKSIRAN	BORANG BE (MANUAL)		JUMLAH DITERIMA
	DALAM TEMPOH	LEWAT DITERIMA	
2006	957,055	63,392	1,020,447
2007	494,747	45,215	539,962
JUMLAH	**1,451,802**	**108,607**	**1,560,409**
TAHUN TAKSIRAN	**BORANG BE (e-FILING)**		**JUMLAH DITERIMA**
2006	560,210	13,830	574,040
2007	947,344	13,267	960,611
JUMLAH	**1,507,554**	**27,097**	**1,534,651**

4.4.1.2. Semakan Audit mendapati penalti tidak dikenakan terhadap pembayar cukai yang lewat/tidak mengemukakan Borang BE bagi tahun taksiran 2004 hingga 2006 yang diterima sebelum 31 Disember 2007 kerana Ketua Eksekutif LHDN melalui Arahan Operasi Bil. 5 Tahun 2008 yang dikeluarkan pada bulan September 2008 telah memberi pengecualian mengenai pengenaan penalti memandangkan beban kerja di LHDN yang banyak ketika itu di samping mengurangkan beban kewangan pembayar cukai. Bagaimanapun, arahan tersebut tidak memberi pengecualian terhadap kes kelewatan yang telah pun dikenakan penalti sebelum pengeluaran arahan tersebut.

Pada pandangan Audit, bagi memastikan pembayar cukai mengembalikan Borang BE dalam tempoh yang ditetapkan dan jumlah sebenar cukai dapat ditentukan, LHDN hendaklah mengenakan penalti terhadap semua kes pembayar cukai yang tidak/lewat mengembalikan borang tersebut.

4.4.2. Ketidaktepatan Maklumat Dalam Borang BE

4.4.2.1. Pembayar cukai perlu mengisi maklumat dalam Borang BE dengan lengkap dan betul bagi memastikan ketepatan pengiraan cukai pendapatan. Jumlah cukai yang dikenakan seperti tercatat di Borang BE akan didebitkan kepada lejar pembayar cukai pada tarikh Borang BE diterima. Kesilapan dalam mengisi Borang BE akan ditunjukkan dalam sistem melalui *error indicator*. Berdasarkan kepada rekod LHDN, didapati sebanyak 6,658,476 kesilapan pengiraan telah dilakukan oleh pembayar cukai bagi tahun taksiran 2005 hingga

2007. Didapati bilangan kesilapan pengisian Borang BE oleh pembayar cukai telah berkurangan pada tahun 2007 berbanding 2 tahun sebelumnya kerana adanya usaha LHDN untuk memberi taklimat yang berterusan kepada pembayar cukai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.3
KESILAPAN PENGIRAAN CUKAI PENDAPATAN OLEH PEMBAYAR CUKAI BAGI TAHUN TAKSIRAN 2005 HINGGA 2007

TAHUN TAKSIRAN	JUMLAH BORANG BE DIPROSES			BILANGAN KESILAPAN PENGIRAAN
	MANUAL	e-FILING	JUMLAH	
2005	1,486,970	161,118	1,648,088	4,069,755
2006	1,020,447	574,040	1,594,487	1,600,578
2007	539,962	960,611	1,500,573	988,143
JUMLAH	**3,047,379**	**1,695,769**	**4,743,148**	**6,658,476**

4.4.2.2. Semakan Audit terhadap **1,198 Borang BE bagi tahun taksiran 2005 hingga 2007 di 6 cawangan iaitu Cawangan Jalan Duta, Cheras, Kuala Terengganu, Kuantan, Seremban dan Kuching mendapati** maklumat dalam **750 (62.6%)** Borang BE tersilap diisi oleh pembayar cukai seperti tuntutan bagi jumlah pelepasan; jumlah pendapatan bercukai; pelepasan bagi anak di bawah 18 tahun; perkiraan cukai yang perlu dibayar dan rebat cukai individu. **Ketidaktepatan maklumat di Borang BE ini telah melewatkan proses mengemas kini status jumlah cukai yang dikenakan kepada pembayar cukai, menambahkan beban tugas kakitangan LHDN semasa memproses Borang BE dan mengakibatkan perkiraan cukai yang perlu dibayar/dibayar balik tidak tepat. Selain itu, ianya juga meningkatkan bilangan kes yang perlu diaudit oleh Unit Audit Meja.**

Pada pandangan Audit, LHDN patut mengenakan denda terhadap pembayar cukai yang sengaja mengemukakan maklumat yang tidak tepat di Borang BE untuk tujuan mengurang/mengelak daripada membayar cukai seperti mana yang diperuntukkan dalam Akta Cukai Pendapatan 1967.

4.4.3. Kelewatan memproses Borang BE

Borang BE yang diterima sepatutnya diproses dengan segera sebaik sahaja ia diterima bagi membolehkan kedudukan lejar pembayar cukai dikemaskinikan. Semakan Audit mendapati sebanyak 1,003 (84%) daripada 1,198 Borang BE yang disemak hanya diproses selepas 3 hingga 673 hari **(Jadual 4.4)**. Faktor utama kelewatan LHDN memproses borang cukai pendapatan adalah kerana pembangunan sistem Taksir Sendiri yang dilaksanakan secara berperingkat mengikut keutamaan fungsi. Sistem Taksir Sendiri selain syarikat mula dibangunkan pada tahun 2004 dengan fungsi resitan. Maklumat cukai dikenakan yang direkodkan dalam lejar pembayar cukai bagi tahun taksiran 2004 dan 2005 hanya dapat dibuat pada bulan Julai 2006 apabila Modul Taksiran Disifatkan selesai dibangunkan. Ini mengakibatkan beban kerja yang banyak untuk sistem muatnaik data dan proses

taksiran disifatkan yang melibatkan 4,457,459 borang perlu diproses. Selain itu, pada peringkat permulaan pemprosesan borang cukai pendapatan telah di *outsource* kepada syarikat swasta pada pertengahan tahun 2005. LHDN juga menghadapi masalah dalam pemprosesan Borang BE kerana borang cukai pendapatan yang dikeluarkan bagi tahun taksiran 2004 dan 2005 tidak menepati teknologi *Intelligent Character Recognition* (ICR) yang digunakan oleh syarikat swasta. Borang cukai pendapatan telah direkabentuk dua kali dalam tahun 2006 dan 2007 bagi menyesuaikan teknologi ICR. Ini kerana tahap pengecaman (Recognition) data yang rendah. Kesilapan pembayar cukai seperti mengemukakan borang cukai pendapatan yang tidak lengkap juga turut menyumbang kepada sebab borang lewat diproses. Kelewatan memproses Borang BE telah mengakibatkan lejar pembayar cukai lewat dikemas kini dan seterusnya melewatkan LHDN mengambil tindakan terhadap perkara berikut :-

a. Membuat bayaran balik lebihan cukai pendapatan kepada pembayar cukai jika perlu.
b. Memungut cukai yang tidak/kurang dibayar oleh pembayar cukai.
c. Pengauditan terhadap Borang BE oleh Unit Audit Meja.

JADUAL 4.4
TEMPOH KELEWATAN MEMPROSES BORANG BE

CAWANGAN	BIL. BORANG (KES) DIAUDIT	BIL. BORANG BE LEWAT DIPROSES	TEMPOH KELEWATAN (HARI)			
			3 - 90	91 - 180	181 - 365	> 365
Jalan Duta	267	204	103	33	51	17
Cheras	207	161	60	29	60	12
Seremban	183	160	69	24	58	9
Kuantan	214	192	73	34	63	22
Terengganu	58	55	27	9	11	8
Kuching	269	231	106	36	70	19
JUMLAH	**1,198**	**1,003**	**438**	**165**	**313**	**87**

4.4.4. Prestasi Pengauditan Oleh Unit Audit Meja

4.4.4.1. LHDN mewujudkan Unit Audit Meja (Penggajian) bagi memastikan maklumat yang dicatatkan dalam Borang BE dan taksiran cukai yang dibuat oleh pembayar cukai adalah tepat. Unit Audit Meja (Penggajian) akan memilih kes untuk diaudit berdasarkan kepada beberapa kriteria yang ditetapkan antaranya ialah kesilapan dalam mengisi Borang BE, pendapatan tahun kebelakangan yang dilaporkan dalam tahun semasa serta item tuntutan dan pelepasan yang dituntut oleh pembayar cukai. Bagi tempoh bulan September 2007 hingga Julai 2008, jumlah kes yang dikenal pasti oleh LHDN untuk diperiksa oleh Unit Audit Meja (Penggajian) di 6 cawangan LHDN adalah sebanyak 139,052 kes. Daripada jumlah tersebut, Unit Audit Meja (Penggajian) telah dapat menyelesaikan sebanyak 119,527 kes (86%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.5
PRESTASI UNIT AUDIT MEJA (PENGGAJIAN)
BAGI TEMPOH BULAN SEPTEMBER 2007 HINGGA JULAI 2008

CAWANGAN LHDN	BILANGAN PEMBAYAR CUKAI AKTIF	BILANGAN KES YANG PERLU DIAUDIT	BILANGAN KES TELAH SELESAI DIAUDIT	PERATUS KES SELESAI
Kuala Lumpur Bandar	216,719	23,531	18,643	79.8
Kelang	145,939	42,855	42,202	98.5
Ipoh	73,254	22,642	18,736	82.8
Pulau Pinang	239,118	31,179	25,763	82.6
Kangar	31,858	15,444	10,782	70.0
Wilayah Persekutuan Labuan	14,841	3,401	3,401	100
JUMLAH	**721,729**	**139,052**	**119,527**	**86.0**

4.4.4.2. Jabatan Audit Negara telah membuat pemeriksaan terhadap rekod percukaian bagi 1,798 kes yang melibatkan 1,300 pembayar cukai di 12 cawangan yang dipilih dan mendapati Unit Audit Meja (Penggajian) telah membangkitkan cukai tambahan terhadap 816 kes berjumlah RM2.11 juta dan 209 kes cukai kurangan berjumlah RM1.86 juta **(Jadual 4.6)**. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati ada **10 kes lagi cukai terkurang ditaksir melibatkan cukai tambahan berjumlah RM10,910 yang tidak dibangkitkan oleh Unit Audit Meja (Penggajian)**. Butirannya adalah seperti di **Jadual 4.7**.

JADUAL 4.6
CUKAI TAMBAHAN DAN CUKAI KURANGAN
YANG DIBANGKITKAN OLEH UNIT AUDIT MEJA (PENGGAJIAN)

CAWANGAN	JUMLAH KES DIAUDIT	CUKAI TAMBAHAN		CUKAI KURANGAN	
		BIL. KES	(RM Juta)	BIL. KES	(RM Juta)
Seremban	183	79	0.16	10	0.02
Jalan Duta	267	118	0.16	7	0.03
Cheras	207	69	0.14	2	0
Kuantan	214	84	0.06	12	0.01
Kuching	269	60	0.09	6	0.01
Terengganu	58	46	0.11	4	0
Kuala Lumpur Bandar	150	86	0.46	58	1.51
Kelang	100	64	0.18	14	0.03
Ipoh	100	48	0.24	32	0.03
Pulau Pinang	150	97	0.17	41	0.02
Kangar	50	33	0.21	12	0.10
Wilayah Persekutuan Labuan	50	32	0.13	11	0.10
JUMLAH	**1,798**	**816**	**2.11**	**209**	**1.86**

JADUAL 4.7
CUKAI TAMBAHAN YANG DIKENALPASTI OLEH JABATAN AUDIT NEGARA

CAWANGAN	CUKAI TAMBAHAN	
	BIL. KES	(RM)
Jalan Duta	4	2,490
Cheras	4	2,297
Seremban	1	6,096
Kuching	1	27
JUMLAH	**10**	**10,910**

Pada pandangan Audit, memandangkan hampir 50% daripada kes Borang BE yang diaudit oleh Unit Audit Meja (Penggajian) mendapati ketidaktepatan cukai yang dibayar sama ada terlebih/terkurang, LHDN patut memperkasakan kakitangannya yang ditempatkan di unit tersebut dari segi kuantiti dan kepakarannya.

4.4.4.3. Mengikut Rangka Kerja Audit Cukai LHDN yang berkuat kuasa mulai 1 Januari 2007, Unit Audit Meja (Penggajian) perlu menyelesaikan pengauditan terhadap setiap kes dalam tempoh 3 bulan dari tarikh permulaan audit. Semakan Audit terhadap 600 fail pembayar cukai dari tempoh fail diagihkan kepada pegawai audit meja sehingga kes diselesaikan di 6 cawangan iaitu Cawangan Kuala Lumpur Bandar, Kelang, Ipoh, Pulau Pinang, Kangar dan Wilayah Persekutuan Labuan mendapati sebanyak 491 kes telah diselesaikan dalam tempoh 3 bulan melibatkan cukai tambahan berjumlah RM1.90 juta dan cukai kurangan berjumlah RM1.24 juta. Manakala 68 kes telah diselesaikan antara tempoh 2 hingga 465 hari melibatkan cukai tambahan berjumlah RM0.13 juta dan cukai kurangan berjumlah RM1.33 juta. Baki sebanyak 38 kes lagi tidak dapat dipastikan tempoh penyelesaian kerana tiada maklumat lengkap yang dikemukakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.8
TEMPOH PENYELESAIAN KES OLEH UNIT AUDIT MEJA (PENGGAJIAN)

CAWANGAN LHDN	DISELESAIKAN DALAM TEMPOH			DISELESAIKAN MELEBIHI TEMPOH				MAKLUMAT TIDAK LENGKAP
	BIL. KES	CUKAI TAMBAHAN (RM Juta)	CUKAI KURANGAN (RM Juta)	BIL. KES	HARI	CUKAI TAMBAHAN (RM Juta)	CUKAI KURANGAN (RM Juta)	BIL. KES
Kuala Lumpur Bandar	113	0.37	0.11	10	2-155	0.03	1.33	27
Ipoh	65	0.20	0.09	27	18-57	0.04	-	8
Pulau Pinang	126	0.12	0.02	21	8-291	0.05	-	3
Kangar	45	0.13	0.10	2	3-28	-	-	-
Wilayah Persekutuan Labuan	49	0.90	0.88	1	31	-	-	-
Kelang	93	0.18	0.04	7	36-465	0.01	-	-
JUMLAH	**491**	**1.90**	**1.24**	**68**	**2-465**	**0.13**	**1.33**	**38**

4.4.4.4. Akta Cukai Pendapatan 1967 memberi kuasa kepada LHDN untuk mendapatkan dokumen sokongan daripada pembayar cukai bagi menentukan kesahihan maklumat yang dinyatakan di Borang BE. Daripada 1,798 kes pembayaran cukai yang telah dipilih untuk semakan Audit, didapati kecuali Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan, dokumen sokongan bagi 1,044 kes di cawangan lain tidak ada di dalam fail taksiran pembayar cukai berkenaan. Akibatnya, **pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pelepasan yang dituntut berjumlah RM9.93 juta dan cukai kena bayar berjumlah RM6.22 juta yang telah disemak oleh Unit Audit Meja (Penggajian) adalah tepat**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.9
TUNTUTAN PELEPASAN TIDAK DISOKONG DENGAN DOKUMEN SOKONGAN

CAWANGAN	PEMBAYAR CUKAI YANG DIAUDIT	KES DIAUDIT	BIL. KES TANPA DOKUMEN SOKONGAN	TUNTUTAN PELEPASAN (RM Juta)	CUKAI KENA BAYAR (RM Juta)
Kuala Lumpur Bandar	150	150	136	1.10	1.58
Ipoh	100	100	89	0.72	0.62
Pulau Pinang	150	150	145	1.61	0.94
Kangar	50	50	31	0.31	0.31
Wilayah Persekutuan Labuan	50	50	-	-	-
Kelang	100	100	94	1.11	0.60
Jalan Duta	150	267	138	1.72	0.96
Cheras	150	207	114	0.75	0.23
Terengganu	50	58	40	0.42	0.16
Kuantan	150	214	112	0.74	0.13
Seremban	100	183	71	0.64	0.26
Kuching	100	269	74	0.81	0.43
JUMLAH	**1,300**	**1,798**	**1,044**	**9.93**	**6.22**

Pada pandangan Audit, Unit Audit Meja (Penggajian) perlu memastikan setiap tuntutan pelepasan disokong dengan dokumen sokongan yang sepatutnya dan dokumen tersebut disimpan dengan teratur dalam fail pembayar cukai.

4.4.5. Ketiadaan/Ketidaktepatan Potongan Cukai Berjadual

4.4.5.1. Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994, pindaan 2004 menetapkan setiap pekerja yang mempunyai pendapatan melebihi RM2,551 sebulan adalah layak dikenakan potongan cukai berjadual. Ia bertujuan untuk mengurangkan bebanan pembayar cukai apabila membayar cukai pendapatan. Semakan Audit terhadap 600 fail pembayar cukai yang telah dijalankan pengauditan oleh Unit Audit Meja (Penggajian) mendapati 24 pembayar cukai yang mempunyai pendapatan melebihi RM2,551 sebulan tidak membuat potongan cukai berjadual untuk menyelesaikan cukai yang perlu dibayar antara RM348 hingga RM30,032. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.10
POTONGAN CUKAI BERJADUAL TIDAK DILAKSANAKAN

CAWANGAN LHDN	TIADA POTONGAN CUKAI BERJADUAL	
	BIL.	CUKAI KENA DIBAYAR (RM)
Kuala Lumpur Bandar	11	348 Hingga 11,045
Ipoh	2	668 Hingga 719
Pulau Pinang	8	552 Hingga 30,032
Kelang	2	675 Hingga 5,041
Kangar	1	494
JUMLAH	**24**	**348 Hingga 30,032**

4.4.5.2. Semakan Audit selanjutnya terhadap 220 fail pembayar cukai yang membuat potongan cukai berjadual mendapati jumlah potongan cukai berjadual (PCB) bagi 42 pembayar cukai yang dinyatakan di Borang BE adalah berjumlah RM0.39 juta manakala jumlah di lejar pembayar cukai tersebut adalah RM0.25 juta iaitu berbeza sebanyak RM0.14 juta. Sebaliknya bagi 131 pembayar cukai yang lain, jumlah PCB yang dinyatakan di Borang BE berjumlah RM1.55 juta berbanding dengan RM0.82 juta di dalam lejarnya. Perbezaan jumlah PCB ini disebabkan oleh kesilapan yang dilakukan oleh pembayar cukai ketika mengisi borang, kesilapan majikan pembayar cukai menggunakan kod yang berlainan ketika membuat pembayaran dan kesilapan pembayaran tahun PCB. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.11
PERBEZAAN POTONGAN CUKAI BERJADUAL
DI BORANG BE DENGAN LEJAR PEMBAYAR CUKAI

CAWANGAN LHDN	BIL.	LEJAR PEMBAYAR CUKAI (RM)	BORANG BE (RM)	PERBEZAAN (RM)
Jumlah Potongan Di Borang BE Lebih Daripada Lejar Pembayar Cukai				
Kuala Lumpur Bandar	11	71,124	93,021	21,897
Ipoh	8	62,273	109,928	47,655
Pulau Pinang	4	16,508	17,811	1,303
Kelang	9	81,935	97,836	15,901
Kangar	5	16,264	70,690	54,426
Wilayah Persekutuan Labuan	5	6,027	10,632	4,605
JUMLAH	**42**	**254,131**	**399,918**	**145,787**
Jumlah Potongan Di Borang BE Kurang Daripada Lejar Pembayar Cukai				
Kuala Lumpur Bandar	36	533,859	347,680	186,179
Ipoh	16	247,182	127,449	119,733
Pulau Pinang	42	242,544	134,807	107,737
Kelang	24	120,408	80,167	40,241
Kangar	7	91,264	56,179	35,058
Wilayah Persekutuan Labuan	6	310,542	78,406	232,136
JUMLAH	**131**	**1,545,799**	**824,688**	**721,111**

Pada pandangan Audit, LHDN hendaklah memastikan majikan membuat potongan cukai berjadual daripada gaji pekerja yang layak dikenakan cukai. LHDN juga perlu menyiasat tentang perbezaan jumlah potongan cukai berjadual yang dinyatakan di Borang BE dengan lejar pembayar cukai. Selain itu, LHDN perlu meningkatkan pengetahuan majikan terhadap kaedah-kaedah Potongan Cukai Berjadual dan memberi pendedahan kepada pembayar cukai berkaitan dengan pengisian Borang Cukai Pendapatan.

4.4.6. Arahan Potongan Gaji

Kaedah-Kaedah Cukai Pendapatan (Potongan Daripada Saraan) 1994, pindaan 2004 memberi kuasa kepada LHDN untuk mengarahkan majikan membuat potongan daripada gaji bulanan pembayar cukai melalui Arahan Potongan Gaji (CP38) selain daripada membuat potongan cukai berjadual. Semakan Audit terhadap 600 fail pembayar cukai yang telah diaudit oleh Unit Audit Meja (Penggajian) mendapati 83 pembayar cukai setelah ditolak potongan cukai berjadual masih mempunyai cukai tertunggak berjumlah antara RM48 hingga RM18,799. Bagaimanapun, Arahan Potongan Gaji tidak dikeluarkan oleh LHDN kepada majikan untuk menyelesaikan cukai yang tertunggak itu. Keadaan ini mengakibatkan tunggakan cukai meningkat dari setahun ke setahun. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 4.12
ARAHAN POTONGAN GAJI (CP38) TIDAK DIKELUARKAN

CAWANGAN LHDN	BIL.	BAKI CUKAI TERTUNGGAK (RM)
Kuala Lumpur Bandar	24	96 Hingga 4,307
Ipoh	10	521 Hingga 6,994
Pulau Pinang	30	51 Hingga 10,438
Kelang	8	319 Hingga 18,799
Kangar	11	48 Hingga 14,932
JUMLAH	**83**	**48 Hingga 18,799**

Pada pandangan Audit, LHDN perlu mengambil tindakan segera mengeluarkan Arahan Potongan Gaji kepada majikan yang pekerjanya masih mempunyai tunggakan cukai.

4.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, pelaksanaan taksiran cukai pendapatan individu berpendapatan penggajian di bawah Sistem Taksir Sendiri adalah baik. Bagaimanapun, LHDN hendaklah segera mengatasi masalah berkenaan Borang BE yang tidak dapat diserah kepada pembayar cukai dan yang dapat diserahkan kepada mereka tetapi tidak dikembalikan semula kepada LHDN untuk tujuan taksiran kerana ia boleh menjejaskan kutipan hasil Kerajaan. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan supaya LHDN mengambil langkah berikut :-

4.5.1. Memberi penerangan yang berterusan kepada pembayar cukai dengan menempatkan *desk officer* di tempat yang dikunjungi orang ramai seperti pusat membeli belah dan bangunan pejabat.

4.5.2. Bagi kes yang perlu diaudit oleh Unit Audit Meja (Penggajian), semua dokumen sokongan hendaklah diminta daripada pembayar cukai dan disimpan di dalam fail pembayar cukai.

4.5.3. Penalti dikenakan terhadap pembayar cukai yang tidak/lewat mengembalikan Borang BE.

4.5.4. LHDN hendaklah mengambil tindakan bagi memastikan majikan membuat potongan cukai berjadual daripada gaji pekerja yang gaji bulanannya melebihi RM2,551.

4.5.5. LHDN hendaklah mengeluarkan Arahan Potongan Gaji kepada majikan untuk membuat potongan gaji pekerja bagi menyelesaikan tunggakan cukai mereka.

4.5.6. Memandangkan hampir 50% daripada kes Borang BE yang diaudit oleh Unit Audit Meja (Penggajian) mendapati ketidaktepatan cukai yang dibayar sama ada terlebih/terkurang, LHDN patut memperkasakan kakitangannya yang ditempatkan di unit tersebut dari segi kuantiti dan kepakarannya.

KEMENTERIAN KEWANGAN

5. LEMBAGA HASIL DALAM NEGERI
- PENGURUSAN PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN

5.1. LATAR BELAKANG

5.1.1. Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) bertanggungjawab membayar balik lebihan cukai pendapatan kepada pembayar cukai di bawah Seksyen 111, Akta Cukai Pendapatan 1967. Lebihan ini berlaku disebabkan oleh jumlah cukai yang dibayar melebihi cukai kena dibayar dan potongan cukai daripada pendapatan dividen melebihi cukai yang dikenakan.

5.1.2. Di bawah Sistem Taksir Sendiri (STS) yang dilaksanakan terhadap syarikat mulai tahun taksiran 2001 dan individu mulai tahun taksiran 2004, pembayar cukai akan menuntut balik lebihan cukai pendapatan melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan yang dikemukakan secara pos, serahan tangan atau *e-Filing.* Bagaimanapun, lebihan tersebut hanya boleh dikembalikan kepada pembayar cukai selepas kesemua taksiran cukai dikeluarkan dan akaun pembayar cukai berkenaan dikemas kini sehingga taksiran tahun semasa serta maklumat dalam Borang Nyata Cukai Pendapatan adalah lengkap dan tepat. Sebelum pelaksanaan STS, pembayar cukai perlu memohon secara rasmi kepada LHDN untuk mendapatkan balik lebihan cukai pendapatan bagi kes jumlah cukai yang dibayar melebihi cukai kena dibayar. Manakala bagi kes potongan cukai daripada pendapatan dividen melebihi cukai yang dikenakan, lebihan cukai pendapatan akan dikembalikan kepada pembayar cukai selepas taksiran cukai dikeluarkan oleh LHDN.

5.1.3. Mulai tahun 2005, pembayaran balik lebihan cukai pendapatan adalah dibiayai daripada Kumpulan Wang Amanah yang dikenali sebagai Tabung Bayaran Balik Cukai. Tabung ini digunakan untuk membayar balik bukan sahaja lebihan cukai pendapatan juga untuk lebihan bayaran cukai keuntungan harta tanah dan lebihan bayaran duti setem. Sepanjang tempoh tahun 2005 hingga 2008, sejumlah RM21.49 bilion telah dibayar balik kepada pembayar cukai.

5.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembayaran balik lebihan cukai pendapatan kepada pembayar cukai telah diuruskan dengan cekap dan mengikut undang-undang serta peraturan yang ditetapkan.

5.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi 424 transaksi pembayaran balik lebihan cukai pendapatan yang melibatkan 1,466 kes bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Jun 2008. Daripada

424 transaksi tersebut, sebanyak 151 transaksi melibatkan 455 kes adalah mengenai bayaran balik lebihan cukai pendapatan kepada syarikat di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur manakala 273 transaksi melibatkan 1,011 kes adalah bagi bayaran balik lebihan cukai pendapatan kepada individu di 4 Cawangan LHDN iaitu Unit Pungutan di Alor Setar, Johor Bahru, Kota Bharu dan Kota Kinabalu. Rekod dan dokumen berkaitan telah disemak dan perbincangan serta temu bual dengan pegawai LHDN yang berkenaan juga diadakan bagi mendapatkan penjelasan lanjut.

5.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan pada bulan Januari, Ogos hingga Oktober 2008 mendapati sebahagian besar daripada sampel bayaran balik lebihan cukai pendapatan yang diaudit melibatkan sejumlah RM648.70 juta telah lewat dibayar balik kepada pembayar cukai antara 10 hari hingga 2 tahun bagi kes manual dan hingga 1 tahun bagi kes *e-Filing.* Kelewatan ini antaranya disebabkan oleh pembangunan Sistem Taksir Sendiri (STS) untuk memproses Borang Nyata Cukai Pendapatan dilaksanakan secara berperingkat, maklumat/dokumen yang dikemukakan oleh pembayar cukai tidak lengkap/diragui dan ketidakupayaan LHDN menangani masalah ini disebabkan oleh pegawai yang bertanggungjawab juga perlu menguruskan tugas-tugas lain. Selain itu, didapati ada juga bayaran balik yang tidak dibuat dengan tepat yang mengakibatkan kerugian kepada Kerajaan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

5.4.1. Prestasi Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan

5.4.1.1. Daripada 1,834,094 kes permohonan bayaran balik lebihan cukai pendapatan di seluruh negara bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, LHDN telah selesai menyemak 1,788,106 kes atau 97.5%. Manakala 20,212 kes sedang disemak dan 25,776 kes lagi belum dibuat semakan. **Sebanyak 1,219,653 (68.2%)** daripada 1,788,106 kes yang telah disemak **melibatkan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan berjumlah RM18.22 bilion. Bagi baki 568,453 kes (31.8%), tiada lebihan cukai pendapatan yang perlu dibayar kepada pembayar cukai.** Butirannya adalah seperti di **Jadual 5.1 dan 5.2**.

JADUAL 5.1
PRESTASI PENYELESAIAN PERMOHONAN BAYARAN BALIK LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TAHUN	BILANGAN KES				
	BAKI	DITERIMA	SIAP DISEMAK	SEDANG DISEMAK	BELUM DISEMAK
2006	59,851	114,995	291,315	22,621	50,569
2007	73,190	643,590	658,147	21,080	37,553
2008	58,633	825,999	838,644	20,212	25,776
JUMLAH			1,788,106		

JADUAL 5.2
PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TAHUN	BILANGAN KES SIAP DISEMAK	BILANGAN KES TIDAK TERLIBAT DENGAN BAYARAN BALIK	BAYARAN BALIK LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN	
			BILANGAN KES	JUMLAH (RM Juta)
2006	291,315	105,421	185,894	4,320.77
2007	658,147	210,476	447,671	5,347.97
2008	838,644	252,556	586,088	8,548.04
JUMLAH	**1,788,106**	**568,453**	**1,219,653**	**18,216.78**

5.4.1.2. Sepertimana yang ditunjukkan di **Jadual 5.2**, terdapat peningkatan dalam pembayaran balik lebihan cukai dari setahun ke setahun kerana LHDN telah mengambil tindakan yang drastik dengan menempatkan lebih ramai kakitangan untuk menyelesaikan tuntutan bayaran balik yang dikemukakan pada tahun-tahun sebelumnya.

5.4.2. Kelewatan Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan

5.4.2.1. Mengikut Piagam Pelanggan, lebihan cukai pendapatan yang dituntut melalui Borang Nyata Cukai Pendapatan yang dikemukakan secara pos atau serahan tangan (manual) perlu dibayar balik kepada pembayar cukai dalam tempoh 3 bulan manakala dalam tempoh 1 bulan bagi tuntutan melalui *e-Filing*. Daripada 424 transaksi yang disemak, **didapati 231 (54.5%) transaksi melibatkan 821 kes di mana lebihan cukai pendapatan berjumlah RM648.70 juta telah lewat dibayar balik kepada pembayar cukai antara 10 hari hingga 2 tahun bagi kes manual dan hingga 1 tahun bagi kes *e-Filing*.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.3
KELEWATAN PENYELESAIAN KES PEMBAYARAN BALIK LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN BAGI KES BORANG NYATA CUKAI PENDAPATAN YANG DITERIMA SECARA MANUAL DAN *E-FILING*

CAWANGAN	MANUAL				*E-FILING*		JUMLAH KELEWATAN (E=A+B+C+D)	
	> 10 HARI HINGGA 1 TAHUN (A)		> 1 TAHUN HINGGA 2 TAHUN (B)		> 10 HARI HINGGA 1 TAHUN (C)			
	BIL. TRANSAKSI (BIL. KES)	AMAUN BAYARAN BALIK (RM Juta)	BIL. TRANSAKSI (BIL. KES)	AMAUN BAYARAN BALIK (RM Juta)	BIL. TRANSAKSI (BIL. KES)	AMAUN BAYARAN BALIK (RM Juta)	BIL. TRANSAKSI (BIL. KES)	AMAUN BAYARAN BALIK (RM Juta)
KES INDIVIDU								
Alor Setar	11 (35)	0.21	2 (3)	0.04	1 (7)	0.02	14 (45)	0.27
Johor Bahru	18 (80)	0.94	0	0	7 (32)	0.35	25 (112)	1.29
Kota Bharu	22 (111)	0.54	3 (18)	0.05	7 (35)	0.17	32 (164)	0.76

CAWANGAN	MANUAL				*E-FILING*		JUMLAH KELEWATAN (E=A+B+C+D)	
	> 10 HARI HINGGA 1 TAHUN (A)		> 1 TAHUN HINGGA 2 TAHUN (B)		> 10 HARI HINGGA 1 TAHUN (C)			
	BIL. TRANSAKSI (BIL. KES)	AMAUN BAYARAN BALIK (RM Juta)	BIL. TRANSAKSI (BIL. KES)	AMAUN BAYARAN BALIK (RM Juta)	BIL. TRANSAKSI (BIL. KES)	AMAUN BAYARAN BALIK (RM Juta)	BIL. TRANSAKSI (BIL. KES)	AMAUN BAYARAN BALIK (RM Juta)
Kota Kinabalu	34 (65)	0.55	13 (52)	0.22	14 (67)	0.29	61 (184)	1.06
KES SYARIKAT								
Pungutan Kuala Lumpur	80 (250)	513.46	19 (66)	131.86	0	0	99 (316)	645.32
JUMLAH	**165 (541)**	**515.70**	**37 (139)**	**132.17**	**29 (141)**	**0.83**	**231 (821)**	**648.70**

5.4.2.2. Antara sebab berlaku kelewatan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan adalah seperti berikut :-

a. Kelewatan memproses Borang Nyata Cukai Pendapatan adalah disebabkan :-

i. Pembangunan Sistem Taksir Sendiri (STS) untuk memproses Borang Nyata Cukai Pendapatan dilaksanakan secara berperingkat di mana STS bagi syarikat disiapkan sepenuhnya pada tahun 2003 manakala STS bagi individu pada tahun 2008. Sehubungan ini, pada pertengahan tahun 2005, pemprosesan Borang Nyata Cukai Pendapatan telah di *outsouce* kepada syarikat swasta. Ini mengakibatkan pembangunan sistem perlu diubah suai mengikut proses kerja yang baru dengan menggunakan teknologi *Intelligent Character Recognition (ICR).* Borang Nyata Cukai Pendapatan yang telah dikeluarkan pada masa tersebut tidak menepati spesifikasi keperluan untuk teknologi *ICR*. Ini menyebabkan LHDN perlu menukar kaedah pemprosesan dari kemasukan data kepada *ICR*. Keadaan ini telah menyebabkan kelewatan pemprosesan Borang Nyata Cukai Pendapatan, kelewatan muat naik data pembayar cukai dan kelewatan merekodkan taksiran cukai di lejar pembayar cukai sebelum proses bayaran balik lebihan cukai pendapatan boleh diuruskan di Unit/Cawangan Pungutan;

ii. Borang Nyata Cukai Pendapatan yang dikemukakan oleh pembayar cukai adalah tidak lengkap/bukan borang asal/wujud dua nombor rujukan cukai pendapatan bagi pembayar cukai yang sama;

iii. Bilangan permohonan bayaran balik lebihan cukai pendapatan yang banyak khususnya pada akhir tempoh yang dibenarkan untuk penyerahan Borang Nyata Cukai Pendapatan kes individu pada bulan April dan Jun;

b. Akaun pembayar cukai perlu dibuat penyesuaian kerana melibatkan beberapa tahun taksiran.

c. LHDN perlu memastikan sama ada pembayar cukai mempunyai hutang cukai pendapatan untuk tahun taksiran tertentu, hutang cukai keuntungan harta tanah dan hutang syarikat kepada Kerajaan akibat dari cukai yang dipotong daripada dividen yang dibayar kepada pemegang saham (Jumlah Perbandingan) melebihi Agregat Perbandingan (Agregat Perbandingan adalah cukai pendapatan yang dibayar oleh syarikat kepada LHDN dicampur dengan potongan cukai daripada pendapatan dividennya dan ditolak dengan cukai pendapatan yang dibayar balik oleh LHDN kepada syarikat berkenaan).

d. Unit Audit Cukai perlu membuat pengesahan semula terhadap Borang Nyata Cukai Pendapatan yang mempunyai kesilapan atau butiran yang meragukan dan tempoh penyelesaiannya bergantung kepada tahap kerjasama pembayar cukai.

e. Kesilapan pembayar cukai mengisi kod bayaran cukai menyebabkan bayaran yang direkodkan dalam lejar bagi tahun taksiran yang tidak sepatutnya dan ini perlu diselaraskan oleh LHDN. Kemasukan transaksi yang tidak teratur ini mengakibatkan Pegawai Penyedia terpaksa mengambil masa yang lama untuk menyediakan penyata penyesuaian.

f. Baucar dividen atau maklumat bayaran cukai yang tidak lengkap perlu diperoleh daripada pembayar cukai sebelum proses bayaran balik lebihan cukai pendapatan diuruskan.

g. Beban kerja pegawai LHDN khususnya penerimaan Borang Nyata Cukai Pendapatan dalam tempoh dua minggu terakhir bagi bulan April dan Jun bagi kes individu juga menyebabkan kelewatan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan. Selain daripada menguruskan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan, pegawai terlibat juga dipertanggungjawabkan untuk menguruskan tugas-tugas lain. Secara purata, nisbah bilangan pegawai yang telah diisi berbanding dengan bilangan kes lebihan cukai pendapatan bagi tahun 2007 dan 2008 adalah antara 1 : 1,590 hingga 1 : 1,706. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.4
NISBAH ANTARA BILANGAN PEGAWAI YANG DIISI DAN BILANGAN KES LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN BAGI TAHUN 2007 DAN 2008 DI UNIT PUNGUTAN CAWANGAN NEGERI

CAWANGAN	2007			2008		
	BIL. PEGAWAI (A)	BIL. KES LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN (B)	NISBAH A : B	BIL. PEGAWAI (A)	BIL. KES LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN (B)	NISBAH A : B
Alor Setar (Kes Individu)	4	14,197	1 : 3,549	4	12,884	1 : 3,221
Johor Bahru (Kes Individu)	20	38,675	1 : 1,934	24	47,736	1 : 1,989
Kota Bharu (Kes Individu)	4	8,277	1 : 2,069	4	10,856	1 : 2,714
Kota Kinabalu (Kes Individu)	4	25,251	1 : 6,313	5	23,604	1 : 4,721

CAWANGAN	2007			2008		
	BIL. PEGAWAI (A)	BIL. KES LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN (B)	NISBAH A : B	BIL. PEGAWAI (A)	BIL. KES LEBIHAN CUKAI PENDAPATAN (B)	NISBAH A : B
Pungutan Kuala Lumpur (Kes Syarikat)	42	39,878	1 : 949	48	40,068	1 : 835
JUMLAH	**74**	**126,278**	**1 : 1,706**	**85**	**135,148**	**1 : 1,590**

Nota : Maklumat Bagi Tahun 2006 Tidak Diperoleh

h. Semasa penstrukturan perjawatan LHDN, Ibu Pejabat LHDN hanya memperuntukkan bilangan jawatan yang diluluskan untuk sesuatu cawangan tetapi tidak secara khusus untuk unit-unitnya yang terlibat dengan pengurusan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan. Cawangan Pungutan Kuala Lumpur dengan inisiatif sendiri telah menentukan bilangan jawatan secara khusus untuk mengurus pembayaran balik lebihan cukai pendapatan di Unit Korporat Besar dan Unit Syarikat. Pada tahun 2008, sebanyak 63 jawatan telah diluluskan di Unit Korporat Besar dan Unit Syarikat di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur untuk mengurus pembayaran balik lebihan cukai pendapatan tetapi hanya 48 jawatan telah diisi. Manakala di Cawangan LHDN Negeri, pengagihan bilangan jawatan untuk diisi di setiap unit dilakukan oleh Pengarah Cawangan masing-masing mengikut keperluan semasa. Semakan Audit mendapati bagi mengurus pembayaran balik lebihan cukai pendapatan di 4 Unit Pungutan di cawangan negeri yang diaudit, sebanyak 37 jawatan telah diagihkan ke unit tersebut. Kedudukan perjawatan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 5.5
KEDUDUKAN PERJAWATAN CAWANGAN/UNIT PUNGUTAN BAGI TAHUN 2008

CAWANGAN		DILULUSKAN	DIISI	DIISI (%)
Pungutan Kuala Lumpur	Unit Korporat Besar	7	7	100
	Unit Syarikat I dan II	56	41	73.2
JUMLAH		**63**	**48**	**76.2**
CAWANGAN NEGERI		**JUMLAH JAWATAN YANG DIAGIHKAN KE UNIT PUNGUTAN DI CAWANGAN NEGERI**		
Alor Setar		4		
Johor Bahru		24		
Kota Bharu		4		
Kota Kinabalu		5		
JUMLAH		**37**		

Pada pandangan Audit, LHDN perlu mematuhi tempoh masa penyelesaian kes pembayaran balik lebihan cukai pendapatan yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggannya bagi meningkatkan sistem penyampaiannya. Memandangkan antara faktor kelewatan bayaran balik adalah berpunca daripada beban kerja kakitangan yang terlibat, LHDN juga perlu mengkaji semula bilangan pegawai yang sebenarnya diperlukan untuk mengurus pembayaran balik lebihan cukai

pendapatan di setiap Cawangan/Unit Pungutan supaya ia selaras dengan beban kerja. Selain itu, Piagam Pelanggan mengenai pembayaran balik lebihan cukai pendapatan perlu dinyatakan dengan jelas dan spesifik. Sehubungan ini, pembayar cukai perlu dimaklumkan tentang kewajipan mereka untuk memastikan perkara berikut dipatuhi semasa mengemukakan Borang Nyata Cukai Pendapatan bagi tujuan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan :-

i. **maklumat taksiran cukai pendapatan adalah betul bagi semua tahun taksiran terlibat;**
ii. **baucar dividen asal yang lengkap telah disertakan;**
iii. **lebihan bayaran cukai pendapatan bagi tahun taksiran tertentu perlu ditolak :-**
    - **hutang cukai pendapatan untuk tahun taksiran lain.**
    - **hutang cukai keuntungan harta tanah.**
    - **bagi kes syarikat, hutang kepada Kerajaan jika Jumlah Perbandingan melebihi Agregat Perbandingan bagi tujuan pembayaran dividen.**

5.4.3. Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan Tidak Tepat

5.4.3.1. Bagi memastikan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan telah dibuat dengan tepat dan teratur, semakan Audit telah dijalankan terhadap 151 transaksi (455 kes syarikat) di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur dan 273 transaksi (1,011 kes individu di 4 negeri iaitu Unit Pungutan di Cawangan Alor Setar, Johor Bahru, Kota Bharu dan Kota Kinabalu). Hasil semakan Audit mendapati pembayaran balik lebihan cukai pendapatan bagi 148 transaksi (450 kes syarikat) dan 259 transaksi (990 kes individu) telah dibuat dengan tepat dan teratur. Tindakan mengenakan kenaikan cukai dan potongan hutang cukai pendapatan telah dibuat terhadap kes yang didapati tidak mematuhi Akta Cukai Pendapatan 1967 sebelum lebihan cukai pendapatan dibayar balik kepada pembayar cukai. Bagaimanapun, terdapat **2 transaksi (4 kes) di Cawangan Pungutan Kuala Lumpur di mana sejumlah RM2.33 juta telah terlebih bayar balik kepada syarikat. Manakala 10 transaksi (12 kes) menunjukkan sejumlah RM11,721 juga terlebih dibayar balik kepada individu.** Semakan Audit selanjutnya mendapati kelebihan bayaran ini berlaku disebabkan oleh tindakan berikut tidak diambil oleh LHDN sebelum bayaran balik lebihan cukai pendapatan dibuat :-

a. Syarikat dianggap berhutang kepada Kerajaan di bawah Seksyen 108, ACP 1967 jika cukai yang ditolak daripada dividen yang dibayar kepada pemegang sahamnya (Jumlah Perbandingan) melebihi Agregat Perbandingan (Agregat Perbandingan adalah cukai pendapatan yang dibayar oleh syarikat kepada LHDN dicampur dengan potongan cukai daripada pendapatan dividennya dan ditolak dengan cukai pendapatan yang dibayar balik oleh LHDN kepada syarikat berkenaan). Semakan Audit

mendapati satu syarikat telah memaklumkan Jumlah Perbandingan melebihi Agregat Perbandingan sebanyak RM1.17 juta kepada LHDN, Cawangan Pungutan Kuala Lumpur pada 27 April 2006 tetapi tidak ditolak oleh LHDN daripada jumlah kredit cukai pendapatan syarikat bagi 2 kes (tahun taksiran) berkenaan untuk pembayaran balik lebihan cukai pendapatan pada 11 Ogos 2007. Bagaimanapun, LHDN telah mengutip balik hutang berjumlah RM1.17 juta tersebut daripada syarikat berkenaan pada 29 Januari 2008 selepas Jabatan Audit Negara membangkitkannya dengan LHDN pada 18 Januari 2008.

b. **Satu syarikat lain melibatkan dua kes tidak dikenakan kenaikan cukai sebanyak 10% berjumlah RM1.16 juta** sungguhpun terdapat perbezaan amaun antara cukai sebenar dengan anggaran cukai asal oleh syarikat yang melebihi 30% daripada cukai sebenar.

c. LHDN dikehendaki menguatkuasakan Seksyen 103 di bawah ACP 1967 dengan mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% atau maksimum 15% mengikut tempoh tunggakan cukai kepada individu yang tidak menjelaskan cukai pendapatan. **Didapati kenaikan cukai berjumlah RM9,534 tidak dikenakan terhadap 8 kes individu di Cawangan Alor Setar, Kota Bharu dan Kota Kinabalu** yang gagal membayar tunggakan cukai pendapatan. Semakan selanjutnya mendapati tunggakan cukai pendapatan berkenaan telah ditolak daripada baki kredit tahun taksiran terkemudian sebelum pembayaran balik lebihan cukai pendapatan individu berkenaan dibenarkan.

d. Subseksyen 107B(4), ACP 1967 menetapkan LHDN boleh mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% terhadap perbezaan amaun antara cukai sebenar individu berpendapatan perniagaan dengan pindaan anggaran cukainya yang melebihi 30% daripada cukai sebenar pendapatan perniagaan. **Di Cawangan Kota Bharu dan Kota Kinabalu, didapati kenaikan cukai berjumlah RM1,215 tidak dikenakan terhadap 2 kes individu berpendapatan perniagaan** bagi perbezaan amaun antara cukai sebenar individu berpendapatan perniagaan dengan pindaan anggaran cukai yang dibuat oleh individu berkenaan yang melebihi 30% daripada cukai sebenar pendapatan perniagaannya.

e. Unit Pungutan di Cawangan adalah dikehendaki menolak hutang cukai keuntungan harta tanah dari lebihan cukai pendapatan sebelum pembayaran balik dibenarkan. **Pemeriksaan Audit mendapati satu individu di Cawangan Alor Setar mempunyai hutang cukai keuntungan harta tanah sebanyak RM770 tetapi tidak ditolak daripada lebihan bayaran cukai pendapatan bagi satu kes.**

f. Subseksyen 107B(3), ACP 1967 menetapkan LHDN boleh mengenakan kenaikan cukai sebanyak 10% terhadap ansuran cukai yang tidak dibayar/ kurang dibayar/lewat dibayar oleh individu berpendapatan perniagaan dalam

tempoh 44 hari dari tarikh yang ditetapkan. **Terdapat 1 kes individu berpendapatan perniagaan di Cawangan Kota Kinabalu di mana kenaikan cukai berjumlah RM202 tidak dikenakan terhadap ansuran cukai yang tidak dibayar sebelum wujud lebihan cukai pendapatan.**

5.4.3.2. Semakan Audit terhadap 190 transaksi di Unit Pungutan, Cawangan Kota Bharu dan Unit Pungutan, Cawangan Kota Kinabalu mendapati Penyata Pengiraan Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan tidak disediakan untuk menyokong ketepatan pengiraan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan berjumlah RM1.41 juta yang melibatkan 59 transaksi (219 kes individu). Keadaan ini adalah bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 99 (a) dan Arahan Operasi Bilangan 8 Tahun 2000 yang menghendaki Penyata Pengiraan Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan disediakan bagi memudahkan semakan. Pemeriksaan Audit selanjutnya mendapati lebihan cukai pendapatan bagi 3 daripada transaksi tersebut terlebih dibayar oleh Cawangan LHDN berkenaan berjumlah RM790. Alasan yang diberi oleh LHDN Cawangan Kota Bharu adalah pegawai terlibat mahir dalam pengiraan dan tidak perlu menyediakan Penyata Pengiraan Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan.

5.4.3.3. Cawangan/Unit Pungutan adalah dikehendaki memastikan baucar dividen yang lengkap disemak oleh Jabatan Pemprosesan di Ibu Pejabat atau Unit Audit Cukai di Cawangan bagi kes yang mempunyai potongan cukai daripada pendapatan dividen sebelum pembayaran balik lebihan cukai pendapatan dibenarkan. Pemeriksaan Audit menunjukkan 281 transaksi melibatkan 1,097 kes tidak melibatkan tolakan bagi cukai yang dipotong daripada pendapatan dividen. Manakala baucar dividen telah disemak bagi 142 transaksi pembayaran balik lebihan cukai pendapatan untuk 367 kes melibatkan potongan cukai daripada pendapatan dividen. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan LHDN menyemak baucar dividen bagi memastikan ketepatan potongan cukai berjumlah RM49,504 daripada pendapatan dividen untuk satu transaksi pembayaran balik lebihan cukai pendapatan melibatkan 2 kes di Cawangan Kota Bharu kerana pegawai LHDN terlepas pandang.

Pada pandangan Audit, LHDN perlu mengambil tindakan segera untuk mendapatkan semula cukai pendapatan yang terlebih dibayar balik daripada pembayar cukai yang terlibat. Bagi memastikan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan dibuat dengan tepat dan teratur, senarai semak pengiraan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan perlu disediakan dan diisi. Selain itu, Penyata Pengiraan Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan juga perlu disediakan dan formatnya hendaklah diseragamkan antara Cawangan.

5.4.4. Pengurusan Tabung Bayaran Balik Cukai

5.4.4.1. Pada tahun 2005, Tabung Bayaran Balik Cukai (Tabung) telah ditubuhkan di bawah subseksyen 111B(1), Akta Cukai Pendapatan (ACP) 1967.

Sumber dana Tabung adalah melalui peruntukan daripada kutipan cukai. Tabung disenaraikan di bawah Jadual Kedua Seksyen 10, Akta Tatacara Kewangan 1957 dan selaras dengan peraturan kewangan. Penyata Tahunan Kumpulan Wang Amanah bagi Tabung ini perlu disediakan untuk tujuan pengauditan. Semakan Audit terhadap pengurusan Tabung mendapati Surat Ikatan Amanah Tabung ini hanya diluluskan oleh Perbendaharaan Malaysia pada 2 Januari 2009 dan mula berkuatkuasa pada tarikh yang sama. Memandangkan Penyata Kumpulan Wang Amanah Tabung bagi tahun 2005, 2006 dan 2007 belum dikemukakan untuk diaudit, semakan telah dijalankan terhadap rekod LHDN dan mendapati kedudukan tabung ini bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008 adalah seperti di **Jadual 5.6**. Bagaimanapun, baki Tabung ini bagi tahun-tahun tersebut adalah berbeza daripada rekod Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) yang bertanggungjawab menyelenggarakan akaun Tabung ini. **Pihak Audit tidak dapat menentukan baki sebenar Tabung ini kerana tiada penyata penyesuaian disediakan oleh LHDN untuk memperjelaskan perbezaan yang berlaku.**

JADUAL 5.6
KEDUDUKAN TABUNG BAYARAN BALIK CUKAI
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2008

TAHUN	DITERIMA (RM Juta)	BAYARAN BALIK (RM Juta)	BAKI MENGIKUT LHDN (RM Juta)	BAKI MENGIKUT JANM (RM Juta)
2005	3,310.00	3,276.26	33.74	62.69
2006	4,334.00	4,320.77	13.23	55.16
2007	5,350.00	5,347.97	2.03	29.21
2008	8,500.00	8,548.04	(48.04)	0

5.4.4.2. Mengikut rekod LHDN, Tabung ini berbaki debit dengan sejumlah RM48.04 juta pada akhir tahun 2008. Ini menunjukkan tabung tidak mempunyai dana yang mencukupi bagi membiayai pembayaran balik lebihan cukai pendapatan. Keadaan ini adalah bertentangan dengan Arahan Perbendaharaan 155 dan tatacara Kumpulan Wang Amanah yang menghendaki sesuatu Kumpulan Wang Amanah sentiasa berbaki kredit. Bagaimanapun, peruntukan tambahan berjumlah RM48.04 juta bagi Tabung ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada 17 Februari 2009. **Pada pandangan Audit, Penyata Tahunan Kumpulan Wang Amanah Tabung perlu disediakan dan diserahkan untuk pengauditan. Selain itu, LHDN perlu mendapatkan dana yang mencukupi bagi Tabung ini untuk membiayai bayaran balik lebihan cukai pendapatan.**

5.4.5. Pemantauan Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan

Setakat bulan Mei 2008, Pengarah Cawangan di Negeri dan Pengarah Jabatan Pengurusan Hasil di Ibu Pejabat memantau kes-kes pembayaran balik lebihan cukai pendapatan melalui laporan bulanan yang disediakan secara manual oleh

cawangan. Bagaimanapun mulai bulan Jun 2008, laporan bulanan bagi kes-kes pembayaran balik lebihan cukai pendapatan disediakan secara berkomputer melalui Sistem Pemantauan Bayaran Balik (SPBB). Laporan Kes-Kes Bayaran Balik Cukai Bagi Suku Tahun Mengikut Cawangan juga perlu disedia dan dibentangkan di dalam Mesyuarat Pengarah-Pengarah Negeri dan Mesyuarat Pengurusan Atasan. Manakala Laporan Bulanan Bayaran Balik Cukai disediakan dan dibentangkan kepada Lembaga Pengarah di dalam Mesyuarat Lembaga.

Pada pandangan Audit, pemantauan yang dijalankan oleh LHDN dalam memantau pengurusan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan adalah memuaskan.

5.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Langkah-langkah penambahbaikan wajar diambil segera untuk meningkatkan kecekapan LHDN menguruskan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan. Memandangkan kutipan hasil cukai amat penting kepada hasil Kerajaan, adalah disyorkan supaya LHDN memberikan pertimbangan dan mengambil tindakan segera terhadap perkara berikut :-

5.5.1. LHDN perlu mematuhi tempoh masa penyelesaian kes pembayaran balik lebihan cukai pendapatan yang ditetapkan dalam Piagam Pelanggan bagi meningkatkan sistem penyampaiannya.

5.5.2. Piagam Pelanggan mengenai pembayaran balik lebihan cukai pendapatan perlu dinyatakan dengan jelas dan spesifik. Sehubungan ini, pembayar cukai perlu dimaklumkan tentang kewajipan mereka untuk memastikan maklumat taksiran cukai pendapatan adalah betul bagi semua tahun taksiran terlibat; baucar dividen asal yang lengkap telah disertakan; lebihan cukai pendapatan bagi tahun taksiran tertentu perlu ditolak dengan hutang cukai pendapatan untuk tahun taksiran lain, hutang cukai keuntungan harta tanah dan hutang kepada Kerajaan bagi kes syarikat jika Jumlah Perbandingan melebihi Agregat Perbandingan bagi tujuan pembayaran dividen.

5.5.3. Kod-kod bayaran cukai perlu dipermudahkan melalui perbincangan dengan Perbendaharaan Malaysia. Ini adalah penting bagi mengelakkan pembayar cukai tersilap mengisi kod transaksi kerana keliru dengan banyak kod yang ada sehingga menyebabkan transaksi bayaran tersilap direkodkan dalam tahun taksiran yang tidak berkenaan.

5.5.4. LHDN perlu mengkaji semula bilangan pegawai yang diperlukan di setiap Cawangan/Unit Pungutan dengan mengambil kira bebanan kerja sedia ada.

5.5.5. Bagi memastikan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan dibuat dengan tepat dan teratur, senarai semak pengiraan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan perlu disediakan dan diisi. Butiran yang perlu disenaraikan untuk semakan dan diisi adalah kenaikan cukai di bawah subseksyen 107B(3)/107C(9),

subseksyen 107B(4)/107C(10), subseksyen 103(3) dan 103(4) ACP 1967; hutang Seksyen 108, ACP 1967 dan hutang cukai keuntungan harta tanah serta bukti pengesahan baucar dividen bagi potongan cukai.

5.5.6. Setiap transaksi pembayaran balik lebihan cukai pendapatan perlu disediakan Penyata Pengiraan Pembayaran Balik Lebihan Cukai Pendapatan dan formatnya hendaklah diseragamkan antara Cawangan. Penyata ini perlu dihantar kepada pembayar cukai terlibat. Butiran seperti tarikh dan amaun taksiran cukai pendapatan bagi setiap tahun taksiran, tarikh dan amaun kenaikan cukai dikenakan, tarikh dan amaun bayaran cukai pendapatan, jumlah yang terhutang kepada Kerajaan (melibatkan dividen dan keuntungan harta tanah) perlu diperincikan bagi setiap tahun taksiran bagi memudahkan pembayar cukai membuat semakan terhadap pengiraan pembayaran balik lebihan cukai pendapatan.

5.5.7. Cukai pendapatan yang terlebih bayar balik perlu dikutip dengan segera daripada pembayar cukai yang terlibat.

5.5.8. Penyata Tahunan Kumpulan Wang Amanah Tabung perlu disediakan untuk tujuan pengauditan sepertimana yang ditetapkan dalam Surat Ikatan Amanah.

5.5.9. LHDN perlu mengenal pasti jumlah dana yang diperlukan bagi Tabung Bayaran Balik Cukai untuk membolehkan bayaran balik lebihan cukai pendapatan dibuat dengan sewajarnya kepada pembayar cukai.

KEMENTERIAN KEWANGAN

6. JABATAN KASTAM DIRAJA MALAYSIA

- **PENGURUSAN TAKSIRAN DUTI KASTAM TERHADAP BARANGAN YANG DIIMPORT**

6.1. LATAR BELAKANG

6.1.1. Duti Kastam ditakrifkan sebagai mana-mana duti import, duti eksport, cukai tokok [cukai tambahan seperti duti eksais dan cukai jualan], surcaj atau ses yang dikenakan di bawah Akta Kastam 1967, mana-mana duti timbal balas atau duti anti-lambakan yang dikenakan di bawah Akta Duti Timbal Balas dan Anti Lambakan 1993 dan mana-mana royalti yang kena dibayar sebagai ganti duti eksport di bawah undang-undang bertulis, kontrak, pajakan atau perjanjian kepada Kerajaan Persekutuan atau Negeri (Seksyen 2, Akta Kastam 1967). Menteri Kewangan mempunyai kuasa menentukan duti Kastam yang akan dikenakan ke atas barangan yang diimport atau dieksport melalui perintah yang diluluskan oleh Dewan Rakyat (Seksyen 11, Akta Kastam 1967).

6.1.2. Bahagian Kastam, Jabatan Kastam Diraja Malaysia (Jabatan Kastam) adalah bertanggungjawab memungut duti Kastam terhadap barangan yang diimport iaitu duti import, duti eksais (import) dan cukai jualan (import). Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, secara purata Bahagian ini memungut duti import, duti eksais (import) dan cukai jualan (import) berjumlah RM6.38 bilion setahun. Prestasi pungutan hasil bagi tempoh 3 tahun adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.1
PRESTASI PUNGUTAN HASIL BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

JENIS HASIL	2006 (RM Bilion)	2007 (RM Bilion)	2008 (Hingga Oktober) (RM Bilion)
Duti Import	2.69	2.42	3.76
Duti Eksais (Import)	0.78	1.08	1.32
Cukai Jualan (Import)	2.18	2.46	2.46
JUMLAH	**5.65**	**5.96**	**7.54**

6.1.3. Proses taksiran duti Kastam terhadap barangan yang diimport (duti/cukai import) bermula apabila barangan dibawa masuk ke Malaysia melalui darat, udara atau laut. Barangan berduti atau tidak berduti yang diimport perlu diikrarkan dengan menggunakan borang ikrar kastam (borang ikrar) yang ditetapkan. Bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Oktober 2008, jumlah borang ikrar yang disemak oleh Bahagian Kastam bagi tujuan taksiran duti adalah 10,744,495.

6.1.4. Pengikraran barangan perlu dilakukan oleh pengimport atau ejen penghantaran. Pengimport atau ejen penghantaran dikehendaki memberi maklumat yang lengkap dan tepat berhubung dengan barangan yang diimport bagi

memudahkan proses penilaian dan penjenisan barangan selaras dengan Seksyen 79 dan 87, Akta Kastam 1967. Mulai bulan Disember 2007, pengikraran secara elektronik telah dilaksanakan secara berperingkat melalui Sistem Maklumat Kastam.

6.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan taksiran duti/cukai import dirancang dan dilaksanakan dengan cekap selaras dengan undang-undang dan peraturan yang ditetapkan.

6.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

6.3.1. Pengauditan dijalankan terhadap pengurusan taksiran duti/cukai import bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Semakan Audit telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen berkaitan di Ibu Pejabat Jabatan Kastam dan 6 stesen kastam iaitu KLIA Kargo, Kuala Lumpur; Kompleks Udara Kargo Kota Kinabalu, Sabah; Pelabuhan Utara, Selangor; Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang; Padang Besar, Perlis dan Tanjung Puteri, Johor. Selain itu, pengauditan terhadap borang ikrar di stesen kastam yang dipilih adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.2
PENGAUDITAN BORANG IKRAR DI PERINGKAT NEGERI

KAEDAH IMPORT	NEGERI	STESEN KASTAM	KOD STESEN	BIL. SAMPEL	NILAI BARANGAN (RM Juta)
Melalui darat	Johor	Tanjung Puteri	J10	200	17.73
	Kedah	Bukit Kayu Hitam	K12	82	106.59
	Kelantan	Rantau Panjang	D11	96	0.39
	Perak	Terminal Kargo Ipoh	A15	114	17.48
	Perlis	Padang Besar	R14	115	4.12
Melalui laut	Labuan	Pelabuhan Labuan	E10	111	197.81
	Pahang	Pelabuhan Kuantan	C13	19	188.25
	Pulau Pinang	Pelabuhan Kontena Butterworth Utara	P14	102	19.79
	Selangor	Pelabuhan Utara	B10	200	4,130.78
Melalui udara	Kuala Lumpur	KLIA Kargo	W20	200	362.24
	Sabah	Kompleks Udara Kargo Kota Kinabalu	S23	14	1.42
	Sarawak	Kargo Udara Kuching	Y34	330	3.71
JUMLAH SAMPEL DIAUDIT				**1,583**	**5,050.31**

6.3.2. '*Walk through test*', temu bual dan perbincangan dengan pegawai Kastam dilaksanakan untuk mendapatkan maklumat dan maklum balas. Sebanyak 6.86 juta rekod borang ikrar bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 telah dimuat turun dari Sistem Maklumat Kastam dan dianalisis menggunakan perisian *Audit Command Language* (ACL).

6.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2008 mendapati beberapa kelemahan yang berkemungkinan boleh menyebabkan pengurangan hasil

Kerajaan. Antara kelemahan tersebut adalah kelewatan ejen penghantaran atau pengimport mengikrarkan barangan dan membayar duti/cukai import, kesilapan penjenisan dan penilaian oleh Pegawai Penaksir, kelemahan pengendalian borang kastam, kelemahan Sistem Maklumat Kastam (SMK) yang membenarkan barangan diikrarkan beberapa kali serta *interface* antara Sistem Maklumat Kastam dan *Gate Control System* yang tidak berfungsi dengan baik. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

6.4.1. Pengikraran Barangan Dan Pembayaran Duti/Cukai Import

6.4.1.1. Barangan yang diimport boleh dibahagikan kepada barangan berduti atau tidak berduti. Barangan berduti yang diimport melalui laut dan udara perlu diikrarkan dalam tempoh 30 hari dari tarikh barangan tiba di Malaysia [Seksyen 78(1), Akta Kastam 1967] dan barangan tidak berduti dalam tempoh 10 hari [Seksyen 81(1), Akta Kastam 1967]. Manakala bagi kawasan yang diwartakan sebagai zon bebas, barangan boleh diikrarkan dalam tempoh 4 bulan dari tarikh barangan di bawa ke dalam zon bebas (Peraturan Zon Bebas 1991). Bagi barangan yang diimport melalui darat tanpa mengira sama ada barangan berkenaan berduti atau tidak berduti, ia perlu diikrarkan pada hari yang sama [Seksyen 78(1), 82 dan 83, Akta Kastam 1967].

6.4.1.2. Semakan Audit terhadap 287 borang ikrar bagi barangan berduti yang diimport melalui laut dan udara mendapati barangan bernilai RM196.42 juta melibatkan 135 borang ikrar (47%) telah lewat diikrarkan. Pengikraran hanya dibuat selepas 31 hingga 1,331 hari dari tarikh barangan diimport. Kelewatan pengikraran ini melibatkan duti/cukai import berjumlah RM8.28 juta lewat dipungut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.3
KELEWATAN PENGIKRARAN BARANGAN
BERDUTI YANG DIIMPORT MELALUI UDARA DAN LAUT

STESEN KASTAM	BIL. SAMPEL	BIL. BORANG LEWAT DIIKRARKAN	NILAI BARANGAN (RM Juta)	NILAI DUTI/CUKAI IMPORT (RM Juta)	TEMPOH PENGIKRARAN (Hari)
Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang	40	16	0.39	0.10	31 - 88
Pelabuhan Utara, Selangor*	80	24	17.20	4.24	123 - 1,331
KLIA Kargo, Kuala Lumpur*	80	17	19.03	3.93	122 - 296
Pelabuhan Labuan, Labuan	80	78	159.80	0.01	31 - 760
Pelabuhan Kuantan, Pahang	7	-	-	-	-
JUMLAH	**287**	**135**	**196.42**	**8.28**	**31 - 1,331**

Nota : * - Diwartakan Sebagai Zon Bebas

6.4.1.3. Semakan Audit juga dijalankan terhadap 72 borang ikrar bagi barangan tidak berduti yang diimport melalui laut dan udara dan mendapati barangan bernilai RM59.19 juta melibatkan 27 borang ikrar (37.5%) telah lewat diikrarkan. Pengikraran barangan hanya dibuat selepas 11 hingga 368 hari dari tarikh barangan diimport. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.4
KELEWATAN PENGIKRARAN BARANGAN
TIDAK BERDUTI YANG DIIMPORT MELALUI UDARA DAN LAUT

STESEN KASTAM	BIL. SAMPEL	BIL. BORANG LEWAT DIIKRARKAN	NILAI BARANGAN (RM Juta)	TEMPOH PENGIKRARAN (Hari)
Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang	12	6	7.59	12 - 81
KLIA Kargo, Kuala Lumpur *	20	1	14.88	246
Pelabuhan Labuan, Labuan	20	20	36.72	11 - 368
Pelabuhan Kuantan, Pahang	10	-	-	-
Kompleks Udara Kargo Kota Kinabalu, Sabah	10	-	-	-
JUMLAH	**72**	**27**	**59.19**	**11 - 368**

Nota : (*) Diwartakan Sebagai Zon Bebas

6.4.1.4. Semakan Audit terhadap 295 borang ikrar bagi barangan yang diimport melalui darat di 4 stesen kastam mendapati barangan bernilai RM25.49 juta melibatkan 194 borang ikrar (65.8%) telah lewat diikrarkan. Pengikraran hanya dibuat selepas 2 hingga 1,823 hari dari tarikh barangan diimport. Ini menyebabkan duti/cukai import bernilai RM0.42 juta lewat dipungut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.5
KELEWATAN PENGIKRARAN BARANGAN YANG DIIMPORT MELALUI DARAT

STESEN KASTAM	BIL. SAMPEL	BIL. BORANG LEWAT DIIKRARKAN	NILAI BARANGAN (RM Juta)	NILAI DUTI/CUKAI IMPORT (RM Juta)	TEMPOH PENGIKRARAN (Hari)
Padang Besar, Perlis	100	100	3.97	0.24	14 - 1,823
Terminal Kargo Ipoh, Perak	100	94	21.52	0.18	2 - 447
Bukit Kayu Hitam, Kedah	69	-	-	-	-
Rantau Panjang, Kelantan	26	-	-	-	-
JUMLAH	**295**	**194**	**25.49**	**0.42**	**2 - 1,823**

6.4.1.5. Setiap pengimport barangan berduti perlu menjelaskan duti/cukai import yang dikenakan di stesen di mana barangan dibawa masuk dalam tempoh 14 hari dari tarikh pengikrarannya dibuat [Seksyen 78(2), Akta Kastam 1967]. Semakan Audit terhadap 709 borang ikrar mendapati duti/cukai import berjumlah RM19.06 juta melibatkan 214 borang ikrar lewat dijelaskan. Jumlah tersebut hanya dibayar selepas 15 hingga 152 hari dari tarikh pengikraran barangan dibuat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.6
KELEWATAN MENJELASKAN DUTI/CUKAI IMPORT

STESEN KASTAM	BIL. SAMPEL	BIL. BORANG LEWAT JELAS DUTI	NILAI BARANGAN (RM Juta)	NILAI DUTI/CUKAI IMPORT (RM Juta)	TEMPOH PEMBAYARAN (Hari)
Pelabuhan Utara, Selangor	100	76	21.05	10.89	15 - 152
Terminal Kargo Ipoh, Perak	14	5	0.25	0.05	15 - 34
Pelabuhan Labuan, Labuan	11	11	0.36	0.02	17 - 34
KLIA Kargo, Kuala Lumpur	100	100	61.76	8.05	15 - 118

STESEN KASTAM	BIL. SAMPEL	BIL. BORANG LEWAT JELAS DUTI	NILAI BARANGAN (RM Juta)	NILAI DUTI/CUKAI IMPORT (RM Juta)	TEMPOH PEMBAYARAN (Hari)
Padang Besar, Perlis	15	15	0.15	0.01	15 - 37
Kargo Udara Kuching, Sarawak	330	3	0.10	0.02	15 - 26
Kompleks Udara Kargo Kota Kinabalu, Sabah	4	4	0.06	0.02	36 - 99
Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang	50	-	-	-	-
Pelabuhan Kuantan, Pahang	2	-	-	-	-
Rantau Panjang, Kelantan	70	-	-	-	-
Bukit Kayu Hitam, Kedah	13	-	-	-	-
JUMLAH	**709**	**214**	**83.73**	**19.06**	**15 - 152**

6.4.1.6. Kelewatan pengikraran barangan yang diimport dan menjelaskan duti/cukai import boleh diklasifikasikan sebagai kesalahan di bawah Seksyen 138, Akta Kastam 1967. Mengikut Seksyen 138, Akta Kastam 1967, pelanggar undang-undang ini boleh dikenakan kompaun tidak melebihi RM20,000 atau dipenjarakan tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Semakan Audit mendapati tiada satu mekanisme yang jelas terhadap penetapan kadar kompaun yang perlu dikenakan oleh Pegawai Kastam terhadap pengimport yang lewat mengikrarkan barangan yang diimport dan juga lewat menjelaskan duti/cukai import. Kesannya, tiada kompaun yang dikenakan ke atas kesalahan tersebut. Antara faktor yang menyebabkan berlaku kelewatan tersebut adalah seperti berikut :-

a. Pengimport atau ejen penghantaran tidak melengkapkan dokumen yang diperlukan oleh stesen pengimport atau agensi Kerajaan yang lain.
b. Pengimport atau ejen penghantaran lewat membayar duti/cukai import kerana menunggu keputusan pengecualian duti yang dipohon daripada Kementerian Kewangan.
c. Kekurangan pemantauan oleh Jabatan Kastam.
d. Pengimport atau ejen penghantaran menghadapai masalah kewangan.

Pada pandangan Audit, bagi mengelakkan amaun kompaun yang rendah dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan serta wujud ketidakseragaman antara stesen kastam, satu mekanisme wajar diwujudkan seperti menyediakan garis panduan pengenaan kadar kompaun. Jabatan Kastam perlu meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pengimport mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

6.4.2. Penjenisan Dan Penilaian Harga Barangan

6.4.2.1. Pegawai Penaksir dari Cawangan Import/Eksport, Jabatan Kastam adalah bertanggungjawab untuk menyemak dan mengesahkan ketepatan penjenisan dan penilaian harga barangan yang dicatatkan dalam borang ikrar.

Manakala Cawangan Pasca Import bertanggungjawab menjalankan pengauditan ke atas penjenisan dan penilaian yang telah disahkan tersebut untuk memastikan ketepatannya.

6.4.2.2. Bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan September 2008, Cawangan Pasca Import telah mengaudit 7.82 juta (39.1%) daripada 20.01 juta borang ikrar yang telah disahkan oleh Pegawai Penaksir. Cawangan tersebut telah menemui pelbagai kesilapan dalam 14,412 borang ikrar. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.7
KESILAPAN PENJENISAN DAN PENILAIAN HARGA BARANGAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TAHUN	BIL. BORANG IKRAR DISAHKAN OLEH PEGAWAI PENAKSIR	BIL. BORANG IKRAR DIAUDIT OLEH CAWANGAN PASCA IMPORT	BORANG IKRAR MEMPUNYAI KESILAPAN	
			BIL. BORANG IKRAR	% BERBANDING BORANG IKRAR DIAUDIT
2006	6,540,833	2,869,628	5,900	0.2
2007	7,011,453	2,978,089	6,800	0.2
2008 (Hingga September)	6,461,103	1,977,096	1,712	0.1
JUMLAH	**20,013,389**	**7,824,813**	**14,412**	**0.2**

6.4.2.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati jenis kesilapan yang dikesan oleh Cawangan Pasca Import ialah kesilapan penjenisan (8,231 borang ikrar), kesilapan penilaian harga (4,831 borang ikrar) dan lain-lain kesilapan (1,350 borang ikrar) seperti kesilapan mengira, kesilapan kunci masuk amaun di dalam sistem PC Pos dan kesilapan menyatakan kadar duti import atau cukai jualan (import). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.8
JENIS KESILAPAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TAHUN	BIL. BORANG IKRAR MEMPUNYAI KESILAPAN	JENIS KESILAPAN					
		PENJENISAN		PENILAIAN		LAIN–LAIN	
		BIL.	%	BIL.	%	BIL.	%
2006	5,900	3,126	53.0	1,911	32.4	863	14.6
2007	6,800	4,010	59.0	2,527	37.2	263	3.8
2008 (Hingga September)	1,712	1,095	64.0	393	23.0	224	13.0
JUMLAH	**14,412**	**8,231**	**57.1**	**4,831**	**33.5**	**1,350**	**9.4**

6.4.2.4. Kesilapan penjenisan dan penilaian tersebut telah menjejaskan kutipan hasil Kerajaan serta mewujudkan tunggakan hasil. Kekurangan pungutan duti/cukai import yang berjaya dikesan oleh Cawangan Pasca Import bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan September 2008 adalah RM26.70 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.9
KEKURANGAN PUNGUTAN DUTI/CUKAI IMPORT YANG DIKESAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TAHUN	BIL. BORANG IKRAR MEMPUNYAI KESILAPAN	KEKURANGAN DUTI/ CUKAI IMPORT (RM Juta) (a)	TERLEBIH DUTI/ CUKAI IMPORT (RM Juta) (b)	KEKURANGAN BERSIH DUTI/ CUKAI IMPORT (RM Juta) (a-b)
2006	5,900	11.32	0.14	11.18
2007	6,800	10.87	0.20	10.67
2008 (Hingga September)	1,712	4.86	0.01	4.85
JUMLAH	**14,412**	**27.05**	**0.35**	**26.70**

6.4.2.5. Semakan Audit di stesen kastam yang dilawati mendapati beban tugas Pegawai Penaksir yang tinggi adalah antara faktor yang menyebabkan kesilapan dalam penjenisan dan penilaian harga barangan. Sungguhpun setiap stesen kastam telah menetapkan norma masa bagi setiap Pegawai Penaksir untuk menyemak borang ikrar mengikut kaedah pengimportan dan juga keperluan syarikat yang mengendalikan pelabuhan berkenaan, namun analisis yang telah dijalankan mendapati nisbah borang ikrar yang disemak oleh setiap Pegawai Penaksir yang sedia ada bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Julai 2008 adalah antara 1:7,485 hingga 1:38,104 **(Jadual 6.10)**. Nisbah ini juga tinggi akibat daripada kekosongan jawatan Pegawai Penaksir di stesen kastam yang dilawati iaitu antara 22.4% hingga 66.7% daripada jawatan yang diluluskan.

JADUAL 6.10
BILANGAN BORANG IKRAR YANG SEMAK OLEH SETIAP PEGAWAI PENAKSIR BERBANDING DENGAN NORMA MASA YANG DITETAPKAN

STESEN KASTAM	NORMA MASA BAGI SETIAP PEGAWAI PENAKSIR	JUMLAH BORANG YANG DISEMAK		
		2006	2007	2008 (Hingga Julai)
Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang	14 minit setiap borang 7,290 borang setahun	19,209	19,442	7,485
Pelabuhan Utara, Selangor	15 minit setiap borang 6,804 borang setahun	15,549	24,888	17,564
KLIA Kargo, Kuala Lumpur	15 minit setiap borang 6,804 borang setahun	29,132	23,531	25,619
Kompleks Udara Kargo, Kota Kinabalu, Sabah	13 minit setiap borang 7,851borang setahun	8,217	10,082	4,194
Tanjung Puteri, Johor	11 minit setiap borang 9,278 borang setahun	38,104	28,285	22,849
Padang Besar, Perlis	20 minit setiap borang 5,103 borang setahun	28,530	29,024	15,870

Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam perlu membuat susulan terhadap permohonan pertambahan jawatan Pegawai Penaksir yang telah dikemukakannya kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya jawatan

yang diwujudkan selaras dengan beban tugas yang tinggi bagi mengurangkan kesilapan penjenisan dan penilaian harga barangan. Di samping itu, jawatan yang telah diluluskan hendaklah diisikan dengan segera.

6.4.2.6. Mengikut Perintah Tetap Kastam Bil. 70, satu Jawatankuasa Pemantauan Harga Dan Penjenisan sebagai badan pengawas perlu ditubuhkan di setiap negeri bagi meningkatkan keberkesanan penyelesaian isu dan masalah berkaitan penilaian dan penjenisan harga barangan di peringkat stesen dan negeri. Jawatankuasa ini hendaklah mengadakan mesyuarat/perbincangan sekurang-kurangnya sekali sebulan (Perenggan 5.1, Perintah Tetap Kastam Bil. 70). Semakan Audit di 6 negeri yang dilawati mendapati mesyuarat Jawatankuasa Pemantauan Harga Dan Penjenisan tidak diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.11
MESYUARAT JAWATANKUASA PEMANTAUAN HARGA DAN PENJENISAN

NEGERI	BILANGAN MESYUARAT			TARIKH TERAKHIR MESYUARAT
	2006	2007	2008	
Johor	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada Maklumat
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	Tiada	Tiada	Tiada	Tiada Maklumat
Sabah	Tiada	Tiada	Tiada	14 Oktober 2003
Perlis	2	Tiada	1	Tiada Maklumat
Pulau Pinang	Tiada	Tiada	2	3 Jun 2008
Selangor	Tiada	5	Tiada	Tiada Maklumat

Pada pandangan Audit, Jawatankuasa Pemantauan Harga Dan Penjenisan perlu meningkatkan fungsinya dengan mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.

6.4.3. Tunggakan Hasil

6.4.3.1. Tunggakan hasil keseluruhan Jabatan Kastam pada bulan September 2008 adalah berjumlah RM329.89 juta. Daripada jumlah tersebut, tunggakan hasil duti/cukai import adalah berjumlah RM134.49 juta (40.8%). Selain daripada kekurangan pungutan duti/cukai import yang dikesan hasil daripada semakan oleh Cawangan Pasca Import terhadap penjenisan dan penilaian harga barangan, tunggakan hasil tersebut juga disebabkan oleh kelewatan pembayaran duti/cukai import oleh pengimport atau ejen penghantaran. Kedudukan tunggakan hasil duti/cukai import mengikut usia pada bulan September 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.12
TUNGGAKAN HASIL MENGIKUT USIA BAGI DUTI/CUKAI IMPORT
PADA BULAN SEPTEMBER 2008

USIA TUNGGAKAN HASIL	DUTI IMPORT & DUTI EKSAIS (IMPORT) (RM Juta)	CUKAI JUALAN (IMPORT) (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Kurang dari 1 tahun	8.24	3.92	12.16
1 hingga 3 tahun	22.14	6.39	28.53
3 hingga 6 tahun	63.57	13.29	76.86
Melebihi 6 tahun	15.12	1.82	16.94
JUMLAH	**109.07**	**25.42**	**134.49**

6.4.3.2. Semakan Audit terhadap Laporan Akaun Belum Terima Jabatan Kastam mendapati tunggakan hasil tersebut telah berkurangan bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan September 2008. Pada tahun 2007, tunggakan hasil telah berkurangan sejumlah RM2.49 juta (1.7%) dan sehingga bulan September 2008, ia telah berkurangan sejumlah RM8.96 juta (6.2%). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.13
TUNGGAKAN HASIL DUTI/CUKAI IMPORT
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

JENIS HASIL	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (Hingga September) (RM Juta)
Duti Import Dan Duti Eksais (Import)	115.84	117.43	109.07
Cukai Jualan (Import)	30.10	26.02	25.42
JUMLAH	**145.94**	**143.45**	**134.49**

6.4.3.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati penurunan tunggakan hasil tersebut bukan hanya disebabkan oleh kutipan balik tetapi juga disebabkan remisi, hapus kira, pembatalan, pindaan dan pelarasan. Walaupun secara keseluruhannya tunggakan hasil duti/cukai import telah berkurangan, prestasi kutipan balik adalah kurang memuaskan. Adalah didapati pada tahun 2007, hanya RM33.08 juta dikutip balik berbanding RM56.16 juta pada tahun 2006 iaitu penurunan sejumlah RM23.08 juta (41.1%). Sehingga bulan September 2008, kutipan balik hanya berjumlah RM1.42 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.14
TINDAKAN TERHADAP TUNGGAKAN HASIL DUTI/CUKAI IMPORT
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TINDAKAN	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (Hingga September) (RM Juta)
Kutipan balik	56.16	33.08	1.42
Remisi	0.67	0.16	1.45
Hapus kira	1.57	0.01	-
Pembatalan	11.96	4.41	5.29
Pindaan	12.01	1.11	5.76
Pelarasan	0.16	0.07	0.02
JUMLAH	**82.53**	**38.84**	**13.94**

6.4.3.4. Selain daripada tindakan yang dinyatakan di atas, Jabatan Kastam juga telah menyenaraihitamkan syarikat yang gagal membayar semula duti dan mengeluarkan Notis Tahan Dagang/Rampasan kepada syarikat. Di Cawangan Import Pelabuhan Utara Selangor, sebanyak 25 syarikat telah disenaraihitamkan sehingga tarikh pengauditan dijalankan.

Pada pandangan Audit, hasil Kerajaan yang tertunggak jika tidak dipungut atau dipantau dengan sebaik-baiknya akan menyebabkan kehilangan hasil Kerajaan.

6.4.4. Pengendalian Borang Kastam

Mengikut perenggan 5.10, Perintah Am Jabatan Bil. 103, setiap borang ikrar yang didaftarkan dengan Jabatan Kastam tidak boleh diserahkan kembali kepada pengimport atau ejen penghantaran sehingga borang berkenaan selesai disemak dan duti/cukai import dijelaskan. Lawatan Audit ke stesen kastam yang dipilih mendapati perkara berikut :-

6.4.4.1. Ejen penghantaran membawa sendiri borang ikrar dan dokumen sokongan yang telah didaftarkan untuk urusan selanjutnya. Kes ini berlaku di stesen Tanjung Puteri Johor, Pelabuhan Utara, Selangor, KLIA Kargo, Kuala Lumpur dan Kompleks Udara Kargo Kota Kinabalu, Sabah.

6.4.4.2. Cop nama Pegawai Penaksir diletakkan di kaunter dan ejen penghantaran mengecop sendiri tanda nama Pegawai Penaksir atas borang ikrar. Ini berlaku di stesen Tanjung Puteri, Johor; KLIA Kargo, Kuala Lumpur dan Kompleks Udara Kargo, Kota Kinabalu, Sabah.

Pada pandangan Audit, pemeriksaan mengejut dan tindakan disiplin perlu dikuatkuasakan bagi memastikan pengurusan borang ikrar yang teratur dan tidak terdedah kepada penyelewengan.

6.4.5. Sistem Maklumat Kastam, *Gate Control System* Dan Sistem Pelepasan Barangan Penang Port

6.4.5.1. Sistem Maklumat Kastam (SMK) terdiri daripada 4 aplikasi utama iaitu Aplikasi Kastam, Aplikasi Cukai Dalaman, Aplikasi Perakaunan Hasil dan Aplikasi Pencegahan. Aplikasi Kastam digunakan secara langsung di dalam aktiviti taksiran duti/cukai import. Antara kemudahan yang disediakan ialah pendaftaran borang ikrar oleh ejen penghantaran dan pemberian kelulusan oleh agensi Kerajaan di pelabuhan/lapangan terbang secara elektronik.

6.4.5.2. Setiap sistem yang dibangunkan perlu diuji bagi memastikan setiap tugasan dilaksanakan tanpa berlaku sebarang masalah. Peringkat memasukkan data ke dalam sistem merupakan peringkat yang kritikal kerana kesilapan memasukkan data akan menjejaskan ketepatan maklumat yang diproses di dalam sistem. Selain itu, setiap sistem yang dibangunkan perlu berupaya untuk berintegrasi dengan sistem lain yang berkaitan.

6.4.5.3. Semakan Audit terhadap Aplikasi Kastam, SMK di beberapa stesen yang dilawati mendapati perkara berikut :-

a. Pada tahun 2007, didapati sebanyak 73,542 (1.9%) borang ikrar berstatus *hanging document* dan sehingga bulan Julai 2008, sebanyak 59,913 (2.7%) daripada 2.22 juta borang ikrar yang didaftarkan pada tahun 2008 berstatus *hanging document*. *Hanging document* terjadi apabila ejen penghantaran mengikrarkan barangan tetapi tidak menyiapkan keseluruhan proses disebabkan oleh gangguan SMK. Apabila SMK pulih, ejen penghantaran akan mengikrarkan semula barangan tersebut tanpa membatalkan pengikraran yang pertama. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.15
BORANG IKRAR YANG BERSTATUS *HANGING DOCUMENT* BAGI TAHUN 2007 DAN 2008

NEGERI	BILANGAN BORANG DI DAFTAR DENGAN SISTEM MAKLUMAT KASTAM		BILANGAN BORANG BERSTATUS *HANGING DOCUMENT*		PERATUS BORANG YANG BERSTATUS *HANGING DOCUMENT* (%)	
	2007	2008 (Hingga Julai)	2007	2008 (Hingga Julai)	2007	2008 (Hingga Julai)
Perlis	44,679	21,820	275	855	0.6	3.9
Kedah	140,781	75,139	8,941	4,391	6.4	5.8
Pulau Pinang	461,278	337,560	1,518	4,534	0.3	1.3
Perak	16,382	11,327	6,417	653	39.2	5.8
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	784,598	431,889	12,375	11,754	1.6	2.7
Selangor	808,106	466,952	8,238	10,617	1.0	2.3
Negeri Sembilan	1,638	979	11	22	0.7	2.2
Melaka	30,364	14,933	171	217	0.6	1.4
Johor	1,422,757	755,567	26,976	17,595	1.9	2.3
Pahang	6,306	3,331	254	58	4.0	1.7
Terengganu	2,470	222	16	13	0.6	5.9
Kelantan	43,725	25,650	468	226	1.1	0.9
Sabah	10,571	17,786	4,880	1,629	46.2	9.2
Sarawak	14,104	20,381	422	1,164	3.0	5.7
Wilayah Persekutuan Labuan	64,002	38,420	2,580	6,185	4.0	16.1
JUMLAH	**3,851,761**	**2,221,956**	**73,542**	**59,913**	**1.9**	**2.7**

b. Masalah *hanging document* ini turut menyumbang kepada peningkatan tugas Pegawai Penaksir di mana mereka perlu memantau laporan bulanan bagi borang ikrar yang berstatus *hanging* dan mengeluarkan surat kepada pihak terlibat untuk mengesahkan sama ada pengikraran yang dibuat telah selesai sebelum mengambil tindakan untuk membatalkan borang ikrar di dalam SMK.

c. Antara punca berlaku masalah *hanging document* adalah kerana ketiadaan kaedah *data validation* oleh SMK bagi memastikan data yang dimasukkan adalah sah dan tepat serta tidak berlaku pengulangan pendaftaran. Selain itu, tiada garis panduan atau arahan mengenai pengurusan *hanging document* yang lebih spesifik seperti menetapkan tempoh borang ikrar dikategorikan sebagai *hanging document* bagi memudahkan pembatalannya dibuat dalam SMK.

d. Semakan Audit selanjutnya terhadap 247 borang ikrar mendapati 53 (21.5%) daripadanya menunjukkan perbezaan data antara SMK dengan yang tercatat dalam borang ikrar. Sebahagian besar adalah kesilapan tarikh import dan tarikh ikrar barangan. Perkara ini berlaku disebabkan oleh pegawai yang bertanggungjawab tidak mematuhi Perintah Tetap Kastam Bil. 61 yang menghendaki setiap borang ikrar disemak secara terperinci semasa pendaftaran dan SMK pula tidak dilengkapkan dengan kaedah *data validation.* Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.16
KETIDAKTEPATAN MAKLUMAT SISTEM MAKLUMAT KASTAM

STESEN KASTAM	SAMPEL DIPILIH	BIL. BORANG IKRAR MENUNJUKKAN KESILAPAN DATA	PERATUS BORANG MEMPUNYAI KESILAPAN (%)
Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang	40	24	60.0
Pelabuhan Utara, Selangor	80	5	6.3
KLIA Kargo, Kuala Lumpur	80	15	18.8
Pelabuhan Labuan, Labuan	40	7	17.5
Pelabuhan Kuantan, Pahang	7	2	28.6
JUMLAH	**247**	**53**	**21.5**

6.4.5.4. Jabatan Kastam telah melaksanakan sistem kawalan pintu pelepasan secara berkomputer dikenali sebagai *Gate Control System* (GCS) dan Sistem Pelepasan Barangan Penang Port (Pelkon) di Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang. Apabila sesuatu barang dibawa keluar daripada pintu kawalan kastam, setiap maklumat akan dimasukkan ke dalam GCS dan seterusnya GCS akan berintegrasi dengan SMK bagi pengesahan bahawa barangan yang dibawa keluar dari pintu kawalan kastam telah dibayar duti/cukai import. Lawatan Audit ke stesen Tanjung Puteri, Johor dan Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang mendapati perkara berikut :-

a. Lawatan Audit ke stesen Tanjung Puteri, Johor antara jam 3.15 hingga 4.00 petang pada 28 Ogos 2008 mendapati GCS tidak berfungsi. Pegawai Kastam yang bertugas di pintu kawalan kastam dibenarkan membuka pintu kawalan secara manual dan setiap kenderaan yang melepasi pintu perlu direkodkan di dalam buku pendaftaran. Semakan Audit mendapati pendaftaran kenderaan telah dibuat. Namun demikian, didapati Pegawai Kastam yang bertanggungjawab tidak menjalankan semakan terhadap dokumen dan pemeriksaan fizikal juga tidak dijalankan bagi memastikan barangan yang dibawa keluar melepasi pintu kawalan kastam adalah sama seperti yang diikrarkan di borang ikrar dan duti/cukai import telah dijelaskan. Keadaan ini boleh membuka ruang kepada pengimport untuk menyeludup barangan keluar ketika GCS tidak berfungsi. Jabatan Kastam juga boleh kehilangan hasil apabila barangan yang dikecualikan duti import dan cukai jualan (import) masuk semula ke dalam pasaran tempatan untuk dijual tanpa membayar cukai jualan (tempatan).

b. Lawatan Audit ke Pelabuhan Kontena Butterworth Utara pada 12 Ogos 2008 jam 3.00 petang pula mendapati Pegawai Kastam yang bertugas pada waktu berkenaan telah menggunakan *ID* pegawai lain semasa proses pelepasan dokumen dan barangan di dalam Sistem Pelepasan Barangan Penang Port (Pelkon).

Pada pandangan Audit, Jabatan Kastam hendaklah memastikan wujudnya integriti data dalam SMK dan juga memastikan *Gate Control System (GCS)* sentiasa dapat berintegrasi dengan SMK bagi membolehkan pengesahan bayaran duti/cukai import dibuat. Bagi kes di mana GCS tidak berfungsi, Pegawai Kastam yang berada di pintu kawalan kastam perlu meningkatkan pemantauannya dengan memeriksa dokumen dan barang secara fizikal. Jabatan Kastam patut mengambil tindakan disiplin terhadap pegawai yang cuai membuat pemeriksaan.

6.4.6. Latihan Dan Kecekapan Pegawai

Semakan Audit mendapati Jabatan Kastam di peringkat negeri tidak menyediakan rancangan latihan tahunan. Didapati kursus secara *in-house training* yang dikenali sebagai *Knowledge, Skills And Ability* (KSA) telah diadakan. Antara kursus yang dijalankan adalah Kursus Prosedur Eksport, Kursus Pengikraran Borang Berkualiti, Kursus Semakan Manifes dan Kursus Import Sementara serta Kursus A.T.A Carnett. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, sebahagian besar daripada Pegawai Penaksir tidak menghadiri kursus. Bagi pegawai yang menghadiri kursus, bilangan hari mereka berkursus yang berkait langsung dengan tugas hanya antara 1 hingga 13 hari. Butiran lanjut mengenai kursus yang dihadiri oleh Pegawai Penaksir untuk tempoh 3 tahun adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 6.17
KURSUS YANG DIHADIRI OLEH PEGAWAI PENAKSIR BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

STESEN KASTAM	2006			2007			2008		
	A	B	C	A	B	C	A	B	C
Pelabuhan Kontena Butterworth Utara, Pulau Pinang	16	3	1 - 6	16	2	1 - 5	9	6	1 - 5
KLIA Kargo, Kuala Lumpur	47	4	1 - 6	42	15	1 - 13	38	16	1 - 5
Kompleks Udara Kargo Kota Kinabalu, Sabah	2	0	0	2	0	0	2	0	0
Tanjung Puteri, Johor	19	17	1 - 7	23	21	1 - 7	14	9	1 - 3
Padang Besar, Perlis	4	0	0	4	0	0	4	0	0

A - Bilangan Jawatan Diisi ***B - Bilangan Pegawai Hadir Kursus*** ***C - Hari Berkursus***

Pada pandangan Audit, langkah Jabatan Kastam di peringkat negeri menganjurkan *in-house training* merupakan satu tindakan yang baik. Bagaimanapun bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai, rancangan latihan tahunan perlu disediakan dengan memastikan setiap pegawai menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun sebagaimana

yang ditetapkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 terutamanya kursus yang berkait langsung dengan bidang tugas pegawai.

6.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Duti Kastam adalah merupakan sumber penting hasil Kerajaan Persekutuan. Oleh itu untuk memastikan tidak berlaku sebarang kebocoran dalam pungutannya, kelemahan pengurusan taksiran duti Kastam terhadap barangan yang diimport yang antara lainnya berpunca daripada kekurangan anggota dan kelemahan pemantauan terhadap aktiviti yang berkaitan perlu ditangani segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan Kastam mengambil langkah seperti berikut :-

6.5.1. Bagi mengelakkan amaun kompaun yang rendah dan tidak setimpal dengan kesalahan yang dilakukan serta wujud ketidakseragaman antara stesen kastam, satu mekanisme wajar diwujudkan seperti menyediakan garis panduan pengenaan kadar kompaun. Jabatan Kastam perlu meningkatkan pemantauan dan penguatkuasaan bagi memastikan pengimport mematuhi peraturan dan undang-undang yang ditetapkan.

6.5.2. Jabatan Kastam perlu membuat susulan terhadap permohonan pertambahan jawatan Pegawai Penaksir yang telah dikemukakan kepada Jabatan Perkhidmatan Awam supaya jawatan yang diwujudkan selaras dengan beban tugas yang tinggi bagi mengurangkan kesilapan penjenisan dan penilaian harga barangan. Di samping itu, jawatan yang telah diluluskan hendaklah diisikan dengan segera.

6.5.3. Pemeriksaan mengejut dan tindakan disiplin perlu dikuatkuasakan bagi memastikan pengurusan borang ikrar yang teratur dan tidak terdedah kepada penyelewengan.

6.5.4. Jawatankuasa Pemantauan Harga Dan Penjenisan sebagai badan pengawas kepada keberkesanan dan penyelesaian isu serta masalah berkaitan penilaian dan penjenisan di peringkat stesen dan negeri hendaklah meningkatkan fungsinya dengan mengadakan mesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan.

6.5.5. Jabatan Kastam perlu lebih agresif dalam memungut tunggakan hasil bagi mengelakkan kehilangan hasil Kerajaan.

6.5.6. Jabatan Kastam hendaklah memastikan wujudnya integriti data dalam Sistem Maklumat Kastam (SMK) dan juga memastikan *Gate Control System* (GCS) sentiasa dapat berintegrasi dengan SMK bagi membolehkan pengesahan bayaran duti/cukai import dibuat. Bagi kes di mana GCS tidak berfungsi, Pegawai Kastam yang berada di pintu kawalan kastam perlu meningkatkan pemantauannya dengan memeriksa dokumen dan barang secara fizikal.

6.5.7. Bagi meningkatkan kemahiran dan kecekapan pegawai, rancangan latihan tahunan perlu disediakan dengan memastikan setiap pegawai menghadiri kursus sekurang-kurangnya 7 hari setahun sebagaimana yang ditetapkan di bawah Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2005 terutamanya kursus yang berkait langsung dengan bidang tugas pegawai.

KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

7. PROGRAM PEMBANGUNAN INFRASTRUKTUR MEMPELBAGAI TANAMAN

7.1. LATAR BELAKANG

7.1.1. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) telah mewujudkan satu program khas dalam Rancangan Malaysia Ketujuh iaitu Program Pembangunan Infrastruktur Mempelbagai Tanaman (program). Objektif utama pengwujudan program ini ialah bagi menggalak dan membantu golongan petani yang bersedia menukar tanaman padi ke pelbagai tanaman dengan harapan usaha ini dapat membantu golongan petani miskin menambah pendapatan mereka serta dapat mengatasi masalah sawah terbiar.

7.1.2. Program ini dilaksanakan dengan menyediakan infrastruktur pertanian seperti sistem pengairan dan saliran, jalan ladang, struktur kawalan dan sumber air, kandang ternakan dan kemudahan akuakultur. Infrastruktur pertanian akan dibina di kawasan sawah terbiar, kawasan pertanian yang sedia ada dan yang baru dibangunkan.

7.1.3. Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian (BPSP), Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani adalah bertanggungjawab menimbang dan meluluskan projek pembinaan infrastruktur pertanian berdasarkan kepada cadangan yang dibuat oleh Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri dan Daerah. Manakala JPS Negeri dan Daerah pula bertanggungjawab melaksanakan projek berkenaan setelah menerima peruntukan daripada Kementerian. Selain itu, JPS Negeri dan Daerah adalah juga bertanggungjawab melantik kontraktor sama ada secara lantikan terus, sebut harga atau tender. Sejak program tersebut diwujudkan pada tahun 1996, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM198.05 juta dan sejumlah RM182.93 juta daripadanya telah dibelanjakan setakat akhir tahun 2008. Peruntukan dan prestasi perbelanjaan program bagi tempoh Rancangan Malaysia Ketujuh hingga Rancangan Malaysia Kesembilan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PROGRAM
SEJAK RANCANGAN MALAYSIA KETUJUH

RMK	TEMPOH TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	%
7	1996 - 2000	21.40	21.02	98.2
8	2001 - 2005	90.98	82.52	90.7
9	2006 - 2010	85.67	79.39*	92.7
JUMLAH		**198.05**	**182.93**	**92.4**

Nota : ***RMK*** ***- Rancangan Malaysia Ke***
(*) ***- Perbelanjaan Sehingga Akhir Tahun 2008***

7.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Pembangunan Infrastruktur Mempelbagai Tanaman telah diuruskan dengan cekap dan teratur bagi mencapai matlamat yang ditetapkan.

7.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Kajian ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan program di sektor tanaman (pertanian). Dokumen dan fail berkaitan di Bahagian Pengairan Dan Saliran Pertanian (BPSP), Jabatan Pengairan Dan Saliran (JPS) Negeri dan Daerah bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 telah disemak. Lawatan Audit ke 40 tapak projek di 10 daerah di Negeri Perak, Kelantan, Terengganu, Selangor dan Pahang yang melibatkan tidak kurang 21,518 petani telah diadakan. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai serta peserta projek juga telah diadakan.

7.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2008 mendapati pada umumnya, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan infrastruktur pertanian adalah baik di mana 92.5% projek yang dirancang dapat dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun, terdapat kelemahan dari segi penyenggaraan infrastruktur yang telah dibina dan pelaksanaan aktiviti pertanian. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

7.4.1. Pembinaan Infrastruktur

7.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, sebanyak 277 tapak projek telah dikenal pasti untuk dibangunkan pelbagai infrastruktur pertanian dengan peruntukan berjumlah RM79.97 juta. Pada umumnya, kesemua tapak dan projek infrastruktur yang dirancang itu telah dibangunkan dengan perbelanjaan berjumlah RM79.39 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.2
TAPAK PROJEK YANG DIBANGUNKAN BERBANDING DENGAN YANG DIRANCANG BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TAHUN	BILANGAN TAPAK PROJEK DIRANCANG	PERUNTUKAN (RM Juta)	BILANGAN TAPAK PROJEK DILAKSANAKAN		PERBELANJAAN	
			BIL.	(%)	(RM Juta)	(%)
2006	159	55.67	159	100.00	55.67	100
2007	33	11.90	33	100.00	11.62	97.6
2008	85	12.40	85	100.00	12.10	97.6
JUMLAH	**277**	**79.97**	**277**	**100.00**	**79.39**	**99.3**

7.4.1.2. Semakan terhadap 40 tapak projek yang dibangunkan dengan infrastruktur bernilai RM6.15 juta mendapati 37 daripadanya telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, dua projek lewat disiapkan manakala satu projek

terbengkalai. **Gambar 7.1 hingga 7.6** menunjukkan beberapa contoh projek pembinaan dan menaik taraf kemudahan infrastruktur pertanian yang telah berjaya disiapkan. Manakala status pembinaan infrastruktur mengikut kawasan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.3
STATUS PEMBINAAN INFRASTRUKTUR

KAWASAN PERTANIAN	STATUS PEMBINAAN			JUMLAH PROJEK	KOS (RM Juta)
	SIAP SEPENUHNYA	LEWAT DISIAPKAN	TERBENGKALAI		
Sawah Terbiar	9	-	-	9	1.67
Baru Dibangunkan	15	1	1	17	3.11
Sedia Ada	13	1	-	14	1.37
JUMLAH	**37**	**2**	**1**	**40**	**6.15**

GAMBAR 7.1

Pembinaan Jambatan/Box Culvert Di Ulu Chuchoh/Sg. Belankan, Sepang, Selangor (06.11.2008)

GAMBAR 7.2

Pembinaan Jambatan Di Projek Nyior Manis, Pekan, Pahang (11.11.2008)

GAMBAR 7.3

Pembinaan Pintu Air Di Skim Pengairan Paya Sepat, Kuantan, Pahang (10.11.2008)

GAMBAR 7.4

Pembinaan Pusat Pengumpulan Hasil Pertanian Di Kawasan Pertanian Batu 8, Bagan Serai, Perak (12.08.2008)

GAMBAR 7.5

Pembinaan Ban Tanah (Penahan Air) Di Skim Pengairan Paya Sepat, Kuantan, Pahang (10.11.2008)

GAMBAR 7.6

Pembinaan Jalan Ladang Di Kanchong Darat, Kuala Langat, Selangor (05.11.2008)

7.4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati projek yang terbengkalai adalah melibatkan projek pembinaan infrastruktur di kawasan pertanian seluas 30 ekar yang baru dibangunkan di Sungai Pinang 2, Kawasan Selinsing Bagan Serai, Perak. Tapak projek ini adalah merupakan tanah milik Kerajaan Negeri Perak. Mengikut perancangan, tanah yang dibangunkan dengan infrastruktur tersebut akan diagihkan kepada petani untuk tanaman nanas. Projek ini sepatutnya disiapkan pada bulan November 2006. Didapati kerja membersihkan kawasan, membina ban keliling dan parit bernilai RM175,800 tidak diteruskan oleh kontraktor kerana faktor cuaca dan keadaan tapak yang berpaya. Bayaran berjumlah RM111,731 (63.5%) telah dibuat untuk 50% kerja tersebut yang telah disiapkan. Kegagalan menyiapkan kerja infrastruktur ini menyebabkan projek tanaman nanas yang dicadangkan pada asalnya tidak dapat dijalankan. Bagi menyelesaikan masalah ini, projek alternatif iaitu projek akuakultur telah dicadangkan. Bagaimanapun, projek akuakultur juga tidak dapat dilaksanakan kerana ketiadaan ban keliling bagi menahan kemasukan air laut. Keadaan tapak projek tersebut adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 7.7

Projek Sungai Pinang 2
- Kawasan Selinsing Bagan Serai, Perak
Kerja Pembersihan Kawasan Terbengkalai
(12.08.2008)

GAMBAR 7.8

Projek Sungai Pinang 2
- Kawasan Selinsing Bagan Serai, Perak
Pembinaan Ban Keliling Terbengkalai
(12.08.2008)

7.4.1.4. Didapati mekanisme pemantauan untuk pelaksanaan projek pembinaan infrastruktur sama ada oleh JPS Daerah/Negeri atau Bahagian Pengaliran Dan Saliran Pertanian (BPSP) telah dilaksanakan dengan baik. JPS Daerah telah melaporkan status dan kemajuan projek pembinaan kepada JPS Negeri setiap bulan dan JPS Negeri telah mengemukakan Laporan Bulanan Prestasi Fizikal Dan Kewangan Projek kepada BPSP bagi memastikan program berjalan mengikut perancangan yang ditetapkan.

Pada pandangan Audit, projek pembinaan infrastruktur telah dilaksanakan dan dipantau dengan baik oleh pihak yang berkenaan. Bagaimanapun bagi projek yang terbengkalai, Kementerian perlu mengambil tindakan segera untuk menyiapkannya supaya peserta projek akuakultur mendapat manfaat sebagaimana yang dirancang.

7.4.2. Penyenggaraan Infrastruktur

7.4.2.1. Penyenggaraan merupakan aspek penting bagi memastikan infrastruktur yang dibangunkan dapat berfungsi dengan lancar secara berterusan. Penyenggaraan infrastruktur pertanian merangkumi kerja pembersihan, penggalian semula sistem pengairan dan saliran serta membaik pulih jalan ladang dan ban. Perancangan penyenggaraan perlu disediakan dan dilaksanakan secara berkala bagi memelihara dan memanjangkan jangka hayat infrastruktur, mengurangkan kerosakan dan menjimatkan perbelanjaan Kerajaan.

7.4.2.2. Adalah didapati BPSP tidak mempunyai perancangan penyenggaraan atau memohon peruntukan kewangan untuk penyenggaraan infrastruktur yang telah dibina. Lawatan Audit ke 40 tapak projek mendapati kesemua infrastruktur yang dibina tidak disenggarakan secara berkala. Ini telah menyebabkan infrastruktur yang dibina tidak dapat berfungsi dengan berkesan serta kerosakan jalan ladang sering berlaku terutamanya pada musim hujan. Kawasan pertanian juga sering mengalami banjir yang menyebabkan aktiviti pertanian tidak dapat dijalankan dan memberi kesan terhadap pendapatan petani/peserta projek. Contoh infrastruktur yang tidak disenggarakan adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 7.9

Batu 6 Mukim Beriah, Kerian, Perak
- Pembetung Tidak Disenggarakan
(12.08.2008)

GAMBAR 7.10

Projek D'Raja Gelong Gajah, Machang, Kelantan
- Parit Tidak Disenggarakan
(26.08.2008)

GAMBAR 7.11

Kg. Bonggo Katong,
KualaTerangganu, Terengganu
- Pembetung Tidak Disenggarakan
(26.08.2008)

GAMBAR 7.12

Projek TKPM Ulu Chuchoh/Sg. Belankan,
Sepang, Selangor
- Pembetung Tidak Disenggarakan
(06.11.2008)

GAMBAR 7.13

Kg. Rambai, Mukim Pulau Tawar, Jerantut, Pahang
- Parit Tidak Disenggarakan
(13.11.2008)

GAMBAR 7.14

Kg. Kuala Reman, Kuantan, Pahang
- Pembetung Tidak Disenggarakan
(10.11.2008)

Pada pandangan Audit, memandangkan matlamat utama program ini adalah untuk membantu petani miskin dan kelemahan penyenggaraan infrastruktur akan memberi kesan kepada pendapatan petani, adalah wajar Kementerian memastikan rancangan penyenggaraan infrastruktur tersebut disediakan dan memohon peruntukan kewangan yang mencukupi untuk melaksanakannya.

7.4.3. Pelaksanaan Aktiviti Pertanian

7.4.3.1. Selepas infrastruktur dibina, petani bertanggungjawab untuk mengusahakan tapak sepenuhnya dengan aktiviti pertanian secara aktif. Lawatan Audit ke 39 tapak projek yang telah siap dibina dengan infrastruktur mendapati hanya 24 tapak projek (61.5%) bernilai RM3.57 juta telah diusahakan secara aktif manakala yang lain sama ada kurang aktif atau langsung tidak diusahakan oleh petani. Prestasi pelaksanaan aktiviti pertanian di tapak yang dilawati adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.4
PELAKSANAAN AKTIVITI PERTANIAN

KAWASAN PERTANIAN	AKTIF		KURANG AKTIF		TIDAK AKTIF		JUMLAH
	BIL.	NILAI PROJEK (RM Juta)	BIL.	NILAI PROJEK (RM Juta)	BIL.	NILAI PROJEK (RM Juta)	
Sawah Terbiar	5	0.98	4	0.69	-	-	9
Baru Dibangunkan	10	1.80	6	1.13	-	-	16
Sedia Ada	9	0.79	4	0.52	1	0.06	14
JUMLAH	**24**	**3.57**	**14**	**2.34**	**1**	**0.06**	**39**

7.4.3.2. Lawatan Audit ke 24 tapak yang aktif mengusahakan tanaman mendapati petani terlibat dengan tanaman kontan, sayur-sayuran dan buah-buahan telah diberikan bimbingan dan pemantauan secara berterusan oleh pegawai pertanian di daerah berkenaan. Selain itu, petani ini juga mendapat bekalan biji benih dan baja dari pelbagai agensi di bawah Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani. Gambar berikut menunjukkan beberapa contoh projek tanaman yang aktif diusahakan :-

GAMBAR 7.15

Tanaman Sayur Di Kg. Banggol Katong, Kuala Terengganu,Terengganu (26.08.2008)

GAMBAR 7.16

Tanaman Limau Citrus Senesis Di Kg. Baru, Mukim Belanja, Perak Tengah, Perak (12.08.2008)

GAMBAR 7.17

Tanaman Orkid Di Projek TKPM Ulu Chuchoh/Sg. Belankan, Sepang, Selangor (06.11.2008)

GAMBAR 7.18

Tanaman Kontan Di Atong, Kuantan, Pahang (10.11.2008)

7.4.3.3. Mengikut kajian yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia, pendapatan purata bagi pesawah di seluruh negara adalah RM18,648 pada tahun 2007 manakala pendapatan purata bagi petani pelbagai tanaman adalah antara RM12,960 hingga RM35,916 setahun. Ini menunjukkan bahawa usaha Kerajaan agar petani mempelbagaikan tanaman untuk menambah pendapatan mereka adalah langkah yang cekap kerana pendapatan purata petani pelbagai tanaman adalah lebih lumayan (kecuali koko, kelapa dan ubi kayu) jika dibandingkan dengan pendapatan pesawah. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 7.5
PENDAPATAN PURATA PETANI PELBAGAI TANAMAN BERBANDING DENGAN PENDAPATAN PESAWAH BAGI TAHUN 2002 DAN 2007

TANAMAN	PURATA PENDAPATAN SETAHUN		PURATA PENINGKATAN PENDAPATAN	
	2002 (RM)	2007 (RM)	(RM)	(%)
Bunga	27,807	35,916	8,109	29.2
Durian	16,093	34,332	18,239	113.3
Lain-lain tanaman seperti jagung dan kacang	20,894	30,168	9,274	44.4
Buah-buahan Lain	18,276	29,424	11,148	61.0
Nanas	22,060	29,004	6,944	31.5
Kopi	20,343	28,284	7,941	39.0
Sayur-sayuran	22,298	25,836	3,538	15.9

TANAMAN	PURATA PENDAPATAN SETAHUN		PURATA PENINGKATAN PENDAPATAN	
	2002 (RM)	2007 (RM)	(RM)	(%)
Pisang	22,853	24,168	1,315	5.8
Tebu	19,715	24,014	4,299	21.8
Lada	16,392	21,312	4,920	30.0
Tembakau	12,884	20,532	7,648	59.4
Padi	13,503	18,648	5,145	38.1
Koko	17,350	18,348	998	5.8
Kelapa	14,258	18,336	4,078	28.6
Ubi kayu	8,467	12,960	4,493	53.1

7.4.3.4. Berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada pegawai pertanian yang terlibat dengan projek ini, antara faktor yang menyebabkan 14 tapak projek tidak diusahakan sepenuhnya atau kurang aktif adalah sikap petani/ peserta projek yang kurang berminat dan ada juga tapak yang dibangunkan kurang sesuai seperti sering kali dilanda banjir. Aktiviti pertanian yang tidak dijalankan secara aktif telah mengakibatkan kawasan tersebut terbiar serta ditumbuhi semak-samun dan infrastruktur yang disediakan juga tidak dimanfaatkan secara optimum. Antara tapak projek yang tidak diusahakan sepenuhnya adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 7.19

Batu 8, Bagan Serai, Kerian Perak
- Kawasan Pertanian Tidak Diusahakan Sepenuhnya
(12.08.2008)

GAMBAR 7.20

Batu 6, Mukim Beriah, Kerian Perak
- Kawasan Pertanian Tidak Diusahakan Sepenuhnya
(12.08.2008)

GAMBAR 7.21

Projek Sayur Komersil Kelompok Sungai Serai, Marang, Terengganu
- Kawasan Pertanian Tidak Diusahakan Sepenuhnya
(26.08.2008)

GAMBAR 7.22

Kawasan Pertanian Panchur Berderu, Setiu, Terengganu
- Kawasan Pertanian Tidak Diusahakan Sepenuhnya
(26.08.2008)

7.4.3.5. Didapati tiada aktiviti pertanian diusahakan di tapak projek Kampung Bukit Bangkong, Mukim Sepang, Selangor kerana pembinaan parit *U Shape* (Rubble Pitching) dan pembetung bernilai RM65,000 dibuat di kawasan kediaman yang bukan merupakan kawasan pertanian. **Berdasarkan maklumbalas daripada Kementerian, pembinaan parit ini perlu dibuat untuk mengalirkan air dari kawasan pertanian yang terletak di bahagian hulu parit tersebut.** Gambar berikut menunjukkan infrastruktur yang dibina di kawasan kediaman :-

GAMBAR 7.23

GAMBAR 7.24

Kampong Bukit Bangkong, Sepang, Selangor
- Pembinaan Parit U Shape (Rubble Pitching) Dan Pembetung Di Kawasan Kediaman
(06.11.2008)

7.4.3.6. Berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada petani di beberapa kawasan yang dilawati, didapati pada umumnya mereka menjual sendiri hasil tanaman yang mana ada kalanya sukar untuk mendapatkan pembeli terutamanya apabila banyak hasil tanaman yang sama dikeluarkan secara serentak. Kesukaran memasarkan hasil tanaman adalah merupakan satu daripada faktor yang menyebabkan petani kurang berminat mengusahakan tanaman.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan kawasan yang dipilih adalah bersesuaian sebelum meluluskan sesuatu projek supaya aktiviti pertanian dapat dijalankan sepanjang masa. Kementerian juga perlu meningkatkan pemantauan dan memberi bimbingan secara berterusan serta merangka pelan strategik pemasaran bagi membantu petani memasarkan hasil tanaman mereka. Langkah ini amatlah penting untuk menggalakkan petani terus aktif mengusahakan tanaman mereka.

7.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya program ini adalah baik dan patut diteruskan memandangkan ia dapat meningkatkan jumlah pengeluaran tanaman. Bagaimanapun bagi memastikan ia dapat dimanfaatkan secara berterusan, adalah disyorkan supaya Kementerian memberikan pertimbangan terhadap perkara berikut :-

7.5.1. Mengambil tindakan segera untuk menyiapkan projek terbengkalai supaya peserta projek mendapat manfaat sebagaimana yang dirancang.

7.5.2. Menyediakan rancangan penyenggaraan secara berkala serta menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk penyenggaraan infrastruktur.

7.5.3. Memastikan kawasan yang dipilih adalah bersesuaian sebelum meluluskan sesuatu projek supaya aktiviti pertanian dapat dijalankan sepanjang masa.

7.5.4. Selain daripada meningkatkan pemantauan dan memberi bimbingan secara berterusan, pelan strategik pemasaran juga perlu dirangka bagi membantu petani memasarkan hasil tanaman mereka. Langkah ini amatlah penting untuk menggalakkan petani terus aktif mengusahakan tanaman mereka.

8. PROJEK PEMBINAAN PELABUHAN PERIKANAN LAUT DALAM BERSEPADU TANJUNG MANIS, MUKAH, SARAWAK

8.1. LATAR BELAKANG

8.1.1. Kerajaan Persekutuan telah meluluskan projek pembinaan Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu (Pelabuhan Perikanan) di Tanjung Manis, Mukah, Sarawak di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) untuk menjadikan pelabuhan ini sebagai pusat pendaratan, jualan dan pemprosesan ikan yang moden di rantau ini. Projek ini dilaksanakan hasil daripada 2 kajian yang dijalankan oleh Kerajaan Negeri Sarawak iaitu kajian *Sarawak Fisheries Development* pada tahun 1994 dan kajian *Rajang-Lassa Integrated Fisheries Feasibility Development Area* pada tahun 1997 di mana Daerah Tanjung Manis yang terletak di Lembangan Rajang dikenal pasti mempunyai potensi untuk dibangunkan sebagai pusat pertumbuhan industri perikanan terbesar di Malaysia. Lokasi ini dipilih kerana kedudukannya yang strategik di muara Sungai Rajang serta berhadapan dengan Laut China Selatan yang kaya dengan sumber laut. Peta berikut menunjukkan lokasinya :-

PETA 8.1

Lokasi Daerah Tanjung Manis Di Sarawak

8.1.2. Pembinaan Pelabuhan Perikanan telah dilaksanakan dengan nilai kontrak berjumlah RM313.62 juta. Pelabuhan Perikanan ini dibangunkan di atas tanah seluas 86.5 ekar dan merupakan pelabuhan perikanan kedua terbesar di rantau ini selepas pelabuhan perikanan di negara Thailand. Selain daripada pembinaan

dermaga untuk pendaratan ikan, projek ini juga menyediakan pelbagai kemudahan seperti kilang ais, bangunan bilik sejuk, dewan lelong serta kemudahan lain untuk industri hiliran. Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani (Kementerian) menjangkakan pendaratan ikan di pelabuhan ini adalah sebanyak 54,000 metrik tan pada tahun 2008 dan akan meningkat sehingga 100,000 metrik tan pada tahun 2010.

8.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Pembinaan Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu Tanjung Manis telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

8.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu Tanjung Manis. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen di Bahagian Industri Tanaman, Ternakan Dan Perikanan, Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani; Ibu Pejabat Jabatan Perikanan Malaysia; Pejabat Perikanan Laut Sarawak, Kuching; Pejabat Perikanan Laut Daerah Tanjung Manis dan Jabatan Kerja Raya Malaysia. Di samping itu, lawatan ke tapak projek turut dijalankan bagi meninjau pelaksanaan projek secara fizikal dan menemu bual pegawai yang berkenaan.

8.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2008 mendapati beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek Pelabuhan Perikanan ini yang mengakibatkan objektif pembinaannya tidak dicapai sepenuhnya. Antara kelemahan tersebut adalah projek lewat disiapkan akibat dari Kementerian Kewangan tidak meluluskan harga kontrak mengikut urutan pelaksanaannya seperti mana yang dicadangkan oleh Kementerian/Jabatan Kerja Raya (JKR), kualiti kerja kurang memuaskan dan beberapa kemudahan asas tidak disediakan atau tidak disediakan dengan lengkap kerana kekangan kewangan. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

8.4.1. Prestasi Projek

8.4.1.1. Pada bulan Januari 2002, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya projek ini dilaksanakan dengan kaedah reka dan bina serta *fast track*. Memandangkan syarikat yang mempunyai kepakaran untuk membina pelabuhan moden adalah terhad di Malaysia, Kementerian Kewangan juga memutuskan supaya syarikat usaha sama Juara-HSL-Rheinhold & Mahla JV dilantik secara rundingan terus. Pembahagian ekuiti syarikat usaha sama ini adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.1
MAKLUMAT MENGENAI KONTRAKTOR YANG DILANTIK

NAMA SYARIKAT	MODAL BERBAYAR (RM Juta)	PEMEGANG SAHAM	BIDANG	PEMBAHAGIAN EKUITI DALAM *JOINT VENTURE* (%)
Hock Seng Lee Bhd.	116.00	*Public Listed*	*Marine & Civil Engineering Construction*	85
Rheinhold & Mahla (M) Sdn. Bhd.	0.25	i. Dieter Ankel : 99.4% ii. Foo Yin Leng : 0.6%	*Engineering & Construction Of Industrial Facilities*	10
Juara Beetuah Sdn. Bhd.	2.50	i. Michael AK James Ngusek : 51.1% ii. Peter Nansian AK Ngusie : 48.9%	*Civil, Mechanical & Electrical Engineering Works*	5
JUMLAH				**100**

8.4.1.2. Projek ini dilaksanakan dalam 3 fasa seperti yang ditunjukkan di **Jadual 8.2**. Semakan Audit mendapati kontrak bagi fasa 1 dan 2 telah ditandatangani. Manakala bagi fasa 3, kontrak masih belum ditandatangani sungguhpun Surat Setuju Terima (SST) telah dikeluarkan pada 25 Julai 2008. Mengikut kontrak/SST yang berkenaan, projek tersebut perlu dilaksanakan antara bulan Januari 2003 hingga Disember 2008 dan fasa pembinaannya adalah seperti di **Rajah 8.1**.

JADUAL 8.2
FASA PEMBINAAN PELABUHAN
PERIKANAN LAUT DALAM BERSEPADU, TANJUNG MANIS

FASA PEMBINAAN	BAHAGIAN	SKOP KERJA	TEMPOH KONTRAK	NILAI (RM Juta)
1	-	Kerja tanah	07.01.03 - 06.01.04	64.47
2	I	Kerja marin, kerja luar dan lain-lain kerja yang berkaitan	01.09.04 - 01.09.06	133.25
	II	Kerja bangunan, mekanikal, elektrik dan lain-lain kerja yang berkaitan	15.12.03 - 14.03.05	102.00
3	-	Pembinaan *waste water treatment plant*	18.02.08 - 15.12.08	13.90
JUMLAH				**313.62**

RAJAH 8.1
FASA PEMBINAAN PROJEK



8.4.1.3. Semakan Audit mendapati fasa 1 yang melibatkan kerja penambakan tanah, aras platform dan juga pengukuhan tanah dapat disiapkan mengikut jadual iaitu pada 6 Januari 2004. Namun, **pelaksanaan fasa 2 (Bahagian I dan II) dan fasa 3 mengalami kelewatan yang ketara.** Mengikut syarat kontrak, kerja Bahagian I sepatutnya disiapkan pada 1 September 2006. Namun, ia hanya disiapkan pada 8 Disember 2006 setelah lanjutan masa selama 98 hari diluluskan. Lanjutan masa tersebut diluluskan oleh JKR kerana masalah pergerakan tanah yang berlaku di kawasan pembinaan tapak dewan lelong. Bagi kerja Bahagian II, ia hanya disiapkan pada 8 Disember 2006 sungguhpun sepatutnya disiapkan pada 14 Mac 2005. Kontraktor telah diluluskan 2 lanjutan masa berjumlah 635 hari di mana 148 hari diluluskan akibat pergerakan tanah yang tidak dapat dijangkakan di kawasan berhampiran dengan dermaga. Manakala **lanjutan masa sebanyak 487 hari diluluskan kerana tempoh menyiapkan kerja Bahagian II adalah lebih awal daripada kerja Bahagian I sedangkan kerja Bahagian I perlu disiapkan sebelum memulakan kerja Bahagian II.**

8.4.1.4. Memandangkan projek ini dilaksanakan secara reka bina dan *fast track*, hasil rundingan harga yang dibuat oleh JKR/Kementerian dengan kontraktor bagi setiap fasa perlu dihantar ke Kementerian Kewangan untuk kelulusan muktamad. Semakan Audit mendapati **Kementerian Kewangan telah meluluskan Bahagian I (kerja-kerja marin iaitu pembinaan jeti, pontun dan dermaga) pada bulan Julai 2004 manakala Bahagian II (kerja-kerja bangunan, mekanikal dan elektrikal) pada bulan Oktober 2003. Oleh itu kerja bangunan, mekanikal dan elektrikal (Bahagian II) terpaksa dimulakan dahulu walaupun kerja ini sepatutnya dimulakan selepas kerja pembinaan jeti, pontun dan dermaga (Bahagian I) disiapkan.** Ini telah menyebabkan beberapa kerja Bahagian II tidak dapat dimulakan antaranya ialah pembinaan dok pemunggahan dan kawasan pendaratan ikan. Butiran kelulusan rundingan harga daripada Kementerian Kewangan mengikut fasa pembinaan projek adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 8.3
BUTIRAN KELULUSAN RUNDINGAN HARGA

FASA PEMBINAAN	BAHAGIAN	TARIKH RUNDINGAN HARGA	TARIKH SURAT PERMOHONAN	TARIKH SURAT KELULUSAN
Fasa 1	-	26.08.02	Tiada Maklumat	29.11.02
Fasa 2	I	05.11.02	14.11.02	20.07.04
Fasa 2	II	28.08.03	24.09.03	31.10.03
Fasa 3	-	11.03.08	24 .03.08	06.06.08

Pada pandangan Audit, bagi projek *fast track* yang dilaksanakan secara reka dan bina serta harga kontrak diluluskan oleh Kementerian Kewangan mengikut fasa, Kementerian Kewangan patut meluluskan harga kontrak mengikut urutan pelaksanaannya seperti mana yang dicadangkan oleh Kementerian/Jabatan Kerja Raya. Ini adalah penting bagi mengelakkan pelaksanaan projek daripada terganggu.

8.4.1.5. Mengikut rancangan asal, kerja fasa 3 yang melibatkan pembinaan *waste water treatment plant* sepatutnya dilaksanakan sebagai sebahagian daripada projek pembinaan Pelabuhan Perikanan ini. Bagaimanapun disebabkan kekangan peruntukan, pembinaannya telah dikeluarkan semasa rundingan harga dibuat. Memandangkan *waste water treatment plant* adalah penting untuk memenuhi keperluan *Environmental Impact Assesment* (EIA) seperti yang telah disyaratkan oleh Jabatan Alam Sekitar bagi menjalankan aktiviti pemprosesan ikan, Kerajaan pada 7 Ogos 2007 telah meluluskan pembinaannya oleh kontraktor yang sama. Mengikut Surat Setuju Terima yang ditandatangani oleh kontraktor pada 24 Disember 2007, kerja fasa 3 perlu disiapkan pada 15 Disember 2008. Bagaimanapun, **fasa ini gagal disiapkan pada tarikh tersebut di mana sehingga bulan November 2008, kemajuan kerja hanya setakat 80%.** JKR telah meluluskan 2 lanjutan masa masing-masingnya pada 16 Disember 2008 dan 27 Februari 2009 berjumlah 136 hari. Lanjutan masa pertama selama 75 hari diluluskan disebabkan kenaikan harga bahan binaan selaras dengan Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2008. Manakala lanjutan masa kedua selama 61 hari diluluskan kerana masalah teknikal semasa memasang SCADA & *Online Monitoring System* oleh pembekal. Berdasarkan lanjutan masa yang telah diluluskan, pembinaan *waste water treatment plant* patut disiapkan pada 30 April 2009. Semakan Audit selanjutnya mendapati kerja pemasangan sistem tersebut telah disiapkan mengikut tempoh lanjutan yang ditetapkan dan Perakuan Siap Kerja dikeluarkan pada 30 April 2009.

8.4.2. Kualiti Kerja

Lawatan Audit ke tapak projek pada bulan Ogos 2008 mendapati beberapa kecacatan/kerosakan yang ketara akibat daripada kerja yang tidak dibuat dengan sempurna. Contoh kecacatan/kerosakan adalah seperti berikut :-

8.4.2.1. Kerja penambakan tanah, aras platform dan juga pengukuhan tanah telah disiapkan mengikut jadual iaitu pada 6 Januari 2004. Berdasarkan spesifikasi kontrak, tempoh rehat selama 6 bulan diperlukan untuk membolehkan tanah menjadi kukuh dan stabil sebelum kerja pembinaan dimulakan. Bagaimanapun, JKR telah membenarkan kerja pembangunan dimulakan dalam tempoh rehat tersebut dan ini mengakibatkan mendapan tanah berlaku di sekitar kawasan pelabuhan yang menyebabkan *interlocking pavement* tidak rata dan air bertakung. Selain itu, masalah tanah mendap ini juga berlaku di tepi Bangunan Operasi Pelabuhan, dewan lelong dan kilang ais. **Gambar 8.1 hingga 8.4** adalah berkaitan. Pihak Audit dimaklumkan bahawa JKR membenarkan kerja dimulakan dalam tempoh tersebut dengan syarat *interlocking block* digunakan untuk *pavement* kerana ia mudah dibaiki sekiranya berlaku mendapan tanah.

GAMBAR 8.1

Bangunan Para Jaring
- Interlocking Pavement Yang Tidak Rata Di Hadapan Bangunan Menyebabkan Air Bertakung
(19.08.2008)

GAMBAR 8.2

Bangunan Operasi Pelabuhan
- Masalah Tanah Mendap Di Tepi Bangunan
(19.08.2008)

GAMBAR 8.3

Bangunan Dewan Lelong
- Masalah Tanah Mendap Di Tepi Bangunan
(19.08.2008)

GAMBAR 8.4

Bangunan Kilang Ais
- Masalah Tanah Mendap Di Tepi Bangunan
(19.08.2008)

8.4.2.2. Terdapat tompokan karat di permukaan konkrit tetopi cerucuk di bawah jeti yang boleh menyebabkan tetulang besi di dalam konkrit terdedah kepada air ketika air pasang dan udara ketika air surut. Keadaan ini jika dibiarkan berterusan boleh menyebabkan tetulang besi berkarat dan seterusnya menjejaskan ketahanan tiang jeti. Gambar berikut menunjukkan keadaan tompokan karat pada cerucuk jeti :-

GAMBAR 8.5



GAMBAR 8.6

Tetopi Cerucuk Jeti
- Kesan Tompokan Karat
(21.08.2008)

8.4.2.3. Kilang ais yang telah siap dibina pada 8 Disember 2006 dilengkapi dengan sistem pengangkutan ais atau sistem *conveyor* dua hala iaitu ke jeti dan dewan lelong. Bagaimanapun, sistem ini tidak dapat berfungsi kerana kelemahan reka bentuk yang mengakibatkan aliran ais tersekat dan tersumbat di

bahagian penyaluran. Oleh itu, ais terpaksa diangkut secara manual ke jeti. Kilang ini hanya dapat beroperasi sepenuhnya pada bulan Oktober 2008 setelah pihak kontraktor melaksanakan kerja pembaikan. Gambar berikut menunjukkan kilang ais dengan sistem *conveyor* :-

GAMBAR 8.7

Kilang Ais
- Sistem Conveyor
Tidak Dapat Berfungsi
(19.08.2008)

8.4.2.4. Berlaku takungan air di bumbung kilang ais yang menyebabkan beberapa bahagian bumbung rosak dan berlumut. Takungan air juga berlaku di tempat simpanan ais (storage tank) disebabkan kecerunan lantai yang tidak sempurna dan saliran keluar air yang tidak mencukupi. Gambar berikut menunjukkan kawasan air bertakung :-

GAMBAR 8.8

Bumbung Kilang Ais
- Kesan Air Bertakung
(19.08.2008)

GAMBAR 8.9

Tempat Simpanan Ais
- Air Bertakung
(19.08.2008)

8.4.2.5. Kesan kebocoran dapat dilihat pada siling di Bangunan Pemeriksaan Imigresen/Kastam. Kebocoran ini berpunca daripada kebocoran yang berlaku di bumbung bangunan. Gambar berikut menunjukkan kesan kebocoran yang berlaku :-



GAMBAR 8.10

Bangunan Pemeriksaan Imigresen/Kastam
- Kesan Kebocoran
(20.08.2008)

8.4.2.6. Jenis siling yang digunakan di rumah pam tangki air adalah tidak bersesuaian dengan reka bentuk tingkap yang terdedah kepada angin. Ini menyebabkan kepingan siling tersebut jatuh apabila berlaku tiupan angin yang kuat **(Gambar 8.11)**.

GAMBAR 8.11

Rumah Pam Tangki Air
- Kepingan Siling Terjatuh
(20.08.2008)

8.4.2.7. Saluran air hujan di bumbung bangunan (gutter) tidak disambung dengan sempurna mengakibatkan berlakunya kebocoran yang boleh menyebabkan kemasan siling dan kayu bumbung menjadi rosak. Gambar berikut adalah berkaitan :-

GAMBAR 8.12

Bilik Kawalan Elektrik
- Gutter Tidak Bersambung
(20.08.2008)

GAMBAR 8.13

Bangunan Pemeriksaan Imigresen/Kastam
- Gutter Tidak Bersambung
(20.08.2008)

GAMBAR 8.14

Bangunan Pemeriksaan Imigresen/Kastam
- Saluran Air Hujan Tidak Bersambung
(20.08.2008)

8.4.2.8. Mengikut spesifikasi kontrak, dinding bata untuk perlindungan *compressor* penyaman udara di bangunan Pemeriksaan Imigresen/Kastam sepatutnya dibina di atas rasuk tanah (platform). Bagaimanapun, didapati dinding bata tersebut hanya dibina di atas tanah tanpa rasuk dan ini menyebabkan ia telah mendap dan merenggang seperti mana di **Gambar 8.15 dan 8.16**.

GAMBAR 8.15

Bangunan Pemeriksaan Imigresen/Kastam - Dinding Bata Merenggang Dan Mendap Dibina Atas Tanah Tanpa Rasuk (20.8.2008)

GAMBAR 8.16

Bangunan Pemeriksaan Imigresen/Kastam - Dinding Bata Dibina Atas Tanah Tanpa Rasuk (20.08.2008)

8.4.2.9. *Hand railing* tangga untuk naik ke tangki air tidak dicat menyebabkannya cepat berkarat kerana ia terletak berhampiran dengan laut. **Gambar 8.17** adalah berkaitan.

GAMBAR 8.17

Hand Railing Yang Berkarat (20.08.2008)

8.4.2.10. Terdapat lubang yang digali untuk memasang paip saluran air buangan ke *waste water treatment plant* berdekatan dengan jalan utama yang jika tidak ditutup dengan segera boleh menyebabkan runtuhan pasir dan tebing di sekitarnya tidak stabil. Setelah ditegur oleh pihak Audit, kontraktor telah meletakkan tali dan papan tanda di keliling lubang bagi mengelakkan sebarang kemalangan berlaku. Gambar berikut adalah berkaitan :-

GAMBAR 8.18

Waste Water Treatment Plant - Lubang Yang Digali Menyebabkan Tebing Tidak Stabil (20.08.2008)

Pihak Audit dimaklumkan oleh Jabatan Perikanan Malaysia bahawa kontraktor akan membaiki kerosakan/kecacatan setelah kerja fasa 3 disiapkan kerana semua tenaga kerja digunakan sepenuhnya untuk menyiapkan kerja tersebut yang telah mengalami kelewatan. **Bagaimanapun pada pandangan Audit, JKR hendaklah memastikan kontraktor memperbaiki semua kerosakan/ kecacatan yang berlaku di fasa 2 dengan segera bagi mengelakkannya menjadi semakin serius.**

8.4.3. Pencapaian Objektif Projek

Pembinaan Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu adalah bertujuan menjadikannya sebagai pusat pendaratan, jualan dan pemprosesan ikan yang moden bagi rantau ini. Kementerian menjangkakan pendaratan ikan di pelabuhan ini adalah sebanyak 54,000 metrik tan pada tahun 2008 dan akan meningkat sehingga 100,000 metrik tan pada tahun 2010. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

8.4.3.1. Sejak kerja bagi fasa 1 dan 2 disiapkan, Jabatan Perikanan Malaysia telah mengendalikan operasi pelabuhan ini. Bagaimanapun mulai bulan November 2007, pengendalian operasi pelabuhan diambil alih oleh Lembaga Kemajuan Ikan Malaysia (LKIM). **Didapati semenjak pelabuhan ini disiapkan, ia hanya digunakan untuk pendaratan ikan laut dalam.** Bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2008, hanya 3,600 metrik tan ikan telah didaratkan di pelabuhan ini disebabkan oleh beberapa faktor seperti berikut :-

a. Ketiadaan ais yang mencukupi disebabkan kilang ais masih belum dapat beroperasi sepenuhnya kerana sistem *conveyor* tidak dapat berfungsi.

b. Proses pembungkusan ikan sejuk beku untuk edaran ke kawasan luar tidak dapat dijalankan sepenuhnya kerana bilik sejuk masih belum disediakan. Di bawah projek pembinaan Pelabuhan Perikanan, hanya rangka bangunan Bilik Sejuk dan Bilik Pemprosesan disediakan tanpa dinding dan kemudahan bilik sejuk **(Gambar 8.19 dan 8.20)**. Didapati keperluan kemudahan ini telah diambil kira dalam skop kerja asal di bawah kerja fasa 2. Namun, ia dikeluarkan daripada skop kerja semasa rundingan harga diluluskan oleh Kementerian Kewangan untuk mengurangkan kos keseluruhan projek.

GAMBAR 8.19

Bangunan Bilik Sejuk
- Rangka Bangunan Siap Dibina
Tanpa Kemudahan Bilik-bilik Sejuk
(19.08.2008)

GAMBAR 8.20

Bangunan Pemprosesan
- Rangka Bangunan Siap Dibina Tanpa
Dinding Atau Kemudahan Asas
(19.08.2008)

c. Pemprosesan ikan untuk industri hiliran masih belum dapat dijalankan kerana *waste water treatment plant* masih belum siap dibina.

d. Aktiviti lelongan di dewan lelong juga tidak dapat dijalankan kerana masalah hubungan jalan raya dari bandar raya Sibu atau Sarikei ke Tanjung Manis. Didapati pembinaan jalan raya Sibu/Bawang Assan/Seredeng sepanjang 42 kilometer yang akan menghubungkan Tanjung Manis dengan Sibu sedang dibina dan dijangka siap pada akhir tahun 2009.

8.4.3.2. Bagi membolehkan Pelabuhan Perikanan berfungsi sepenuhnya, beberapa keperluan asas yang lengkap perlu disediakan. Sehubungan itu, LKIM telah menawarkan kontrak bagi kerja menyiapkan bangunan pemprosesan dan bilik sejuk, kerja elektrikal dan kemudahan lain bernilai RM17 juta kepada WJ Construction Sdn. Bhd. Kerja ini telah dimulakan pada 10 Januari 2008 dan dijangka siap pada 10 Julai 2008. Bagaimanapun, lawatan Audit yang dijalankan pada bulan Ogos 2008 mendapati perkara berikut :-

a. Kerja pembinaan telah tertangguh selama 3 minggu dan kemajuan fizikal hanya 12%. Pihak kontraktor masih menunggu kelulusan lanjutan masa daripada LKIM. Gambar berikut menunjukkan kerja pembinaan yang tertangguh oleh pihak kontraktor :-

GAMBAR 8.21

Bangunan Bilik Sejuk
- Kerja Pembinaan Tertangguh
(20.08.2008)

GAMBAR 8.22

Bangunan Pemprosesan
- Kerja Pembinaan Tertangguh
(20.08.2008)

b. Kerja yang dijalankan oleh kontraktor yang dilantik oleh LKIM turut menjejaskan *pavement* yang telah disiapkan di bawah fasa 2 seperti mana yang ditunjukkan di gambar berikut :-

GAMBAR 8.23

GAMBAR 8.24

Pavement Berhampiran Bilik Sejuk Yang Telah Pecah
(20.08.2008)

8.4.3.3. LKIM telah mengeluarkan Perakuan Kerja Tidak Siap pada 2 September 2008 dan kontraktor dikenakan Ganti Rugi Yang Ditentu Dan Ditetapkan berjumlah RM676,605 bagi tempoh selama 215 hari iaitu dari 11 Julai 2008 sehingga 10 Februari 2009. Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian pada bulan Mei 2009, Notis Penamatan Pengambilan Kerja Kontrak telah dikeluarkan kepada kontraktor pada 10 Februari 2009 dan kerja ini telah ditawarkan semula secara tender pada bulan Mac 2009 dengan anggaran kos berjumlah RM12.40 juta. Setakat ini, pelantikan kontraktor baru masih belum diputuskan oleh Lembaga Perolehan LKIM.

Pada pandangan Audit, Kementerian Kewangan sepatutnya meluluskan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menyiapkan semua komponen asas supaya projek boleh berfungsi sepenuhnya dan matlamat pembinaan projek dicapai.

8.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Sungguhpun projek berskala besar ini dilaksanakan bertujuan menjadikan Pelabuhan Perikanan Laut Dalam Bersepadu Tanjung Manis, Mukah, Sarawak sebagai pusat pendaratan, jualan dan pemprosesan ikan di rantau ini, namun objektif tersebut tidak dapat dicapai sepenuhnya disebabkan oleh kelemahan perancangan dan pelaksanaan projek. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga mengelakkan kelemahan yang sama daripada berlaku dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian Pertanian Dan Industri Asas Tani, Kementerian Kewangan, JKR dan LKIM memberi pertimbangan kepada perkara berikut :-

8.5.1. Memandangkan kerosakan/kecacatan boleh menjadi semakin serius jika tidak diambil tindakan segera, kontraktor tidak boleh dibenar menangguhkan kerja pembaikan kerosakan/kecacatan tersebut sehingga kerja fasa 3 disiapkan.

8.5.2. Bagi projek *fast track* yang dilaksanakan secara reka dan bina dan harga kontrak diluluskan oleh Kementerian Kewangan mengikut fasa, Kementerian Kewangan patut meluluskan harga kontrak mengikut urutan pelaksanaannya seperti mana yang dicadangkan oleh Kementerian/Jabatan terlibat. Ini adalah penting bagi mengelakkan pelaksanaan projek daripada terganggu.

8.5.3. Kementerian Kewangan sepatutnya meluluskan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk menyiapkan semua komponen asas supaya projek boleh berfungsi sepenuhnya dan matlamat pembinaan projek dicapai.

KEMENTERIAN KEMAJUAN LUAR BANDAR DAN WILAYAH

9. PENGURUSAN PROGRAM INFODESA

9.1. LATAR BELAKANG

9.1.1. Program Infodesa merupakan satu daripada projek Teknologi Maklumat Dan Komunikasi/*Information And Communication Technology* (ICT) di bawah Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah (Kementerian). Objektif program ini adalah untuk mengurangkan jurang digital antara masyarakat desa dengan masyarakat bandar. Bagi melaksanakan program ini, Kementerian telah mewujudkan Medan Infodesa (MID) dengan membina bangunan baru atau bangunan sedia ada yang diubah suai serta membekalkan peralatan ICT dan infrastrukturnya ke bangunan tersebut. MID berfungsi sebagai pusat latihan setempat, pemangkin pemilikan komputer peribadi dan pencetus kewujudan aktiviti keusahawanan ICT desa.

9.1.2. Perancangan dan pelaksanaan Program Infodesa diletakkan di bawah tanggungjawab Bahagian Teknologi Maklumat Dan Infodesa, Kementerian. Pelaksanaannya pula melibatkan pelbagai jabatan/agensi lain di bawah Kementerian iaitu Unit Khidmat Teknikal, Institut Kemajuan Desa (INFRA), Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS), Pihak Berkuasa Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA), FELCRA Berhad, Lembaga Kemajuan Wilayah Kedah (KEDA), Lembaga Kemajuan Johor Tenggara (KEJORA), Lembaga Kemajuan Kelantan Selatan (KESEDAR) dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah (KETENGAH).

9.1.3. Program ini mula dilaksanakan semasa Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8) dan dilanjutkan ke RMK-9. Ia dimulakan di 6 kampung dan akan diperluaskan kepada 220 kampung pada penghujung tahun 2010. Kos bagi mewujudkan setiap MID dianggarkan berjumlah RM350,000 dan projek ini perlu disiapkan dalam tempoh 12 minggu. Sejumlah RM91.65 juta telah diperuntukkan di bawah RMK-8 dan RMK-9 bagi melaksanakan Program Infodesa. Sehingga 31 Disember 2008, sejumlah RM68.38 juta telah dibelanjakan untuk program ini dan seramai 41,298 peserta telah diberi latihan ICT.

9.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Infodesa telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemah dan selaras dengan objektif yang ditetapkan.

9.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

9.3.1. Skop pengauditan adalah meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program Infodesa. Bagi tujuan ini, semakan Audit telah dijalankan terhadap fail, rekod dan dokumen bagi tempoh tahun 2003 hingga 2008 di Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah serta di pejabat-pejabat agensi pelaksana iaitu RISDA, KEJORA, KEDA, KESEDAR, KETENGAH dan Syarikat FELCRA Berhad.

9.3.2. Pemeriksaan fizikal telah dijalankan terhadap 50 bangunan Medan Infodesa yang telah siap/sedang dibina di Kedah, Perak, Selangor, Negeri Sembilan, Johor, Terengganu, Pahang dan Kelantan. Temu bual dan perbincangan telah diadakan dengan pegawai dan kakitangan yang terlibat. Soal selidik juga telah diedarkan kepada pengguna MID.

9.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2008 mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan Program Infodesa yang perlu ditangani oleh Kementerian/agensi yang berkenaan untuk menambahbaik pelaksanaan program ini. Antara kelemahan tersebut adalah projek tidak dilaksanakan dan disiapkan dalam tahun peruntukan diterima; pembinaan bangunan MID lewat disiapkan antara 1 hingga 12 bulan; kelewatan MID beroperasi walaupun selepas 6 hingga 26 bulan disiapkan; perolehan peralatan komputer dan pengurusan aset tidak dibuat dengan teratur serta kelewatan mengisi jawatan Pengurus MID menyebabkan pengurusan MID terjejas. Didapati juga tapak tanah bagi 156 bangunan MID yang dibina dengan pembiayaan Kerajaan Persekutuan masih belum didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

9.4.1. Kelewatan Memulakan Projek Oleh Agensi Pelaksana

Pembinaan/pengubahsuaian bangunan sebagai MID dibiayai daripada peruntukan pembangunan dan perlu dilaksanakan dalam tahun peruntukan diterima bagi membolehkan MID beroperasi pada tahun yang sama. Semakan Audit mendapati Kementerian telah menyalurkan sebahagian besar daripada peruntukan yang diterima kepada agensi pelaksana sebelum bulan Jun. Memandangkan masa yang ditetapkan untuk mewujudkan setiap MID hanya 12 minggu, semua peruntukan tersebut sepatutnya dapat dibelanjakan pada tahun berkenaan. Namun begitu, daripada 50 bangunan yang telah siap dibina, 11 tidak dapat disiapkan dalam tahun peruntukan diterima. Didapati juga **sebut harga bagi membina 36 bangunan tersebut hanya dipelawa selepas 4 hingga 12 bulan daripada tarikh peruntukan diterima**. Butirannya adalah seperti di **Jadual 9.1.** Agensi pelaksana yang berkenaan memaklumkan bahawa tindakan mempelawa sebut harga tidak dapat diambil segera kerana menunggu surat kelulusan penggunaan tanah daripada Pejabat Tanah yang mana hanya diterima selepas 3 bulan daripada tarikh

permohonan dibuat. Namun demikian, semakan Audit mendapati sebut harga bagi projek MID Kampung Jerangau, Kampung Teluk Teduri, Kampung Blok Ulu Kursial, Kampung Bukit Jering, Kampung Kuala Pajam, Kampung Gagu dan Kampung Bukit Raja hanya dipelawa selepas 5 bulan surat kelulusan diterima daripada Pejabat Tanah.

JADUAL 9.1
TEMPOH PELAWAAN SEBUT HARGA OLEH AGENSI PELAKSANA

AGENSI PELAKSANA	BIL. BANGUNAN DIAUDIT	TEMPOH PELAWAAN SEBUTHARGA SELEPAS PERUNTUKAN DITERIMA (Bulan/Bilangan Bangunan)									MID TIDAK DIBINA DALAM TAHUN PERUNTUKAN DITERIMA (Bil. Bangunan)
		4	5	6	7	8	9	10	11	12	
Unit Khidmat Teknikal	16	-	1	3	6	5	-	-	-	-	TB
FELCRA	11	2	1	2	-	-	-	-	-	-	2
RISDA	5	1	1	-	-	-	-	-	-	1	1
KEDA	1	-	-	-	-	-	-	-	1	-	1
KEJORA	6	-	-	2	-	-	1	-	1	1	5
KETENGAH	2	-	-	-	-	1	-	-	-	1	TB
KESEDAR	9	2	2	-	-	-	1	-	-	-	2
Jumlah	**50**	**5**	**5**	**7**	**6**	**6**	**2**	**-**	**2**	**3**	**11**

Nota : ***Tempoh Pelawaan Sebut Harga Sepatutnya Bermula Pada Bulan Keempat Kerana 3 Bulan Yang Pertama Diperuntukkan Untuk Mendapat Kelulusan Penggunaan Tanah***

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan agensi pelaksana mempercepatkan proses pelawaan sebut harga bagi membolehkan projek pembinaan bangunan dilaksanakan dalam tahun peruntukan diterima.

9.4.2. Kelewatan Menyiapkan Bangunan MID

9.4.2.1. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2008, sebanyak 156 daripada 159 bangunan yang dirancang telah siap dibina/diubah suai sama ada oleh RISDA, KEJORA, KEDA, KESEDAR, KETENGAH dan FELCRA Berhad. Pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah perbelanjaan keseluruhan untuk menyiapkan bangunan-bangunan tersebut kerana Kementerian tidak mendapatkan laporan prestasi kewangan projek daripada agensi pelaksana. Bilangan bangunan yang dirancang dan dibina/diubah suai bagi tempoh tahun 2001 hingga 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.2
PERANCANGAN DAN PEMBINAAN/PENGUBAHSUAIAN BANGUNAN MENGIKUT TAHUN

RANCANGAN		PELAKSANAAN	
TAHUN	BIL. BANGUNAN	TAHUN	BIL. BANGUNAN
2001	6	2002	6
2002	12	2003 2004	11 1
2004	11	2005 2006	10 1
2005	13	2005 2006 2008	6 6 1

RANCANGAN		PELAKSANAAN	
TAHUN	BIL. BANGUNAN	TAHUN	BIL. BANGUNAN
2006	74	2006 2007	66 8
2007	33	2007 2008	26 4
2008	10	2008	10
JUMLAH	159		156

9.4.2.2. Semakan Audit terhadap 50 bangunan yang telah siap dibina mendapati **45 daripadanya telah lewat disiapkan**. Semakan Audit selanjutnya mendapati 22 projek telah diluluskan lanjutan masa antara 1 hingga 8 bulan. Bagaimanapun, hanya 14 projek daripadanya dapat disiapkan pada tarikh akhir lanjutan masa. Bagi 32 projek yang dilaksanakan secara inden kerja, ianya telah lewat disiapkan antara 1 hingga 18.5 bulan. Namun, Kementerian/agensi pelaksana tidak mengambil tindakan untuk menamatkan perkhidmatan kontraktor yang terlibat. Denda juga tidak dikenakan kerana keperluan ini tidak dinyatakan dalam Surat Setuju Terima. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.3
BANGUNAN YANG LEWAT DISIAPKAN

AGENSI PELAKSANA	LOKASI MID	KOS PROJEK (RM)	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH AKHIR LANJUTAN MASA	TEMPOH LANJUTAN MASA (Bulan)	TARIKH SEBENAR KERJA DISIAPKAN	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
FELCRA	Kg. Felcra Lekir, Manjung, Perak	137,700	02.07.2005	31.07.2005	1	31.07.2005	1
	Felda Panching Utara, Kuantan, Pahang	153,068	30.06.2005	31.12.2005	6	31.12.2005	6
	Kg. Sg. Apong, Sabak Bernam, Selangor	138,950	14.09.2005	29.10.2005	1.5	29.10.2005	1.5
	Kg. Sg. Lang Tengah, Kuala Langat, Selangor	145,072	14.09.2005	31.11.2005	3.5	31.12.2005	4.5
	Kg. Jelintoh, Gopeng, Perak	180,000	31.01.2006	30.09.2006	8	03.06.2006	4
	Kg. Tengah, Tampin, Negeri Sembilan	142,962	14.02.2006	31.05.2006	3.5	31.05.2006	3.5
	Kg. Jelutong, Sik, Kedah	130,200	21.02.2006	21.06.2006	4	21.06.2006	4
	Kg. Baru Salong, Pekan, Pahang	140,093	15.06.2006	15.11.2006	5	15.11.2006	5
	Kg. Kuala Mai, Temerloh, Pahang	134,569	30.09.2006	15.01.2007	3.5	15.01.2007	3.5
	Felcra Bukit Sedanan, Jasin, Melaka	114,178	14.02.2008	14.05.2008	3	14.05.2008	3
	Kg. Bagan Tiang, Kerian, Perak	212,974	09.12.2005	05.05.2006	5	15.04.2006	4
	Kg. Siputeh, Selama, Perak	196,990	09.12.2005	30.04.2006	4.5	29.05.2006	5.5
	Kg. Kuala Pajam, Hulu Langat, Selangor	125,000	13.11.2007	31.01.2008	2.5	31.01.2008	2.5
RISDA	Kg. Gagu, Jelebu, Negeri Sembilan	117,300	03.12.2007	-	TB	29.02.2008	3

AGENSI PELAKSANA	LOKASI MID	KOS PROJEK (RM)	TARIKH SEPATUT SIAP	TARIKH AKHIR LANJUTAN MASA	TEMPOH LANJUTAN MASA (Bulan)	TARIKH SEBENAR KERJA DISIAPKAN	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
KEJORA	Kg. Mawai Baru, Kota Tinggi, Johor	182,343	02.11.2005	01.12.2005	1	28.03.2006	5
	Kg. Sg. Kapal, Kota Tinggi, Johor	124,994	05.06.2007	-	TB	06.11.2007	5
	Kg. Sri Gading, Kota Tinggi, Johor	130,890	14.05.2007	-	TB	04.09.2007	3.5
	Kg. Contoh, Kluang, Johor	137,390	13.11.2007	-	TB	26.11.2007	0.5
	Kg. Paya, Kluang, Johor	127,280	13.09.2007	-	TB	20.02.2008	5
KETENGAH	Kg. Ceneh, Kemaman, Terengganu	174,500	01.06.2007	31.07.2007	2	16.09.2007	3.5
KESEDAR	Kg. Gual Ipoh, Tanah Merah, Kelantan	180,700	07.04.2007	07.06.2007	2	07.06.2007	2
	Kg. Batu Papan, Gua Musang, Kelantan	112,820	16.04.2007	28.05.2007	1	23.05.2007	1
	Kg. Jelawang, Kuala Krai, Kelantan	119,866	05.05.2007	16.06.2007	1	16.06.2007	1
	Kg. Mengkebang, Kuala Krai, Kelantan	128,077	14.04.2007	16.05.2007	1	10.07.2007	2
	Kg. Blok Ulu Kursial, Tanah Merah, Kelantan	118,000	12.02.2007	11.04.2007	2	24.08.2007	6.5
	Kg. Sg. Sam, K. Krai, Kelantan	155,718	27.06.2006	27.07.2006	1	27.08.2006	2
	Kg. Bkt. Jering, Jeli, Kelantan	164,425	22.03.2006	22.04.2006	1	13.07.2006	3.5
Unit Khidmat Teknikal	Kg. Paya Luas, Temerloh, Pahang	138,025	04.01.2007	-	TB	21.05.2007	4.5
	Kg. Paya Serai, Bera, Pahang	204,485	04.12.2006	-	TB	17.09.2007	9.5
	Kg. Kerdau, Temerloh, Pahang	138,125	20.12.2006	-	TB	18.07.2007	7
	Kg. Bkt. Kapar, Klang, Selangor	196,031	13.11.2006	-	TB	14.07.2007	8
	Kg. Gumut, Hulu Selangor, Selangor	197,937	13.11.2006	-	TB	09.04.2007	4.5
	Kg. Pulau Meranti, Sepang, Selangor	177,192	21.11.2006	-	TB	21.12.2007	13
	Kg. Pok, Johor Bahru, Johor	172,610	09.10.2006	-	TB	31.01.2007	4
	Kg. Murni Jaya, Kluang, Johor	128,891	21.11.2006	-	TB	15.04.2007	4.5
	Kg. Jawa, Hulu Langat, Selangor	193,926	11.12.2006	-	TB	18.09.2007	9
	Kg. Bkt. Tandak, Pasir Mas, Kelantan	185,958	11.12.2006	-	TB	14.02.2007	2
	Kg. Singkir Laut, Yan, Kedah	199,489	21.11.2006	-	TB	30.07.2007	8
	Kg. Sg. Itau, Langkawi, Kedah	178,249	22.11.2006	-	TB	14.02.2007	2.5
	Kg. Pdg. Gelanggang, Kubang Pasu, Kedah	119,953	12.02.2007	-	TB	23.01.2008	11.5
	Kg. Bukit, Kota Setar, Kedah	133,265	20.12.2006	-	TB	04.07.2008	18.5
	Kg. Bemban, Kubang Pasu, Kedah	185,066	05.03.2007	-	TB	02.07.2007	4
	Kg. Gulau, Sik, Kedah	133,580	14.11.2007	-	TB	20.03.2008	4
	Kg. Paya Jaras, Sg. Buloh, Selangor	185,083	11.12.2006	-	TB	18.01.2007	1
	Kg. Ulu Cheka, Jerantut, Pahang	189,000	11.12.2006	-	TB	20.09.2007	9

TB - Tidak Berkaitan

Nota :

Projek Lewat Siap Dengan Kelulusan Lanjutan Masa

Projek Lewat Siap Tanpa Kelulusan Lanjutan Masa

Projek Tidak Dapat Disiapkan Pada Tarikh Akhir Lanjutan Masa

9.4.2.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan menyiapkan pembinaan bangunan adalah disebabkan oleh faktor berikut :-

a. Menurut laporan yang dikemukakan oleh agensi pelaksana kepada Kementerian, kontraktor kelas F yang dilantik menghadapi masalah kekurangan modal, kekurangan bahan mentah, kekurangan tenaga kerja mahir dan keadaan cuaca yang tidak menentu.

b. Bagi 34 bangunan, kelewatan berlaku disebabkan oleh Arahan Perubahan Kerja (APK) yang melibatkan kos tambahan berjumlah RM312,144. Sebanyak 29 (85.3%) daripadanya telah diluluskan APK selepas 1 hingga 11 bulan tempoh kontrak asal tamat.

c. Kelewatan pembayaran kepada kontraktor menyebabkan mereka menghadapi masalah untuk meneruskan projek. Semakan Audit terhadap 188 baucar bayaran bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008 di semua agensi pelaksana yang dilantik oleh Kementerian serta di Unit Khidmat Teknikal mendapati 106 (56.4%) baucar yang melibatkan sejumlah RM3.45 juta hanya dibayar oleh Kementerian/agensi pelaksana selepas 15 hingga 121 hari daripada bil diterima.

9.4.2.4. Menurut Kementerian, antara punca kelewatan adalah kerana dokumen yang dihantar oleh kontraktor tidak lengkap seperti keperluan mengemukakan resit wang cagaran meter eletrik dan caj penyambungan bekalan eletrik oleh TNB. Selain itu, surat tuntutan kontraktor biasanya dihantar ke Unit Khidmat Teknikal atau Bahagian ICT terlebih dahulu sebelum dikemukakan ke Bahagian Kewangan.

Pada pandangan Audit, Kementerian patut mempertingkatkan pemantauannya terhadap pembinaan/pengubahsuaian bangunan bagi memastikan ia dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan ini, agensi pelaksana hendaklah diminta mengemukakan laporan kemajuan projek setiap bulan dan memberi penjelasan sekiranya berlaku kelewatan.

9.4.3. Kelewatan Perolehan Kelengkapan ICT Dan Perabot

Semua agensi pelaksana dikehendaki untuk menguruskan perolehan kelengkapan ICT dan perabot bagi bangunan MID yang telah disiapkan. Peruntukan bagi perolehan kelengkapan ICT dan perabot ini diberi bersekali dengan peruntukan untuk membina/mengubahsuai bangunan. Bagi tempoh tahun 2001 hingga 2008, perolehan peralatan ICT dan kelengkapan serta perabot bernilai RM19.0 juta telah dibuat bagi 154 bangunan MID. Perolehan ini dibuat sama ada secara tender, sebut harga atau pembelian terus. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan dalam urusan perolehan ini seperti berikut :-

9.4.3.1. Bagi 13 (26%) daripada 50 bangunan MID yang diaudit, didapati pelawaan tender/sebut harga/pembelian terus untuk bekalan kelengkapan ICT

telah dibuat sebelum kerja pembinaan bangunan disiapkan. Bagaimanapun, **bekalan kelengkapan ICT hanya diterima selepas 3 hingga 8 bulan bangunan disiapkan dan ini menyebabkan MID berkenaan tidak dapat beroperasi sebaik sahaja MID disiapkan.** Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 9.4
KELENGKAPAN ICT DAN PERABOT YANG LEWAT DIBEKALKAN

MID	TARIKH SIJIL SIAP KERJA (BANGUNAN)	TARIKH PELAWAAN TENDER/SEBUT HARGA/ PEMBELIAN TERUS	TARIKH PEMBEKALAN KELENGKAPAN ICT	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
Kg. Sungai Itau, Langkawi, Kedah	14.02.2007	07.11.2006	03.08.2007	6
Kg. Gulau, Sik, Kedah	20.03.2007	07.11.2006	04.08.2007	5
Kg. Ulu Cheka, Jerantut, Pahang	20.09.2007	07.11.2006	17.12.2007	3
Kg. Kerdau, Temerloh, Pahang	18.07.2007	07.11.2006	01.10.2007	3
Kg. Paya Luas, Temerloh, Pahang	21.05.2007	07.11.2006	14.09.2007	4
Kg. Pulau Meranti, Sepang, Selangor	21.12.2007	07.11.2006	01.03.2008	3
Kg. Pok, Johor Baru, Johor	30.01.2007	07.11.2006	16.09.2007	8
Kg. Murni Jaya, Kluang, Johor	15.04.2007	07.11.2006	18.09.2007	5
Kg. Felcra Lekir, Manjung, Perak	31.07.2005	08.07.2005	23.01.2006	6
Kg. Jelintoh, Gopeng, Perak	03.06.2006	09.01.2006	09.10.2006	3
Kg. Kuala Pajam, Hulu Langat, Selangor	03.01.2008	27.05.2008	23.09.2008	8
Kg. Bukit Jering, Jeli, Kelantan	13.07.2006	11.06.2006	29.11.2006	4
Kg. Paya Jaras, Sg. Buloh, Selangor	18.01.2007	07.11.2006	12.04.2007	3

9.4.3.2. Mengikut Surat Setuju Terima, 3 pembekal perlu membekalkan alat kelengkapan ICT dan perabot bernilai RM342,809 kepada MID Kg. Bukit Jering, Kg. Renok Baru dan Kg. Kuala Pajam. Manakala bagi 3 pembekal lain, alat kelengkapan ICT dan perabot yang bernilai RM356,307 perlu dibekalkan kepada MID Kg. Sg. Gumut, Kg. Ramuan Cina dan Kg. Alor Jeringau. Didapati **keenam-enam pembekal tersebut tidak membekalkan alat kelengkapan ICT dan perabot mengikut tempoh yang ditetapkan dalam Surat Setuju Terima.** Kelewatannya adalah antara 1 hingga 8 bulan. Tiga daripada pembekal tersebut telah diluluskan lanjutan masa disebabkan bangunan MID berkenaan belum disiapkan. Bagi 3 pembekal lain yang tidak diluluskan lanjutan masa, agensi pelaksana sukar untuk mengambil tindakan terhadap pembekal berkenaan seperti mengenakan denda kerana keperluan ini tidak dinyatakan dalam Surat Setuju Terima.

Pada pandangan Audit, tindakan yang diambil oleh agensi pelaksana untuk membuat pelawaan tender/sebut harga/pembelian terus bagi perolehan

kelengkapan ICT dalam tempoh pembinaan bangunan adalah teratur. Namun, ia perlu memastikan peralatan itu diterima sebaik sahaja bangunan disiapkan bagi membolehkan MID beroperasi.

9.4.4. Kelemahan Dalam Pengurusan MID

9.4.4.1. Bagi membolehkan MID yang telah dibekalkan dengan alat kelengkapan ICT dan perabot beroperasi sepenuhnya, jawatan pengurus di MID berkenaan perlu diisi. Setiap MID akan ditempatkan seorang Pengurus MID (Penolong Pegawai Teknologi Maklumat Gred F29) yang dilantik secara Pekerja Khidmat Singkat selama 6 bulan dan kemudiannya diserap secara kontrak selama 2 tahun oleh Kementerian. Kontrak mereka boleh diperbaharui pada setiap 2 tahun. Adalah menjadi dasar Kementerian untuk melantik Pengurus MID di kalangan penduduk setempat bagi memastikan program ini mendapat sambutan dan sokongan.

9.4.4.2. **Setakat bulan April 2009, jawatan Pengurus hanya diisi di 90 daripada 125 MID yang telah dibekalkan dengan alat kelengkapan ICT. Ini menyebabkan 35 MID yang lain tidak dapat memulakan operasinya.** Ketiadaan Pengurus menyebabkan peralatan kelengkapan ICT dan perabot yang telah dibekalkan tidak digunakan yang mana ada antaranya masih berada di dalam kotak. Kos peralatan kelengkapan ICT dan perabot yang tidak digunakan di 13 MID yang dilawati adalah berjumlah RM1.49 juta. Memandangkan sebahagian besar daripada peralatan tersebut telah tamat tempoh jaminannya, kos pembaikannya terpaksa ditanggung oleh Kerajaan sekiranya berlaku kerosakan. **Gambar 9.1 hingga 9.6** menunjukkan beberapa contoh peralatan dan kelengkapan yang terlibat. Semakan Audit selanjutnya terhadap 43 MID yang mempunyai Pengurus mendapati **pelantikan bagi 24 daripada mereka lewat dibuat antara 6 hingga 26 bulan**.

GAMBAR 9.1

MID Kg. Tok Has, Besut, Terengganu
20 Unit Komputer
20 Unit Meja Komputer
20 Unit Kerusi
20 Unit AVR
(Tarikh Bekalan : 13.12.2007)

GAMBAR 9.2

MID Kg. Padang Gelanggang, Kubang Pasu, Kedah
Mesin Pengimbas
Mesin Pencetak
(Tarikh Bekalan: 24.03.2008)

GAMBAR 9.3

MID Kg. Gagu, Jelebu, Negeri Sembilan
1 Unit Komputer Riba
1 Unit LCD Projektor
(Tarikh Bekalan : 01.07.2008)

GAMBAR 9.4

MID Kg. Sri Gading, Kota Tinggi, Johor
1 Unit Pencetak Laser
Wireless Access Point
(Tarikh Bekalan : 01.01.2008)

GAMBAR 9.5

MID Kg. Sri Gading, Kota Tinggi, Johor
1 Unit LCD Projektor
(Tarikh Bekalan : 01.01.2008)

GAMBAR 9.6

MID Kg. Sri Gading, Kota Tinggi, Johor
1 Unit Komputer Riba
(Tarikh Bekalan : 01.01.2008)

9.4.4.3. Mengikut Manual Operasi MID yang disediakan oleh Kementerian, setiap Pengurus MID perlu diberi latihan asas Kursus Pengurusan MID yang antara lainnya merangkumi aspek pengurusan MID, pengurusan aset dan program latihan kepada pengguna. Semakan Audit terhadap rekod latihan bagi 77 Pengurus MID yang dilantik dalam tempoh tahun 2006 hingga 2008 mendapati seramai 18 daripada pengurus berkenaan masih belum menghadiri kursus tersebut. Ketiadaan latihan ini menyukarkan pengurus berkenaan untuk merancang dan melaksanakan aktiviti MID.

9.4.4.4. Mengikut Manual Operasi MID, sebuah Lembaga Pengurusan perlu ditubuhkan bagi setiap Medan Infodesa (MID) yang telah beroperasi. Lembaga ini dipengerusikan oleh Pegawai Daerah manakala Timbalan Pengerusi terdiri daripada wakil agensi penyelaras. Anggotanya pula terdiri daripada wakil masyarakat kampung seperti Pengerusi Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK), wakil pemuda, wakil wanita dan Pengurus MID dilantik sebagai Setiausaha Lembaga. Fungsi utama Lembaga Pengurusan ialah menetapkan hala tuju MID, merancang aktiviti pengembangan, memastikan urusan pengurusan kewangan tabung MID mengikut peraturan dan seterusnya mengemukakan Laporan Aktiviti Dan Kewangan Bulanan kepada Kementerian. Lawatan Audit di 22 MID yang telah beroperasi mendapati **7 (32%)** daripadanya **masih belum menubuhkan Lembaga Pengurusan walaupun Pengurus telah**

dilantik antara 1 hingga 21 bulan. Menurut Pengurus MID berkenaan, masalah utama untuk menubuhkan Lembaga ialah kesukaran mendapatkan tarikh dari Pengerusi dan Timbalan Pengerusi bagi mengadakan mesyuarat untuk memilih anggota Lembaga. **Akibatnya, perkara yang berkaitan dengan hala tuju, perancangan aktiviti dan perihal pengurusan kewangan MID tidak dapat ditentukan pada peringkat awal penubuhan MID yang mana telah menghalang kelancaran aktiviti yang dilaksanakan**. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.5
MID YANG MASIH BELUM MENUBUHKAN LEMBAGA PENGURUSAN

MID	AGENSI PENYELARAS	TARIKH LANTIKAN PENGURUS	TARIKH LAWATAN AUDIT	TEMPOH LEMBAGA PENGURUSAN BELUM DILANTIK (Bulan)
Kg. Jelintoh, Gopeng, Perak	KEMAS	01.11.2006	22.08.2008	20 - 21
Kg. Sungai Lang Tengah, Kuala Langat, Selangor	KEMAS	21.04.2007	15.05.2008	12 - 13
Kg. Sungai Apong, Sabak Bernam, Selangor	KEMAS	16.06.2007	20.05.2008	11 - 12
Kg. Tanjung Setol, Pendang, Kedah	KEDA	01.08.2007	07.07.2008	11 - 12
Kg. Murni Jaya, Kluang, Johor	KEJORA	19.11.2007	17.06.2008	6 - 7
Kg. Desa Temu Jodoh, Segamat, Johor	KEJORA	02.01.2008	17.06.2008	5 - 6
Kg. Gual Ipoh, Tanah Merah, Kelantan	KESEDAR	21.07.2008	16.09.2008	1 - 2

9.4.4.5. Mengikut garis panduan yang dikeluarkan oleh Kementerian, Lembaga Pengurusan perlu bermesyuarat 4 kali setahun. Semakan Audit terhadap Minit-minit Mesyuarat Lembaga Pengurusan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 di 14 MID yang telah menubuhkan Lembaga Pengurusan mendapati mesyuarat Lembaga di 12 MID tidak diadakan mengikut kekerapan yang ditetapkan iaitu hanya antara 1 hingga 2 kali dalam setahun. Ini telah menyebabkan isu-isu yang berbangkit tidak dapat diselesaikan dengan awal. Didapati juga **pelan tindakan pelaksanaan tidak disediakan di MID yang mana Lembaga Pengurusannya tidak aktif**. Berdasarkan maklum balas daripada Pengurus MID berkenaan, perkara ini berlaku kerana Pengerusi mempunyai kekangan masa disebabkan tugas semasa yang perlu diberi keutamaan.

Pada pandangan Audit, oleh kerana keseluruhan projek ini melibatkan belanja yang besar dan ia dilaksanakan secara berterusan semenjak RMK-8, Kementerian patut mengkaji semula untuk mewujudkan jawatan Pengurus secara tetap supaya pengisiannya dapat dibuat dengan lebih mudah dan mereka yang dilantik mengisi jawatan ini lebih komited. Kementerian juga hendaklah memastikan Lembaga Pengurusan ditubuhkan di setiap MID dan memastikan ia berfungsi dengan sewajarnya. Memandangkan Pegawai Daerah

tidak dapat meluangkan masa untuk mempengerusikan mesyuarat Lembaga, adalah disyorkan supaya wakil daripada Pejabat Daerah yang berkenaan dilantik sebagai Pengerusi.

9.4.5. Kelemahan Dalam Pelaksanaan Aktiviti MID

9.4.5.1. Setiap MID dikehendaki memberi latihan ICT kepada penduduk komuniti desa dengan tujuan meningkatkan penggunaan dan pemilikan komputer agar dapat mengurangkan jurang digital antara bandar dan luar bandar. Bagi tujuan ini, Kementerian telah merancang 2 jenis kursus utama iaitu **Latihan Literasi Komputer** (LKD) kepada warga emas dan pemimpin masyarakat kampung manakala **Latihan Kemahiran Komputer** (LKK) untuk membentuk semangat keusahawanan IT tempatan di kalangan belia yang berada di luar lingkungan persekolahan dan telah mempunyai pengetahuan asas mengenai komputer. LKK lebih tertumpu kepada kursus pembaikan komputer. Semakan Audit terhadap fail kursus di Kementerian mendapati sebanyak 2,286 siri kursus telah dikendalikan oleh MID di seluruh negara bagi tempoh tahun 2003 hingga 2008 yang melibatkan 41,298 peserta terdiri daripada warga emas dan belia. Bagaimanapun, **pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada bilangan kursus dan peserta yang mengikutinya adalah memenuhi sasaran yang telah ditetapkan kerana tiada bukti perancangan mengenainya telah dibuat.**

9.4.5.2. Mengikut Manual Operasi MID, penilaian kursus perlu dibuat oleh agensi pelaksana selepas setiap kali kursus diadakan untuk menilai keberkesanan kursus. Laporan penilaian tersebut perlu dikemukakan kepada Kementerian. Semakan Audit di agensi pelaksana mendapati **analisis tidak dibuat walaupun peserta telah mengisi borang penilaian kursus**. **Kementerian juga tidak menghantar surat peringatan kepada agensi pelaksana yang tidak mengemukakan laporan penilaian tersebut**. Berdasarkan maklum balas daripada soal selidik yang dikemukakan kepada peserta-peserta kursus anjuran MID bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan September 2008 mendapati pada umumnya kursus yang dijalankan telah membantu golongan sasaran mempelajari penggunaan dan pembaikan komputer.

9.4.5.3. Mengikut rekod yang terdapat di 22 MID yang dilawati, bilangan pengguna komputer adalah berbeza mengikut lokasi. Terdapat hanya 4 MID yang merekodkan antara 350 hingga 650 pengguna komputer sebulan manakala selebihnya adalah antara 50 hingga 260 orang. Berdasarkan maklum balas daripada Pengurus MID yang berkenaan **(tiada rekod disimpan mengenai usia pengguna),** 98% pengguna terdiri daripada golongan remaja dalam lingkungan umur 11 tahun hingga 18 tahun. Bilangan pengguna mengikut MID yang diaudit adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 9.6
BILANGAN PENGGUNA KOMPUTER DI MEDAN INFODESA

MID	TARIKH OPERASI	KATEGORI MID	BIL. KOMPUTER	PURATA PENGGUNA BULANAN	TARIKH LAWATAN AUDIT
Kg. Sg. Lang Tengah, Kuala Langat, Selangor	21.04.2007	Daerah	20	50	15.05.2008
Kg. Sg. Apong, Sabak Bernam, Selangor	16.07.2007	Daerah	20	110	20.05.2008
Kg. Mawai Baru, Kota Tinggi, Johor	02.06.2006	Daerah	20	200	12.06.2008
Kg. Desa Temu Jodoh, Segamat, Johor	02.01.2008	Daerah	20	150	17.06.2008
Kg. Murni Jaya, Kluang, Johor	19.11.2007	Mukim	10	200	17.06.2008
Kg. Sg. Panching Utara, Kuantan, Pahang	20.03.2006	Daerah	20	260	03.07.2008
Kg. Kuala Kerdau, Temerloh, Pahang	02.01.2008	Mukim	10	195	30.06.2008
Kg. Paya Luas, Temerloh, Pahang	02.01.2008	Mukim	10	150	01.07.2008
Kg. Kuala Mai, Temerloh, Pahang	11.06.2007	Daerah	20	195	30.06.2008
Kg. Shafie, Bentong, Pahang	20.03.2006	Daerah	20	120	04.07.2008
Kg. Teluk Teduri, Baling, Kedah	28.08.2006	Daerah	20	350	04.08.2008
Kg. Tanjong Setol, Pendang, Kedah	01.08.2007	Daerah	20	100	07.07.2008
Kg. Singkir Laut, Yan, Kedah	29.06.2007	Daerah	20	160	07.07.2008
Kg. Padang Gelanggang, Jerlun, Kedah	16.07.2008	Mukim	10	60	10.08.2008
Kg. FELCRA Lekir, Manjung, Perak	04.09.2006	Daerah	20	120	20.08.2008
Kg. Jelintoh, Gopeng, Perak	11.10.2006	Daerah	20	650	22.08.2008
Kg. Jimah Baru, Port Dickson, Negeri Sembilan	06.01.2006	Daerah	20	400	27.08.2008
Kg. Tengah, Tampin, N. Sembilan	06.11.2006	Daerah	20	250	27.08.2008
Kg. Paloh 2, Gua Musang, Kelantan	16.07.2008	Mukim	10	100	16.09.2008
Kg. Gual Ipoh, Tanah Merah, Kelantan	16.07.2008	Daerah	20	120	16.09.2008
Kg. Alor Limbat, Marang, Terengganu	20.03.2006	Daerah	20	60	22.07.2008
Kg. Jerangau, Dungun, Terengganu	16.08.2007	Daerah	20	350	16.07.2008
JUMLAH				**4,350**	

Pada pandangan Audit, bilangan pengguna komputer di MID perlu dipertingkatkan supaya peralatan ICT digunakan secara optimum dan matlamat bagi mengurangkan jurang digital antara bandar dengan luar bandar dicapai. Bagi tujuan ini, Kementerian patut meningkatkan aktiviti promosi di kalangan masyarakat setempat dan yang berhampiran tentang kemudahan yang disediakan di MID.

9.4.6. Kelemahan Pengurusan Kewangan MID

9.4.6.1. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menjelaskan bahawa Tatacara Pengurusan Aset Alih Kerajaan adalah meliputi 6 perkara iaitu penerimaan, pendaftaran, penggunaan dan penyimpanan, penyenggaraan, pelupusan dan hapus kira. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan pengurusan aset di MID yang dilawati seperti berikut :-

a. Semakan Audit terhadap dokumen penghantaran peralatan mendapati penerimaannya disahkan oleh wakil Jawatankuasa Kampung berkenaan. Pihak Audit difahamkan perkara ini berlaku kerana Pengurus MID berkenaan masih belum dilantik. Antara MID yang terlibat adalah Kg. Pulau Meranti, Kg. Melayu Batu 16, Kg. Jawa, Kg. Ulu Cheka, Kg. Kerdau, Kg. Paya Luas, Kg. Pekan Naka, Kg. Pasir Putih, Kg. Paya Semambu, Kg. Gulau, Kg. Sungai Tengas, Kg. Bukit, Kg. Padang Gelanggang, Kg. Singkir Laut, Kg. Tanjung Setol, Kg. Sungai Itau, Kg. Naga Lilit, Kg. Bemban dan Kg. Tok Has. Didapati juga pihak yang menerima bekalan tidak dibekalkan/mempunyai salinan kontrak yang berkaitan. Keadaan ini menyebabkan mereka tidak dapat menentukan sama ada peralatan yang diterima itu mengikut kuantiti dan kualiti yang ditetapkan.

b. Lawatan Audit ke 22 MID yang telah beroperasi mendapati **rekod dan daftar aset tidak diselenggarakan di 13 MID iaitu** Kg. Desa Temu Jodoh, Kg. Murni Jaya, Kg. Kuala Kerdau, Kg. Bukit, Kg. Lang Tengah, Kg. Tanjung Setol, Kg. Singkir Laut, Kg. Teluk Teduri, Kg. Felcra Lekir, Kg. Tengah, Kg. Paloh 2, Kg. Gual Ipoh dan Kg. Alur Limbat. **Kelengkapan ICT dan perabot bernilai RM1.49 juta tidak direkodkan** menyebabkan maklumat aset tidak dapat diketahui dengan tepat dan menyukarkan pemantauan dari aspek penyenggaraan, penggantian dan pelupusan aset.

9.4.6.2. **Pengguna kemudahan ICT di MID dikenakan bayaran antara RM1.50 hingga RM2.00 bagi setiap jam.** Selaras dengan Arahan Perbendaharaan, semua kutipan yang diterima perlu dikeluarkan resit, direkodkan dalam buku tunai dan dibankkan dalam tempoh yang sepatutnya. Semakan Audit mendapati jumlah yang dipungut oleh 22 MID yang dilawati adalah antara RM700 hingga RM1,400 sebulan. Semakan Audit selanjutnya mendapati **9 daripada MID tersebut tidak mengeluarkan resit untuk memperakui terimaan wang yang dipungutnya**. Manakala **10 MID pula tidak menyelenggarakan buku tunai bagi merekod semua terimaan**. Sungguhpun jumlah yang dipungut adalah kecil, namun bagi memastikan wang awam diurus dan diperakaunkan dengan teratur, Kementerian hendaklah memastikan Pengurus MID mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan Pengurus MID mematuhi pekeliling dan peraturan kewangan yang ditetapkan mengenai perolehan dan pengurusan aset. Rekod dan daftar yang berkaitan juga perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Kementerian perlu menjalankan pemeriksaan di MID dari semasa ke semasa untuk memastikan pematuhan terhadap peraturan tersebut.

9.4.7. Pendaftaran Hak Milik Tanah Tidak Dibuat

Mengikut peraturan, semua tapak tanah bangunan yang diperoleh melalui pembiayaan Kerajaan Persekutuan hendaklah didaftarkan atas nama Pesuruhjaya Tanah Persekutuan. Semakan Audit terhadap prosedur yang telah ditetapkan oleh Mesyuarat Jawatankuasa Pemandu Program pada tahun 2005 mendapati keperluan ini tidak dinyatakan dalam prosedur tersebut. Sebaliknya, prosedur tersebut hanya menghendaki kelulusan mengguna tanah diperoleh daripada Pejabat Tanah Daerah atau agensi yang berkenaan sebelum sesuatu pembinaan bangunan MID dimulakan. Menurut Kementerian, ini adalah untuk mempercepatkan pelaksanaan Program Infodesa. **Sungguhpun demikian, pada pandangan Audit, bagi memastikan bahawa semua projek yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan dapat diteruskan aktivitinya walaupun berlaku pertukaran parti pemerintah di negeri berkenaan, Kementerian sepatutnya memastikan semua tapak tanah yang dibangunkan untuk MID dipindah milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan.**

9.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Objektif Kerajaan melaksanakan Program Infodesa untuk mengurangkan jurang digital antara masyarakat desa dengan masyarakat bandar tidak mungkin dapat dicapai sepenuhnya mengikut perancangan jika beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya yang berpunca daripada kelewatan menyiapkan bangunan dan masalah pengisian jawatan Pengurus MID di beberapa MID tidak ditangani segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian Kemajuan Luar Bandar Dan Wilayah memberikan pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

9.5.1. Memandangkan keseluruhan projek ini melibatkan belanja yang besar dan ia dilaksanakan secara berterusan semenjak RMK-8, Kementerian patut mengkaji semula untuk mewujudkan jawatan Pengurus secara tetap supaya pengisiannya dapat dibuat dengan lebih mudah dan mereka yang dilantik mengisi jawatan ini lebih komited.

9.5.2. Memastikan Lembaga Pengurusan ditubuhkan di setiap MID supaya ia berfungsi dengan sewajarnya. Memandangkan Pegawai Daerah tidak dapat meluangkan masa untuk mempengerusikan mesyuarat Lembaga, adalah disyorkan supaya wakil dari Pejabat Daerah berkenaan dilantik sebagai Pengerusi.

9.5.3. Mempertingkatkan pemantauannya terhadap pelaksanaan projek bagi memastikan ia dilaksanakan dalam tempoh yang ditetapkan. Sehubungan ini, agensi pelaksana hendaklah diminta mengemukakan laporan kemajuan projek setiap bulan dan memberi penjelasan sekiranya berlaku kelewatan.

9.5.4. Memastikan Pengurus MID mematuhi pekeliling dan peraturan kewangan yang ditetapkan mengenai perolehan dan pengurusan aset. Rekod dan daftar yang berkaitan juga perlu diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini. Kementerian

perlu menjalankan pemeriksaan di MID dari semasa ke semasa untuk memastikan pematuhan terhadap peraturan tersebut. Bagi memastikan Pengurus MID melaksanakan tanggungjawab mereka dengan sempurna dan berkesan, latihan dalam bidang pengurusan termasuk kewangan patut diberi kepada mereka.

9.5.5. Bilangan pengguna komputer di MID perlu dipertingkatkan supaya peralatan ICT digunakan secara optimum dan matlamat bagi mengurangkan jurang digital antara bandar dengan luar bandar dicapai. Bagi tujuan ini, Kementerian patut meningkatkan kesedaran di kalangan masyarakat setempat dan yang berhampiran tentang kemudahan yang disediakan di MID.

9.5.6. Memastikan semua tapak tanah yang dibangunkan untuk MID dipindah milik kepada Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bagi memastikan bahawa semua projek yang dibangunkan oleh Kerajaan Persekutuan dapat diteruskan aktivitinya walaupun berlaku pertukaran parti pemerintah di negeri berkenaan.

9.5.7. Menyediakan peruntukan yang mencukupi untuk tujuan penyenggaraan peralatan dan bangunan MID bagi membolehkan projek ini dijalankan secara berterusan.

9.5.8. Membuat penilaian secara berkala untuk menentukan sejauh mana program ini telah mencapai objektifnya dan seterusnya mengambil langkah penambahbaikan.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

10. PEMBINAAN PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DI BANDAR MUADZAM SHAH, KEDAH

10.1. LATAR BELAKANG

10.1.1. Jabatan Perdana Menteri telah membina Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Bandar Muadzam Shah, Mukim Anak Bukit, Alor Setar, Kedah untuk mengatasi kesesakan ruang pejabat di bangunan gunasama yang sedia ada dan juga menjimatkan kos penyewaan bangunan. Projek ini dilaksanakan di atas tapak seluas 39.78 ekar yang telah diambil alih oleh Kerajaan Persekutuan daripada Kerajaan Negeri Kedah. Setakat 31 Disember 2008, 95% projek ini telah disiapkan dan sejumlah RM243.53 juta telah dibelanjakan.

10.1.2. Projek Pembangunan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan yang dilaksanakan dalam 2 fasa melibatkan satu blok Wisma Persekutuan (8 tingkat) yang menempatkan 33 jabatan dan agensi Kerajaan Persekutuan; satu blok Lembaga Hasil Dalam Negeri (5 tingkat); satu blok Mahkamah Syariah; satu blok Kementerian Dalam Negeri (5 tingkat); 2 blok Kompleks Kasih di bawah Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara; satu Dewan Serba Guna; balai polis serta 2 rumah kediaman kelas 'F' dan kerja luar. Gambarajah berikut menunjukkan pelan susun atur projek ini :-

GAMBARAJAH 10.1
PELAN SUSUN ATUR PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN

KOMPONEN PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN DI BANDAR MUADZAM SHAH

- ***A - Wisma Persekutuan***
- ***B - Lembaga Hasil Dalam Negeri***
- ***D - Kompleks Mahkamah Syariah***
- ***E - Dewan Serba Guna***
- ***F - Kementerian Dalam Negeri (KDN)***
- ***G - Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (Kompleks Kasih)***
- ***H - Balai Polis Dan Kuarters***
- ***Promenade/ Infrastrukur***



10.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Bandar Muadzam Shah, Mukim Anak Bukit, Alor Setar, Kedah telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat serta selaras dengan matlamat pembinaannya.

10.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan projek di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri serta pejabat JKR di tapak projek. Di samping itu, pemeriksaan fizikal juga telah dijalankan di tapak projek untuk meninjau pelaksanaannya.

10.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2008 mendapati beberapa kelemahan dalam perancangan dan pelaksanaan projek pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Mukim Anak Bukit, Alor Setar, Kedah. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah terdapat beberapa perubahan dalam pelantikan kontraktor dan kaedah pelaksanaan projek yang telah melewatkan tempoh pelaksanaannya; pengurusan kontrak yang kurang memuaskan; pembinaan lewat disiapkan; bangunan siap tetapi lewat/tidak diduduki serta sebahagian kerja pembinaan kurang berkualiti. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

10.4.1. Pelantikan Kontraktor

10.4.1.1. Projek ini telah dimulakan pada tahun 2002 dengan Jabatan Kerja Raya sebagai agensi pelaksana. Bahagian Pengurusan Hartanah, Jabatan Perdana Menteri (JPM) telah mengeluarkan Surat Niat kepada Syarikat Arah Semangat Sdn. Bhd. pada 26 Ogos 2002 yang dilantik secara rundingan terus untuk melaksanakan projek pembinaan Pusat Pentadbiran Kerajaan Persekutuan dengan kaedah ‘reka dan bina’. Pada hari yang sama, satu syarikat lain iaitu PMN Sdn. Bhd. telah dilantik oleh JPM sebagai perunding pengurusan projek (PMC) dan penglibatan JKR telah dibatalkan.

10.4.1.2. Semakan Audit mendapati rundingan harga hanya diadakan antara JKR, JPM dan Syarikat Arah Semangat Sdn. Bhd. pada bulan Jun 2004 iaitu selepas 22 bulan daripada tarikh Surat Niat dikeluarkan. Namun demikian, didapati Kerajaan Negeri Kedah pada 16 September 2002 telah menyerahkan tapak projek kepada kontraktor untuk memulakan kerja tanah. **Pada pandangan Audit, Kerajaan Negeri tidak seharusnya berurusan terus dengan kontraktor, sebaliknya semua urusan berkaitan dengan pelaksanaan projek ini patut dibuat melalui JPM. Kontraktor juga tidak boleh memulakan kerja sekiranya masih belum menerima Surat Setuju Terima memandangkan Surat Niat tidak mengikat Kerajaan dan kontraktor menanggung risiko sekiranya projek ini tidak ditawarkan kepadanya.**

10.4.1.3. Hasil daripada rundingan harga yang telah dijalankan, kos projek yang ditawarkan oleh Syarikat Arah Semangat Sdn. Bhd. berjumlah RM350 juta telah dapat dikurangkan kepada RM287 juta. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan tidak bersetuju untuk menawarkan projek ini kepada Syarikat Arah Semangat Sdn. Bhd. dan pada 5 November 2004 Kementerian Kewangan telah membatalkan pelantikan syarikat tersebut serta mengarahkan supaya kerja pembinaan bangunan dan infrastruktur dilaksanakan secara tender terbuka melalui beberapa pakej. Kementerian Kewangan juga telah menamatkan pelantikan Syarikat PMN Sdn. Bhd. sebagai PMC dan melantik semula JKR sebagai Penguasa Projek. Kementerian Kewangan telah mengarahkan supaya kerja tanah yang telah dilaksanakan oleh Syarikat Arah Semangat Sdn. Bhd. berjumlah RM6.24 juta dan khidmat perundingan PMC berjumlah RM2.38 juta dibayar.

10.4.1.4. Pada bulan Mei 2005, Kementerian Kewangan telah memutuskan supaya Syarikat Arah Semangat Sdn. Bhd. dilantik semula untuk melaksanakan sebahagian daripada projek ini yang bernilai RM151 juta dengan alasan syarikat ini telah menyediakan pelan reka bentuk projek. Manakala sebahagian daripada projek yang bernilai RM136 juta dilaksanakan oleh kontraktor lain yang akan dipilih secara tender terhad. Lanjutan kepada keputusan tersebut, JPM telah membahagikan projek ini kepada 2 fasa iaitu fasa 1 dan 2 seperti berikut :-

JADUAL 10.1
BUTIRAN KONTRAK UNTUK FASA 1 DAN 2

BANGUNAN YANG DIBINA	KONTRAKTOR	PROFIL KONTRAKTOR	HARGA KONTRAK ASAL (RM Juta)	TARIKH MULA	TARIKH SEPATUTNYA DISIAPKAN
Fasa 1 : Membina Bangunan Secara Reka Dan Bina					
Wisma Persekutuan Dan Lembaga Hasil Dalam Negeri	Arah Semangat Sdn. Bhd.	Kelas A Modal Berbayar RM10 juta	151.00	18.08.2005	14.02.2008
Fasa 2 : Membina Bangunan Secara Konvensional					
Mahkamah Syariah	Prodabena Sdn. Bhd.	Kelas A Modal Berbayar RM3 juta	28.59	29.08.2006	31.12.2007
Kementerian Dalam Negeri Dan Dewan Serba Guna	Uzaimin Enterprise Sdn. Bhd.	Kelas A Modal Berbayar RM0.76 juta	32.30	29.08.2006	27.11.2007
Kompleks Kasih, Balai Polis Dan Lanskap	Shahab Builders & Engineering Sdn. Bhd.	Kelas A Modal Berbayar RM0.75 juta	19.31	29.12.2006	27.03.2008

Pada pandangan Audit, beberapa perubahan dalam pelantikan kontraktor dan kaedah pelaksanaannya menyebabkan projek ini yang sepatutnya dimulakan pada tahun 2002 hanya dapat dimulakan pada tahun 2005 bagi fasa 1 dan 2006 bagi fasa 2.

10.4.1.5. Mengikut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 tahun 1995, perjanjian kontrak hendaklah ditandatangani selepas semua syarat dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan hendaklah selewat-lewatnya dalam tempoh 4 bulan

dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Semakan Audit mendapati keempat-empat kontrak yang telah ditandatangani untuk melaksanakan kerja di bawah fasa 1 dan fasa 2 (Pakej A, B dan C) telah lewat ditandatangani antara 10 hingga 60 hari selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. **Pada pandangan Audit, JKR perlu mematuhi peraturan yang ditetapkan dengan memastikan kontrak ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan.**

10.4.2. Prestasi Projek

10.4.2.1. Bangunan Wisma Persekutuan Dan Lembaga Hasil Dalam Negeri

a. Mengikut syarat kontrak, Syarikat Arah Semangat Sdn. Bhd. perlu melaksanakan pembinaan bangunan Wisma Persekutuan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri dari 18 Ogos 2005 hingga 14 Februari 2008 (130 minggu). JKR telah mengeluarkan Sijil Perakuan Pendudukan Separa bagi projek ini pada 29 Januari 2008 dan Sijil Perakuan Kelayakan Menduduki daripada Majlis Bandaraya Alor Setar telah dikeluarkan pada 30 Januari 2008. Projek ini seterusnya diserahkan kepada Jabatan Perdana Menteri pada 21 Februari 2008, iaitu seminggu selepas tamat kontrak. Bagaimanapun sehingga bulan April 2009, Sijil Perakuan Siap Kerja tidak dapat dikeluarkan kepada kontraktor kerana kerja membina tempat letak kereta belum dapat disiapkan sepenuhnya disebabkan oleh kabin balai polis sementara masih belum dipindahkan daripada kawasan tersebut. Mengikut maklum balas daripada JKR, kelewatan perpindahan kabin tersebut adalah kerana bangunan yang baru masih belum disediakan dengan beberapa keperluan yang diminta oleh pihak Polis.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati Sijil Perakuan Pendudukan Separa yang telah dikeluarkan pada 29 Januari 2008 adalah untuk keseluruhan kerja yang bernilai RM151 juta. **Pada pandangan Audit, sungguhpun bayaran sepenuhnya belum dijelaskan kepada Syarikat Arah Semangat Sdn. Bhd., namun tindakan mengeluarkan sijil tersebut adalah tidak selaras dengan syarat kontrak yang mana Sijil Perakuan Pendudukan Separa yang dikeluarkan sepatutnya setakat nilai kerja yang telah disiapkan. Bagaimanapun selepas teguran Audit, pada 3 April 2009 JKR telah mengemukakan Sijil Perakuan Pendudukan Separa seperti mana yang disyorkan oleh pihak Audit.**

10.4.2.2. Bangunan Mahkamah Syariah

a. Pembinaan bangunan ini yang dilaksanakan oleh Syarikat Prodabena Sdn. Bhd. sepatutnya disiapkan pada 31 Disember 2007. Bagaimanapun ia hanya dapat disiapkan pada 13 Julai 2008 setelah diluluskan 2 lanjutan masa selama 195 hari. Antara faktor utama kelewatan menyiapkan projek ini adalah seperti berikut :-

i. Pindaan reka bentuk perlu dibuat atas permintaan Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM yang melibatkan ubah suai ruang pejabat bagi menggantikan pejabat Jabatan Agama Islam dan Majlis Agama Islam Negeri Kedah dengan pejabat Mufti serta pertambahan daripada 3 kepada 12 kamar bicara.

ii. Subkontraktor Yang Dinamakan (NSC) yang sepatutnya dilantik pada bulan Januari 2007 untuk kerja mekanikal dan elektrik hanya dapat dilantik pada bulan Mei 2007 iaitu hampir 4 bulan lewat menyebabkan kerja tersebut terpaksa dirancang semula. Mengikut maklum balas JKR, kelewatan melantik NSC disebabkan oleh syarikat Perunding HPL (M&E) yang gagal mematuhi prosedur JKR dalam penyediaan dokumen tender.

iii. Kontraktor lewat menerima Lukisan *Hardscape* disebabkan kelewatan penyediaan reka bentuk serta lukisan oleh pihak perunding.

iv. Kerja pengalihan longkang dan pembentungan kekotak lewat dilaksanakan oleh Syarikat Shahab Builders & Engineering Sdn. Bhd. yang terlibat dengan pembinaan Kompleks Kasih, balai polis dan lanskap di tapak yang sama. Kelewatan ini disebabkan oleh kerja persepadanan semula antara projek pakej 2A iaitu Mahkamah Syariah dan pakej 2B iaitu Kementerian Dalam Negeri dan Dewan Serba Guna.

b. Sijil Perakuan Siap Kerja perlu dikeluarkan setelah JKR berpuas hati bahawa semua kerja telah siap dengan sempurna dan bangunan boleh diduduki dan beroperasi. Semakan Audit mendapati Sijil Perakuan Siap Kerja bagi mengesahkan kerja pembinaan bangunan Mahkamah Syariah yang telah disiapkan pada 13 Julai 2008 hanya dikeluarkan pada 19 November 2008 iaitu kelewatan 129 hari dari tarikh kerja disiapkan.

10.4.2.3. Bangunan Kementerian Dalam Negeri Dan Dewan Serba Guna

Pembinaan bangunan ini yang dilaksanakan oleh Syarikat Uzaimin Enterprise Sdn. Bhd. sepatutnya disiapkan pada 27 November 2007. Bagaimanapun, projek ini hanya dapat disiapkan pada 14 Oktober 2008 selepas 4 lanjutan masa selama 322 hari diluluskan. Didapati Sijil Perakuan Siap Kerja berkenaan tidak dikeluarkan pada tarikh kerja disiapkan tetapi hanya pada 10 Disember 2008 iaitu kelewatan selama 57 hari. Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan menyempurnakan projek ini adalah seperti berikut :-

a. Kelewatan menerima lukisan pembinaan terperinci daripada perunding disebabkan pindaan perlu dibuat terhadap lukisan asal yang tidak mengambil kira keperluan Jabatan Bomba Dan Penyelamat. Kontraktor hanya menerima lukisan tersebut pada 30 November 2006 iaitu hampir 3 bulan selepas daripada tarikh milik tapak (29 Ogos 2006). Daripada maklum balas JKR, kelewatan perunding mengambil tindakan memohon kelulusan Jabatan Bomba Dan Penyelamat menyebabkan kelulusan tidak diperoleh sebelum proses tender.

b. Kelewatan Syarikat Perunding HPL (M&E) menyediakan dokumen tender mengikut kehendak JKR telah menyebabkan JKR hanya dapat melantik Subkontraktor Yang Dinamakan (NSC) pada bulan Mei 2007.

c. Kelewatan Tenaga Nasional Berhad membekalkan elektrik disebabkan kelewatan pihak kontraktor menyiapkan pembinaan pencawang elektrik di tapak bina.

d. Terdapat kerja ubah suai Dewan Serba Guna dan blok Kementerian Dalam Negeri atas keperluan teknikal dan kehendak jabatan pelanggan.

e. Kesukaran mendapat bekalan bahan binaan atas faktor kenaikan harga bahan binaan yang di luar kawalan serta kesukaran mendapatkan bahan binaan di pasaran dunia.

10.4.2.4. Kompleks Kasih, Balai Polis Dan Lanskap

a. Projek ini tidak dapat disiapkan pada 27 Mac 2008 seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak. Syarikat Shahab Builders & Engineering Sdn. Bhd. telah diluluskan 3 lanjutan masa melibatkan 351 hari untuk menyiapkan projek ini pada 14 Mac 2009. Bagaimanapun, kontraktor tersebut masih tidak dapat menyiapkan kerjanya pada tarikh tamat lanjutan masa di mana kemajuan kerja adalah 98%. JKR telah mengeluarkan Sijil Perakuan Kerja Tidak Siap pada 13 Mac 2009. Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan menyempurnakan projek ini adalah :-

   i. Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM1.50 juta diluluskan untuk kerja membaiki cerucuk *retaining wall* promenade akibat daripada tekanan air sungai semasa banjir.

   ii. Lukisan untuk kerja *sheet piles* dan mercu tanda lewat diterima daripada perunding.

   iii. Kenaikan harga bahan binaan di luar kawalan dan kesukaran untuk mendapat bahan ini.

   iv. Tapak projek tidak dibersihkan dengan sempurna oleh Syarikat Arah Semangat Sdn. Bhd. yang terlibat dengan kerja tanah di projek ini.

b. Semakan Audit mendapati lanjutan masa sebanyak 165 hari dan Arahan Perubahan Kerja berjumlah RM1.50 juta yang telah diluluskan kepada Syarikat Shahab Builders & Engineering Sdn. Bhd. adalah untuk kerja membaiki cerucuk *retaining wall* akibat daripada kejadian berikut :-

   i. Pada 25 Januari 2007, Kumpulan IKRAM Sdn. Bhd. telah dilantik oleh JKR untuk menjalankan kerja penyiasatan tanah melibatkan sebanyak 3 *borehole* di jajaran tebing Sungai Anak Bukit bagi tujuan reka bentuk tembok penahan. Berdasarkan kepada keputusan kajian tanah tersebut, juruperunding sivil dan struktur iaitu Jurutera Konsult Maju Sdn. Bhd. (JKM) yang juga dilantik oleh JKR telah memutuskan menggunakan reka bentuk *concrete sheet piles* bagi kerja cerucuk yang memerlukan

kedalaman 13 meter dibuat. Sebulan selepas kerja melantak *sheet piles* dijalankan oleh kontraktor tersebut iaitu pada 21 Oktober 2007, JKR memaklumkan kepada JKM bahawa terdapat beberapa bilangan *concrete sheet piles* yang telah dilantak tidak dapat mencapai kedalaman yang direka bentuk iaitu 13 meter dan meminta jaminan mengenai kestabilan struktur berkenaan.

ii. Pada 25 November 2007, pihak perunding mengemukakan laporan kestabilan dengan cadangan supaya *sheet piles* diikat dengan *anchor reinforcement* kerana ia lebih berkesan, cepat, ekonomi dan yang paling sesuai bagi keadaan sedemikian. Bagaimanapun sebelum tindakan diambil untuk mengukuhkan struktur tersebut, *concrete sheet piles* tersebut condong pada 10 Januari 2008 setelah berlaku kenaikan paras air Sungai Anak Bukit menyebabkan pihak perunding mengarahkan kerja persekitaran yang boleh menyebabkan gegaran ditangguhkan dan besi penambat (anchor reinforcement) diikat pada *concrete sheet piles* **(Gambar 10.1 dan 10.2)**. Seterusnya pada 7 Jun 2008 berlaku lagi kecondongan *sheet piles* di tempat lain pada promenade tetapi dapat dibendung dengan segera oleh pihak perunding JKM.

GAMBAR 10.1

Tepi Sungai Anak Bukit
- Penahan Tebing Sungai Yang Condong
(20.10.2008)

GAMBAR 10.2

Tepi Sungai Anak Bukit
- Penahan Tebing Sungai Yang Disambung Dengan Anchor Reinforcement
(20.10.2008)

Pada pandangan Audit, JKR hendaklah memastikan sebarang kerosakan struktur akibat daripada kelemahan reka bentuk diperbetulkan segera. Perunding hendaklah dipertanggungjawabkan terhadap kesempurnaan reka bentuk memandangkan ia telahpun memberi jaminan berhubung dengannya.

c. Semakan Audit selanjutnya mendapati balai polis serta kuarters yang siap dibina telah diserahkan kepada JPM pada 29 Jun 2008 tetapi Sijil Perakuan Pendudukan Separa tidak dikeluarkan oleh JKR. Sebaliknya, sijil yang dikemukakan oleh JKR untuk tatapan Audit adalah mengelirukan kerana sijil ini adalah merupakan "Perakuan Siap Kerja" mengikut catatan yang dibuat dalam versi Bahasa Malaysia dan dicatatkan dalam Bahasa Inggeris sebagai "Certificate Of Partial Practical Completion". Bagaimanapun selepas ditegur oleh pihak Audit, JKR telah mengeluarkan Sijil Perakuan Pendudukan Separa pada 25 Mac 2009.

10.4.2.5. Bangunan Siap Tetapi Lewat/Tidak Diduduki

a. Bangunan Wisma Persekutuan Dan Lembaga Hasil Dalam Negeri

i. Bangunan Wisma Persekutuan dan Lembaga Hasil Dalam Negeri telah disiapkan pada 29 Januari 2008 dan diserah kepada JPM pada 21 Februari 2008 tetapi tidak boleh diduduki kerana tiada perabot mudah alih (loose furniture). Semakan Audit mendapati Bahagian Pengurusan Hartanah JPM pada mulanya telah memutuskan supaya perabot tersebut tidak dimasukkan ke dalam kontrak pembinaan dan membelinya dari kontrak pusat untuk menjimatkan kos. Bagaimanapun pada bulan Mei 2007, JKR mengemukakan justifikasi kepada Kementerian Kewangan supaya Syarikat Arah Semangat Sdn. Bhd. dilantik secara rundingan terus untuk membekal dan memasang perabot mudah alih. Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan ini dibuat sebagai perolehan tambahan kepada kontrak yang sedia ada. Bagaimanapun, kelulusan ini tertakluk kepada peruntukan projek masih mencukupi dan harga dirunding ke paras terendah yang menguntungkan Kerajaan serta harga tersebut dikemukakan ke Lembaga Perolehan Kementerian Kerja Raya untuk dimuktamadkan.

ii. Semakan Audit mendapati rundingan harga telah diadakan di JKR pada 4 Jun 2008 iaitu 7 bulan selepas kelulusan diberi oleh Kementerian Kewangan. Mengikut maklum balas JKR, rundingan harga perabot tidak dapat diadakan segera kerana terdapat pertukaran jabatan yang akan menduduki Wisma Persekutuan. Pada 16 Julai 2008, Lembaga Perolehan Kementerian Kerja Raya telah memuktamadkan harga perolehan perabot itu dengan sebanyak RM12.80 juta dan menetapkan ia perlu dibekalkan sebelum 28 Ogos 2008. Semakan Audit selanjutnya mendapati perabot tersebut telah dibekalkan dan dipasang pada tarikh yang ditetapkan dan jabatan/bahagian mula berpindah pada bulan Oktober 2008 tetapi perjanjian tambahan untuk pembekalan ini hanya ditandatangani pada 10 November 2008.

Pada pandangan Audit, kelewatan JKR menguruskan perolehan perabot menyebabkan kos sewaan bangunan bagi jabatan yang tidak dapat berpindah sebaik sahaja bangunan disiapkan berjumlah RM1.50 juta perlu ditanggung oleh Kerajaan. Perjanjian sepatutnya ditandatangani sebelum perolehan perabot dibuat bagi menjaga kepentingan Kerajaan.

b. Bangunan Mahkamah Syariah Dan Kementerian Dalam Negeri

i. Pembinaan bangunan Mahkamah Syariah dan Kementerian Dalam Negeri masing-masingnya telah disiapkan pada 13 Julai 2008 dan 14 Oktober 2008. Bagaimanapun kedua-dua bangunan belum diserahkan kepada JPM disebabkan ketiadaan perabot kerana perolehan perabot

pada asalnya tidak dimasukkan dalam kontrak pembinaan bangunan. Ketiadaan perabot ini telah menyebabkan jabatan-jabatan yang sepatutnya menduduki bangunan berkenaan terpaksa melanjutkan tempoh penyewaan bangunan yang sedang didudukinya dan ini melibatkan perbelanjaan sewaan tambahan yang dianggarkan berjumlah RM272,188 setakat bulan April 2009. Selain itu, Tempoh Tanggungan Kecacatan untuk bangunan Mahkamah Syariah akan tamat pada 13 Julai 2009 dan sekiranya bangunan masih belum diduduki pada tarikh tamat tempoh tersebut, Kerajaan terpaksa menanggung kos pembaikan terhadap sebarang kecacatan yang dikesan.

ii. Mengikut maklum balas daripada JKR, semasa perbincangan dengan pihak Bahagian Pengurusan Hartanah (BPH), JPM, pihak JKR menyarankan pembekalan perabot ini dibuat oleh jabatan masing-masing. Namun bagi memudahkan penyelarasan pembekalan perabot, pihak BPH meminta pelaksanaan dilakukan oleh pihak JKR. Pihak Audit juga dimaklumkan bahawa urusan tender untuk bekalan perabot sedang dibuat dan dijangka akan ditawarkan pada bulan April 2009.

Pada pandangan Audit, perolehan perabot hendaklah diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan. Sehubungan ini, perolehan perabot patut dibuat semasa kemajuan kerja pada tahap 80% supaya bangunan dapat digunakan sepenuhnya sebaik sahaja ia disiapkan.

c. Balai Polis

Balai polis yang siap dibina telah diserahkan kepada JPM pada bulan Jun 2008 dan seterusnya kepada pihak polis **(Gambar 10.3)**. Tempoh Tanggungan Kecacatannya adalah antara 29 Jun 2008 hingga 28 Jun 2009. Bagaimanapun sehingga bulan April 2009, balai polis berkenaan masih belum diduduki. Pihak polis enggan berpindah kerana beberapa keperluan asas sama ada tidak disediakan atau tidak sesuai. Antara keperluan tersebut adalah tapak khas untuk tiang aerial set VHF (Spectra), kaunter serah senjata api dan bunker mengosongkan peluru dan CCTV belum disediakan serta tandas awam dalam ruang pejabat adalah bersetentangan dengan stor senjata api dan laluan ke lokap **(Gambar 10.4 dan 10.5)**. Semakan Audit selanjutnya mendapati keperluan ini telah dimaklumkan oleh pihak polis kepada perunding yang menyediakan lukisan pembinaan pada tahun 2003.

GAMBAR 10.3

Balai Polis Yang Telah Disiapkan (20.10.2008)

GAMBAR 10.4

Balai Polis - Tandas Awam Terletak Bersetentangan Dengan Stor Senjata Api Dan Laluan Ke Lokap (20.10.2008)

GAMBAR 10.5

Balai Polis - Stor Senjata Api Tiada Kaunter Serah Senjata Api Dan Bunker Untuk Mengosongkan Peluru (20.10.2008)

Pada pandangan Audit, keperluan yang telah dikemukakan oleh pihak polis sepatutnya diambil kira oleh perunding dalam reka bentuk asal. Tindakan segera perlu diambil untuk membaiki/menyediakan kemudahan tersebut supaya balai polis yang siap dibina boleh diguna dan kabin balai polis sementara yang ditempatkan di tapak projek bagi kerja fasa 1 dirobohkan bagi membolehkan Syarikat Arah Semangat Sdn. Bhd. meneruskan kerja pembinaan tempat letak kereta di tapak itu.

10.4.3. Kualiti Kerja Pembinaan

Lawatan Audit yang telah dijalankan pada bulan Oktober 2008 untuk meninjau kualiti kerja pembinaan mendapati perkara berikut :-

10.4.3.1. Wisma Persekutuan

Di Blok Wisma Persekutuan, air bertakung di lantai dan di dalam longkang basemen terutamanya di kawasan yang berhampiran dengan *ramp* keluar masuk. Keadaan ini berpunca daripada 2 *submersible pump* yang dipasang di dalam *sump* telah rosak **(Gambar 10.6 dan 10.7)**. Pam tersebut sepatutnya berfungsi secara automatik mengepam air dari basemen ke longkang di kawasan luar bangunan terutama apabila hujan.

GAMBAR 10.6

Basemen Wisma Persekutuan
- Air Bertakung Di Lantai Basemen
(19.10.2008)

GAMBAR 10.7

Basemen Wisma Persekutuan
- Submersible Pump Dalam Sump Tidak Berfungsi
(19.10.2008)

10.4.3.2. Mahkamah Syariah

a. Kemasan perabot kayu *built-in* dalam Dewan Bicara Mahkamah di Aras 2, 3 dan 4 didapati tidak dipasang dengan kukuh. Antaranya ialah kayu pada kandang saksi, kandang salah dan halangan antara tempat duduk orang awam dengan ruang bicara. Didapati juga penyelak pintu tidak dipasang dengan kemas. Contohnya adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 10.8

Dewan Bicara Mahkamah Syariah
- Selak Pintu Tidak Kemas
(20.10.2008)

GAMBAR 10.9

Dewan Bicara Mahkamah Syariah
- Kayu Kandang Bicara Tidak Kukuh
(20.10.2008)

b. Lawatan Audit juga mendapati dinding permukaan rasuk dan siling konkrit di bilik stor tidak di*plaster* dan dicat dengan sempurna. Ini menyebabkan keadaan dinding tersebut kelihatan tidak kemas dan perlu diperbaiki **(Gambar 10.10 dan 10.11)**.

GAMBAR 10.10

GAMBAR 10.11

Bilik Stor
- Permukaan Rasuk Dan Siling Tidak Diplaster Dan Tidak Dicat Dengan Sempurna
(20.10.2008)

Pada pandangan Audit, JKR perlu menjalankan pemeriksaan dan memastikan semua kecacatan yang berlaku diperbaiki dengan sempurna oleh kontraktor sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi mengelakkan Kerajaan daripada mengalami kerugian.

10.4.4. Penyenggaraan Bangunan

10.4.4.1. Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM telah menyerahkan urusan penyenggaraan bangunan Blok A iaitu Wisma Persekutuan kepada Kementerian Kerja Raya (KKR) pada 25 Jun 2008. Seterusnya, KKR telah mengeluarkan tawaran setuju terima penswastaan perkhidmatan pengurusan dan penyenggaraan bangunan Blok A kepada Syarikat Gemilang Maintenance Services Sdn. Bhd. (GMSSB) selaras dengan perjanjian yang ditandatangani antara syarikat konsesi dengan KKR untuk kerja penyenggaraan bagi zon utara. Skop kerja yang ditetapkan adalah melibatkan pengoperasian sistem mekanikal dan elektrik serta kawalan keselamatan secara menyeluruh untuk blok tersebut sahaja. Bagaimanapun sebelum kontrak ditandatangani dengan Syarikat GMSSB, Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM pada bulan November 2008 telah bersetuju agar keseluruhan kawasan Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Bandar Muadzam Shah tersebut diwartakan sebagai Kompleks Persekutuan dan diletakkan di bawah seliaan Bahagian Kawalselia Penyenggaraan, KKR. Bagi melaksanakan kerja pengurusan dan penyenggaraan seluruh Kompleks Pentadbiran Kerajaan Persekutuan di Bandar Muadzam Shah, KKR telah mengeluarkan tawaran baru kepada Syarikat GMSSB pada 28 Januari 2009.

10.4.4.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga bulan Disember 2008, bayaran tidak dibuat kepada Syarikat GMSSB bagi kerja penyenggaraan yang telah dilaksanakan antara bulan Jun hingga Disember 2008 bernilai RM1.22 juta disebabkan kontrak tidak dimuktamadkan. Pada 11 Mac 2009, JPM telah memohon kelulusan khas daripada Kementerian Kewangan untuk membuat bayaran tersebut.

Pada pandangan Audit, kontrak perlu dimuktamadkan dengan segera supaya bayaran boleh dibuat kepada Syarikat GMSSB.

10.4.5. Pemantauan

Bagi memastikan pelaksanaan projek ini berjalan dengan lancar dan memuaskan, JKR telah melakukan pemantauan melalui kaedah dan pendekatan berikut :-

10.4.5.1. Mesyuarat Tapak

Mesyuarat tapak telah diadakan berasingan untuk setiap kontrak iaitu fasa 1, fasa 2A, fasa 2B dan fasa 2C setiap bulan mulai tahun 2005 hingga 2008. Minit mesyuarat tapak telah disediakan untuk merekodkan segala masalah; kemajuan

projek; sebab-sebab kelewatan; perancangan kerja; keputusan dan tindakan yang sedang dan akan diambil hasil daripada mesyuarat tersebut. Mesyuarat dipengerusikan oleh Ketua Penolong Pengarah Kanan, Cawangan Kerja Bangunan Am, JKR atau wakilnya dan dihadiri oleh Bahagian Pengurusan Hartanah, JPM; semua perunding; kontraktor dan subkontraktor yang terlibat.

10.4.5.2. Mesyuarat Teknikal

Mesyuarat teknikal untuk setiap kontrak diadakan setiap 2 minggu bagi membincang dan menyelesaikan masalah teknikal berkaitan kerja pembinaan.

10.4.5.3. Laporan Kemajuan

Bagi memantau kemajuan projek, pihak kontraktor masing-masingnya telah menyedia dan menghantar laporan kemajuan projek setiap bulan. Laporan ini memberikan gambaran sebenar status kemajuan projek. Selain itu, Laporan QAQC (Quality Assurance And Quality Conformation) juga dikemukakan oleh perunding masing-masing selaku penyelia tapak untuk fasa 2A, 2B dan 2C.

Pada pandangan Audit, sungguhpun JKR telah mewujudkan mekanisme untuk memantau pelaksanaan projek ini, namun keberkesanannya boleh dipertikaikan memandangkan prestasi projek dan kualiti kerja pembinaan serta pembaikannya yang kurang memuaskan. JKR hendaklah lebih bertegas dengan pihak kontraktor dan perunding supaya tidak berlaku kelewatan serta kualiti yang kurang memuaskan.

10.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Bangunan kompleks ini sepatutnya boleh digunakan lebih awal sekiranya ada penyelarasan yang berkesan antara JPM, JKR dan agensi-agensi yang terlibat serta pelantikan perunding yang cekap. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam perlaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya JKR selaku Penguasa Projek dan Jabatan/Agensi yang akan menggunakan bangunan memberi pertimbangan kepada perkara berikut :-

10.5.1. Perolehan perabot hendaklah diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan. Sehubungan ini, perolehan perabot patut dibuat semasa kemajuan kerja pada tahap 80% supaya bangunan dapat digunakan sepenuhnya sebaik sahaja ia disiapkan.

10.5.2. Bagi bangunan yang digunasama, Jabatan/Agensi yang akan menggunakan bangunan tersebut hendaklah dimuktamadkan di peringkat perancangan projek. Ini adalah untuk mengelakkan daripada berlaku perubahan reka bentuk yang boleh melewatkan pelaksanaan projek.

10.5.3. Keperluan pengguna perlu diambil kira semasa reka bentuk bangunan bagi mengelak daripada bangunan yang siap dibina tidak digunakan kerana tidak memenuhi keperluan pengguna dan kos tambahan diperlukan untuk mengubahsuainya.

10.5.4. Bagi menjamin kepentingan Kerajaan, JKR hendaklah memastikan semua peraturan berhubung dengan pengurusan kontrak dipatuhi. Sehubungan ini, kontrak hendaklah ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Tindakan tegas perlu diambil untuk memastikan kontraktor memperbaiki segala kecacatan yang dilaporkan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

10.5.5. Penyeliaan dan pemantauan projek perlu dipertingkatkan bagi memastikan pelaksanaan projek dibuat mengikut jadual dan spesifikasi yang ditetapkan dipatuhi sepenuhnya.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

11. JABATAN KERJA RAYA SABAH

- PROJEK PEMBINAAN JALAN SAPULUT- KALABAKAN, SABAH

11.1. LATAR BELAKANG

11.1.1. Projek pembinaan jalan Sapulut-Kalabakan, Sabah (projek) adalah bertujuan untuk menghubungkan pekan Sapulut di Daerah Keningau dengan Kalabakan di Daerah Tawau. Jalan ini juga menghubungkan beberapa buah penempatan yang sebelum ini penduduknya menggunakan sungai untuk ke pekan atau pusat pentadbiran di kedua-dua daerah tersebut. Projek ini yang melibatkan perbelanjaan berjumlah RM563.33 juta dilaksanakan secara *design and build* oleh Konsortium F.A. Irama Duta Sdn. Bhd. (kontraktor) yang dilantik secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan. Skop kerja adalah untuk mereka bentuk dan membina satu lorong dua hala jalanraya berturap sepanjang 145 km termasuk membina 23 jambatan; kerja perparitan dan pembetungan; pembinaan persimpangan jalanraya; papan tanda jalanraya; perabot jalan; pembinaan struktur penahanan tanah dan kerja pengukuhan cerun. Sejauh 115 kilometer atau 80% daripada jarak keseluruhan jalan adalah melalui jalan pembalakan di kawasan hutan simpan.

11.1.2. Surat Setuju Terima bagi projek pembinaan jalan ini telah dikeluarkan pada 2 Ogos 2004 dan perjanjiannya telah ditandatangani pada 12 November 2004. Projek ini sepatutnya disiapkan pada 1 April 2008. Bagaimanapun, kontraktor telah diluluskan lanjutan masa selama 83 hari untuk menyiapkan projek ini kerana pihak JKR lewat menyerahkan tapak projek kepada kontraktor. Didapati Sijil Perakuan Siap Kerja bagi projek ini telah dikeluarkan pada 15 Mei 2008.

11.1.3. Projek ini dipantau oleh Cawangan Lebuh Raya di Ibu Pejabat Jabatan Kerja Raya Sabah dan seorang jurutera daripada JKR Daerah Tawau telah ditugaskan khusus untuk menyeliakan projek ini. Peruntukan projek ini dibiayai melalui pinjaman daripada Bank Pembangunan Malaysia Berhad dengan kaedah bayaran tertangguh (deferred payment).

11.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek pembinaan jalan Sapulut-Kalabakan, Sabah telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan.

11.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak dokumen dan fail projek serta rekod kewangan di Ibu pejabat JKR Sabah, Kota Kinabalu dan JKR Cawangan Tawau.

Lawatan ke tapak projek juga dijalankan bagi menentukan prestasi projek dan sama ada pembinaan telah dilaksanakan mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan. Selain itu, temu bual dengan pegawai yang terlibat secara langsung dalam projek ini turut diadakan.

11.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Disember 2008 hingga Februari 2009 mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek ini. Antara kelemahan tersebut adalah kerja penyiasatan tanah tidak dilaksanakan dengan sempurna mengakibatkan banyak *unsuitable material* seperti batang balak yang digunakan untuk membuat jalan oleh syarikat konsesi pembalakan tidak dapat dikesan. Ini menyebabkan perubahan skop kerja dengan tidak membina jalan yang berturap terpaksa dilakukan bagi memastikan kos projek tidak melebihi nilai kontrak yang telah dipersetujui. Kualiti kerja juga tidak memuaskan kerana di beberapa lokasi, terdapat *potholes* atau lubang pada permukaan jalan; permukaan jalan mendap; bahu jalan ternaik; longkang rosak; perlindungan tebing sungai terhakis dan penahan tembok runtuh. Selain itu, penyenggaraan jalan dan longkang juga tidak dibuat dengan sempurna. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

11.4.1. Pembinaan Menggunakan Jajaran Jalan Pembalakan Yang Tidak Sesuai

Pembinaan 115 kilometer jalan Sapulut-Kalabakan, Sabah adalah mengikuti jajaran jalan pembalakan di mana terdapat 2 syarikat konsesi balak iaitu Rakyat Berjaya Sdn. Bhd. dan Sapulut Forest Development Sdn. Bhd. yang menjalankan aktiviti pembalakan dengan aktif. Semakan Audit terhadap bancian yang dilakukan oleh perunding di 3 lokasi (CH. 82000, CH.109000 dan CH.128000) pada bulan Ogos 2006 mendapati perkara berikut :-

a. Purata kekerapan lori balak melalui tapak projek sehari ialah 27 kali di lokasi CH. 82000, 97 kali di lokasi CH.109000 dan 101 kali di lokasi CH.128000. Lori balak menggunakan jalan ini walaupun jalan basah dengan muatan antara 42.54 tan hingga 62.08 tan telah melebihi kapasiti reka bentuk jalan yang dibina untuk muatan setakat 30 tan sahaja. Lori balak ini juga telah melalui kawasan pembinaan di mana kerja tanah belum disiapkan mengakibatkan gangguan terhadap kerja yang sedang dilaksanakan serta menyebabkan kerosakan terhadap kerja yang telah dilaksanakan seperti kerosakan terhadap *embankment*, longkang serta cerun.

b. Jumlah laluan masuk pembalak ke jalan utama Sapulut-Kalabakan juga bertambah daripada 25 laluan pada masa cadangan projek menjadi 62 laluan pada bulan September 2006, 75 laluan pada bulan Jun 2007 dan 94 laluan pada bulan April 2008.

Pada pandangan Audit, pembinaan jalan Sapulut-Kalabakan yang melalui jalan yang aktif dengan aktiviti pembalakan adalah tidak praktikal. Lori balak yang kerap menggunakan jalan tersebut adalah juga faktor yang melambatkan proses pembinaan dan menyebabkan kerosakan kepada jalan yang baru dibina.

11.4.2. Spesifikasi Kerja Tidak Dipatuhi

11.4.2.1. Mengikut spesifikasi kerja yang ditetapkan, kontraktor dikehendaki membina jalan berturap dengan komponen 4 lapisan iaitu *sub base, road base, asphaltic concrete binder course* dan *asphaltic concrete wearing course.* Semakan Audit mendapati kontraktor tidak menurap jalan seperti mana yang ditetapkan, sebaliknya hanya membina jalan *gravel* dengan mengekalkan lapisan *sub base*. Skop kerja ini dikurangkan setelah JKR meluluskan satu Arahan Perubahan Kerja (APK) pada bulan Mei 2007 untuk mengeluarkan item asas jalan dan turapan serta perabot jalan daripada skop kerja dan sebaliknya menambah kerja bagi item *soil replacement* dan *slope protection* seperti di **Jadual 11.1**. **Rajah 11.1** pula menunjukkan lakaran komponen lapisan jalan sebelum dan selepas APK diluluskan. Sehubungan ini, jumlah kos projek telah berkurangan sebanyak RM1.67 juta (0.3%) iaitu daripada RM565 juta kepada RM563.33 juta.

JADUAL 11.1
PENGURANGAN DAN PERTAMBAHAN SKOP KERJA
SELEPAS ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK) DILULUSKAN

ITEM	JUMLAH SEBELUM APK (RM Juta)	JUMLAH SELEPAS APK (RM Juta)	JUMLAH (PENGURANGAN)/ PERTAMBAHAN (RM Juta)	% (PENGURANGAN)/ PERTAMBAHAN
Asas Jalan Dan Turapan	133.49	38.52	(94.97)	(71.1)
Perabot Jalan	10.44	0.68	(9.76)	(93.5)
Soil Replacement	4.22	50.64	46.42	1,100.0
Slope Protection	9.70	29.32	19.62	202.3

RAJAH 11.1
KOMPONEN LAPISAN JALAN SEBELUM DAN SELEPAS
ARAHAN PERUBAHAN KERJA (APK)



11.4.2.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati Arahan Perubahan Kerja ini perlu diluluskan disebabkan kontraktor tidak dapat menurap jalan kerana terpaksa mengeluarkan banyak *unsuitable material* (USM) terdiri daripada bahan reput seperti batang balak yang dijumpai di tapak laluan jalanraya berkenaan dan seterusnya perlu menimbus semula laluan tersebut dengan *suitable material*. Batang balak berkenaan adalah bahan *sub base* yang digunakan oleh syarikat pembalakan semasa membina jalan untuk membawa keluar hasil balak. Mengikut *Contract Sum Analysis,* kuantiti USM adalah dianggarkan berjumlah 90 ribu meter padu. Bagaimanapun pada bulan Jun 2006, kuantiti USM yang sebenar dikeluarkan adalah 1 juta meter padu dan mencapai 2.44 juta meter padu apabila projek disiapkan seperti mana yang dinyatakan dalam Laporan Penilaian Terakhir yang disediakan oleh perunding pada bulan Mei 2008 iaitu 2,604% lebih tinggi berbanding anggaran kuantiti asal.

Pada pandangan Audit, sungguhpun APK telah diluluskan berasaskan kepada justifikasi yang munasabah, namun ia telah menyebabkan objektif asal Kerajaan untuk membina jalan yang berturap tidak dapat dicapai.

11.4.2.3. Sebelum projek ini dilaksanakan, Kumpulan IKRAM Sabah Sdn. Bhd. telah menjalankan kerja penyiasatan tanah di tapak projek pada bulan November 2002. Bagaimanapun hasil siasatan tersebut adalah tidak mencukupi untuk membantu kontraktor mengesan profil tanah yang bermasalah. Semasa rundingan harga pada 12 Jun 2003, Jawatankuasa Teknikal telah memutuskan supaya kajian dan kerja tambahan penyiasatan tanah dijalankan untuk memastikan kekuatan dan kestabilan tanah bagi menyesuaikannya dengan reka bentuk cerun serta mengenal pasti jenis dan reka bentuk perawatan tanah di kawasan yang terlibat. Untuk tujuan ini, Jawatankuasa Teknikal juga telah memperakukan peruntukan berjumlah RM1 juta. Sungguhpun kedua-dua langkah tersebut telah diambil, namun ia masih tidak dapat membantu kontraktor untuk mengesan masalah tanah yang mengandungi banyak *unsuitable material*.

Pada pandangan Audit, bagi membolehkan jalan yang dibina mempunyai kualiti, JKR sepatutnya memastikan kerja penyiasatan tanah dijalankan dengan sempurna sebelum projek pembinaan jalan dimulakan.

11.4.3. Kualiti Kerja Yang Tidak Memuaskan

Lawatan Audit ke tapak projek pembinaan jalan Sapulut-Kalabakan pada bulan Januari 2009 iaitu semasa Tempoh Tanggungan Kecacatan mendapati perkara berikut :-

11.4.3.1. Di beberapa lokasi, terdapat beberapa *potholes* atau lubang pada permukaan jalan disebabkan penggunaan bahan binaan yang bercampur dengan tanah atau lapisan permukaan yang tidak dipadatkan dengan sempurna.

Ini juga berlaku disebabkan kenderaan berat melalui jalan tersebut. Kerosakan akan menjadi lebih serius apabila air bertakung di atas jalan yang berlubang selepas hujan. Keadaan jalan ini boleh menjejaskan keselesaan pengguna jalanraya dan meningkatkan risiko berlakunya kemalangan. Contoh keadaan kerosakan permukaan jalan ini adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 11.1

CH.117000 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Lubang Di Permukaan Jalan
(22.01. 2009)

11.4.3.2. Di CH.81200, permukaan jalan didapati telah mendap dan beralun terutama di bahagian yang menghadap sungai seperti di **Gambar 11.2**. Keadaan ini berlaku disebabkan oleh asas jalan atau tanah di bawahnya tidak kukuh. Terdapat juga keretakan di permukaan jalan di bahagian tebing akibat daripada pergerakan tanah seperti di **Gambar 11.3**. Pihak kontraktor perlu mengenal pasti punca kejadian dan mencadangkan penyelesaian jangka panjang sebelum kerja pembaikan dijalankan.

GAMBAR 11.2

CH.81200 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Permukaan Jalan Telah Mendap
(22.01.2009)

GAMBAR 11.3

CH.81200 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Permukaan Jalan Retak Di Bahagian Tebing
(22.01. 2009)

11.4.3.3. Di beberapa lokasi, tanah telah mengalami *uplift* di bahu jalan dan sebahagian daripada laluan jalan menyebabkan aras permukaan jalan bersebelahan lebih rendah. Kejadian ini juga telah merosakkan longkang di bahu jalan yang berdekatan. **Pada pandangan Audit, ujian tanah perlu dijalankan dan penyelesaian kepada masalah ini perlu diambil segera oleh kontraktor. JKR juga hendaklah memastikan masalah ini dapat diatasi sepenuhnya bagi mengelakkan ia berulang lagi pada masa akan datang.** Contoh kerosakan adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 11.4

CH. 131000 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Keadaan Pemukaan Jalan Yang Mengalami Uplift
(22.01.2009)

GAMBAR 11.5

CH. 131000 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Tanah Memenuhi Sebahagian Laluan Jalan
(22.01.2009)

11.4.3.4. Di beberapa lokasi, bahu jalan telah terhakis menyebabkan aras bahu jalan lebih rendah daripada permukaan longkang dan air tidak mengalir terus ke dalam longkang ketika hujan. Keadaan yang sama juga berlaku apabila bahu jalan lebih tinggi daripada permukaan jalan dan ia juga menyekat pengaliran air ke longkang. Kejadian ini berlaku di laluan jalan yang curam di mana pengaliran air permukaan adalah lebih laju. **Pada pandangan Audit, untuk mengatasi masalah ini, bahu jalan perlu ditambak, dipadatkan dengan betul dan dibentuk semula mengikut spesifikasi geometri jalan yang ditetapkan bagi melancarkan pengaliran air.** Contoh kerosakan adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 11.6

CH. 130000 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Air Dari Permukaan Jalan Membentuk
Parit Yang Merosakkan Bahu Jalan
(22.01.2009)

GAMBAR 11.7

CH. 129000 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Air Dari Permukaan Jalan Membentuk
Parit Yang Merosakkan Bahu Jalan
(22.01.2009)

11.4.3.5. Terdapat longkang berbentuk *u-shape* dan *v-shape* yang telah pecah di beberapa lokasi di sepanjang laluan jalan. Longkang berbentuk *v-shape* mudah pecah kerana ianya dibina tanpa diperkuatkan dengan besi tetulang dan kerosakan longkang berbentuk *u-shape* pula adalah akibat daripada runtuhan kecil pada cerun di sebelahnya. Keadaan ini telah menyebabkan pengaliran air terganggu dan dasar longkang terhakis. **Pada pandangan Audit, tindakan pembaikan perlu dilakukan dengan segera bagi melancarkan pengaliran air dan mengelakkan hakisan yang lebih serius pada bahu jalan dan dasar longkang.** Contoh kerosakan pada longkang *v-shape* dan *u-shape* adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 11.8

Jln. Sapulut-Kalabakan
- Kerosakan Longkang V-Shape
(22.01.2009)

GAMBAR 11.9

Jln. Sapulut-Kalabakan
- Kerosakan Longkang U-Shape
(22.01.2009)

11.4.3.6. Perlindungan tebing (slope protection) jenis *rubble pitching* yang dibina bagi melindungi permukaan tebing sungai di bawah jambatan (di lokasi CH.67500) telah longgar, tertanggal dan terhakis di bahagian bawahnya. Sekiranya tebing yang telah terhakis tidak diperbaiki, air sungai akan meresap masuk ke bahagian yang telah pecah dan akan merosakkan keseluruhan perlindungan tebing tersebut. *Rubble pitching* yang telah terhakis adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 11.10

CH. 67500 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Kedudukan Rubble Pitching Yang Telah Terhakis di Tebing Bawah Jambatan
(22.01.2009)

GAMBAR 11.11

CH. 67500 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Rubble Pitching Yang Telah Terhakis
(22.01.2009)

11.4.3.7. Tembok penahan jenis *rubble pitching* yang dibina di kaki cerun (di lokasi CH. 87400) didapati telah retak dan roboh. Keadaan ini berlaku apabila tembok penahan cerun yang dibina gagal untuk menahan runtuhan cerun tersebut. Kejadian ini telah menyebabkan tanah yang runtuh merosakkan bahu jalan. **Pada pandangan Audit, sekiranya tembok penahan tersebut tidak diperbaiki dengan segera, tanah dari runtuhan cerun akan menutup laluan jalan terutama ketika hujan lebat dan keadaan ini akan membahayakan pengguna jalanraya**. Gambar berikut menunjukkan tembok penahan yang retak dan roboh :-

GAMBAR 11.12

CH. 87400 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Tembok Penahan Yang Retak
(22.01.2009)

GAMBAR 11.13

CH. 87400 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Tembok Penahan Yang Roboh Akibat Kegagalan Cerun
(22.01.2009)

11.4.3.8. Kerja pembaikan cerun sedang dijalankan di lokasi CH.71000. Didapati tanah di bahagian kaki cerun adalah dari jenis *shale* yang berwarna hitam dan lembut terutama apabila diresapi air ketika hujan yang menjadikannya tidak kukuh dan mudah runtuh. Walaupun permukaan cerun tersebut dilindungi oleh tumbuhan penutup bumi, adalah diperhatikan tiada longkang dibina di permukaan cerun untuk mengalirkan air dari permukaannya ketika hujan. **Pada pandangan Audit, bagi menjamin kestabilan cerun tersebut, kerja pembaikan hendaklah dibuat dengan mengambil kira faktor tanah, geometri dan saliran air permukaan supaya kejadian yang sama tidak berulang.** Gambar berikut menunjukkan keadaan cerun yang runtuh dan sedang diperbaiki :-

GAMBAR 11.14

CH. 71000 Jalan Sapulut-Kalabakan
- Runtuhan Cerun Sedang Diperbaiki
(22.01.2009)

11.4.3.9. Tumbuhan penutup bumi yang ditanam oleh kontraktor untuk melindungi cerun didapati telah menjalar ke bahu jalan sehingga menutupi longkang. Tumbuhan penutup bumi yang tidak dipotong dan dibersihkan telah mengganggu kelancaran pengaliran air di dalam longkang dan permukaan jalan seperti di **Gambar 11.15**. Didapati juga kerja pembersihan tanah yang masuk ke longkang telah dilonggokkan di atas bahu jalan sebelum diangkut keluar. Bagaimanapun selepas tanah diangkut keluar, kerja pembersihan bahu jalan tidak dilaksanakan dengan sempurna menyebabkan bahu jalan berlumpur, tidak rata dan menyekat pengaliran air dari permukaan jalan seperti di **Gambar 11.16 dan 11.17**.

GAMBAR 11.15

CH. 130600 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Tumbuhan Penutup Bumi Yang Tidak Dipotong
(22.01.2009)

GAMBAR 11.16

CH. 117150 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Kerja Pembersihan Bahu Jalan Yang Tidak Sempurna
(22.01.2009)

GAMBAR 11.17

CH. 117150 Jln. Sapulut-Kalabakan
- Kerja Pembersihan Bahu Jalan Yang Tidak Sempurna
(22.01.2009)

Pada pandangan Audit, kualiti pembinaan dan penyenggaraan jalan Sapulut-Kalabakan adalah tidak memuaskan. Pembaikan terhadap kerosakan permukaan jalan, perparitan, tembok dan tebing jambatan hendaklah dilakukan dengan segera supaya tidak membahayakan pengguna jalan terutamanya di waktu malam. Papan tanda amaran juga perlu diletakkan sebagai langkah keselamatan bagi mengelakkan kemalangan.

11.4.4. Pemantauan Kurang Berkesan

Pemantauan yang berterusan perlu dijalankan bagi memastikan projek pembinaan jalan Sepulut-Kalabakan berjalan lancar dan teratur serta mengikut perancangan. Pemantauan pembinaan jalan ini adalah menjadi tanggungjawab Cawangan Lebuh Raya di Ibu Pejabat JKR Sabah, Kota Kinabalu. Pemantauan projek oleh JKR meliputi aspek pemeriksaan pelan reka bentuk, memeriksa dan menyemak laporan yang disediakan, mengadakan mesyuarat serta lawatan ke tapak pembinaan dari semasa ke semasa. Bagi melaksanakan pemantauan ini, JKR telah melantik seorang wakil Pengarah Tapak Projek yang bertanggungjawab untuk mengkoordinasi projek di antara JKR, kontraktor dan perunding, mengadakan mesyuarat, membuat lawatan tapak serta menyediakan laporan projek. **Bagaimanapun, didapati pemantauan yang dibuat kurang berkesan memandangkan terdapat kualiti kerja pembinaan dan penyenggaraan yang tidak memuaskan.**

11.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Sungguhpun projek ini bertujuan untuk menyediakan jalan yang berturap sepanjang 145 kilometer, namun hanya jalan *gravel* yang dibina. Ini berlaku kerana peruntukan yang telah diluluskan berjumlah RM565 juta dikatakan tidak mencukupi untuk membina jalan yang berturap disebabkan oleh kontraktor terpaksa mengeluarkan banyak *unsuitable material* (USM) terdiri daripada bahan reput seperti batang balak yang dijumpai di tapak laluan jalanraya berkenaan dan seterusnya perlu menimbus semula laluan tersebut dengan *suitable material*. Masalah tanah ini tidak dikenal pasti sebelum projek dimulakan kerana penyiasatan tanah tidak dibuat dengan sempurna. Pemantauan terhadap pelaksanaan dan penyenggaraan projek ini juga kurang memuaskan menyebabkan kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor kurang berkualiti. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Jabatan Kerja Raya Sabah memberikan pertimbangan kepada perkara berikut :-

11.5.1. Memastikan kontraktor memperbaiki kerosakan jalan, runtuhan cerun dan kerosakan longkang di sepanjang jalan bagi mengelakkan keadaan menjadi bertambah serius sehingga merosakkan keseluruhan jalan serta menjejaskan keselamatan pengguna jalan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan.

11.5.2. Meningkatkan tahap pemantauan bagi memastikan kontraktor menjalankan kerja penyenggaraan yang berkualiti dan mengikut jadual serta syarat yang ditetapkan.

11.5.3. Memohon peruntukan kewangan yang mencukupi di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh untuk menyambung kerja penurapan aspal jalan.

11.5.4. Bagi projek pembinaan jalan yang akan dilaksanakan di masa hadapan, JKR hendaklah memastikan kajian tanah secara terperinci dijalankan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan agar reka bentuk jalan yang sesuai dapat disediakan sebelum jalan dibina.

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN

12. PROJEK LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK ANTARA RAWANG DAN IPOH

12.1. LATAR BELAKANG

12.1.1. Komponen utama Projek Landasan Berkembar Elektrik antara Rawang dan Ipoh (Projek Rawang - Ipoh) adalah membina landasan keretapi elektrik dan mempertingkatkan keupayaan landasan yang sedia ada sepanjang 179 km bagi membolehkan penggunaan keretapi dengan kelajuan maksimum 160 km/jam. Objektif utama projek ini adalah :-

a. Memanjangkan perkhidmatan komuter dari sektor Seremban - Rawang kepada sektor Seremban - Tanjung Malim dengan sebanyak 100 trip perkhidmatan sehari.

b. Mengadakan perkhidmatan keretapi elektrik antara bandar (intercity) dari KL Sentral ke Ipoh sebanyak 16 trip perkhidmatan sehari dan kemudiannya ditambah kepada 32 trip sehari.

c. Menyediakan infrastruktur perkeretapian untuk meningkatkan kapasiti landasan bagi pertambahan perkhidmatan tren barang, penumpang dan komuter.

12.1.2. Projek Rawang - Ipoh yang melibatkan nilai kontrak berjumlah RM4.34 bilion dilaksanakan melalui 2 pakej iaitu Pakej Infrastruktur dan Pakej Sistem. Kedua-dua pakej ini dilaksanakan oleh 2 kontraktor berasingan. Kontraktor utama bagi Pakej Infrastruktur adalah DRB–Hicom Berhad (DRB-Hicom) dan mengikut syarat kontrak, pakej ini perlu dilaksanakan antara bulan Julai 2000 hingga Jun 2003. Manakala Pakej Sistem pula dilaksanakan oleh Mitsui-MTS Konsortium (Mitsui) dan tempoh pelaksanaannya adalah antara bulan Januari 2001 hingga Oktober 2004.

12.1.3. Kementerian Pengangkutan (Kementerian) merupakan agensi pelaksana bagi Projek Rawang - Ipoh ini dan bertanggungjawab melantik kontraktor, menyediakan peruntukan kewangan serta memastikan kepentingan Kerajaan terpelihara semasa perancangan dan pelaksanaan projek. Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB) pula adalah pengguna projek ini dan ia bertanggungjawab menyediakan *Statement Of Needs*. Pelaksanaan Projek Rawang - Ipoh diurus dan dipantau oleh Syarikat Kinta Samudera-Opus Consortium (KS-Opus) iaitu satu syarikat pengurusan projek yang dilantik oleh Kementerian bagi pihak Kerajaan. Peta berikut menunjukkan pelan bagi Projek Rawang - Ipoh :-

PETA 12.1
PELAN PROJEK LANDASAN BERKEMBAR ELEKTRIK
ANTARA RAWANG DAN IPOH

12.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Projek Rawang - Ipoh telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

12.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Projek Rawang - Ipoh. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod yang berkaitan di Kementerian Pengangkutan, KTMB, Jabatan Akauntan Negara Malaysia dan KS-Opus. Lawatan ke tapak projek dan temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab di Kementerian/Jabatan/Agensi yang terlibat juga telah dijalankan.

12.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos 2008 hingga Januari 2009 mendapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan Projek Rawang - Ipoh seperti projek lewat disiapkan menyebabkan kos projek meningkat, peralatan yang dibeli melebihi keperluan serta perolehan tren tidak diselaraskan dengan pembangunan infrastruktur menyebabkan infrastruktur yang dibangunkan tidak dapat digunakan sepenuhnya sebaik sahaja ia disiapkan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

12.4.1. Prestasi Pakej Infrastruktur

12.4.1.1. Pakej Infrastruktur merangkumi kerja reka bentuk, kerja tanah, pembinaan stesen, landasan, jambatan, pembetung dan jejantas pejalan kaki/ motosikal serta pemindahan setinggan. Kementerian telah melantik DRB-Hicom secara rundingan terus sebagai kontraktor utama dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Semasa lantikan iaitu pada tahun 2000, syarikat ini mempunyai modal berbayar berjumlah RM0.91 bilion dan RM2 bilion modal dibenarkan. Projek ini dilaksanakan secara *fast track*, reka dan bina serta kos kontrak ditetapkan secara *lump sum* bernilai RM2.58 bilion. Mengikut salah satu syarat kontrak dengan DRB-Hicom, syarikat ini perlu mengemukakan Bon Jaminan Reka Bentuk dalam bentuk Jaminan Bank bernilai RM128.99 juta (5% daripada kos kontrak). Tempoh sah lakunya adalah 5 tahun dari tarikh *Certificate Of Practical Completion*. Adalah didapati **Bon Jaminan Reka Bentuk tersebut tidak dikemukakan oleh DRB-Hicom.**

12.4.1.2. Berdasarkan maklum balas daripada pihak Kementerian, syarat subkontrak yang ditandatangani antara DRB-Hicom dengan perunding yang dilantiknya menghendaki *Professional Indemnity Insurance* bernilai RM20 juta diambil oleh perunding bagi melindungi Kerajaan daripada liabiliti sekiranya berlaku sebarang kerosakan akibat daripada kecacatan reka bentuk dan syarat ini telah dipatuhi oleh perunding. Bagaimanapun berdasarkan maklum balas daripada pengurus projek (KS-Opus), nilai insurans ini tidak mencukupi untuk menampung Bon Jaminan Reka Bentuk yang berjumlah RM128.99 juta. Pihak Audit juga telah dimaklumkan oleh Kementerian bahawa ia telah mengarahkan supaya KS-Opus mengaturkan *Novation Agreement* ditandatangani oleh 3 pihak iaitu DRB–Hicom, UEM Construction Sdn. Bhd. (kontraktor penyelamat) dan perunding yang berkenaan untuk memastikan jaminan liabiliti reka bentuk dapat dikekalkan. Bagaimanapun, arahan ini telah tidak dilaksanakan oleh KS-Opus.

Pada pandangan Audit, ketiadaan Jaminan Reka Bentuk/*Professional Indemnity Insurance* yang tidak mencukupi boleh menyebabkan Kerajaan terdedah kepada risiko menanggung kos pembaikan sekiranya berlaku sebarang kecacatan disebabkan kelemahan reka bentuk.

12.4.1.3. Mengikut syarat kontrak, Pakej Infrastruktur hendaklah disiapkan dalam tempoh 35 bulan iaitu antara bulan Julai 2000 hingga bulan Jun 2003. Bagaimanapun bagi menyelaraskan tempoh kontrak DRB-Hicom dengan Mitsui (kontraktor bagi pakej sistem), pada bulan Disember 2000 DRB-Hicom telah diluluskan lanjutan masa selama 177 hari iaitu untuk tempoh 16 Jun hingga 10 Disember 2003. Semakan Audit mendapati Pakej Infrastruktur ini tidak dapat disiapkan pada 10 Disember 2003 dan kemajuan kerja pada ketika itu adalah 76.8% sahaja. Didapati Kementerian telah menamatkan kontrak DRB-Hicom pada 5 Ogos 2005 dengan kelulusan Kementerian Kewangan. Bagi tempoh 112 hari iaitu mulai 11 Disember 2003 hingga 31 Mac 2004, *Liquidated Ascertained*

Damages (LAD) bernilai RM18.43 juta telah dikenakan terhadap DRB-Hicom. Namun **bagi tempoh mulai 1 April 2004 hingga 4 Ogos 2005, tiada sebarang LAD dikenakan. Berdasarkan perkiraan Audit, LAD berjumlah RM80.88 juta (RM164,727 sehari) sepatutnya dituntut daripada DRB-Hicom.**

12.4.1.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati antara faktor yang menyebabkan kelewatan menyiapkan Pakej Infrastruktur adalah :-

a. Kelewatan Menyediakan Reka Bentuk Infrastruktur

Mengikut syarat kontrak, reka bentuk perlu disiapkan mengikut jadual *design key dates* yang ditetapkan bagi memastikan projek dapat disiapkan mengikut jadual. Reka bentuk yang disediakan oleh perunding DRB-Hicom perlu disemak dan diluluskan oleh KS-Opus sebagai pengurus projek bagi memastikan pematuhan terhadap kehendak Kerajaan. Seterusnya, DRB-Hicom bertanggungjawab mendapatkan kelulusan reka bentuk daripada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dan agensi Kerajaan lain antaranya Jabatan Kerja Raya, Jabatan Pengairan Dan Saliran serta Tenaga Nasional Berhad. Semua kelulusan ini perlu diperoleh mengikut tempoh yang ditetapkan bagi memastikan tarikh antaramuka (interface) antara reka bentuk infrastruktur dengan reka bentuk sistem dipatuhi. Bagaimanapun reka bentuk infrastruktur yang disediakan sering memerlukan pindaan kerana mengambil kira perubahan/keputusan oleh KTMB, PBT dan agensi Kerajaan yang lain. Ini menyebabkan reka bentuk tidak dapat disiapkan mengikut jadual *design key dates* yang ditetapkan. Daripada 30 item reka bentuk utama yang perlu disediakan, hanya 10 (33.3%) sahaja telah disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan manakala 20 yang lain telah lewat antara 70 hingga 237 hari.

b. Kelewatan Penyediaan Pelan Dan Pengambilan Tanah

i. Pada peringkat perancangan, Projek Rawang - Ipoh ini memerlukan pengambilan tanah seluas 100 hektar di 2 negeri iaitu Selangor dan Perak dengan anggaran kos berjumlah RM81 juta. Berdasarkan kepada kontrak Pakej Infrastruktur, penyediaan pelan dan pengambilan tanah termasuk pemindahan setinggan perlu diselesaikan dalam tempoh 5 bulan. DRB-Hicom adalah bertanggungjawab untuk menyediakan pelan pengambilan tanah dan menyerahkannya kepada Kementerian bagi proses pengambilan tanah.

ii. Berdasarkan maklumat dalam jadual status pengambilan tanah yang disediakan oleh KS-Opus, didapati 67 (66.3%) daripada 101 pelan pengambilan tanah telah dikemukakan kepada Kementerian selepas tempoh 5 bulan. Tarikh terakhir pelan pengambilan tanah dihantar oleh DRB-Hicom ialah pada bulan Jun 2004. Kelewatan mengemukakan pelan pengambilan tanah disebabkan oleh faktor berikut :-

- Penyediaan pelan pengambilan tanah hanya boleh dibuat setelah reka bentuk bagi jajaran landasan, jambatan, stesen dan struktur lain diluluskan. Sehubungan ini, kelewatan penyediaan reka bentuk juga telah menjejaskan jadual penyediaan pelan pengambilan tanah.
- Beberapa lokasi bagi jambatan, jejambat dan bangunan stesen yang telah dikenal pasti pada cadangan asal DRB-Hicom perlu diubah atas permintaan KTMB atau PBT kerana lokasi tersebut didapati tidak sesuai. Ini menyebabkan proses *survey* dan carian hak milik tanah perlu diulang. Sehubungan itu, kerja ukur tanah bagi tujuan penyediaan pelan pengambilan tanah berkaitan perubahan cadangan asal hanya dapat disiapkan pada bulan Disember 2001 iaitu 17 bulan selepas tarikh kuat kuasa kontrak dengan DRB-Hicom.

iii. Proses pengambilan tanah oleh Kementerian juga didapati lewat dan menghadapi masalah antaranya disebabkan beberapa setinggan dan tuan punya tanah yang tidak memberikan kerjasama. Akibatnya, kerja di tapak juga turut terjejas kerana kelewatan memiliki tapak projek. Contohnya bagi kerja pembinaan jambatan di Tanjung Malim, walaupun pelan pengambilan tanah telah dikemukakan oleh DRB-Hicom kepada KTMB/KS-Opus pada 19 Jun 2001, namun pemilikan rasmi tapak projek hanya diperoleh pada 16 September 2002 iaitu 26 bulan selepas kontrak dengan DRB-Hicom berkuat kuasa.

c. Kelewatan Membayar Tuntutan Subkontraktor/Perunding Oleh DRB-Hicom

i. Semakan Audit mendapati Kerajaan telah menerima rungutan daripada subkontraktor/perunding terhadap kelewatan DRB-Hicom menjelaskan bayaran bagi kerja yang telah dilaksanakan. Bagi menangani masalah ini, ***forward payment*** **berjumlah RM150 juta telah diluluskan kepada DRB-Hicom dan bayaran telah dibuat pada bulan Oktober 2002.** Namun, Laporan Kemajuan Kerja Projek bagi tempoh bulan November 2002 hingga Oktober 2003 yang disediakan oleh KS-Opus menunjukkan **kelewatan kerja Pakej Infrastruktur berterusan meningkat.** Pada tarikh tamat lanjutan masa iaitu 10 Disember 2003, **kemajuan kerja oleh 4 subkontraktor terlibat adalah antara 56.9% hingga 77.3%** seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.1
PRESTASI KEMAJUAN KERJA SUBKONTRAKTOR
BAGI PAKEJ INFRASTRUKTUR PADA 10 DISEMBER 2003

SUBKONTRAKTOR	KERJA	PRESTASI KEMAJUAN KERJA SEBENAR PADA 10 DISEMBER 2003 (%)
Perspec Prime (M) Sdn. Bhd.	Sivil	71.4
UEM Construction Sdn. Bhd.	Jambatan	76.7
IJM Construction Berhad	Bangunan	77.3
Emrail Sdn. Bhd.	Landasan	56.9

ii. Kementerian telah mengambil tindakan penyelesaian dengan membuat bayaran terus kepada subkontraktor/perunding berkaitan berjumlah RM149.01 juta yang melibatkan 23 tuntutan mulai bulan Jun 2004. Semakan lanjut mendapati semasa pembayaran dibuat kepada subkontraktor/perunding berkenaan, tuntutan tersebut telah tertunggak antara 2 hingga 14 bulan.

12.4.2. Pelantikan Kontraktor Penyelamat

Kegagalan DRB-Hicom menyiapkan Pakej Infrastruktur menyebabkan Kerajaan terpaksa melantik kontraktor penyelamat untuk menyiapkan baki 22.4% kerja yang belum disiapkan. Pada bulan Jun 2005, Kementerian Kewangan telah meluluskan pelantikan UEM Construction Sdn. Bhd. (UEMC) sebagai kontraktor utama melalui rundingan terus dengan harga kontrak ditetapkan secara *cost plus* bernilai RM772.05 juta. Semasa pelantikannya pada tahun 2005, syarikat ini mempunyai modal berbayar berjumlah RM1.2 juta dan RM5 juta modal dibenarkan. Semakan Audit mendapati UEMC telah menyiapkan projek ini pada bulan Mac 2007 seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak.

Pada pandangan Audit, kelewatan menyiapkan Pakej Infrastruktur dan peningkatan kos projek dapat dielakkan sekiranya penyediaan reka bentuk projek, pengambilan tanah dan bayaran kepada subkontraktor/perunding dibuat mengikut jadual.

12.4.3. Prestasi Pakej Sistem

Pakej Sistem merangkumi kerja elektrifikasi talian atas, kerja sistem persemboyanan dan komunikasi, pusat kawalan trafik di KL Sentral serta *Automatic Fare Collection System*. Kontraktor utama bagi pakej ini ialah Mitsui-MTS Consortium (Mitsui) yang dilantik secara rundingan terus. Pakej ini dilaksanakan secara *fast track*, reka dan bina dengan harga kontrak yang ditetapkan secara *lump sum* bernilai RM1.67 bilion dan semua kerja perlu disiapkan dalam tempoh 45 bulan (bulan Januari 2001 hingga bulan Oktober 2004). Semakan Audit mendapati **pakej ini hanya siap pada bulan Disember 2007 iaitu lewat 39 bulan dari jadual asal. Antara faktor yang menyebabkan kelewatan ini adalah :-**

12.4.3.1. Kelewatan Menyediakan Reka Bentuk Sistem

Daripada sejumlah 42 item dalam jadual *design key dates*, 27 (64.3%) daripadanya telah disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan manakala baki 15 (35.7%) lewat disiapkan. **Tempoh kelewatannya ialah antara 87 hingga 117 hari.** Antara faktor yang menyebabkan kelewatan tersebut adalah beberapa pindaan terhadap reka bentuk perlu dibuat untuk menyesuaikannya dengan keperluan PBT, Tenaga Nasional Berhad dan agensi lain yang terlibat.

12.4.3.2. Kelewatan Penyerahan Tapak (Akses)

Secara amnya, kemajuan kerja bagi Pakej Sistem adalah tertakluk kepada kemajuan kerja Pakej Infrastruktur. Kelewatan menyiapkan Pakej Infrastruktur menyebabkan penyerahan tapak (akses) kepada Mitsui tidak mengikut tempoh yang ditetapkan dalam kontrak. **Oleh itu, Kerajaan telah meluluskan 7 lanjutan masa kepada Mitsui selama 1,178 hari antara bulan Oktober 2004 hingga Disember 2007.** Contoh kelewatan penyerahan tapak (akses) kepada Mitsui adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.2
CONTOH KELEWATAN PENYERAHAN TAPAK (AKSES) KEPADA MITSUI

LOKASI	TARIKH AKSES IKUT KONTRAK	TARIKH AKSES SEBENAR	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Akses pertama ke Halt dan Freight Kuala Kubu Baru (ST 14)	09.04.2002	19.08.2004	860
Akses pertama ke Stesen dan Freight Sungkai (ST 08)	09.05.2002	27.11.2002	199
Akses pertama ke Stesen dan Freight Slim River (ST 10)	09.07.2002	03.03.2003	233
Akses pertama ke Halt Batang Kali (ST 16)	09.08.2002	05.04.2005	966
Akses pertama ke Halt dan Freight Serendah (ST 17)	09.09.2002	22.10.2003	408
Akses pertama ke Stesen Rawang (ST 18)	09.11.2002	03.06.2004	569
Akses ke Track (baru) Slim River ke Sungkai (LB09/LB08)	09.08.2002	07.02.2006	1,273
Akses ke Track (baru) Serendah ke Batang Kali (LB 16)	09.10.2002	19.01.2006	1,197
Akses ke Track (baru) Rawang ke Serendah (LB 17)	09.11.2002	28.02.2006	1,205
Akses ke Track (baru) Yard *crossover* Batang Kali Halt (LY 16)	09.07.2002	19.01.2006	1,286
Akses ke Track (baru) Yard Sungkai Stesen dan Freight (LY 08)	09.07.2002	07.02.2006	1,305
Akses ke Stesen dan Yard Ipoh	10.11.2003	16.01.2007	1,162

12.4.4. Peningkatan Kos Projek

12.4.4.1. Projek Rawang - Ipoh dibiayai dari peruntukan Kerajaan Persekutuan di bawah perbelanjaan pembangunan Kementerian (Pakej Infrastruktur) dan pinjaman dari Japan Bank International Corporation (Pakej Sistem). **Sehingga bulan Disember 2008, sejumlah RM5.77 bilion telah dibelanjakan untuk melaksanakan projek ini. Jumlah perbelanjaan ini adalah RM1.43 bilion (32.9%) lebih tinggi daripada nilai kontrak asal projek yang berjumlah RM4.34 bilion** seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.3
KOS PROJEK RAWANG - IPOH SETAKAT BULAN DISEMBER 2008

KOMPONEN PROJEK	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	NILAI KONTRAK TAMBAHAN/ TUNTUTAN TAMBAHAN (RM Juta)	JUMLAH NILAI KONTRAK / TUNTUTAN TAMBAHAN (RM Juta)	BAYARAN SEBENAR (Setakat Bulan Disember 2008) (RM Juta)	BAYARAN SEBENAR BERBANDING KOS KONTRAK ASAL (%)
Pakej Infrastruktur : DRB-Hicom	2,579.92	425.00*	3,004.92	2,925.02	113.4
: UEMC		774.24**	774.24	743.15	-
IPQS : DMA	0	3.69	3.69	3.39	-
Jumlah	**2,579.92**	**1,202.93**	**3,782.85**	**3,671.56**	**142.3**

KOMPONEN PROJEK	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	NILAI KONTRAK TAMBAHAN/ TUNTUTAN TAMBAHAN (RM Juta)	JUMLAH NILAI KONTRAK / TUNTUTAN TAMBAHAN (RM Juta)	BAYARAN SEBENAR (Setakat Bulan Disember 2008) (RM Juta)	BAYARAN SEBENAR BERBANDING KOS KONTRAK ASAL (%)
Pakej Sistem	1,668.38	336.49***	2,004.87	1,939.86	116.3
Pengurus Projek : KS-Opus	93.95	74.93	168.88	157.95	168.1
JUMLAH	**4,342.25**	**1,614.35**	**5,956.60**	**5,769.37**	**132.9**

Nota : ***IPQS – Independent Professional Quantity Surveyor***
**** : Tuntutan Amicable Settlement***
***** : RM772.05 juta (Kontrak Asal) + RM2.19 juta (Kos membaiki Cerun Runtuh) = RM774.24 juta***
****** : RM315 juta (Tuntutan Ganti Rugi) + RM21.49 juta (Arahan Perubahan Kerja) = RM336.49 juta***

12.4.4.2. Semakan Audit mendapati peningkatan kos tambahan tersebut adalah disebabkan oleh faktor berikut :-

a. DRB-Hicom telah memohon tuntutan berjumlah RM808.68 juta daripada Kerajaan bagi menampung kos tambahan perubahan kerja berikutan pindaan ke atas kerja landasan terutamanya dari aspek reka bentuk, skop kerja, jajaran, ketinggian dan kecerunan. Bagaimanapun, permohonan ini tidak diluluskan oleh Kementerian. Pada bulan Julai 2005, DRB-Hicom telah mengemukakan rayuan kepada Perdana Menteri dengan mengemukakan justifikasi tuntutan yang berjumlah RM425.17 juta seperti yang ditunjukkan di **Jadual 12.4**. Sehubungan itu, **Kementerian Kewangan pada 20 April 2006 telah meluluskan rayuan penyelesaian kontrak dengan DRB-Hicom secara *amicable settlement* berjumlah RM425 juta. Sehingga bulan Disember 2008, sejumlah RM371.78 juta telah dibayar kepada DRB-Hicom.**

JADUAL 12.4
JUSTIFIKASI TUNTUTAN DRB-HICOM
YANG DILULUSKAN SECARA *AMICABLE SETTLEMENT*

A	**TUNTUTAN DRB-HICOM SEHINGGA BULAN MEI 2005**	
		(RM Juta)
1	Bayaran tuntutan kemajuan kerja pada 88.7%	2,287.49
2	Perubahan kerja positif	588.60
3	Perubahan kerja negatif	(78.15)
4	Tuntutan *loss and expense*	137.35
	Jumlah Kecil (A)	**2,935.29**
B	**BAYARAN YANG TELAH DIBUAT OLEH KERAJAAN**	
5	Secara langsung kepada DRB-Hicom	2,056.96
6	Secara langsung kepada subkontraktor	453.16
	Jumlah Kecil (B)	**(2,510.12)**
	JUMLAH BAKI TERTUNGGAK = (A) - (B)	**425.17**

Pada pandangan Audit, oleh kerana Bon Pelaksanaan telah tamat pada 16 Jun 2007 dan Kementerian masih belum mengenakan LAD berjumlah RM80.88 juta terhadap DRB-Hicom, Kementerian perlu mendapatkan sebahagian daripada LAD tersebut daripada baki *amicable settlement* berjumlah RM53.22 juta.

b. Kegagalan DRB-Hicom menyiapkan kerja dan pelantikan UEMC untuk meneruskan baki kerja yang tertunggak menyebabkan kos projek bagi Pakej Infrastruktur meningkat sebanyak RM716.47 juta seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.5
PERKIRAAN PENINGKATAN KOS PAKEJ INFRASTRUKTUR

PERKARA	(RM Juta)
Nilai kontrak asal dengan DRB-Hicom	2,579.92
Tolak : Jumlah yang telah dibayar kepada DRB-Hicom	2,553.24*
Baki nilai kontrak asal dengan DRB-Hicom	26.68
Tolak : Bayaran sebenar yang dibuat kepada kontraktor yang baru (UEMC)	743.15
Jumlah Tambahan Kos Bagi Pakej Infrastruktur	**716.47**

Nota : * Jumlah Tidak Termasuk Bayaran Amicable Settlement Sebanyak RM371.78 juta

c. Lawatan Audit ke tapak projek pada 8 Januari 2009 mendapati telah berlaku runtuhan cerun sepanjang 200 meter dari landasan keretapi di Serendah (*chainage* 339200-339500). Bagi membaiki runtuhan cerun tersebut, tembok penahan dari jenis *crib wall* sepanjang 500 meter dibina di bahagian kaki cerun oleh UEMC. **Sehubungan itu, UEMC telah menuntut bayaran tambahan berjumlah RM2.19 juta bagi membaiki cerun tersebut selaras dengan syarat kontrak yang menetapkan bahawa UEMC tidak bertanggungjawab terhadap sebarang liabiliti berpunca daripada kecacatan reka bentuk kerana penyediaannya adalah tanggungjawab DRB-Hicom**. Gambar berikut menunjukkan cerun yang runtuh dan kerja membaiki yang sedang dijalankan :-

GAMBAR 12.1

Serendah Chainage 339200-339500
Cerun Runtuh
(08.01.2009)

GAMBAR 12.2

Serendah Chainage 339200-339500
Kerja membaiki Cerun Sedang Dijalankan
(08.01.2009)

d. Pada bulan Jun 2005, KS-Opus selaku pengurus projek bagi pihak Kerajaan telah mengisytiharkan bahawa syarikatnya dan UEMC adalah merupakan syarikat subsidiari kepada syarikat induk yang sama iaitu UEM Holdings. Bagi mengelakkan sebarang percanggahan kepentingan, Kerajaan telah menandatangani kontrak bernilai RM3.69 juta pada 3 Disember 2007 dengan Syarikat DMA Perunding Sdn. Bhd. (DMA) untuk membuat penilaian terhadap kerja yang dilaksanakan oleh UEMC bagi tujuan pembayaran. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tempoh kuat kuasa kontrak

dengan DMA telah dikebelakangkan sehingga bulan September 2005 dengan alasan perkhidmatan syarikat tersebut telah bermula daripada tempoh tersebut. **Setakat bulan Disember 2008, sejumlah RM3.39 juta telah dibayar kepada Syarikat DMA.**

e. Mengikut syarat kontrak dengan Mitsui, kerja bagi Pakej Sistem perlu disiapkan pada bulan Oktober 2004. Namun akibat dari kelewatan Pakej Infrastruktur, kemajuan kerja Pakej Sistem oleh Mitsui juga terjejas. Tarikh suai muka yang ditetapkan antara Pakej Infrastruktur dan Pakej Sistem juga tidak dapat dipatuhi. **Kelewatan ini menyebabkan Mitsui telah menuntut bayaran ganti rugi (*wrap-up deal*) daripada Kerajaan berjumlah RM315 juta.** Selain itu, **Mitsui juga mengemukakan tuntutan berjumlah RM21.49 juta bagi arahan perubahan kerja yang diminta oleh KTMB.** Semua tuntutan ini telah diluluskan oleh Kementerian dan dijelaskan melalui bayaran kemajuan kerja. **Bayaran tambahan ini menyebabkan kos bagi Pakej Sistem meningkat sejumlah RM336.49 juta iaitu daripada RM1.67 bilion kepada RM2 bilion.**

f. Selaras dengan pelanjutan tempoh pelaksanaan projek, khidmat KS-Opus sebagai pengurus projek juga dilanjutkan bagi memantau pelaksanaan projek dan memastikan kehendak Kerajaan dipatuhi. **Kontrak bernilai RM74.93 juta telah ditandatangani pada bulan Disember 2006 untuk melanjutkan tempoh perkhidmatannya daripada bulan April 2006 hingga bulan Disember 2009.**

12.4.4.3. Mengikut syarat kontrak, Kerajaan boleh menuntut ganti rugi daripada DRB-Hicom jika kontraknya ditamatkan akibat daripada kegagalannya menyiapkan Pakej Infrastruktur. Sehubungan ini, setelah projek disiapkan oleh kontraktor penyelamat, Kerajaan perlu menyediakan satu sijil yang menunjukkan dengan jelas jumlah kos penyiapan projek seperti jumlah yang telah dibayar kepada DRB-Hicom, jumlah yang perlu dibayar kepada kontraktor penyelamat dan lain-lain kos yang terlibat untuk menyiapkan projek ini. Sebarang perbezaan antara kos untuk menyiapkan projek ini dengan kos asal perlu dituntut daripada kontraktor asal. **Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengenal pasti jumlah sebenar yang ditanggung oleh Kerajaan akibat kegagalan DRB-Hicom (kontraktor asal) melaksanakan kerjanya mengikut kontrak. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, adalah dianggarkan jumlah kerugian Kerajaan adalah RM1.14 bilion. (Butirannya adalah seperti di Jadual 12.6). Bagaimanapun, keseluruhan jumlah ini mungkin tidak dapat dituntut daripada DRB-Hicom kerana menurut syarat kontrak, liabiliti maksimum yang boleh dituntut daripadanya adalah terhad kepada 10% daripada nilai kontrak iaitu RM257.99 juta sahaja.**

JADUAL 12.6
ANGGARAN JUMLAH KERUGIAN KERAJAAN

PERKARA	JUMLAH (RM Juta)
Nilai kontrak dengan UEMC untuk menyiapkan projek	772.05
Kos membaiki cerun runtuh akibat kecacatan reka bentuk oleh DRB-Hicom	2.19
Nilai kontrak *Independent Professional Quantity Surveyor* - DMA	3.69
Bayaran ganti rugi kepada Mitsui kerana kelewatan penyiapan pakej infrastruktur oleh DRB-Hicom	315.00
Nilai kontrak tambahan dengan KS-Opus bagi khidmat pengurus projek	74.93
Jumlah Tambahan Kos bagi Pakej Infrastruktur	**1,167.86**
Tolak : Baki nilai kontrak asal dengan DRB-Hicom	(26.68)
JUMLAH	**1,141.18**

12.4.5. Kualiti Kerja

Lawatan Audit ke Stesen Serendah, Kuala Kubu Baru, Behrang, Slim River, Tapah Road dan Batu Gajah mendapati secara umumnya, kualiti pembinaan stesen adalah memuaskan kecuali reka bentuk bumbung jejantas pejalan kaki yang menghubungkan antara 2 platform di Stesen Tanjung Malim didapati kurang sesuai kerana terlalu tinggi **(Gambar 12.3 dan 12.4)**. Keadaan ini menyebabkan berlaku tempias apabila hujan. Selain itu, di Stesen Ipoh didapati berlaku kebocoran di siling bangunan seperti di **Gambar 12.5 dan 12.6.**

GAMBAR 12.3

GAMBAR 12.4

Stesen Tanjung Malim
- Bahagian Tangga Jejantas Yang Terdedah Kepada Tempias Hujan
(08.01.2009)

GAMBAR 12.5

Stesen Ipoh
- Lantai Basah Disebabkan Gutter Bumbung Bocor
(08.01.2009)

GAMBAR 12.6

Stesen Ipoh
- Kebocoran Di Hadapan Pintu Masuk Utama
(08.01.2009)

12.4.6. Perolehan Tren

12.4.6.1. Perkhidmatan KTM Komuter antara Stesen Rawang ke Rasa telah dilancarkan pada bulan April 2007 dan perkhidmatan seterusnya dari Stesen Rasa ke Kuala Kubu Baru telah dimulakan pada bulan Januari 2008. Bagaimanapun perkhidmatan seterusnya ke Stesen Tanjung Malim masih belum dimulakan kerana kekurangan tren komuter. KTMB sedang dalam proses membaik pulih tren komuter yang sedia ada.

12.4.6.2. Perkhidmatan tren antara bandar KL Sentral dan Ipoh pula telah dimulakan pada bulan Disember 2008 dengan menggunakan tren diesel walaupun sepatutnya tren elektrik digunakan. Berdasarkan kepada maklumat daripada KTMB, kelewatan membuat perolehan tren adalah disebabkan oleh kekurangan peruntukan. Peruntukan untuk membeli 6 *Electric Train Set* (ETS) berjumlah RM240 juta telah dipohon semasa Rancangan Malaysia Kelapan, namun hanya RM20 juta diluluskan dan peruntukan ini tidak mencukupi untuk membeli 6 ETS. Hanya di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan, sejumlah RM249.6 juta diluluskan untuk membeli ETS tersebut.

12.4.6.3. Syarikat Cantum Sempurna Sdn. Bhd. - Marubeni Corporation Consortium telah dipilih secara rundingan terus untuk membekalkan ETS. Kontraktor tersebut telah mengemukakan cadangan teknikal dan kewangan pada bulan Februari 2007. Surat Setuju Terima bagi perolehan 5 ETS bernilai RM240 juta secara *design, manufacture, delivery, testing and commissioning* dikeluarkan kepada kontraktor itu pada bulan Disember 2007. Namun rundingan harga berlanjutan sehingga kontrak ditandatangani pada bulan Oktober 2008. Perolehan ETS yang dipersetujui adalah 5 ETS berbanding 6 ETS semasa cadangan asal kerana kenaikan harga tren tersebut. Mengikut kontrak, ETS akan dibekalkan dalam tempoh 18 bulan daripada tarikh kuat kuasa kontrak iaitu selewat-lewatnya pada bulan Julai 2009.

12.4.6.4. Semakan Audit pada bulan Disember 2008 mendapati **ujian/ pentauliahan terhadap landasan yang telah dibangunkan masih belum dilakukan. Didapati Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi Pakej Infrastruktur telah tamat pada bulan Mac 2009 dan bagi Pakej Sistem akan tamat pada bulan Disember 2009.** Ujian/pentauliahan tidak boleh dibuat kerana bekalan tren elektrik untuk digunakan dalam ujian ini masih belum diterima. Sehubungan itu, sebarang kecacatan pada landasan tidak dapat dikenal pasti dan diperbaiki dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

Pada pandangan Audit, Kementerian/KTMB sepatutnya memasukkan kos perolehan ETS dalam kos keseluruhan Projek Rawang - Ipoh dan memastikan bekalannya diterima sebaik sahaja projek disiapkan supaya projek ini dapat dimanfaatkan sepenuhnya.

12.4.7. *Automatic Fare Collection System*

12.4.7.1. Berdasarkan kepada kontrak bagi Pakej Sistem, 10 set *Automatic Fare Collection System* (AFCS) bernilai RM54.43 juta hendaklah dibekal dan dipasang di 10 stesen iaitu di Serendah, Batang Kali, Rasa, Kuala Kubu Baru, Tanjung Malim, Sungkai, Tapah Road, Kampar, Batu Gajah dan Ipoh. AFCS ini digunakan untuk sistem tiket tertutup bagi perkhidmatan tren komuter. Semasa lawatan Audit pada 7 dan 8 Januari 2009, **didapati AFCS hanya dipasang di 5 stesen iaitu di Serendah, Batang Kali, Rasa, Kuala Kubu Baru dan Tanjung Malim (Gambar 12.7 hingga 12.9). Bagaimanapun, didapati AFCS yang telah dipasang di Stesen Tanjung Malim tidak digunakan kerana perkhidmatan tren komuter belum beroperasi di stesen ini (Gambar 12.10).**

GAMBAR 12.7

Stesen Serendah
- Ticket Vending Machines
(08.01.2009)

GAMBAR 12.8

Stesen Serendah
- Turnstile Gates
(08.01.2009)

GAMBAR 12.9



Stesen Serendah
- Booking Office Machine
(08.01.2009)

GAMBAR 12.10

Stesen Tanjung Malim
- Turnstile Gates Yang Telah Dipasang Tetapi Tidak Digunakan
(08.01.2009)

12.4.7.2. Bagi baki 5 set AFCS yang bernilai RM27.22 juta untuk 5 stesen lain, ia disimpan dalam stor di Kuala Kubu Baru, Behrang dan Slim River **(Gambar 12.11 dan 12.12)**. KTMB memaklumkan tiada keperluan untuk memasang 5 set AFCS ini kerana tiada perkhidmatan komuter di stesen berkenaan. Status pemasangan AFCS adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 12.7
STATUS PEMASANGAN/PENGGUNAAN
AUTOMATIC FARE COLLECTION SYSTEM

STESEN	DIPASANG	DISIMPAN	CATATAN
Serendah	✓		-
Batang Kali	✓		-
Rasa	✓		-
Kuala Kubu Baru	✓		-
Tanjung Malim	✓		Dipasang tetapi tidak digunakan kerana perkhidmatan tren komuter belum beroperasi di stesen ini.
Sungkai		✓	Disimpan di Stesen Kuala Kubu Baru
Tapah Road		✓	Disimpan di Stesen Behrang
Kampar		✓	Disimpan di Stesen Behrang
Batu Gajah		✓	Disimpan di Stesen Kuala Kubu Baru
Ipoh		✓	Disimpan di Stesen Slim River

GAMBAR 12.11

Stesen Slim River

GAMBAR 12.12

Stesen Behrang

- Komponen AFCS Tidak Dipasang Tetapi Disimpan Di Stor (07.01.2009)

Pada pandangan Audit, kelemahan merancang dan kegagalan menyelaraskan perolehan AFCS dengan keperluan sebenar menyebabkan berlaku lebihan perolehan 5 set AFCS bernilai RM27.22 juta. Sekiranya peralatan ini berterusan tidak digunakan ia merupakan satu pembaziran.

12.4.8. Prestasi Pengurus Projek

12.4.8.1. KS-Opus telah dilantik sebagai pengurus projek bagi pihak Kerajaan untuk mengurus dan memantau pelaksanaan Projek Rawang – Ipoh. Antara lain, KS-Opus adalah bertanggungjawab terhadap perkara berikut :-

a. bertindak pada setiap masa untuk menjaga kepentingan Kerajaan.

b. melaksanakan perkhidmatan secara profesional dengan penuh teliti dan cekap termasuk mengambil semua langkah berpatutan bagi mengatasi masalah yang telah dikenal pasti supaya pelaksanaan projek adalah mengikut standard kualiti, tempoh dan kos yang telah ditetapkan.

12.4.8.2. Berdasarkan maklum balas yang dikemukakan oleh Kementerian, didapati prestasi kerja KS-Opus adalah kurang memuaskan. Mengikut Kementerian, syarikat ini gagal melaksanakan peranan dan tanggungjawabnya seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak. Bagaimanapun **pihak Audit tidak mendapat sebarang bukti yang menunjukkan Kementerian telah membuat teguran/memaklumkan tentang prestasi pengurus projek tersebut kepada Kementerian Kewangan**. Tiada bukti juga yang menunjukkan Kementerian telah menyediakan laporan suku tahun berhubung dengan prestasi pengurus projek untuk dikemukakan kepada Kementerian Kewangan sepertimana yang dikehendaki oleh Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 8 Tahun 2006.

Pada pandangan Audit, Kementerian sepatutnya mengambil tindakan tegas terhadap kegagalan pengurus projek melaksanakan tanggungjawabnya dengan melaporkan kepada Kementerian Kewangan supaya perkhidmatannya dapat ditamatkan selaras dengan syarat kontrak.

12.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, projek ini tidak diuruskan dengan baik menyebabkan objektif pelaksanaannya tidak dapat dicapai seperti mana yang dirancang dan Kerajaan besar kemungkinan terpaksa menanggung sebahagian daripada kos kerugian yang dianggarkan berjumlah RM1.14 bilion. Ini adalah kerana syarat antara DRB-Hicom (kontraktor asal) dengan Kerajaan telah menetapkan liabiliti maksimum yang boleh dituntut daripada kontraktor tersebut hanya setakat RM257.99 juta sahaja. Bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* dan objektif pelaksanaan projek ini dapat dicapai sepenuhnya serta memastikan kelemahan yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan Kementerian/KTMB dan agensi pusat yang berkaitan memberikan pertimbangan terhadap perkara berikut :-

12.5.1. Kementerian sepatutnya mengenakan LAD berjumlah RM80.88 juta (RM164,727 sehari) terhadap DRB-Hicom kerana kegagalannya menyiapkan projek dalam tempoh yang ditetapkan.

12.5.2. Bagi mengelakkan pembaziran, 5 set *Automatic Fare Collection System* yang masih disimpan di dalam stor perlu diagihkan ke stesen komuter yang memerlukannya.

12.5.3. Kementerian/KTMB hendaklah memastikan semua kecacatan yang berlaku diperbaiki oleh kontraktor yang berkenaan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi mengelakkan Kerajaan daripada menanggung kos pembaikannya.

12.5.4. Perolehan peralatan dan kemudahan yang berkaitan hendaklah diselaraskan dengan pembangunan infrastruktur dan sistem. Sehubungan ini, perolehan peralatan dan kemudahan sepatutnya dibuat semasa kemajuan kerja pada tahap 80% supaya infrastruktur yang dibangunkan dapat digunakan sepenuhnya sebaik sahaja ia disiapkan.

12.5.5. Kementerian perlu mengambil tindakan tegas terhadap pengurus projek yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya dengan melaporkan kepada Kementerian Kewangan supaya perkhidmatannya dapat ditamatkan selaras dengan syarat kontrak.

12.5.6. Agensi pusat sepatutnya meluluskan peruntukan kewangan yang mencukupi untuk membeli peralatan/kemudahan yang merupakan komponen projek bagi membolehkan sesuatu projek yang dilaksanakan dapat berfungsi mengikut perancangan.

KEMENTERIAN SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

13. PENGURUSAN PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN DALAM BIDANG SAINS, TEKNOLOGI DAN INOVASI

13.1. LATAR BELAKANG

13.1.1. Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (Kementerian) bertanggungjawab untuk menguruskan Program Pembangunan Modal Insan (Program) dalam bidang sains, teknologi dan inovasi dengan memberi keutamaan kepada bidang seperti bioteknologi, industri, *sea to space*, pertanian dan lain-lain. Program ini telah diperkenalkan di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) untuk meningkatkan keupayaan, kreativiti dan inovasi negara dengan memberi penekanan dan penggalakan terhadap usaha penyelidikan dan pembangunan/*Research And Development* (R&D). Objektif Program ini adalah :-

a. Menyokong peningkatan bilangan penyelidik, saintis dan jurutera/ *researchers, scientists and engineers* (RSE) sehingga mencapai nisbah 50 RSE bagi setiap 10,000 tenaga kerja menjelang tahun 2010.

b. Membantu meningkatkan kemahiran penyelidikan yang bermutu tinggi, bertaraf global dan memenuhi kehendak pasaran.

c. Meningkatkan tahap kecekapan dan kemahiran pengurusan R&D.

13.1.2. Bagi merealisasikan objektif di atas, Kementerian menawarkan 8 skim pembiayaan di bawah Program ini iaitu :-

a. Skim Biasiswa Penyelidikan Gunaan Pasca Siswazah Bagi Latihan Pegawai Dalam Perkhidmatan (LDP) - Skim ini ditawarkan kepada pegawai penyelidik, pegawai sains dan pensyarah yang terlibat secara aktif dalam penyelidikan untuk membantu mereka mengikuti latihan lanjutan (Sarjana dan Kedoktoran) di universiti tempatan atau luar negara. Jumlah biasiswa yang dibayar adalah berdasarkan kadar yang ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam.

b. Skim Hadiah Biasiswa *National Science Fellowship* (NSF) - Skim ini ditawarkan kepada pelajar cemerlang dalam bidang sains, teknologi dan inovasi untuk pengajian lanjutan (Sarjana dan Kedoktoran) secara penyelidikan sepenuh masa di Institusi Pengajian Tinggi tempatan atau luar negara. Jumlah biasiswa yang dibayar adalah antara RM1,560 hingga RM2,300 sebulan.

c. Skim Biasiswa Penyelidikan Pasca Siswazah Universiti/*University Post Graduate Research Scholarship* (PGD) - Skim ini yang dahulunya dikenali sebagai 'Program Pasca' ditawarkan kepada pelajar ijazah lanjutan peringkat sarjana dan kedoktoran yang berpotensi dalam sains, teknologi dan inovasi secara penyelidikan sepenuh masa. Pelajar yang mendapat biasiswa di bawah skim ini perlu diselia oleh penyelia yang sedang menjalankan projek penyelidikan dan merupakan penerima geran/dana penyelidikan daripada Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (MOSTI). Jumlah biasiswa yang dibayar adalah antara RM1,300 hingga RM1,500 sebulan.

d. Skim Penyelidikan Pasca Doktoral/*Post Doctoral Fellowship* (PDF) - Skim ini diberi kepada Institut Penyelidikan Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Awam bagi membolehkan pelantikan *fellow* penyelidik pasca doktoral (warga tempatan dan warga asing) yang akan menjalankan penyelidikan sepenuh masa di institusi berkenaan dan seterusnya menyumbang kepada peningkatan dan pengukuhan penyelidikan dalam bidang keutamaan negara. Jumlah biasiswa yang dibayar adalah antara RM500 hingga RM5,000 sebulan.

e. Skim Fellowship Penyelidikan Termaju Luar Negara/*Overseas Advanced Research Fellowship* (ATTH) - Skim ini diberi kepada saintis atau penyelidik daripada Institusi Penyelidikan Awam dan Institusi Pengajian Tinggi Awam untuk menjalankan penyelidikan melalui sangkutan *(*attachment) di pusat penyelidikan utama atau terpilih di dalam atau di luar negara dengan tujuan menimba pengalaman penyelidikan dan mencari penyelesaian kepada masalah dalam projek penyelidikan yang sedang dijalankan. Calon yang berjaya akan menerima bantuan kewangan untuk elaun makan; tambang perjalanan; elaun penginapan; yuran sangkutan dan elaun lain yang berkaitan.

f. Skim Jemputan Pakar Latihan Dalam R&D/*Invitation Of Training Expert In Research And Development* (EXPT) - Peruntukan di bawah skim ini adalah bagi mendapatkan perkhidmatan pakar perunding untuk memberi latihan kepada para penyelidik atau pegawai sokongan di Institut Penyelidikan Awam, Institusi Penyelidikan Swasta atau Institusi Pengajian Tinggi Awam. Kos yang dibiayai bagi memperoleh perkhidmatan pakar ini antara lainnya tambang perjalanan; penginapan; makanan dan elaun mengikut kadar seperti yang ditetapkan dalam Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 3 Tahun 2005.

g. Skim Latihan Pengurusan R&D/*Overseas Research And Development Management Training* (MGT) - Skim ini memberi peluang kepada pengurus R&D untuk menjalani latihan atau kursus pendek di pusat penyelidikan di dalam atau luar negara/Institusi Pengajian Tinggi di luar negara bertujuan meningkatkan kecekapan dan pengetahuan dalam pengurusan R&D

tempatan. Penerima biaya akan menerima pembiayaan seperti elaun penginapan; elaun makan; tambang perjalanan dan yuran kursus.

h. Program Latihan Kepakaran Teknikal (LKT) - Skim ini memberi peluang kepada pegawai Bahagian/Jabatan/Agensi di bawah Kementerian untuk menjalani kursus/latihan/bengkel di dalam atau luar negara berdasarkan justifikasi keperluan kepakaran di dalam bidang keutamaan masing-masing mengikut *roadmap* yang ditetapkan.

13.1.3. Sejumlah RM500 juta telah diperuntukkan di bawah RMK-9 untuk melaksanakan Program Pembangunan Modal Insan. Bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Disember 2008, sejumlah RM153.73 juta telah dibelanjakan untuk melaksanakan Program ini.

13.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada Program Pembangunan Modal Insan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi telah diuruskan dengan teratur serta mencapai objektif yang telah ditetapkan.

13.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, dokumen dan rekod berkaitan perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Program Pembangunan Modal Insan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Di samping itu, perbincangan dan temu bual dengan pegawai dari Unit Pembangunan Sumber Manusia serta Unit Pemantauan Dan Penilaian Kementerian; Universiti Malaya; Universiti Kebangsaan Malaysia; Universiti Putra Malaysia; Universiti Teknologi Mara; Jabatan Kimia; Agensi Angkasa Negara; MDeC Sdn. Bhd.; Cybersecurity Sdn. Bhd.; Mynic Sdn. Bhd. dan MIMOS Berhad juga telah diadakan.

13.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2008 mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan Program Pembangunan Modal Insan seperti sasaran mengikut skim tidak dapat dicapai sepenuhnya; pembiayaan diberi kepada penerima yang tidak mematuhi syarat kelayakan; kelemahan dalam syarat kontrak perjanjian; kelewatan mengagihkan peruntukan; kegagalan mematuhi syarat perjanjian serta kelemahan pemantauan dan penilaian terhadap pelaksanaan Program. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

13.4.1. Sasaran Mengikut Skim Tidak Dapat Dicapai

13.4.1.1. Bagi tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (tahun 2006 hingga 2010), Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM500 juta untuk

melaksanakan Program Pembangunan Modal Insan bagi membiayai latihan/ penyelidikan seramai 6,230 orang pelajar/pegawai dalam bidang sains, teknologi dan inovasi. Bagaimanapun semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2008, seramai tidak kurang daripada 7,010 orang (jumlah sebenar tidak dapat ditentukan kerana maklumat mengenai bilangan penerima bagi Skim PGD dan LKT tidak dikemukakan sepenuhnya) telah menerima pembiayaan daripada Program ini melibatkan perbelanjaan RM153.73 juta iaitu 30.8% daripada peruntukan keseluruhan. Jadual berikut menunjukkan butirannya :-

JADUAL 13.1
PENERIMA BIAYA PROGRAM PEMBANGUNAN MODAL INSAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TAHUN	NAMA SKIM	NSF	PDF	PGD	LDP	MGT	ATTH	EXPT	LKT	JUMLAH
2006	Bil. Penerima	179	10	TM	19	BM	5	9	TM	**222**
	(RM Juta)	7.20	0.44	10.91	6.82	BM	0.14	0.16	30.10	**55.77**
2007	Bil. Penerima	188	4	TM	22	2	7	17	822	**1,062**
	(RM Juta)	14.69	0.25	0.002	7.64	0.08	0.34	1.68	38.61	**63.29**
2008	Bil. Penerima	400	4	117	84	5	36	91	4,989	**5,726**
	(RM Juta)	12.44	0.27	1.07	6.70	0.19	1.50	1.40	11.10	**34.67**
JUMLAH (2006 HINGGA 2008)	**Bil. Penerima**	**767**	**18**	**117**	**125**	**7**	**48**	**117**	**5,811**	**7,010**
	(RM Juta)	**34.33**	**0.96**	**11.98**	**21.16**	**0.27**	**1.98**	**3.24**	**79.81**	**153.73**
	Jumlah Sasaran RMK-9	**1,000**	**200**	**500**	**180**	**40**	**250**	**60**	**4,000**	**6,230**
	% Penerima Atas Jumlah Sasaran	**77**	**9**	**23**	**69**	**18**	**19**	**195**	**145**	**113**

Nota : TM - Tiada Maklumat BM - Belum Mula

13.4.1.2. Sungguhpun secara keseluruhan bilangan penerima biaya telah melebihi sasaran yang ditetapkan, namun bilangan penerima mengikut skim adalah jauh berkurangan daripada yang disasarkan terutamanya bagi Skim PDF, MGT dan ATTH. Kementerian hanya dapat melaksanakan ketiga-tiga skim ini antara 9% hingga 19% daripada sasaran yang telah ditetapkan sungguhpun tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan akan berakhir dalam tempoh 2 tahun lagi. Berdasarkan maklum balas yang diperoleh daripada Kementerian, antara faktor yang menyebabkan bilangan penerima bagi Skim NSF, PDF, LDP, MGT dan ATTH tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan adalah kerana kurang mendapat sambutan daripada pihak yang berkenaan sungguhpun program promosi telah dijalankan. Selain itu, berdasarkan maklum balas daripada soal selidik yang diedarkan kepada 10 pemegang biasiswa di bawah Skim PGD, bilangan penerima biasiswa berkenaan adalah rendah berbanding dengan sasaran disebabkan oleh kelewatan dalam meluluskan permohonan biasiswa di peringkat Kementerian yang menyebabkan pelajar telah menarik diri daripada pengajian.

Pada pandangan Audit, Kementerian patut mempertingkatkan promosinya untuk memperjelaskan tentang Program ini terutamanya di kalangan pelajar/ pensyarah Institusi Pengajian Tinggi dan juga pegawai Kementerian/Agensi yang terlibat dalam bidang sains dan teknologi.

13.4.2. Ketidakpatuhan Terhadap Kriteria Kelayakan Skim Latihan Kepakaran Teknikal (LKT)

Bagi skim yang menawarkan biasiswa seperti Skim NSF, LDP, PDF dan PGD, antara syarat utama kelayakan adalah pemohon mesti berumur tidak melebihi 35 tahun dan mempunyai kelulusan akademik yang cemerlang (CGPA melebihi 3.00) di peringkat ijazah pertama dalam bidang yang berkaitan dengan sains dan teknologi. Manakala syarat utama kelayakan bagi skim latihan/kursus yang berhubung dengan sains dan teknologi seperti Skim ATTH, EXPT, MGT dan LKT, pemohon hendaklah disahkan dalam jawatan dan bertugas di Kementerian atau Agensi di bawahnya. Semakan Audit terhadap 3,452 penerima biaya mendapati 1,152 penerima yang mendapat pembiayaan adalah terdiri daripada mereka yang memenuhi kriteria yang telah ditetapkan. **Bagaimanapun, sejumlah RM20.10 juta daripada RM68.71 juta yang dibelanjakan pada tahun 2006 dan 2007 di bawah Skim LKT telah diluluskan oleh Kementerian kepada MDeC Sdn. Bhd. untuk membiayai projek dan menjalankan kursus yang tidak berkaitan dengan skop di bawah skim ini.** Antara lain, peruntukan ini telah digunakan untuk membiayai kem kerjaya yang bertujuan membantu graduan menganggur mendapat pekerjaan dan membantu syarikat berstatus MSC Malaysia mendapat pekerja bagi mengisi kekosongan jawatannya dengan segera; melaksanakan projek kaji selidik penawaran dan permintaan industri ICT Malaysia dan mengadakan kursus Bahasa Inggeris serta kemahiran berkomunikasi kepada pelajar pra-siswazah. Jumlah penerima yang terlibat dengan pembiayaan skim ini adalah seramai 2,300 orang.

13.4.3. Kelemahan Dalam Kontrak Perjanjian

13.4.3.1. Bagi Skim ATTH, EXPT, MGT dan LKT yang menawarkan kursus/latihan jangka pendek yang tidak melebihi 3 bulan, MOSTI memaklumkan bahawa penerima biaya di bawah keempat-empat skim ini tidak perlu menandatangani sebarang kontrak perjanjian. Manakala bagi skim yang lain, penerima biaya dikehendaki menandatangani perjanjian kontrak sama ada dengan Kementerian, Jabatan Perkhidmatan Awam atau Institusi Pengajian Tinggi yang berkenaan. Bagi Skim NSF, perjanjian ditandatangani dengan Kementerian; Skim LDP dengan Jabatan Perkhidmatan Awam manakala Skim PGD dan PDF dengan Institusi Pengajian Tinggi yang berkenaan. ini menyebabkan syarat-syarat yang terdapat di dalam perjanjian tersebut berbeza. Sebagai contoh, **tidak semua perjanjian mensyaratkan penerima biasiswa mengemukakan keputusan peperiksaan setiap semester/laporan kemajuan**

penyelidikan yang dilaksanakannya kepada Kementerian. Begitu juga tidak semua perjanjian menetapkan bahawa penerima biasiswa perlu berkhidmat dengan Kerajaan selepas selesai pengajian. Berikut diberikan contohnya :-

JADUAL 13.2
PERBEZAAN SYARAT PERJANJIAN
BAGI SKIM NSF, LDP, PDF DAN PGD

BUTIRAN	NSF	LDP	PDF		PGD			
	MOSTI	JPA	UKM	UPM	UKM	UiTM	UPM	UM
Mengemukakan keputusan peperiksaan semester/laporan kemajuan penyelidikan setiap 6 bulan	/	/	/	/	X	X	X	X
Melapor diri selepas tamat pengajian/penyelidikan	X	/	X	X	X	X	X	X
Pelajar tidak dibenarkan menerima biasiswa atau pinjaman dari sumber lain	X	/	TB	TB	X	/	/	/
Pelajar tidak akan menerima sebarang pekerjaan dalam tempoh pengajian/penyelidikan	/	/	TB	TB	X	/	/	/
Kerajaan/universiti berhak menamatkan biasiswa tanpa notis kepada pelajar sekiranya melanggar syarat perjanjian	/	/	/	/	X	/	/	/
Pelajar boleh menamatkan biasiswa dengan memberi notis secara bertulis kepada universiti	TB	TB	/	/	X	/	/	/
Berkhidmat dengan Kerajaan selepas tamat pengajian	/	/	TB	TB	X	/	/	/

Nota : ***/ - Syarat terkandung di dalam perjanjian***
X - Syarat tidak terkandung di dalam perjanjian
TB - Tidak berkenaan

MOSTI - Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi
UKM - Universiti Kebangsaan Malaysia
UiTM - Universiti Teknologi Mara
JPA - Jabatan Perkhidmatan Awam
UPM - Universiti Putra Malaysia
UM - Universiti Malaya

13.4.3.2. Berdasarkan maklum balas Kementerian terhadap 210 penerima biaya bagi Skim NSF dan semakan terhadap 16 penerima biaya bagi Skim PDF, didapati 218 **daripada mereka tidak mengemukakan keputusan peperiksaan setiap semester/laporan kemajuan penyelidikan kepada Kementerian seperti mana yang ditetapkan di dalam perjanjian.** Bagi Skim LDP pula, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada penerima biaya di bawah skim ini ada mengemukakan keputusan peperiksaan setiap semester/ laporan kemajuan penyelidikan ke Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) kerana maklumat mengenainya tidak diperoleh. Selain itu, **tidak ada bukti yang menunjukkan tindakan susulan dibuat oleh Kementerian untuk memastikan penerima biaya mematuhi syarat ini.**

13.4.3.3. Semakan Audit mendapati akibat daripada ketiadaan syarat mengenai keperluan mengemukakan keputusan peperiksaan/laporan kemajuan penyelidikan setiap semester telah menyebabkan 74 penerima biaya bagi Skim PGD di UM, UKM, UPM dan UiTM yang diaudit tidak mengemukakan keputusan peperiksaan/laporan kemajuan penyelidikan setiap semester kepada

Kementerian. Bagaimanapun mulai bulan Mac 2009, Kementerian telah mengarahkan universiti supaya memaklumkan kepada penerima biaya untuk mengemukakan laporan kemajuan penyelidikan 2 kali setahun kepada Kementerian.

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah memastikan semua syarat penting dimasukkan ke dalam perjanjian seperti menghendaki penerima biaya mengemukakan keputusan peperiksaan semester/laporan kemajuan penyelidikan dan melapor diri selepas tamat pengajian/penyelidikan. Kementerian juga hendaklah membuat pemantauan untuk memastikan syarat-syarat tersebut dipatuhi sepenuhnya dan mengenakan ganti rugi terhadap mereka yang ingkar.

13.4.4. Kelewatan Mengagihkan Peruntukan

13.4.4.1. Berdasarkan Pekeliling Pentadbiran Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi Bilangan 1 Tahun 2007, peruntukan untuk melaksanakan kursus/ latihan di bawah Skim Latihan Kepakaran Teknikal (LKT) akan disalurkan kepada Jabatan/Agensi/Syarikat di bawah Kementerian bagi setiap 4 bulan dalam tahun semasa. **Semakan Audit mendapati peruntukan tahun 2007 dan 2008 lewat disalurkan kepada pihak berkenaan. Terdapat kes di mana peruntukan hanya disalurkan selepas 10 hingga 119 hari kursus dijalankan dan Jabatan/Agensi terlibat terpaksa menggunakan peruntukannya sendiri.** Berikut diberikan contohnya :-

JADUAL 13.3
PERUNTUKAN YANG LEWAT DITERIMA DARIPADA MOSTI

JABATAN/ AGENSI	TARIKH KURSUS DIJALANKAN	JUMLAH (RM)	TARIKH PERUNTUKAN DITERIMA DARIPADA KEMENTERIAN	JUMLAH (RM)	KELEWATAN (Hari)
Jabatan Kimia Malaysia	Februari hingga Mei 2007	236,796	06.06.2007	232,247	28 hingga 119
Mynic Sdn. Bhd.	14 hingga 18 April 2008	8,550	28.04.2008	8,550	10
	25 hingga 29 Ogos 2008	11,352	12.09.2008	11,352	13

13.4.4.2. Mengikut proses kerja, Kementerian bertanggungjawab menyalurkan wang biasiswa ke dalam Akaun Institusi Pengajian Tinggi (IPT) untuk dibayar kepada pelajar yang dibiayai di bawah Program ini. Semakan Audit mendapati Kementerian lewat menyalurkan **wang biasiswa ke UKM dan UiTM antara 98 hingga 274 hari daripada tarikh permohonan diterima daripada IPT berkenaan.** Maklumat kelewatan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.4
TEMPOH KELEWATAN PENYALURAN PERUNTUKAN
KEPADA INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI

INSTITUSI PENGAJIAN TINGGI (IPT)	SKIM	JUMLAH (RM)	TARIKH IPT MEMOHON PERUNTUKAN	TARIKH PERUNTUKAN DISALURKAN	KELEWATAN (Hari)
Universiti Kebangsaan Malaysia	Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)	258,208	09.04.2007	08.01.2008	274
Universiti Teknologi Mara	Latihan Dalam Perkhidmatan (LDP)	75,030	02.10.2007	08.01.2008	98

13.4.5. Kegagalan Mematuhi Syarat Perjanjian

13.4.5.1. Mengikut syarat perjanjian, pelajar yang mendapat biasiswa di bawah Skim Hadiah Biasiswa *National Science Fellowship* (NSF) yang melanggar syarat perjanjian akan dikenakan ganti rugi berdasarkan tempoh ikatan kontrak mereka seperti di jadual berikut :-

JADUAL 13.5
IKATAN KONTRAK DAN GANTI RUGI BAGI
PELANGGARAN KONTRAK BIASISWA NSF

TEMPOH PENGAJIAN (Bulan)	IKATAN KONTRAK (Tahun)		GANTI RUGI (RM)
	BIDANG PROFESIONAL	BIDANG BUKAN PROFESIONAL	
Kurang daripada 20	4	2	80,000
Antara 20 ke 24	4 • Jika tamat dalam tempoh yang sepatutnya • Jika tamat melebihi tempoh yang sepatutnya	2 • Jika tamat dalam tempoh yang sepatutnya • Jika tamat melebihi tempoh yang sepatutnya	80,000 120,000
25 dan ke atas	5	3	120,000

13.4.5.2. Semakan Audit telah dijalankan terhadap rekod berhubung dengan 20 pelajar yang mendapat biasiswa di bawah Skim Hadiah Biasiswa *National Science Fellowship* (NSF) bagi tempoh tahun 2006 sehingga 2008. Hasil daripada semakan itu mendapati 3 daripadanya telah memohon antara tempoh bulan Julai 2007 hingga Mac 2008 untuk tidak meneruskan pengajian mereka di UM dan UKM. Bagaimanapun, didapati arahan pembayaran balik ganti rugi berjumlah RM48,219 hanya dikeluarkan kepada 2 pelajar masing-masingnya pada bulan September 2007 dan Ogos 2008. Setakat 31 Disember 2008, pelajar berkenaan telah membuat pembayaran kepada Kementerian berjumlah RM23,288. Manakala bagi seorang lagi pelajar, Kementerian masih dalam proses mendapatkan maklum balas daripada Institusi Pengajian Tinggi berhubung dengan jumlah biasiswa yang telah dibayar kepadanya untuk mengenal pasti jumlah ganti rugi yang sepatutnya dikenakan terhadap pelajar berkenaan.

13.4.5.3. Semakan Audit terhadap 134 penerima biasiswa di bawah Skim Pasca/PGD yang menuntut di UM, UKM, UPM dan UiTM mendapati 17 daripadanya tidak menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Bagaimanapun hanya 16 daripada mereka telah dikenakan ganti rugi berjumlah RM444,374 oleh UiTM. Manakala bagi seorang lagi pelajar di UKM, tiada sebarang tindakan diambil oleh Institusi Pengajian Tinggi (IPT) berkenaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati **hanya seorang daripada 16 pelajar tersebut telah menjelaskan sejumlah RM15,500 daripada RM17,831 denda yang dikenakan kepadanya.** Tiada bukti yang menunjukkan tindakan susulan telah diambil oleh Kementerian/IPT yang berkenaan terhadap pelajar yang masih belum menjelaskan denda.

Pada pandangan Audit, Kementerian dan IPT perlu mempertingkatkan pemantauannya bagi memastikan pelajar yang mendapat biasiswa di bawah tajaannya mematuhi syarat kontrak dan mengenakan ganti rugi terhadap mereka yang ingkar.

13.4.5.4. Mengikut syarat perjanjian, penerima biaya di bawah Skim Pasca/PGD perlu menyempurnakan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan. Namun demikian, syarat perjanjian tidak menetapkan jenis tindakan yang boleh diambil terhadap mereka yang gagal berbuat demikian. Semakan Audit terhadap 40 penerima biaya di bawah skim tersebut yang sepatutnya telah menamatkan pengajian mereka antara tempoh tahun 2004 hingga 2008 mendapati hanya 13 daripada mereka yang telah berjaya menamatkan pengajian setakat tarikh pengauditan. Manakala 27 pelajar yang lain masih belum menamatkan pengajian disebabkan faktor seperti institusi pengajian siswazah dalam proses melantik pemeriksa tesis calon ijazah sarjana, pelajar dalam proses meminda tesis dan pelajar baru menghabiskan proses viva. **Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan universiti memasukkan syarat mengenai tindakan yang boleh diambil terhadap penerima biaya yang gagal menamatkan pengajian dalam tempoh yang ditetapkan dalam perjanjian yang ditandatangani olehnya.**

13.4.6. Kelemahan Pemantauan Dan Penilaian

13.4.6.1. Pada tahun 2004, Sistem eHCD (e-*Human Capital Development*) yang dibangunkan oleh Kementerian adalah untuk merekod permohonan secara *online* dan menyimpan data penerima biaya Program Pembangunan Modal Insan. Bagaimanapun pada tahun 2007, sistem telah digodam (hacked) oleh pihak luar. Oleh itu, Unit Pemodenan Tadbiran Dan Perancangan Pengurusan Malaysia (MAMPU) telah mengarahkan supaya sistem tersebut diberhentikan. Selepas tarikh tersebut, semua penyelenggaraan rekod pelajar di Kementerian dilaksanakan secara manual. Bagaimanapun disebabkan kekurangan

kakitangan untuk menyelenggarakan rekod secara manual menyebabkan pengurusan maklumat pelajar tidak lengkap dan tidak kemas kini. Keadaan ini menyukarkan Kementerian untuk membuat pemantauan terhadap penerima pembiayaan khususnya berhubung dengan pematuhan pelajar terhadap syarat perjanjian. Pihak Kementerian juga tidak mempunyai mekanisme pengurusan maklumat bagi pelajar yang ditaja di bawah Skim Penyelidikan Pasca Siswazah Universiti (PGD) kerana ia diserahkan sepenuhnya kepada pihak universiti.

13.4.6.2. Surat Pekeliling Am Bilangan 3 Tahun 2005 yang dikeluarkan oleh Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri berkenaan dengan Garis Panduan Penilaian Program Pembangunan telah menetapkan bahawa penilaian *outcome* dan impak program merupakan satu komponen utama dalam pengurusan pembangunan Kerajaan untuk mengukur sama ada sesuatu dasar, program atau projek mencapai matlamat yang ditetapkan serta mendatangkan faedah kepada kumpulan sasar atau sebaliknya. Bagaimanapun, **Kementerian belum membuat penilaian untuk menentukan sejauh mana Program Pembangunan Modal Insan telah mencapai objektif yang telah ditetapkan.** Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh *Malaysian Science And Technology Information Centre* (MASTIC) di dalam Laporan *National Survey Of Research Dan Development 2008,* bilangan penyelidik yang telah dihasilkan sehingga tahun 2006 ialah seramai 18 orang daripada setiap 10,000 tenaga kerja. Jumlah ini kurang seramai 3 orang berbanding dengan hasil kajian yang pernah dibuat olehnya pada tahun 2004. Bagaimanapun, hasil kajian ini hanya tertumpu kepada penyelidik yang menjalankan penyelidikan dalam bidang sains dan teknologi tidak termasuk bilangan saintis dan jurutera.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu membuat penilaian untuk menentukan sejauh mana pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan telah mencapai objektif yang telah ditetapkan terutamanya mengenai mencapai nisbah 50 penyelidik, saintis dan jurutera bagi setiap 10,000 tenaga kerja.

13.4.6.3. Mengikut syarat perjanjian, pelajar yang telah tamat pengajian perlu berkhidmat dengan Kerajaan bagi sesuatu tempoh yang ditetapkan. Bagi memantau sama ada pelajar mematuhi syarat tersebut, satu rekod yang lengkap berhubung dengan maklumat pelajar yang telah menamatkan pengajian dan berkhidmat dengan Kerajaan perlu disediakan. Semakan Audit **mendapati bagi Skim PGD, rekod tersebut tidak disediakan di Kementerian dan juga Institusi Pengajian Tinggi berkenaan. Manakala bagi Skim NSF, sungguhpun rekod berkenaan ada diselenggarakan di Kementerian, namun ia tidak kemas kini.**

13.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Objektif Kerajaan melaksanakan Program Pembangunan Modal Insan dalam bidang sains, teknologi dan inovasi ini tidak mungkin dapat dicapai sepenuhnya jika kelemahan yang berlaku dalam pengurusan program ini terutamanya yang berhubung dengan pemantauan tidak ditangani segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian Sains, Teknologi Dan Inovasi (Kementerian) memberikan pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

13.5.1. Mempertingkatkan promosi untuk memperjelaskan tentang Program Pembangunan Modal Insan terutamanya di kalangan pelajar/pensyarah Institusi Pengajian Tinggi dan juga pegawai Kementerian/agensi yang terlibat dalam bidang sains dan teknologi.

13.5.2. Memastikan semua syarat penting dimasukkan ke dalam perjanjian seperti menghendaki penerima biaya mengemukakan keputusan peperiksaan semester/ laporan kemajuan penyelidikan dan melapor diri selepas tamat pengajian/ penyelidikan. Kementerian juga hendaklah membuat pemantauan untuk memastikan syarat-syarat tersebut dipatuhi sepenuhnya dan mengenakan ganti rugi terhadap mereka yang ingkar.

13.5.3. Membuat penilaian untuk menentukan sejauh mana pelaksanaan Program Pembangunan Modal Insan telah mencapai objektif yang telah ditetapkan dan seterusnya mengambil tindakan terhadap kelemahan-kelemahan yang boleh menjejaskan pencapaian objektif.

KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

14. DEWAN BANDARAYA KUALA LUMPUR

- **PENGUATKUASAAN TERHADAP AKTIVITI PERNIAGAAN, JABATAN KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN**

14.1. LATAR BELAKANG

14.1.1. Pada 1 Februari 1972, Kuala Lumpur telah dianugerahkan taraf Bandaraya dan pentadbirannya diketuai oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur. Kawasan pentadbiran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) meliputi keluasan berjumlah 24,222 hektar. Berdasarkan statistik yang diperoleh daripada Jabatan Pembangunan Dan Pengurusan Peniaga Kecil, DBKL setakat bulan Oktober 2008, bilangan peniaga/penjaja yang berlesen di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur adalah 50,708 orang. Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan, DBKL (dahulunya dikenali sebagai Bahagian Direktorat Penguatkuasaan) dipertanggungjawabkan untuk menguatkuasakan undang-undang dan peraturan yang diguna pakai oleh Datuk Bandar Kuala Lumpur di samping bertanggungjawab menguruskan perkara yang berkaitan dengan keselamatan khususnya keselamatan premis dan harta benda DBKL.

14.1.2. Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan (JKP) diketuai oleh Pengarah Gred N54 dan beliau dibantu oleh seramai 1,790 anggota pelbagai gred. JKP telah mewujudkan 3 bahagian iaitu Bahagian Operasi, Pentadbiran dan Penguatkuasaan untuk melaksanakan fungsinya. Antara fungsi JKP adalah seperti berikut :-

a. Melaksana dan mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan, trafik, penggunaan jejantas dan penjaga kereta tanpa lesen dengan adil dan telus.

b. Memberi perkhidmatan dan bertanggungjawab terhadap kawalan keselamatan ke atas harta benda Dewan Bandaraya Kuala Lumpur.

c. Mengawal pertumbuhan setinggan di Kuala Lumpur.

d. Merancang dan melaksanakan pembangunan modal insan melalui latihan dan kursus sepanjang perkhidmatan.

14.1.3. Pada akhir tahun 2007, DBKL menempatkan 10 anggota penguatkuasa di setiap 11 pejabat cawangan yang telah diwujudkan mengikut kawasan Parlimen. Sebelum penempatan tersebut dibuat, aktiviti penguatkuasaan dilaksanakan mengikut 3 zon seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.1
ZON AKTIVITI PENGUATKUASAAN

ZON	KAWASAN PERSEMPADANAN ZON
Zon 1	Chow Kit, Masjid India, Bukit Bintang, Petaling, Pudu, Brickfields, Maluri, Kampung Pandan, Keramat, Kampung Baru, Air Panas, Setapak, Jelatek.
Zon 2	Pasar Borong, Jalan Ipoh, Sentul, Gombak, Danau Kota, Wangsa Maju, Jinjang, Kepong, Manjalara, Taman Tun Dr. Ismail, Segambut, Damansara/Jalan Duta.
Zon 3	Bangsar, Pantai Dalam, Puchong, Sri Petaling, Bukit Jalil, Taman Naga Mas, Kuchai Lama, Salak Selatan, Desa Tun Razak, Bandar Seri Permaisuri, Taman Mutiara, Taman Segar, Taman Shamelin, Miharja

14.1.4. Bagi melaksanakan aktiviti penguatkuasaan, JKP ada kalanya menjalankan tugas operasi bersepadu dengan agensi-agensi Kerajaan yang lain seperti Polis Diraja Malaysia, Jabatan Pengangkutan Jalan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia. Antara undang-undang dan peraturan yang diguna pakai oleh JKP ialah :-

a. Akta Kerajaan Tempatan 1976
b. Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974
c. Undang-undang Kecil Pelesenan Penjaja Dan Gerai (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1989
d. Undang-undang Kecil Pengangkutan Bahan (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1997
e. Undang-undang Kecil Taman (Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur) 1981
f. Kaedah-kaedah Lalu Lintas Jalan 1959
g. Akta Pengangkutan Jalan 1987
h. Manual Prosedur Kerja
i. Arahan Tetap
j. Buku Panduan Kesalahan Dan Perwakilan Kuasa.

14.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan telah dirancang dan dilaksanakan oleh Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan dengan cekap dan teratur.

14.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak rekod dan dokumen berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 di peringkat Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan serta 5 pejabat cawangan DBKL yang dipilih iaitu Pejabat Cawangan Bandar Tun Razak, Titiwangsa, Bukit Bintang, Lembah Pantai dan Batu. Lawatan Audit ke beberapa lokasi yang terlibat dengan aktiviti perniagaan telah dibuat untuk meninjau tahap pematuhan peniaga/penjaja terhadap undang-undang dan peraturan yang ditetapkan. Lawatan ke stor di Jalan Lombong, Cheras yang menyimpan barang-barang sitaan serta temu bual pegawai berkenaan juga dilakukan.

14.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Oktober 2008 mendapati pada umumnya, penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan oleh Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan (JKP) adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah Laporan Tindakan Penguatkuasaan yang disediakan tidak selaras dengan Sasaran Kerja Tahunan, kelewatan tindakan susulan terhadap operasi KEJA (halangan kerusi meja), pengurusan aduan awam serta Notis Kesalahan Dan Tawaran Kompaun yang kurang berkesan dan penyimpanan barang sitaan yang tidak teratur. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

14.4.1. Prestasi Aktiviti

14.4.1.1. Sasaran Kerja Tahunan bagi tahun 2006 dan 2007 tidak dikemukakan oleh JKP semasa pengauditan dijalankan. JKP hanya mengemukakan Sasaran Kerja Tahunan Bagi tahun 2008. Antara petunjuk prestasi bagi tahun 2008 yang ditetapkan adalah berkaitan dengan aktiviti penguatkuasaan terhadap perkara-perkara seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.2
SASARAN KERJA TAHUNAN BAGI TAHUN 2008

PERKARA	PETUNJUK PRESTASI
Penjaja tanpa lesen	Mengurangkan bilangan penjaja tanpa lesen daripada 3,000 kepada 1,000
Penjaja berlesen mematuhi syarat lesen	Sasaran 30,000 tidak mematuhi syarat lesen
Kebersihan di tempat/jalan awam	Membuat pemeriksaan 6 kali sebulan
Halangan di tempat/jalan awam	Membuat pemeriksaan 2 kali seminggu
Operasi KEJA - halangan kerusi meja	Melaksanakan operasi 2 kali seminggu
Operasi TUKAS - tukang kasut	Melaksanakan operasi 2 kali seminggu
Operasi JAJA - penjaja tanpa lesen	Melaksanakan operasi 2 kali seminggu
Operasi Bersih	Melaksanakan operasi setiap hari

14.4.1.2. Berdasarkan kepada Laporan Tindakan Penguatkuasaan yang disediakan oleh JKP, aktiviti penguatkuasaan berhubung dengan perniagaan yang telah dijalankan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.3
AKTIVITI PENGUATKUASAAN BERHUBUNG DENGAN PERNIAGAAN YANG DILAKSANAKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

AKTIVITI PENGUATKUASAAN	TAHUN/BILANGAN AKTIVITI		
	2006	2007	2008
KEJA*	4,514	3,976	4,143
Penjaja Tanpa Lesen	6,180	5,248	6,197
Penjual CD/VCD Tanpa Lesen	597	562	699
Penjaga Kereta Tanpa Lesen	323	242	277
JUMLAH	**11,614**	**10,028**	**11,316**

Nota: ***(*) KEJA - Operasi Terhadap Peniaga Restoran/Gerai Yang Meletak Kerusi Dan Meja Di Atas Siar Kaki/Jalan Raya/Tempat Letak Kereta***

14.4.1.3. Pihak Audit tidak dapat menilai sejauh mana prestasi penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan bagi tahun 2008 memenuhi Sasaran Kerja Tahunan yang ditetapkan memandangkan Laporan Tindakan Penguatkuasaan yang disediakan itu tidak selaras dengan Sasaran Kerja Tahunan tersebut.

Pada pandangan Audit, Sasaran Kerja Tahunan adalah satu mekanisme pengurusan yang penting untuk menilai prestasi sesuatu aktiviti dan seterusnya mengambil tindakan pembaikan sekiranya terdapat kekurangan. Bagi membolehkan penilaian prestasi aktiviti dibuat, JKP perlu memastikan Sasaran Kerja Tahunan disediakan setiap tahun dan Laporan Tindakan Penguatkuasaan disediakan selaras dengan Sasaran Kerja Tahunan berkenaan.

14.4.1.4. Lawatan Audit ke beberapa lokasi di sekitar kawasan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur yang terlibat dengan aktiviti perniagaan mendapati beberapa kes di mana peniaga/penjaja tidak mematuhi undang-undang yang ditetapkan seperti gerai kekal dibina di bahu jalan, berniaga tanpa lesen, gerai di sepanjang jalan dan kerusi/meja atas siar kaki. Contohnya adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 14.1

Taman Bukit Angkasa, Pantai Dalam
- Gerai Kekal Dibina Di Bahu Jalan

GAMBAR 14.2

Pantai Dalam
(Berhampiran Dengan Stesen Komuter)
- Gerai Kekal Dibina Di Bahu Jalan Dan Menghalang Kerja Penyenggaraan Longkang

GAMBAR 14.3

Stesen Komuter, Pantai Dalam
- Berniaga Tanpa Lesen

GAMBAR 14.4

Taman Sri Sentosa, Pantai Dalam
- Gerai Kekal Dibina Di Bahu Jalan

GAMBAR 14.5

Jalan Pahang Barat Off Jalan Pahang
- Gerai Di Sepanjang Jalan

GAMBAR 14.6

Jalan Pahang Barat Off Jalan Pahang
- Bumbung Restoran Dipasang Atas Siar Kaki

GAMBAR 14.7

Jalan Alor, Bukit Bintang
- Kerusi Dan Meja Diletakkan Atas Siar Kaki

GAMBAR 14.8

Jalan Raja Abdullah
(Persimpangan Masuk Ke Lebuhraya AKLEH)
- Kerusi Dan Meja Diletakkan Atas Siar Kaki

GAMBAR 14.9

Jalan Sentul, Sentul
- Menjalankan Perniagaan Sehingga Ke Siar Kaki

GAMBAR 14.10

Bandar Tasik Selatan
- Tanah Milik DBKL, Cheras Yang Dicerobohi
Untuk Perniagaan Kereta Terpakai

Pada pandangan Audit, JKP perlu mengambil tindakan tegas dan menyeluruh terhadap peniaga/penjaja yang tidak mematuhi undang-undang yang ditetapkan untuk memastikan sekitar Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur sentiasa berada dalam keadaan harmoni, selesa dan bersih demi menjaga imej bandaraya ini.

14.4.1.5. Mengikut Garis Panduan Dan Prosedur Menyita, Memindah Halangan Dan Pengurusan Barang Sitaan, peniaga/penjaja perlu diberi notis/diberitahu secara lisan supaya mengalih kerusi/mejanya yang menyebabkan halangan jalan mengikut tempoh masa yang diberi. Sehubungan ini, JKP telah menyediakan format notis di mana peniaga/penjaja diberi tempoh 6 jam untuk mengalihkan kerusi/meja/barangan mereka. Sekiranya mereka gagal mematuhi notis ini, DBKL adalah berhak mengambil tindakan dengan menyita meja/kerusi/barang berkaitan. Seterusnya Borang Akuan Sitaan

dikeluarkan kepada peniaga/penjaja untuk tujuan mengesahkan barangan yang disita.

14.4.1.6. Berdasarkan Laporan Tindakan Penguatkuasaan Operasi KEJA bagi tempoh bulan Januari hingga Jun 2008, sebanyak 5 pejabat cawangan DBKL yang dipilih untuk diaudit iaitu Titiwangsa, Lembah Pantai, Batu, Bukit Bintang dan Bandar Tun Razak telah menyita meja dan kerusi semasa melaksanakan operasi KEJA seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.4
OPERASI KEJA BAGI TEMPOH BULAN JANUARI HINGGA JUN 2008

PEJABAT CAWANGAN	JUMLAH TINDAKAN	JUMLAH MEJA DISITA	JUMLAH KERUSI DISITA
Titiwangsa	41	116	347
Lembah Pantai	16	20	392
Batu	15	125	371
Bukit Bintang	1,343	277	903
Bandar Tun Razak	44	177	700

14.4.1.7. Semakan Audit mendapati hanya Pejabat Cawangan DBKL Bandar Tun Razak telah mengeluarkan notis bagi operasi KEJA yang dijalankan dalam bulan Mei dan Jun 2008. Semakan Audit selanjutnya terhadap notis dan Borang Akuan Sitaan yang dikemukakan oleh pejabat cawangan tersebut mendapati beberapa kes di mana **tindakan susulan tidak dijalankan serta merta oleh anggota penguatkuasa selepas notis diberi kepada peniaga berkenaan. Sebaliknya, tindakan susulan hanya dibuat setelah 42 hingga 88 hari dari tarikh notis dikeluarkan.** Kelewatan ini disebabkan oleh DBKL tidak menetapkan tempoh tindakan susulan yang perlu diambil setelah notis dikeluarkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.5
TEMPOH TINDAKAN SUSULAN OLEH PEJABAT CAWANGAN BANDAR TUN RAZAK

NAMA RESTORAN/ALAMAT	TARIKH NOTIS	TARIKH BORANG AKUAN SITAAN/ NO. SIRI	TEMPOH (Hari)	JUMLAH DISITA	
				Meja	Kerusi/Bangku
Restoran Hanizah Nasi Kandar, Jalan Jelawat 1, Amber Plaza	16.05.2008	02.07.2008/052463	48	2	3
Restoran Amber Shirinbano, Jalan Jelawat 1, Amber Plaza	16.05.2008	02.07.2008/052438	48	2	14
Restoran Rizkhan, Jalan Sekilau, Taman Tenaga	16.05.2008	11.08.2008/008113	88	4	10
Restoran BRJ, Jalan Damai Raya 2	22.05.2008	02.07.2008/052426	42	12	77
Restoran Al Ehsan, Jalan Sri Permaisuri 8	22.05.2008	11.08.2008/008111	82	7	17

Pada pandangan Audit, DBKL perlu menetapkan tempoh tindakan susulan yang sepatutnya diambil setelah notis dikeluarkan/diberitahu secara lisan.

14.4.2. Pengurusan Aduan Awam

14.4.2.1. Mengikut Laporan Aduan Awam JKP, jumlah aduan awam yang diterima telah meningkat daripada 2,176 kes pada tahun 2006 kepada 2,690 kes pada tahun 2008. Aduan ini diterima sama ada melalui telefon, surat/bersemuka, Sistem Pengaduan Awam Kuala Lumpur dan siaran radio KLFM. Daripada 2,690 kes aduan awam yang diterima pada tahun 2008, sebanyak 1,045 (38.8%) kes adalah berkaitan dengan aktiviti perniagaan seperti penjaja tanpa lesen, halangan penjaja, halangan kerusi/meja, *parking* haram dan VCD cetak rompak. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.6
ADUAN YANG DITERIMA BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

SALURAN ADUAN	TAHUN		
	2006	2007	2008
	(Bil. Kes)	(Bil. Kes)	(Bil. Kes)
Telefon	488	322	289
Sistem Pengaduan Awam Kuala Lumpur	971	1,011	1,718
Surat/bersemuka	493	282	508
Radio KLFM	224	209	175
JUMLAH	**2,176**	**1,824**	**2,690**
JENIS ADUAN	**(Bil. Kes)**	**(Bil. Kes)**	**(Bil. Kes)**
Penjaja tanpa lesen	294	267	365
Halangan penjaja	266	258	254
Halangan kerusi/meja	229	149	220
Parking haram	72	78	128
VCD cetak rompak	115	33	78
Lalu lintas jalan	656	522	816
Setinggan	176	177	206
Kekotoran jalan/bahan binaan	208	187	370
Pembakaran terbuka	89	69	100
Lain-lain	71	84	153
JUMLAH	**2,176**	**1,824**	**2,690**

14.4.2.2. Mengikut Piagam Pelanggan JKP, setiap aduan awam perlu diambil tindakan awal dan maklum balas diberi dalam tempoh 1 hingga 3 hari. Semakan Audit terhadap Manual Prosedur Kerja JKP mendapati tempoh masa yang ditetapkan untuk **menguruskan aduan awam adalah tidak selaras dengan Piagam Pelanggan** di mana pengurusan setiap aduan awam perlu melalui 12 proses yang mengambil masa 5 hari. Berdasarkan Fail Aduan, pihak Audit telah memilih 60 sampel aduan awam bagi tempoh bulan November 2007 hingga bulan Jun 2008 untuk semakan dan mendapati bagi **39 kes yang berkaitan dengan aktiviti perniagaan, JKP telah mengambil masa antara 6 hingga 87 hari untuk memberi maklum balas kepada pengadu.** Didapati juga Unit Rekod Dan Aduan Awam, JKP tidak menyediakan Buku Daftar Aduan bagi

memantau status penyelesaian setiap aduan awam. **Pada pandangan Audit, JKP perlu menyeragamkan tempoh masa pengurusan aduan awam yang dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja dan Piagam Pelanggan. JKP juga perlu menyelenggarakan Buku Daftar Aduan dengan lengkap dan kemas kini untuk tujuan pemantauan dan meningkat keberkesanan sistem penyampaiannya.**

14.4.3. Pengurusan Notis Kesalahan Dan Tawaran Kompaun

14.4.3.1. DBKL telah mengeluarkan Notis Kesalahan Dan Tawaran Kompaun (Notis Kesalahan) mengikut jenis kesalahan yang diperuntukkan di bawah undang-undang yang berkaitan. Secara umumnya, kesalahan tersebut telah dikategorikan kepada kesalahan di bawah kes trafik dan kes am. Kes trafik adalah bagi kesalahan yang berkaitan dengan undang-undang lalu lintas seperti letak kereta di 2 garisan selari/garisan kuning/siar kaki, tanpa bayar caj meter dan orang awam melintas tanpa menggunakan jejantas. Manakala kes am seperti menjaja tanpa lesen, peniaga yang meletakkan kerusi dan meja atas siar kaki/tempat letak kereta yang menyebabkan halangan kepada orang awam, penjaga tempat letak kereta dan penjualan VCD tanpa kebenaran. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, bilangan Notis Kesalahan dan kompaun yang dipungut di bawah kes trafik dan kes am mengikut Laporan Pengeluaran Notis Kompaun Dan Kutipan Kompaun JKP adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.7
NOTIS KESALAHAN DAN KUTIPAN KOMPAUN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008 BERDASARKAN LAPORAN PENGELUARAN NOTIS KOMPAUN DAN KUTIPAN KOMPAUN

JENIS KESALAHAN	2006			2007			2008		
	NOTIS KESALAHAN	BIL. NOTIS YANG DIBAYAR	KUTIPAN KOMPAUN (RM)	NOTIS KESALAHAN	BIL. NOTIS YANG DIBAYAR	KUTIPAN KOMPAUN (RM)	NOTIS KESALAHAN	BIL. NOTIS YANG DIBAYAR	KUTIPAN KOMPAUN (RM)
Kes Am	61,764	12,713	701,044	100,144	10,172	709,245	71,659	12,526	891,582
Kes Trafik	591,671	144,969	2,891,909	585,815	175,748	3,073,239	825,772	220,795	4,957,023
JUMLAH	**653,435**	**157,682**	**3,592,953**	**685,959**	**185,920**	**3,782,484**	**897,431**	**233,321**	**5,848,605**

14.4.3.2. Bagi menguruskan Notis Kesalahan, DBKL telah menggunakan salah satu modul dalam Sistem Pangkalan Data Undang-undang (Sistem PADU) iaitu modul pangkalan data kes kesalahan. Sistem ini dibangunkan pada bulan Julai 2002 oleh Syarikat Qualimax (M) Sdn. Bhd. dengan kos berjumlah RM11.23 juta. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Sistem PADU adalah berfungsi secara bersendirian (*stand-alone*) di mana melalui sistem ini, maklumat mengenai setiap Notis Kesalahan yang dikeluarkan akan dikunci masuk oleh operator mesin pemprosesan data dari Bahagian Perundangan dan Unit Penyemakan Dan Perangkaan. Selain itu, jumlah kompaun yang telah dibayar serta nombor resit penerimaan yang dijana melalui Sistem SAP R/3 di Jabatan Kewangan juga perlu dikunci masuk melalui Sistem PADU**. Ini adalah kerana kedua-dua sistem ini tidak diintegrasikan bagi meningkatkan keberkesanan pengurusan Notis Kesalahan.** Mengikut anggota JKP, tugas tersebut dilaksanakan oleh 12 operator mesin pemprosesan data dan secara purata sejumlah 2,400 Notis Kesalahan perlu dikunci masuk setiap hari.

b. DBKL menetapkan bahawa surat peringatan perlu dikeluarkan terhadap kompaun yang tidak dibayar dalam tempoh 14 hari dari tarikh Notis Kesalahan dikeluarkan dan tindakan mahkamah diambil sekiranya bayaran tidak diterima selepas 28 hari dari tarikh surat peringatan dikeluarkan. Berdasarkan surat Jabatan Teknologi Maklumat Dan Komunikasi kepada Ketua Pengarah DBKL pada bulan Januari 2008, sistem PADU tidak menjana surat peringatan secara automatik di mana pengguna perlu membuat catatan tarikh terakhir cetak peringatan dan tarikh sepatutnya peringatan perlu dicetak. Pada masa ini, **proses mengeluarkan surat peringatan dibuat secara manual.** Anggota JKP memaklumkan dengan bebanan kerja sedia ada, mereka tidak berupaya untuk memantau dan memastikan surat peringatan dan tindakan mahkamah diambil terhadap semua kes kegagalan membayar kompaun.

c. Lawatan Audit ke JKP pada bulan Ogos 2008 mendapati **JKP telah berhenti menggunakan Sistem PADU sejak bulan November 2007 kerana gangguan capaian sistem kerap kali berlaku dan sistem telah tidak berfungsi**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa DBKL sedang dalam proses pemilihan vendor untuk kerja penyenggaraan/penambahbaikan sistem ini. Pada ketika ini, 20 anggota JKP termasuk 12 operator mesin pemprosesan data ditugaskan memadankan salinan pejabat Notis Kesalahan dengan salinan Notis Kesalahan yang telah dicatatkan nombor resit penerimaan daripada Jabatan Kewangan secara manual. Pihak Audit dimaklumkan bahawa tugas ini mengambil masa **antara 3 hingga 4 hari** bagi setiap tarikh Notis Kesalahan dikeluarkan kerana ia perlu disusun mengikut tarikh dikeluarkan bagi memudahkan rujukan. Selain itu, adalah didapati Notis Kesalahan tersebut tidak difailkan dan tidak disimpan di kabinet/tempat yang sesuai **(Gambar 14.11 dan 14.12)**. Keadaan ini menyukarkan semakan dan rujukan. Anggota JKP memaklumkan bahawa kabinet yang sedia ada telah penuh dan tiada ruang untuk menambah kabinet bergerak bagi menyimpan Notis Kesalahan tersebut **(Gambar 14.13)**.

GAMBAR 14.11

Unit Perundangan
- Notis Kesalahan Diletakkan Atas/Dalam Rak

GAMBAR 14.12

Unit Perundangan
- Notis Kesalahan Disimpan Dalam Karung

GAMBAR 14.13

Stor, Unit Perundangan
- Tiada Ruang Untuk Menambah Kabinet Menyebabkan Notis Kesalahan Diletakkan Dalam Karung

14.4.3.3. Didapati JKP selain daripada menyediakan Laporan Pengeluaran Notis Kompaun Dan Kutipan Kompaun bagi sesuatu tahun, ia juga mengeluarkan Laporan Peratusan Pengeluaran Notis Kesalahan yang menunjukkan bilangan notis kompaun dan peringatan tawaran kompaun yang dikeluarkan serta kes tindakan mahkamah yang diambil secara menyeluruh. Bagaimanapun, JKP tidak dapat mengemukakan laporan mengenai status bagi setiap kes yang telah dikeluarkan Notis Kesalahan untuk semakan Audit. Selain itu, Laporan Tunggakan Kompaun juga tidak disediakan. **Daripada 79 sampel Notis Kesalahan yang dikeluarkan antara tempoh bulan November 2007 hingga Jun 2008 yang dipilih secara rambang, JKP hanya dapat mengemukakan maklumat bayaran kompaun untuk menyokong 4 kes Notis Kesalahan.**

Pada pandangan Audit, pengenaan kompaun dapat mewujudkan kesedaran masyarakat Kuala Lumpur supaya bersikap lebih bertanggungjawab dan mempunyai kesedaran sivik terhadap kualiti alam sekitar, keselamatan, kebersihan, keselesaan dan keharmonian. Namun demikian, masalah yang dihadapi oleh JKP seperti kegagalan Sistem PADU berfungsi; fungsi Sistem PADU yang terhad; Sistem PADU dengan Sistem SAP R/3 di Bahagian Kewangan tidak diintegrasikan; ketiadaan laporan mengenai status setiap Notis Kesalahan dan penyelenggaraan Notis Kesalahan yang tidak teratur telah menjejaskan kutipan kompaun. Sehubungan ini, DBKL disyorkan mengambil tindakan segera bagi mengatasi masalah tersebut supaya usaha anggota penguatkuasa dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan tidak menjadi sia-sia.

14.4.4. Pengurusan Barang Sitaan

14.4.4.1. Mengikut peraturan, Borang Akuan Sita perlu dikeluarkan terhadap barang yang disita oleh anggota penguatkuasa. Semasa sitaan dibuat, maklumat barangan yang disita seperti jenis dan kuantiti yang disita perlu dinyatakan dengan jelas dalam borang tersebut. Borang itu juga perlu disahkan oleh anggota penguatkuasa yang menyita dan pemilik barang yang berkenaan. Maklumat di dalam borang tersebut akan disahkan pula oleh pegawai stor apabila barang ini dihantar ke stor di Jalan Lombong, Cheras dalam tempoh 24 jam dari waktu operasi sitaan. Bagaimanapun semakan Audit terhadap 56 Borang Akuan Sita bagi tempoh bulan Mac hingga Mei 2008 mendapati hanya 2 pemilik mengesahkan borang akuan tersebut pada tarikh sitaan dibuat manakala bagi 54 borang yang lain, pemilik hanya membuat pengesahan selepas 1 hingga 47 hari dari tarikh Borang Akuan Sita dikeluarkan. Keadaan ini berlaku kerana penjaga gerai telah melarikan diri/enggan memberi kerjasama apabila anggota penguatkuasa menjalankan operasi. Tanpa pengesahan pemilik dalam borang pada masa sitaan dilakukan boleh menimbulkan pertikaian antara pemilik dan anggota penguatkuasa seperti mana yang sering kali dilaporkan dalam media/ akhbar.

Pada pandangan Audit, bagi mengelak berlaku sebarang pertikaian antara pemilik dan anggota penguatkuasa, penjaja perlu dimaklumkan tentang kewajipan mereka untuk mengesahkan ketepatan butiran dalam Borang Akuan Sita.

14.4.4.2. DBKL mewujudkan Unit Stor Sitaan yang bertanggungjawab terhadap pengurusan barangan yang disita oleh 3 jabatan DBKL iaitu JKP, Jabatan Pelesenan serta Jabatan Pembangunan Dan Pengurusan Peniaga Kecil. Unit ini yang terletak di Jalan Lombong, Cheras mempunyai sebuah bangunan untuk pejabat pentadbiran dan ruang tertutup untuk menyimpan barang sitaan berharga serta ruang terbuka untuk menyimpan barangan lain. Unit Stor Sitaan diketuai oleh seorang Pembantu Penguatkuasa Gred N22 dan dibantu oleh 39 kakitangan lain. DBKL telah mengeluarkan Garis Panduan Dan Prosedur Menyita, Memindah Halangan Dan Pengurusan Barang Sitaan yang antara lainnya menetapkan perkara berikut : -

a. Barang tahan lama seperti payung dan gerai boleh disimpan di ruang terbuka kawasan stor.
b. Barang mudah terbakar seperti kain, baju, alat permainan dan barang elektrik hendaklah disimpan di dalam stor berkunci.
c. Barang berbahaya seperti tong gas dan mercun disimpan di tempat selamat yang dilengkapi dengan peralatan pencegah kebakaran.

14.4.4.3. Lawatan Audit ke stor tersebut mendapati barang sitaan tidak diselenggarakan dengan sistematik dan teratur mengikut Garis Panduan Dan

Prosedur Menyita, Memindah Halangan dan Pengurusan Barang Sitaan. Gambar berikut menunjukkan beberapa contoh keadaan barangan sitaan di Stor Sitaan, Jalan Lombong, Cheras :-

GAMBAR 14.14

GAMBAR 14.15

GAMBAR 14.16

GAMBAR 14.17

Barangan Sitaan Yang Bercampur Aduk Di Tempat Terbuka

GAMBAR 14.18

GAMBAR 14.19

Tong Gas Diletakkan Bersama Barangan Sitaan Lain Di Tempat Terbuka

GAMBAR 14.20

Barangan Sitaan Dibunjut Dan Tidak Diletak Di Dalam Kotak

GAMBAR 14.21

Alat Timbang Diletakkan Di Luar Pejabat

14.4.4.4. Keadaan barangan yang tidak terurus antara lainnya berpunca daripada ruang stor yang sedia ada tidak dapat menampung semua barangan sitaan. Sehubungan ini, **DBKL disyorkan supaya mengkaji semula tentang**

keperluan untuk mengurangkan tempoh akhir tuntutan barang sitaan daripada 3 bulan kepada 1 bulan. Ini membolehkan tindakan pelupusan barangan sitaan diambil dengan lebih awal bagi mengatasi masalah kesesakan ruang stor dan juga tidak menjejaskan nilai barangan berkenaan.

14.4.5. Pelupusan Barang Sitaan

Semakan Audit mendapati DBKL telah mewujudkan Lembaga Pemeriksaan Pelupusan terhadap barang-barang yang disita. Mesyuarat Lembaga ini dipengerusikan oleh wakil Jabatan Pentadbiran, Bahagian Pengurusan Perolehan dan dihadiri oleh wakil daripada Jabatan Kewangan, Jabatan Hal Ehwal Undang-undang, Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan, Jabatan Pembangunan Dan Pengurusan Peniaga Kecil serta Unit Audit Dalam. Lembaga ini telah menjalankan pemeriksaan fizikal terhadap barang sitaan yang perlu dilupuskan dan mencadangkan cara pelupusan untuk kelulusan Timbalan Ketua Pengarah Pentadbiran, DBKL. Antara kaedah pelupusan barang sitaan adalah secara pindahan ke rumah amal; barang yang tidak sesuai digunakan seperti ubat-ubatan, alat permainan yang tidak bermutu dilupuskan secara musnah; barang buatan besi dan rangka besi/kerusi, meja dan gerai diserahkan kepada Jabatan Kejuruteraan Mekanikal untuk dilupuskan secara lelong skrap/lelong.

14.4.6. Pemantauan

14.4.6.1. Pemantauan terhadap aktiviti penguatkuasaan telah dibuat melalui Mesyuarat Jabatan, Mesyuarat Pegawai Kanan dan Mesyuarat Tindakan Penguatkuasaan Pejabat Cawangan. Antara perkara yang dibincangkan ialah mengenai urusan kewangan, permasalahan dan isu semasa berkaitan dengan jabatan/bahagian/unit, prestasi tindakan penguatkuasaan, masalah kutipan kompaun serta disiplin anggota penguatkuasa. Semakan Audit mendapati mesyuarat tersebut jarang diadakan dalam tempoh tahun 2006 hingga bulan Ogos 2008. Minit mesyuarat juga tidak disediakan bagi setiap mesyuarat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.8
KEKERAPAN MESYUARAT BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

JENIS MESYUARAT	KEKERAPAN MESYUARAT (Kali)	CATATAN
Mesyuarat Jabatan	7	Hanya 5 kali mesyuarat diadakan pada tahun 2006, satu kali masing-masingnya pada tahun 2007 dan 2008
Mesyuarat Pegawai Kanan	7	Hanya minit mesyuarat pada 13 Disember 2007 dikemukakan
Mesyuarat Tindakan Penguatkuasaan Pejabat Cawangan	3	Tiada mesyuarat diadakan pada tahun 2006 dan 2007

14.4.6.2. Setiap pejabat cawangan DBKL dikehendaki mengemukakan Laporan Tindakan Bulanan kepada JKP selewat-lewatnya pada 10 hari bulan. Maklumat dalam laporan tersebut akan disatukan bersama maklumat dari unit di peringkat JKP untuk menghasilkan Laporan Tindakan Penguatkuasaan bagi rujukan dan pemantauan pihak atasan. Antara perkara yang dinyatakan dalam laporan tersebut ialah jumlah Notis Kesalahan yang dikeluarkan, statistik operasi dan jumlah aduan yang diterima. Kesemua maklumat tersebut dikategorikan mengikut bulan, jenis dan unit/kawasan Parlimen. Selain itu, JKP juga menyediakan Laporan Pengeluaran Notis Kompaun Dan Kutipan Kompaun Mengikut Jenis Kesalahan. **Bagaimanapun, didapati jumlah Notis Kesalahan yang dikeluarkan mengikut kedua-dua laporan tersebut adalah berbeza bagi tempoh yang sama.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 14.9
PERBEZAAN ANTARA LAPORAN PENGELUARAN NOTIS KOMPAUN DAN KUTIPAN KOMPAUN DENGAN LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN JABATAN KESELAMATAN DAN PENGUATKUASAAN

TAHUN	BILANGAN NOTIS KESALAHAN		PERBEZAAN
	LAPORAN PENGELUARAN NOTIS KOMPAUN DAN KUTIPAN KOMPAUN	LAPORAN TINDAKAN PENGUATKUASAAN	
2006	653,435	649,257	4,178
2007	685,959	700,995	15,036
2008	897,431	885,776	11,655
JUMLAH	**2,236,825**	**2,236,028**	

Pada pandangan Audit, mekanisme yang diwujudkan bagi memantau aktiviti penguatkuasaan adalah memadai. Bagaimanapun, JKP perlu meningkatkan kekerapan mesyuarat dan memastikan minit mesyuarat disediakan untuk setiap mesyuarat. Penyesuaian juga perlu dibuat antara kedua-dua laporan tersebut bagi memastikan maklumat yang dikeluarkan adalah tepat.

14.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan oleh DBKL perlu dipertingkatkan. Sehubungan ini, beberapa kelemahan yang berpunca daripada pelaksanaan dan pemantauan yang kurang berkesan serta kegagalan Sistem Pangkalan Data Undang-undang (Sistem PADU) berfungsi yang telah menjejaskan kutipan kompaun perlu ditangani dengan segera. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan untuk mempertingkatkan keberkesanan penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan, adalah disyorkan supaya DBKL memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

14.5.1. Bagi membolehkan penilaian dibuat terhadap prestasi aktiviti penguatkuasaan oleh Jabatan Keselamatan Dan Penguatkuasaan, DBKL perlu memastikan Sasaran Kerja Tahunan bagi aktiviti ini disediakan setiap tahun dan Laporan Tindakan Penguatkuasaan disediakan selaras dengan Sasaran Kerja Tahunan tersebut.

14.5.2. Manual Prosedur Kerja dan Piagam Pelanggan bagi melaksanakan setiap proses yang terlibat dalam penguatkuasaan terhadap aktiviti perniagaan perlu disediakan dengan lengkap dan jelas. Sehubungan ini, DBKL perlu menetapkan tempoh tindakan susulan yang patut dibuat setelah notis dikeluarkan/diberitahu secara lisan kepada peniaga berkenaan untuk mengalihkan kerusi dan meja yang menyebabkan halangan jalan. Selain itu, tempoh masa pengurusan aduan awam yang dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja dan Piagam Pelanggan DBKL perlu diseragamkan. DBKL juga perlu menyelenggarakan Buku Daftar Aduan dengan lengkap dan kemas kini untuk tujuan pemantauan dan meningkat keberkesanan sistem penyampaiannya.

14.5.3. Mempertingkatkan kaedah pengurusan kutipan kompaun dengan mengambil tindakan mengatasi masalah berkaitan Sistem PADU. Selain itu, DBKL hendaklah memantau status penyelesaian setiap Notis Kesalahan yang dikeluarkan dan menyediakan Laporan Tunggakan Kompaun serta memastikan semua Notis Kesalahan difailkan dan disimpan dengan teratur.

14.5.4. Mengkaji semula tentang keperluan untuk mengurangkan tempoh akhir tuntutan barang sitaan daripada 3 bulan kepada 1 bulan. Perkara ini membolehkan tindakan pelupusan barangan sitaan diambil dengan lebih awal bagi mengatasi masalah kesesakan ruang stor dan juga tidak menjejaskan nilai barangan berkenaan.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

15. PENYENGGARAAN BANGUNAN SEKOLAH

15.1. LATAR BELAKANG

15.1.1. Sehingga akhir tahun 2008, terdapat 9,824 sekolah di seluruh negara yang terdiri daripada 7,644 sekolah rendah dan 2,180 sekolah menengah. Sejumlah 3,602 (36%) daripada sekolah tersebut berusia kurang daripada 40 tahun. Manakala 5,841 sekolah (60%) berusia antara 40 hingga 99 tahun dan bakinya 381 sekolah (4%) adalah lebih daripada 100 tahun. Bilangan blok bangunan sekolah mengikut jenis binaan ialah 5,139 blok jenis kayu sepenuhnya, 8,414 konkrit/sebahagian kayu dan 44,464 adalah konkrit sepenuhnya. Bagi memastikan sekolah tersebut berada dalam keadaan yang selamat, kondusif dan boleh digunakan secara optimum, Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) telah menyediakan peruntukan kewangan tahunan untuk menjalankan kerja penyenggaraan/pembaikan.

15.1.2. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, sejumlah RM1.43 bilion telah diperuntukkan bagi tujuan penyenggaraan/pembaikan sekolah, di mana RM1.01 bilion adalah daripada peruntukan mengurus dan RM0.42 bilion daripada peruntukan pembangunan. Urusan penyenggaraan tersebut dibuat sama ada oleh Bahagian Pembangunan atau Bahagian Perolehan Dan Pengurusan Aset Kementerian; Jabatan Pelajaran Negeri (JPN); Pejabat Pelajaran Daerah (PPD) atau sekolah. Kerja penyenggaraan sekolah meliputi penyenggaraan; ubah suai; naik taraf dan pembaikan terhadap bangunan dan infrastruktur sekolah serta kebersihan dan keselamatan kawasan persekitarannya.

15.1.3. Bagi kerja penyenggaraan/pembaikan sekolah yang diuruskan oleh Kementerian, 47 syarikat perunding swasta telah dilantik untuk mengenal pasti kerja penyenggaraan/pembaikan yang perlu dilaksanakan, memantau dan menyelia kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor. Syarikat perunding tersebut juga dipertanggungjawabkan untuk mengesahkan kerja yang telah dilaksanakan sebelum bayaran dibuat oleh Kementerian. Bagi tujuan ini, kontrak bernilai RM22.18 juta telah ditandatangani dengan perunding untuk tempoh Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Bayaran perunding dibuat berasaskan kepada 3.25% daripada nilai kerja yang telah disiapkan. Sejumlah RM9.02 juta telah dibayar kepada kesemua perunding yang terlibat bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008.

15.1.4. Selain kaedah di atas, JPN/PPD/sekolah juga melantik kontraktor untuk menjalankan kerja penyenggaraan/pembaikan di sekolah dan ia bertanggungjawab untuk memastikan kerja tersebut dilaksanakan dengan sempurna.

15.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kerja penyenggaraan/pembaikan sekolah telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat bagi mencapai objektif yang ditetapkan.

15.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan di 80 sekolah di negeri Sabah, Kelantan, Melaka, Kedah dan Selangor. Semakan telah dibuat terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan di peringkat Kementerian, JPN dan PPD di negeri yang dipilih bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Sebanyak 193 sampel baucar bayaran telah disemak untuk tujuan pengesahan ketepatan bayaran bagi kerja penyenggaraan/pembaikan di sekolah yang dipilih. Pihak Audit juga menemu bual pihak yang terlibat dengan pengurusan penyenggaraan/pembaikan sekolah.

15.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2008 terhadap 80 sekolah di 5 negeri terpilih mendapati beberapa kelemahan dalam urusan penyenggaraan bangunan sekolah. Antara kelemahan tersebut adalah sebahagian besar daripada sekolah yang diaudit tidak disenggarakan dengan memuaskan yang mengakibatkan bangunan sekolah atau infrastrukturnya tidak kondusif digunakan serta boleh menjejaskan keselamatan pelajar/guru. Ini disebabkan oleh kurang pemantauan dan penyeliaan oleh beberapa perunding/JPN/PPD/sekolah terhadap kerja penyenggaraan/pembaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor. Didapati juga peraturan kewangan berhubung dengan perolehan kerja tidak dipatuhi sepenuhnya seperti bayaran dibuat bagi kerja yang tidak disiapkan/langsung tidak dilaksanakan, baucar bayaran tidak disokong dengan dokumen yang berkaitan dan kos perolehan yang tinggi berbanding dengan harga pasaran. Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada kos bagi kerja penggantian yang telah dilaksanakan adalah sepadan dengan bayaran yang telah dibuat dan kerja penggantian tersebut sebenarnya adalah untuk menggantikan kerja asal. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

15.4.1. Kerja Penyenggaraan/Pembaikan Tidak Dilaksanakan Dengan Sempurna/Sepenuhnya Tetapi Bayaran Dibuat Sepenuhnya

15.4.1.1. Kementerian telah melantik 47 perunding swasta untuk menyedia skop kerja dan menyelia/memantau kerja penyenggaraan/pembaikan yang dilaksanakan oleh kontraktor sehingga tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Perunding juga bertanggungjawab untuk memperakukan sama ada kerja telah disiapkan sebelum bayaran dibuat kepada kontraktor bagi kerja penyenggaraan/pembaikan yang diuruskan oleh Kementerian. Manakala bagi kerja penyenggaraan/pembaikan yang diuruskan sendiri oleh JPN, PPD dan

sekolah pula, penetapan skop kerja, pemantauan terhadap pelaksanaan kerja dan pengesahan terhadap kerja yang telah disiapkan dibuat oleh sama ada pegawai pembangunan negeri/PPD atau Pengetua/Guru Besar sekolah. Bayaran kepada kontraktor dibuat oleh pejabat yang mengeluarkan pesanan kerja setelah kerja disahkan siap dengan sempurnanya.

15.4.1.2. Didapati kerja penyenggaraan/pembaikan di 14 sekolah bernilai RM0.94 juta tidak dibuat dengan sempurna sama ada tidak disiapkan sepenuhnya atau tidak berkualiti. Semakan Audit selanjutnya mendapati **bayaran sepenuhnya bagi kerja tersebut telah pun dibuat berdasarkan kepada perakuan oleh perunding/pegawai pembangunan negeri/PPD atau Pengetua/Guru Besar sekolah yang telah mengesahkan bahawa semua kerja penyenggaraan/pembaikan tersebut telah disiapkan dengan sempurna**. Beberapa contoh kerja yang terlibat adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 15.1
CONTOH KERJA YANG TIDAK DISIAPKAN DENGAN SEMPURNA/TIDAK BERKUALITI

SEKOLAH	PERIHAL KERJA DAN AMAUN (RM)	BUTIRAN
SK Kulim, Tanah Merah, Kelantan	Tukar Pagar Dan Longkang - RM60,180	- Pagar *Chainlink* dan Penutup Sesiku belum dipasang sepenuhnya **(Gambar 15.1)** - Dinding Longkang tidak didirikan
	Mengecat Semula Bangunan Dan Naik Taraf Tandas Blok A, B Dan Pra Sekolah - RM77,038	Tidak dicat dengan kemas iaitu cat terkena dinding lain
SK Kemahang (1), Tanah Merah, Kelantan	Tukar Bumbung Blok A Dan B - RM94,098	Pemasangan atap di Blok A tidak rapat dengan rangka kayu
SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (1) , Tanah Merah, Kelantan	Tukar Bumbung Blok Bengkel Kemahiran Hidup, I Dan J - RM84,136	Bumbung tidak dipasang dengan kemas menyebabkan bumbung beralun dan mudah tercabut **(Gambar 15.2)**
SMK Ipoh, Tanah Merah, Kelantan	Tukar Bumbung Blok D, E Dan F - RM90,063	Kayu Penahan Bumbung yang telah rapuh sepatutnya ditukar semasa kerja menukar bumbung dilaksanakan **(Gambar 15.3)**
SK Tanjung Bidara, Alor Gajah, Melaka	Membina Pagar Batu Dan Mengecat Keseluruhan Blok D (Dinding Luar Dan Dalam) - RM99,431	Dinding permukaan dalam di seluruh tingkat 4 Blok D tidak dicat
SK Sg. Anib 1, Sandakan, Sabah	Naik Taraf Kelas Pemulihan - RM24,600	Lampu Jenis *Pendaflour* Berkembar dipasang tanpa pemantul cahaya **(Gambar 15.4)**
SK Nunuyan Laut, Sandakan, Sabah	Naik Taraf Kelas Pemulihan - RM24,250	6 Lampu Jenis *Pendaflour Single* dipasang tanpa pemantul cahaya (sedangkan skop kerja menetapkan lampu Jenis Pendaflour Berkembar dan dipasang dengan pemantul cahaya)
	Tukar Bumbung Seunit Kuarters Sekitar Tahun 2005/2006 - Jumlah bayaran tidak dapat ditentukan kerana baucar bayaran tidak dikemukakan	Bangunan Kuarters (JKR 2933) sepatutnya diubah suai/disenggarakan secara keseluruhannya. Keadaan kuarters masih terlalu usang untuk diduduki walaupun bumbung baru telah ditukar. **(Gambar 15.5 dan 15.6)**
SK Pulau Chapa, Kubang Pasu, Kedah	Naik Taraf Sekolah - Pasang *Grill* Tingkap, Pintu, Penutup Longkang Dan *Awning* - RM18,888	Sebahagian penutup longkang tidak dipasang dan boleh membahayakan pelajar **(Gambar 15.7)**
SK Rantau Panjang, Kota Kuala Muda, Kedah	Naik Taraf Bumbung, Saliran Paip Dan Longkang - RM96,599	Kerja pemasangan saliran paip air tidak kemas, mudah tanggal dan kepala paip perlu ditahan dengan kayu **(Gambar 15.8)**

SEKOLAH	PERIHAL KERJA DAN AMAUN (RM)	BUTIRAN
SK Gunong, Alor Setar, Kedah	Naik Taraf Padang Sekolah - RM18,860	- Tanah bercampur dengan banyak batu sehingga pihak sekolah perlu membuang batu tersebut - Tidak mengguna Jentera Pemadat Tanah tetapi Penghentak Tanah (Hand Roller) menyebabkan padang tidak rata dan becak semasa hujan
SMK Pekula Jaya, Kuala Muda/Yan, Kedah	Naik Taraf Makmal, Bilik Persediaan Dan Memasang Longkang Pencegah Malaria - RM54,531	Kerja memasang longkang pencegah malaria tidak mencapai tujuannya kerana air sentiasa bertakung dalam longkang kerana tiada saliran air keluar **(Gambar 15.9 dan 15.10)**
SMK Bukit Indah, Gombak, Selangor	Mengecat Bangunan Blok A Dan B Dengan Cat Dua Lapis Rintangan Cuaca Serta Cat Lama Dibasuh Dan Digosok Dengan Kertas Pasir - RM73,591	- Permukaan belakang *grill* bulat tingkap tidak dicat **(Gambar 15.11)** - Kualiti kerja mengecat tidak memuaskan iaitu cat lama tidak dikikis sepenuhnya dan cat baru tertanggal serta kerja cat tidak kemas (terkena dinding lain)
SMK Sultan Abdul Samad, Petaling Utama, Selangor	Mengecat Blok J Dan L (Bahagian Luar) - RM99,661	Permukaan belakang *grill* bulat tingkap tidak dicat
SK Shah Alam, Seksyen 16, Shah Alam, Selangor	Kerja Pembaikan Bumbung Makmal Komputer - RM19,980	Skop Kerja tidak nyatakan membuka dan memasang kembali penahan kilat yang sedia ada. Kontraktor telah menanggalkannya tetapi tidak memasangnya kembali dan ini boleh menjejaskan peralatan komputer

GAMBAR 15.1

SK Kulim, Tanah Merah, Kelantan
- Pagar Chainlink Tidak Dipasang Sepenuhnya
(27.08.2008)

GAMBAR 15.2

SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (1),
Tanah Merah, Kelantan
- Bumbung Tidak Dipasang Dengan Kemas,
Beralun Dan Mudah Tercabut
(26.08.2008)

GAMBAR 15.3



SMK Ipoh, Tanah Merah, Kelantan
- Keadaan Kayu Penahan Bumbung Yang Rapuh
Di Blok F Sebelum Bumbung Ditukar
(26.08.2008)

GAMBAR 15.4

SK Sg. Anib 1, Sandakan, Sabah
- Lampu Pendaflour Dipasang
Tanpa Pemantul Cahaya
(24.10.2008)

GAMBAR 15.5

GAMBAR 15.6

SK Nunuyan Laut, Sandakan, Sabah
- Keadaan Kuarters JKR 2933 Yang Terlalu Usang Untuk Diduduki Walaupun Bumbung Telah Ditukar Baru
(22.10.2008)

GAMBAR 15.7

SK Pulau Chapa, Kubang Pasu, Kedah
- Sebahagian Penutup Longkang
Tidak Dipasang
(10.11.2008)

GAMBAR 15.8

SK Rantau Panjang, Kota Kuala Muda, Kedah
- Pemasangan Saliran Paip Air Tidak Kemas, Mudah
Tanggal Dan Kepala Paip Perlu Ditahan Dengan Kayu
(04.11.2008)

GAMBAR 15.9

GAMBAR 15.10

SMK Pekula Jaya, Kuala Muda/Yan, Kedah
- Air Masih Bertakung Selepas Kerja Memasang Longkang Pencegah Malaria
(04.11.2008)



GAMBAR 15.11

SMK Bukit Indah, Gombak, Selangor
- Permukaan Belakang Grill Bulat Tidak Dicat
(01.12.2008)

15.4.1.3. Di 15 sekolah di Sabah, Kelantan, Melaka, Kedah dan Selangor, **beberapa butiran kerja penyenggaraan/pembaikan yang bernilai RM111,533 (7.8%) daripada RM1.43 juta tidak dilaksanakan tetapi kontraktor yang terlibat telah dibayar sepenuhnya**. Kerja ini telah dibayar berdasarkan kepada

pengesahan yang dibuat oleh perunding/JPN/PPD/sekolah yang memperakukan bahawa semua kerja penyenggaraan/pembaikan telah disiapkan dengan sempurna. Bagaimanapun, pihak Audit bersama pihak Kementerian telah menjalankan Audit susulan ke sekolah berkenaan pada penghujung bulan April 2009 dan mendapati sebahagian daripada kerja yang tidak dilaksanakan itu telah dibuat oleh kontraktor lanjutan daripada teguran Audit. **Bagi kerja lain yang sepatutnya dijalankan, pihak Kementerian/perunding/JPN/PPD/ sekolah telah memaklumkan bahawa ia telah diganti dengan kerja lain atau dilaksanakan di lokasi lain tetapi didapati tiada kelulusan perubahan skop kerja terhadap kerja penggantian tersebut. Contoh kerja yang digantikan ialah kerja memasang *awning*/jubin/penutup/longkang/karpet/*aluminium sliding window;* naik taraf simen; pembaikan pembentungan dan membina bangsal bacaan. Tanpa kelulusan perubahan skop kerja tersebut, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sama ada kos bagi kerja penggantian yang telah dilaksanakan adalah sepadan dengan bayaran yang telah dibuat dan kerja penggantian tersebut yang telah dilaksanakan sebenarnya adalah bagi menggantikan kerja asal dalam skop.** Butiran kerja yang tidak dilaksanakan/digantikan dengan kerja lain tetapi telah dibayar dan status kerja selepas teguran Audit adalah seperti di jadual serta gambar berikut :-

JADUAL 15.2
KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN TETAPI TELAH DIBAYAR

SEKOLAH	BUTIRAN KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN SEMASA PEMERIKSAAN AUDIT PADA BULAN OGOS – DISEMBER 2008	KOS KERJA (RM)	STATUS KERJA SELEPAS TEGURAN AUDIT
SK Gondang, Ketereh, Kelantan	Satu bilik Kelas Pendidikan Khas tidak diubah suai di mana jubin dan cermin tidak dipasang serta bilik tidak dicat **(Gambar 15.12)**	19,460	Kerja-kerja ini masih tidak dilaksanakan. Sungguhpun pihak sekolah telah memaklumkan kerja tersebut telah digantikan dengan kerja yang lain, namun pihak Audit tidak dapat mengesahkannya
SK Bukit Jawa 2, Pasir Puteh, Kelantan	5 batang pokok Mempelam dan 3 batang pokok Limau Bali @ RM250 sebatang tidak dibekalkan dan ditanam	2,000	Semua pokok telah ditanam pada hujung bulan April 2009
SK Geting, Tumpat, Kelantan	Dua unit *softboard* dan 24 meter persegi kain langsir tidak dipasang	1,400	Kerja ini masih tidak dilaksanakan. Sungguhpun pihak sekolah telah memaklumkan kerja tersebut telah digantikan dengan kerja yang lain, namun pihak Audit tidak dapat mengesahkannya
SMK Tok Janggut, Pasir Puteh, Kelantan	Sembilan belas unit cermin tidak dipasang di tandas Blok A **(Gambar 15.13)**	1,014	Semua cermin telah dipasang pada 19 April 2009
SK Kulim, Tanah Merah, Kelantan	Sepuluh unit Cermin tidak dipasang di tandas Blok A, B dan pra sekolah	54	Kerja ini masih tidak dilaksanakan. Sungguhpun pihak sekolah telah memaklumkan kerja tersebut telah digantikan dengan kerja yang lain, namun pihak Audit tidak dapat mengesahkannya
SMK Seri Pengkalan, Alor Gajah, Melaka	Sebanyak 90 unit Engsel lama tidak diganti/dipasang dengan Engsel 75mm tumpu keluli tahan karat yang baru **(Gambar 15.14)**	972	Engsel diganti/dipasang di lokasi lain tanpa kelulusan. Sebanyak 87 Engsel yang diganti bukan jenis keluli tahan karat tetapi jenis yang boleh berkarat berharga RM1 (Sebut harga dari kedai *hardware* di Alor Gajah)
SK Seri Manis, Sandakan, Sabah	Jubin tidak dipasang di Bilik Guru Besar **(Gambar 15.15)**	19,099	Jubin telah dipasang di Pusat Sumber (23 meter persegi) tanpa kelulusan arahan perubahan kerja
	Pintu di Bilik Guru Besar (1 Unit) dan Bilik Kesihatan (1 Unit) tidak ditukar	676	Pintu di Bilik Guru Besar tidak ditukarkan. Kontraktor janji akan memasang pintu tersebut tanpa kos pada 28.04.2009. Pemasangan pintu Bilik Kesihatan telah digantikan dengan kerja yang sama di Bilik Guru tanpa kelulusan arahan perubahan kerja

SEKOLAH	BUTIRAN KERJA YANG TIDAK DILAKSANAKAN SEMASA PEMERIKSAAN AUDIT PADA BULAN OGOS – DISEMBER 2008	KOS KERJA (RM)	STATUS KERJA SELEPAS TEGURAN AUDIT
SK Seri Manis, Sandakan, Sabah	Alat kunci (9 unit) dan kaca tingkap ram (19 meter) di Bilik Stor, Bilik Bimbingan Dan Kaunseling serta Bilik Darjah tidak dipasang	706	Sebanyak 8 unit alat kunci dan kaca tingkap ram tidak dipasang
	Alat kelengkapan tandas perempuan dan lelaki seperti kepala paip (4 unit) tidak dipasang	142	Kerja pemasangan 4 unit kepala paip tidak dilaksanakan
SK Nunuyan Laut, Sandakan, Sabah	Jubin Tidak Dipasang Di Kelas Pemulihan **(Gambar 15.16)**	9,144	Kerja ini diganti dengan memasang karpet beralaskan 12mm papan tanpa kelulusan arahan perubahan kerja
	Grill dan pintu separuh cermin tidak dipasang dan dicat di Kelas Pemulihan **(Gambar 15.17 dan 15.18)**	7,575	Kerja ini diganti dengan *aluminium sliding window* di sekeliling kelas tanpa kelulusan arahan perubahan kerja
SK Rantau Panjang, Kota Kuala Muda, Kedah	Longkang separuh bulat (54 meter) tidak dipasang di kantin	1,485	Kerja ini masih belum dilaksanakan
SMK Pekula Jaya, Kuala Muda/Yan, Kedah	Kerja menanggalkan dan memasang longkang separuh bulat tembikar bergilap di Makmal A/B/Biologi/Bilik Persediaan dan penutup longkang tidak diganti	5,106	Kerja ini masih belum dilaksanakan
	Kerja tanggal paip keluli sederhana tergalvani, memasang paip kelas PN10, kepala paip berbibir, tanggal dan pasang singki baru di Makmal Sains A/B/C dan Bilik Persediaan 1/2/3 tidak dilaksanakan **(Gambar 15.19)**	4,079	Kerja ini masih belum dilaksanakan
SK Kodiang, Kodiang, Kedah	*Grill* tingkap di bilik simpanan barang tidak dipasang	1,950	Semua *grill* telah dipasang pada 23 April 2009
SK Pulau Chapa, Jitra, Kubang Pasu, Kedah	Penutup longkang sepanjang 74 kaki dari jumlah 120 kaki tidak dipasang @ RM14.50 satu kaki	1,073	Penutup longkang sepanjang 74 kaki telah dipasang pada 15 April 2009
SMK Dato' Bijaya Setia, Kuala Muda, Kedah	Lima paip kelas PN10, 12 kepala paip berbibir dan 7 singki baru di Makmal Sains/Biologi tidak dipasang	817	Kerja ini diganti dengan kerja lain tanpa kelulusan arahan perubahan kerja
SMK Bukit Indah, Ampang, Selangor	Kerja menggali tanah peparit dan membina *ground beam* tidak dilaksanakan	7,494	Kerja ini belum dilaksanakan
SK Seksyen 24, Petaling, Selangor	Baik pulih tandas Aras 2 Blok C tidak dilaksanakan	14,038	Kerja-kerja ini masih tidak dilaksanakan. Sungguhpun pihak sekolah telah memaklumkan kerja tersebut telah digantikan dengan kerja yang lain, namun pihak Audit tidak dapat mengesahkannya
	Alat kelengkapan seperti pintu rata bingkai rangka dan aksesori; pemijak (3 unit); basin basuh tangan (1 unit); *handspray* (5 unit) di tandas guru lelaki/ perempuan/tetamu/surau/Aras 1 Blok C tidak diganti/dipasang	4,075	
	Papan tumpu dan *awning* bergelugur di Blok C tidak ditukar dan dipasang	9,174	
JUMLAH		**111,533**	

GAMBAR 15.12

SK Gondang, Ketereh, Kelantan
- Kelas Pendidikan Khas Tidak Diubah Suai
(28.08.2008)

GAMBAR 15.13

SMK Tok Janggut, Pasir Puteh, Kelantan
- Cermin Tidak Dipasang Di Tandas
(25.08.2008)

GAMBAR 15.14

SMK Seri Pengkalan, Alor Gajah, Melaka
- Engsel Lama Tidak Diganti
(17.09.2008)

GAMBAR 15.15

SK Seri Manis, Sandakan, Sabah
- Jubin Tidak Dipasang Di Bilik Guru Besar
Yang Masih Beralaskan Karpet
(23.10.2008)

GAMBAR 15.16

SK Nunuyan Laut, Sandakan, Sabah
- Jubin Tidak Dipasang Di Kelas Pemulihan
Di Mana Masih Beralaskan Karpet
(22.10.2008)

GAMBAR 15.17

SK Nunuyan Laut, Sandakan, Sabah
- Grill Tidak Dipasang Di 4 Tingkap
Kelas Pemulihan
(22.10.2008)

GAMBAR 15.18

SK Nunuyan Laut, Sandakan, Sabah
- Pintu Kayu Tidak Ditukar Kepada Pintu Separuh
Cermin Di Kelas Pemulihan
(22.10.2008)

GAMBAR 15.19

SMK Pekula Jaya, Kuala Muda/Yan, Kedah
- Singki Lama Tidak Ditanggalkan Dan Tidak
Diganti Dengan Singki Baru Di Makmal
(04.11.2008)

15.4.1.4. Mengikut syarat kontrak, apa-apa kecacatan yang berlaku dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan akibat daripada kerja yang tidak berkualiti perlu diperbaiki dan kosnya ditanggung oleh kontraktor berkenaan. Melalui temu bual dengan Pengetua/Guru Besar di 3 sekolah didapati berlaku kerosakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan akibat dari kualiti kerja yang tidak memuaskan seperti cat luntur, pintu rosak dan bumbung bocor. Bagaimanapun tiada tindakan pembaikan dibuat oleh kontraktor. Semakan selanjutnya mendapati tiada bukti yang menunjukkan laporan kerosakan telah dibuat oleh pihak sekolah kepada perunding/kontraktor berkenaan. Ada juga pihak sekolah tidak mengetahui tentang tempoh kuat kuasa Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi kerja berkenaan kerana tempoh ini dicatat di Sijil Perakuan Siap Kerja yang ditandatangani oleh perunding. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 15.3
KEROSAKAN YANG BERLAKU DALAM TEMPOH TANGGUNGAN KECACATAN TETAPI TIDAK DIBAIKI OLEH KONTRAKTOR

SEKOLAH	PERIHAL KERJA DAN AMAUN (RM)	KEROSAKAN YANG TIDAK DIBAIKI
SK Rantau Panjang, Kota Kuala Muda, Kedah	Baik pulih Bumbung, Saliran Paip dan Longkang - RM96,598	Bumbung Blok Wawasan bocor dengan kritikal mengakibatkan air hujan menitis dan merosakkan meja pejabat/guru, dokumen dan buku **(Gambar 15.20 dan 15.21)**
SMK Ipoh, Tanah Merah, Kelantan	Mengecat Blok A, B dan C - RM34,739	Cat Blok A luntur dalam masa 6 bulan **(Gambar 15.22)**
SK Shah Alam, Seksyen 16, Shah Alam, Selangor	Baik pulih Padang Sekolah dan bina Gelanggang Sepak Takraw dan Laluan Pelajar - RM54,137	- Keadaan padang becak dan rumput mati - Lantai gelanggang rekah dan cat tertanggal - Susur tangan laluan pelajar berkarat

GAMBAR 15.20

GAMBAR 15.21

SK Rantau Panjang, Kota Kuala Muda, Kedah
- Bumbung Yang Baru Ditukar Bocor Merosakkan Meja Pembantu Tadbir Di Pejabat Dan Meja Guru Di Bilik Guru
(04.11.2008)

GAMBAR 15.22

SMK Ipoh, Tanah Merah, Kelantan
- Cat Merah Luntur Dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan
(26.08.2008)

15.4.1.5. Di SK Kemahang (1) dan SMK Ipoh, Tanah Merah, Kelantan, beberapa siling telah pecah akibat daripada kerja yang dilakukan oleh kontraktor berkenaan semasa menukar bumbung. Didapati kerosakan siling ini tidak diperbaiki oleh kontraktor tersebut dan bayaran berjumlah RM184,161 atas kerja menukar bumbung telah dibuat kepada kontraktor berkenaan. **Pada pandangan Audit, pihak sekolah sepatutnya menuntut bayaran ganti rugi atau memastikan kerosakan tersebut dibaiki oleh kontraktor berkenaan tanpa sebarang bayaran.** Gambar berikut adalah berkaitan.

GAMBAR 15.23



SK Kemahang (1), Tanah Merah, Kelantan
- Siling Pecah Semasa Tukar Bumbung Di Blok A
(26.08.2008)

GAMBAR 15.24

SMK Ipoh, Tanah Merah, Kelantan
- Siling Pecah Semasa Tukar Bumbung Di Blok F
(26.08.2008)

15.4.1.6. Di SMK Kamil, Pasir Puteh, Kelantan dan SK Gunong, Alor Setar, Kedah didapati sungguhpun kontraktor yang melaksanakan kerja menukar bumbung dan membaik pulih pagar tidak membersihkan tapak kerja dengan membuangkan sisa/bahan buangan selepas menyiapkan kerjanya, bayaran sepenuhnya berjumlah RM105,894 telah dibuat oleh Kementerian dan JPN Kedah. Gambar berikut adalah berkaitan.

GAMBAR 15.25

SMK Kamil, Pasir Puteh, Kelantan
- Serpihan Atap Yang Ditukar Tidak Dibuang
(25.08.2008)

GAMBAR 15.26

SK Gunong, Alor Setar, Kedah
- Sisa Konkrit Batu Pagar Lama Tidak Dibuang
(08.11.2008)

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang memperakukan kerja yang belum disiapkan atau tidak berkualiti sebagai telah disempurnakan kerana ia menyebabkan Kerajaan telah terlebih membuat bayaran. Sekiranya perakuan dibuat oleh pegawai awam, tindakan tatatertib atau surcaj patut diambil terhadap mereka yang terlibat. Sebaliknya jika ia melibatkan perunding, syarikat berkenaan patut disenaraihitamkan dan kesalahan tersebut dilaporkan kepada badan profesion yang mengawasinya.

15.4.2. Kerja Penyenggaraan/Pembaikan Tidak Dilaksanakan Yang Boleh Menjejaskan Keselamatan/Keselesaan Pengguna

Di 15 sekolah, didapati beberapa bahagian bangunannya mengalami keretakan dan ada juga berlaku kerosakan yang serius akibat dari serangan anai-anai dan angin ribut. Terdapat juga sekolah yang tidak dipagar sepenuhnya dan keadaan infrastrukturnya yang boleh menjejaskan keselamatan pelajar/guru atau aset sekolah serta satu kes di SK Kampung Bahagia, Sandakan, Sabah di mana 1 bilik kelas dibahagikan kepada 2 bahagian dengan papan untuk dijadikan 2 kelas yang mewujudkan keadaan pembelajaran yang tidak selesa. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pihak yang berkenaan, kerja penyenggaraan/pembaikan tidak dapat dijalankan kerana kekurangan peruntukan kewangan. **Pada pandangan Audit, tindakan segera hendaklah diambil oleh Kementerian untuk memperbaiki kerosakan/kecacatan yang berlaku di sekolah yang terlibat bagi memastikan keselamatan pelajar/guru terjamin dan sekolah berada dalam keadaan selesa dan kondusif. Kementerian perlu menjalankan penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* seperti mana yang ditetapkan dalam Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995. Sehubungan ini, Kementerian perlu menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi bagi melaksanakan penyenggaraan/pembaikan sekolah.** Beberapa contoh kerosakan/keadaan bangunan/persekitaran sekolah adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 15.4
KEADAAN/STRUKTUR BANGUNAN SEKOLAH YANG MEMERLUKAN PENYENGGARAAN/PEMBAIKAN SEGERA

SEKOLAH	KEADAAN BANGUNAN/PERSEKITARAN	SYOR AUDIT UNTUK PENAMBAHBAIKAN
SK Kemahang (1), Tanah Merah, Kelantan	Bumbung yang dipasang pada Februari 2008 di Blok A dan B bernilai RM94,098 telah mula tertanggal akibat ribut yang boleh membahayakan pelajar/guru serta merosakkan siling kelas **(Gambar 15.27)**	Skop kerja yang lebih efektif mengikut keadaan persekitaran hendaklah disediakan. Pembaikan segera perlu dilaksanakan sebelum keadaan bertambah kritikal
SMK Ipoh, Tanah Merah, Kelantan	Bumbung yang dipasang pada Januari 2008 di Blok A, B dan C bernilai RM92,840 terangkat dari struktur kayu akibat ribut yang merosakkan bahagian lain bumbung dan tidak kemas **(Gambar 15.28)**	
SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (1), Tanah Merah, Kelantan	Bumbung yang dipasang pada Januari 2008 di Blok Bengkel Kemahiran Hidup, I dan J bernilai RM84,136 telah mula tertanggal akibat ribut yang boleh membahayakan pelajar/guru serta merosakkan siling kelas **(Gambar 15.29 dan 15.30)**	
SK Bukit Jawa 2, Pasir Puteh, Kelantan	Bumbung yang telah tertanggal sebahagiannya mengakibatkan barangan di bawah bumbung basah apabila hujan dan dengan itu tidak memberi *value for money* bagi kerja pemasangan bumbung tersebut	
SMK Seri Pengkalan, Alor Gajah, Melaka	Struktur bilik sukan, lantai dewan dan surau dirosakkan oleh anai-anai **(Gambar 15.31)**	Pembasmian segera ke atas anai-anai dan penyenggaraan secara berkala ke atas bangunan hendaklah dilaksanakan bagi mengelak kerosakan pada struktur lain. Pembaikan ke atas struktur bangunan hendaklah dilaksanakan dengan segera
SMK Munshi Abdullah, Batu Berendam, Melaka	Struktur bangunan sekolah dirosakkan oleh anai-anai **(Gambar 15.32)**	
SK Padawan, Papar, Sabah	Struktur lantai bangunan kelas/tiang penyokong lantai dan tangga dirosakkan oleh anai-anai. Keadaan ini membahayakan pelajar/guru yang menggunakan tangga tersebut untuk ke bilik kelas **(Gambar 15.33)**	

SEKOLAH	KEADAAN BANGUNAN/PERSEKITARAN	SYOR AUDIT UNTUK PENAMBAHBAIKAN
SK Batu 9, Tanjung Karang, Selangor	Struktur bangunan makmal komputer dan surau telah dirosakkan oleh anai-anai **(Gambar 15.34 dan 15.35)**	Pembasmian segera ke atas anai-anai dan penyenggaraan secara berkala ke atas bangunan hendaklah dilaksanakan bagi mengelak kerosakan pada struktur lain. Pembaikan ke atas struktur bangunan hendaklah dilaksanakan dengan segera.
	Talian wayar elektrik dipasang tidak kemas, terdedah dan membahayakan pelajar/guru **(Gambar 15.36 dan 15.37)**	Kerja mengemaskan talian wayar elektrik hendaklah segera dilaksanakan
SK Nunuyan Laut, Sandakan, Sabah	4 unit tandas pelajar bagi kegunaan kesemua pelajar sekolah iaitu seramai 134 pelajar tidak boleh digunakan dan tiada tandas lain di sekolah ini kecuali di bangunan pra sekolah (2 unit) dan tandas guru (1 unit) **(Gambar 15.38)**	4 unit pintu tandas perlu dipasang dan 2 unit tangki *cistern* air perlu diperbaiki
SMK Kundasang, Ranau, Sabah	Laluan koridor bangunan bengkel kemahiran hidup mengalami keretakan yang serius akibat mendapan tanah yang boleh membahayakan pelajar dan guru yang menggunakan bengkel **(Gambar 15.39 dan 15.40)**	Satu Kajian Penyiasatan Tanah (*Soil Investigation*) perlu dibuat bagi menentukan keselamatan bangunan bengkel. Kerja pengukuhan tanah dan pengubahsuaian bangunan perlu dibuat bagi mengelakkan kerosakan yang lebih serius
SK Kampung Bahagia, Sandakan, Sabah	- Tandas pelajar berkeadaan daif dan saluran air tersumbat - Kerusi/meja pelajar kebanyakannya telah rosak dan tidak selamat digunakan	Tandas dan kerusi/meja perlu diperbaiki untuk memudahkan pelajar menggunanya
	1 bilik kelas dibahagikan dengan papan kepada 2 bahagian untuk dijadikan 2 kelas **(Gambar 15.41)**	Bilangan bilik kelas hendaklah ditambah dengan mengambil kira bilangan pelajar supaya suasana pembelajaran yang kondusif dan berkesan dicapai
	Bangunan pra sekolah yang baru disiapkan :- • Cat sekeliling dinding luar tertanggal **(Gambar 15.42)** • Lantai koridor tidak memuaskan (penggunaan simen yang kurang kerana batu/pasir mula timbul di permukaan lantai) • Pili paip air tidak kukuh dan boleh tercabut	Penyenggaraan dan pembaikan perlu disegerakan supaya kerosakan bangunan tidak bertambah besar dan mengelakkan peningkatan kos pembaikan dalam jangka masa yang panjang
SK Tansau, Putatan, Sabah	Sebahagian kawasan sekolah tidak berpagar yang membolehkan orang luar dan binatang liar menceroboh ke kawasan sekolah memandangkan sekolah bersebelahan dengan hutan	Pagar perlu dipasang untuk keselamatan pelajar dan guru
SK Pekan Telipok, Tuaran, Sabah	- Sekolah yang terletak di tengah bandar tidak dipagarkan **(Gambar 15.43)** - Lantai kelas berlopak dan berpasir membahayakan pelajar dan guru - Jambatan kecil yang digunakan oleh pelajar terletak di laluan air yang deras dan membahayakan apabila hujan lebat **(Gambar 15.44)**	- Kawasan sekolah hendaklah dipagarkan dan pembaikan lantai kelas hendaklah dilakukan - Menyediakan laluan yang lebih selamat
SMK Salak Tinggi, Sepang, Selangor	Sebatang tiang yang menyokong laluan tingkat 1 antara blok pentadbiran dengan bangunan makmal mengalami retakan yang serius dan boleh merbahaya kepada pengguna. Semakan lanjut mendapati saiz tiang (150mm X 150mm) tidak mematuhi Standard *British* 8110 (200mm X 200mm) serta tiada besi dipasang dalam struktur tiang. **(Gambar 15.45 Dan 15.46)**	Pembaikan dan penyenggaraan perlu diurus dengan segera
SK Batu Unjur, Klang, Selangor	Mendapan tanah di kawasan sekolah menyebabkan lantai, dinding serta bangunan sekolah retak dan berlaku kerosakan pada struktur bangunan. Keadaan ini amat kritikal dan memerlukan perhatian serius dari pihak Kementerian. **(Gambar 15.47 dan 15.48)**	Satu Kajian Penyiasatan Tanah (*soil investigation*) perlu dibuat bagi menentukan keselamatan bangunan. Selain itu, kerja pengukuhan tanah dan pembaikan bangunan perlu dibuat bagi mengelakkan kerosakan yang lebih serius

GAMBAR 15.27

SK Kemahang (1), Tanah Merah, Kelantan
- Bumbung Yang Dipasang Pada Bulan Februari 2008 Tanggal Akibat Ribut
(26.08.2008)

GAMBAR 15.28

SMK Ipoh, Tanah Merah, Kelantan
- Bumbung Yang Dipasang Pada Bulan Januari 2008 Terangkat Akibat Ribut
(26.08.2008)

GAMBAR 15.29

GAMBAR 15.30

SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (1), Tanah Merah, Kelantan
- Bumbung Yang Dipasang Pada Bulan Januari 2008 Terangkat Akibat Ribut
(26.08.2008)

GAMBAR 15.31

SMK Seri Pengkalan, Alor Gajah, Melaka
- Serangan Anai-anai Telah Mula Merosakkan Struktur Bilik Sukan
(17.09.2008)

GAMBAR 15.32

SMK Munshi Abdullah, Batu Berendam, Melaka
- Serangan Anai-anai Telah Mula Merosakkan Struktur Bangunan Sekolah
(18.09.2008)

GAMBAR 15.33

SK Padawan, Papar, Sabah
- Tiang Penyokong Lantai Kelas Tertanggal Akibat Serangan Anai-anai
(21.10.2008)

GAMBAR 15.34

SK Batu 9, Tanjung Karang, Selangor
- Serangan Anai-anai Telah Merosakkan Struktur Kayu Di Makmal Komputer
(27.11.2008)

GAMBAR 15.35

SK Batu 9, Tanjung Karang, Selangor
- Serangan Anai-anai Telah Merosakkan Struktur Kayu Di Makmal Komputer
(27.11.2008)

GAMBAR 15.36

SK Batu 9, Tanjung Karang, Selangor
- Talian Wayar Elektrik Yang Terdedah Pada Laluan Pelajar/Guru
(27.11.2008)

GAMBAR 15.37



SK Batu 9, Tanjung Karang, Selangor
- Tempat Suis Utama Yang Tidak Berkunci Dan Penyambungan Wayar Terdedah
(27.11.2008)

GAMBAR 15.38

SK Nunuyan Laut, Sandakan, Sabah
- 4 Unit Tandas Untuk Kesemua 134 Pelajar Sekolah Tidak Dapat Diguna Kerana Tiada Pintu Dan 2 Tangki Cistern Air Rosak
(22.10.2008)

GAMBAR 15.39

GAMBAR 15.40

SMK Kundasang, Ranau, Sabah
- Bengkel Kemahiran Hidup Mengalami Kerekahan Akibat Mendapan Tanah Terutama Di Hujung Bengkel Yang Telah Melengkung
(23.10.2008)

GAMBAR 15.41

SK Kampung Bahagia, Sandakan, Sabah
- 1 Kelas Dibahagi 2 Dengan Papan Untuk Digunakan Oleh 2 Kelas Yang Berlainan
(22.10.2008)

GAMBAR 15.42

SK Kampung Bahagia, Sandakan, Sabah
- Cat Tertanggal Di Bangunan Pra Sekolah
(22.10.2008)

GAMBAR 15.43

SK Pekan Telipok, Tuaran, Sabah
- Bangunan Sekolah Di Tengah Bandar
Tanpa Berpagar
(17.09.2008)

GAMBAR 15.44

SK Pekan Telipok, Tuaran, Sabah
- Jambatan Kecil Untuk Kegunaan Pelajar Ke Kelas
Terletak di Laluan Air Yang Deras Dan Membahayakan
(Air Akan Melimpah Jika Hujan Lebat)
(17.09.2008)

GAMBAR 15.45

GAMBAR 15.46

SMK Salak Tinggi, Sepang, Selangor
- Tiang Penyokong Tangga Laluan Pelajar Retak Terbahagi Dua Dan Membahayakan.
Saiz Tiang (150mm x 150mm) Tidak Mematuhi Standard British 8110 (200mm x 200mm)
Dan Didapati Tiada Besi Dalam Struktur Tiang
(18.08.2008)

GAMBAR 15.47

GAMBAR 15.48

SK Batu Unjur, Klang, Selangor
- Mendapan Tanah Telah Merosakkan Dan Membahayakan Di Pelbagai Lokasi Sekolah
(17.12.2008)

15.4.3. Skop Kerja Penyenggaraan/Pembaikan Tidak Dipatuhi/Tidak Jelas

Di 4 sekolah, kerja penyenggaraan/pembaikan bernilai RM67,145 yang dibuat atas arahan Kementerian/JPN dilaksanakan tidak mengikut skop kerja yang ditetapkan. Perubahan skop ini adalah atas permintaan Pengetua/Guru Besar berdasarkan keutamaan dan keperluan sebenar. Bagaimanapun perubahan skop ini tidak dimaklumkan kepada Kementerian atau JPN. Selain itu di 7 sekolah, didapati skop kerja penyenggaraan/pembaikan bernilai RM146,390 tidak dinyatakan dengan jelas dari segi kuantiti, ukuran, lokasi serta jenis dan bahan yang digunakan. **Ini menyebabkan pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pihak sekolah mendapat *value for money* bagi bayaran berjumlah RM213,535 terhadap kerja yang telah dibuat. Pada pandangan Audit, perkara ini boleh dielakkan**

sekiranya perunding berkenaan membuat lawatan dan mendapatkan pandangan daripada pihak sekolah sebelum menyediakan skop kerja. Butirannya adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 15.5
SKOP KERJA PENYENGGARAAN/PEMBAIKAN TIDAK JELAS/TIDAK DIPATUHI

SEKOLAH	PERIHAL KERJA	KERJA TIDAK MENGIKUT SKOP /SKOP KERJA TIDAK JELAS
SMK Seri Pengkalan, Alor Gajah, Melaka	Membaiki, Baik Pulih, Mengganti Dan Memasang Jubin Dan Pintu - RM96,805	Jubin sepatutnya dipasang di Pusat Sumber tetapi Pengetua mengubahkannya ke Bilik Seni kerana Pusat Sumber pada asalnya berlantaikan jubin dan masih dalam keadaan yang baik - RM46,032 **(Gambar 15.49)**
SK Nunuyan Laut, Sandakan, Sabah	Naik Taraf Kelas Pemulihan - RM24,250	Jubin sepatutnya dipasang tetapi ditukar dengan karpet kerana bangunan berlantaikan kayu - RM9,144 **(Gambar 15.50)**
	Penyenggaraan Bilik Darjah /Tandas - RM9,985	Skop Kerja tidak disediakan. Oleh itu, kerja yang sepatutnya dilaksanakan tidak dapat ditentukan - RM9,985
SMK Seri Gunong, Alor Setar, Kedah	Kerja Tambahan Pentas Dan Pintu Di Dewan Sekolah - RM15,625	Pintu yang sepatutnya dipasang di Dewan ditukar lokasinya ke Pejabat Pentadbiran - RM1,600 **(Gambar 15.51)**
SK Seksyen 24, Petaling, Selangor	Membaik Pulih Tandas Guru Lelaki, Tetamu Dan Surau - RM70,806	6 Tangki Air Plastik (Cistern) sepatutnya bersaiz 9 liter tetapi yang dipasang hanya 6 liter di Tandas Guru Lelaki, Tetamu dan Surau - RM384 **(Gambar 15.52)**
SMK Tunku Ismail, Sungai Petani, Kedah	Cat Bahagian Luar Blok A - RM19,901	Tidak dinyatakan jenis cat - RM19,901
SMK Sandakan, Sandakan, Sabah	Tukar Bumbung, Pasang Jubin, Pasang Sisa Bingkai Dan Tukar Pintu - RM99,246	Tidak menyatakan ketebalan bumbung Dek Logam - RM20,193 **(Gambar 15.53)**
SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (1), Tanah Merah, Kelantan	Tukar Bumbung Blok Bengkel KH, I Dan J - RM84,136	Tidak menyatakan jenis atap tetapi cuma menyatakan 'menukar atap' - RM79,436 **(Gambar 15.54)**
	Tukar Pintu Dan Tingkap NACO Blok G - RM67,303	Tidak menyatakan bilangan pintu yang perlu ditukar tetapi dinyatakan dalam meter persegi **(Gambar 15.55)**
SMK Seri Gunong, Alor Setar, Kedah	Kerja Baik Pulih/Pasang 10 Pintu Kelas 23 inci x 81 inci - RM2,700	Lokasi kelas tidak dinyatakan dan dengan itu tidak dapat dikenal pasti pintu kelas yang sebenar dipasang/ditukar - RM2,700
SK Rantau Panjang, Kota Kuala Muda, Kedah	Naik Taraf Bilik Sains Dan Kemahiran Hidup. - Bekal Dan Pasang 7 Meter Persegi Pintu - RM98,918	Tidak spesifik (sukar difahami). Perlu menetapkan bilangan pintu yang perlu dibekalkan dan dicatat meter persegi untuk setiap pintu - RM2,228 **(Gambar 15.56)**
SMK Mahsuri, Langkawi, Kedah	Naik Taraf Bilik VIP - Pasang Jubin (49 x RM93) - RM16,000	Kerja memasang jubin dinyatakan tanpa jenis ukuran dalam skop kerja, pesanan dan invois. Dengan itu, ia boleh dianggap sama ada bilangan unit jubin atau meter persegi - RM4,557 **(Gambar 15.57)**
SK Gunong, Alor Setar, Kedah	Naik Taraf Padang Sekolah - RM18,860	- Pembekalan tanah dinyatakan dalam kuantiti lori (85 lori) tanpa menyebut tan metrik lori yang perlu digunakan - RM7,225 - Menanam rumput - tidak menyebut sama ada secara bertompok atau sepenuhnya - RM10,150

GAMBAR 15.49

SMK Seri Pengkalan, Alor Gajah, Melaka
- Jubin Yang Sedia Ada Di Pusat Sumber Masih Elok. Oleh Itu Lokasi Telah Diubah Ke Bilik Seni
(17.09.2008)

GAMBAR 15.50

SK Nunuyan Laut, Sandakan, Sabah
- Jubin Tidak Di Pasang Kerana Bangunan Berlantai Kayu
(22.10.2008)

GAMBAR 15.51

SMK Seri Gunong, AlorSetar, Kedah
- Pintu Yang Sepatutnya Dipasang Di Dewan Diubah Lokasinya Ke Pejabat Pentadbiran
(08.11.2008)

GAMBAR 15.52

SK Seksyen 24, Petaling, Selangor
- Tangki Cistern Air 6 Liter Dipasang. Dalam Skop Adalah Tangki 9 Liter
(04.12.2008)

GAMBAR 15.53

SMK Sandakan, Sandakan, Sabah
- Ketebalan Bumbung Dek Logam Tidak Dinyatakan Dalam Skop Kerja
(21.10.2008)

GAMBAR 15.54

SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (1), Tanah Merah, Kelantan
- Jenis Atap Tidak Dinyatakan Dalam Skop Kerja
(26.08.2008)

GAMBAR 15.55

SMK Dato' Mahmud Paduka Raja (1), Tanah Merah, Kelantan
- Bilangan Pintu Yang Perlu Ditukar Tidak Dinyatakan Dalam Skop Kerja
(26.08.2008)

GAMBAR 15.56

SK Rantau Panjang, Kota Kuala Muda, Kedah
- Unit Pintu Tidak Dinyatakan Dalam Skop Kerja
(04.11.2008)

GAMBAR 15.57

SMK Mahsuri, Langkawi, Kedah
- Kerja Memasang Jubin Dinyatakan Tanpa Jenis Ukuran (Sama Ada Bilangan Atau Keluasan Meter Jubin) Dalam Skop Kerja
(06.11.2008)

Pada pandangan Audit, Kementerian Pelajaran Malaysia/Jabatan Kerja Raya patut menyediakan skop kerja penyenggaraan/pembaikan yang jelas dan boleh diukur bagi memudahkan rujukan kontraktor dan juga pegawai yang menyeliakan kerja tersebut.

15.4.4. Kelemahan Penyeliaan/Pemantauan Terhadap Kerja Penyenggaraan/ Pembaikan

Pada umumnya, kelemahan penyenggaraan/pembaikan berlaku adalah berpunca dari kurangnya penyeliaan dan pemantauan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan iaitu perunding di peringkat Kementerian dan guru yang ditempatkan di JPN/PPD/sekolah. Semakan Audit mendapati kerja penyenggaraan/ pembaikan diuruskan secara sepenuh masa oleh guru yang yang ditempatkan di JPN/PPD/sekolah. Pada umumnya, mereka tidak mempunyai kepakaran dalam bidang teknikal. Sungguhpun di peringkat JPN, satu jawatan Pembantu Teknik J36 telah diwujudkan mulai bulan Disember 2007 di setiap negeri (termasuk Wilayah Persekutuan Labuan dan Kuala Lumpur) untuk membantu pengurusan kerja penyenggaraan/pembaikan, namun secara puratanya setiap Pembantu Teknik perlu menguruskan kerja penyenggaraan/pembaikan bagi 655 sekolah. Selain itu, hanya 3 daripada 15 jawatan yang diluluskan telah diisi setakat bulan Disember 2008.

Pada pandangan Audit, pemantauan/penyeliaan terhadap kerja penyenggaraan/pembaikan perlu ditingkatkan. Bagi tujuan ini, Kementerian perlu mempertingkatkan pemantauannya terhadap prestasi perunding bagi memastikan ia melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan seperti mana yang ditetapkan di dalam kontrak. Guru yang ditempatkan di JPN/PPD/ sekolah sepatutnya tidak ditugaskan untuk menguruskan kerja penyenggaraan sekolah. Tanggungjawab ini sepatutnya diberi kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang teknikal. Sehubungan ini, jawatan teknikal yang secukupnya patut diwujudkan. Pembantu Teknik Gred J36 yang masih kosong di beberapa JPN juga perlu diisi segera. Bagi mempertingkatkan pengurusan pemantauan terhadap penyenggaraan/pembaikan, satu daftar pemantauan perlu diselenggarakan di sekolah.

15.4.5. Ketidakpatuhan Peraturan Kewangan

15.4.5.1. Kajian Pasaran Tidak Dijalankan Mengakibatkan Harga Perolehan Lebih Tinggi Daripada Pasaran/Jadual Kadar Harga

a. Kementerian telah membeli pokok dan tanaman senitaman untuk sekolah SK Bukit Jawa 2, Pasir Puteh, Kelantan daripada pembekal tempatan secara pembelian terus. Kementerian membayar RM57,493 bagi kerja membekal, menanam, menyenggara, merawat dan menyiram pokok dan tanaman

senitaman. Bagi tujuan perbandingan, pihak Audit telah mendapatkan sebut harga daripada beberapa pembekal di Kota Bharu yang membekalkan pokok dan perkhidmatan yang sama. Adalah didapati **harga yang dibayar oleh Kementerian adalah antara 470% hingga 880% (4 hingga 8 kali ganda) lebih tinggi daripada harga yang ditawarkan oleh pembekal yang telah mengemukakan sebut harga yang paling tinggi kepada pihak Audit. Semakan selanjutnya mendapati Kementerian/JPN/PPD tidak menjalankan kajian pasaran seperti mana kehendak Arahan Perbendaharaan 169 sebelum sesuatu pembelian dibuat.** Butiran beberapa harga pokok adalah seperti di **Jadual 15.6** dan contoh pokok yang dibeli adalah seperti di **Gambar 15.58 dan 15.59.**

JADUAL 15.6
HARGA MEMBEKAL DAN MENANAM SEBATANG POKOK
DENGAN PERBANDINGAN HARGA PASARAN

JENIS POKOK	TINGGI POKOK (MM)/ (KAKI)	UNIT	HARGA SEUNIT		% PERBEZAAN SEUNIT	JUMLAH HARGA		PERBEZAAN JUMLAH HARGA (RM)
			DIBAYAR (RM)	PASARAN (RM)		DIBAYAR (RM)	PASARAN (RM)	
Rhu	1,800 (6')	6	400	80	500%	2,400	480	1,920
Sukun	1,800 (6')	3	400	85	470%	1,200	255	945
Pinang Raja	1,800 (6')	9	750	85	882%	6,750	765	5,985
Semarak Api	1,800 (6')	7	400	80	500%	2,800	560	2,240
Pinang Merah	1,800 (6')	12	750	130	576%	9,000	1,560	7,440
Bunga Raya	1,200 (4')	10	350	50	700%	3,500	500	3,000
Kemboja	1,200 (4')	13	350	45	777%	4,550	585	3,965
Mempelam	1,000 (3' 3")	5	250	50	500%	1,250	250	1,000
Coral Tree	1,000 (3' 3")	9	250	50	500%	2,250	450	1,800
Limau Bali	1,000 (3' 3")	3	250	40	625%	750	120	630
Bunga Merak	600 (2')	12	250	30	833%	3,000	360	2,640
JUMLAH		**89**	**4,400**	**725**		**37,450**	**5,885**	**31,565**

GAMBAR 15.58

SK Bukit Jawa 2, Pasir Puteh, Kelantan
- Tiga Batang Pokok Pinang Merah Yang Berharga RM750 Setiap Satu Batang Setinggi 6 Kaki
(25.08.2008)

GAMBAR 15.59

SK Bukit Jawa 2, Pasir Puteh, Kelantan
- Pokok Bunga Merak Yang Berharga RM250 Seunit Pokok Setinggi 2 Kaki
(25.08.2008)

b. Kos mengganti pintu di SMK Mahsuri, Langkawi dan SMK Seri Gunong, Alor Setar, Kedah adalah 56% dan 64% masing-masing lebih tinggi daripada harga yang ditetapkan dalam Jadual Kadar Harga yang dikeluarkan oleh Jabatan Kerja Raya tahun 2006 bagi jenis dan kualiti yang sama. Harga bagi satu unit pintu untuk SMK Mahsuri, Langkawi yang dibayar oleh JPN adalah RM480 berbanding dengan harga dalam Jadual Kadar Harga berjumlah RM272.70. Manakala harga satu unit pintu untuk SMK Seri Gunong, Alor Setar yang dibayar adalah RM340 berbanding dengan harga dalam Jadual Kadar Harga berjumlah RM219. Berdasarkan kepada jumlah pintu yang diganti, perbezaan harga yang dibayar adalah RM414 bagi SMK Mahsuri dan RM1,720 bagi SMK Seri Gunong. Gambar berikut adalah berkaitan.

GAMBAR 15.60

SMK Mahsuri, Langkawi, Kedah
- Pintu Bilik Air Dewan Berharga RM450 Seunit Manakala Harga Mengikut Jadual Kadar Harga Adalah RM272
(06.11.2008)

GAMBAR 15.61

SMK Seri Gunong, Alor Setar, Kedah
- Pintu Bilik Darjah Berharga RM340 Seunit Manakala Harga Mengikut Jadual Kadar Harga Adalah RM219
(08.11.2008)

Pada pandangan Audit, Kementerian/pihak yang melakukan perolehan hendaklah memastikan kajian pasaran dibuat untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perolehan yang dibuat.

15.4.5.2. Bayaran Tidak Disokong Dengan Dokumen Yang Lengkap

Semakan Audit mendapati 8 baucar bayaran bernilai RM0.52 juta untuk membayar kerja penyenggaraan/pembaikan yang dibuat oleh kontraktor tidak disokong dengan dokumen yang sepatutnya seperti skop kerja, inbois, pesanan tempatan dan jadual kerja. Tanpa dokumen ini, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada amaun yang telah dibayar itu adalah tepat dan teratur. **Pada pandangan Audit, bagi mengelakkan berlakunya penyelewengan, Kementerian hendaklah memastikan bayaran yang dibuat disokong dengan lengkap seperti mana yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 99 (a) dan latihan mengenai pengurusan kewangan perlu diberi kepada mereka yang terlibat.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 15.7
BAUCAR TIDAK DISOKONG DENGAN DOKUMEN YANG LENGKAP

SEKOLAH	PERIHAL KERJA DAN AMAUN (RM)	DOKUMEN YANG TIDAK DIKEPILKAN DENGAN BAUCAR
SMK Kundasang, Ranau, Sabah	Bina Dinding, Laluan, Ganti Atap, Saluran Air, Pasang A*wning,* Tiang Kayu, Cermin, Baiki Tangga, Bilik Ketua Sains Dan Matematik Dan Bangunan Astaka - RM30,300	Salinan Pendua Pesanan Tempatan (Yang Mempunyai Maklumat Pengesahan Kerja Siap), Skop Kerja, Keputusan Sebut Harga
	Tidak Dapat Dikenal Pasti - RM34,398	Invois, Salinan Pendua Pesanan Tempatan (Yang Mempunyai Maklumat Pengesahan Kerja Siap), Skop Kerja, Keputusan Sebut Harga
SMK Raja Lumu, Klang, Selangor	Naik Taraf Pejabat Dan Pasang Dinding Perpustakaan - RM37,511	Skop Kerja
	Ganti Dan Cat Pintu, Baik Pulih Lantai, Tingkap Bilik Darjah Dan Bumbung - RM99,922	Skop Kerja
SK Rantau Panjang, Kuala Selangor, Selangor	Baik Pulih Dewan, Bumbung, Bangunan, Tandas Dan Klinik Gigi - RM70,535	Skop Kerja
SK Batu 9, Tanjung Karang, Selangor	Menambak Padang Dan Tanam Rumput - RM88,815	Skop Kerja
	Mengecat Dinding Blok B Dan C - RM83,671	Skop Kerja
	Menaik Taraf Jalan Masuk - RM79,157	Skop Kerja

15.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Kelemahan dalam penyenggaraan/pembaikan bangunan dan infrastruktur sekolah seperti mana yang dibangkitkan dalam laporan ini berlaku disebabkan oleh Kementerian tidak diberikan peruntukan kewangan dan anggota teknikal yang mencukupi. Selain itu, ia juga akibat daripada kelemahan pemantauan dan penyeliaan oleh pihak perunding terhadap kerja penyenggaraan/pembaikan sekolah yang dilaksanakan oleh kontraktor. Kementerian pula kurang memantau prestasi perunding yang menyebabkan mereka gagal melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan. Pemantauan yang sewajarnya juga tidak dibuat terhadap kerja yang sepatutnya diseliakan sendiri oleh Kementerian/JPN/PPD/sekolah. Bagi memastikan sekolah dan persekitaran sentiasa berada dalam keadaan kondusif dan selamat digunakan, adalah disyorkan supaya Kementerian/JPN/PPD memberi pertimbangan kepada perkara berikut :-

15.5.1. Menyediakan rancangan penyenggaraan secara berjadual yang meliputi penyenggaraan secara *preventive* dan *corrective* terhadap semua sekolah di seluruh negara berdasarkan kepada Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995. Bagi tujuan ini, peruntukan kewangan yang secukupnya hendaklah disediakan.

15.5.2. Kementerian Pelajaran Malaysia/Jabatan Kerja Raya patut menyediakan skop kerja penyenggaraan/pembaikan yang jelas dan boleh diukur bagi memudahkan rujukan kontraktor dan juga pegawai yang menyeliakan kerja tersebut.

15.5.3. Meningkatkan pemantauan/penyeliaan terhadap kerja penyenggaraan/ pembaikan sekolah yang dijalankan oleh kontraktor. Bagi tujuan ini, Kementerian perlu mempertingkatkan pemantauannya terhadap prestasi perunding bagi memastikan ia melaksanakan tanggungjawabnya dengan berkesan seperti mana yang ditetapkan di dalam kontrak. Guru yang ditempatkan di JPN/PPD/sekolah sepatutnya tidak ditugaskan untuk menguruskan kerja penyenggaraan sekolah. Tanggungjawab ini sepatutnya diberi kepada mereka yang mempunyai pengetahuan dan kepakaran dalam bidang teknikal. Sehubungan ini, jawatan teknikal yang secukupnya patut diwujudkan. Pembantu Teknik Gred J36 yang masih kosong di beberapa JPN juga perlu diisi segera. Bagi mempertingkatkan pengurusan pemantauan terhadap penyenggaraan/pembaikan, daftar pemantauan perlu diselenggarakan di sekolah.

15.5.4. Mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap mereka yang terbukti memperakukan kerja yang tidak dilaksanakan sebagai telah disempurnakan kerana ia merupakan satu *improper payment.* Sekiranya perakuan dibuat oleh pegawai awam, tindakan tatatertib atau surcaj patut diambil terhadap mereka yang terlibat. Sebaliknya jika ia melibatkan perunding, syarikat berkenaan patut disenaraihitamkan dan kesalahan tersebut dilaporkan kepada badan profesion yang mengawasinya.

15.5.5. Menyusun semula pelbagai bahagian yang bertanggungjawab terhadap pelaksanaan penyenggaraan bangunan sekolah dengan meletakkannya di bawah satu unit supaya kerja-kerja penyenggaraan dapat dirancang dan diuruskan dengan cekap dan berkesan.

15.5.6. Memastikan semua pihak yang terlibat dengan perolehan kerja penyenggaraan/pembaikan mematuhi peraturan kewangan yang berkaitan. Kajian pasaran perlu dibuat untuk memastikan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perolehan yang dibuat. Latihan mengenai pengurusan kewangan hendaklah diberi kepada mereka yang terlibat.

KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

16. PROJEK BEKALAN AIR BERSIH KE SEKOLAH LUAR BANDAR DI SABAH

16.1. LATAR BELAKANG

16.1.1. Kementerian Pelajaran Malaysia (Kementerian) pada tahun 2001 telah menganggarkan sebanyak 655 atau 52% daripada sekolah yang ada di luar bandar di Sabah tidak mendapat bekalan air bersih. Bagi mengatasi masalah ini, Kementerian telah melaksanakan projek bekalan air bersih ke sekolah di Sabah melalui 5 kaedah iaitu dengan menggunakan *Rain Water Harvesting System*, perigi tiub, paip air graviti, sistem retikulasi dan projek bekalan air dirawat. Sehingga 31 Disember 2008, sejumlah RM244 juta telah diperuntukkan bagi melaksanakan projek ini yang melibatkan 655 sekolah.

16.1.2. Pelaksanaan projek ini diuruskan oleh Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah (JPPS). Bagaimanapun selepas JPPS ditutup pada tahun 2008, fungsinya diambil alih oleh Pasukan Projek Sabah (PPS), Pejabat Pengurus Besar Kanan Pembinaan yang bertanggungjawab kepada Ketua Pengarah Kerja Raya Malaysia. Projek bekalan air bersih dilaksanakan melalui kaedah *Rain Water Harvesting System* di dalam 3 fasa iaitu Fasa 1 pada tahun 2003 yang melibatkan 176 sekolah dengan kos RM94.41 juta diikuti dengan Fasa 2 pada tahun 2005 melibatkan 29 sekolah dengan kos RM17.09 juta dan seterusnya Fasa 3 pada tahun 2006 yang melibatkan 129 sekolah dengan kos RM64.05 juta. Sehingga bulan Disember 2008, sejumlah RM174.32 juta atau 99.3% daripada kos keseluruhan projek berjumlah RM175.55 juta telah dibelanjakan.

16.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada projek bekalan air bersih ke sekolah luar bandar di Sabah melalui *Rain Water Harvesting System* Fasa 3 telah dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai matlamatnya.

16.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek bekalan air bersih melalui *Rain Water Harvesting System* yang dibina di bawah Fasa 3. Pengauditan ini dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 serta pengedaran borang soal selidik kepada murid, guru dan ahli keluarganya. Temu bual dengan pegawai yang bertanggungjawab iaitu pihak sekolah, Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah dan kontraktor juga diadakan. Selain itu, lawatan ke tapak projek di 9 sekolah di 5 daerah atau 7% daripada keseluruhan 129 sekolah di 19 daerah telah dilakukan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.1
BILANGAN SEKOLAH YANG TERLIBAT DENGAN PROJEK BEKALAN AIR BERSIH MELALUI *RAIN WATER HARVESTING SYSTEM* FASA 3 DAN YANG DILAWATI

DAERAH	BILANGAN SEKOLAH TERLIBAT	BILANGAN SEKOLAH YANG DILAWATI
Papar	1	1
Tuaran	3	2
Sipitang	6	2
Semporna	6	2
Tawau	7	2
Sandakan	16	-
Kinabatangan	22	-
Beluran	24	-
Lahad Datu	5	-
Penampang	1	-
Pitas	1	-
Ranau	14	-
Kunak	2	-
Kota Marudu	5	-
Kuala Penyu	3	-
Keningau	7	-
Telupid	3	-
Kota Belud	2	-
Tenom	1	-
JUMLAH	**129**	**9**

16.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2008 hingga Mac 2009 mendapati secara umumnya, pelaksanaan projek bekalan air bersih melalui *Rain Water Harvesting System* Fasa 3 ke sekolah luar bandar di Sabah adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan seperti projek lewat disiapkan; spesifikasi projek tidak dipatuhi sepenuhnya, ketiadaan penyenggaraan sistem paip air oleh kontraktor dan kerja pengubahsuaian projek tanpa kelulusan yang jika tidak diperbetulkan dengan awal boleh menjejaskan keberkesanan bekalan air bersih. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

16.4.1. Projek Lewat disiapkan

16.4.1.1. Kementerian Kewangan pada 14 Disember 2005 telah meluluskan pelantikan syarikat Duta Tiasa Sdn. Bhd. (kontraktor) secara rundingan terus untuk melaksanakan projek bekalan air bersih melalui *Rain Water Harvesting System* Fasa 3 bernilai RM64.05 juta dengan kaedah reka dan bina. Syarikat ini mempunyai modal berbayar berjumlah RM750,000. Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 24 Mei 2006. Berdasarkan pengesahan daripada Pusat Khidmat Kontraktor (PKK) pada bulan Mac 2009, didapati syarikat Duta Tiasa Sdn. Bhd. tidak berdaftar dengan PKK. **Pada pandangan Audit, pelantikan kontraktor yang tidak berdaftar dengan PKK adalah bertentangan dengan peraturan yang dinyatakan dalam Arahan Perbendaharaan 184(d).**

16.4.1.2. Mengikut syarat kontrak yang ditandatangani pada 8 November 2006, kontraktor ini dikehendaki melaksanakan projek di 129 sekolah di 19 daerah dalam tempoh 12 bulan iaitu bermula dari 1 Jun 2006 hingga 1 Jun 2007. Semakan Audit mendapati projek ini lewat disiapkan di 7 sekolah seperti di **Jadual 16.2**. Kelewatan menyiapkan projek ini antara lainnya adalah disebabkan oleh kekerapan hujan yang mengakibatkan banjir, jalan rosak, licin dan berlumpur. Keadaan menjadi bertambah sukar kepada lori yang mengangkut tangki berkapasiti 25,000 liter terutamanya di kawasan jalan becak yang berbukit, curam, berliku, sempit dan jarak perjalanan yang jauh di pedalaman. Selain itu, kerosakan jalan juga mengambil tempoh yang lama untuk diperbaiki. Mengikut syarat kontrak, kontraktor tersebut sepatutnya dikenakan denda pada kadar RM11,400 sehari. **Pada pandangan Audit, Pasukan Projek Sabah perlu menentukan jumlah denda yang perlu dikenakan dan memastikan kontraktor berkenaan menjelaskannya.**

JADUAL 16.2
KELEWATAN MENYIAPKAN PROJEK

SEKOLAH	TARIKH PROJEK DISIAPKAN	TEMPOH KELEWATAN (Bulan)
SK Bawang, Beluran	11.10.2007	4
SK Jaya Bakti, Beluran	23.01.2008	7
SK Monopod, Beluran	24.01.2008	7
SK Abuan, Beluran	23.05.2008	11
SK Kg. Pertanian, Semporna	12.11.2007	5
SK Balung, Tawau	04.12.2007	6
SK Keramuak, Telupid	25.01.2008	7

Nota : SK - Sekolah Kebangsaan

16.4.2. Spesifikasi Projek Tidak Dipatuhi Sepenuhnya

16.4.2.1. Berdasarkan kepada spesifikasi kontrak, setiap set *Rain Water Harvesting System* adalah terdiri daripada tangki *high density polyethlene, first flush diverter,* alat *iodinator* dan penuras air (water filter). Tangki tersebut hendaklah berada di paras yang tinggi dan sebuah pelantar hendaklah didirikan untuk menyokong tangki tersebut. Tangki tersebut juga hendaklah dilengkapi dengan saluran paip dan singki pancuran air hujan (gutter) yang dilengkapi dengan penghadang besi tahan karat (inlet screen) untuk menghalang kemasukan daun dan sampah sarap. Saluran corong paip juga dibina untuk menyalurkan air hujan ke dalam tangki tersebut. Rajah berikut memberi gambaran asas mengenai *Rain Water Harvesting System* yang dibina di bawah Fasa 3 :-

RAJAH 16.1
KOMPONEN ASAS *RAIN WATER HARVESTING SYSTEM*
YANG DIBINA DI BAWAH FASA 3



16.4.2.2. Secara umumnya, bumbung sekolah/rumah guru akan digunakan sebagai permukaan untuk memerangkap air hujan berdasarkan pertimbangan dan variasi berikut :-

a. Sekiranya bumbung sekolah/rumah guru masih berkeadaan baik dan memuaskan, ianya akan digunakan sebagai permukaan untuk memerangkap air hujan.

b. Sekiranya bumbung sekolah/rumah guru tidak berkeadaan baik dan memuaskan tetapi penyokong bumbung seperti kasau dan sinar lintang sepanjang atap masih dalam keadaan baik, bumbung sekolah/rumah guru tersebut akan diganti dengan bumbung baru.

c. Sekiranya bumbung dan penyokong bumbung sekolah/rumah guru tidak sesuai, setiap tangki berkapasiti 25,000 liter akan dibina dengan bumbungnya sebagai perangkap air hujan.

16.4.2.3. Mengikut syarat kontrak, sebanyak 573 tangki berkapasiti 25,000 liter dan 701 tangki berkapasiti 10,000 liter akan dibekalkan ke sekolah yang terlibat dengan projek ini. Namun, semakan Audit mendapati **jumlah tangki yang dipasang tidak mengikut spesifikasi kontrak di mana sebanyak 634 tangki berkapasiti 25,000 liter dan 540 tangki berkapasiti 10,000 liter telah dipasang oleh kontraktor.** Bagaimanapun, bayaran yang dibuat kepada kontraktor adalah berdasarkan harga keseluruhan bagi perolehan tangki yang dibekalkan oleh pihak kontraktor.

Pada pandangan Audit, pihak kontraktor hendaklah membekalkan set tangki air berdasarkan kontrak yang dimeterai.

16.4.2.4. Lawatan Audit ke Sekolah Menangah Kebangsaan (SMK) Bugaya, Semporna mendapati sungguhpun bumbung dan penyokong bumbung sekolah/ rumah guru tidak sesuai, namun kontraktor tidak membina tangki berkapasiti 25,000 liter bersama bumbungnya sebagai perangkap air hujan seperti mana

syarat kontrak. Sebaliknya, tangki air dibina di atas paras tanah dan menyebabkan tekanan air rendah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 16.1

GAMBAR 16.2

SMK Bugaya, Semporna
- Paras Tangki Yang Dibina Di Atas Paras Tanah Menyebabkan Tekanan Air Rendah (21.01.2009)

Pada pandangan Audit, Pasukan Projek Sabah perlu memastikan kontraktor membina semula tangki berkapasiti 25,000 liter bersama bumbungnya memandangkan projek ini masih dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

16.4.3. Penyenggaraan Tidak Dilaksanakan

16.4.3.1. Mengikut syarat kontrak, kerja penyenggaraan projek hendaklah dilaksanakan dalam tempoh 24 bulan selepas tarikh siap projek. Kontraktor dikehendaki untuk memberi jaminan bahawa sistem bekalan air tersebut sentiasa berada dalam keadaan baik dan boleh digunakan. Penyenggaraan yang perlu dijalankan oleh kontraktor termasuk pemeriksaan secara berterusan dan sistematik bagi memastikan sistem bekalan air berjalan dengan lancar. Kontraktor juga bertanggungjawab untuk membekalkan alat ganti sementara/ alternatif dan perkhidmatan sekiranya berlaku kerosakan. Semua alat ganti yang diperlukan hendaklah sentiasa disediakan sepanjang tempoh penyenggaraan tersebut. Didapati kontraktor telah menyediakan Jadual Kerja Penyenggaraan yang akan dilaksanakan seperti mana yang ditetapkan dalam kontrak seperti di jadual berikut :-

JADUAL 16.3
JADUAL PENYENGGARAAN YANG DISEDIAKAN OLEH KONTRAKTOR

TEMPOH	ITEM PENYENGGARAAN
Harian	Pemeriksaan *first flush diverter*.
Mingguan	Pemeriksaan kebocoran paip dan tangki.
Bulanan	1. Pembersihan kotoran pada pancuran air (gutter) dan bumbung. 2. Memasukkan kapsul *iodin* ke dalam alat *Iodinator* bagi mengatasi masalah kekurangan zat *iodin* yang menjadi penyakit Bengkuk (bengkak pada saraf leher). 3. Membersihkan alat penuras air (filter catridge).
3 Bulan Sekali	Membersihkan kotoran, sampah di dalam tangki.
2 Tahun Sekali	1. Menggantikan kapsul *iodin* pada alat *iodinator*. 2. Mengganti alat penuras air.

16.4.3.2. Semakan Audit mendapati **syarat kontrak tidak menetapkan dengan terperinci dan jelas tentang kos bagi setiap jenis kerja penyenggaraan yang akan dilaksanakan oleh kontraktor. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada bayaran yang dibuat kepada kontraktor adalah selaras dengan kerja yang dilaksanakan.** Pihak Audit juga tidak dapat mengesahkan sama ada penyenggaraan projek telah dilaksanakan mengikut jadual yang ditetapkan kerana rekod kerja penyenggaraan tidak diselenggarakan sama ada oleh kontraktor atau pun pihak sekolah. Semakan Audit selanjutnya mendapati perkara berikut :-

a. Tidak ada bukti yang menunjukkan kapsul *iodin* dibekalkan oleh kontraktor ke semua 9 sekolah yang dilawati.

b. Di SK Banting, Sipitang, didapati pancuran air hujan dipenuhi kotoran dan ditumbuhi rumput sehingga menyebabkan pengaliran air hujan ke dalam tangki terhalang seperti di **Gambar 16.3**. Berdasarkan maklum balas daripada pihak sekolah, kerja penyenggaraan tidak pernah dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan sejak tangki tersebut dipasang.

GAMBAR 16.3

SK Banting, Sipitang
- Pancuran Air Hujan Yang Tidak Pernah Disenggarakan Oleh Kontraktor
(19.12.2008)

c. Di SK Kelatuan, Papar, aliran air yang tidak lancar dan mempunyai bau yang kurang menyenangkan disebabkan penuras air tidak dibersihkan oleh kontraktor. **Gambar 16.4** adalah berkaitan.

GAMBAR 16.4

SK Kelatuan, Papar
- Aliran Air Tidak Lancar Disebabkan Penuras Air Tidak Bersih
(17.12.2008)

d. Di SK Kalabakan, Tawau, alat *iodinator* rosak atau dirosakkan oleh pihak yang tidak bertanggungjawab dan masih belum dibaiki/diganti oleh kontraktor sungguhpun mengikut maklum balas daripada pihak sekolah, perkara ini telah dimaklumkan kepada kontraktor berkenaan. **Gambar 16.5 hingga 16.7** adalah berkaitan.

GAMBAR 16.5

SK Kalabakan, Tawau
- Alat Iodinator Dirosakkan
(22.01.2009)

GAMBAR 16.6

SK Kalabakan, Tawau
- Alat Iodinator Rosak
(22.01.2009)

GAMBAR 16.7

SK Kalabakan, Tawau
- Alat Iodinator Dirosakkan
(22.01.2009)

Pada pandangan Audit, Pasukan Projek Sabah dan Kementerian Pelajaran Malaysia hendaklah sentiasa memantau dan memastikan kontraktor melaksanakan kerja penyenggaraan yang ditetapkan supaya sistem bekalan air ini dapat dimanfaatkan oleh pihak sekolah.

16.4.4. Kerja Pembinaan/Pengubahsuaian/Vandalisme Menjejaskan Fungsi Tangki Air

Lawatan Audit ke 9 sekolah mendapati pembinaan bangunan baru dan pengubahsuaian sistem paip air yang dibuat oleh pihak sekolah dan lokasi tangki yang tidak sesuai telah memberi kesan kepada pencapaian objektif projek ini. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

16.4.4.1. Di SK Kabogan, Semporna, didapati air daripada bumbung prasekolah yang baru dibina tidak dapat disalurkan ke dalam tangki yang pada asalnya dibina untuk bangunan lama yang mana telah dirobohkan. Keadaan ini berlaku kerana pancuran air yang disambungkan dari bumbung prasekolah tersebut adalah lebih rendah daripada aras ketinggian tangki dan ini menyebabkan air hujan tidak dapat disalurkan ke tangki itu **(Gambar 16.8)**. Semakan Audit selanjutnya mendapati pihak sekolah tidak memaklumkan masalah ini kepada kontraktor.

GAMBAR 16.8

SK Kabongan, Semporna
- Aras Tangki Lebih Tinggi Daripada Pancuran Air
(21.01.2009)

16.4.4.2. Di SK Kelatuan, Papar, dua set tangki telah dibuka dan dipisahkan kerana tapak tangki digunakan untuk projek pembinaan rumah baru guru. Tindakan ini tidak diketahui oleh kontraktor atau Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah. Gambar berikut menunjukkan set tangki yang telah dibuka dan dipisahkan :-

GAMBAR 16.9

SK Kelatuan, Papar
- Tangki Diturunkan Dan Diletakkan Di Kawasan Tapak Pembinaan Projek Rumah Baru Guru Tanpa Pengetahuan Kontraktor
(17.12.2008)

GAMBAR 16.10

SK Kelatuan, Papar
- Komponen Tangki Yang Telah Dibuka Dan Dipisahkan Diletakkan Di Kawasan Tapak Pembinaan Projek Rumah Baru Guru
(17.12.2008)

16.4.4.3. Di SK Kalabakan, Tawau, didapati banyak pengubahsuaian paip yang tidak dibenarkan telah dibuat oleh pihak sekolah tanpa diketahui oleh kontraktor atau Jabatan Pembangunan Persekutuan Sabah. Kerja pengubahsuaian paip ini telah menyebabkan kebocoran paip atau tekanan air rendah. Akibatnya, pengguna terutamanya murid dan guru mengalami kesukaran untuk mendapatkan bekalan air walaupun terdapat 11 tangki berkapasiti 25,000 liter di sekolah tersebut. Terdapat juga kerja pengubahsuaian paip dibuat tanpa melalui alat *iodinator* seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 16.11



GAMBAR 16.12

SK Kalabakan, Tawau
- Pengubahsuaian Paip Tanpa Melalui Alat Iodinator
(22.01.2009)

16.4.4.4. Di SK Baru-Baru, Tuaran, tangki airnya ditempatkan di luar pagar kawasan sekolah. Ini menyebabkan corong paip yang menyalurkan air hujan daripada pancuran air ke dalam tangki telah dipecahkan oleh orang awam yang tidak bertanggungjawab yang melalui kawasan itu. Kebocoran kepada corong paip telah menghadkan pengaliran air hujan ke dalam tangki. **Gambar 16.13 dan 16.14** menunjukkan corong paip yang telah dipecahkan.

GAMBAR 16.13

GAMBAR 16.14



SK Baru-Baru, Tuaran
- Corong Air Dipecahkan
(03.11.2008)

Pada pandangan Audit di masa hadapan, Pasukan Projek Sabah perlu memastikan pihak sekolah mendapat kelulusannya sebelum sebarang kerja pengubahsuaian dibuat supaya kerja tersebut tidak menjejaskan fungsi tangki berkenaan.

16.4.5. Tahap Kepuasan Pengguna

Bagi menilai keberkesanan projek bekalan air bersih ke sekolah luar bandar di Sabah melalui *Rain Water Harvesting System*, pihak Audit telah mengedarkan borang soal selidik kepada pengguna yang terdiri daripada pengetua/guru besar, guru, murid, kakitangan bukan akademik, penghuni rumah guru, pengusaha kantin dan pengawal keselamatan sekolah. Sebanyak 105 borang soal selidik telah diedarkan kepada pengguna tersebut di 18 sekolah di mana 101 borang (96.2%) telah dikembalikan. Hasil analisis terhadap soal selidik mendapati 56% daripada pengguna berpuas hati dengan bekalan air melalui kaedah ini (Butirannya adalah seperti di **Jadual 16.4**). Manakala 44% daripada pengguna tidak berpuas hati kerana sering kali menghadapi masalah kekurangan air dan kualiti air yang tidak memuaskan akibat daripada tekanan air yang rendah, pencemaran dan ketiadaan penyenggaraan sistem paip air.

JADUAL 16.4
TAHAP KEPUASAN PENGGUNA TERHADAP PROJEK
BEKALAN AIR BERSIH MELALUI *RAIN WATER HARVESTING SYSTEM*

PERKARA	PENGETUA/GURU BESAR	PENGGUNA	JUMLAH
Bilangan Soal Selidik Diedarkan	19	86	105
Bilangan Soal Selidik Dikembalikan	18	83	101
Kepuasan Pengguna :- i) Sangat berpuas hati ii) Berpuas hati iii) Kurang berpuas hati iv) Tidak berpuas hati	 3 11 3 1	 8 35 33 7	 11 46 36 8
JUMLAH	18	83	101

16.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Sungguhpun projek bekalan air bersih ke sekolah luar bandar di Sabah melalui *Rain Water Harvesting System* dilaksanakan untuk meningkatkan kualiti hidup dan tahap kesihatan murid, guru dan ahli keluarganya, namun objektif pelaksanaan projek ini tidak dapat dicapai sepenuhnya kerana beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya. Bagi membolehkan projek ini memberi manfaat kepada kumpulan yang disasarkan dan juga mengelakkan kelemahan yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek seumpama ini, adalah disyorkan supaya semua pihak yang terlibat dengan projek ini memberikan pertimbangan kepada perkara berikut :-

16.5.1. Pasukan Projek Sabah (PPS) hendaklah membuat pemantauan rapi terhadap kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor dan memastikan penyenggaraan terhadap sistem paip air dibuat secara berjadual oleh kontraktor berkenaan. Sehubungan ini, pihak sekolah, Kementerian Pelajaran Malaysia, PPS dan kontraktor perlu bekerjasama dengan mengadakan mesyuarat secara berkala untuk membincang dan mengatasi masalah berkaitan penyenggaraan projek ini.

16.5.2. Kementerian Pelajaran Malaysia perlu menyediakan peruntukan bagi kerja-kerja penyenggaraan projek selepas tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan supaya ia dapat dimanfaatkan secara berterusan.

16.5.3. PPS perlu memastikan pihak sekolah mendapat kelulusannya sebelum sebarang kerja pengubahsuaian dibuat supaya kerja tersebut tidak menjejaskan fungsi tangki berkenaan.

16.5.4. PPS perlu menentukan jumlah denda yang boleh dikenakan terhadap kontraktor dan memastikan ia menjelaskannya.

17. PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL PEKAN, PAHANG

17.1. LATAR BELAKANG

17.1.1. Kementerian Kesihatan Malaysia telah merancang untuk membina sebuah hospital baru di daerah Pekan, Pahang dalam Rancangan Malaysia Ketujuh (tahun 1996 hingga 2000) bagi menggantikan hospital sedia ada dengan anggaran kos berjumlah RM81.59 juta. Pembangunan hospital baru antara lainnya bertujuan untuk memenuhi keperluan rakyat yang semakin meningkat bagi perkhidmatan kesihatan yang komprehensif, berkesan, berkualiti, mudah diperoleh, berteknologi serta mengurangkan masalah kesesakan di hospital sedia ada. Hospital baru ini menyediakan sebanyak 108 unit katil.

17.1.2. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dengan kelulusan Kementerian Kewangan telah menetapkan kaedah pelaksanaan hospital ini secara *turnkey* di mana kontraktor yang dilantik bertanggungjawab sepenuhnya bagi semua peringkat pelaksanaan projek dari penyiasatan tapak, penyediaan reka bentuk, pembinaan, penyeliaan, pembekalan, pemasangan dan pentauliahan peralatan serta penyenggaraannya.

17.1.3. Projek ini antara lainnya meliputi penyediaan infrastruktur dan peralatan seperti berikut :-

a. Bangunan Hospital - Pejabat Pentadbiran, Dewan Bedah, Dewan Bersalin, Makmal Patologi, Farmasi, Klinik Pakar, Wad Di-Raja, Wad Biasa, Wad Kecemasan, Wad Pengimejan dan Rehabilitasi.

b. Bangunan Kuarters - 1 blok 2 tingkat (Kelas C-2 unit, Kelas D-6 unit, Kelas E-8 unit), 1 blok 3 tingkat (Kelas F-12 unit), 1 blok 4 tingkat (Kelas G-16 unit), 1 blok Asrama Jururawat (20 unit).

c. Kemudahan Sokongan - 1 blok Stor Farmasi dan dapur, 1 blok perkhidmatan sokongan dan Unit Forensik, 1 blok kafeteria dan rumah tamu, kemudahan sukan dan riadah.

d. Peralatan terdiri daripada peralatan perubatan, peralatan bukan perubatan, perabot dan kenderaan yang bilangannya ditetapkan mengikut kapasiti hospital.

17.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan Hospital Pekan telah dirancang dan dilaksanakan dengan cekap dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

17.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

17.3.1. Pengauditan ini meliputi perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap projek pembinaan Hospital Pekan dengan tumpuan diberikan kepada beberapa aspek seperti pemilihan kontraktor; penetapan harga kontrak; pematuhan syarat kontrak; kualiti pembinaan; pembekalan, penggunaan dan penyenggaraan peralatan serta penggunaan dan pembaikan kemudahan. Bagi tujuan ini, semakan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan telah dibuat di Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Kementerian Kesihatan Malaysia dan Cawangan Kerja Kesihatan, Jabatan Kerja Raya (JKR).

17.3.2. Pihak Audit juga telah membuat lawatan ke Hospital Pekan bagi menjalankan pemeriksaan fizikal di samping mengadakan perbincangan dengan pegawai yang bertanggungjawab.

17.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga September 2008 mendapati secara umumnya, pelaksanaan projek pembangunan Hospital Pekan, Pahang adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan yang bukan sahaja menyebabkan kerugian kepada Kerajaan malahan kemudahan yang disediakan tidak boleh dimanfaatkan oleh orang awam. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah Sijil Perakuan Siap Kerja telah dikeluarkan sedangkan masih ada kerja yang belum disiapkan sepenuhnya dan peralatan tidak dibekalkan dengan sempurna oleh kontraktor; perbezaan yang ketara bagi jumlah peralatan yang disahkan penerimaannya oleh JKR dengan laporan Kemuncak Facilities Management Sdn. Bhd. yang dilantik oleh JKR untuk menyelia kerja pembaikan dalam tempoh tanggungan kecacatan; projek lewat disiapkan menyebabkan kosnya meningkat; kerja pembinaan tidak sesuai/ berkualiti serta peralatan dan kemudahan tidak digunakan secara optimum. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

17.4.1. Pelantikan Kontraktor Dan Penetapan Harga

17.4.1.1. Pelantikan kontraktor bagi membangunkan Hospital Pekan adalah secara rundingan terus dengan alasan projek perlu disiapkan segera. Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri telah memilih terlebih dahulu nama kontraktor yang akan melaksanakan projek sama ada secara konsortium atau bersendirian. Kementerian Kewangan pada asalnya telah melantik Syarikat ABI Construction Sdn. Bhd. dengan melibatkan Syarikat Meditek Equipment Sdn. Bhd. sebagai rakan kongsi dalam merancang dan mereka bentuk hospital serta membekalkan peralatan perubatan. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan kemudiannya telah memutuskan supaya Syarikat Meditek Equipment Sdn. Bhd. dilantik sebagai perunding terhadap peralatan perubatan sahaja memandangkan terdapat masalah koordinasi antara syarikat ini dengan Syarikat ABI Construction Sdn. Bhd.

17.4.1.2. Syarikat ABI Construction Sdn. Bhd. merupakan kontraktor Kelas A dan Gred G7 yang berdaftar dengan Pusat Khidmat Kontraktor dan Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia. Sungguhpun kontraktor ini mendapat pengiktirafan ISO 9001:2000 serta mempunyai pengalaman dalam bidang pembinaan semenjak tahun 1979, namun tiada bukti yang menunjukkan kontraktor ini mempunyai pengalaman dalam mengendalikan projek pembinaan hospital.

17.4.1.3. Rundingan harga telah diadakan antara kontraktor, Jabatan Kerja Raya (JKR) dan Kementerian Kesihatan bagi menetapkan harga kontrak sebelum ia dikemukakan untuk kelulusan Kementerian Kewangan. Didapati harga yang dipersetujui hasil daripada rundingan adalah berjumlah RM82.80 juta berbanding dengan harga tawaran asal kontraktor berjumlah RM95 juta. Keputusan rundingan harga tersebut telah dikemukakan oleh JKR kepada Kementerian Kewangan untuk pertimbangan dan kelulusan pada 8 Mac 2000. Bagaimanapun, Kementerian Kewangan pada 23 Jun 2000 telah meluluskan harga kontrak bernilai RM81.59 juta yang merupakan anggaran kos JKR. Sungguhpun harga kontrak yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan adalah lebih rendah sebanyak RM13.41 juta atau 14.1% daripada harga asal (RM95 juta) yang ditawarkan oleh kontraktor, namun jumlah kos projek telah meningkat kepada RM96.45 juta akibat daripada kerja tambahan dan bayaran ex-gratia seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.1
KOS KESELURUHAN PROJEK PEMBANGUNAN HOSPITAL PEKAN

PERKARA	NILAI KONTRAK ASAL (RM Juta)	KOS TAMBAHAN (RM Juta)	PENGURANGAN KOS (RM Juta)	JUMLAH (RM Juta)
Bangunan Asal	81.59	5.50	1.75	85.33
Wad Di-Raja	5.00	0.89	0.002	5.89
Ambulans	-	0.74	-	0.74
Lanskap	-	0.10	-	0.10
Ex-gratia 1	-	0.78	-	0.78
Ex-gratia 2	-	3.61	-	3.61
JUMLAH	**86.59**	**11.62**	**1.75**	**96.45**

17.4.1.4. Adalah didapati Kementerian Kewangan telah meluluskan supaya JKR membayar ex-gratia berjumlah RM4.39 juta iaitu 23.5% daripada RM18.70 juta yang dituntut oleh kontraktor berdasarkan kerugian yang dialaminya akibat daripada perkara berikut :-

a. Kesilapan aras ketinggian tambakan pasir yang diguna pakai di dalam perancangan kerja projek oleh pihak JKR.
b. Harga kontrak yang ditawarkan dan harga yang diluluskan adalah jauh berbeza menyebabkan kerugian ditanggung oleh kontraktor.
c. Krisis kenaikan harga besi antara bulan September 2003 hingga April 2004 memberi impak besar kepada kenaikan barangan berasaskan besi.

d. Kenaikan mata wang Euro daripada RM3.80 kepada RM4.20 bagi setiap 1 Euro pada tahun 1998 menyebabkan harga peralatan yang diimport dari luar negara naik secara mendadak.

e. Penghantaran balik buruh asing mengakibatkan kurang tenaga kerja dan menyebabkan kadar upah kerja meningkat kerana permintaan terhadap tenaga kerja tinggi.

f. Sub kontraktor mengenakan syarat pembayaran yang ketat.

g. Bayaran yang tinggi perlu dibayar untuk kemudahan bank.

17.4.1.5. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 2 Tahun 1995 menetapkan kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh 4 bulan selepas Surat Setuju Terima dikeluarkan. Didapati kontrak hanya ditandatangani pada 12 Mei 2001 sungguhpun Surat Setuju Terima telah dikeluarkan pada 24 Julai 2000 iaitu kelewatan selama 5 ½ bulan.

17.4.1.6. Perjanjian kontrak yang ditandatangani mengandungi syarat yang antara lainnya menghendaki kontraktor menyerahkan Bon Pelaksanaan dalam bentuk jaminan bank atau jaminan insurans dalam tempoh 4 minggu dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan. Selain itu, kontraktor juga dikehendaki mengambil insurans untuk melindungi daripada tuntutan pampasan oleh mana-mana pihak. Semakan Audit mendapati kontraktor lewat mengemukakan Bon Pelaksanaan dan insurans. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.2
TEMPOH KELEWATAN MENYERAHKAN BON PELAKSANAAN DAN INSURANS

PERKARA	TARIKH SEPATUTNYA DIKELUARKAN	TARIKH SEBENAR DIKELUARKAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)
Bon Pelaksanaan	24.08.2000	31.10.2000	68
Insurans	24.08.2000	06.09.2000	13

Pada pandangan Audit, JKR sepatutnya mempercepatkan proses menandatangani kontrak pembinaan hospital untuk tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak demi menjaga kepentingan Kerajaan. JKR juga perlu memastikan Bon Pelaksanaan dan insurans diserahkan dalam tempoh yang ditetapkan.

17.4.2. Prestasi Projek

17.4.2.1. Kelewatan Menyiapkan Projek

a. Semakan Audit mendapati pembinaan Hospital Pekan tidak disiapkan mengikut jadual. Mengikut syarat kontrak, projek ini perlu disiapkan dalam tempoh 30 bulan atau 913 hari daripada tarikh pemilikan tapak iaitu pada 2 September 2000. Bagaimanapun, kemajuan kerja pada tarikh akhir kontrak iaitu pada 1 Mac 2003 adalah setakat 46.2%. **Kontraktor telah diluluskan 7 lanjutan masa selama 41 bulan** (1,215 hari) iaitu 57.1% daripada tempoh keseluruhan pelaksanaan projek. Butiran prestasi projek pembinaan Hospital Pekan adalah seperti di jadual dan carta berikut :-

JADUAL 17.3
PRESTASI PROJEK PEMBINAAN HOSPITAL PEKAN

PERKARA	TARIKH PROJEK PATUT SIAP	TEMPOH LANJUTAN MASA (Hari)	PERATUS KEMAJUAN KERJA PADA TARIKH AKHIR LANJUTAN MASA	PERATUS KELEWATAN PADA TARIKH AKHIR LANJUTAN MASA
Kontrak Asal	01.03.2003	-	46.2	53.8
Lanjutan Masa 1	01.12.2003	275	59.4	40.6
Lanjutan Masa 2	29.02.2004	90	61.9	38.1
Lanjutan Masa 3	31.07.2004	153	81.7	18.3
Lanjutan Masa 4	06.12.2004	128	86.1	13.9
Lanjutan Masa 5	30.04.2005	144	92.0	8.0
Lanjutan Masa 6	31.12.2005	244	96.9	3.1
Lanjutan Masa 7	30.06.2006	181	100	-
JUMLAH		1,215		

CARTA 17.1
BILANGAN HARI PEMBINAAN HOSPITAL PEKAN
MENGIKUT TEMPOH KONTRAK ASAL DAN TEMPOH LANJUTAN MASA



b. Semakan Audit mendapati 4 daripada 7 lanjutan masa lewat diberi kelulusan oleh JKR kepada Syarikat ABI Construction Sdn. Bhd. antara 10 hingga 74 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.4
LANJUTAN MASA YANG DIKELUARKAN KEPADA KONTRAKTOR

LANJUTAN MASA	TEMPOH DILIPUTI	TARIKH PERAKUAN	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	SEBAB LANJUTAN MASA
1	02.03.2003 Hingga 01.12.2003	18.09.2002	-	Tambahan kuantiti kerja penambakan pasir, pemberhentian sementara permit mengangkut pasir dan skop kerja tambahan Wad Di-Raja.
2	02.12.2003 Hingga 29.02.2004	19.05.2003	-	Masalah pekerja di tapak binaan akibat program pemutihan Kerajaan.
3	01.03.2004 Hingga 31.07.2004	07.05.2004	67	Kerja tambahan Wad Di-Raja.
4	01.08.2004 Hingga 06.12.2004	14.10.2004	74	Kekurangan bekalan besi dan bahan binaan di pasaran, halangan kerja menaik taraf jalan di pintu masuk dan keperluan bilik server baru.
5	07.12.2004 Hingga 30.04.2005	06.12.2004	-	Kelewatan kelulusan *surgical instruments* dan tempoh bekalan peralatan sampai ke tapak dari tarikh pesanan.
6	01.05.2005 Hingga 31.12.2005	11.05.2005	10	Kelewatan pemasangan paip gas perubatan.
7	01.01.2006 Hingga 30.06.2006	15.02.2006	45	Kelewatan mendapat pengesahan kemasan Wad Di-Raja.

c. Akibat daripada lanjutan masa yang diberi oleh JKR menyebabkan Kerajaan menanggung kos tambahan berjumlah RM591,598 bagi menampung kerugian dan perbelanjaan tambahan seperti bayaran pentadbiran yang dilakukan oleh kontraktor.

d. Memandangkan kedudukan Hospital Pekan berada berdekatan Bandar Di-Raja Pahang, Kementerian melalui perjanjian tambahan telah menambah skop kerja pembinaan berjumlah RM5 juta bagi membina sebuah Wad Di-Raja yang menempatkan 2 katil. Lokasi Wad Di-Raja terletak di Aras 2 bangunan utama Hospital Pekan. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

   i. Perancangan asal Hospital Pekan tidak mengambil kira kedudukan istana di Pekan yang merupakan Bandar Di-Raja Pahang.

   ii. Kementerian telah membuat keputusan untuk menyediakan Wad Di-Raja melalui surat bertarikh 28 September 2000 kepada JKR. Bagaimanapun, JKR hanya memohon kelulusan daripada Perbendaharaan Malaysia pada 28 Februari 2002 iaitu selepas 17 bulan daripada tarikh Kementerian membuat keputusan tersebut. Berdasarkan daripada maklum balas yang diberi oleh JKR, kelewatan ini disebabkan proses mendapatkan persetujuan bagi mengesahkan butiran kontrak antara JKR dan Kementerian.

   iii. Perjanjian tambahan untuk membina Wad Di-Raja di ruang kosong, Aras 2, bangunan utama hospital tidak menyatakan butiran terperinci kerja yang perlu dilakukan.

   iv. Sungguhpun Wad Di-Raja telah diserahkan bersama keseluruhan bangunan Hospital Pekan pada bulan Disember 2007, wad tersebut belum dapat berfungsi kerana masih ada beberapa kerosakan yang sedang diperbaiki.

e. Berdasarkan kontrak, sejumlah RM500,000 daripada nilai kontrak adalah bagi kerja lanskap dalam bangunan dan persekitaran kawasan hospital. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada butiran terperinci bagi jumlah kerja lanskap yang perlu dibuat seperti jenis, jumlah dan pokok yang perlu ditanam serta jumlah lanskap dalaman. Oleh itu, **pihak Audit tidak dapat menentukan sejauh mana kerja yang telah dilaksanakan oleh kontraktor dan bayaran yang telah dibuat adalah teratur.**

f. Semakan Audit mendapati semasa lawatan Menteri Kesihatan ke Hospital Pekan, Pahang pada bulan September 2007, pihak hospital telah melantik kontraktor lain melalui sebut harga untuk menaik taraf dan pembaikan kerja lanskap bagi menambah keceriaan di pekarangan hospital yang melibatkan kos bernilai RM100,000. **Pada pandangan Audit, kerja tersebut sepatutnya tidak wajar dilaksanakan memandangkan pada ketika itu projek ini masih di dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan dan**

sekiranya berlaku kerosakan lanskap selepas kerja naik taraf tersebut akan menyebabkan kontraktor asal tiada obligasi terhadap kerosakan ini.

g. Semakan Audit mendapati dari tarikh akhir lanjutan masa pada 30 Jun 2006 dan hingga 29 Disember 2006 iaitu selama 181 hari, kontraktor tidak diluluskan lanjutan masa tetapi masih ada kerja pembinaan yang belum diselesaikan dan peralatan juga belum dibekalkan sepenuhnya. Oleh itu, kontraktor sepatutnya dikenakan *Liquidated And Ascertained Damages* (LAD) dalam tempoh tersebut sebanyak RM21,646 sehari selaras dengan syarat kontrak. Mengikut perkiraan Audit, kontraktor sepatutnya dikenakan LAD berjumlah RM3.92 juta. Bagaimanapun, didapati satu perjanjian tambahan telah ditandatangani pada 29 Disember 2006 antara Kerajaan dan kontraktor di mana Kerajaan **tidak akan menuntut ganti rugi bagi kelewatan yang dilakukan oleh kontraktor dan menganggap kontraktor telah menyiapkan kerja sepenuhnya pada 30 Jun 2006**. Sebagai balasan, kontraktor bersetuju untuk melanjutkan tempoh penyenggaraan dan Tempoh Tanggungan Kecacatan dari 24 bulan kepada 31 bulan yang akan bermula daripada tarikh siap kerja. Kerajaan juga bersetuju untuk mengeluarkan Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) di mana tarikh siap kerja adalah ditetapkan pada 30 Jun 2006. Semakan Audit mendapati JKR telah mengeluarkan CPC tersebut pada 29 Disember 2006 yang menunjukkan kerja telah disiapkan pada 30 Jun 2006.

h. Semakan Audit selanjutnya mendapati pada tarikh CPC dikeluarkan, JKR mengesahkan masih ada 22 kerja belum disempurnakan dan 121 peralatan yang belum diserahkan. Antara peralatan yang belum diserahkan ialah *Meter - Suction Wall Mounted 0-700mm Hg W Collection Bottle, Pipeline, Slide Cabinet, Tube - Westergreen 12" Blood Sedimentation* dan *Balance - Top Loading To 5kg +/-0.01gm Electronic.* Kontraktor dikehendaki menyiapkan semua kerja terbengkalai dan membekalkan peralatan terlibat dalam tempoh 3 bulan dari tarikh CPC dikeluarkan. Bagaimanapun setakat bulan Jun 2008, JKR telah mengesahkan masih ada 9 kerja yang belum dilaksanakan dan 13 unit peralatan belum dibekalkan yang melibatkan kelewatan selama 18 bulan **(Jadual 17.5 dan 17.6)**. Namun demikian, berdasarkan laporan pada bulan Jun 2008 oleh Kemuncak Facilities Management Sdn. Bhd. yang dilantik oleh JKR untuk menyelia kerja pembaikan dalam tempoh tanggungan kecacatan, didapati **bilangan peralatan yang belum dibekalkan adalah berjumlah 634 unit yang mana perbezaannya adalah ketara berbanding dengan jumlah yang disahkan oleh JKR**.

JADUAL 17.5
SENARAI KERJA YANG BELUM SIAP
SEMASA LAWATAN AUDIT PADA 30 JUN 2008

PERKARA	KERJA-KERJA YANG BELUM SIAP SEMASA SIJIL PERAKUAN SIAP KERJA DIKELUARKAN
Kerja Arkitek	Pemasangan *curtain track* di beberapa tempat belum siap.
	Door guard dan *kick plate* pada pintu belum dipasang.
	Perkakas tandas masih ada yang belum dipasang di blok kuarters Kelas F.
	Peralatan sanitari dan penyidai kain masih dalam proses pemasangan di asrama jururawat.
	Penyidai kain di asrama jururawat dalam proses pemasangan.
Kerja Mekanikal	Lebihan paip dan sampah di kawasan yang menempatkan LPG tank tidak dibersihkan.
	Pengesahan *flat roof water proofing* belum dibuat di *domestic water tank*.
	Kabinet untuk bilik kawalan belum dipasang.
Kerja Sivil	Pemeriksaan akhir Joint PDC8 oleh JPP/Indah Water Konsortium belum dibuat.

JADUAL 17.6
SENARAI PERALATAN YANG BELUM DIHANTAR
SEMASA LAWATAN AUDIT PADA 30 JUN 2008

NAMA PERALATAN	BILANGAN PERALATAN (Unit)
Balance, top loading to 5kg +/-0.01gm electronic	2
Membrance fitration set w/vac pump laboratory	1
Sampler, air laboratory	1
Timer, laboratory to 60 minutes	3
Tube, westergreen 12" blood sedimentation	6
JUMLAH	**13**

i. Pada 18 Mac 2009, pihak Audit telah memilih sebanyak 73 peralatan dari pelbagai jenis yang disenaraikan dalam Laporan Kemuncak Facilities Management Sdn. Bhd. untuk menentukan ketepatan barangan yang telah disahkan penerimaannya oleh JKR dan mendapati 23 peralatan tidak dapat dikesan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.7
PERALATAN YANG TIDAK DAPAT DIKESAN
SEMASA LAWATAN AUDIT PADA 18 MAC 2009

LOKASI	NAMA PERALATAN	BILANGAN TIDAK DITERIMA (Unit)
Makmal Patologi	*Slide Cabinet*	12
Unit Forensik	*Drum, Dressing Sterilizer Stainless Steel 12" x 15"*	4
	Toaster Electric	1
Dewan Bedah	*Tube, Endotrackheal In Sets (Box Of 10)*	2
	Basket, Medicine Pharmarcy Delivery	2
	Brushes, Scrubbing Nail Surgical In Packs 20	1
Jabatan Kecemasan	*Box Specimen, Collection Laboratory*	1
JUMLAH		**23**

Pada pandangan Audit, tindakan JKR mengebelakangkan tarikh CPC adalah tidak teratur dan perlu dipandang serius. JKR perlu menjalankan pemeriksaan dengan teliti untuk mengenal pasti sebab berlakunya perbezaan yang ketara bagi jumlah peralatan yang tidak dibekalkan dan memastikan pembayaran tidak dibuat bagi peralatan yang tidak dibekalkan oleh kontraktor.

j. Mengikut Seksyen 2 Akta Kontrak Kerajaan 1949, kontrak bagi Kerajaan Malaysia hendaklah ditandatangani oleh Menteri dan Menteri boleh menurunkan kuasa kepada pegawai lain menandatangani kontrak bagi pihaknya. Semakan Audit mendapati perjanjian tambahan tersebut telah ditandatangani oleh Pengarah Cawangan Kerja Kesihatan yang hanya diberi kuasa oleh Ketua Pengarah JKR sebagai Pengarah Projek dan tiada bukti yang menunjukkan kelulusan telah diberi oleh Menteri Kerja Raya bagi membolehkan beliau menandatangani perjanjian tambahan itu. **Pada pandangan Audit, perjanjian tersebut adalah tidak sah dan ini mengakibatkan syarat kontrak yang ditetapkan dalam perjanjian tambahan itu termasuk mengecualikan kontraktor daripada bayaran ganti rugi boleh dipertikaikan.**

17.4.2.2. Pembinaan Tidak Berkualiti/Tidak Mengikut Spesifikasi/Tidak Sesuai

a. Semakan Audit di hospital yang dilawati bagi melihat keadaan fizikal bangunan dan kemudahan yang dibina atau disediakan mendapati ada kerja pembinaan yang tidak mengikut spesifikasi kontrak. Contohnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.8
PEMBINAAN TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI KONTRAK

BAHAGIAN/UNIT	SPESIFIKASI KONTRAK	KEADAAN FIZIKAL
Wad Perempuan (3A)	Lantai dibina sehingga ke dinding. Tiada ruang kosong ditinggalkan. (Lukisan Pelan MHB/WDCB/03-00)	Lantai tidak dibina sehingga ke dinding.
Papan Tanda Utama Hospital	Dua lampu *spotlight* perlu dipasang pada papan tanda utama hospital.	Lampu tidak dipasang pada papan tanda tersebut.
Kuarters	Ampaian hendaklah disediakan bagi setiap blok kuarters dan hostel. (rujukan kontrak 4.2.56)	Ampaian tidak disediakan.
Padang Tenis	Satu padang tenis yang lengkap perlu disediakan. (rujukan kontrak 6.2.1.i.a)	Padang tenis tidak disediakan.
Padang Permainan Kanak-kanak	Membina 2 taman permainan kanak-kanak iaitu di kawasan kuarters dan bersebelahan balai pelawat dan dilengkapi dengan permukaan *fall-absorbing*. (rujukan kontrak 6.2.1.i.e, 6.2.2.ii dan 6.1.3.d)	Hanya membina satu padang permainan kanak-kanak di tengah-tengah kawasan antara kuarters dan kafeteria dan tidak dilengkapi sepenuhnya dengan permukaan *fall-absorbing*. **(Gambar 17.1 dan 17.2)**
Lanskap Dalaman	Kontraktor sepatutnya menempatkan lanskap dalaman seperti tanaman dalam pasu. (rujukan kontrak 7.1.4)	Tiada sebarang kerja dibuat bagi lanskap dalaman di bangunan hospital.

GAMBAR 17.1



Padang Permainan Kanak-kanak
- Hanya Terdapat Satu Padang Permainan Kanak-kanak Berhampiran Kuarters Kakitangan
(05.07.2008)

GAMBAR 17.2

Padang Permainan Kanak-kanak
- Pelapik Getah Hanya Dipasang Pada Sebahagian Kecil Kawasan Permainan
(02.07.2008)

b. Semakan Audit juga mendapati beberapa reka bentuk pembinaan tidak sesuai dan boleh menjejaskan keselesaan pengguna seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.9
REKA BENTUK PEMBINAAN YANG TIDAK SESUAI

LOKASI	KEADAAN FIZIKAL
Makmal Patologi	• Ruang yang menempatkan *Eye Wash* dan *Drench Shower* terlalu kecil (keluasan 1.092 meter persegi). Tiada sistem aliran air mengakibatkan air melimpah ke lantai apabila menggunakan peralatan tersebut. **(Gambar 17.3)** • Kaunter tiada tempat untuk meletak spesimen. **(Gambar 17.4)**
Laluan Berbumbung Dari Dapur/ Stor Ke Bangunan Utama	• Laluan dengan kemasan *interlocking pavement block* tidak rata dan mendap boleh menjejaskan barangan yang dibawa dengan menggunakan troli. **(Gambar 17.5)**
Tandas Lelaki, Aras 1 Bangunan Utama	• Ruang untuk bukaan pintu tidak mencukupi dan menyukarkan pergerakan pengguna semasa masuk dan keluar dari tandas. **(Gambar 17.6)**
Wad Pediatrik	• Tingkap tidak boleh dibuka sepenuhnya disebabkan jarak dinding terlalu dekat pada tingkap. **(Gambar 17.7)**
Wad Bersalin	• Sinki dipasang antara 2 bilik air dan menyukarkan pergerakan. **(Gambar 17.8)**

GAMBAR 17.3

Makmal Patologi
- Lokasi Yang Menempatkan Eye Wash Dan Drench Shower Terlampau Sempit Dan Tiada Saluran Aliran Air Keluar
(07.07.2008)

GAMBAR 17.4

Makmal Patologi
- Kaunter Tiada Tempat Meletak Spesimen
(07.07.2008)

GAMBAR 17.5

Laluan Berbumbung Di Bahagian Belakang Bangunan Utama
- Kemasan Laluan Tidak Sesuai Di Mana Troli Bergegar Apabila Melalui Jalan Ini
(09.07.2008)

GAMBAR 17.6

Aras 1, Bangunan Utama
- Pintu Tandas Lelaki Tidak Boleh Dibuka Sepenuhnya
(04.07.2008)

GAMBAR 17.7

Wad Pediatrik
- Tingkap Tidak Boleh Dibuka Sepenuhnya
(05.07.2008)

GAMBAR 17.8

Wad Bersalin
- Pintu Tandas Tidak Boleh Dibuka Sepenuhnya Oleh Kerana Terdapat Sinki Di Tengah-tengah
(08.07.2008)

c. Semakan Audit juga mendapati beberapa kerja yang tidak disempurnakan atau tidak berkualiti. Keadaan ini boleh menjejaskan keselamatan dan keselesaan pengguna dan perlu pembaikan segera. Berikut diberikan contohnya :-

JADUAL 17.10
KERJA PEMBINAAN TIDAK SEMPURNA/TIDAK BERKUALITI

BAHAGIAN/UNIT	KEADAAN FIZIKAL
Wad Di-Raja	• Siling berkulat di Bilik Santapan Di-Raja akibat kesan kebocoran. **(Gambar 17.9)** • Kesan resapan air di dinding, Bilik Santapan Di-Raja. **(Gambar 17.10)** • Rasuk konkrit berombak/tidak lurus.
Wad Pediatrik	• Lubang air tersumbat dan menyebabkan air hujan bertakung. • Bilik *Sister* banjir disebabkan kebocoran.
Wad Perempuan	• Kemasan lantai di bilik solat wanita tidak dibuat dengan sempurna.
Wad Lelaki	• Tiada pintu untuk keluar ke bumbung rata bagi kerja penyenggaraan. Didapati air bertakung dan tersumbat di saluran buangan air hujan.
Wad Bersalin	• Kesan kebocoran di siling. • Suis elektrik terdedah.
Dewan Bedah	• *Control Medical Gas Alarm* di bilik bedah renggang. **(Gambar 17.11)** • Pintu masuk utama renggang. Perlu rapat untuk mengelak dari pencemaran udara luar. **(Gambar 17.12)**
Intensive Care Unit	• Pemasangan sinki tidak siap dan sempurna. **(Gambar 17.13)**
Makmal Patologi	• Laluan makmal yang menggunakan lantai jenis *vinyl* menggelembung dan tidak rata menyebabkan permukaannya mudah rosak apabila troli menggunakan laluan tersebut.

BAHAGIAN/UNIT	KEADAAN FIZIKAL
Klinik Pakar	• *Whiteboard* dipasang tetapi tidak kemas pada dinding di bilik pendidikan kesihatan. • *Sewerage* paip bocor di ruang menunggu pesakit yang menyebabkan air menitik di ruangan tersebut dan pada masa yang sama meninggalkan bau yang tidak selesa. **(Gambar 17.14)**
Unit Pengimejan Dan Diagnostik	• Kesan kebocoran di siling bilik X-ray. **(Gambar 17.15)** • Siling di bilik Juru - X-ray tidak kemas dan berlubang. • Siling di bilik persalinan kotor akibat kesan kebocoran.
Unit Pensterilan Dan Suci Hama (CSSU)	• Berbendul di tempat wuduk surau tidak lurus.
Pusat Rawatan Harian *(Daycare Unit)*	• Banjir di dalam wad dan bilik persekitaran akibat hujan yang sangat lebat pada hari sebelumnya.
Stor Perubatan	• Siling di bilik simpanan ubat berkulat. • Dinding basah berdekatan peti sejuk akibat daripada kebocoran bumbung. • Kesan kebocoran di siling bilik perbincangan menyebabkan lantai berair.
Unit Rekod Perubatan	• Bilik pegawai rekod berkulat pada dinding. • Kesan kebocoran di bilik pegawai rekod. **(Gambar 17.16)** • Dinding di bilik rekod basah dan menyebabkan bilik ini tidak digunakan kerana khuatir fail-fail pesakit yang disimpan di sini akan rosak.
Kaunter Bayaran/ Unit Hasil	• Kaunter bayaran ditempatkan di ruangan terbuka tanpa ciri-ciri keselamatan serta terdedah kepada risiko kecurian. **(Gambar 17.17)**
Bilik Persidangan Bangunan Utama	• Siling basah akibat daripada kebocoran bumbung. • *Wall paper* tercabut/lekang akibat air dari luar tingkap menyerap masuk ke dinding. • Tingkap merenggang, dinding tingkap tidak di*plaster* dan tidak dicat mengakibatkan air hujan masuk ke dalam.
Bilik Perbincangan (Berhadapan Wad Pediatrik)	• Dinding dan siling berkulat akibat daripada kebocoran bumbung. **(Gambar 17.18)** • Bahagian atas dinding tidak dicat sepenuhnya.
Lobi Utama	• Dinding basah kerana resapan air.
Aras 2, Bangunan Utama	• Dinding condong dengan begitu ketara. **(Gambar 17.19)**
Aras 3, Bangunan Utama	• Lantai di koridor Klinik Pediatrik basah berpunca dari hawa dingin dari bilik *server* di aras bawah. • Dinding basah kerana resapan air di bilik persalinan.
Kuarters Blok B-3-04	• Sinki tiada paip air. **(Gambar 17.20)**
Kuarters Blok C-1-01	• Kesan kebocoran di siling bilik air.
Kuarters Blok C-2-01	• Kesan kebocoran di siling bilik tidur utama. • Bumbung bilik bocor telah menyebabkan almari rosak. • Kesan kebocoran di siling ruang sebelah dapur.
Kuarters Blok C-2-02	• Kesan kebocoran di siling bilik tidur utama.
Kuarters Blok B-2-01	• Pintu yang diganti tidak dicat. • Siling tertanggal.
Kuarters Blok B-3-04	• Pintu rosak dan tidak berkualiti. **(Gambar 17.21)** • Pemasangan *door lockset* tidak sempurna. • Kesan kebocoran di ruang tamu.
Kuarters Blok B-3-03	• Kesan kebocoran di siling ruang tamu.
Kuarters Blok A-4-04	• Kesan kebocoran di siling dan dinding bilik tetamu.
Kuarters Blok A-4-02	• Kesan kebocoran di siling bilik tetamu.
Asrama Jururawat	• Kesan kebocoran di siling ruang tamu.
Taman Asuhan Kanak-kanak (Crèche)	• Tingkap renggang. **(Gambar 17.22)** • Paip *sanitary* bocor di kawasan luar. **(Gambar 17.23)**

BAHAGIAN/UNIT	KEADAAN FIZIKAL
Balai Pelawat	• Dinding di sekitar Aras 2 basah. • Tebukan yang dibuat di siling bagi menyalurkan saluran paip air tidak dibuat dengan kemas. • Pemasangan sinki tidak siap dan tidak sempurna.
Lanskap	• Rumput yang ditanam mati dan ditumbuhi rumput liar.
Bumbung Bangunan Utama Hospital	• Lubang air keluar tersumbat menyebabkan air bertakung di saluran air di bumbung. • Bumbung dipasang tidak kemas. **(Gambar 17.24)**
Laluan Berbumbung Pejalan Kaki	• *Interlocking Pavement Block* di laluan pejalan kaki berlubang dan tidak rata disebabkan tanah mendap. • Longkang pejalan kaki tidak dibersihkan dan masih terdapat sisa-sisa bahan binaan.
Laluan Berbumbung Di Belakang Blok Utama	• Tiada saluran air hujan dan paip buangan ke longkang. Perlu dibuat kerana longkang tertutup.
Kaki Lima, Bangunan Stor Perubatan	• Permukaan lantai simen tidak rata dan tidak kemas. • Kesan retak yang sangat ketara. **(Gambar 17.25)**
Jalan Bertar Di Kawasan Hospital	• Air bertakung di beberapa kawasan apabila hujan.
Bebendul Pagar (Pintu Masuk Utama)	• Kerja pemasangan bebendul tidak siap.
Tempat Pembuangan Sampah - Kuarters	• Keseluruhan tingkap kaca pada dinding bangunan ini tidak dipasang menyebabkan pencemaran udara. **(Gambar 17.26)**
Tandas Lelaki, Aras 1	• Dinding tandas tidak ditutup dengan tiles. **(Gambar 17.27)**
Tangga Ke *Lift Motor Room*	• Dinding berkulat. • Lantai pecah.
Tangga Di Hadapan Wad Bersalin	• Kebocoran disebabkan tiada saluran air keluar dari tandas di tingkat atas. **(Gambar 17.28)**
Bahagian Luar Wad	• Saluran air hujan bocor dan berkulat.
Lobi Lif, Aras 1	• Sempit untuk pergerakan katil beroda pesakit apabila keluar dari lif. • Bucu dinding rosak akibat dilanggar katil beroda. **(Gambar 17.29 dan 17.30)**

Pada pandangan Audit, memandangkan Bon Pelaksanaan dan tempoh tanggungan kecacatan masing-masingnya telah tamat pada 15 November 2008 dan 31 Januari 2009, kegagalan kontraktor melaksanakan kerja pembinaan dengan sempurna akan menyebabkan Kerajaan terpaksa menanggung kos bagi kerja pembaikan.

GAMBAR 17.9

Bilik Santapan Di-Raja
- Kesan Kebocoran Di Siling
(08.07.2008)

GAMBAR 17.10

Bilik Santapan Di-Raja
- Kesan Resapan Air Di Dinding
(08.07.2008)

GAMBAR 17.11



Dewan Bedah
- Control Medical Gas Alarm Renggang
(08.07.2008)

GAMBAR 17.12

Dewan Bedah
- Pintu Masuk Renggang
(08.07.2008)

GAMBAR 17.13

Intensive Care Unit
- Sinki Belum Siap Dibina
(08.07.2008)

GAMBAR 17.14

Klinik Pakar
- Siling Dibuka Akibat Daripada Kebocoran
(08.07.2008)

GAMBAR 17.15

Bilik X-Ray
- Kesan Kebocoran Pada Siling
(08.07.2008)

GAMBAR 17.16

Bilik Pegawai, Unit Rekod Perubatan
- Kesan Kebocoran Pada Siling
(07.07.2008)

GAMBAR 17.17



Unit Hasil
- Kaunter Bayaran Terdedah Dan Terbuka Kepada Risiko Kecurian
(04.07.2008)

GAMBAR 17.18

Bilik Perbincangan (Berhadapan Wad Pediatrik)
- Dinding Tidak Dicat Sepenuhnya
(01.07.2008)

GAMBAR 17.19

Aras 2, Bangunan Utama
- Dinding Condong
(08.07.2008)

GAMBAR 17.20

Kuarters Blok B-3-04
- Paip Air Tidak Dipasang Di Sinki
(05.07.2008)

GAMBAR 17.21

Kuarters Blok B-3-04
- Pintu Yang Dipasang Tidak Berkualiti
(09.07.2008)

GAMBAR 17.22

Taman Asuhan Kanak-kanak (Crèche)
- Tingkap Renggang
(05.07.2008)

GAMBAR 17.23

Taman Asuhan Kanak-kanak (Crèche)
- Paip Sanitary Bocor Di Bahagian Luar
(05.07.2008)

GAMBAR 17.24

Bangunan Utama Hospital
- Pemasangan Bumbung Tidak Kemas
(10.07.2008)

GAMBAR 17.25

Kaki Lima Bangunan Stor Perubatan
- Lantai Kaki Lima Retak
Di Sepanjang Bahagian Tepi
(04.07.2008)

GAMBAR 17.26

Kuarters
- Tempat Pembuangan Sampah Tiada Tingkap
(09.07.2008)

GAMBAR 17.27

Tandas Lelaki, Aras 1
- Dinding Tandas Tidak Ditutup Dengan Tiles
(08.07.2008)

GAMBAR 17.28

Tangga Berhadapan Wad Bersalin
- Kebocoran Di Ruang Tangga
(08.07.2008)

GAMBAR 17.29

Aras 1
- Lobi Lif Sempit Untuk Pergerakan Katil Beroda
(09.07.2008)

GAMBAR 17.30

Aras 1
- Bucu Dinding Rosak Akibat Dilanggar Katil Beroda
(09.07.2008)

17.4.2.3. Peralatan Dibekalkan Tidak Mengikut Spesifikasi Kontrak

a. Mengikut syarat kontrak, peralatan perubatan, peralatan bukan perubatan, perabot dan kenderaan bernilai RM13.11 juta perlu dibekalkan ke hospital ini. **Bagaimanapun, kos bagi setiap unit peralatan/kelengkapan tersebut tidak dinyatakan di dalam kontrak. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada harga peralatan yang dibekalkan adalah munasabah atau pun sebaliknya.**

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati beberapa peralatan yang dibekalkan tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti contoh di jadual berikut :-

JADUAL 17.11
PERALATAN YANG TIDAK MENGIKUT SPESIFIKASI

UNIT	NAMA PERALATAN	BIL.	SPESIFIKASI KONTRAK	KEADAAN PERALATAN YANG DIBEKALKAN
Fisioterapi	*Traction Unit Cervical/Lumbar Including Couch*	1	*Couch* boleh *sliding*	*Couch* tidak sesuai kerana tidak boleh *sliding* semasa membuat rawatan **(Gambar 17.31)**
	Televisyen	1	Televisyen 25"	Televisyen 20"
Farmasi	*Mixer Food Domestic Electric*	3	Kegunaan untuk membancuh ubat	Bukan kegunaan untuk membancuh ubat **(Gambar17.32)**

GAMBAR 17.31



Unit Fisioterapi
- Couch Yang Tidak Boleh Sliding
(07.07.2008)

GAMBAR 17.32

Unit Farmasi
- Mixer Food Domestic Electric Bukan Untuk Membancuh Ubat
(07.07.2008)

c. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu menjalankan pengujian dan pentauliahan bagi kemudahan dan peralatan yang disediakan atau dibekalkan. Semakan Audit mendapati beberapa peralatan belum dibuat pengujian dan pentauliahan walaupun hospital telah beroperasi. Oleh itu, tidak dapat disahkan sama ada peralatan yang dibekalkan itu berfungsi dengan baik atau sebaliknya. Ada di antara peralatan ini perlu digunakan untuk membuat sesuatu ujian dan dikhuatiri boleh menjejaskan ketepatan keputusan ujian spesimen yang dijalankan. Selain itu, penyediaan latihan bagi pengguna yang mengendalikan peralatan sebagaimana kehendak kontrak juga tidak dapat disahkan kerana dokumen berkaitan tidak dikemukakan kepada pihak Audit. Contoh peralatan yang belum diuji dan ditauliahkan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.12
PERALATAN YANG BELUM DIUJI DAN DITAULIAH

PERALATAN PERUBATAN	PERALATAN BUKAN PERUBATAN
Ambulance Rescue Kit	*Warmer, Bottle Feeding Infant Ward Use*
Mask, Combo Procedure	*Transfer Slide*
Respirator, Full Facepiece	*Warmer Blood*
Resuscitator, Air Viva Adult	*Cabinet, Viewing Lab With UV Light*
Resuscitator, Manual Adult, Child And Infant	*Jar, Anaerobic Polythlene Type*
Resuscitator, Manual Infant/Neonate	*Sealer, Hand/Strpper Cutter Blood Bank*
Upper Limb Immobilizer	*Sealer, Tube Electric*
Lower Limb Immobilizer	*Centrifuge, Cytospin*
Traction Immobilizer	*Slide, Stainer Automated*
Head Immobilizer	*Horizontal Shaker*
Scoop Stretcher	*Diluter Auto*
Airway Management Set (Resuscitation Bag & Mask)	*Machine, Heat Sealing Free Standing Foot Operated*
Airway Management Set (Pocket Rescue Mask & One Way Valve)	*Counter, Table Tray Type*
Airway Management Set (CPR Protective Barrier)	*Lettering Machine, Pharmacy Use*
Airway Management Set (Portable Lightweight Suction Pump)	*Machine, Heat Sealing Pharmacy/Lab Use*
Cervical Collar	*Mixer, Pharmacy Bench Type Mixture/Lotions*
Defibrillator	*Tray, Medicine Pharm Delivery*
Incubator, Lab Bench CO3 Jacket Type C/W Co2 Gas C	*Sphymomanometer Digital*

PERALATAN PERUBATAN	PERALATAN BUKAN PERUBATAN
Incubator, Lab Bench Type	*Scale, Weighing Infant, Electronic*
Microcentrifuge With Haematocrit Rotor	*Refrigerator, 250 Litres Pharmacy/Lab Use*
	Refrigerator, Twin Glass Doors 400L
	Balance, Electronic 300G +/-0.001G
	Balance, Top Loading 2kg Electronic
	Cabinet, Drying Laboratory
	Oven, Drying Hot Air Gen Purpose
	Speed Vacuum Concentrator

d. Semakan Audit juga mendapati tempoh jaminan bagi peralatan perubatan dan bukan perubatan telah tamat pada 31 Januari 2009. **Pada pandangan Audit, bagi peralatan yang diterima selepas tarikh CPC dikeluarkan atau masih belum diterima hingga kini, tempoh jaminan peralatan tersebut hendaklah ditetapkan untuk tempoh 2 tahun dari tarikh peralatan diterima.**

17.4.2.4. Peralatan Dan Kemudahan Belum/Tidak Diguna Sepenuhnya

a. Sebahagian peralatan yang terdapat di Hospital Pekan didapati masih belum beroperasi atau tidak digunakan sepenuhnya disebabkan ketiadaan atau kekurangan kakitangan/pakar; ujian terhadap peralatan belum dijalankan; belum ada keperluan; perkhidmatan/unit belum beroperasi atau peralatan yang dibekalkan tidak sesuai/rosak. Berikut diberikan contoh peralatan yang belum digunakan :-

JADUAL 17.13
PERALATAN YANG BELUM DIGUNAKAN

LOKASI	NAMA PERALATAN	BILANGAN	SEBAB-SEBAB TIDAK DIGUNAKAN				
			1	2	3	4	5
Makmal Patologi	*Autoclave (Laboratory Steam Sterilizer)* **(Gambar 17.33)**	1			√		
	Peti Sejuk 2 Pintu (Sanyo) **(Gambar 17.34)**	1			√		
	Freezer -30°c (Domestic)	1			√		
	Fume Cabinet **(Gambar 17.35)**	1			√		
	Biohazard Cupboard **(Gambar 17.36)**	1			√		
	Centrifuge Micro Haematocrit	1	√				
	Spectrophotometer	1	√				
	Solid Phase Extractor	1		√			
	Haemoglobinometer Digital	1	√				
	Diluter Auto	1		√			
	Waterbath	2			√		
	Burner, Bunsen Laboratory	5			√		
	Slide Dryer	8				√	
	Tabung Uji Kaca (Pelbagai Saiz)	45	√				
	Konikal Flask (Pelbagai Saiz)	2	√				
	Flask, Thermos Lab	TM	√				
	Sample Tray Stainless Steel	5		√			
	Holder Test Tube	6	√				
	Holder Urine Test Tube	4	√				

LOKASI	NAMA PERALATAN	BILANGAN	SEBAB-SEBAB TIDAK DIGUNAKAN				
			1	2	3	4	5
Rehabilitasi	*Isokinetic Upper And Lower* **(Gambar 17.37)**	1			√		
	Tilt Table Pead	1			√		
	Chair, Shower Portable	1					√
	Refrigerator 5cu Ft	1					√
	Basin 22" Dias/S	5					√
	Cookware Set, Microwave Sape, Occupational Therapy Use	2					√
	Cookware Set, S/S Occupational Therapy Use	2					√
	Knives Set Occupational Therapy Use	2					√
	Board, Ironing Residental	2					√
	Pole, Lifting	1					√
	Fork, Adapted Large Handled Occupational Therapy Use	10					√
	Knives Adapted Large Handle Occupational Therapy Use	10					√
	Toaster, Electric	1					√
	Satin Net Fabric For Pressure Garment Roll	1					√
	Pan Cart Heating	1					√
	Pan Heating For Heating Thermoplastic	1					√
	Sticks Walking Wood Set Of 10 Assorted Sizes	1					√
	Sticks, Walking Aluminium Adjust	1					√
	Cructher Axilla Adjustable Adult Per Pair	2					√
	Cructher Elbow Adjustable Height Per Pair	2					√
	Splint Hand For Adult	2					√
	Splint Leg Adult	2					√
	Splint Long Arm Adult	2					√
Farmasi	*Tray, Medicine Pharmacy Deliver*	10		√			
	Viewer, Light Quality Control Flow (Under M&E)	1		√			
	Rack, Drum Storage **(Gambar 17.38)**	1					√
	Cabinet, Laminar Horizontal Flow **(Gambar 17.39)**	1					√
Unit Pensterilan Dan Suci Hama (CSSU)	*Table Inspection* **(Gambar 17.40)**	1			√		
	Trolley Collection CSSD **(Gambar 17.41)**	6		√			
	Multifunctional Pass Thru Washer Disinfector **(Gambar 17.42)**	2			√		
	Aneasthetic Drying Cabinet	1			√		
JUMLAH PERALATAN TERLIBAT (UNIT)		**164**	**60**	**24**	**18**	**8**	**54**

TM - Tiada Maklumat

Nota :-

1. ***Peralatan Out Of Date.***
2. ***Peralatan Tidak Sesuai Penggunaannya.***
3. ***Peralatan Tidak Lengkap/Tidak Diuji/Rosak.***
4. ***Peralatan Melebihi Keperluan.***
5. ***Perkhidmatan Yang Terlibat Belum Beroperasi.***

GAMBAR 17.33

Makmal Patologi
- Autoclave (Laboratory Steam Sterilizer) Tidak Boleh Digunakan Kerana Rosak Sejak Dibekalkan (07.07.2008)

GAMBAR 17.34

Makmal Patologi
- Peti Sejuk 2 Pintu (Sanyo) Tidak Boleh Digunakan Kerana Rosak Sejak Dibekalkan (07.07.2008)

GAMBAR 17.35

Makmal Patologi
- Fume Cabinet Tidak Boleh Digunakan Kerana Tidak Diuji
(07.07.2008)

GAMBAR 17.36

Makmal Patologi
- Biohazard Cupboard Tidak Boleh Digunakan Kerana Tidak Diuji
(07.07.2008)

GAMBAR 17.37

Unit Rehabilitasi
- Isokinetic Upper Dan Lower Tidak Digunakan Disebabkan Peralatan Tidak Lengkap
(07.07.2008)

GAMBAR 17.38

Farmasi
- Rack, Drum Storage Tidak Digunakan Disebabkan Perkhidmatan Total Parenteral Nutrition (TPN) Belum Beroperasi
(07.07.2008)

GAMBAR 17.39

Farmasi
- Cabinet, Laminar Horizontal Flow Tidak Digunakan Disebabkan Perkhidmatan Total Parenteral Nutrition (TPN) Belum Beroperasi
(07.07.2008)

GAMBAR 17.40

Unit Pensterilan Dan Suci Hama
- Table Inspection Tidak Boleh Digunakan Disebabkan Tidak Lengkap
(01.07.2008)

GAMBAR 17.41

Unit Pensterilan Dan Suci Hama
- Trolley Collection CSSD Tidak Boleh Digunakan Disebabkan Tidak Sesuai
(01.07.2008)

GAMBAR 17.42

Unit Pensterilan Dan Suci Hama
- 2 Unit Multifunctional Pass Thru Washer Disinfector Tidak Boleh Digunakan Kerana Tidak Lengkap
(01.07.2008)

b. Semakan Audit mendapati sebahagian jabatan, unit dan wad di Hospital Pekan masih tidak dapat beroperasi dengan berkesan semenjak hospital dibuka pada bulan Jun 2007 seperti di contoh berikut :-

JADUAL 17.14
KEMUDAHAN YANG BELUM/TIDAK DIGUNAKAN SEPENUHNYA

LOKASI	TAHAP OPERASI	TEMPOH TIDAK BEROPERASI	SEBAB
Wad Di-Raja	Tidak Beroperasi	Jun 2007 – Julai 2008	Kebocoran bumbung yang berterusan dan kerja pembaikan bagi lain-lain kerosakan yang belum disempurnakan.
Dewan Bedah	Tidak Beroperasi	Jun 2007 – Julai 2008	Dewan bedah tidak mengikut spesifikasi dan berkulat. Kerja pembaikan mengambil masa yang lama. Kes pembedahan dijalankan di Hospital Tengku Ampuan Afzan, Kuantan. **(Gambar 17.43)**
Unit Carakerja	Tidak Beroperasi	Jun 2007 – Julai 2008	Ketiadaan pegawai carakerja sungguhpun jawatan telah diwujudkan.
Pusat Asuhan Kanak-kanak	Tidak Beroperasi	Jun 2007 – Julai 2008	Kementerian Kesihatan dalam proses untuk menyewakannya kepada pihak luar.
Unit Pensterilan Dan Suci Hama (CSSU)	Tidak Beroperasi Sepenuhnya	Nov. 2007 – Julai 2008	Peralatan *Autoclave* rosak dan mengambil tempoh lama untuk dibaiki. Kerja pensterilan peralatan dibuat di Hospital Muadzam.
Dewan Bersalin	Tidak Beroperasi Sepenuhnya	Jun 2007 – Julai 2008	1 daripada 5 bilik tidak pernah digunakan. Ini menyebabkan kemudahan peralatan yang ada di bilik berkenaan juga tidak digunakan.
Kedai Sihat	Tidak Digunakan	Jun 2007 – Julai 2008	Kementerian Kesihatan dalam proses untuk menyewakannya kepada pihak luar.
Kuarters Blok C-2-01	Tidak Digunakan	Jun 2007 – Julai 2008	Kerosakan yang teruk pada bumbung, dinding dan perabot.

GAMBAR 17.43

Dewan Bedah
- Dewan Yang Masih Belum Beroperasi
(30.06.2008)

Pada pandangan Audit, Kementerian/JKR perlu mempercepatkan tindakan pembaikan terhadap kerosakan/kecacatan yang ditemui bagi memastikan hospital beroperasi dengan berkesan. Kementerian juga perlu mempercepatkan pengoperasian di Unit Rehabilitasi dan Farmasi supaya peralatan yang telah dibekalkan dapat digunakan secara optimum.

17.4.2.5. Pembaikan Dan Penyenggaraan Lewat/Tidak Diambil

a. Mengikut syarat kontrak, kontraktor perlu membuat pembaikan dan penyenggaraan bagi semua kemudahan mekanikal, elektrik, peralatan perubatan dan *Hospital Information System* (HIS) dalam tempoh 24 bulan daripada tarikh Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) dikeluarkan. Nilai kontrak bagi kerja penyenggaraan ini adalah RM1.61 juta manakala kos bagi kerja pembaikan ditanggung oleh kontraktor. Bagi tujuan tersebut, JKR telah

melantik Syarikat Kemuncak Facilities Management Sdn. Bhd. bagi memantau kerja yang dilaksanakan oleh kontraktor berkenaan.

b. Semakan Audit mendapati syarat kontrak tidak menetapkan tempoh untuk mengambil tindakan (*response time*) ke atas setiap aduan kerosakan yang dilaporkan oleh pihak hospital. Bagi tempoh bulan September 2007 hingga Jun 2008, sebanyak 2,016 aduan kerosakan telah dibuat tetapi hanya 1,422 (70.5%) daripadanya telah diambil tindakan. Semakan selanjutnya mendapati 594 aduan kerosakan masih belum diambil tindakan sungguhpun aduan kerosakan telah dibuat semenjak 1 hingga 8 bulan yang lalu. Butiran adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.15
ADUAN PEMBAIKAN KEROSAKAN YANG BELUM DIAMBIL TINDAKAN
(SEHINGGA BULAN JUN 2008)

JENIS KEROSAKAN	TEMPOH ADUAN PEMBAIKAN			
	1 – 2 BULAN	3 – 4 BULAN	5 – 6 BULAN	7 – 8 BULAN
Sivil Dan Struktur	9	13	2	7
Mekanikal	37	2	-	7
Elektrik	37	52	26	3
Arkitek Dan Kerja Bangunan	90	129	58	68
Plumbing And Sanitary	8	14	2	9
Peralatan Dapur	3	1	-	4
Peralatan Perubatan	6	-	-	-
Peralatan Bukan Perubatan	1	-	1	5
JUMLAH	**191**	**211**	**89**	**103**

c. Kegagalan kontraktor membaiki kerosakan dengan segera didapati telah menjejaskan operasi dan perkhidmatan hospital ini seperti berikut :-

i. Berdasarkan temu bual dengan pegawai dan semakan terhadap rekod di Unit Pensterilan Dan Suci Hama (CSSU), 2 mesin autoclave **(Gambar 17.44 dan 17.45)** sering kali mengalami kerosakan walaupun telah dibaiki. Semakan selanjutnya mendapati kerosakan yang berlaku sejak bulan November 2007 hingga tarikh pengauditan pada bulan Julai 2008 masih belum dibaiki.

GAMBAR 17.44

GAMBAR 17.45

Unit Pensterilan Dan Suci Hama
- 2 Unit Autoclave Tidak Boleh Digunakan
(01.07.2008)

ii. Sehingga bulan Julai 2008, kebocoran tangki air di bangunan penghawa dingin utama dan kuarters masih belum dibaiki walaupun aduan telah dibuat sejak 8 bulan yang lalu **(Gambar 17.46 hingga 17.49)**. Kelewatan mengambil tindakan membaiki kebocoran di kuarters menyebabkan kerosakan pada bahagian siling dan dindingnya. Manakala kebocoran tangki air di bangunan penghawa dingin utama menyebabkan pembaziran air berlaku.

GAMBAR 17.46

GAMBAR 17.47

Kuarters Blok B-3-04
- Tangki Air Bocor Menyebabkan Air Meresap Ke Bawah Dan Dinding Basah
(09.07.2008)

GAMBAR 17.48

GAMBAR 17.49

Bangunan Utama Penghawa Dingin
- Tangki Air Bocor Dan Menyebabkan Air Yang Melimpah Bertakung
(09.07.2008)

Pada pandangan Audit, kegagalan kontraktor membaiki kerosakan tersebut sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan pada 31 Januari 2009 akan menyebabkan Kerajaan menanggung kos membaiki kerosakan. Bagi mengelakkan perkara ini berlaku, JKR sepatutnya melantik pihak ketiga dengan segera untuk membuat kerja pembaikan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan dan mengenakan kos pembaikan kepada kontraktor.

d. Semakan Audit mendapati kontraktor ada menyediakan jadual penyenggaraan pencegahan (*Planned Preventive Maintenance* - PPM) iaitu bulanan dan tahunan sepertimana yang ditetapkan dalam syarat kontrak. Jadual penyenggaraan pencegahan itu telah dikemukakan oleh kontraktor kepada JKR. Bagi tempoh tahun 2007 hingga bulan Jun 2008, sebanyak 4,489 PPM perlu dilaksanakan ke atas kemudahan dan peralatan.

Bagaimanapun bagi tempoh tersebut, hanya 1,624 PPM (36.2%) sahaja telah dilaksanakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.16
PENYENGGARAAN PENCEGAHAN BERJADUAL YANG PERLU DAN TELAH DILAKSANAKAN OLEH KONTRAKTOR

KEMUDAHAN DAN PERALATAN	JUMLAH PPM YANG PERLU DILAKSANAKAN			JUMLAH SIAP KESELURUHAN	PERATUSAN SIAP
	TAHUN 2007	JAN – JUN 2008	JUMLAH		
MEKANIKAL					
ACMV	1,719	861	2,580	957	37.1
Pencegahan Kebakaran	48	24	72	12	16.7
Lif	36	18	54	45	83.3
LPG	4	2	6	2	33.3
PMG	44	22	66	44	66.7
Peralatan Dapur	12	6	18	0	0
BSS	52	26	78	39	50
Peralatan Mortuari	16	8	24	13	54.2
Cold Water & Sanitary Plumbing	10	6	16	0	0
Boiler & Calorifier	12	8	20	16	80
Peralatan Unit Pensterilan Dan Suci Hama (CSSU)	22	11	33	22	66.7
ELEKTRIKAL DAN PERALATAN ELV					
Janakuasa	12	6	18	1	5.6
Sistem LV	40	20	60	1	1.7
Sistem ELV	9	9	18	14	77.8
Operation Theater/Exam. Light	2	1	3	1	33.3
Operation Theater Table	2	1	3	1	33.3
Sistem Pengimejan	4	1	5	2	40
PERALATAN PERUBATAN DAN BUKAN PERUBATAN					
Peralatan perubatan & bukan perubatan	964	451	1,415	454	32.1
JUMLAH KESELURUHAN	**3,008**	**1,481**	**4,489**	**1,624**	**36.2**

Nota : ***PPM - Planned Preventive Maintenance***

e. Kesan daripada kegagalan melaksanakan PPM mengikut jadual menyebabkan peralatan tidak digunakan kerana dikhuatiri ia tidak berfungsi dengan baik dan menjejaskan ketepatan keputusan ujian makmal yang akan dijalankan. Contohnya *Biosafety Hazard Cabinet* di Makmal Patologi. **Pada pandangan Audit, memandangkan bayaran bagi kerja penyenggaraan masih belum dibayar sepenuhnya kepada kontraktor, JKR sepatutnya melantik pihak ketiga untuk melaksanakan kerja penyenggaraan dan kosnya ditolak daripada baki bayaran tersebut.**

17.4.2.6. Daftar Harta Modal Tidak Diselenggara Oleh Kontraktor

Mengikut syarat kontrak, kontraktor bertanggungjawab menyediakan Daftar Harta Modal bagi setiap aset yang bernilai melebihi RM500. Semua maklumat

mengenai harta modal perlu dilengkapkan oleh kontraktor sebelum diserahkan kepada pihak hospital. Semakan secara rambang terhadap Daftar Harta Modal yang belum dikemukakan kepada hospital oleh kontraktor mendapati daftar tersebut tidak diselenggarakan dengan lengkap yang mana nombor chasis/siri pembuat, aksesori dan kos tidak diisi. **Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan kontraktor berkenaan menyelenggarakan Daftar Harta Modal dengan lengkap sebelum bangunan hospital diserahkan kepada Kementerian.**

17.4.3. Perolehan Ambulans

17.4.3.1. Pemilihan kontraktor oleh Kementerian untuk membekalkan 3 ambulans bernilai RM736,645 dibuat secara tender. Model ambulans dan pembekal yang telah dilantik adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.17
PECAHAN DAN JENIS AMBULANS HOSPITAL PEKAN

AMBULANS (Jenis)	MODEL	KONTRAKTOR	HARGA (RM Juta)
A	*Mercedes Benz Ambulance Sprinter 313 CDI (Germany)*	Long Harvest Enterprise Sdn. Bhd.	0.36
B	*Toyota Hiace 2.5L(M) Window Van Diesel CKD (Japan)*	Nikaijaya Resource Sdn. Bhd.	0.19
C	*Toyota Hilux 2.5L(M) Pick-U 4x4 Diesel (Japan)*	Nikaijaya Resource Sdn. Bhd.	0.18
JUMLAH			**0.73**

17.4.3.2. Mengikut Arahan Perbendaharaan 176.2 (a), sebelum sesuatu kontrak bekalan atau perkhidmatan yang nilainya melebihi RM50,000 tetapi tidak melebihi RM500,000 disempurnakan, kontraktor yang berjaya hendaklah mengemukakan Bon Pelaksanaan sebanyak 2.5% daripada jumlah harga kontrak. Bagaimanapun didapati kontraktor hanya dikenakan Bon Pelaksanaan sebanyak 1.25% daripada nilai kontrak. Perbezaan nilai Bon Pelaksanaan adalah seperti di **Jadual 17.18**. **Pada pandangan Audit, Kementerian sepatutnya mematuhi kehendak Arahan Perbendaharaan tersebut dengan menetapkan kadar Bon Pelaksanaan yang sepatutnya dalam kontrak. Tindakan disiplin patut dikenakan terhadap pegawai yang gagal mematuhi Arahan Perbendaharaan berhubung dengan perkara ini.**

JADUAL 17.18
PERBEZAAN NILAI BON PELAKSANAAN

NO. KONTRAK	NILAI BON SEPATUTNYA (RM)	NILAI BON DIKENAKAN (RM)	PERBEZAAN (RM)
KKM-TB/:3/2006 (132/2007) TYPE A	9,045	4,522	4,523
KKM-TB/:3/2006 (154/2007) TYPE B	4,786	2,393	2,393
KKM-TB/:3/2006 (155/2007) TYPE C	4,586	2,293	2,293

17.4.3.3. Syarat kontrak menetapkan bahawa bekalan ambulans hendaklah diserahkan antara 16 hingga 18 minggu dari tarikh kontrak ditandatangani. Sekiranya ambulans lewat diserahkan, kontraktor boleh dikenakan denda pada kadar 2% untuk setiap bulan kelewatan. Semakan Audit mendapati kontraktor lewat membekalkan 2 ambulans iaitu 4 dan 7 bulan dan tidak dikenakan denda. **Mengikut perkiraan Audit, denda yang perlu dituntut daripada kontraktor adalah berjumlah RM65,323.** Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 17.19
JUMLAH DENDA YANG PERLU DIKENAKAN
BERDASARKAN TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI

AMBULANS (Jenis)	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH SERAHAN	TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	TARIKH AKHIR SERAHAN	TARIKH SEBENAR PENERIMAAN	TEMPOH KELEWATAN	JUMLAH DENDA (RM)
A	361,786	16 Minggu	05.09.2007	26.12.2007	24.07.2008	7 Bulan	50,650
C	183,418	18 Minggu	29.09.2007	25.02.2008	24.07.2008	4 Bulan	14,673
JUMLAH							**65,323**

Pada pandangan Audit, memandangkan tempoh kontrak masih berkuat kuasa, Kementerian perlu mengambil tindakan segera untuk mendapatkan jumlah denda tersebut.

17.4.4. Pemantauan Kurang Berkesan

17.4.4.1. Peringkat Kementerian Kesihatan

Di peringkat Kementerian Kesihatan, Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan diadakan setiap bulan yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian. Melalui mesyuarat ini, Bahagian Perancangan Dan Pembangunan melaporkan kemajuan pelaksanaan projek dan prestasi perbelanjaan projek hospital baru. Selain itu, pegawai Bahagian Perancangan Dan Pembangunan juga menghadiri Mesyuarat Penyelarasan Projek Dengan Agensi Pusat Dan Penyelarasan Dasar Pembangunan Nasional yang diadakan setiap bulan. Mesyuarat ini diadakan bagi membincangkan kemajuan dan pelaksanaan projek berdasarkan laporan Sistem Integrasi Aplikasi Perjadualan (SIAP) dan *System Economic Planning Unit, Treasury, Implementation Coordination Unit, Accountant General Department* (SETIA).

17.4.4.2. Peringkat Jabatan Kerja Raya

a. Mesyuarat koordinasi diadakan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) bagi membincang dan menyelesaikan masalah berkaitan dengan aspek teknikal terutamanya mengenai masalah yang timbul di tapak pembinaan. Mesyuarat ini melibatkan JKR selaku agensi pelaksana, kontraktor dan perunding yang dilantik. Walaupun begitu, perkara yang dibincangkan semasa mesyuarat koordinasi ini akan dibangkitkan semula semasa mesyuarat tapak bertujuan

bagi mengatasi masalah yang timbul di samping menyegerakan tindakan susulan.

b. Mesyuarat tapak telah diadakan setiap bulan dan minit mesyuarat disediakan bagi merekodkan segala masalah, keputusan dan tindakan yang akan diambil hasil daripada mesyuarat tersebut. Mesyuarat ini dihadiri oleh wakil Bahagian Perancangan Dan Pembangunan, Kementerian Kesihatan, wakil JKR, kontraktor, perunding, Jabatan Bomba dan Tenaga Nasional Berhad.

c. Mesyuarat Pemantauan Prestasi Projek dihadiri oleh JKR dan kontraktor terlibat bagi membincangkan prestasi fizikal (kemajuan pembinaan) dan kewangan projek. Ia menyentuh isu berkaitan dengan kerja penghantaran dan pemasangan peralatan perubatan dan pembekalan kenderaan serta bayaran kepada kontraktor.

d. Mesyuarat Penyenggaraan Dan Kecacatan diadakan bagi membincang dan menyelesaikan masalah yang berkaitan dengan penyenggaraan dan kecacatan yang dihadapi di peringkat hospital. Ia dihadiri oleh wakil JKR, hospital, kontraktor, perunding dan syarikat konsesi.

17.4.4.3. Peringkat Penyelia (Kemuncak Facilities Management Sdn. Bhd.)

Kerajaan telah melantik Kemuncak Facilities Management Sdn. Bhd. melalui surat setuju terima bertarikh 16 Ogos 2007 untuk melaksanakan tugas pengurusan tanggungan kecacatan dan waranti peralatan di hospital awam bagi pihak JKR. Hospital tersebut meliputi 9 hospital dan Hospital Pekan merupakan salah satu hospital yang terlibat. Antara bidang tugas syarikat ini adalah pengurusan kecacatan (*management of defect*) dan pengurusan aktiviti PPM yang dilaksanakan oleh kontraktor. Laporan bulanan dihantar kepada JKR bagi melaporkan pembaikan kecacatan yang patut dibuat oleh kontraktor dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, pematuhan dan ketidakpatuhan kontraktor dalam pelaksanaan aktiviti pembaikan kecacatan, pelaksanaan penyenggaraan pencegahan berjadual ke atas peralatan yang memerlukan penyenggaraan berjadual dan perkhidmatan pengurusan dokumen kontrak seperti *Operation And Maintenance Manual*, *as built drawing* dan sijil ujian dan pentauliahan.

Pada pandangan Audit, sungguhpun Kementerian dan JKR telah mewujudkan mekanisme yang memadai untuk memantau pelaksanaan projek hospital ini, namun keberkesanannya boleh dipertikaikan memandangkan prestasi projek dan kualiti pembinaan serta pembaikannya yang tidak memuaskan.

17.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada keseluruhannya, projek hospital ini menghadapi banyak masalah disebabkan ketidakcekapan dan kecuaian pihak-pihak yang mengurus dan memantau pembinaan hospital ini termasuk aspek alat kelengkapan. Akibatnya Kerajaan terpaksa menampung kos tambahan yang sepatutnya boleh dielakkan. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan juga memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain, adalah disyorkan supaya Kementerian dan Jabatan Kerja Raya (JKR) memberi pertimbangan kepada perkara berikut :-

17.5.1. Bagi menjamin kepentingan Kerajaan, JKR sepatutnya mempercepatkan proses menandatangani kontrak pembinaan hospital untuk tujuan penguatkuasaan syarat dan spesifikasi kontrak. JKR juga perlu memastikan Bon Pelaksanaan dan insurans diserahkan dalam tempoh sepatutnya.

17.5.2. Sijil Perakuan Siap Kerja (CPC) tidak boleh dikeluarkan oleh JKR selagi kerja belum diselesaikan sepenuhnya dan peralatan belum dibekalkan dengan sempurna oleh kontraktor.

17.5.3. Bagi peralatan yang diterima selepas tarikh CPC dikeluarkan atau masih belum diterima hingga kini, tempoh jaminan peralatan tersebut hendaklah ditetapkan untuk tempoh 2 tahun dari tarikh peralatan diterima dan bukan pada 31 Januari 2009.

17.5.4. Kementerian perlu mempercepatkan tindakan pembaikan terhadap kerosakan/kecacatan yang ditemui bagi memastikan hospital beroperasi dengan berkesan. Selain itu, Kementerian juga perlu mempercepatkan pengoperasian di Unit Rehabilitasi dan Farmasi supaya peralatan yang telah dibekalkan dapat digunakan secara optimum.

17.5.5. Kementerian perlu mengambil tindakan segera untuk mendapatkan jumlah denda daripada pembekal ambulans yang lewat membekalkan 2 unit ambulans.

17.5.6. Kementerian perlu menyelenggarakan Daftar Harta Modal dengan lengkap bagi merekodkan semua aset yang diperoleh.

17.5.7. Pemantauan perlu dipertingkatkan bagi memastikan kerja disiapkan mengikut jadual dan berkualiti.

18. PENGURUSAN AKTIVITI PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT DEMAM DENGGI

18.1. LATAR BELAKANG

18.1.1. Penyakit demam denggi adalah sejenis penyakit yang berpunca daripada gigitan nyamuk aedes dan mula dikesan di negara ini pada tahun 1902. Manakala penyakit demam denggi berdarah pula mula dikesan pada tahun 1962 apabila berlakunya wabak pertama di Pulau Pinang yang melibatkan 41 kes dengan 5 kematian. Semenjak itu, bilangan kes penyakit demam denggi di Malaysia telah menunjukkan *trend* yang meningkat. Sehingga kini masih belum ada ubat untuk penyakit ini. Oleh itu, Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) telah melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi untuk mengurangkan kadar morbiditi (kejadian) dan mortaliti (kematian) akibat penyakit ini. Aktiviti pencegahan dilaksanakan di sesuatu kawasan sebelum sebarang kes penyakit demam denggi dikesan manakala aktiviti kawalan dilaksanakan apabila terdapat kes. Carta berikut menunjukkan tindakan yang diambil oleh Kementerian di bawah aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi :-

CARTA 18.1
CARTA ALIRAN PENCEGAHAN DAN KAWALAN PENYAKIT DEMAM DENGGI



Nota : ***APSSP - Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975***

18.1.2. Di peringkat Kementerian, Cawangan Penyakit Bawaan Vektor yang diletakkan di bawah Bahagian Kawalan Penyakit adalah bertanggungjawab dalam melaksanakan program kawalan penyakit bawaan vektor termasuk aedes. Manakala di peringkat Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah, pelaksanaan aktiviti ini terletak di bawah tanggungjawab Unit Vektor, Cawangan Kesihatan Awam masing-masing. Aktiviti pencegahan dan kawalan juga dijalankan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) bagi kawasan bandar/daerah di bawah pentadbiran masing-masing. Sekiranya berlaku wabak, Kementerian dan PBT akan melaksanakan aktiviti secara bersepadu.

18.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

18.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

18.3.1. Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi. Pengauditan dijalankan dengan menyemak fail, rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 di Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian; 5 Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) iaitu JKN Pulau Pinang, Selangor, Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur, Johor dan Sarawak serta 9 Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) iaitu PKD Putrajaya; Petaling dan Klang, Selangor; Timur Laut dan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang; Johor Bahru dan Kota Tinggi, Johor serta Kuching dan Kota Samarahan, Sarawak.

18.3.2. Maklumat berhubung dengan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi yang dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Tempatan iaitu Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Majlis Bandaraya Shah Alam, Majlis Bandaraya Johor Bahru, Dewan Bandaraya Kuching Utara dan Majlis Perbandaran Pulau Pinang juga didapatkan bagi tujuan perbandingan tahap keberkesanan pelaksanaan aktiviti tersebut.

18.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga November 2008 mendapati secara umumnya, pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi oleh Kementerian masih belum berjaya mengurangkan kadar kejadian penyakit demam denggi dan kadar kematian akibat penyakit tersebut malahan ia terus meningkat setiap tahun. Mengikut laporan tahunan dan pemantauan kes demam denggi dan denggi berdarah, terdapat sebanyak 49,335 kes penyakit demam denggi dan denggi berdarah melibatkan 112 kematian telah dicatatkan pada tahun 2008 berbanding 38,556 kes dan 92 kematian pada tahun 2006. Antara faktor yang menyebabkan peningkatan kadar kejadian penyakit demam denggi dan kematian akibat penyakit ini

adalah berpunca daripada kelemahan dalam melaksanakan aktiviti penguatkuasaan dan kawalan seperti pemeriksaan premis tidak dibuat mengikut sasaran; lawatan susulan ke atas premis yang gagal diperiksa tidak dilakukan; indeks pengesanan vektor tidak digunakan sepenuhnya; kelewatan notifikasi kes denggi dan ujian serologi tidak dilaksanakan dengan sempurna. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

18.4.1. Sasaran Mengurangkan Kejadian Dan Kematian Akibat Demam Denggi Tidak Dicapai

18.4.1.1. Mengikut objektif umum, Kementerian berhasrat mengurangkan kes kejadian penyakit demam denggi dan denggi berdarah. Manakala secara khususnya, Kementerian mensasarkan kadar insiden atau kejadian demam denggi adalah tidak melebihi 50 kes dan demam denggi berdarah tidak melebihi 2 kes bagi setiap 100,000 penduduk. Semakan Audit mendapati pada umumnya, bilangan kes penyakit demam denggi dan denggi berdarah bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 adalah melebihi sasaran tersebut di mana bagi setiap 100,000 penduduk di 16 Negeri (termasuk 3 Wilayah Persekutuan), bilangan kes penyakit demam denggi adalah antara 61 hingga 760 manakala bagi penyakit demam denggi berdarah adalah antara 3 hingga 81 kes. Didapati juga bilangan **kes penyakit demam denggi pada tahun 2008 adalah berjumlah 46,517 dan jumlah ini adalah jauh lebih tinggi berbanding dengan 36,462 pada tahun 2006. Bagi tempoh yang sama, kejadian penyakit demam denggi berdarah meningkat daripada 2,094 kes pada tahun 2006 kepada 2,818 kes pada tahun 2008.** Butirannya adalah seperti di **Jadual 18.1 dan 18.2**. Daripada jumlah kes tersebut, didapati kejadian penyakit demam denggi dan demam denggi berdarah sebahagian besarnya berlaku di kawasan yang ditetapkan untuk seliaan Pihak Berkuasa Tempatan atau diseliakan bersama-sama dengan Kementerian. Butirannya adalah seperti di **Jadual 18.3**.

JADUAL 18.1
BILANGAN KES KEJADIAN/INSIDEN DEMAM DENGGI MENGIKUT NEGERI/WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUAN	2006			2007			2008		
	BIL. PENDUDUK (Juta)	BIL. KES	KADAR KEJADIAN (Setiap 100,000 Penduduk)	BIL. PENDUDUK (Juta)	BIL. KES	KADAR KEJADIAN (Setiap 100,000 Penduduk)	BIL. PENDUDUK (Juta)	BIL. KES	KADAR KEJADIAN (Setiap 100,000 Penduduk)
Perlis	0.23	189	82.9	0.23	310	133.7	0.24	182	77.1
Kedah	1.88	1,905	101.2	1.92	2,572	134.0	1.96	1,678	85.7
Pulau Pinang	1.49	2,584	173.1	1.52	3,022	199.0	1.55	2,316	149.7
Perak	2.28	1,946	85.2	2.31	2,818	121.7	2.35	4,133	175.8
Selangor	4.85	11,445	235.9	4.96	14,783	297.9	5.07	20,098	396.3
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1.58	6,864	434.4	1.61	6,597	411.2	1.63	4,882	299.6

NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUAN	2006			2007			2008		
	BIL. PENDUDUK (Juta)	BIL. KES	KADAR KEJADIAN (Setiap 100,000 Penduduk)	BIL. PENDUDUK (Juta)	BIL. KES	KADAR KEJADIAN (Setiap 100,000 Penduduk)	BIL. PENDUDUK (Juta)	BIL. KES	KADAR KEJADIAN (Setiap 100,000 Penduduk)
Wilayah Persekutuan Putrajaya	0.06	418	760.0	0.06	117	195.0	0.07	190	292.3
Negeri Sembilan	0.96	1,120	116.4	0.98	1,199	122.6	0.99	1,355	136.1
Melaka	0.73	818	112.8	0.74	675	91.4	0.75	791	104.9
Johor	3.17	2,625	82.8	3.24	3,141	96.9	3.31	3,528	106.5
Pahang	1.45	1,313	90.2	1.48	2,586	174.3	1.51	1,300	85.9
Terengganu	1.04	704	67.6	1.07	1,227	114.9	1.09	1,666	152.2
Kelantan	1.53	1,834	119.8	1.56	3,031	194.2	1.59	1,792	112.4
Sabah	3.00	890	29.7	3.06	1,927	62.9	3.13	1,027	32.8
Wilayah Persekutuan Labuan	0.08	14	16.5	0.09	28	32.4	0.09	68	77.6
Sarawak	2.36	1,793	76.1	2.40	1,823	75.8	2.45	1,511	61.6
JUMLAH	**26.69**	**36,462**	**136.6**	**27.23**	**45,856**	**168.4**	**27.78**	**46,517**	**167.4**

JADUAL 18.2
BILANGAN KES KEJADIAN/INSIDEN DEMAM DENGGI BERDARAH MENGIKUT NEGERI/WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

NEGERI/ WILAYAH PERSEKUTUAN	2006			2007			2008		
	BIL PENDUDUK (Juta)	BIL. KES	KADAR KEJADIAN (Setiap 100,000 Penduduk)	BIL. PENDUDUK (Juta)	BIL. KES	KADAR KEJADIAN (Setiap 100,000 Penduduk)	BIL PENDUDUK (Juta)	BIL. KES	KADAR KEJADIAN (Setiap 100,000 Penduduk)
Perlis	0.23	4	1.8	0.23	1	0.4	0.24	2	0.8
Kedah	1.88	2	0.1	1.92	12	0.6	1.96	0	0
Pulau Pinang	1.49	69	4.6	1.52	84	5.5	1.55	8	0.5
Perak	2.28	61	2.7	2.31	71	3.1	2.35	86	3.7
Selangor	4.85	819	16.9	4.96	1,108	22.3	5.07	1,164	22.9
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1.58	477	30.2	1.61	715	44.6	1.63	327	20.1
Wilayah Persekutuan Putrajaya	0.06	45	81.8	0.06	10	16.7	0.07	47	72.3
Negeri Sembilan	0.96	81	8.4	0.98	76	7.8	0.99	50	5.6
Melaka	0.73	139	19.2	0.74	57	7.7	0.75	39	5.2
Johor	3.17	101	3.2	3.24	222	6.8	3.31	380	11.5
Pahang	1.45	45	3.1	1.48	71	4.8	1.51	27	1.8
Terengganu	1.04	22	2.1	1.07	42	3.9	1.09	55	5.0
Kelantan	1.53	180	11.8	1.56	472	30.2	1.59	607	38.1
Sabah	3.00	21	0.7	3.06	26	0.8	3.13	18	0.6
Wilayah Persekutuan Labuan	0.08	0	0	0.09	1	1.2	0.09	2	2.3
Sarawak	2.36	28	1.2	2.40	22	0.9	2.45	6	0.2
JUMLAH	**26.69**	**2,094**	**7.8**	**27.23**	**2,990**	**10.9**	**27.78**	**2,818**	**10.1**

JADUAL 18.3
KEDUDUKAN KES DEMAM DENGGI DAN DEMAM DENGGI BERDARAH MENGIKUT PECAHAN KAWASAN SELIAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN/KEMENTERIAN DAN KEMENTERIAN BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2008

TAHUN	KES DI DALAM KAWASAAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN						KES DI DALAM KAWASAAN KEMENTERIAN (d)	% (d)/ (c+d)
	SELIAAN PBT SEPENUHNYA (a)	% (a)/ (c+d)	SELIAAN PBT DAN KEMENTERIAN (b)	% (b)/ (c+d)	KESELURUHAN KAWASAAN PBT (c)	% (c)/ (c+d)		
2005	23,669	59.6	6,846	17.3	30,515	76.9	9,171	23.1
2006	28,848	74.8	2,984	7.7	31,832	82.5	6,724	17.5
2007	36,239	74.2	4,963	10.2	41,202	84.4	7,644	15.6
2008	TM	-	TM	-	34,470	69.9	14,865	30.1

Nota : PBT - Pihak Berkuasa Tempatan TM - Tiada Maklumat

18.4.1.2. Adalah menjadi matlamat Kementerian untuk mengurangkan kadar kes fataliti atau kematian tidak melebihi 0.2% daripada kejadian kes penyakit demam denggi dan denggi berdarah. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati bilangan kes kematian akibat penyakit demam denggi dan denggi berdarah pada tahun 2006 dan 2008 adalah lebih tinggi daripada sasaran tersebut. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.4
KADAR FATALITI/KEMATIAN BAGI KES DEMAM DENGGI DAN DENGGI BERDARAH MENGIKUT NEGERI/WILAYAH PERSEKUTUAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

NEGERI/WILAYAH PERSEKUTUAN	2006			2007			2008		
	BIL. KES	BIL. MATI	KFK* (%)	BIL. KES	BIL. MATI	KFK (%)	BIL. KES	BIL. MATI	KFK (%)
Perlis	193	0	0.00	311	0	0.00	184	0	0.00
Kedah	1,907	0	0.00	2,584	3	0.12	1,678	0	0.00
Pulau Pinang	2,653	0	0.00	3,106	5	0.16	2,324	1	0.04
Perak	2,007	2	0.10	2,889	7	0.24	4,219	9	0.21
Selangor	12,264	36	0.29	15,891	32	0.20	21,262	46	0.22
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	7,341	22	0.30	7,312	24	0.33	5,209	13	0.25
Wilayah Persekutuan Putrajaya	463	0	0.00	127	0	0.00	237	0	0.00
Negeri Sembilan	1,201	2	0.17	1,275	1	0.08	1,405	3	0.21
Melaka	957	5	0.52	732	1	0.14	830	2	0.24
Johor	2,726	6	0.22	3,363	9	0.27	3,908	17	0.44
Pahang	1,358	3	0.22	2,657	4	0.15	1,327	1	0.08
Terengganu	726	3	0.41	1,269	3	0.24	1,721	5	0.29
Kelantan	2,014	3	0.15	3,503	0	0.00	2,399	10	0.42
Sabah	911	4	0.44	1,953	6	0.31	1,045	2	0.19
Wilayah Persekutuan Labuan	14	0	0.00	29	0	0.00	70	3	4.29
Sarawak	1,821	6	0.33	1,845	3	0.16	1,517	0	0.00
JUMLAH	**38,556**	**92**	**0.24**	**48,846**	**98**	**0.20**	**49,335**	**112**	**0.23**

Nota : KFK - Kadar Fataliti/Kematian

18.4.1.3. Semakan Audit mendapati antara faktor yang menyumbang kepada peningkatan kes penyakit demam denggi/denggi berdarah adalah seperti berikut :-

a. Kekurangan Sumber Kewangan Dan Guna Tenaga

i. Kejadian demam denggi yang tinggi di kawasan seliaan PBT antara lainnya berpunca daripada kepadatan penduduk, bilangan premis yang banyak dan meningkatnya jumlah tapak pembinaan yang terbengkalai. Sungguhpun demikian, kecuali Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, pada umumnya PBT lain mempunyai **sumber kewangan dan guna tenaga yang terhad untuk melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan denggi.** Ini menyebabkan aktiviti tersebut tidak dapat dibuat secara meluas. Kedudukan mengenai penggunaan sumber kewangan dan guna tenaga yang meliputi keluasan kawasan, bilangan penduduk, bilangan premis mengikut PBT yang diperoleh oleh pihak Audit adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.5
BILANGAN PERJAWATAN DAN JUMLAH PERUNTUKAN YANG DITERIMA BERBANDING BEBAN YANG DIHADAPI OLEH PBT PADA DISEMBER 2008

PBT	PENDUDUK (Juta)	KELUASAN (Km/Segi)	BILANGAN PREMIS	TAPAK PEMBINAAN TERBENGKALAI	PERUNTUKAN*		JAWATAN*		
					DILULUS (RM Juta)	DIBELANJA (RM Juta)	LULUS	ISI	KOSONG
DBKL	1.63	243	441,755	27	27.03	25.06	624	699	(75)
MBSA	0.60	293	141,341	TM	0.97	0.97	47	45	2
MBJB	TM	220	TM	12	TM	0.10	22	16	5
DBKU	0.19	369	35,241	TM	0.05	0.11	16	16	0
MPPP	0.23	40	73,023	TM	0.34	0.39	45	37	8

Nota : ***(*) - Peruntukan Dan Jawatan Bagi Unit Kesihatan***
TM - Tiada Maklumat
DBKL - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur ***MBSA - Majlis Bandaraya Shah Alam***
MBJB - Majlis Bandaraya Johor Bahru ***DBKU - Dewan Bandaraya Kuching Utara***
MPPP - Majlis Perbandaran Pulau Pinang

ii. Bagi menjalankan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi di kawasan yang diselia oleh Kementerian dan juga membantu PBT yang menghadapi masalah sumber kewangan dan guna tenaga dalam melaksanakan aktiviti ini, Kementerian telah menetapkan supaya 270 pasukan kawalan denggi diwujudkan di seluruh negara. Setiap pasukan hendaklah terdiri daripada seorang Inspektor Kesihatan; 4 Pembantu Kesihatan Awam; 8 Pekerja Rendah Awam dan 2 Pemandu bagi kawasan yang mempunyai penduduk tidak melebihi 100,000 orang. Manakala bagi kawasan yang mempunyai penduduk kurang 50,000 orang, pasukan kawalan denggi hendaklah terdiri daripada seorang Inspektor Kesihatan; 2 Pembantu Kesihatan Awam; 4 Pekerja Rendah Awam dan seorang Pemandu. Bagaimanapun sehingga kini, **hanya 162 pasukan dapat diwujudkan. Ini bermakna Kementerian kekurangan sebanyak 108 pasukan kawalan denggi yang melibatkan seramai 1,620 pegawai**.

iii. Semakan Audit di 5 Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan 9 Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) mendapati unit yang khusus tidak diwujudkan untuk melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi. Sebaliknya, aktiviti tersebut dilaksanakan oleh anggota dari Unit Vektor yang juga dipertanggungjawabkan untuk menjalankan aktiviti lain seperti kawalan dan pencegahan malaria, filarisis dan Japanese Encephalitis. Sehingga bulan Disember 2008, sebanyak 462 jawatan telah diluluskan bagi Unit Vektor di peringkat Ibu Pejabat Kementerian, 5 Jabatan Kesihatan Negeri dan 9 Pejabat Kesihatan Daerah yang dilawati. Daripada jumlah ini, hanya 339 (73.4%) jawatan telah diisi. Kekosongan jawatan yang berlarutan telah menjejaskan pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi. Sungguhpun PKD berkenaan telah melantik 73 kakitangan sambilan yang terdiri daripada Pembantu Kesihatan Awam, Pekerja Rendah Awam dan Pembantu Tadbir bagi membantu melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi, namun ia masih belum mencukupi. Kedudukan pengisian jawatan adalah seperti di **Jadual 18.6**.

JADUAL 18.6
KEDUDUKAN PERJAWATAN SEHINGGA 31 DISEMBER 2008

JAWATAN	BILANGAN JAWATAN		DIISI (%)
	LULUS	ISI	
Ibu Pejabat			
Pegawai Perubatan (Gred UD41-UD54)	8	5	62.5
Pegawai Sains (Gred C41-C54)	4	4	100.0
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Gred U29-U36)	8	3	37.5
Pembantu Kesihatan Awam (Gred U17-U24)	5	1	20.0
Pekerja Rendah Awam (Gred R1-R4)	2	1	50.0
Pembantu Tadbir (Gred N17)	17	16	94.1
Pemandu (Gred R1-R3)	2	2	100.0
Jumlah	**46**	**32**	
Jabatan Kesihatan Negeri			
Pegawai Perubatan (Gred UD41-UD48)	7	4	57.1
Pegawai Sains (Gred C41-C54)	13	11	84.6
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Gred U29-U36)	16	14	87.5
Pembantu Kesihatan Awam (Gred U17-U24)	16	15	93.8
Pekerja Rendah Awam (Gred R1-R4)	11	11	100.0
Pembantu Tadbir (Gred N17)	3	3	100.0
Pemandu (Gred R1-R3)	4	4	100.0
Jumlah	**70**	**62**	
Pejabat Kesihatan Daerah			
Pegawai Perubatan (Gred UD41-UD48)	10	10	100.0
Pegawai Sains (Gred C41-C54)	6	6	100.0
Penolong Pegawai Kesihatan Persekitaran (Gred U29-U36)	58	46	79.3
Pembantu Kesihatan Awam (Gred U17-U24)	130	91	70.0
Pekerja Rendah Awam (Gred R1-R4)	122	76	62.3
Pembantu Tadbir (Gred N17)	2	2	100.0
Pemandu (Gred R1-R3)	18	14	77.8
Jumlah	**346**	**245**	
JUMLAH BESAR	**462**	**339**	**73.4**

iv. Pegawai Sains (Ahli Kaji Serangga) adalah pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk menyelaras dan memantau pelaksanaan projek penggunaan ovitrap/perangkap nyamuk; pengesanan aedes sebelum sesuatu kompaun dikeluarkan; menjalankan siasatan kaji serangga; memantau kedudukan nyamuk di tapak pembinaan; kilang, sekolah, tanah terbiar dan pejabat. Pada keseluruhannya, terdapat 92 jawatan Ahli Kaji Serangga yang telah diluluskan di seluruh negara. Bagaimanapun, hanya 71 jawatan yang diisi. Semakan Audit selanjutnya mendapati jawatan tersebut tidak diwujudkan di Pejabat Kesihatan Daerah Putrajaya, Wilayah Persekutuan Putrajaya; Timur Laut dan Seberang Perai Utara, Pulau Pinang.

Pada pandangan Audit, unit dan jawatan yang khusus perlu diwujudkan di semua peringkat untuk melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi dengan lebih berkesan dan menyeluruh. Dengan mewujudkan unit tersebut, Kementerian boleh mempertimbangkan untuk mengambil alih aktiviti ini daripada PBT supaya ia dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh.

b. Kekurangan Kenderaan Pengangkutan Dan Mesin Tidak Digunakan Sepenuhnya

Bagi memastikan kerja pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi berjalan dengan lancar, selain daripada pasukan yang perlu diwujudkan, kenderaan dan peralatan yang mencukupi juga adalah penting. Mengikut norma yang ditetapkan oleh Kementerian, bagi setiap kawasan yang penduduknya tidak melebihi 100,000 orang, satu pasukan kawalan denggi yang diwujudkan memerlukan satu kenderaan pancuan 4 roda; satu kenderaan pengangkutan; satu mesin *Ultra Low Volume* (ULV) dan 5 mesin *Thermal Fogger.* Berdasarkan 162 pasukan yang sedia ada, Kementerian memerlukan 162 kenderaan pancuan 4 roda untuk menarik mesin ULV, 162 kenderaan pengangkutan untuk membawa pasukan, 162 mesin ULV untuk membuat semburan kabus di kawasan yang disyaki ada pembiakan nyamuk aedes. Selain itu, 810 *Mesin Thermal Fogger* juga diperlukan untuk membuat semburan kabus di premis. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

i. Mengikut maklumat yang diperoleh daripada Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian, sungguhpun Unit Vektor di seluruh negara mempunyai 198 kenderaan pancuan 4 roda, 271 mesin ULV dan 1,591 mesin *thermal fogger* yang berada dalam keadaan yang baik, namun **ia tidak mempunyai kenderaan pengangkutan yang mencukupi untuk kegunaan 162 pasukan**. Setakat 31 Disember 2008, Unit Vektor hanya mempunyai 83 kenderaan pengangkutan di mana 8 daripadanya telah rosak. Manakala perolehan mesin ULV dan mesin *thermal fogger* pula adalah melebihi keperluan memandangkan Kementerian buat masa kini hanya memerlukan 162 mesin ULV dan 810 mesin *thermal fogger*. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.7
STATUS KENDERAAN DAN MESIN YANG DIMILIKI OLEH KEMENTERIAN

JENIS KENDERAAN/MESIN	KEPERLUAN	BAIK	ROSAK	LEBIH/(KURANG)
Kenderaan pancuan 4 roda	162	198	32	36
Kenderaan pengangkutan	162	83	8	(79)
Mesin *Ultra Low Volume* (ULV)	162	271	52	109
Mesin Thermal Fogger	810	1,591	233	781

ii. Lawatan Audit ke 5 Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) dan 9 Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) mendapati perkara berikut :-

- PKD Kota Samarahan, Sarawak tidak mempunyai kenderaan khusus bagi kegunaan Unit Vektor. Kenderaan yang digunakan adalah secara guna sama dengan unit lain di PKD tersebut. Satu kenderaan Toyota Hilux yang digunakan juga telah berusia 22 tahun, namun masih digunakan bagi membawa peralatan seperti mesin *fogging*, bahan racun serta minyak petrol.

- PKD Kota Tinggi tidak mempunyai kenderaan untuk membawa mesin ULV kerana kenderaan sedia ada telah dilupuskan. Oleh itu, PKD ini perlu meminjam kenderaan dari Majlis Daerah Kota Tinggi atau dari PKD Mersing apabila wabak berlaku. Semakan Audit mendapati sungguhpun PKD Kota Tinggi telah mengemukakan permohonan kepada JKN Johor bagi mengganti kenderaan tersebut, namun permohonan ini telah ditolak kerana ketiadaan peruntukan.

- Pada tahun 2005, Kementerian berhasrat untuk membeli *Motor Cycle Fogging Machine* bagi kegunaan *fogging* khususnya di tempat yang sukar dimasuki oleh kenderaan bersaiz besar seperti kawasan penempatan setinggan dan perkampungan tanah rancangan FELDA. Harga bagi sebuah motosikal tersebut dianggarkan bernilai RM40,000. Bagi tujuan *pilot project,* peruntukan berjumlah RM200,000 telah diberikan kepada JKN Pulau Pinang, Selangor, Johor dan Pahang. Bagaimanapun hanya JKN Johor yang membeli sebuah motosikal ini melalui sebut harga dengan harga berjumlah RM39,950. Pihak Audit mendapati motosikal tersebut yang ditempah pada tahun 2005 hanya diterima pada tahun 2008 iaitu lewat selama 798 hari daripada tempoh yang sepatutnya dibekalkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati motosikal ini tidak digunakan kerana tidak mendapat kelulusan Jabatan Pengangkutan Jalan untuk kegunaan di jalan raya. Bagi membolehkan motosikal ini digunakan, ia terpaksa diletakkan atas pengangkut (troli) dan ditarik oleh kenderaan lain. Keadaan motosikal tersebut adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 18.1

Motor Cycle Fogging Machine Diletakkan Atas Pengangkut Untuk Ditarik Oleh Kenderaan Lain Di PKD Johor Bahru (14.10.2008)

- PKD Kota Tinggi memiliki 2 mesin ULV tetapi hanya satu boleh digunakan manakala sebuah lagi telah rosak semenjak awal tahun 2008. Pembaikan tidak dibuat kerana ketiadaan syarikat atau pihak tertentu di Daerah Kota Tinggi yang berupaya membaikinya.

- Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur juga didapati masih belum menggunakan 9 daripada 20 mesin semburan kabus (mesin *Blower Stihl-SR420 Mist Blower)* yang dibeli melalui kaedah sewa beli bagi tempoh 6 bulan dengan kos perolehan sebanyak RM36,000. Sehingga lawatan Audit dijalankan, mesin tersebut masih tersimpan di stor Jabatan **(Gambar 18.2)**. Manakala 2 daripadanya telah diserahkan kepada Jabatan Kesihatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur tanpa sebarang bukti penyerahan.

GAMBAR 18.2

Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - 9 Unit Mesin Blower Stihl - SR420 Mist Blower Yang Masih Tersimpan Di Stor (03.09.2008)

- PKD Johor Bahru mempunyai 6 peralatan penyembur kabus MX-20 tetapi belum digunakan dan disimpan dalam kotak di Bilik Exibit, Unit Vektor. Bagaimanapun, tarikh dan nilai perolehan peralatan tersebut tidak dapat dikenal pasti kerana tiada maklumat mengenainya. Peralatan berkenaan juga masih belum direkodkan dalam daftar harta modal/inventori. **Gambar 18.3 dan 18.4** adalah berkaitan.

GAMBAR 18.3

GAMBAR 18.4

Pejabat Kesihatan Daerah Johor Bahru - Mesin Penyembur MX-20 Masih Belum Digunakan Dan Disimpan Di Bilik Exibit (14.10.2008)

Pada pandangan Audit, bagi peralatan yang belum digunakan, ia hendaklah diagihkan kepada Pejabat Kesihatan Daerah lain yang memerlukannya bagi mengelakkan keusangan dan pembaziran. Kementerian juga perlu merancang untuk menambah bilangan kenderaan pengangkutan.

c. Indeks Pengesanan Vektor Tidak Digunakan Sepenuhnya

i. Mengikut Polisi Kesihatan Kebangsaan Malaysia Dan Rancangan Kawalan Penyakit Bawaan Vektor, 2 jenis indeks pengesanan vektor perlu digunakan untuk mengesan kepadatan nyamuk aedes iaitu Indeks Aedes dan Indeks Breteau. Indeks Aedes digunakan untuk mengukur risiko sesuatu kawasan terhadap wabak demam denggi manakala Indeks Breteau untuk mengukur sesuatu wabak demam denggi berdasarkan bilangan bekas yang boleh membiak nyamuk aedes atau jentik-jentik bagi sesuatu lokaliti. Kedua-dua indeks tersebut adalah penting bagi tujuan merancang aktiviti pencegahan aedes secara berkesan. Lokaliti yang mempunyai Indeks Aedes pada tahap 1% atau lebih dan Indeks Breteau pada tahap 5% atau lebih adalah dianggap sensitif kepada wabak denggi. Berdasarkan keputusan indeks tersebut, kawasan yang berisiko kepada jangkitan atau wabak denggi dapat dikenal pasti bagi membolehkan tindakan pencegahan seperti semburan kabus diambil.

ii. Lawatan Audit ke 9 PKD mendapati 7 daripadanya tidak membuat pemantauan untuk menentukan tahap indeks pengesanan vektor di daerah masing-masing. Bagi 2 PKD yang mempunyai indeks pengesanan vektor iaitu PKD Timur Laut, Pulau Pinang dan PKD Daerah Kota Samarahan, Sarawak, aktiviti pencegahan dan kawalan nyamuk aedes tidak dilakukan sungguhpun terdapat lokaliti yang mempunyai kadar Indeks Aedes dan Indeks Breteau melebihi 1% dan 5% masing-masingnya. Berdasarkan maklum balas yang diberikan oleh PKD berkenaan, indeks pengesanan vektor tidak ditentukan atau aktiviti kawalan dan pencegahan nyamuk aedes tidak dibuat terhadap lokaliti yang berisiko jangkitan atau wabak denggi adalah kerana kekurangan kakitangan atau tumpuan diberi kepada lokaliti yang ada kes penyakit demam denggi. Contoh lokaliti yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.8
AKTIVITI PENCEGAHAN DAN KAWALAN NYAMUK AEDES TIDAK DIJALANKAN DI LOKALITI YANG BERISIKO JANGKITAN DAN WABAK DENGGI

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	TAHUN	LOKALITI	INDEKS AEDES (%)	INDEKS BRETEAU (%)
Timur Laut, Pulau Pinang	2007	Blok 107, Kuarters Polis Lone Pine	5.88	5.88
		Kampung Melayu Jalan Lembah Permai, Tanjung Bungah	19.05	14.29
		Bukit Jambul Country Club	100.00	100.00
		Sekolah Menengah Minden Height	200.00	-

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	TAHUN	LOKALITI	INDEKS AEDES (%)	INDEKS BRETEAU (%)
		Ean Hor Enterprise Taman Lip Sin Sungai Dua	100.00	-
		Sekitar Kawasan Kg Tg Tokong	4.00	8.00
Timur Laut, Pulau Pinang	2008	Tanjung Club, Tanjung Bungah	500.00	500.00
		Hillview Garden, Tanjung Bungah	300.00	300.00
		Sekolah MK Datuk Hj. Md. Noor, Gelugor	100.00	100.00
		22 Lorong Nipah 3 Sg. Dua	10.00	10.00
		Jalan Sentosa, Tanjung Bungah	20.00	20.00
		Sekolah Pendidikan Khas, Tanjung Bungah	100.00	100.00
		Blok AG-AH Taman Tun Sardon	18.18	18.18
		Sekolah Rendah Jenis Kebangsaan Cina Poay Wah, Tanjung Bungah	100.00	100.00
Kota Samarahan, Sarawak	2006	Sampun Jugu	13.04	13.04
		Serrera Laut	6.25	6.25
		Kg. Sembawang	6.25	6.25
		Senangeh	6.67	6.67
		Pinang	7.14	7.14
		Tambay	8.33	8.33
		Sg. Empit	21.74	21.74
	2007	Kilang Ayam Segar	100.00	100.00
		Kilang Ghee Fatt	100.00	100.00
		Pasar Sadong Jaya	11.11	11.11
		Sri Tajo	10.53	10.53
		Moyan Lidang	8.57	8.57
		Sebayor	8.33	8.33
		Tambey	9.09	9.09
		Zhen Hak Ann Tyres	100.00	100.00
	2008	Kg. Nuip	8.00	8.00
		Kg. Sungai Buloh	6.67	6.67
		Kg. Batu Perak	13.64	13.64
		SK Mata Parang	10.00	10.00
		Pasar Asajaya	5.56	5.56

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah memastikan pengesanan terhadap tahap risiko jangkitan atau wabak denggi dilaksanakan di semua daerah dengan menggunakan indeks pengesanan vektor dan seterusnya aktiviti kawalan serta pencegahan nyamuk aedes dilaksanakan di lokaliti yang berisiko tinggi.

d. Kelewatan Mengeluarkan Notifikasi

Menurut Akta Pencegahan Dan Pengawalan Penyakit Berjangkit 1988 (Akta 342), Pegawai Perubatan yang membuat rawatan dan mendapati pesakitnya mengidap penyakit demam denggi perlu membuat laporan dalam tempoh 24 jam kepada PKD yang berhampiran melalui telefon atau surat notifikasi. Semakan Audit mendapati ada kes penyakit demam denggi yang lewat dilaporkan oleh

hospital atau klinik kepada PKD. **Kelewatan mengeluarkan notifikasi menyebabkan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi lewat diambil dan boleh menyebabkan wabak penyakit tersebut merebak dan sukar dikawal**. Kelewatan mengeluarkan notifikasi tersebut disebabkan oleh Pegawai Perubatan gagal mengesan sama ada pesakit dijangkiti penyakit demam denggi pada peringkat awal; penyerahan tugas yang kurang sempurna semasa pertukaran syif kakitangan hospital menyebabkan notifikasi kes gagal disampaikan pada waktunya dan kelewatan notifikasi kes oleh hospital swasta disebabkan menunggu keputusan ujian serologi. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.9
JANGKA MASA NOTIFIKASI DILAPORKAN KE PEJABAT KESIHATAN DAERAH

NEGERI	DAERAH	TAHUN	JUMLAH BILANGAN KES	BIL. KES DILAPORKAN MELEBIHI 24 JAM	%
Selangor	Klang	2006	1,337	177	13.2
		2007	2,748	216	7.9
		2008	3,068	597	19.5
	Petaling	2006	4,934	2,834	57.4
		2007	5,576	1,319	23.7
		2008	12,558	592	4.7
Pulau Pinang	Timur Laut	2006	1,580	214	13.5
		2007	1,486	235	15.8
		2008	539	48	8.9
	Seberang Perai Utara	2006	142	12	8.5
		2007	115	11	9.6
		2008	185	21	11.4
Johor	Johor Bahru	2006	1,206	7	0.6
		2007	2,264	2	0.1
		2008	3,013	0	0
	Kota Tinggi	2006	186	1	0.5
		2007	102	0	0
		2008	92	0	0
Sarawak	Kuching	2006	596	14	2.3
		2007	574	16	2.8
		2008	328	16	4.9
	Kota Samarahan	2006	29	2	6.9
		2007	64	2	3.1
		2008	30	2	6.7
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur		2006	7,324	3,374	46.1
		2007	7,124	2,954	41.5
		2008	5,001	2,214	44.3
Wilayah Persekutuan Putrajaya		2006	463	TM	-
		2007	119	TM	-
		2008	238	37	15.5

Nota : ***TM - Tiada Maklumat***

Pada pandangan Audit, notifikasi awal terhadap kes penyakit demam denggi adalah penting bagi membolehkan pemeriksaan premis dan semburan kabus dilakukan dengan segera di kawasan berkaitan bagi mengelakkan daripada berlaku wabak. Oleh itu, Kementerian perlu mewujudkan mekanisme untuk mengatasi masalah yang menyumbang kepada kelewatan tersebut.

e. Pemeriksaan Premis Tidak Mencapai Sasaran

Pasukan kawalan denggi menjalankan pemeriksaan di premis untuk mengesan pembiakan nyamuk aedes dan membuat semburan kabus di lokasi yang dikenal pasti mempunyai nyamuk aedes. Bagi tujuan ini, Unit Vektor telah menetapkan sasaran bilangan premis yang perlu diperiksa, disembur kabus dan siasatan kes penyakit demam denggi. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

i. Bilangan kes disiasat dan dibuat semburan kabus bagi tahun 2006 hingga 2008 adalah melebihi sasaran. Bagaimanapun, bilangan premis yang telah diperiksa bagi mengesan tempat pembiakan nyamuk aedes bagi tempoh yang sama hanya pada antara 77.2% hingga 89% daripada sasaran yang ditetapkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.10
PENCAPAIAN AKTIVITI BERBANDING SASARAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

AKTIVTI	2006			2007			2008		
	SASARAN	PENCAPAIAN	%	SASARAN	PENCAPAIAN	%	SASARAN	PENCAPAIAN	%
Bilangan premis diperiksa untuk mengesan pembiakan nyamuk aedes	3,976,800	3,071,467	77.2	3,800,000	3,370,528	88.7	4,078,861	3,629,952	89.0
Bilangan rumah disembur kabus	8,590,200	14,753,596	171.7	17,500,000	17,521,524	100.1	14,908,046	23,421,428	157.1
Bilangan kes disiasat	29,030	38,556	132.8	25,000	48,846	195.4	31,013	49,335	159.1

Pada pandangan Audit, oleh kerana pemeriksaan premis untuk mengesan pembiakan nyamuk aedes adalah merupakan antara langkah pencegahan yang penting bagi mengurangkan kejadian penyakit demam denggi, Kementerian perlu memastikan pemeriksaan dibuat selaras dengan sasaran yang ditetapkan.

ii. Semakan Audit di 5 PBT mendapati secara umumnya Majlis Bandaraya Johor Bahru dan Dewan Bandaraya Kuching Utara berjaya mencapai sasaran bilangan premis yang diperiksa manakala Majlis Perbandaran Pulau Pinang dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur gagal mencapai sasaran pemeriksaan yang ditetapkan. Manakala Majlis Bandaraya Shah

Alam tidak menetapkan sebarang sasaran sungguhpun pemeriksaan premis ada dilakukan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.11
BILANGAN SASARAN DAN PREMIS YANG DILAWATI OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

PBT	BILANGAN PREMIS DIPERIKSA					
	2006		2007		2008	
	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN	SASARAN	PENCAPAIAN
DBKL	151,694	77,262	136,701	63,964	63,964	49,298
MBSA	-	58,724	-	34,173	34,173	257,981
MBJB	15,000	29,888	25,000	40,222	40,222	49,104
DBKU	16,000	19,048	16,000	16,834	16,834	18,880
MPPP	120,000	79,748	120,000	76,628	76,628	84,389

Nota : ***MBSA - Majlis Bandaraya Shah Alam*** ***DBKL - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur***
MBJB - Majlis Bandaraya Johor Bahru ***DBKU - Dewan Bandaraya Kuching Utara***
MPPP- Majlis Perbandaran Pulau Pinang

f. Lawatan Susulan Ke Premis Yang Gagal Diperiksa

Mengikut Garis Panduan Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Demam Denggi/ Denggi Berdarah 1986, setiap premis yang dilawati tetapi gagal diperiksa akibat ketiadaan pemilik/penghuni premis atau premis berkunci, satu notis pemberitahuan lawatan susulan akan dikeluarkan. Semakan Audit di PKD yang dilawati mendapati bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, sebanyak 88.2% atau 1.57 juta premis telah berjaya dilawati berbanding 1.78 juta yang dirancang. Namun demikian, lawatan susulan tidak dibuat terhadap 302,142 premis yang gagal diperiksa semasa lawatan pertama. Berdasarkan maklum balas Kementerian dan PKD terlibat, kegagalan membuat susulan semula bagi premis tersebut adalah disebabkan kekurangan kakitangan, banyak lokasi yang sedang dilanda wabak yang perlu diberikan perhatian khusus dan keengganan penghuni premis membenarkan pemeriksaan dibuat sungguhpun notis pemberitahuan telah dikeluarkan. Bilangan premis gagal diperiksa dan tidak dibuat susulan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.12
BILANGAN PREMIS YANG GAGAL DIPERIKSA DAN TIDAK DIBUAT SUSULAN BAGI PEJABAT KESIHATAN DAERAH YANG DILAWATI UNTUK TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	BILANGAN PREMIS								
	YANG DILAWATI			BERJAYA DIPERIKSA			GAGAL DIPERIKSA DAN TIADA SUSULAN		
	2006	2007	2008	2006	2007	2008	2006	2007	2008
Klang	25,689	80,817	97,987	25,634	80,856	97,913	55	39	74
Petaling	24,230	16,224	178,646	14,024	15,370	149,664	10,206	854	28,982
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	TB	TB	47,611	TB	TB	16,660	TB	TB	30,951
Putrajaya	TM	8,862	40,584	TM	2,215	13,179	TR	6,647	27,405
Johor Bahru	150,719	155,848	193,492	130,065	141,452	148,794	20,654	14,396	44,698

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	BILANGAN PREMIS								
	YANG DILAWATI			BERJAYA DIPERIKSA			GAGAL DIPERIKSA DAN TIADA SUSULAN		
	2006	2007	2008	2006	2007	2008	2006	2007	2008
Kota Tinggi	44,777	31,710	31,209	TM	TM	27,776	TM	TM	3,433
Kuching	4,503	4,468	2,571	4,503	4,468	2,571	0	0	0
Kota Samarahan	5,407	6,800	4,990	5,407	6,800	4,990	0	0	0
Seberang Perai Utara	58,329	45,845	45,316	57,409	44,923	42,575	920	922	2,741
Timur Laut	90,936	89,989	79,404	62,240	48,985	39,939	28,696	41,004	39,465
JUMLAH	**404,590**	**440,563**	**721,810**	**299,282**	**345,069**	**544,061**	**60,531**	**63,862**	**177,749**

Nota : TM - Tiada Maklumat TB - Tidak Berkenaan

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan lawatan susulan dilakukan terhadap premis yang gagal diperiksa bagi memastikan tempat berpotensi pembiakan nyamuk aedes dikenal pasti dan tindakan pemusnahan dilakukan dengan awal. Bagi tujuan ini, Kementerian perlu mempertingkatkan kempen kesedaran di kalangan masyarakat khususnya penghuni premis tentang pentingnya mereka bekerjasama menjayakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi.

g. Keputusan Ujian Darah Tidak Dinyatakan

Mengikut Garis Panduan Pencegahan Dan Kawalan Penyakit Demam Denggi/ Denggi Berdarah 1986, pesakit yang disyaki perlu diambil contoh darah sebanyak 2 kali untuk ujian makmal (serologi). Semakan Audit terhadap Daftar Kes Bagi Diagnosis Denggi Yang Dilaporkan di 9 Pejabat Kesihatan Daerah yang dilawati mendapati 49,783 sampel darah telah diambil daripada pesakit yang disyaki mengidap penyakit demam denggi bagi tempoh bulan Januari 2006 hingga Disember 2008. Bagaimanapun, keputusan ujian yang telah dibuat bagi 8,521 kes atau sampel darah tidak dicatatkan dalam daftar tersebut. Butirannya adalah seperti di **Jadual 18.13**. Berdasarkan temu bual dengan pegawai berkenaan di peringkat PKD dan makmal kesihatan terlibat, antara punca menyebabkan keputusan ujian serologi tidak dapat dicatatkan ialah :-

i. Sampel darah yang dibawa ke makmal untuk diuji tidak menepati syarat untuk dianalisis.

ii. Keputusan ujian hilang sama ada di makmal atau semasa penghantaran ke daerah.

iii. Maklumat asas pesakit tidak dinyatakan dalam keputusan ujian serologi dan ini menyukarkan anggota kesihatan yang bertugas untuk mengesannya.

iv. Kaedah mengeluarkan keputusan secara *pool* menyukarkan anggota kesihatan mengesan keputusannya kerana terdapat banyak sampel untuk pelbagai kes lain.

v. Keputusan ujian serologi hanya dimasukkan ke dalam data pesakit di hospital tanpa memaklumkan kepada PKD yang berkaitan.

JADUAL 18.13
REKOD BERHUBUNG UJIAN SEROLOGI YANG DIJALANKAN OLEH MAKMAL BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008 TIDAK DISELENGGARAKAN DENGAN LENGKAP

TAHUN (KES)		PEJABAT KESIHATAN DAERAH										JUMLAH
		Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur *	Wilayah Persekutuan Putrajaya	Petaling	Kelang	Timur Laut	Seberang Perai Utara	Johor Bahru	Kota Tinggi	Kuching	Kota Samarahan	
2006	BIL. UJIAN	3,661	369	4,775	349	1,088	147	1,206	TM	596	29	**12,220**
	+(ve)	2,415	306	2,153	210	578	74	579	104	289	14	**6,722**
	-(ve)	823	50	640	129	448	73	263	74	169	14	**2,683**
	TIDAK DICATATKAN	423	13	1,982	10	62	-	364	8	138	1	**2,939**
2007	BIL. UJIAN	2,312	88	5,576	370	889	115	2,264	TM	572	64	**12,250**
	+(ve)	2,109	71	2,450	285	408	46	1,252	86	293	17	**7,017**
	-(ve)	170	17	1,618	59	476	69	359	16	185	45	**3,010**
	TIDAK DICATATKAN	33	-	1,508	26	5	-	653	TM	94	2	**2,321**
2008	BIL. UJIAN	4,973	209	12,540	2,800	539	185	3,085	624	328	30	**25,313**
	+(ve)	2,578	124	9,337	2,501	207	47	1,406	149	159	5	**16,513**
	-(ve)	447	35	3,203	379	332	138	482	474	108	21	**5,619**
	TIDAK DICATATKAN	1,948	50	-	-	-	-	1,197	1	61	4	**3,261**

TM - Tiada Maklumat ***TB - Tidak Berkenaan*** ***+(ve) - Positif*** ***(ve) - Negatif***

Nota :
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur - Ujian Serologi Dijalankan Oleh Jabatan Kesihatan, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memastikan rekod berhubung dengan ujian serologi diselenggarakan dengan lengkap untuk menentukan sama ada seseorang itu mengidap penyakit demam denggi supaya rawatan dapat diberikan. Selain itu premis dan lokaliti kejadian dapat dikenal pasti lebih awal bagi membolehkan tindakan kawalan dibuat untuk mengelakkan daripada berlaku wabak.

h. Kelemahan Penguatkuasaan

Mengikut Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit (APSPP) 1975, Ketua Pengarah Kesihatan atau Pegawai Awam yang diberi kuasa oleh beliau secara bertulis boleh mengkompaun mana-mana pihak yang tidak mematuhi kehendak akta ini. Sebagai contoh, premis yang terdapat pembiakan nyamuk aedes, pemiliknya akan dikenakan kompaun serta merta tidak melebihi RM500. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

i. Mengikut laporan bulanan berhubung dengan aktiviti penguatkuasaan yang dikeluarkan oleh Kementerian, jumlah kompaun yang dikeluarkan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 adalah sebanyak 52,665 bernilai RM8.14 juta. Daripada jumlah ini, hanya 37,170 kompaun (70.6%) bernilai RM3.74 juta telah dijelaskan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.14
PENYELESAIAN TERHADAP KOMPAUN YANG DIKELUARKAN BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

PERKARA	TAHUN			JUMLAH
	2006	2007	2008	
Bilangan Kompaun Dikeluarkan	17,112	17,306	18,247	52,665
Nilai Kompaun Dikeluarkan (RM)	2,635,107	2,683,684	2,830,916	8,149,707
Bilangan Kompaun Dijelaskan	12,630	11,664	12,876	37,170
Nilai Kompaun Dijelaskan (RM)	1,292,891	1,141,105	1,301,127	3,735,123
Peratus Kompaun Dijelaskan (%)	73.8	67.4	70.5	70.6

ii. Semakan Audit selanjutnya berhubung dengan pengeluaran kompaun mendapati perkara berikut :-

- Kegagalan membayar kompaun dalam tempoh 14 hari setelah kompaun dikeluarkan boleh menyebabkan seseorang itu didakwa di mahkamah dan didenda. Bagi kesalahan pertama, denda tidak melebihi RM10,000 dan penjara tidak melebihi 2 tahun atau kedua-duanya sekali. Manakala bagi kesalahan kedua, denda tidak melebihi RM50,000 atau/dan penjara tidak melebihi 5 tahun atau kedua-duanya sekali. Seterusnya denda harian juga boleh dikenakan tidak melebihi RM500 setiap hari sehingga punca pembiakan nyamuk aedes dihapuskan. Berdasarkan **Jadual 18.15**, sebanyak 15,495 (29.4%) daripada 52,665 kompaun dikeluarkan didapati tidak dijelaskan oleh pesalah selepas tempoh 14 hari kompaun dikeluarkan. Nilai kompaun yang tidak dijelaskan tersebut adalah sebanyak RM4.40 juta. Bagi tempoh yang sama, hanya 2,437 (15.7%) kes kegagalan menjelaskan kompaun telah dirujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya. Sebanyak 2,052 daripada 2,437 kes tersebut telah didaftarkan di mahkamah di mana 202 kes telah dikenakan denda berjumlah RM39,100 atau secara puratanya sebanyak RM194 bagi setiap kes. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.15
KEDUDUKAN KOMPAUN YANG TIDAK DIJELASKAN DAN KES DIAMBIL TINDAKAN UNDANG-UNDANG BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

PERKARA	TAHUN			JUMLAH
	2006	2007	2008	
Bilangan kompaun tidak dijelaskan selepas 14 hari	4,482	5642	5371	15,495
Bilangan kes dirujuk kepada Timbalan Pendakwaraya	926	580	931	2,437
Bilangan kes didaftar di mahkamah	766	491	795	2,052
Bilangan kes telah didakwa	64	81	57	202
Nilai denda dikenakan (RM)	3,840	30,710	4,550	39,100

Pada pandangan Audit, bagi meningkatkan kesedaran dan tanggungjawab setiap penduduk serta menjadi pengajaran kepada yang lain, semua kes kompaun yang gagal dijelaskan perlu diambil tindakan dengan merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya.

- Mengikut Garis Panduan Penguatkuasaan Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 Untuk Pegawai-pegawai Diberi Kuasa Di Bawah APSPP 1975, pengeluaran kompaun bermula selepas pemeriksaan dilakukan terhadap premis. Sekiranya pemilik premis berkenaan didapati telah melakukan kesalahan di bawah Akta APSPP 1975, butiran mengenainya akan diambil dan spesimen jentik-jentik yang diambil akan dibawa ke makmal bagi tujuan pengecaman larva. Setelah proses pengecaman oleh Ahli Kaji Serangga atau Pembantu Kesihatan Awam dilakukan dan disahkan spesimen berkenaan adalah jentik-jentik nyamuk aedes, kompaun akan dikeluarkan. Bagaimanapun, norma atau tempoh kompaun dikeluarkan dari tarikh kesalahan berlaku tidak dinyatakan dalam garis panduan tersebut. Semakan terhadap buku kompaun di PKD yang dilawati mendapati tempoh diambil bagi pengeluaran kompaun adalah antara 2 hingga 137 hari. Contohnya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.16
PERBANDINGAN TEMPOH PENGELUARAN KOMPAUN
DENGAN TARIKH KESALAHAN DITEMUI

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	NO. KOMPAUN	TARIKH KOMPAUN	TARIKH KESALAHAN	TEMPOH (Hari)
Petaling, Selangor	AC 177101	18/07/2008	14/04/2008	94
	AC 177008	26/02/2008	15/02/2008	11
	AC 177039	13/03/2008	3/03/2008	10
	AC 177015	28/02/2008	19/02/2008	9
Johor Bahru, Johor	AC 618456	26/10/2007	16/07/2007	100
	AC 618462	16/10/2007	17/07/2007	89
	AC 618464	26/10/2007	17/07/2007	100
	AC 618467	26/10/2007	18/07/2007	99
	AC 618472	26/10/2007	19/07/2007	97
	AC 618479	11/12/2007	24/07/2007	133
	AC 618482	11/12/2007	25/07/2007	132
	AC 618484	17/12/2007	26/07/2007	131
	AC 618488	17/12/2007	06/10/2007	71
	AC 618495	17/12/2007	30/07/2007	137
	AC 618884	06/08/2008	14/07/2008	23
	AC 618887	06/08/2008	16/07/2008	21
Kuching, Sarawak	AC 33369	06/01/2006	03/01/2006	3
	AC 33370	13/01/2006	06/01/2006	7

PEJABAT KESIHATAN DAERAH	NO. KOMPAUN	TARIKH KOMPAUN	TARIKH KESALAHAN	TEMPOH (Hari)
	AC 33373	13/01/2006	11/01/2006	2
	AC 33375	02/02/2006	21/01/2006	12
	AC 33405	30/08/2007	22/08/2007	8
	AC 33411	20/02/2008	14/02/2008	6
	AC 33412	20/02/2008	16/02/2008	4
	AC 33413	05/04/2008	25/03/2008	11

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu menetapkan satu norma masa yang munasabah dan memastikan ia dipatuhi bagi menggelakkan berlakunya kelewatan pengeluaran kompaun yang akan menjejas keberkesanan tindakan penguatkuasaan.

- Mengikut Akta APSPP 1975, Ketua Pengarah atau Pegawai Awam yang diberikan kuasa oleh beliau boleh mengenakan kompaun kepada seseorang yang telah melakukan kesalahan di bawah Akta ini tidak melebihi RM500. Bagaimanapun bagi tujuan keseragaman, Kementerian secara pentadbiran, telah menetapkan kadar kompaun mengikut kategori premis antara RM100 hingga RM500. Semakan Audit di Pejabat Kesihatan Daerah yang dipilih mendapati kadar kompaun yang dikenakan adalah tidak seragam malahan lebih rendah daripada kadar minimum yang ditetapkan iaitu antara RM30 hingga RM80. Semakan juga menunjukkan tidak ada bukti bahawa penurunan kuasa bagi pengurangan kompaun telah diberikan kepada Pegawai Kesihatan Daerah atau Penolong Pegawai Persekitaran Kanan.
- Akta Pemusnahan Serangga Pembawa Penyakit 1975 juga memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan untuk mengkompaun kesalahan yang dilakukan di bawah Akta ini. Semakan Audit ke 5 PBT yang dipilih mendapati 2 PBT iaitu Majlis Bandaraya Shah Alam dan Majlis Bandaraya Johor Bahru tidak menggunakan akta berkenaan tetapi sebaliknya menggunakan Akta Kerajaan Tempatan 1976. Semakan Audit mendapati sebahagian besar kompaun yang dikeluarkan tidak dijelaskan khususnya di MBSA dan DBKL. Bagaimanapun, tindakan mahkamah tidak diambil kecuali DBKL. Berdasarkan temu bual, kegagalan MBSA untuk mengambil tindakan mahkamah adalah berpunca daripada kelemahan Akta Kerajaan Tempatan 1976 yang diguna pakai kerana tidak mempunyai peruntukan perundangan yang mencukupi bagi tujuan pendakwaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.17
KUTIPAN HASIL KOMPAUN OLEH PIHAK BERKUASA TEMPATAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

MAJLIS	TAHUN	BIL. KOMPAUN DIKELUARKAN	BIL KOMPAUN DIJELAS	NILAI KOMPAUN DIBAYAR	BIL. TINDAKAN MAHKAMAH
DBKL	2006	779	453	102,700	18
	2007	1,379	621	159,000	23
	2008	987	431	91,015	-
		3,145	**1,505**	**352,715**	**41**
MBSA	2006	1,394	168	62,320	-
	2007	1,456	258	102,350	-
	2008	1,648	250	89,175	-
		4,498	**676**	**253,845**	**-**
MBJB	2006	TM*	TM	TM	-
	2007	TM	TM	TM	
	2008	1,144	TM	TM	-
		1,144	**TM**	**TM**	**-**
DBKU	2006	84	70	11,200	-
	2007	43	35	10,150	-
	2008	53	30	7,300	-
		180	**135**	**28,650**	**-**
MPPP	2006	596	425	25,025	-
	2007	555	432	27,730	-
	2008	377	322	26,945	-
		1,528	**1,179**	**79,700**	**-**

TM - Tiada Maklumat

Nota : ***MBSA - Majlis Bandaraya Shah Alam*** ***DBKL - Dewan Bandaraya Kuala Lumpur***
MBJB - Majlis Bandaraya Johor Bahru ***MPPP - Majlis Perbandaran Pulau Pinang***
DBKU - Dewan Bandaraya Kuching Utara

i. Kurang Kerjasama Dan Kesedaran Di Kalangan Masyarakat

i. Penglibatan masyarakat masih kurang memuaskan sungguhpun Kementerian telah menjalankan pelbagai aktiviti seperti gotong-royong, ceramah dan pameran bagi menyedarkan masyarakat akan bahayanya penyakit demam denggi dan punca yang mengakibatkannya. Sebagai contoh bagi tahun 2007 dan 2008, sungguhpun sebanyak 1,653 aktiviti gotong-royong telah dijalankan di seluruh negara, namun secara purata, hanya 70 orang hadir dalam setiap aktiviti ini. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.18
AKTIVITI PROMOSI DAN PENDIDIKAN KESIHATAN BERKAITAN DENGGI ANJURAN KEMENTERIAN KESIHATAN MALAYSIA BAGI TAHUN 2007 DAN 2008

AKTIVITI	BILANGAN AKTIVITI/ PENYERTAAN	TAHUN		JUMLAH
		2007	2008	
Gotong royong	Bilangan aktiviti Bilangan kehadiran Purata kehadiran	578 38,510 66.6	1,075 78,634 73.1	1,653 117,144 70.8
Ceramah	Bilangan aktiviti Bilangan kehadiran Purata kehadiran	1,326 66,002 49.7	3,374 234,801 69.6	4,700 300,803 64

AKTIVITI	BILANGAN AKTIVITI/ PENYERTAAN	TAHUN		JUMLAH
		2007	2008	
Perbincangan kumpulan kecil	Bilangan aktiviti Bilangan kehadiran Purata kehadiran	179,685 445,908 2.5	584,964 1,875,987 3.2	764,649 2,321,895 3.0
Dailog	Bilangan aktiviti Bilangan kehadiran Purata kehadiran	1,671 21,430 12.8	5,838 107,117 18.3	7,509 128,547 17.11
Tunjuk cara	Bilangan aktiviti Bilangan kehadiran Purata kehadiran	245,038 360,678 1.5	856,344 1,585,247 1.85	1,101,382 1,945,925 1.76
Pameran	Bilangan aktiviti Bilangan kehadiran Purata kehadiran	211 32,489 153.9	45 5,295 117.7	256 37,784 147.6

Nota : Maklumat Bagi Tahun 2006 Tidak Disediakan Oleh Kementerian

ii. Pihak Audit telah menyertai aktiviti Pasukan Pengawasan Aedes (*Aedes Surveillance Team*) dan Pasukan Semburan Kabus di Lorong Sungei Puloh, Klang; Presint 9, Putrajaya; penempatan setinggan Kampung Pasir Putih, Kuching dan Kampung Endap, Kota Samarahan, Sarawak. Bagi aktiviti semburan kabus, notis pemberitahuan telah dimaklumkan kepada penduduk sehari sebelum aktiviti tersebut dijalankan. Bagaimanapun, didapati hanya 8 daripada 20 rumah di Lorong Sungei Puloh, Klang; Kampung Pasir Putih, Kuching dan Kampung Endap, Samarahan, Sarawak berjaya dilakukan pemeriksaan. Manakala hanya 4 unit dari 2 blok pangsapuri di Presint 9, Putrajaya berjaya dibuat semburan kabus di dalam rumah. Sebahagian besar premis kediaman gagal diperiksa kerana penghuni tiada di premis; pemilik/penghuni kediaman tidak membenarkan anggota pasukan memasuki kawasan premis mereka dan penghuni tidak membenarkan semburan kabus di dalam kediaman kerana bau bahan kimia tersebut serta khuatir akan mencemarkan makanan. Selain itu, adalah diperhatikan juga beberapa kawasan persekitaran rumah/kampung/taman perumahan serta sistem pembuangan sampah tidak diurus dengan baik dan berpotensi menjadi tempat pembiakan nyamuk aedes. **Gambar 18.5 hingga 18.8** adalah berkaitan.

GAMBAR 18.5

Rumah Di Lorong Sungei Puloh, Klang - Kawasan Rumah Dijadikan Tempat Simpanan Keratan Paip Besi (05.08.2008)

GAMBAR 18.6

Taman Sri Muda, Seksyen 25, Shah Alam - Keadaan Tempat Pembuangan Sampah Haram (30.01.2009)

GAMBAR 18.7

Rumah Di Kampung Pasir Putih, Batu 7, Kuching
- Terdapat Air Bertakung Dalam Tempayan
(28.10.2008)

GAMBAR 18.8

Satu Premis (Rumah) Di Kampung Endap, Kota Samarahan
- Perahu Rosak Ditakungi Dengan Air
(31.10.2008)

iii. Bagi meningkatkan kesedaran masyarakat, Kementerian juga telah merangka pelbagai aktiviti pendidikan kesihatan dan publisiti berkaitan penyakit demam denggi. Bagi tahun 2007 dan 2008, Kementerian telah menjalankan aktiviti hebahan sebanyak 254,565 kali, mengedarkan sejumlah 3.95 juta risalah dan 138,347 keping poster serta 19,625 iklan di media luar melalui televisyen, media cetak dan *billboard.*

iv. Kementerian telah melaksanakan satu program yang dikenali sebagai Komunikasi Untuk Perubahan Tingkah laku (*Communication For Behavioural Impact* - COMBI). Program ini dilaksanakan bagi memperkukuhkan program kawalan dan pencegahan denggi sedia ada kerana didapati kebanyakan kejadian penyakit berjangkit terutamanya denggi adalah berkaitan secara langsung dengan tingkah laku manusia. Pendekatan COMBI ini mulai diperkenalkan pada tahun 2001. Sehingga bulan Disember 2008, Kementerian telah mewujudkan program COMBI di 587 lokaliti yang melibatkan sukarelawan seramai 11,692 orang. Kajian keberkesanan program COMBI telah dijalankan oleh Bahagian Kawalan Penyakit, Kementerian pada tahun 2007 dan mendapati daripada 340 lokaliti yang melaksanakan program COMBI pada tahun itu, 227 lokaliti atau 66.8% telah memperlihatkan penurunan kes demam denggi. Sebaliknya 58 lokaliti atau 17.1% tidak menunjukkan sebarang perubahan manakala 55 buah lokaliti atau 16.2% menunjukkan peningkatan berbanding sebelum program COMBI diwujudkan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 18.19
KEDUDUKAN KES DENGGI DI LOKALITI YANG MELAKSANAKAN PROGRAM *COMMUNICATION FOR BEHAVIOURAL IMPACT* PADA TAHUN 2007

NEGERI	BILANGAN LOKALITI YANG TERLIBAT DENGAN KES DEMAM DENGGI			
	MENURUN	TIADA PERUBAHAN	MENINGKAT	JUMLAH
Selangor	10	1	0	11
Perak	20	5	3	28
Kelantan	5	0	0	5
Melaka	19	3	3	25
Pahang	15	1	2	18

NEGERI	BILANGAN LOKALITI YANG TERLIBAT DENGAN KES DEMAM DENGGI			
	MENURUN	TIADA PERUBAHAN	MENINGKAT	JUMLAH
Terengganu	8	2	0	10
Kedah	20	1	1	22
Pulau Pinang	6	2	1	9
Johor	9	28	37	161
Sarawak	5	3	0	8
Negeri Sembilan	22	12	8	42
Sabah	1	0	0	1
JUMLAH	**227**	**58**	**55**	**340**

v. Bagi menilai sikap masyarakat terhadap penyakit demam denggi, Kementerian pada tahun 2007 telah menjalankan kajian Amalan Pencegahan Denggi di kalangan masyarakat. Kajian ini telah dijalankan di seluruh negara yang melibatkan 56,000 responden. Berdasarkan kajian tersebut didapati kesedaran masyarakat tentang bahayanya penyakit demam denggi dan punca menyebabkannya adalah tinggi. Bagaimanapun, kesedaran mereka mengenai pentingnya aktiviti pembersihan persekitaran di dalam dan di luar rumah adalah rendah. Pada puratanya 80.9% responden sedar tentang bahayanya penyakit demam denggi di mana kesedaran di kalangan masyarakat bandar adalah tinggi iaitu 83.5% berbanding luar bandar sebanyak 78%; sebanyak 70.4% responden mengetahui bahawa denda akan dikenakan sekiranya jentik-jentik ditemui di dalam kawasan premis mereka dan penglibatan masyarakat di Selangor, Kedah dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dalam aktiviti gotong royong pembersihan adalah rendah iaitu 46.8%, 52.6% dan 54.6% masing-masingnya.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mempertingkatkan kempen kesedaran di kalangan masyarakat tentang pentingnya mereka bekerjasama menjayakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi. Sehubungan ini, penglibatan masyarakat antaranya persatuan penduduk, persatuan belia, Pertubuhan Bukan Kerajaan (NGO) dan pasukan sukarelawan lain juga patut digalakkan.

j. Kelemahan Reka Bentuk Bangunan

Reka bentuk sesuatu bangunan adalah penting bagi memastikan takungan air tidak berlaku untuk tempat pembiakan nyamuk aedes. Lawatan Audit ke satu kolej swasta di Klang mendapati akibat kesilapan reka bentuk menyebabkan *air-well* yang dibina tidak mempunyai aliran air keluar dan menjadi tempat pembuangan sampah serta takungan air yang memberikan ruang tempat pembiakan nyamuk aedes seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 18.9 **GAMBAR 18.10**

Kolej Swasta Di Klang
- Kesilapan Reka Bentuk Menyebabkan Air Well Dibina Tidak Mempunyai Aliran Air Keluar Dan Menyebabkan Takungan Air Serta Tempat Pembuangan Sampah Dan Pembiakan Nyamuk Aedes (05.08.2008)

18.4.2. Pemantauan

18.4.2.1. Bagi memastikan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi dipantau dengan berkesan, Sistem *Vector Programme* (VEKPRO) telah dibangunkan di peringkat Kementerian, JKN dan PKD. Melalui sistem ini, maklumat kes kejadian dan kematian akibat penyakit demam denggi dari setiap PKD dihantar ke JKN dan seterusnya kepada Ibu Pejabat Kawalan Vektor Kebangsaan secara mingguan dan bulanan. Bagi memudahkan maklumat mengenainya disalurkan dengan cepat, Bilik Gerakan Kawalan Penyakit Demam Denggi diwujudkan di peringkat Kementerian dan JKN. Laporan berhubung maklumat kes kejadian dan kematian akibat penyakit demam denggi dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Cawangan Penyakit Bawaan Vektor; Jawatankuasa Teknikal Kebangsaan Penyakit Bawaan Vektor; Jawatankuasa Semakan Kematian Denggi Kebangsaan; Jawatankuasa Teknikal Denggi Kebangsaan; Kenyataan akhbar mingguan serta dibentangkan dalam Mesyuarat Kabinet Untuk Kebersihan Dan Kesihatan Nasional.

18.4.2.2. Pejabat Kesihatan Daerah ada menyediakan Laporan Harian Pasukan Denggi; Laporan Mingguan/Bulanan Kes Denggi; Laporan Tapak Binaan, Laporan Bebas Aedes Di Sekolah; Laporan Aktiviti Pendidikan Kesihatan; Laporan Bulanan Ovitrap Di Kawasan Wabak; Laporan Bebas Denggi Di Kemudahan Kesihatan; Laporan Bulanan Kawalan Vektor PBV (V) 202; Laporan Penguatkuasaan dan sebagainya. Laporan ini dibincangkan dalam mesyuarat mingguan/bulanan PKD sebelum dihantar ke JKN untuk tujuan pemantauan.

Pada pandangan Audit, secara umumnya, mekanisme pemantauan terhadap aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi adalah memadai.

18.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara umumnya, Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) masih belum berjaya mengurangkan kadar kejadian penyakit demam denggi dan kadar kematian akibat penyakit ini disebabkan antara lainnya oleh kelemahan dalam melaksanakan aktiviti kawalan dan pencegahan yang berpunca daripada kekurangan guna tenaga dan kemudahan yang diperlukan serta kurangnya kerjasama daripada masyarakat. Bagi memperbaiki kelemahan dalam pelaksanaan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi seperti mana yang dibangkitkan dalam laporan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

18.5.1. Mewujudkan jawatan dan unit khusus di peringkat Kementerian, Jabatan Kesihatan Negeri dan Pejabat Kesihatan Daerah bagi melaksanakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi memandangkan bilangan kes kejadian demam denggi dan kematian terus meningkat dari setahun ke setahun. Dengan mewujudkan unit tersebut, Kementerian boleh mempertimbangkan untuk mengambil alih aktiviti ini daripada Pihak Berkuasa Tempatan supaya ia dapat dirancang dan dilaksanakan dengan lebih menyeluruh.

18.5.2. Memastikan pengesanan terhadap tahap risiko jangkitan atau wabak denggi dilaksanakan di semua daerah dengan menggunakan indeks pengesanan vektor dan seterusnya aktiviti kawalan serta pencegahan nyamuk aedes dilaksanakan di lokaliti yang berisiko tinggi.

18.5.3. Mewujudkan mekanisme untuk mengatasi masalah yang menyumbang kepada kelewatan menghantar notifikasi mengenai kes penyakit demam denggi. Notifikasi awal adalah penting bagi membolehkan pemeriksaan premis dan semburan kabus dilakukan dengan segera di kawasan berkaitan bagi mengelakkan daripada berlaku wabak.

18.5.4. Memastikan pemeriksaan dibuat selaras dengan sasaran yang ditetapkan memandangkan pemeriksaan premis untuk mengesan pembiakan nyamuk aedes adalah merupakan antara langkah kawalan yang penting bagi mengurangkan kejadian penyakit demam denggi.

18.5.5. Memastikan lawatan susulan dilakukan terhadap premis yang gagal diperiksa bagi memastikan tempat berpotensi pembiakan nyamuk aedes dikenal pasti dan tindakan pemusnahan dilakukan dengan awal. Bagi tujuan ini, Kementerian perlu mempertingkatkan kempen kesedaran di kalangan masyarakat khususnya penghuni premis tentang pentingnya mereka bekerjasama menjayakan aktiviti pencegahan dan kawalan penyakit demam denggi. Sehubungan ini, penglibatan masyarakat antaranya persatuan penduduk, persatuan belia, Pertubuhan Bukan Kerajaan dan pasukan sukarelawan lain juga patut digalakkan.

18.5.6. Memastikan rekod berhubung dengan ujian serologi diselenggarakan dengan lengkap untuk menentukan sama ada seseorang itu mengidap penyakit demam denggi supaya rawatan dapat diberikan dan premis serta lokaliti kejadian dapat dikenal pasti lebih awal bagi membolehkan tindakan kawalan dibuat untuk mengelakkan daripada berlaku wabak.

18.5.7. Menetapkan satu norma masa yang munasabah dan memastikan ia dipatuhi bagi menggelakkan berlakunya kelewatan pengeluaran kompaun yang akan menjejas keberkesanan tindakan penguatkuasaan. Selain itu, tindakan terhadap semua kes kompaun yang gagal dijelaskan perlu diambil dengan merujuk kepada Timbalan Pendakwa Raya.

18.5.8. Mengagihkan peralatan yang belum digunakan kepada Pejabat Kesihatan Daerah lain yang memerlukannya bagi mengelakkan keusangan dan pembaziran. Selain itu, perancangan untuk menambah bilangan kenderaan pengangkutan perlu disediakan.

19. PROGRAM PENGURANGAN MUDARAT

19.1. LATAR BELAKANG

19.1.1. Sehingga 31 Disember 2007, seramai 80,938 warga Malaysia telah dijangkiti *Human Immunodeficiency Viruses* (HIV). Kementerian Kesihatan Malaysia (Kementerian) menganggarkan seramai 300,000 warga Malaysia akan dijangkiti HIV menjelang tahun 2015 sekiranya tiada langkah pencegahan dan intervensi yang berkesan diambil segera. Sebagai strategi untuk menangani peningkatan penyakit ini, Jemaah Menteri pada 12 April 2006 telah meluluskan pelaksanaan Program Pengurangan Mudarat yang meliputi tempoh tahun 2006 hingga 2010. Program ini mengandungi 2 komponen iaitu Aktiviti Rawatan Terapi Gantian Dengan Metadon (Aktiviti Rawatan Metadon) serta Aktiviti Pertukaran Jarum Dan Alat Suntikan (Aktiviti Pertukaran Jarum). Pengurangan Mudarat (Harm Reduction) bermaksud mengurangkan kemudaratan akibat pengambilan dadah demi menyelamatkan nyawa sendiri atau orang lain termasuk pengurangan jangkitan HIV/*Acquired Immune Deficiency Syndrome* (AIDS); Hepatitis B dan C; pengurangan kes *drug overdose*; masalah psikologi serta penglibatan dalam aktiviti jenayah dan anti-sosial yang lain. Kos bagi melaksanakan Program Pengurangan Mudarat ini dibiayai daripada peruntukan di bawah Program Kawalan Penyakit dan Program Perluasan Kesihatan Awam.

19.1.2. Tujuan utama Aktiviti Rawatan Metadon adalah untuk mengurangkan kadar penagihan semula; meningkatkan tahap kesihatan, kualiti hidup, tahap kecergasan mental dan fizikal penagih dadah (penagih) serta mengurangkan risiko jangkitan penyakit di kalangan penagih yang berkongsi jarum suntikan; meningkatkan fungsi psikososial penagih termasuk keupayaan untuk mendapat dan mengekalkan mutu kerja serta meningkatkan keyakinan diri untuk kembali kepada masyarakat di samping mengurangkan aktiviti jenayah di kalangan mereka. Perolehan ubat metadon dibuat oleh Kementerian secara rundingan terus dan dibekalkan oleh pembekal secara langsung ke hospital yang akan mengagihkannya kepada klinik kesihatan Kerajaan dan klinik swasta yang terlibat dalam aktiviti ini.

19.1.3. Aktiviti Pertukaran Jarum pula bertujuan untuk mengurangkan risiko jangkitan HIV melalui perkongsian jarum semasa menyuntik dadah. Sebelum tahun 2008, perolehan jarum dibuat oleh Kementerian secara sebut harga. Bagaimanapun mulai bulan Mei 2008, perolehan jarum diuruskan oleh Majlis AIDS Malaysia (Majlis AIDS). Berdasarkan Perjanjian Persefahaman antara Majlis AIDS dengan Kerajaan, Majlis ini juga bertanggungjawab untuk melaksanakan aktiviti seperti bertemu dengan penagih, memberi pendidikan dan informasi tentang HIV/AIDS kepada penagih serta menganjurkan pelbagai aktiviti lain mengikut garis panduan dan

standard operasi yang dikeluarkan oleh Kementerian. Majlis AIDS melantik 10 Pertubuhan Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk membantunya melaksanakan aktiviti tersebut. Tanggungjawab NGO ditetapkan melalui perjanjian yang ditandatangani oleh NGO berkenaan dengan Majlis AIDS.

19.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Program Pengurangan Mudarat telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, cekap dan berhemat selaras dengan objektif yang ditetapkan.

19.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini ditumpukan kepada prestasi pencapaian program, pematuhan kepada peraturan yang dikeluarkan, penyediaan kemudahan di Pusat Rawatan Metadon, pengurusan bekalan jarum dan alat suntikan serta bekalan lain untuk Aktiviti Pertukaran Jarum. Semakan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 telah dijalankan di peringkat Kementerian, 4 Jabatan Kesihatan Negeri (JKN), 5 Pejabat Kesihatan Daerah, 4 hospital, 4 klinik kesihatan, 4 klinik swasta, Majlis AIDS dan 5 NGO. Selain itu, sebanyak 165 soal selidik telah diedarkan kepada penagih dan kakitangan NGO. Di samping itu, perbincangan turut diadakan dengan pegawai yang bertanggungjawab.

19.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Julai hingga Disember 2008 mendapati pada umumnya Program Pengurangan Mudarat telah dapat membantu penagih dari segi penurunan tahap penagihan, pengurangan cara hidup berisiko dan peningkatan kualiti hidup. Bagaimanapun bagi mempertingkatkan keberkesanan program ini, langkah penambahbaikan perlu diambil terhadap beberapa kelemahan dalam pelaksanaannya. Antara kelemahan tersebut adalah bilangan penagih yang sepatutnya dirawat tidak mencapai sasaran yang ditetapkan sama ada kerana kekurangan anggota kesihatan atau kemudahan asas yang diperlukan; perolehan ubat metadon tidak dibuat dengan teratur yang menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian; penyelenggaraan rekod berhubung dengan stok jarum yang tidak teratur dan kelemahan pemantauan dari aspek pengumpulan dan penganalisaan data pencapaian program. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

19.4.1. Sasaran Aktiviti Pertukaran Jarum/Rawatan Metadon Tidak Dapat Dicapai

19.4.1.1. Sehingga 31 Disember 2008, daripada 10 NGO yang dilantik untuk melaksanakan Aktiviti Pertukaran Jarum, bilangan penagih yang menyertai aktiviti ini di 7 NGO adalah seramai 11,766 penagih atau 126.8% berbanding 9,280 penagih yang disasarkan. Bagi 2 NGO yang lain, sungguhpun ia telah menetapkan sasaran iaitu 800 penagih masing-masingnya, namun

pencapaiannya tidak dapat ditentukan kerana NGO berkenaan belum beroperasi. Manakala satu NGO lagi tidak menetapkan sasarannya untuk dibandingkan dengan 464 penagih yang menyertai aktiviti tersebut. Bagi Aktiviti Rawatan Metadon pula, hanya 7,065 atau 70.7% penagih dapat dirawat berbanding 10,000 penagih yang disasarkan. Perbandingan antara bilangan penagih yang disasarkan dengan bilangan sebenar penagih yang menyertai aktiviti/dirawat adalah seperti di jadual berikut:-

JADUAL 19.1
PERBANDINGAN ANTARA SASARAN DAN PENCAPAIAN SEBENAR BAGI AKTIVITI PERTUKARAN JARUM
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2008

AKTIVITI PERTUKARAN JARUM		
PERTUBUHAN/BADAN BUKAN KERAJAAN	**JUMLAH SASARAN (Bil. Penagih)**	**JUMLAH PENCAPAIAN (Bil. Penagih)**
Alternatif Community Centre, Pulau Pinang	920	1,699
Intan Life Zone, Johor	2,000	3,637
Pusat Komuniti IKHLAS, Kuala Lumpur	2,100	3,218
Drop-In-Centre, Kuantan, Pahang	1,860	1,452
Family Planning Association, Selangor (Ibu Pejabat)	800	- (Pertubuhan Belum Beroperasi)
SAHABAT, Kelantan	800	1,373
AIDS Action & Research Group, Pulau Pinang	800	156
JENGKA, Pahang	800	231
KAWAN, Kedah	800	- (Pertubuhan Belum Beroperasi)
Persatuan Cahaya Harapan, Kedah	Tidak Ditetapkan	464

JADUAL 19.2
PERBANDINGAN ANTARA SASARAN DAN PENCAPAIAN SEBENAR BAGI AKTIVITI RAWATAN METADON
- KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2008

AKTIVITI RAWATAN METADON		
NEGERI	**JUMLAH SASARAN (Bil. Penagih)**	**JUMLAH PENCAPAIAN (Bil. Penagih)**
Perlis	250	80
Kedah	560	315
Pulau Pinang	930	888
Perak	1,000	783
Kelantan	1,030	684
Terengganu	480	397
Pahang	1,335	766
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	1,115	712
Selangor	1,185	887
Negeri Sembilan	680	557
Melaka	425	291
Johor	1,010	705
JUMLAH	**10,000**	**7,065**

19.4.1.2. Berdasarkan semakan Audit dan maklum balas daripada Kementerian, sasaran penagih yang ditetapkan bagi Aktiviti Rawatan Metadon tidak tercapai disebabkan oleh faktor berikut :-

a. **Jawatan yang khusus untuk menguruskan Aktiviti Rawatan Metadon tidak diwujudkan di hospital mahupun klinik kesihatan**. Anggota kesihatan yang diperlukan untuk melaksanakan Aktiviti Rawatan Metadon adalah seperti Pegawai Perubatan, Penolong Pegawai Perubatan, Kaunselor, Pegawai Farmasi, Jururawat/Jururawat Masyarakat dan Pembantu Tadbir/Pembantu Hospital Rendah/Pembantu Perawatan Kesihatan. Di peringkat hospital, Aktiviti Rawatan Metadon dipertanggungjawabkan kepada Jabatan Psikiatri Dan Kesihatan Mental yang juga bertanggungjawab memberikan perkhidmatan psikiatri dan merawat serta memantau kesihatan mental penagih. Di peringkat klinik kesihatan pula, Unit Metadon diwujudkan secara pentadbiran dan diketuai oleh seorang Pakar Perubatan Keluarga. Bagi mengatasi masalah kekurangan kakitangan, anggota kesihatan yang terlibat dengan program/ aktiviti lain telah dipinjamkan untuk membantu melaksanakan aktiviti ini. Kedudukan anggota kesihatan yang dipinjam untuk melaksanakan aktiviti ini di hospital/klinik kesihatan yang diaudit adalah seperti di di jadual berikut :-

JADUAL 19.3
KEDUDUKAN ANGGOTA KESIHATAN YANG DIPINJAMKAN DARIPADA BAHAGIAN LAIN UNTUK MELAKSANAKAN AKTIVITI RAWATAN METODON

HOSPITAL/ KLINIK KESIHATAN	JAWATAN/BILANGAN							
	PEGAWAI PSIKIATRI/ PAKAR PERUBATAN KELUARGA	PEGAWAI PERUBATAN	PEGAWAI FARMASI	PENOLONG PEGAWAI PERUBATAN/ PEMBANTU PERUBATAN	JURURAWAT/ JURURAWAT MASYARAKAT	PEMBANTU PERAWATAN KESIHATAN/ PEMBANTU HOSPITAL RENDAH	PEMBANTU TADBIR/ PEGAWAI PENYELIDIK (KONTRAK/ SAMBILAN)	JUMLAH
Hospital Kuala Lumpur	1	1	3	2	-	6	-	13
Klinik Kesihatan Jinjang	1	1	1	1	1	1	1	7
Hospital Bukit Mertajam	1	2	1	1	1	-	1*	7
Klinik Kesihatan Butterworth	1	1	1	1	1	-	1*	6
Hospital Permai	1	1	1	2	-	3	-	8
Klinik Kesihatan Larkin	1	1	1	-	2	-	-	6
Hospital Sultan Haji Ahmad Shah	1	1	1	2	-	1	1	9
Klinik Kesihatan Triang	1	1	1	1	1	1	-	6

Nota : ***(*) Anggota Kesihatan Yang Sama Menjalankan Tugas Di Kedua-dua Pusat Rawatan Metadon Mengikut Hari Yang Telah Ditetapkan***

b. Mulai bulan April 2007, Bahagian Sumber Manusia Kementerian telah memperuntukkan secara pentadbiran sebanyak 8 jawatan Kaunselor kepada beberapa Pusat Rawatan Metadon di mana 3 daripadanya telah diisi iaitu satu di Hospital Permai, Johor dan 2 di Hospital Kuala Lumpur. Bagaimanapun tiada bukti yang menunjukkan Kaunselor berkenaan telah memberikan khidmat kaunseling kepada penagih yang menyertai rawatan metadon. Sebaliknya, kaunselor berkenaan ditugaskan memberi khidmat kaunseling kepada staf hospital.

c. Ruang yang sesuai dan penyediaan kemudahan asas yang mencukupi adalah penting untuk memastikan Aktiviti Rawatan Metadon berjalan lancar kerana ia melibatkan proses seperti kajian tabiat penagihan, pemerhatian, perawatan, pendispensan ubat serta sesi kaunseling. Proses pendispensan ubat metadon kepada penagih memerlukan tempat/bilik khas yang berasingan daripada pesakit lain dan pengawasan rapi oleh pegawai farmasi bagi memastikan mereka mengambil ubat yang diberi. Selain itu, bilik kaunseling, bilik menunggu, bilik pemeriksaan darah, *water dispenser* dan lain-lain keperluan juga perlu disediakan bagi melancarkan pelaksanaan aktiviti. Berdasarkan temu bual dan soal selidik yang diedarkan kepada Pusat Rawatan Metadon yang dilawati, didapati pada umumnya kemudahan asas yang diperlukan tidak mencukupi. Sebagai contoh, Hospital Kuala Lumpur dan Klinik Kesihatan Jinjang serta Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang **(Gambar 19.1)** tidak mempunyai bilik kaunseling dan bilik untuk memerhatikan tindak balas penagih terhadap ubat yang diberi dan terpaksa menggunakan ruangan yang sempit serta tiada *privacy*. Manakala di Klinik Kesihatan Larkin, Johor, pendispensan tidak dapat dibuat dengan sempurna kerana ruang yang terhad; ujian air kencing dan darah penagih terpaksa dibuat di bangunan lain; ketiadaan ruang khas untuk menempatkan ubat dan inventori program serta aset tambahan yang diperlukan tidak dibekalkan bagi membolehkan aktiviti rawatan dilaksanakan dengan sempurna. **Kekurangan kemudahan asas ini menyebabkan bilangan penagih yang diambil untuk rawatan terpaksa dihadkan**. Semakan selanjutnya mendapati pembukaan 6 Pusat Rawatan Metadon baru pada tahun 2007 di Kuala Lumpur yang melibatkan Klinik Kesihatan (KK) Tanglin, KK Cheras, KK Kampung Pandan, KK Setapak, KK Batu dan KK Sentul telah ditangguhkan atau dibatalkan kerana ketiadaan tempat/ruang yang sesuai dan selamat untuk orang awam serta kekurangan kemudahan asas dan anggota kesihatan.

GAMBAR 19.1

Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang - Ruang Pendispensan Metadon Sempit Dan Terbuka Menyebabkan Sesi Kaunseling Tiada 'Privacy' (09.09.2008)

Pada pandangan Audit, memandangkan keberkesanan Aktiviti Rawatan Metadon memerlukan penglibatan sepenuh masa daripada anggota kesihatan dan juga kemudahan asas yang mencukupi, Kementerian bukan sahaja patut mewujudkan jawatan khusus malahan menyediakan kemudahan asas yang mencukupi di semua hospital atau klinik kesihatan yang terlibat dengan aktiviti ini.

19.4.2. Keberkesanan Program

19.4.2.1. Aktiviti Rawatan Metadon

a. Bagi menentukan sama ada aktiviti ini berkesan dan memberi impak yang baik kepada penagih dan masyarakat, Kementerian telah menjalankan penilaian terhadap pencapaian program fasa pertama iaitu bagi tempoh bulan Oktober 2005 hingga Oktober 2006 yang melibatkan seramai 1,241 penagih terdiri daripada 587 penagih yang bekerja sepenuh masa, 186 tidak bekerja dan 468 bekerja sementara. Bagaimanapun bagi tempoh bulan November 2006 hingga tahun 2008, tiada penilaian dibuat oleh Kementerian. Antara petunjuk yang digunakan dalam penilaian program fasa pertama ialah kadar pengekalan penagih, ujian air kencing, status pekerjaan dan tahap kualiti hidup penagih. Hasil penilaian tersebut mendapati aktiviti ini telah memberi impak yang baik seperti berikut :-

   i. Kadar Pengekalan Penagih (Retention Rate) merupakan satu petunjuk prestasi yang diguna pakai untuk mengukur tahap komitmen penagih dalam mendapatkan rawatan secara berterusan di Pusat Rawatan Metadon. Bagi tujuan tersebut, Kementerian telah menetapkan sasaran peratusan penagih yang dapat meneruskan rawatan bagi 3 bulan pertama, 6 bulan dan dalam tempoh 12 bulan. Sasaran tersebut adalah selaras dengan garis panduan yang ditetapkan oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia iaitu 75% bagi 3 bulan pertama, antara 65% hingga 70% bagi 6 bulan dan antara 55% hingga 60% bagi tempoh 12 bulan. Penilaian yang dibuat mendapati peratus penagih yang dapat meneruskan rawatan bagi tempoh yang telah ditetapkan adalah melebihi sasaran. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.4
PENAGIH YANG DAPAT MENERUSKAN RAWATAN METADON MENGIKUT NEGERI BAGI TEMPOH BULAN OKTOBER 2005 HINGGA OKTOBER 2006

NEGERI	3 BULAN	6 BULAN	12 BULAN
	(%)	(%)	%
Kedah	85.1	73.9	63.9
Pulau Pinang	88.0	80.0	70.8
Kelantan	94.9	88.9	79.7
Pahang	94.7	89.9	78.9
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur	91.1	86.1	77.0
Selangor	93.8	87.4	79.4

NEGERI	3 BULAN	6 BULAN	12 BULAN
	(%)	(%)	%
Melaka	91.1	85.3	77.2
Johor	83.9	77.2	73.7
Sasaran Kadar Pengekalan Penagih	75% (930 penagih)	65% hingga 70 9% (806 hingga 879 penagih)	55% hingga 60% (682 hingga 744 penagih)
Purata Kadar Pengekalan Penagih	**90.3 (1,120 penagih)**	**83.6 (1,037 penagih)**	**75.1 (931 penagih)**

ii. Ujian air kencing adalah penting bagi menentukan sama ada penagih mengambil dadah semula. Ujian yang dibuat daripada minggu pertama hingga bulan keenam mendapati peratus penagih yang positif dadah telah menurun dengan mendadak. Sebagai contoh, penagih yang menggunakan *opiate* telah menurun daripada 45% pada minggu pertama kepada hanya 10% pada bulan keenam seperti di carta berikut :-

CARTA 19.1
PERATUS PENAGIH YANG POSITIF DADAH BERDASARKAN UJIAN AIR KENCING



Nota : ***ATS - Amphetamine Type Stimulant***

iii. Pihak Audit telah memilih 1,936 sampel keputusan ujian air kencing yang telah dijalankan bagi 60 penagih yang berdaftar antara tempoh tahun 2006 hingga 2008 di 8 Pusat Rawatan Metadon. Semakan Audit mendapati 92.4% daripada ujian tersebut adalah berkeputusan negatif dadah. Ini bermakna sepanjang menjalani rawatan, penagih tidak atau kurang mengambil dadah jenis *opiate, cannabis* dan ATS. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.5
KEPUTUSAN UJIAN AIR KENCING BERDASARKAN SAMPEL AUDIT

PERIHAL	JENIS DADAH DIUJI			JUMLAH
	OPIATE	*CANNABIS*	ATS	
Bilangan ujian dijalankan	688	630	618	1,936
Jumlah ujian berkeputusan negatif dadah	567 (82.4%)	613 (97.3%)	609 (98.5%)	1,789 (92.4%)
Jumlah ujian berkeputusan positif dadah	121 (17.6%)	17 (2.7%)	9 (1.5%)	147 (7.6%)

iv. Daripada aspek pekerjaan, analisis Kementerian mendapati peningkatan dalam peratusan penagih yang mempunyai taraf pekerjaan tetap atau sepenuh masa iaitu daripada 47.3% pada minggu pertama kepada 68.2% pada bulan ke 12. Sebaliknya, terdapat penurunan dari segi peratusan penagih yang tidak mempunyai pekerjaan dan yang bekerja sementara seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.6
STATUS PEKERJAAN PENAGIH

STATUS PEKERJAAN	MINGGU PERTAMA (%)	3 BULAN (%)	6 BULAN (%)	12 BULAN (%)
Bekerja sepenuh masa	47.3	54.9	56.2	68.2
Tidak bekerja	15.0	9.5	8.8	8.0
Bekerja sementara	37.7	35.6	35.0	23.8

v. Bagi mengukur kualiti hidup penagih yang menyertai Aktiviti Rawatan Metadon, Kementerian telah menggunakan petunjuk atau kriteria yang diguna pakai oleh Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) yang meliputi kesihatan fizikal, *psychological*, perhubungan sosial dan persekitaran. Hasil keputusan penilaian mendapati pada umumnya, skor markah yang diperoleh oleh penagih telah meningkat secara berterusan dalam tempoh 12 bulan. Ini menunjukkan tahap kualiti hidup penagih dari segi kesihatan fizikal, *psychological*, perhubungan sosial dan persekitaran telah bertambah baik. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 19.7
SKOR PENILAIAN WHO *QUALITY OF LIFE*

DOMAIN	MINGGU PERTAMA (%)	3 BULAN (%)	6 BULAN (%)	12 BULAN (%)
Kesihatan fizikal	47.5	55.3	55.3	58.0
Psychological	45.8	56.7	56.2	57.7
Perhubungan sosial	47.2	56.5	56.8	60.0
Persekitaran	52.5	61.4	61.0	61.3

b. Pihak Audit telah mengedarkan sebanyak 45 soal selidik bagi mendapatkan maklum balas penagih yang mengikuti Aktiviti Rawatan Metadon di hospital, klinik kesihatan dan klinik swasta yang dilawati. Soal selidik tersebut mengandungi maklum balas bagi mengetahui pandangan penagih berhubung Aktiviti Rawatan Metadon dan juga perkara seperti pencapaian kualiti hidup dan masalah yang dihadapi semasa mengikuti aktiviti ini. Sebanyak 42 (93.3%) soal selidik telah dikembalikan. Berdasarkan analisis yang dibuat, didapati 39 responden (92.9%) telah bekerja setelah menyertai Aktiviti Rawatan Metadon; semua responden (100%) memaklumkan telah mendapat rawatan dan layanan yang baik daripada kakitangan yang terlibat serta 39 responden (92.9%) mengakui telah menerima kaunseling daripada Pegawai Perubatan/Penolong Pegawai Perubatan sepanjang menjalani

rawatan. **Secara keseluruhannya, sebanyak 32 responden (76.2%) yakin dapat meninggalkan tabiat penagihan dengan mengikuti Aktiviti Rawatan Metadon ini.** Bagaimanapun, 11 responden (26.1%) menyatakan mengalami masalah untuk mendapatkan rawatan setiap hari kerana terikat dengan kerja atau jarak tempat tinggal yang jauh dari pusat rawatan.

c. Mengikut polisi dan prosedur rawatan, penagih tidak dibenarkan membawa balik ubat metadon untuk tempoh 4 hingga 6 minggu pertama rawatan kecuali pada cuti hujung minggu setelah mengambil kira status kesihatan, kehadiran penagih dan jaminan daripada keluarga/penjaga/waris. Kementerian juga menetapkan kuantiti ubat metadon yang dibenarkan dibawa balik hanya untuk kegunaan selama 3 hari. Tujuannya antara lain ialah bagi mengelakkan masalah *drug overdose* dan mengelakkan penyelewengan seperti penjualan ubat kepada pihak lain. Semakan Audit mendapati polisi dan prosedur tersebut tidak dipatuhi oleh sebahagian hospital/klinik kesihatan yang dilawati. Di Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh; Hospital Permai, Johor dan Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang, terdapat penagih yang dibenarkan membawa balik ubat metadon sebelum cukup tempoh 4 minggu menjalani rawatan. Butirannya adalah seperti di **Jadual 19.8**. Selain itu, ada juga penagih di Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang; Klinik Kesihatan Jinjang, Kuala Lumpur; Klinik Kesihatan Larkin, Johor; Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh dan Klinik Kesihatan Triang, Pahang yang diberi ubat metadon untuk kegunaan selama 4 hingga 12 hari berbanding maksimum 3 hari yang ditetapkan. Berdasarkan maklum balas dari Kementerian, keadaan ini berlaku antaranya disebabkan oleh faktor seperti lokasi tempat tinggal penagih yang jauh; ketiadaan kemudahan pengangkutan; ketidaksesuaian waktu bekerja penagih dan keadaan kesihatan penagih yang tidak mengizinkan.

JADUAL 19.8
PENAGIH YANG DIBENARKAN MEMBAWA BALIK UBAT METADON SEBELUM CUKUP TEMPOH RAWATAN 4 MINGGU

PUSAT RAWATAN METADON	TEMPOH RAWATAN		
	1 MINGGU (Bil. Penagih)	2 MINGGU (Bil. Penagih)	3 MINGGU (Bil. Penagih)
Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh	5	4	3
Hospital Permai, Johor	2	-	1
Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang	-	1	3
JUMLAH	**7**	**5**	**7**

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah memastikan Aktiviti Rawatan Metadon dilaksanakan secara berterusan kerana ia telah memberi impak yang baik kepada penagih khususnya dari segi peningkatan tahap kualiti hidup mereka. Bagaimanapun bagi mempertingkatkan lagi keberkesanan aktiviti ini, Kementerian patut mengkaji semula amalan membenarkan penagih membawa balik ubat metadon.

19.4.2.2. Aktiviti Pertukaran Jarum

a. Aktiviti Pertukaran Jarum dilaksanakan melalui kaedah *Drop-In-Centre* dan Temuseru yang dikendalikan oleh NGO. *Drop-In-Centre* adalah tempat yang disediakan untuk penagih menukarkan jarum dan alat suntikan yang telah digunakan dengan yang baru. Manakala Temuseru adalah aktiviti yang memerlukan pekerja NGO bertemu penagih di tempat mereka sering berkumpul bagi tujuan yang sama.

b. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, Kementerian telah memperuntukkan sejumlah RM10.91 juta kepada Majlis AIDS untuk melaksanakan Aktiviti Pertukaran Jarum. Semakan Audit mendapati tempoh masa bantuan kewangan diterima oleh Majlis AIDS ialah antara 101 hingga 233 hari daripada tempoh sepatutnya aktiviti dimulakan. Sungguhpun tiada norma bagi tempoh bantuan kewangan disalurkan, namun keadaan ini telah menyebabkan Majlis AIDS terpaksa mendahulukan wang daripada peruntukan aktiviti lain yang dilaksanakannya. Sebagai contoh, bagi tempoh bulan Februari hingga Disember 2006, Majlis AIDS ini telah meminjam sebanyak RM2.85 juta daripada Lembaga Amanah Yayasan AIDS Malaysia untuk memastikan operasi dan aktiviti seperti pertukaran jarum dan alat suntikan; pendidikan dan informasi kepada penagih; bayaran gaji kakitangan dan latihan berjalan dengan lancar.

Pada pandangan Audit, Kementerian patut menetapkan tempoh untuk mengagihkan bantuan kewangan kepada Majlis AIDS dan NGO yang bertanggungjawab melaksanakan Aktiviti Pertukaran Jarum supaya aktiviti ini dapat dijalankan dengan lancar.

c. Bagi mengukur pencapaian aktiviti ini, Kementerian telah mensasarkan supaya kadar pemulangan jarum terpakai oleh penagih hendaklah melebihi 50%. Semakan Audit terhadap rekod Majlis AIDS mendapati secara keseluruhannya terdapat peningkatan dalam peratus pemulangan jarum dan alat suntikan iaitu daripada 57.9% pada tahun 2006 kepada 63.6% pada tahun 2008. Bagaimanapun, peratus pemulangan jarum terpakai di Alternatif Community Centre (ACC) dan AIDS Action & Research Group (AARG) di Pulau Pinang masih belum mencapai sasaran yang ditetapkan. Menurut pihak terlibat, keadaan ini berlaku disebabkan oleh beberapa serbuan polis di kawasan aktiviti Temuseru dijalankan serta pemindahan pejabat ACC dari Jalan Selama, Jelutong ke lokasi baru iaitu di Jalan Gurdwara, Georgetown menyebabkan *accessibility* penagih kepada *Drop-In-Center* semakin berkurangan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.9
PERATUS PEMULANGAN JARUM DAN ALAT SUNTIKAN
MENGIKUT PERTUBUHAN/NGO BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TAHUN	PERTUBUHAN/ BADAN BUKAN KERAJAAN	A	B	C	D	E	% PULANGAN JARUM DAN ALAT SUNTIKAN
2006	AIDS Action & Research Group, Pulau Pinang	14,938	106	62	26,865	24,264	42.7
	Intan Life Zone, Johor Bahru	27,636	4,500	3,555	80,823	78,122	69.4
	Pusat Komuniti IKHLAS, Kuala Lumpur	10,465	46,243	63,533	51,701	52,282	53.7
	JUMLAH	**53,039**	**50,849**	**67,150**	**159,389**	**154,668**	**57.9**
2007	Alternatif Community Centre, Pulau Pinang	19,202	22,788	10,705	41,350	38,441	42.6
	Intan Life Zone, Johor Bahru	56,462	18,030	6,127	160,142	157,160	66.7
	Pusat Komuniti IKHLAS, Kuala Lumpur	27,733	77,070	42,812	97,097	85,074	53.3
	Drop-In-Centre, Pahang	15,922	24,936	1,424	77,866	53,662	85.6
	JUMLAH	**119,319**	**142,824**	**61,068**	**376,455**	**334,337**	**61.4**
2008	Alternatif Community Centre, Pulau Pinang	20,493	16,205	11,794	40,384	34,841	39.2
	Intan Life Zone, Johor Bahru	60,334	26,165	16,527	144,263	141,263	54.4
	Pusat Komuniti IKHLAS, Kuala Lumpur	24,149	110,810	34,502	112,327	74,954	55.3
	Drop-In-Centre, Pahang	34,269	75,897	2,794	170,510	110,430	79.6
	Persatuan Cahaya Harapan, Kedah*	2,721	1,078	748	4,288	4,170	35.9
	SAHABAT, Kelantan	43,911	14,253	13,326	163,546	162,214	86.0
	AIDS Action & Research Group, Pulau Pinang	4,792	9,886	3,709	11,942	11,418	45.0
	JENGKA, Pahang **	705	30	0	1,188	1,190	41.9
	JUMLAH	**191,374**	**254,324**	**83,400**	**648,448**	**540,480**	**63.6**

Nota : ***A - Bilangan Kit (Mengandungi 4 Jarum, 4 Picagari, 8/16 Keping Kapas, Alcohol Swab & Cecair Iodin) Diberi Kepada Pelanggan***
B - Bilangan Jarum (Berasingan) Diberi Kepada Pelanggan
C - Bilangan Picagari (Berasingan) Diberi Kepada Pelanggan
D - Bilangan Jarum Yang Telah Digunakan Dipulang Untuk Pelupusan
E - Bilangan Picagari Yang Telah Digunakan Dipulang Untuk Pelupusan
% - Pulangan Jarum Dan Alat Suntikan = (D+E) / [A(8)+B+C]
**** - Persatuan Cahaya Harapan, Kedah Mula Beroperasi Pada Bulan Oktober 2008***
***** - JENGKA, Pahang Mula Beroperasi Pada Bulan Disember 2008***

d. Pada bulan Mei 2007, Majlis AIDS telah mengeluarkan Laporan Pencapaian Akhir (Projek Perintis) Aktiviti Pertukaran Jarum. Antara perkara yang dilaporkan ialah kadar pemulangan jarum dan alat suntikan terpakai telah meningkat sejak Aktiviti Pertukaran Jarum dilaksanakan iaitu pada kadar purata 60% di ACC, Pulau Pinang; Intan Life Zone, Johor dan Pusat Komuniti IKHLAS, Kuala Lumpur. Terdapat perubahan positif dari segi tingkah laku penagih seperti pengurangan yang ketara dalam bilangan penagih yang mengamalkan tabiat berkongsi jarum. Laporan tersebut juga menunjukkan tahap pengetahuan penagih dadah berkenaan penyakit

Hepatitis C adalah rendah di mana 40% daripada mereka tidak pernah mendengar mengenai Hepatitis C dan virus tersebut boleh dipindahkan/ berjangkit melalui jarum suntikan.

e. Jabatan Audit Negara turut membuat penilaian terhadap Aktiviti Pertukaran Jarum melalui soal selidik yang diedarkan kepada 70 penagih untuk mendapatkan pandangan mereka terhadap aktiviti ini yang dikendalikan oleh NGO. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 58 responden, didapati 48 responden (82.8%) memaklumkan bahawa program ini telah berjaya menimbulkan kesedaran kepada mereka dari aspek keyakinan, motivasi, pembangunan diri dan risiko jangkitan HIV melalui perkongsian jarum. Manakala 34 responden (58.6%) pula menyatakan tidak pernah menyertai program kaunseling, program pembelajaran dan program kesedaran yang dianjurkan oleh NGO. Didapati 49 responden (84.5%) menyatakan jarum yang telah digunakan dilupuskan ke dalam *sharp bin* yang disediakan oleh NGO manakala 5 responden (8.6%) masih membuang jarum di kawasan seperti longkang dan kawasan perumahan.

f. Sebanyak 50 borang soal selidik juga telah diedarkan kepada kakitangan NGO yang terdiri daripada Pengurus Aktiviti, Penyelaras dan pekerja *Drop-In-Centre* dan *Outreach* untuk menentukan sama ada bekalan jarum mencukupi, tahap latihan yang diberi oleh Majlis AIDS dan kekangan yang dihadapi untuk melaksanakan Aktiviti Pertukaran Jarum. Berdasarkan kesemua maklum balas yang diterima, 40 responden (80%) menyatakan bahawa bekalan jarum dan alat suntikan yang dibekalkan oleh Jabatan Kesihatan Negeri dan Majlis AIDS adalah mencukupi. Didapati 35 responden (70%) berpuas hati dengan latihan yang diberikan oleh Pengurus Aktiviti dan Majlis AIDS berkaitan pelaksanaan program manakala 14 responden (28%) mencadangkan agar setiap kakitangan NGO diberikan latihan yang mencukupi bagi meningkatkan kemahiran dan pengetahuan tentang aktiviti ini. Berhubung masalah yang dihadapi dalam melaksanakan Aktiviti Pertukaran Jarum, 17 responden (34%) memaklumkan bahawa serbuan polis menyebabkan penagih merasa bimbang mereka akan ditangkap semasa aktiviti ini. Seramai 17 responden (34%) memaklumkan bahawa komuniti sekitar tidak bersetuju dengan Aktiviti Pertukaran Jarum dan ia merupakan faktor penghalang kepada kejayaan perlaksanaan aktiviti ini. Beberapa cadangan telah dikemukakan oleh kakitangan NGO kepada Kementerian dan Majlis AIDS bagi memperbaiki prestasi aktiviti tersebut. Antara cadangannya ialah menyediakan peruntukan kewangan yang mencukupi; menambah bilangan kakitangan dan mempertingkatkan kempen kesedaran tentang HIV dan bahaya perkongsian jarum.

Berdasarkan kepada maklum balas daripada penagih yang menyertai Aktiviti Pertukaran Jarum, dapat dirumuskan bahawa mereka mempunyai kesedaran tentang risiko jangkitan HIV melalui perkongsian jarum. Bagaimanapun,

aktiviti ini boleh dipertingkatkan melalui perluasan kawasan liputan aktiviti *Outreach*. Di samping itu, kerjasama dengan pihak polis dan penduduk setempat juga perlu dipertingkatkan.

19.4.3. Perolehan Metadon Dan Jarum Suntikan

19.4.3.1. Perolehan Bekalan Ubat Metadon

a. Di peringkat awal pelaksanaan Aktiviti Rawatan Metadon iaitu bagi tempoh bulan Oktober 2005 hingga November 2006, Pusat Rawatan Metadon mendapatkan bekalan ubat metadon melalui pembelian secara kontrak atau sebut harga daripada Quality Reputation Sdn. Bhd. Bagaimanapun, pada 18 Disember 2006, Kementerian telah menandatangani kontrak dengan Doupharma (M) Sdn. Bhd. dan Roycepharma Manufacturing Sdn. Bhd. yang dipilih secara rundingan terus dengan tujuan untuk menjamin bekalan ubat sentiasa mencukupi dan dapat diperoleh pada harga terendah. Butiran kontrak terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.10
BUTIRAN KONTRAK BAGI PEMBEKALAN UBAT METADON KE HOSPITAL

PERKARA	Methadone Syrup HCl 5mg/ml Dalam Botol 60ml		
	TAHUN 2005	TAHUN 2006	
NO. KONTRAK	KKM-RT(13/2005)	KKM-RT(9/2006)	
NAMA PEMBEKAL	Quality Reputation Sdn. Bhd.	Doupharma (M) Sdn. Bhd.	Roycepharma Manufacturing Sdn. Bhd.
NILAI KONTRAK	RM1,665,072	RM16,329,600	RM10,886,400
TEMPOH KONTRAK	05.10.2005 – 04.04.2006 (6 Bulan)	30.11.2006 – 29.11.2009 (3 Tahun)	30.11.2006 – 29.11.2009 (3 Tahun)
TARIKH KONTRAK DITANDATANGANI	04.05.2006	18.12.2006	18.12.2006
TARIKH SURAT SETUJU TERIMA	05.10.2005	30.11.2006	30.11.2006
HARGA SEUNIT (RM)	37.30	13.50	13.50
AGIHAN METADON	Tiada Maklumat	Untuk Zon Utara dan Tengah (Kedah, Pulau Pinang, Perak, Selangor, Kuala Lumpur dan Negeri Sembilan)	Untuk Zon Timur dan Selatan (Kelantan, Pahang, Terengganu, Melaka dan Johor)

b. Bekalan ubat metadon akan diagihkan ke hospital dan klinik kesihatan yang terlibat dengan Aktiviti Rawatan Metadon. Pembayaran akan dibuat setelah bekalan ubat metadon diterima sepenuhnya. Semakan Audit terhadap sampel baucar bayaran mendapati perkara berikut :-

i. Sebanyak 3 hospital yang dilawati telah membuat perakuan penerimaan 15,711 botol ubat metadon pada harga RM37.30 sebotol dan menjelaskan bayaran berjumlah RM586,020. Bagaimanapun, sebanyak 13,361 botol atau 85% daripadanya bernilai RM498,365 diterima selepas

bayaran dibuat. Keadaan ini berlaku disebabkan pembekal telah mengemukakan surat jaminan (Letter Of Undertaking) kepada pihak hospital bahawa ubat metadon akan dibekalkan secara berperingkat. **Pada pandangan Audit, bayaran ini adalah tidak teratur dan Kementerian patut memastikan perkara ini tidak berulang.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.11
PEMBAYARAN DIBUAT BAGI BEKALAN UBAT METADON YANG BELUM DITERIMA SEPENUHNYA

PUSAT RAWATAN METADON	KUANTITI PESANAN (Botol)	TARIKH AKUAN TERIMA	TARIKH BAYARAN	JUMLAH BAYARAN (RM)	TARIKH TERIMA BEKALAN	KUANTITI DITERIMA (Botol)	CATATAN
Hospital Bukit Mertajam	5,350	18.01.07	22.01.07	199,555	22.12.06	300	
					03.01.07	750	
					25.01.07	500	Bekalan diterima selepas bayaran dibuat
					06.02.07	2,800	
					26.03.07	500	
					10.04.07	500	
Hospital Permai	5,000	20.12.06	10.01.07	186,500	22.12.06	300	
					02.01.07	600	
					25.01.07	1,000	Bekalan diterima selepas bayaran dibuat
					06.02.07	3,100	
Hospital Sultan Haji Ahmad Shah	5,361	19.12.06	22.12.06	199,965	22.12.06	400	
					03.01.07	800	Bekalan diterima selepas bayaran dibuat
					25.01.07	500	
					03.02.07	3,661	
JUMLAH	**15,711**			**586,020**	**JUMLAH**	**15,711**	

ii. Semakan Audit selanjutnya terhadap Pesanan Kerajaan yang dikeluarkan oleh Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang kepada Quality Reputation Sdn. Bhd. bagi perolehan ubat metadon yang bernilai RM199,555 mendapati pesanan ini dibuat pada 26 Disember 2006 di mana kontrak rundingan terus dengan Doupharma (M) Sdn. Bhd. dan Roycepharma Manufacturing Sdn. Bhd. telah berkuat kuasa. Pesanan tersebut masih dibuat dengan Quality Reputation Sdn. Bhd. disebabkan kelewatan Kementerian memaklum dan mengemukakan salinan perjanjian yang telah ditandatangani kepada Hospital Bukit Mertajam, Pulau Pinang. Kegagalan membuat pesanan melalui kontrak yang baru bagi perolehan tersebut telah menyebabkan Kerajaan membayar lebih sejumlah RM127,330 kerana membeli pada harga yang lebih tinggi iaitu RM37.30 sebotol berbanding RM13.50 sepatutnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 19.12
PERBANDINGAN HARGA BEKALAN METADON MELALUI SEBUT HARGA DENGAN KONTRAK RUNDINGAN TERUS

PERKARA	HOSPITAL BUKIT MERTAJAM	
	QUALITY REPUTATION SDN. BHD. (SEBUT HARGA)	DOUPHARMA (M) SDN. BHD. (KONTRAK RUNDINGAN TERUS)
No./Tarikh Pesanan	L1190/ 26.12.06	TB
Kuantiti	5,350	5,350
Harga Seunit (RM)	37.30	13.50
Jumlah (RM)	199,555	72,225
Bayaran Lebih (RM)	**127,330**	

Nota : ***TB - Tidak Berkenaan***

iii. Berdasarkan kontrak yang ditandatangani dengan Roycepharma Manufacturing Sdn. Bhd., bekalan ubat metadon hendaklah diserahkan kepada Pusat Rawatan Metadon dalam tempoh 2 bulan dari tarikh pesanan rasmi Kerajaan dikeluarkan dan denda sebanyak 2% boleh dikenakan terhadap pembekal bagi setiap bulan kelewatan penyerahan bekalan. Semakan Audit mendapati Hospital Sultan Haji Ahmad Shah, Temerloh, Pahang tidak mengenakan denda berjumlah RM11,065 terhadap pembekal tersebut atas kelewatannya membekalkan ubat metadon selama 3 ½ bulan. Bekalan ubat tersebut sepatutnya diterima pada 7 Februari 2007 tetapi hanya dibekalkan pada 21 Mei 2007.

Pada pandangan Audit, denda hendaklah dikenakan ke atas pembekal yang tidak mematuhi syarat kontrak berhubung dengan bekalan ubat metadon.

19.4.3.2. Perolehan Jarum, Alat Suntikan Dan Bekalan Lain

Bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan April 2008, Jabatan Kesihatan Negeri (JKN) melalui Unit HIV/AIDS bertanggungjawab membuat perolehan bekalan dan inventori seperti jarum, alat suntikan dan *sharp bin* untuk diagihkan kepada NGO yang terlibat dalam Aktiviti Pertukaran Jarum. Bagaimanapun mulai bulan Mei 2008, tanggungjawab tersebut telah diserahkan kepada Majlis AIDS. Semakan Audit mendapati perkara seperti berikut :-

a. Pemeriksaan fizikal di Stor Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKWPKL) pada 30 Julai 2008 mendapati stok jarum, alat suntikan dan *sharp bin* belum diagihkan kepada NGO iaitu Pusat Komuniti IKHLAS. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan baki sebenar stok berkenaan kerana Daftar Inventori atau Kad Petak untuk merekodkan penerimaan dan pengeluaran stok tidak diselenggarakan. Contohnya adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 19.2

GAMBAR 19.3

Stor Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Kotak Yang Mengandungi Stok Jarum Dan Alat Suntikan Yang Belum Diagihkan
Untuk Kegunaan NGO Dalam Aktiviti Pertukaran Jarum
(30.07.2008)

GAMBAR 19.4

Stor Kesihatan Awam, Jabatan Kesihatan
Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur
- Sharp Bin Belum Diagihkan Kepada
NGO Dan Disimpan Bersama Peralatan Lain
(30.07.2008)

b. Di Stor Kesihatan Awam, JKN Pahang, stok jarum dan alat suntikan tidak disusun dengan teratur dan berselerak. Ini menyukarkan untuk mengesan kedudukan stok tersebut. Walaupun pihak JKN menyelenggarakan Buku Rekod Masuk Dan Keluar Stok Bekalan, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada sistem Masuk Dulu Keluar Dulu dipraktikkan kerana kotak jarum tidak dilabel dengan nama pembekal, tarikh terima dan tarikh luput jarum. Contohnya adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 19.5

Stor Kesihatan Awam,
Jabatan Kesihatan Negeri Pahang
- Kotak Jarum Dan Alat Suntikan Tidak
Disusun Dengan Teratur Sehingga Sukar
Untuk Mengesan Kedudukannya
(24.11.2008)

c. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Pelaksanaan Program Pertukaran Jarum Dan Alat Suntikan Di *Drop-In-Centre* bertarikh 15 Jun 2006 mendapati pihak Alternatif Community Centre (ACC) Pulau Pinang telah menerima sebanyak 8,000 jarum bersaiz 25Gx1" dan 27Gx½" daripada Majlis AIDS. Jabatan Kesihatan Negeri Pulau Pinang telah memohon supaya jarum tersebut ditempatkan di Pejabat Kesihatan Daerah (PKD) Timur Laut, Pulau Pinang sebelum diedarkan ke klinik kesihatan yang memerlukannya. Bagaimanapun, lawatan Audit ke PKD Timur Laut dan Klinik Kesihatan Jalan

Perak, Pulau Pinang mendapati jarum tersebut masih belum digunakan kerana ia tidak memenuhi spesifikasi yang ditetapkan di samping telah luput tempoh penggunaannya pada bulan November 2008. Bekalan jarum yang tidak digunakan adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 19.6

Klinik Kesihatan Jalan Perak, Pulau Pinang - Kotak Jarum Dan Picagari Yang Disimpan Sejak Tahun 2006 Diletakkan Di Bawah Sinki. Tempoh Penggunaan Jarum Juga Telah Luput Pada Bulan November 2008 (11.09.2008)

GAMBAR 19.7

Pejabat Kesihatan Daerah Timur Laut, Pulau Pinang - Beberapa Kotak Jarum Dan Picagari Yang Masih Tidak Digunakan Sejak Diterima Daripada NGO Pada Tahun 2006 (11.09.2008)

Pada pandangan Audit, Kementerian hendaklah memastikan semua pihak yang terlibat dengan urusan perolehan, perekodan dan penyimpanan bekalan jarum mematuhi peraturan yang berkaitan.

19.4.4. Pemantauan

19.4.4.1. Pemantauan terhadap pelaksanaan Program Pengurangan Mudarat telah dilaksanakan di setiap peringkat seperti berikut :-

a. Di peringkat Kementerian, Mesyuarat Jawatankuasa National Task Force On Harm Reduction diadakan antara 2 hingga 3 kali setiap tahun yang dipengerusikan oleh Pengarah Bahagian Kawalan Penyakit. Mesyuarat ini dihadiri oleh pegawai dari Kementerian Kesihatan serta wakil daripada pelbagai agensi seperti Agensi Antidadah Kebangsaan, Majlis AIDS Malaysia dan NGO. Antara perkara yang dibincangkan ialah prestasi pencapaian Aktiviti Rawatan Metadon dan Aktiviti Pertukaran Jarum, koordinasi antara agensi yang terlibat, strategi bagi memperluaskan kawasan liputan aktiviti dan masalah kekurangan anggota kesihatan.

b. Di peringkat negeri, mesyuarat antara JKN dengan Pusat Rawatan Metadon seperti hospital dan klinik kesihatan dibuat antara 2 hingga 3 kali setahun melalui pelbagai jenis mesyuarat seperti Mesyuarat Jawatankuasa Aktiviti Rawatan Metadon, Mesyuarat Pemantauan Dan Penilaian Aktiviti Rawatan Metadon Dan Aktiviti Pertukaran Jarum serta Mesyuarat *Key Stakeholder* Program Pengurangan Mudarat. Mesyuarat berkenaan dipengerusikan oleh Timbalan Pengarah Kesihatan Negeri (Kesihatan Awam) dan dihadiri oleh pegawai Kementerian Kesihatan dan pegawai daripada agensi lain seperti klinik swasta, NGO, Agensi Antidadah Kebangsaan dan Ibu Pejabat Polis

Daerah. Antara perkara dibincangkan ialah prestasi pencapaian aktiviti; bekalan ubat metadon ke hospital dan klinik kesihatan; masalah kekurangan anggota kesihatan dan masalah yang dihadapi oleh NGO dalam Aktiviti Pertukaran Jarum serta koordinasi antara pelbagai agensi.

c. Di peringkat hospital dan klinik kesihatan, Mesyuarat Bulanan Klinik Metadon bagi Aktiviti Rawatan Metadon telah diadakan dan dipengerusikan oleh ketua aktiviti seperti Pakar Psikiatri, Pakar Kesihatan Keluarga dan Pegawai Perubatan serta dihadiri anggota kesihatan yang melaksanakan aktiviti. Antara lainnya, mesyuarat membincangkan tentang penggunaan kaedah tertentu bagi melancarkan proses pendaftaran penagih; rancangan aktiviti yang memerlukan penglibatan penagih; pemeriksaan air kencing dan darah penagih dan masalah dos bawa balik ubat metadon.

19.4.4.2. Sungguhpun pemantauan melalui mesyuarat di setiap peringkat tersebut di atas adalah memuaskan, namun terdapat kelemahan dari aspek pengumpulan dan pengalisisan data berhubung dengan pencapaian aktiviti seperti berikut :-

a. Kementerian membangunkan sistem My Methadone Maintenance Therapy (MyMMT) bertujuan mengumpul data, menganalisis, menjalankan penyelidikan serta memantau prestasi penagih seperti tahap pengekalan di dalam aktiviti, perubahan tabiat penagihan, tahap sosial dan mutu pekerjaan. Sistem MyMMT yang dirancang sebagai satu pangkalan data berpusat dan boleh dihubungkan dengan semua Pusat Rawatan Metadon ini membabitkan kos pembangunan berjumlah RM148,380. Bagaimanapun, sistem ini hanya dapat mengeluarkan laporan prestasi pencapaian Aktiviti Rawatan Metadon bagi 1,241 penagih yang mendaftar bagi tempoh bulan Oktober 2005 hingga Oktober 2006. Kementerian masih belum mengeluarkan laporan prestasi bagi pencapaian keseluruhan penagih yang berdaftar bagi tempoh bulan November 2006 hingga Disember 2008. Ini disebabkan sistem MyMMT tidak stabil dan tidak dapat berfungsi sepenuhnya sejak tahun 2007. Data/maklumat semasa penagih seperti status pekerjaan, maklumat ahli keluarga dan kekerapan pengambilan dadah tidak dapat disimpan dan dikemas kini dalam sistem.

b. Bagi Aktiviti Pertukaran Jarum, Kementerian menghendaki Majlis AIDS mengemukakan Laporan Prestasi Program dan Penyata Kewangan setiap 3 bulan serta Penyata Kewangan dalam tempoh 30 hari selepas peruntukan kewangan diterima. Semakan Audit mendapati Majlis AIDS hanya mengemukakan laporan bagi tempoh bulan Februari 2006 hingga Mei 2007. Bagaimanapun, tiada bukti menunjukkan Kementerian telah membuat analisis terhadap laporan yang diterimanya.

Pada pandangan Audit, bagi mempertingkatkan keberkesanan pemantauannya terhadap Program Pengurangan Mudarat, Kementerian hendaklah memastikan Sistem MyMMT berfungsi mengikut perancangan dan

Majlis AIDS mengemukakan laporan pencapaian aktiviti yang dikendalikannya dalam tempoh yang ditetapkan. Kementerian juga perlu membuat analisis terhadap maklumat yang diperoleh daripada kedua-dua sumber ini.

19.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Pada umumnya, Program Pengurangan Mudarat telah dapat membantu penagih dari segi penurunan tahap penagihan, pengurangan cara hidup berisiko dan peningkatan kualiti hidup. Bagaimanapun bagi mempertingkatkan keberkesanan program ini, beberapa kelemahan yang berpunca daripada kekurangan anggota kesihatan dan kemudahan yang diperlukan di hospital dan klinik kesihatan serta kegagalan Sistem MyMMT berfungsi sepenuhnya perlu ditangani segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian memperbaiki kelemahan yang berlaku dan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

19.5.1. Memandangkan keberkesanan Aktiviti Rawatan Metadon memerlukan penglibatan sepenuh masa daripada anggota kesihatan dan juga kemudahan asas yang mencukupi, Kementerian patut mewujudkan jawatan khusus di samping memastikan penyediaan kemudahan asas yang mencukupi di semua hospital atau klinik kesihatan yang terlibat dengan aktiviti ini.

19.5.2. Memastikan bantuan kewangan disalurkan kepada Majlis AIDS dan Pertubuhan Bukan Kerajaan yang bertanggungjawab di bawah Aktiviti Pertukaran Jarum sebelum aktiviti tersebut dimulakan.

19.5.3. Memandangkan Aktiviti Pertukaran Jarum berupaya mewujudkan kesedaran di kalangan penagih tentang risiko jangkitan HIV melalui perkongsian jarum, aktiviti ini patut dipertingkatkan melalui perluasan kawasan liputan aktiviti *Outreach.* Di samping itu, kerjasama dengan pihak polis dan penduduk setempat juga perlu dipertingkatkan.

19.5.4. Mengenakan denda terhadap pembekal yang tidak mematuhi syarat kontrak berhubung dengan bekalan ubat metadon. Pada masa hadapan, pihak Kementerian juga perlu memaklum dan mengemukakan sesalinan perjanjian kepada hospital dengan segera bagi mengelakkan pembelian di luar kontrak dengan kos yang lebih tinggi.

19.5.5. Memastikan semua pihak yang terlibat dengan urusan perolehan, perekodan dan penyimpanan bekalan jarum mematuhi peraturan yang berkaitan.

19.5.6. Mempertingkatkan pemantauannya terhadap pelaksanaan Program Pengurangan Mudarat dengan memastikan Sistem MyMMT berfungsi mengikut perancangan dan Majlis AIDS pula mengemukakan laporan pencapaian aktiviti yang dikendalikannya mengikut tempoh yang ditetapkan. Kementerian juga perlu membuat analisis terhadap maklumat yang diperoleh daripada kedua-dua sumber ini.

KEMENTERIAN PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN

20. JABATAN PERANCANGAN BANDAR DAN DESA SEMENANJUNG MALAYSIA - PENGURUSAN RANCANGAN TEMPATAN

20.1. LATAR BELAKANG

20.1.1. Rancangan Tempatan perlu disediakan selaras dengan peruntukan Akta Perancangan Bandar dan Desa, 1976 (Akta 172). Ia adalah merupakan dokumen yang mengandungi peta cadangan berskala besar bagi sesuatu kawasan, lengkap dengan keterangan mengenai guna tanah, alam sekitar, infrastruktur dan utiliti, landskap dan lalu lintas. Ia juga menerangkan dengan terperinci segala cadangan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) dalam aspek memaju dan menggunakan tanah di kawasan tersebut. Rancangan Tempatan **(RT)** mula diadakan di bawah Rancangan Malaysia Kelima (RMK-5). Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa **(JPBD)** adalah bertanggungjawab menyediakan draf RT untuk digunakan oleh PBT. Manakala pewartaannya dilaksanakan oleh Pihak Berkuasa Negeri. Sehingga 31 Disember 2008, JPBD telah menyediakan 209 RT dan daripada jumlah ini, 105 RT telah siap dan diwartakan.

20.1.2. Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa perlu menyediakan RT berlandaskan pendekatan seperti yang terkandung di dalam Manual Penyediaan Rancangan Tempatan (Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa) Pindaan 2002. Penyediaan RT melibatkan penyediaan Laporan Awal, Laporan Penemuan dan Strategi Pembangunan sehingga ke peringkat Draf Laporan Akhir Rancangan Tempatan. Carta berikut menunjukkan proses penyediaan Rancangan Tempatan :-

CARTA 20.1
PROSES PENYEDIAAN RANCANGAN TEMPATAN



Nota : ***J/K - Jawatankuasa*** ***RT - Rancangan Tempatan***

20.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap Rancangan Tempatan telah diuruskan dengan teratur, berhemat serta mencapai objektif yang ditetapkan.

20.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

20.3.1. Skop pengauditan meliputi urusan penyediaan, pewartaan dan pelaksanaan RT di bawah RMK-5 hingga RMK-9. Semakan Audit telah dijalankan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan di Ibu Pejabat Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa Semenanjung Malaysia; Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa di negeri-negeri Melaka, Terengganu, Kedah dan Perak; Pejabat-pejabat Projek di Zon Tengah (Kuala Lumpur), Zon Selatan (Melaka), Zon Timur (Kuala Terengganu) dan Zon Utara (Alor Setar) serta 9 Majlis Daerah, 13 Majlis Perbandaran dan 2 Majlis Bandaraya.

20.3.2. Pemeriksaan fizikal telah dijalankan terhadap 11 daerah berpandukan 12 RT yang telah diwartakan dalam tempoh tahun 2001 hingga 2007. Temu bual dengan pegawai/kakitangan yang terlibat juga dibuat dan maklum balas daripada Pihak Berkuasa Tempatan dan Pejabat Tanah yang berkaitan juga diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada pejabat tersebut.

20.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2008 mendapati beberapa kelemahan seperti RT lewat diwartakan menyebabkan tempoh kuat kuasanya menjadi singkat dan kelulusan pembangunan dibuat berdasarkan kepada draf RT sahaja. Keadaan ini boleh menyebabkan pembangunan di sesuatu kawasan tidak dibuat dengan teratur dan boleh menjejaskan kehidupan dan alam sekitar. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang telah diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

20.4.1. Pewartaan Rancangan Tempatan Mengambil Masa Terlalu Lama

20.4.1.1. Akta Perancangan Bandar dan Desa 1976 (Akta 172) menghendaki Rancangan Tempatan (RT) diwartakan. Menurut Akta tersebut juga, RT yang telah diluluskan dan diperakui di peringkat Jawatankuasa Perancang Negeri perlu dikemukakan kepada Pihak Berkuasa Negeri (PBN) untuk persetujuan bagi membolehkan RT berkenaan dikuatkuasakan dan seterusnya diambil tindakan pewartaan. Sebelum RT tersebut diwartakan, Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) berkenaan akan membuat publisiti terhadap draf RT bagi mendapatkan maklum balas daripada orang awam terhadap draf tersebut. Mengikut amalan, Menteri Besar akan dijemput untuk merasmikan majlis bagi publisiti tersebut. Hasil maklum balas yang diterima akan dibentangkan kepada Jawatankuasa Bantahan Awam yang dipengerusikan oleh Ahli Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (yang memegang portfolio berkaitan dengan perumahan dan

kerajaan tempatan). Jawatankuasa ini akan memutuskan sama ada sebarang pindaan diperlukan berdasarkan kepada maklum balas yang diterima daripada orang awam. Semakan Audit mendapati tiada norma masa ditetapkan untuk mewartakan RT. Analisis Audit terhadap 83 RT mendapati **tempoh masa yang diambil untuk mewartakan RT adalah antara 11 hingga 102 bulan. Ini telah menyebabkan ada maklumat dalam RT yang tidak lagi relevan kerana perubahan keadaan serta keperluan semasa**. Antara sebab RT ini mengambil masa yang lama untuk diwartakan adalah kerana proses pindaan draf RT terlalu lama dan kesukaran untuk mendapatkan tarikh bagi mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Perancang Negeri (JPN). Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.1
TEMPOH MASA PENYEDIAAN DAN PEWARTAAN RANCANGAN TEMPATAN

NEGERI	BILANGAN RT	TEMPOH UNTUK PENYEDIAAN DRAF RT (Bulan)	TEMPOH UNTUK PEWARTAAN RT (Bulan)
Perlis	2	36 - 57	25 - 60
Kedah	3	18 - 26	54 - 81
Perak	13	24 - 37	11 - 94
Selangor	11	22 - 45	14 - 89
Negeri Sembilan	12	14 - 56	14 - 44
Melaka	3	23 - 26	16 - 41
Johor	10	16 - 36	24 - 55
Pahang	12	17 - 39	12 - 101
Terengganu	11	14 - 39	18 - 102
Kelantan	6	15 - 31	23 - 42
JUMLAH	**83**		

Nota : ***RT - Rancangan Tempatan***

20.4.1.2. Semakan Audit terhadap **28 RT yang telah disiapkan antara tahun 1998 hingga 2006 mendapati ia masih belum diwartakan.** Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan faktor yang menyebabkan RT ini belum diwartakan kerana tiada maklumat mengenainya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.2
BILANGAN RANCANGAN TEMPATAN YANG BELUM DIWARTAKAN MENGIKUT NEGERI

NEGERI	RANCANGAN TEMPATAN	TAHUN RT DISIAPKAN	BILANGAN
Kedah	RT Pokok Sena	2000	8
	RT Kulim - Junjung	1999	
	RT Padang Serai - Sg. Seluang - Lunas	1999	
	RT Daerah Langkawi	2004	
	RT Daerah Kota Setar	2004	
	RT Daerah Kubang Pasu	2004	
	RT Daerah Padang Terap	2004	
	RT Daerah Baling	2004	

NEGERI	RANCANGAN TEMPATAN	TAHUN RT DISIAPKAN	BILANGAN
Pulau Pinang	RT Georgetown 1, 2 dan 3	2001	6
	RT Georgetown 4, 5 & 6	2001	
	RT Georgetown 7, 8 dan Ayer Hitam	2000	
	RT Jawi - Sg. Bakap - Nibong Tebal	2001	
	RT Kepala Batas	2002	
	RT Tasek Gelugor	2001	
Perak	RT Daerah Larut Matang	2006	1
Selangor	RT Kapar - Meru	2000	8
	RT Pandamaran	2000	
	RT Kawasan Sekitar Wetland Sanctuary (Paya Indah Wetland)	2002	
	RT Sg. Pelek	2004	
	RT KLIA Kawasan Kawalan Sekitar KLIA (Pinggiran KLIA)	2000	
	RT Dengkil (Cyber Village)	2000	
	RT Salak Tinggi (Airport City)	2000	
	RT Cyberjaya (Zon Flagship)	2000	
Johor	RT PBT Pasir Gudang	2003	2
	RTD Kluang	2005	
Pahang	RT Jaya Gading - Gambang	1998	3
	RT Jerantut	2002	
	RTD Kuantan	2006	
JUMLAH KESELURUHAN			**28**

Nota : ***RT - Rancangan Tempatan*** ***RTD - Rancangan Tempatan Daerah***

20.4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati masa yang diambil untuk menyediakan Draf RT adalah antara 14 hingga 57 bulan **(Jadual 20.1)**. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kelewatan menyediakan draf tersebut adalah **kelewatan melantik perunding** untuk menyediakannya. Mengikut peraturan, Jabatan perlu memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan senarai perunding yang boleh dipertimbangkan untuk dilantik terlebih dahulu. Seterusnya, kelulusan daripada Kementerian Kewangan berhubung dengan perunding yang akan dilantik dan kos yang terlibat juga perlu diperoleh. Semakan Audit terhadap 22 fail pelantikan perunding di bawah RMK-9 mendapati Kementerian Kewangan pada umumnya lewat memberi kelulusan terhadap permohonan daripada Jabatan berhubung dengan perkara tersebut. Sebagai contoh, Kementerian Kewangan telah mengambil masa antara 50 hingga 194 hari untuk memberi kelulusan dari segi senarai pendek perunding, pelantikan perunding dan juga kos perunding. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.3
TEMPOH PELANTIKAN PERUNDING

RANCANGAN TEMPATAN/ RT DAERAH	TEMPOH DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN UNTUK MEMBERI KELULUSAN (HARI)			TEMPOH MASA YANG DIAMBIL (HARI)
	SENARAI PENDEK PERUNDING	PELANTIKAN PERUNDING	KOS PERUNDING	
RTD Marang	91	58	40	189
RTD Dungun	101	58	35	194
RTD Kota Bahru	55	55	*	110
RTD Gua Musang	61	55	*	116
RTD Kuala Langat	55	55	*	110
RTD Seremban	92	58	23	173
RTD Besut	75	58	21	154
RTD Port Dickson	57	55	*	112
RTD Kota Tinggi	54	55	*	109
RT MPS & MPAJ	55	55	*	110
RTD Segamat	57	55	*	112
RTD Alor Gajah	61	55	*	116
RTD Jasin	55	55	*	110
RTD Sik	50	77	23	150
RTD Hulu Selangor	32	43	*	75
RTD Tampin	29	30	*	50
RT MP Kajang	29	37	*	66
RTD Mersing	29	30	*	59
RTD Bentong	64	58	18	140
RTD Batang Padang	64	58	23	145
RTD Temerloh	64	58	22	144
RTD Kuala Muda	20	41	28	89

Nota : (*) Kelulusan Diberi Bersama Dengan Pelantikan Perunding

Berdasarkan jawapan terhadap soal selidik yang dikemukakan oleh pihak Audit kepada PBT, sebanyak 15 (83%) daripada 18 PBT memaklumkan bahawa tempoh yang sesuai untuk penyediaan RT hingga ia diwartakan adalah antara 12 hingga 24 bulan. Oleh itu, **pada pandangan Audit, bagi mempercepatkan urusan pelantikan perunding untuk menyediakan draf RT, Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula proses pelantikan perunding dan penetapan kos memandangkan proses yang diikuti ketika ini melibatkan masa yang lama.**

20.4.1.4. Adalah diperhatikan sungguhpun sesuatu RT lewat diwartakan, namun tempoh kuatkuasanya masih mengikut tempoh asal yang telah ditetapkan. Semakan Audit terhadap 59 RT yang diwartakan antara tahun 2002 hingga 2008 mendapati **tempoh kuat kuasa bagi 22 RT hanya berbaki antara 2 hingga 5 tahun**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.4
TEMPOH KUAT KUASA RANCANGAN TEMPATAN

NEGERI	RANCANGAN TEMPATAN	TEMPOH KUAT KUASA RANCANGAN TEMPATAN			BAKI TEMPOH KUAT KUASA RT SELEPAS DIWARTAKAN
		MULA	TAMAT	JUMLAH TAHUN	
Perlis	RT Beseri - Kaki Bukit	2000	2010	11	5 Tahun
Kedah	RT Bukit Kayu Hitam - Changlun - Sintok	2000	2010	11	3 Tahun
	RT Bandar Baharu	1999	2010	12	3 Tahun
Perak	RT Setiawan - Ayer Tawar (Pengubahan)	1998	2010	13	2 Tahun
	RT Lumut - Seri Manjung (Pengubahan)	1998	2010	13	2 Tahun
Selangor	RT Kajang	1998	2010	13	3 Tahun
	RT Bangi - Semenyih - Beranang	1999	2010	12	3 Tahun
	RT Banting -Telok Datok	1998	2010	13	3 Tahun
Pahang	RT Bandar Raub	1997	2010	14	3 Tahun
	RT Pekan - Peramu	1997	2010	14	3 Tahun
	RT Temerloh - Mentakab	1999	2010	12	3 Tahun
	RT Maran	1999	2010	12	3 Tahun
	RT Daerah Raub	1997	2010	14	3 Tahun
	RT Daerah Cameron Highlands	1998	2010	13	3 Tahun
Terengganu	RT Batu Burok - Chendering	1997	2010	14	5 Tahun
	RT Seberang Takir - Gong Badak - Manir	1997	2010	14	5 Tahun
	RT Hiliran - Padang Midin	1999	2010	12	5 Tahun
	RT Kuala Pinggiran Bandar Chukai - Banggol	1999	2010	12	5 Tahun
	RT Kerteh - Kemasik	1997	2010	14	5 Tahun
	RT Kuala Berang - Ajil	1999	2010	12	4 Tahun
	RT Jerteh	2001	2010	10	4 Tahun
	RT Marang	2001	2010	10	4 Tahun

Nota : ***RT - Rancangan Tempatan***

Pada pandangan Audit, masa yang lama diambil untuk menyedia dan mewartakan RT boleh menyebabkan ia mengandungi maklumat kawasan persekitaran yang tidak kemas kini dan pembangunan di sesuatu kawasan tidak dapat dibuat dengan teratur.

20.4.2. Tempoh Kuat Kuasa Rancangan Tempatan Yang Tidak Seragam

Semakan Audit terhadap 83 RT yang telah diwartakan mendapati tempoh kuat kuasa RT tersebut adalah antara **17 sehingga 25 tahun**. Contohnya adalah seperti di **Jadual 20.5**. Didapati ketidakseragaman tersebut adalah disebabkan tempoh kuat kuasa RT tidak dinyatakan dalam Manual Rancangan Tempatan edisi pertama 1981 yang diguna pakai pada ketika itu**. Berdasarkan maklum balas daripada JPBD, Manual Penyediaan Rancangan Tempatan yang dipinda pada tahun 2001 telah menetapkan tempoh kuat kuasa RT antara 10 hingga 15 tahun. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan asas yang digunakan untuk menetapkan sesuatu tempoh kuat kuasa RT tersebut.**

JADUAL 20.5
TEMPOH KUAT KUASA RANCANGAN TEMPATAN

RANCANGAN TEMPATAN	TEMPOH KUAT KUASA	TEMPOH (TAHUN)
RT Cheras, Selangor	1992 - 2010	19
RT Brinchang - Tanah Rata, Pahang	1993 - 2010	18
RT Tapah - Bidor, Perak	1998 - 2015	18
RT Kuala Kangsar, Perak	1999 - 2015	17
RT Rawang - Kuang, Selangor	1999 - 2015	17
RT Kuala Selangor Bandar Warisan Alam, Selangor	1999 - 2015	17
RT Bandar Segamat, Johor	1998 - 2015	18
RT Majlis Perbandaran Telok Intan (Telok Intan - Langkap), Perak	1999 - 2020	22
RT MP Melaka Bandaraya Bersejarah Blok 3,4,5 & 6	1997 - 2015	19
RT Nilai - Pajam, Negeri Sembilan	1998 - 2015	18
RT Pulau Pangkor, Perak	1999 - 2015	17
RT Port Dickson, Negeri Sembilan	1999 - 2015	17
RT Lukut, Negeri Sembilan	1999 - 2015	17
RT Bandar Tampin - Gemencih, Negeri Sembilan	1999 - 2015	17
RT Kuala Pilah, Negeri Sembilan	1999 - 2015	17
RT Morib - Tg. Sepat, Selangor	2002 - 2020	19
RT Bandar Yong Peng - Ayer Hitam, Johor	1999 - 2020	22
RT Gemas - Bahau - Mahsan, Negeri Sembilan	2000 - 2020	21
RT Alor Gajah, Melaka	1996 - 2020	25
RT Labu - Sendayan - Gadong, Negeri Sembilan	1999 - 2020	22
RT Bandar Jasin, Melaka	1999 - 2020	22

Nota : RT - Rancangan Tempatan

20.4.3. Pencetakan Dan Pengagihan Dokumen Rancangan Tempatan

Adalah diperhatikan tiada garis panduan mengenai urusan pencetakan dan pengagihan dokumen RT. Ini menyebabkan wujud beberapa kelemahan seperti berikut :-

20.4.3.1. Dokumen RT dicetak sebelum pewartaannya dibuat dan diagihkan kepada agensi pelaksana atau pengguna. Menurut JPBD, pencetakan dibuat terlebih dahulu atas andaian bahawa kebiasaannya tiada perubahan ke atas draf RT yang telah diluluskan. Beberapa contoh dokumen RT yang telah dicetak sebelum diwartakan adalah seperti di **Jadual 20.6**. **Pada pandangan Audit, urusan pencetakan sepatutnya dibuat setelah RT diwartakan. Ini bertujuan untuk mengelakkan pembaziran sekiranya terdapat pindaan pada RT tersebut yang akan menyebabkan ianya terpaksa dicetak semula. Selain itu, ia juga untuk mengelak dari berlakunya pertikaian tentang kesahihan dokumen tersebut dari sudut undang-undang.**

JADUAL 20.6
MAKLUMAT MENGENAI TARIKH PENCETAKAN DOKUMEN RANCANGAN TEMPATAN

RANCANGAN TEMPATAN	TARIKH PENCETAKAN/ DITERBITKAN	TARIKH AGIHAN	TARIKH RT DIWARTAKAN
RT Marang, Terengganu	2001	08.08.2002 – Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Terengganu	03.08.2006
RT Batu Buruk - Chendering, Terengganu	2000	17.07.2003 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Terengganu	21.07.2005
RT Temerloh - Mentakab, Pahang	2001	11.06.2001 – Jabatan Perancangan Bandar dan Desa Negeri Pahang	16.08.2007
RT Bandar Kuala Lipis, Pahang	2000	28.06.2001 – Majlis Daerah Kuala Lipis	04.11.2004
RT Bandar Bentong, Pahang	1999	06.12.1999 – Majlis Perbandaran Bentong	04.01.2000

20.4.3.2. Terdapat pelbagai pihak yang menguruskan pencetakan dokumen RT. Sebagai contoh ada dokumen RT yang dicetak oleh PBT, JPBD Negeri dan ada juga oleh Pejabat Projek JPBD. Oleh kerana pihak yang khusus untuk melaksanakan tugas ini tidak dikenal pasti telah menyebabkan tiada perancangan yang teratur berhubung dengan pencetakan dan pengagihan. Ini menyebabkan terdapat dokumen RT yang dicetak berlebihan atau kurang daripada keperluan sebenar. Berikut diberikan beberapa contohnya :-

a. Bilangan dokumen RT yang dicetak bagi RT Kuala Berang – Ajil, RT Seberang Takir – Gong Badak – Manir, RT Batu Buruk – Chendering dan RT Hiliran – Padang Midin didapati berlebihan. Semasa pengauditan dijalankan pada bulan Ogos 2008 di Pejabat Projek Zon Timur di Kuala Terengganu (pihak yang mencetak dokumen RT), didapati masih ada baki sebanyak 203 naskhah bernilai RM35,169. RT tersebut telah diwartakan pada tahun 2005 dan 2006 di mana tempoh kuatkuasanya hanya berbaki antara 4 hingga 5 tahun. Butirannya adalah seperti di **Jadual 20.7** serta **Gambar 20.1 dan 20.2**.

JADUAL 20.7
STOK DOKUMEN RANCANGAN TEMPATAN YANG MASIH TIDAK DIAGIHKAN SETAKAT BULAN OGOS 2008

RANCANGAN TEMPATAN/ RTD	TARIKH WARTA	BAKI TEMPOH NASKHAH	BIL. DOKUMEN RT YANG DICETAK	HARGA SENASKAH (RM)	BIL. NASKHAH TIDAK DIAGIHKAN	NILAI (RM)
RT Kuala Berang - Ajil	03.08.2006	4 Tahun	300	205.00	70	14,350.00
RT Seberang Takir - Gong Badak - Manir	21.07.2005	5 Tahun	400	149.70	61	9,131.00
RT Batu Buruk - Chendering	21.07.2005	5 Tahun	400	142.00	34	4,428.00
RT Hiliran - Padang Midin (Jilid 1)	21.07.2005	5 Tahun	300	220.00	38	7,260.00
JUMLAH			**1,400**	**-**	**203**	**35,169.00**

GAMBAR 20.1



Pejabat Projek Zon Timur Di Kuala Terengganu
Dokumen RT Masih Dalam Bungkusan
(04.08.2008)

GAMBAR 20.2

Pejabat Projek Zon Timur Di Kuala Terengganu
Dokumen RT Disimpan Di Rak
(04.08.2008)

b. Bilangan dokumen RT yang diagihkan oleh Pejabat Projek JPBD mempunyai perbezaan yang ketara. Sebagai contoh, beberapa PBT di Terengganu dan Pahang menerima dokumen RT antara 25 hingga 200 naskhah. **Di Perak pula, semakan Audit mendapati ada PBT tidak mendapat salinan dokumen RT yang mencukupi dan ada yang langsung tidak menerima salinan dokumen RT yang telah diwartakan. Ini menyebabkan PBT yang berkaitan hanya menggunakan draf akhir RT sebagai rujukan semasa mempertimbangkan permohonan pembangunan yang diajukan kepadanya.**

Pada pandangan Audit, semua pihak yang terlibat secara langsung dalam penyediaan/penggunaan RT iaitu Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa, Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan perlu menyediakan garis panduan berhubung dengan penyediaan, pewartaan, pencetakan, pengagihan dan penguatkuasaan RT secara bersama bagi memastikan dokumen ini lengkap dan dapat diikuti oleh semua pihak yang terlibat. Antara lain, garis panduan tersebut hendaklah menetapkan pihak yang bertanggungjawab menguruskan pencetakan, bilangan dokumen RT yang patut dicetak dan diagihkan serta rekod yang perlu diselenggarakan berhubung dengan penyediaan, pengagihan dan pemantauan terhadap penggunaannya. Norma masa juga hendaklah ditetapkan bagi setiap proses kerja yang terlibat.

20.4.4. Pematuhan Kepada Rancangan Tempatan

Setiap RT mengandungi peta cadangan mengikut zon yang menunjukkan lokasi atau blok pembangunan yang akan disediakan mengikut sektor di kawasan yang diliputi dalam RT tersebut. Antara sektor tersebut ialah kemudahan awam (tapak bagi sekolah, klinik, balai polis, bomba, dewan masyarakat dan tempat ibadat); perumahan; pertanian; perindustrian dan perdagangan; rekreasi; pengangkutan dan prasarana. Pemeriksaan Audit telah dibuat di tapak yang dicadangkan dalam 12 RT yang telah diwartakan dengan tujuan untuk menentukan sama ada setiap cadangan pembangunan telah dilaksanakan di sesuatu tapak mengikut pelan dan zon

kegunaan tanah yang telah ditetapkan. Hasil daripada pemeriksaan tersebut mendapati **beberapa kawasan yang dibangunkan tidak selaras dengan cadangan di dalam RT yang berkenaan.** Butirannya adalah seperti di **Jadual 20.8** dan **Gambar 20.3 hingga 20.5**.

JADUAL 20.8
CONTOH PEMBANGUNAN TIDAK SELARAS DENGAN YANG DICADANGKAN DI DALAM RANCANGAN TEMPATAN

RANCANGAN TEMPATAN	PENEMUAN
RT Marang (2001 - 2010)	Terdapat sebuah gudang beras di Zon Pertanian yang sepatutnya dibina di Zon Industri (**Gambar 20.3)**
RT Marang (2001 - 2010)	Kawasan persisiran pantai dipenuhi dengan restoran makanan, rumah kediaman dan chalet di mana kawasan ini sepatutnya Zon Kawasan Lapang (**Gambar 20.4)**
RT Sungai Petani (1996 - 2010)	Kilang kayu berdekatan dengan bangunan kedai dan Ibu Pejabat Polis Kuala Muda masih lagi beroperasi di mana sepatutnya ia dipindahkan ke Zon Industri. (**Gambar 20.5)**

GAMBAR 20.3

Kilang Membungkus Beras Atas Zon Pertanian Di Marang (04.08.2008)

GAMBAR 20.4

Restoran Dibina Atas Zon Kawasan Lapang Di Marang (04.08.2008)

GAMBAR 20.5

Kilang Kayu Yang Belum Dipindahkan Ke Zon Industri (25.08.2008)

Pada pandangan Audit, bagi memastikan pembangunan dibuat selaras dengan RT yang telah diwartakan, Pihak Berkuasa Tempatan perlu membuat pemantauan secara berterusan di kawasan yang berkenaan dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pihak yang tidak mematuhinya. Penguatkuasaan ini perlu bagi memastikan pembangunan kawasan dibuat dengan teratur supaya tidak menjejaskan kehidupan serta alam sekitar dan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang dibuat untuk menyediakan RT.

20.4.5. Penyerapan Rancangan Tempatan Ke Dalam Rancangan Selainnya

Kos penyediaan setiap satu RT adalah antara RM60,000 hingga RM3,000,000. Pemeriksaan Audit mendapati RT yang telah diwartakan telah diserap ke Rancangan Tempatan Daerah (RTD). Perkara ini mengakibatkan pembaziran wang awam kerana setiap RT sama ada yang baru diwujudkan atau yang telah disiap dan diwartakan melalui **proses yang sama** yang memerlukan perbelanjaan untuk kajian, publisiti dan membayar perkhidmatan perunding. Menurut JPBD, antara sebab penyerapan ini berlaku adalah kerana penyediaan RT terdahulu tidak merangkumi sebahagian besar kawasan di daerah berkenaan. Sebanyak 117 RT yang telah disiapkan dengan kos berjumlah RM62.09 juta telah dikaji semula untuk diserapkan ke dalam RTD. Semakan selanjutnya mendapati ada sebahagian RT tersebut baru sahaja diwartakan. Sebagai contoh RT Jitra - Kepala Batas - Tunjang telah diwartakan pada 29 Januari 2004 berkuatkuasa antara tahun 1998 hingga 2010 manakala RT Bukit Kayu Hitam - Changlun - Sintok diwartakan pada 19 Julai 2007 berkuatkuasa antara tahun 2000 hingga 2010. Bagaimanapun, kajian semula telah dibuat pada 1 Januari 2001 terhadap kedua-dua kawasan RT ini bagi menyediakan RTD Kubang Pasu. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 20.9
CONTOH RTD YANG DISEDIAKAN SEMASA
TEMPOH PELAKSANAAN RT MASIH BERKUAT KUASA

NEGERI	RANCANGAN TEMPATAN / RTD	TARIKH MULA	TEMPOH KUAT KUASA		TARIKH WARTA	KOS (RM)	KOS KESELURUHAN (RM)
			MULA	TAMAT			
Kedah	1. RTD Kubang Pasu	01.06.2001	-	-	-	-	2,242,420
	a. RT Jitra - Kepala Batas - Tunjang	01.01.1998	1998	2010	29.01.2004	1,140,000	2,340,000
	b. RT Bukit Kayu Hitam - Changlun - Sintok	01.05.1999	2000	2010	19.07.2007	1,200,000	
	Kos Keseluruhan						**4,582,420**
Perak	1. RTD Kerian	01.01. 2007	-		-	-	60,000
	a. RT Parit Buntar - Bagan Serai	01.01.1995	1995	2010	10.04.2008 (Pengubahan)	282,251	1,156,251
	b. RT Lembah Beriah	02.05.1998	1998	2010	27.03.2003	874,000	
	Kos Keseluruhan						**1,216,251**
	2. RTD Batang Padang	01.03.2007	-	-	-	-	1,644,000
	a. RT Tg. Malim - Slim River	02.01.1998	1998	2010	12.09.2002	983,200	1,930,200
	b. RT Tapah - Bidor	01.08.1997	1998	2015	10.04.2008	947,000	
	Kos Keseluruhan						**3,574,200**
Selangor	1. RT MP Kajang	01.01. 2007	-	-	-	-	1,940,000
	a. RT Cheras	12.03.1996	1992	2010	14.06.2007	1,133,000	2,913,000
	b. RT Kajang	02.04.1996	1998	2010	14.06.2007	713,000	
	c. RT Bangi - Semenyih - Beranang	30.09.1998	1999	2010	21.06.2007	1,067,000	
	Kos Keseluruhan						**4,853,000**

NEGERI	RANCANGAN TEMPATAN / RTD	TARIKH MULA	TEMPOH KUAT KUASA		TARIKH WARTA	KOS (RM)	KOS KESELURUHAN (RM)
			MULA	TAMAT			
Negeri Sembilan	1. RTD Seremban	1.4.2006	-	-	-	-	2,329,831
	a. RT Seremban Blok 1,2,3	1.3.1998	2000	2010	24.10.2002	595,000	2,185,000
	b. RT Seremban Blok 4 & 5	2.6.1996	1998	2010	24.10.2002	530,000	
	c. RT Labu Sendayan	2.9.1998	1999	2020	24.10.2002	530,000	
	d. RT Nilai - Pajam	2.6.1996	1998	2015	24.10.2002	530,000	
	Kos Keseluruhan						**4,514,831**
Melaka	1. RTD Melaka Tengah	1.10.2002	-	-	-	-	2,548,654
	a. RT MP Bandaraya Melaka Bandaraya Bersejarah Blok 1 & 2	TM	1992	2010	11.4.2002	400,000	1,535,000
	b. RT MP Melaka Bandaraya Bersejarah Blok 3,4,5 & 6	1.12.1996	1997	2015	11.4.2002	1,135,000	
	Kos Keseluruhan						**4,083,654**

Nota : ***TM - Tiada Maklumat*** ***RT - Rancangan Tempatan*** ***RTD - Rancangan Tempatan Daerah***

Pada pandangan Audit, perancangan bagi penyediaan RT atau RTD perlulah dibuat dengan teratur supaya tidak berlaku pembaziran wang.

20.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Rancangan Tempatan (RT) merupakan dokumen rujukan yang penting bagi memastikan pembangunan di sesuatu kawasan dibuat dengan teratur. Bagaimanapun, dokumen ini tidak mungkin dapat dimanfaatkan sepenuhnya sekiranya ia mengambil masa yang terlalu lama untuk disiap dan diwartakan serta penggunaannya tidak dipantau dengan rapi. Sehubungan ini, Jabatan Perancangan Bandar Dan Desa (JPBD), Pihak Berkuasa Negeri dan Pihak Berkuasa Tempatan yang terlibat secara langsung dalam penyediaan/penggunaan RT perlu menangani kelemahan berhubung dengan penyediaan, pewartaan, pencetakan, pengagihan dan pematuhan terhadap RT sepertimana yang telah dibangkitkan dalam laporan ini. Adalah disyorkan JPBD dan pihak lain yang terlibat memberikan pertimbangan terhadap perkara berikut :-

20.5.1. Semua pihak yang terlibat perlu menyediakan garis panduan berhubung dengan penyediaan, pewartaan, pencetakan, pengagihan dan penguatkuasaan RT secara bersama bagi memastikan dokumen ini lengkap dan dapat diikuti oleh semua pihak berkenaan. Antara lain, garis panduan tersebut hendaklah menetapkan pihak yang bertanggungjawab menguruskan pencetakan, bilangan dokumen RT yang patut dicetak dan diagihkan serta rekod yang perlu diselenggarakan berhubung dengan penyediaan, pengagihan dan pemantauan terhadap penggunaannya. Norma masa juga hendaklah ditetapkan bagi setiap proses kerja yang terlibat.

20.5.2. Bagi mempercepatkan urusan pelantikan perunding untuk menyediakan draf RT, Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula proses pelantikan perunding dan penetapan kos memandangkan proses yang diikuti ketika ini melibatkan masa yang lama.

20.5.3. Bagi memastikan pembangunan dibuat selaras dengan RT yang telah diwartakan, Pihak Berkuasa Tempatan perlu membuat pemantauan secara berterusan di kawasan yang berkenaan dan mengambil tindakan yang sewajarnya terhadap pihak yang tidak mematuhinya. Penguatkuasaan ini perlu bagi memastikan pembangunan kawasan dibuat dengan teratur supaya tidak menjejaskan kehidupan serta alam sekitar dan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang dibuat untuk menyediakan RT.

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

21. JABATAN PERPUSTAKAAN NEGARA *
- **PENGURUSAN PERPUSTAKAAN DESA**

21.1. LATAR BELAKANG

21.1.1. Inisiatif penubuhan Perpustakaan Desa telah dimulakan pada tahun 2005 oleh Jabatan Perpustakaan Negara. Matlamat penubuhannya ialah untuk menjadi pemangkin kepada penggalakan budaya membaca dan mengurangkan jurang ilmu antara masyarakat luar bandar dan bandar. Setakat 31 Disember 2008, terdapat 425 Perpustakaan Desa beroperasi di seluruh negara manakala 40 Perpustakaan Desa telah disiapkan tetapi belum beroperasi dan 8 Perpustakaan Desa masih dalam pembinaan. Jabatan Perpustakaan Negara adalah bertanggungjawab terhadap keseluruhan pengurusan Perpustakaan Desa khususnya terhadap perkara berikut :-

a. Menambahkan bilangan perpustakaan di kawasan luar bandar sama ada mengubahsuai bangunan sedia ada atau pembinaan bangunan baru;
b. Menyediakan koleksi buku yang sesuai dan berkualiti;
c. Melengkapkan perpustakaan dengan pelbagai kemudahan seperti perabot, peralatan ICT termasuk *internet* dan lain-lain kelengkapan yang berkaitan;
d. Menyediakan perkhidmatan perpustakaan dan aktiviti galakan membaca; dan
e. Menentukan kaedah pengurusan perpustakaan.

21.1.2. Setiap Perpustakaan Desa diselia oleh 2 orang petugas yang dilantik secara kontrak/Pekerja Khidmat Singkat bersandarkan kepada skim perkhidmatan Penolong Pegawai Perpustakaan Gred S27 dan Pembantu Perpustakaan Gred S17.

21.1.3. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008, sejumlah RM165 juta peruntukan telah diluluskan di bawah Perbelanjaan Peruntukan Khas Belanja Mengurus bagi membiayai perbelanjaan pembinaan/mengubahsuai bangunan awam untuk dijadikan Perpustakaan Desa, pembelian bahan bacaan, perabot, peralatan ICT, bahan galakan membaca dan pembayaran gaji petugas serta utiliti untuk 478 Perpustakaan Desa. Sehingga akhir tahun 2008, Jabatan Perpustakaan Negara telah membelanjakan RM157.85 juta (95.67%) daripada peruntukan tersebut. Butiran peruntukan dan perbelanjaan bagi tahun 2005 hingga 2008 seperti di jadual berikut :-

(*) Semasa Pengauditan Dijalankan, Jabatan Perpustakaan Negara Diletakkan Di Bawah Tanggungjawab Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan.

JADUAL 21.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PERPUSTAKAAN DESA
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2008

TAHUN	PERUNTUKAN (RM Juta)	
	LULUS	BELANJA
2005	30	28.53
2006	85	84.96
2007	35	30.36
2008	15	14.00
JUMLAH	**165**	**157.85**

21.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Perpustakaan Desa telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur serta mencapai objektif penubuhannya.

21.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Skop pengauditan meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan Perpustakaan Desa yang dibina antara tahun 2005 hingga 2008. Semakan Audit telah dijalankan terhadap rekod dan dokumen berkaitan di Jabatan Perpustakaan Negara dan 26 Perpustakaan Desa di 5 negeri iaitu Selangor, Negeri Sembilan, Terengganu, Kedah dan Sabah seperti di **Jadual 21.2**. Lawatan telah dibuat di Perpustakaan Desa dan tapak pembinaan projek yang dipilih. Temu bual dan perbincangan telah dijalankan dengan pegawai serta kakitangan Jabatan Perpustakaan Negara terlibat. Selain itu, borang soal selidik juga diedarkan kepada pengguna Perpustakaan Desa dan penduduk setempat untuk mendapatkan maklum balas mengenai perkhidmatan Perpustakaan Desa.

JADUAL 21.2
MAKLUMAT PERPUSTAKAAN DESA YANG DIAUDIT

NEGERI / PERPUSTAKAAN DESA	LOKASI	STATUS PERPUSTAKAAN DESA
SELANGOR		
Sekolah KAFA Integrasi Kemensah, Ulu Kelang	Gombak	Beroperasi
Kampung Ladang Batu, Tanjung Sepat	Kuala Langat	Beroperasi
Kampung Banting	Kuala Langat	Beroperasi
Kampung Batu Laut, Tanjung Sepat	Kuala Langat	Beroperasi
Kampung Sungai Sireh, Tanjong Karang	Tanjong Karang	Dalam Pembinaan
Kampung Bukit Kerayong 1, Mukim Jeram	Kuala Selangor	Belum Operasi
NEGERI SEMBILAN		
Kampung Termeris, Bahau	Kuala Pilah	Beroperasi
Kampung Rembang Panas Juasseh, Kuala Pilah	Kuala Pilah	Beroperasi
Kampung Renggoh, Johol	Kuala Pilah	Beroperasi
Kampung Semarak Jln Loop Rahang, Rasah	Seremban	Dalam Pembinaan
Felda Pasoh 1, Simpang Pertang Jelebu	Jelebu	Belum Operasi

NEGERI / PERPUSTAKAAN DESA	LOKASI	STATUS PERPUSTAKAAN DESA
TERENGGANU		
Kampung Bukit Merah, Dungun	Dungun	Beroperasi
Kampung Balai Besar Rantau Panjang, Dungun	Dungun	Beroperasi
Kampung Kuala Abang Dungun	Dungun	Beroperasi
Kampung Pulau Serai, Dungun	Dungun	Dalam Pembinaan
Kampung Banggol Katong Selada, Kuala Terengganu	Marang	Dalam Pembinaan
KEDAH		
Kampung Hilir, Merbok	Merbok	Beroperasi
Kampung Berjaya Bukit Selambau Jeniang, Gurun	Merbok	Beroperasi
Masjid Kg Pantai Endau Sidam Kiri, Sg. Petani	Sungai Petani	Beroperasi
Kampung Sungkap Para Sg Lalang, Merbok	Sungai Petani	Dalam Pembinaan
Masjid Kg Al-Rahmaniah Kg Tanjung Mukim, Jeram, Jitra	Kubang Pasu	Belum Operasi
SABAH		
Kampung Taralobou, Ranau	Ranau	Beroperasi
Kampung Randagong Lama, Ranau	Ranau	Beroperasi
Kampung Mesilou, Ranau	Kundasang	Beroperasi
Kampung Mohimboyon, Ranau	Kundasang	Beroperasi
Kampung Kauluan, Ranau	Kundasang	Beroperasi

21.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2008 mendapati secara umumnya, pengurusan Perpustakaan Desa adalah kurang memuaskan. Antara kelemahan yang diperhatikan adalah kelewatan mewujudkan Perpustakaan Desa dengan pembinaan/pengubahsuaian bangunan awam, kerja pembinaan tidak mengikut spesifikasi/skop, penyelenggaraan tidak memuaskan, buku tidak didaftarkan ke dalam sistem WINISIS (sistem pendaftaran standard pengkatalogan antarabangsa), peralatan *barcode scanner* tidak digunakan, tiada bukti pembekal buku yang tidak mematuhi syarat kontrak dikenakan denda dan majalah lewat dibekalkan. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang dibangkitkan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

21.4.1. Prestasi Projek

21.4.1.1. Pembinaan/pengubahsuaian bangunan awam untuk dijadikan Perpustakaan Desa dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik melalui sebut harga. Jabatan Perpustakaan Negara menyediakan reka bentuk yang standard dan Jabatan Kerja Raya sebagai agensi pelaksana adalah merupakan Pegawai Penguasa yang bertanggungjawab memantau kerja di tapak. Bagi Sabah dan Kelantan, agensi pelaksana projek adalah Jabatan Pembangunan Persekutuan dan Sarawak pula adalah Borneo Development Corporation. Jabatan Perpustakaan Negara telah menetapkan had siling untuk kerja ubah suai bangunan awam dan membina bangunan Perpustakaan Desa seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.3
HAD PERUNTUKAN UBAH SUAI BANGUNAN AWAM
DAN MEMBINA BANGUNAN UNTUK SATU UNIT PERPUSTAKAAN DESA

BUTIRAN	HAD PERUNTUKAN (RM)		
	2005	2006	2007
Ubah Suai Bangunan Awam	30,000 (minimum 600 kps)	50,000 (minimum 600 kps)	-
Bina Baru	-	100,000 (minimum 1,000 kps)	180,000 (1,000/1,300/1,500 kps)

Nota : kps - kaki per segi

21.4.1.2. Jabatan Perpustakaan Negara merancang untuk mewujudkan 478 Perpustakaan Desa bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 sama ada mengubahsuai bangunan awam antaranya balai raya, dewan orang ramai/ dewan masjid atau membina bangunan baru atas tapak yang dipilih oleh Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri/Perpustakaan Negeri Sabah/Pustaka Negeri Sarawak dengan persetujuan Jabatan Perpustakaan Negara. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.4
PERPUSTAKAAN DESA YANG DIRANCANG
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

NEGERI	BILANGAN PERPUSTAKAAN DESA			JUMLAH
	Tahun 2005	Tahun 2006	Tahun 2007	
Johor	17	19	3	39
Kedah	18	34	3	56
Kelantan	14	17	3	34
Melaka	13	13	3	28
Negeri Sembilan	11	46	3	60
Pahang	20	11	3	32
Perak	24	3	3	35
Perlis	5	11	3	18
Pulau Pinang	10	17	3	28
Selangor	12	2	3	17
Terengganu	20	13	3	39
Sabah	29	21	10	50
Sarawak	5	18	10	36
Wilayah Persekutuan Labuan	2	-	-	3
JUMLAH	**200**	**225**	**53**	**478**

21.4.1.3. Semakan Audit mendapati bagi tahun 2005 dan 2006, sebanyak 280 Perpustakaan Desa telah diwujudkan setelah mengubahsuai bangunan awam dan membina 145 Perpustakaan Desa. Bagaimanapun bagi 53 Perpustakaan Desa (projek) yang sepatutnya diwujudkan dalam tahun 2007, sebanyak 3 daripadanya telah dibatalkan kerana kesukaran mendapatkan tapak manakala 48 projek hanya dibina dalam tahun 2008 dan 2 projek lagi di Sarawak iaitu Perpustakaan Desa Kampung Tegagang Limbang dan Perpustakaan Desa Layar Lot 1002 Layar Rural Growth Centre Betong belum ditetapkan tarikh pelaksanaannya. Antara faktor yang menyebabkan kegagalan mewujudkan Perpustakaan Desa dalam tahun 2007 adalah seperti berikut :-

a. Masalah mendapatkan tapak kerana Jabatan Perpustakaan Negara tidak mempunyai tanah di negeri berkaitan dan pemilihan tapak adalah tertakluk kepada kebenaran Kerajaan Negeri.

b. Perubahan reka bentuk bangunan asal kepada yang lebih bercirikan budaya warisan pada bulan Julai 2007.

c. Waran Peruntukan hanya diterima oleh Jabatan Perpustakaan Negara daripada Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan pada 28 Jun 2007.

21.4.1.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati bagi 48 Perpustakaan Desa yang dibina pada tahun 2008, sebanyak 40 projek telah disiapkan mengikut jadual manakala 5 projek sepatutnya disiapkan antara bulan Mac hingga November 2008 masih belum disempurnakan. Bagi 3 projek lagi, ia perlu disiapkan antara bulan Mac hingga Mei 2009. Jadual berikut menunjukkan status pembinaan 48 Perpustakaan Desa :-

JADUAL 21.5
STATUS PEMBINAAN PERPUSTAKAAN DESA SETAKAT AKHIR TAHUN 2008

NEGERI	BILANGAN YANG DIBINA	TELAH DISIAPKAN	DALAM PEMBINAAN		
			BILANGAN PERPUSTAKAAN DESA	TARIKH SEPATUTNYA SIAP	LOKASI
Johor	3	3	-	TB	
Kedah	4	3	1	07.11.2008	Perpustakaan Desa Kampung Sungkap Para Sungai Lalang Sungai Petani **(Gambar 21.1)**
Kelantan	3	3	-	TB	
Melaka	2	1	1	01.03.2008	Perpustakaan Desa Taman Sri Duyung Fasa 2
Negeri Sembilan	3	3	-	TB	
Pahang	1	-	1	10.03.2009	Perpustakaan Desa Kampung New Zealand, Maran
Perak	8	7	1	10.11.2008	Perpustakaan Desa Kompleks Simpang Empat, Selising Bagan Serai
Perlis	2	-	2	30.04.2009	Perpustakaan Desa Kampung Bongor Kudung
				30.05.2009	Perpustakaan Desa Taman Kemajuan Kangar
Pulau Pinang	1	-	1	17.11.2008	Perpustakaan Desa Kampung Selamat Seberang Perai Utara
Selangor	3	2	1	20.11.2008	Perpustakaan Desa Kampung Sungai Sireh, Tanjong Karang **(Gambar 21.2)**
Terengganu	6	6	-	TB	
Sarawak	11	11	-	TB	
Labuan	1	1	-	TB	
JUMLAH	**48**	**40**	**8**		

Nota : ***TB - Tidak Berkenaan***

GAMBAR 21.1

Perpustakaan Desa Kampung Sungkap Para Sg. Petani, Kedah
- Peringkat Kerja Dinding Bata Sungguhpun Sepatutnya Disiapkan Pada 07.11.2008 (10.11.2008)

GAMBAR 21.2

Perpustakaan Desa Kampung Sungai Sireh Tanjong Karang, Selangor
- Peringkat Kerja Pemasangan Rasuk Bumbung Sungguhpun Sepatutnya Disiapkan Pada20.11.2008 (16.10.2008)

Pada pandangan Audit, Jabatan Perpustakaan Negara dan agensi pelaksana perlu meningkatkan pemantauan terhadap projek yang dalam pembinaan bagi memastikan ia disiapkan dalam tempoh ditetapkan.

21.4.2. Kualiti Kerja Pembinaan/Pengubahsuaian

21.4.2.1. Berdasarkan reka bentuk yang disediakan oleh Jabatan Perpustakaan Negara, skop kerja/spesifikasi bahan ditentukan mengikut keperluan dan standard perpustakaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.6
SKOP KERJA UBAH SUAI BANGUNAN AWAM DAN BINA BANGUNAN PERPUSTAKAAN DESA

UBAH SUAI	BINA BARU
Memperluaskan ruang sedia ada	Membina bangunan
Mengecat bangunan	Mengecat bangunan
Memasang kipas siling dan pendingin hawa	Memasang kipas siling dan pendingin hawa
Pendawaian semula	Pemasangan kerja elektrik dan telefon
Memasang *plug point*	Pemasangan paip air
Memasang gril pintu dan tingkap	Memasang gril pintu dan tingkap
Memasang alat pencegah kebakaran	Memasang alat pencegah kebakaran
Memasang papan tanda Perpustakaan Desa mengikut skim warna dan reka bentuk yang ditetapkan	Memasang papan tanda Perpustakaan Desa mengikut skim warna dan reka bentuk yang ditetapkan
	Membina pagar
	Membina tandas

21.4.2.2. Pemeriksaan fizikal terhadap 18 Perpustakaan Desa yang telah beroperasi, 3 yang telah disiapkan tetapi belum beroperasi dan 5 masih dalam pembinaan mendapati kerja pembinaan bagi 11 Perpustakaan Desa tidak mengikut skop dan spesifikasi yang ditetapkan. Adalah didapati perubahan skop/spesifikasi ini adalah atas keputusan agensi pelaksana. Antara kerja yang tidak mengikut skop/spesifikasi adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.7
BUTIRAN KERJA TIDAK MENGIKUT SKOP DAN SPESIFIKASI

NEGERI/ PERPUSTAKAAN DESA	KERJA YANG TIDAK MENGIKUT SKOP/SPESIFIKASI
SELANGOR	
Kg Bukit Kerayong	Peralatan atau kemudahan yang tidak dipasang seperti pagar, 2 unit kipas angin, 1 unit pendingin hawa, 2 unit alat pencegah kebakaran, 1 unit lampu kecemasan, 1 unit *plug point* pendingin hawa. Pemasangan lampu bukan lampu "polished aluminium parabolic reflector"(2x36w). **(Gambar 21.3)**
NEGERI SEMBILAN	
Kg Semarak	Satu unit *plug point* pendingin hawa tidak dipasang. Lampu yang telah dipasang bukan jenis "polished aluminium parabolic reflector" (2x36w).
Kg Termeris	Satu unit *exhaust fan* tidak dipasang dan lampu yang dipasang bukan jenis "polished aluminium parabolic reflector" (3x18w).
SABAH	
Kg Mohimboyon Kundasang	Peralatan atau kemudahan yang tidak dipasang seperti 2 unit lampu kalimantang (1x36w), 1 unit *exhaust fan*, 1 unit *plug point*, 1x18w3 unit *plug point* pendingin hawa. Lampu yang dipasang bukan jenis "polished aluminium parabolic reflector" (3x18w), dan lampu tandas bukan lampu kalimantang.
Kg Kauluan Kundasang	Peralatan atau kemudahan yang tidak dipasang seperti 1unit *exhaust fan*, 2 unit alat pencegah kebakaran, 3 unit *plug point* pendingin hawa dan 1 unit *plug point*. Lampu yang dipasang bukan jenis "polished aluminium parabolic reflector" (3x18w) dan lampu tandas bukan lampu kalimantang (1x18w).
Kg Randagong Lama	Peralatan atau kemudahan yang tidak dipasang seperti pagar, 2 unit alat pencegah kebakaran dan 2 unit papan tanda Perpustakaan Desa.
Kg Taralobou	Pagar tidak dipasang dan lampu yang dipasang bukan jenis "polished aluminium parabolic reflector" (3x18w).
TERENGGANU	
Kg Banggol Katong Selada	Pemasangan bumbung bukan jenis *concrete tiles roofing*. **(Gambar 21.4)**
Kg Pulau Serai	Peralatan atau kemudahan yang tidak dipasang seperti 1 unit *plug point* pendingin hawa dan 1 unit alat pencegah kebakaran. Pagar yang dipasang bukan sliding 4m panjang x 1.5m tinggi.
KEDAH	
Kg Hilir Merbok	Peralatan atau kemudahan yang tidak dipasang seperti 3 unit *plug point* pendingin hawa dan 2 unit alat pencegah kebakaran.
Kg Tanjung Mukim Jeram Jitra	Dua unit alat pencegah kebakaran tidak dipasang, lampu yang dipasang bukan jenis "surface mounted sq fitting diffuser" (2x18w), pemasangan pendingin hawa di ruang perpustakaan bukan jenis "ceiling exposed" (2.7kw) selain warna papan tanda tidak mengikut spesifikasi. **(Gambar 21.5 dan 21.6)**

GAMBAR 21.3

Perpustakaan Desa Kampung Bukit Kerayong, Selangor
- Pemasangan Pagar Tidak Dibuat
(16.10.2008)

GAMBAR 21.4

Perpustakaan Desa Kampung Banggol Katong, Selada, Kuala Terengganu
- Pemasangan Bumbung Bukan Jenis "Concrete Tiles Roofing"
(07.11.2008)

GAMBAR 21.5

Perpustakaan Desa Kampung Tanjung Mukim Jeram, Jitra, Kedah - Pemasangan Pendingin Hawa Di Ruang Perpustakaan Bukan Jenis "Ceiling Exposed" (2.7kw) (10.11.2008)

GAMBAR 21.6

Perpustakaan Desa Kampung Tanjung MukimJeram, Jitra, Kedah - Skim Warna Papan Tanda Tidak Mengikut Spesifikasi (10.11.2008)

21.4.2.3. Mengikut penjelasan agensi pelaksana, antara sebab kerja tidak dibuat mengikut skop atau spesifikasi asal adalah kerana bajet tidak mencukupi akibat daripada kerja tambahan yang perlu dibuat. Selain itu, ianya juga disebabkan oleh ketiadaan stok bahan di pasaran dan harga bahan yang dinyatakan dalam spesifikasi asal lebih mahal. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat mengesahkan kesahihan alasan tersebut kerana tiada bukti bertulis daripada agensi pelaksana. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti yang menunjukkan perubahan skop/spesifikasi kerja ini telah dirujuk kepada Jabatan Perpustakaan Negara. Menurut Juruteknik Kanan Jabatan Perpustakaan Negara, perubahan skop/spesifikasi tersebut boleh memberi implikasi berikut :-

a. Perubahan dari lampu *Polished Aluminium Parabolic Reflector* (2x36w) kepada lampu *down light* di ruang bacaan menyebabkan kurang pencahayaan di ruang bacaan.

b. Bumbung *deck* logam menggantikan atap genting boleh menyebabkan bunyi bising ketika hujan.

c. Pemasangan alat pendingin hawa yang tidak mengikut kuasa yang ditetapkan boleh menyebabkan kelembapan dan menjejaskan kualiti buku yang disimpan.

d. Kawasan Perpustakaan Desa yang tidak dibina pagar juga boleh menjejaskan keselamatan barang di dalam perpustakaan.

Pada pandangan Audit, Jabatan Perpustakaan Negara sepatutnya memantau kerja pembinaan/pengubahsuaian Perpustakaan Desa bagi memastikan skop/ spesifikasi projek yang telah diluluskan dipatuhi oleh agensi pelaksana. Sehubungan ini, Jabatan Perpustakaan Negara patut mengkaji semula bilangan kakitangan yang ditugaskan untuk menjalankan kerja pemantauan memandangkan ia hanya mempunyai seorang Juruteknik Kanan untuk

memantau kerja pembinaan Perpustakaan Desa di seluruh negara. Beliau juga terlibat dengan projek pembangunan lain yang diuruskan oleh Jabatan Perpustakaan Negara.

21.4.3. Penyenggaraan Bangunan

21.4.3.1. Mengikut Surat Pekeliling Am Bil. 2 Tahun 1995, bangunan Kerajaan hendaklah diselenggarakan dari aspek kebersihan dalam dan luaran termasuk kerja landskap, struktur, mekanikal dan elektrikal untuk memanjangkan jangka hayat bangunan. Lawatan Audit pada bulan Oktober dan November 2008 mendapati 5 daripada 18 Perpustakaan Desa yang telah disiapkan dalam tahun 2005 dan 2006 berada dalam keadaan yang tidak memuaskan seperti siling bocor, *awning* rosak, pintu diserang anai-anai, tandas kotor, longkang tersumbat, papan tanda rosak, bekalan air terputus dan tidak disambung semula, pagar roboh, kawasan sekitar semak samun dan keretakan pada dinding. Keadaan beberapa bangunan Perpustakaan Desa dan persekitarannya adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 21.7

Perpustakaan Desa Kampung Berjaya Bukit Selambau, Kedah
- Siling Bocor Sejak Januari 2008 (12.11.2008)

GAMBAR 21.8

Perpustakaan Desa Kampung Berjaya Bukit Selambau, Kedah
- Papan Tanda Yang Rosak Sejak Jun 2008 Akibat Pembakaran Sampah Berdekatan Papan Tanda (12.11.2008)

GAMBAR 21.9

Perpustakaan Desa Kampung Kuala Abang, Terengganu
- Awning Pada Tingkap Rosak Sejak Mac 2008 (05.11.2008)

GAMBAR 21.10

Perpustakaan Desa Kampung Bukit Merah, Terengganu
- Longkang Tersumbat Sejak Ogos 2008 (03.11.2008)

21.4.3.2. Pihak Audit dimaklumkan antara sebab keadaan ini berlaku adalah kerana tiada peruntukan disediakan untuk penyenggaraan Perpustakaan Desa bagi tahun 2006 dan 2007. Kerja penambahbaikan adalah bergantung kepada peruntukan yang ada di bawah penyenggaraan Perpustakaan Desa di

Perbadanan Perpustakaan Awam Negeri/Perpustakaan Negeri Sabah. Bagi menampung kos perbelanjaan bagi kerja-kerja pembaikan kecil dan pemotongan rumput di Perpustakaan Desa, pihak Audit dimaklumkan petugas Perpustakaan Desa yang menanggung sendiri kos ini atau menggunakan duit hasil kutipan daripada perkhidmatan penyalinan/mencetak yang dikenakan terhadap pengguna perkhidmatan tesebut.

Pada pandangan Audit, Perpustakaan Desa hendaklah disenggarakan secara berjadual bagi memastikan keadaan fizikalnya sentiasa dalam keadaan baik dan selamat untuk digunakan. Sehubungan ini, peruntukan yang mencukupi hendaklah disediakan untuk tujuan penyenggaraan.

21.4.4. Kemudahan Perpustakaan Desa

21.4.4.1 Bahan Bacaan

a. Bahagian Khidmat Teknik, Jabatan Perpustakaan Negara bertanggungjawab terhadap pelantikan pembekal, pengurusan penghantaran dan penerimaan buku untuk Perpustakaan Desa. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008, sebanyak 366 pembekal terlibat dengan bekalan bahan bacaan untuk Perpustakaan Desa. Perolehan dibuat sama ada secara tender terbuka atau pembelian terus. Bekalan buku dihantar terus ke Perpustakaan Desa yang berkenaan yang bertanggungjawab mengesahkan ketepatan buku yang dibekalkan.

b. Sekiranya pembekal lewat/tidak membekalkan buku seperti mana yang ditetapkan dalam syarat kontrak, denda pada kadar minimum 5% dari nilai buku akan dikenakan kepada pembekal. Buku yang rosak atau tidak menepati spesifikasi yang ditetapkan perlu diganti oleh pembekal. Pembekal juga perlu mengecop ”HAK MILIK PERPUSTAKAAN DESA...” pada buku yang dibekalkan, menampal poket buku dan slip pemulangan dalam setiap buku serta memasukkan kad pinjam buku ke dalam setiap poket. Semakan Audit di 18 Perpustakaan Desa mendapati perkara berikut :-

    i. Tiga Perpustakaan Desa iaitu Perpustakaan Desa Kampung Kauluan Kundasang Sabah serta Kampung Pantai Edau Sidam Kiri dan Kampung Hilir Merbok Kedah tidak menerima 189 buku yang telah dipesan. Nilai buku yang terlibat bagi Perpustakaan Desa Kampung Pantai Edau Sidam Kiri dan Kampung Hilir Merbok, Kedah adalah berjumlah RM3,039.16. Manakala bagi Perpustakaan Desa Kampung Kauluan Kundasang Sabah, pihak Audit tidak dapat menentukan nilainya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.8
BUKU YANG TIDAK DITERIMA

PERPUSTAKAAN DESA	JUMLAH BUKU TIDAK DITERIMA	NILAI BUKU (RM)
Kampung Kauluan Kundasang Sabah	4	TM
Kampung Pantai Edau Sidam Kiri, Kedah	35	496.26
Kampung Hilir Merbok, Kedah	150	2,542.90
JUMLAH	**189**	**3,039.16**

Nota : TM - Tiada Maklumat

ii. Di 14 Perpustakaan Desa, buku-buku yang dibekalkan tidak dicop dengan "HAK MILIK PERPUSTAKAAN DESA" oleh pembekal seperti mana yang disyaratkan. Pembekal juga tidak menampal poket buku, slip pemulangan dan memasukkan kad pinjam buku dalam setiap poket buku.

iii. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada bayaran telah dibuat kepada kontraktor atau denda telah dikenakan terhadap pembekal yang gagal membekalkan buku dan melaksanakan kerja-kerja tersebut kerana baucar bayaran/maklumat mengenainya tidak dikemukakan untuk pengauditan.

c. Mengikut peraturan Jabatan Perpustakaan Negara, buku yang diperoleh perlu didaftarkan oleh petugas dengan menggunakan sistem WINISIS iaitu sistem pendaftaran standard pengkatalogan antarabangsa. Sistem WINISIS mengandungi 4 modul iaitu data katalog koleksi, rekod pengguna, aset dan inventori perpustakaan. Semakan di 18 Perpustakaan Desa yang dilawati mendapati kurang dari 50% daripada jumlah buku yang diterima di 8 Perpustakaan Desa telah didaftarkan. Antaranya, Perpustakaan Desa Sekolah KAFA Integrasi, Kampung Kemensah, Ulu Kelang, Selangor menunjukkan peratusan pendaftaran yang paling rendah iaitu 1,517 atau 31% daripada 4,893 buku yang diterima. Berdasarkan maklum balas daripada petugas Perpustakaan Desa, perkara ini berlaku kerana mereka kurang mahir menggunakan sistem WINISIS disebabkan belum diberi latihan secara formal. Didapati juga pendaftaran secara manual tidak dibuat terhadap 3,376 buku tersebut yang belum didaftarkan ke sistem WINISIS. Maklumat buku tersebut hanya diperoleh dari senarai buku yang disediakan oleh pembekal semasa penghantaran.

21.4.4.2. Bekalan Majalah

a. Selain dari buku rujukan, Perpustakaan Desa juga menyediakan pelbagai jenis majalah berkaitan dengan bidang agama, sosial, sains, sukan dan komputer. Jabatan Perpustakaan Negara menetapkan sekurang-kurangnya 10 hingga 15 jenis majalah dibekalkan ke Perpustakaan Desa tertakluk kepada keperluan masyarakat setempat. Majalah ini dibekalkan pada setiap bulan atau mengikut kekerapan keluaran majalah tersebut. Peruntukan perbelanjaan diagihkan kepada Perbadanan Perpustakaan Awam

Negeri/Perpustakaan Negeri Sabah bagi menguruskan bekalan majalah tersebut.

b. Semakan Audit di 18 Perpustakaan Desa mendapati kesemuanya telah dibekalkan dengan majalah. Semakan Audit selanjutnya mendapati bekalan majalah telah dibekalkan pada setiap bulan kepada 15 Perpustakaan Desa kecuali 4 Perpustakaan Desa di Sabah dan Kedah yang menerimanya antara 2 hingga 10 bulan dari tarikh keluarannya. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan sebab sebenar kelewatan berlaku. Antara contoh kelewatan bekalan majalah adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.9
TEMPOH KELEWATAN BEKALAN MAJALAH

PERPUSTAKAAN DESA	BEKALAN MAJALAH		
	TARIKH KELUARAN	TARIKH TERIMA BEKALAN	TEMPOH KELEWATAN (BULAN)
Kampung Kauluan Kundasang Sabah	Julai 2007	4 September 2007	2
	Oktober 2007	4 Februari 2008	5
	Jun 2008	8 Ogos 2008	2
Kampung Taralobou Sabah	Mei 2007	10 Ogos 2007	3
	Mei 2008	4 Julai 2008	2
	Julai 2008	2 September 2008	2
Kampung Pantai Edau Sidam Kiri Kedah	September 2007	4 Disember 2007	3
	November 2007	17 Mac 2008	4
	Januari 2008	17 Mac 2008	3
	April 2008	5 Jun 2008	3
	April/Mei 2008	2 Julai 2008	3 hingga 4
	Mei/Jun 2008	7 Oktober 2008	4 hingga 5
Kampung Hilir Merbok Kedah	Februari/Mei/Julai/ Ogos/September 2006	13 November 2006	3 hingga 10
	Oktober/November 2006	28 Januari 2007	3 hingga 4
	November/Disember 2006	28 Januari 2007	2 hingga 3
	September/Oktober 2007	4 November 2007	2 hingga 3
	November/Disember 2007	15 Mac 2008	4 hingga 5
	April/Mei 2008	23 Jun 2008	2 hingga 3
	Julai/Ogos/September 2008	20 Oktober 2008	2 hingga 4

Pada pandangan Audit, Jabatan Perpustakaan Negara perlu memantau prestasi kontraktor yang terlibat dengan bekalan buku dan memastikan mereka mematuhi syarat kontrak yang ditetapkan serta mengenakan denda sekiranya mereka gagal mematuhinya. Selain itu, Jabatan Perpustakaan Negara patut mewujudkan satu mekanisme yang membolehkan Perpustakaan Desa mendapat bekalan majalah yang terkini.

21.4.4.3. Peralatan *Bar Code Scanner*

Pada tahun 2005, Jabatan Perpustakaan Negara telah membeli 200 unit *bar code scanner* bernilai RM143,520. Tujuannya ialah untuk mengimbas kod jalur

bercetak yang dilekatkan di setiap buku bagi memasukkan nombor aksesan ke dalam sistem WINISIS. Selain itu, ia juga bagi memudah dan mempercepatkan proses peminjaman dan pemulangan buku. Adalah didapati hanya 9 daripada 18 Perpustakaan Desa yang dilawati telah dibekalkan dengan *bar code scanner.* Bagaimanapun, ke semua peralatan tersebut tidak dapat digunakan kerana buku di perpustakaan berkaitan belum dipasang dengan kod jalur bercetak. Berdasarkan maklum balas daripada Jabatan Perpustakaan Negara pada 6 April 2009, peralatan ini akan digunakan sepenuhnya dalam tempoh terdekat.

21.4.4.4. Penyediaan Kemudahan *Internet*

Kemudahan *internet* disediakan oleh Kementerian Tenaga Air Dan Komunikasi (KTAK) melalui Program Pemberian Khidmat Sejagat. Di bawah program ini, Perpustakaan Desa yang terpilih dibekalkan dengan 2 unit komputer dan dilengkapi talian *internet* serta satu unit pencetak. Didapati 8 daripada 18 Perpustakaan Desa yang dilawati belum dilengkapi dengan kemudahan *internet*. Mengikut rekod, Jabatan Perpustakaan Negara telah pun mengemukakan senarai nama Perpustakaan Desa berkenaan kepada KTAK untuk mendapatkan kemudahan *internet* pada 19 Mei 2005. Berdasarkan maklumbalas daripada Jabatan Perpustakaan Negara, KTAK tidak dapat meluluskan pemasangan kemudahan internet di 8 Perpustakaan Desa tersebut kerana lokasinya yang tidak sesuai. Perpustakaan Desa yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.10
PERPUSTAKAAN DESA YANG BELUM MENDAPAT KEMUDAHAN *INTERNET*

NEGERI / NAMA PERPUSTAKAAN DESA
SELANGOR
Sekolah KAFA Integrasi Kemensah, Ulu Kelang
NEGERI SEMBILAN
Kampung Renggoh
Kampung Temeris Bahau
Kampung Rembang Panas Juaseh, Kuala Pilah
SABAH
Kampung Taralobou, Ranau
TERENGGANU
Kampung Balai Besar, Rantau Panjang, Dungun
KEDAH
Masjid Kampung Pantai Endau Sidam Kiri, Sungai Petani
Kampung Berjaya, Bukit Selambau, Jeniang, Gurun

21.4.5. Penggunaan Perpustakaan

21.4.5.1. Semakan Audit mendapati setakat 30 April 2009, sebanyak 36 Perpustakaan Desa yang siap dibina dalam tahun 2008 telah diserahkan kepada Jabatan Perpustakaan Negara. Bagaimanapun, didapati 23 Perpustakaan Desa yang diserahkan antara bulan Julai 2008 hingga Januari 2009 masih belum beroperasi. Pihak Audit dimaklumkan perkara ini berlaku disebabkan perpustakaan berkenaan masih belum dilengkapkan dengan buku, peralatan

ICT masih dalam proses penghantaran dan petugas belum ditempatkan di Perpustakaan Desa berkenaan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 21.11
PERPUSTAKAAN DESA YANG BELUM BEROPERASI
SETAKAT 30 APRIL 2009

NEGERI	JUMLAH PERPUSTAKAAN DESA	ANTARA PERPUSTAKAAN DESA YANG BELUM BEROPERASI	TARIKH DISERAHKAN KEPADA JPNM
Johor	3	Kampung Seri Menanti Bt. 22 Sengkang	30.01.2009
		Kampung Semanggar Dalam Kota Tinggi	30.01.2009
		Kampung Melayu Kluang Johor	30.01.2009
Kelantan	3	Kampung Bechah Semak Bunut Susu Pasir Mas	18.12.2008
		Kampung Jal Besar Tumpat	18.12.2008
		Kampung Batu Gajah Tanah Merah	18.12.2008
Negeri Sembilan	3	Felda Pasoh 1, Simpang Pertang Jelebu	25.07.2008
		Kampung Semarak Jln Loop Rahang Seremban	25.11.2008
		Kampung Lubok China Linggi Rembau	25.07.2008
Perak	7	Kampung Perlop 3 Sg Siput Utara	11.11.2008
		Kampung Talang Tanjung Belanja Parit	11.11.2008
		Kampung Tualang Sekah Malim Nawar Gopeng	11.11.2008
		RPT Kampung Kuak Luar Pengkalan Hulu Gerik	23.12.2008
Selangor	3	Kampung Bukit Kerayong 1, Mukim Jeram K. Selangor	16.10.2008
		Kampung Hulu Chuchuh Sg Pelek Sepang	19.11.2008
		Kampung Sungai Sireh Kuala Selangor	22.01.2009
Terengganu	6	Kampung Bukit Tok Ris	13.01.2009
		Felda Kerteh 5 Bandar Ketengah Jaya Kemaman	14.01.2009
		Kampung Ibok Kijal Kemaman	14.01.2009
		Kampung Pulau Serai Dungun	14.01.2009
		Kampung Gong Batu Mukim Pantai Setiu	13.01.2009
		Kampung Banggol Katong Selada	13.01.2009
Sarawak	11	Kampung Sungai Asap Belaga	21.01.2009
JUMLAH	**36**	**23**	

Nota : JPNM - Jabatan Perpustakaan Negara

Pada pandangan Audit, Jabatan Perpustakaan Negara sepatutnya menyelaraskan urusan perolehan buku dan kelengkapan perpustakaan dengan tarikh menyiapkan projek pembinaan/pengubahsuaian supaya Perpustakaan Desa berkenaan dapat beroperasi sebaik sahaja ia disiapkan.

21.4.5.2. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, seramai 12,437 orang telah menjadi ahli perpustakaan di 18 Perpustakaan Desa yang diaudit. Mereka adalah terdiri daripada 5,810 dewasa, 659 remaja dan 5,968 kanak-kanak. Bagi tempoh tersebut, 48,584 bahan bacaan telah dipinjam oleh orang dewasa, 344 dipinjam oleh remaja dan 66,596 bahan bacaan dipinjam oleh kanak-kanak.

Berdasarkan kepada statistik ini, didapati pengguna utama Perpustakaan Desa adalah di kalangan kanak-kanak iaitu mereka yang berumur di bawah 12 tahun. Berikut diberikan butirannya :-

JADUAL 21.12
BILANGAN KEAHLIAN DAN PINJAMAN BAHAN BACAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

	DEWASA	REMAJA	KANAK-KANAK	JUMLAH
Keahlian	5,810	659	5,968	12,437
Pinjaman	48,584	344	66,596	115,524

21.4.5.3. Bagi menggalakkan minat membaca di kalangan ahli dan masyarakat setempat, Kementerian Perpaduan, Kebudayaan, Kesenian Dan Warisan telah menetapkan supaya setiap Perpustakaan Desa melaksanakan aktiviti galakan membaca seperti sesi bercerita dengan menggunakan alat bantuan mengajar yang dibekalkan oleh Jabatan Perpustakaan Negara termasuk pertandingan bercerita. Berdasarkan 18 Perpustakaan Desa yang dilawati, 16 Perpustakaan Desa ada melaksanakan aktiviti berkenaan. Perpustakaan Desa Kampung Kuala Abang, Dungun, Terengganu adalah yang paling aktif mengadakan aktiviti antara tempoh tahun 2006 hingga 2008 iaitu sebanyak 158 kali. Hasil daripada pelaksanaan aktiviti tersebut menunjukkan bilangan buku yang dipinjam di Perpustakaan Desa ini adalah antara yang tertinggi iaitu berjumlah 10,488 bagi tempoh yang sama.

Pada pandangan Audit, memandangkan aktiviti galakan membaca ini dapat meningkatkan minat membaca di kalangan masyarakat setempat, adalah penting Jabatan Perpustakaan Negara memastikan semua Perpustakaan Desa melaksanakan aktiviti ini secara berterusan. Bagi tujuan ini, Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Perpustakaan Desa yang menerangkan tatacara/kaedah pelaksanaan aktiviti berkenaan perlu dikeluarkan untuk rujukan pihak yang terlibat.

21.4.6. Peraturan Perpustakaan Desa

21.4.6.1. Perkhidmatan Perpustakaan Desa tertakluk kepada peraturan yang ditetapkan oleh Jabatan Perpustakaan Negara. Peraturan menetapkan kesemua perkhidmatan yang diberikan adalah percuma. Setiap pengguna yang ingin meminjam bahan rujukan diwajibkan menjadi ahli dan dibenarkan meminjam 2 naskhah buku selama 2 minggu. Pengguna perlu mengemukakan surat rayuan jika buku yang dipinjam hilang/lewat dipulangkan dan surat peringatan dikeluarkan kepada pengguna yang gagal memulangkan buku berkenaan. Semakan Audit terhadap 18 Perpustakaan Desa mendapati 6 Perpustakaan Desa telah mengenakan bayaran untuk yuran keahlian, kehilangan kad, denda

kelewatan, kehilangan buku yang dipinjam dan penggunaan kertas untuk mencetak maklumat daripada internet.

21.4.6.2. Semakan Audit juga mendapati di 8 Perpustakaan Desa yang lain, sejumlah 1,103 naskhah buku telah hilang dan tidak dipulangkan oleh peminjam berkenaan. Petugas telah mengambil tindakan seperti berkunjung ke rumah peminjam, menghantar surat peringatan dan meminta bantuan Jawatankuasa Kemajuan Dan Keselamatan Kampung untuk mendapatkan kembali buku-buku berkenaan. Bagaimanapun, tindakan yang dibuat tidak berkesan sepenuhnya malahan bilangan buku yang tidak dipulangkan semakin meningkat. Berdasarkan maklum balas petugas, perkara ini berlaku kerana tiada denda atau penalti seperti bayaran dikenakan kepada peminjam.

Pada pandangan Audit, bagi mengurangkan kadar buku yang hilang/tidak dipulangkan, disyorkan Jabatan Perpustakaan Negara mengkaji sama ada denda yang minima boleh dikenakan terhadap peminjam terlibat.

21.4.7. Maklum Balas Kepuasan Pengguna Dan Penduduk Setempat

Bagi mendapatkan maklum balas kepuasan pengguna dan penduduk setempat terhadap perkhidmatan Perpustakaan Desa, sebanyak 180 borang soal selidik telah diedarkan semasa lawatan Audit pada bulan November 2008. Sebanyak 125 borang daripadanya telah diterima yang terdiri dari 100 borang daripada pengguna dan 25 borang lagi daripada penduduk setempat. Berdasarkan borang soal selidik yang diterima, pihak Audit mendapati secara keseluruhannya, pengguna berpuas hati terhadap perkhidmatan Perpustakaan Desa di mana ianya telah memberi faedah kepada mereka untuk menambah ilmu pengetahuan melalui pembacaan bahan rujukan dan internet. Sebanyak 50 (50%) pengguna menyatakan koleksi buku rujukan pelajar sekolah perlu ditambah manakala 42 (42%) pengguna mencadangkan operasi perpustakaan dibuka pada hujung minggu terutamanya cuti umum dan cuti persekolahan.

21.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Perpustakaan Desa diwujudkan untuk menjadi pemangkin kepada penggalakan budaya membaca dan mengurangkan jurang ilmu antara masyarakat luar bandar dan bandar. Bagaimanapun objektif ini tidak dapat dicapai sepenuhnya jika kelemahan dalam perancangan, pelaksanaan dan pemantauan aktiviti Perpustakaan Desa tidak diperbaiki. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan objektif penubuhan Perpustakaan Desa tercapai, adalah disyorkan supaya Jabatan Perpustakaan Negara memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

21.5.1. Jabatan Perpustakaan Negara dan agensi pelaksana perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap projek yang dalam pembinaan bagi memastikan ia dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan.

21.5.2. Jabatan Perpustakaan Negara sepatutnya memantau kerja pembinaan/ pengubahsuaian bangunan awam untuk dijadikan Perpustakaan Desa bagi memastikan skop/spesifikasi projek yang telah diluluskan dipatuhi sepenuhnya oleh agensi pelaksana. Sehubungan ini, Jabatan Perpustakaan Negara patut mengkaji semula bilangan kakitangan yang ditugaskan untuk menjalankan kerja pemantauan memandangkan ia hanya mempunyai seorang Juruteknik Kanan untuk memantau kerja pembinaan Perpustakaan Desa di seluruh negara. Beliau juga terlibat dengan projek pembangunan lain yang diuruskan oleh Jabatan Perpustakaan Negara.

21.5.3. Perpustakaan Desa hendaklah disenggarakan secara berjadual bagi memastikan keadaan fizikalnya sentiasa baik dan selamat untuk digunakan. Bagi tujuan ini, peruntukan yang mencukupi hendaklah disediakan untuk tujuan penyenggaraan.

21.5.4. Jabatan Perpustakaan Negara perlu memantau prestasi kontraktor yang terlibat dengan bekalan buku dan memastikan mereka mematuhi syarat kontrak yang ditetapkan serta mengenakan denda sekiranya mereka gagal mematuhinya. Jabatan Perpustakaan Negara patut mewujudkan satu mekanisme yang membolehkan Perpustakaan Desa mendapat bekalan majalah yang terkini.

21.5.5. Jabatan Perpustakaan Negara sepatutnya menyelaraskan urusan perolehan buku dan kelengkapan perpustakaan dengan tarikh menyiapkan projek pembinaan/pengubahsuaian supaya Perpustakaan Desa berkenaan dapat beroperasi dan dapat dimanfaatkan oleh rakyat sebaik sahaja ia disiapkan.

21.5.6. Memandangkan aktiviti galakan membaca dapat meningkatkan minat membaca di kalangan masyarakat setempat, adalah penting Jabatan Perpustakaan Negara memastikan semua Perpustakaan Desa melaksanakan aktiviti ini secara berterusan. Bagi tujuan ini, Garis Panduan Pelaksanaan Aktiviti Perpustakaan Desa yang menerangkan tatacara/kaedah pelaksanaan aktiviti berkenaan perlu dikeluarkan untuk rujukan pihak yang terlibat.

21.5.7. Bagi mengurangkan kadar buku yang hilang/tidak dipulangkan, Jabatan Perpustakaan Negara disyorkan supaya mengkaji sama ada denda yang minima boleh dikenakan terhadap peminjam terlibat.

KEMENTERIAN PENERANGAN, KOMUNIKASI DAN KEBUDAYAAN

22. JABATAN PENYIARAN MALAYSIA *

- **PENGURUSAN PEROLEHAN VAN SIARAN LUAR SERTA SISTEM PENYIARAN DAN PRODUKSI RADIO DIGITAL**

22.1. LATAR BELAKANG

22.1.1. Di bawah Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9), sejumlah RM40 juta telah diperuntukkan untuk memperoleh 2 Van Siaran Luar (Outside Broadcasting Van*)* serta Sistem Penyiaran dan Produksi Radio Digital (Digital Radio Broadcasting and Production System) bagi Radio Dan Televisyen Malaysia (RTM) Kuching, Sarawak; RTM Alor Setar, Kedah dan Auditorium Perdana Angkasapuri.

22.1.2. Van Siaran Luar diperoleh untuk mempertingkatkan keupayaan RTM membuat liputan siaran luar sama ada secara langsung atau rakaman. Manakala perolehan Sistem Penyiaran dan Produksi Radio Digital pula adalah bertujuan untuk mengganti sistem radio dan peralatan penyiaran sedia ada yang terhad keupayaannya selaras dengan perubahan dari pemancaran gelombang sederhana (medium wave) dan gelombang pendek (short wave) kepada *Frequency Modulation* (FM). Sistem automasi digital yang baru mempunyai pelbagai fungsi dan berkeupayaan tinggi bagi membantu tugas penerbitan rancangan radio supaya lebih lancar serta memberi kualiti audio yang lebih baik kepada pendengar.

22.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada perolehan Van Siaran Luar serta Sistem Penyiaran dan Produksi Radio Digital telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur dan berhemat.

22.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

22.3.1. Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan perolehan peralatan penyiaran daripada peringkat perancangan sehingga proses penerimaan; ujian dan pentauliahan; penyerahan peralatan kepada pengguna/unit; penyimpanan; penggunaan serta pembayaran peralatan penyiaran yang diperoleh. Pengauditan telah dilaksanakan dengan menyemak fail, rekod kewangan, dokumen kontrak yang berkaitan di Bahagian Kejuruteraan RTM, Cawangan Pengurusan Perolehan dan Cawangan Pembangunan di Kementerian Penerangan (Kementerian) bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008.

22.3.2. Temu bual juga diadakan dengan pegawai yang terlibat dengan pengurusan perolehan, penerimaan dan penggunaan peralatan serta pemeriksaan fizikal di beberapa lokasi di mana peralatan penyiaran ditempatkan.

(*) Semasa Pengauditan, Jabatan Penyiaran Malaysia Di Bawah Tanggungjawab Kementerian Penerangan.

22.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Oktober 2008 hingga Januari 2009 mendapati secara umumnya, pengurusan perolehan Van Siaran Luar serta Sistem Penyiaran dan Produksi Radio Digital yang dilakukan oleh RTM tidak dibuat dengan teratur. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah kelewatan dalam bekalan/ perkhidmatan, syarat kontrak tidak dipatuhi dan bayaran tidak dibuat dengan teratur. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang telah diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

22.4.1. Perolehan Van Siaran Luar

22.4.1.1. Pelantikan Kontraktor

a. Perolehan 2 Van Siaran Luar dibuat secara *turnkey*. Pelantikan kontraktor untuk perolehan ini telah dibuat melalui tender terbuka di mana 22 penender telah mengemukakan tawaran masing-masingnya. Urusan perolehan ini dikendalikan oleh Cawangan Pengurusan Perolehan Kementerian yang bertindak selaku Urus Setia kepada Lembaga Perolehan. Lembaga Perolehan A yang bersidang pada bulan September 2007 telah meluluskan tawaran tender kepada Bernama Systems & Solutions Advisor Sdn. Bhd. (BESSAR) tertakluk kepada kelulusan muktamad daripada Kementerian Kewangan. Kelulusan muktamad Kementerian Kewangan diperlukan memandangkan BESSAR adalah anak syarikat Kerajaan dan menurut Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 26 Tahun 1986, penyertaan anak syarikat Kerajaan di dalam perolehan Kementerian mungkin akan menimbulkan pertelingkahan kepentingan yang boleh menjejaskan kewibawaan keputusan jawatankuasa yang setuju terima perolehan. Kementerian Kewangan melalui suratnya bertarikh 12 September 2007 telah meluluskan pengecualian daripada pematuhan pekeliling tersebut.

b. Dengan kelulusan tersebut, Kementerian pada 24 September 2007 telah mengeluarkan Surat Setuju Terima (SST) bagi melantik BESSAR selaku kontraktor untuk membekalkan 2 Van Siaran Luar dengan nilai berjumlah RM24.30 juta. Skop perolehan ini merangkumi bekalan bagi bahagian-bahagian seperti koc (badan) Van Siaran Luar, *prime mover* (kepala lori) dan peralatan penyiaran. Tempoh pelaksanaan kontrak ini adalah selama 22 minggu iaitu mulai daripada tarikh SST dipersetujui oleh kontraktor pada 1 Oktober 2007. Ini bermakna kontraktor perlu menyempurnakan bekalan van yang dilengkapi peralatan pada 3 Mac 2008. Didapati kontraktor telah mengemukakan Bon Pelaksanaan bernilai RM1.22 juta yang berkuat kuasa sehingga 3 Mac 2009.

c. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007 menetapkan bahawa kontrak hendaklah ditandatangani selepas semua terma dan syarat dipersetujui iaitu dalam tempoh selewat-lewatnya 4 bulan daripada tarikh

SST. Sehingga tarikh pengauditan pada 31 Disember 2008, kontrak bagi perolehan 2 Van Siaran Luar itu belum ditandatangani setelah lebih daripada 14 bulan SST disetujui terima oleh kontraktor pada 1 Oktober 2007. Dalam surat Kementerian kepada kontraktor bertarikh 18 Julai 2008, kontraktor diingatkan tentang obligasinya menyediakan draf lengkap kontrak dalam tempoh 4 minggu daripada tarikh SST. Namun, tiada bukti yang menunjukkan bahawa kontraktor telah menyerahkan draf perjanjian tersebut untuk tindakan Kementerian. Tiada bukti juga yang menunjukkan bahawa Kementerian telah membuat susulan terhadap perkara ini. **Pada pandangan Audit, tanpa perjanjian rasmi ditandatangani boleh mendedahkan Kerajaan kepada risiko kerugian memandangkan SST tidak mengandungi beberapa syarat penting yang boleh menjamin kepentingan Kerajaan.** Syarat-syarat tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 22.1
PERBANDINGAN ANTARA KANDUNGAN SURAT SETUJU TERIMA DENGAN PERUNTUKAN STANDARD PERJANJIAN KERAJAAN BERASASKAN GARIS PANDUAN JABATAN PEGUAM NEGARA

PERUNTUKAN STANDARD YANG DISYORKAN OLEH GARIS PANDUAN PERJANJIAN KERAJAAN	PERUNTUKAN DALAM SST	
	ADA	TIADA
A. Pihak Kepada Perjanjian		✓
B. Balasan	✓	
C. Tempoh Perjanjian	✓	
C. Extension of Contract Period		✓
D. Scope of Agreement	✓	
E. Representasi & Waranti		✓
F. Obligasi Kedua-dua Pihak		✓
G. Performance Bond	✓	
G. Maintenance Bond		✓
G. Design Guarantee		✓
H. Peruntukan Kewangan		✓
I. Penamatan Kontrak		
a) Termination by Government	✓	
b) Termination by Company		✓
J. Force Majeure		✓
K. Insurans		✓
L. Kerahsiaan		✓
M. Hak Harta Intelek		✓
M. Proprietary Rights		✓
N. Indemnity	✓	
O. Penyerahanhakkan atau *Novation*		✓
P. Pindaan		✓
Q. Dispute Resolution Committee		✓
R. Timbang Tara		✓
S. Peruntukan Am		✓

d. Selepas teguran Audit, didapati BESSAR telah mengemukakan draf perjanjian pada 16 Februari 2009 dan Kementerian sedang menyemak draf tersebut. Mengikut alasan daripada BESSAR, draf perjanjian telah lewat dikemukakan disebabkan berlaku pindaan berikutan dengan pertukaran jenama *prime mover*, pembuat koc dan tempat pemasangan peralatan dari Australia ke Malaysia. Selain itu, masalah penarikan diri peguam daripada penyediaan perjanjian turut menyumbang terhadap kelewatan tersebut. **Pada pandangan Audit, bagi menjamin kepentingan Kerajaan, semua peruntukan yang terkandung dalam Garis Panduan Perjanjian Kerajaan perlu dimasukkan sebagai syarat di dalam perjanjian yang akan dimuktamadkan. Selain itu, Kementerian perlu meneliti klausa perjanjian yang melibatkan pertukaran jenama *prime mover*, pembuat koc, tempat pemasangan peralatan dan bilangan peralatan yang sebenarnya diterima. Kementerian juga perlu memasukkan peruntukan mengenai keperluan kontraktor memperbaharui Bon Pelaksanaan yang telah tamat pada 3 Mac 2009 dan pelanjutan tempoh waranti Van Siaran Luar dan peralatan penyiaran yang belum diterima.**

22.4.1.2. Penerimaan Van Siaran Luar

a. Mengikut Surat Setuju Terima (SST), pembuat/pengilang koc Van Siaran Luar (badan van) ialah Syarikat Rambler, Australia manakala pemasangan peralatan penyiaran di dalam van itu termasuk alat audio dan visual adalah oleh Sony Professional Division. Pada 10 Oktober 2007, kontraktor bagi perolehan ini iaitu Bernama Systems & Solutions Advisor Sdn. Bhd. (BESSAR) telah memohon untuk menukar pembuat/pengilang koc dari syarikat Rambler, Australia ke Zaitung, China atas alasan Syarikat Rambler tidak dapat memenuhi tarikh penghantaran yang ditetapkan dalam tender kerana telah menerima tempahan yang banyak bagi persediaan Sukan Olimpik pada bulan Ogos 2008. BESSAR juga telah memaklumkan kepada Kementerian bahawa perubahan pembuat koc tidak akan menjejaskan spesifikasi asal dan kualiti yang ditetapkan. Dengan pertukaran pembuat koc tersebut kerja pemasangan peralatan penyiaran di dalam koc yang sepatutnya dibuat di Australia telah diserahkan kepada Sony Malaysia di Bangi supaya ia dapat mempercepatkan penghantaran dari bulan Mac 2008 kepada bulan Disember 2007. BESSAR juga memohon supaya jadual dan kaedah pembayaran dikekalkan mengikut kaedah *Free On Board* (FOB) di mana pembayaran peringkat FOB adalah sebanyak 80% daripada nilai perolehan atas alasan bahawa kos yang ditanggungnya adalah lebih tinggi daripada kos perolehan asal sekiranya kerja pemasangan dibuat di Australia.

b. Semakan Audit mendapati Lembaga Perolehan A yang dipengerusikan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan dan dianggotai oleh wakil Kementerian Kewangan dan wakil Jabatan Kerja Raya telah meluluskan permohonan BESSAR pada 9 Januari 2008 melalui surat edaran.

c. Tiada bukti yang menunjukkan Kementerian telah melaksanakan *pre-delivery inspection* untuk memastikan produk yang akan dibekalkan menepati spesifikasi dan kehendak pengguna sebagaimana dicadangkan oleh BESSAR pada bulan Oktober 2007. Berdasarkan maklum balas daripada pihak pengguna iaitu RTM, kualiti dan pematuhan spesifikasi akan dipastikan semasa pengujian dan pentauliahan.

d. Mengikut Surat Setuju Terima (SST), kontraktor perlu membekalkan kedua-dua Van Siaran Luar dilengkapi dengan peralatan selewat-lewatnya pada 3 Mac 2008. Sehubungan ini, kontraktor perlu mengikut jadual penghantaran yang ditetapkan iaitu 16 minggu bagi penghantaran van ke pelabuhan, 4 minggu untuk perjalanan dari pelabuhan ke lokasi penempatan dan 2 minggu bagi ujian serta pentauliahan. Bagaimanapun semakan Audit mendapati sehingga 30 Januari 2009, sebuah van telah lewat dibekalkan dan satu lagi belum dibekalkan. Selain itu, van yang dibekalkan juga tidak dilengkapkan dengan semua peralatan penyiaran yang dipersetujui. Penjelasan lanjut adalah seperti berikut :-

   i. Sebuah Van Siaran Luar hanya diterima pada 7 Ogos 2008 iaitu kelewatan selama 157 hari daripada tarikh sepatutnya ia dibekalkan. Antara sebab berlaku kelewatan adalah masalah perkapalan bagi penghantaran *prime mover* (kepala lori) dari Pelabuhan Bremerhaven, Jerman ke Pelabuhan Klang dan kelewatan penghantaran koc dari China ke Malaysia. Ekoran daripada itu, pada 25 Mac 2008 BESSAR telah memohon lanjutan masa pertama berjumlah 89 hari. Bagaimanapun permohonan ini dibuat setelah tempoh kontrak tamat. Pada 28 Jun 2008, Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan telah meluluskan lanjutan masa selama 120 hari bagi tempoh 4 Mac 2008 sehingga 30 Jun 2008 atas alasan Kementerian sendiri gagal memaklumkan kepada BESSAR mengenai kelulusan permohonan pertukaran peralatan. **Pada pandangan Audit, kelulusan lanjutan masa yang dibuat oleh Ketua Setiausaha Kementerian Penerangan tersebut adalah tidak teratur kerana ia tidak dirujuk terlebih dahulu kepada Lembaga Perolehan A/Perbendaharaan sebagaimana yang ditetapkan dalam Arahan Perbendaharaan 201.1(a) (i) dan ia juga dibuat setelah kontrak tamat.**

   ii. Setelah mengambilkira tempoh lanjutan masa yang diluluskan oleh Ketua Setiausaha Kementerian seperti mana yang tersebut di atas, pembekalan ini masih mengalami kelewatan selama 37 hari. Mengikut kontraktor (BESSAR), kelewatan ini adalah disebabkan oleh masalah pendaftaran koc di Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ). Koc Van Siaran Luar yang dibekalkan oleh syarikat Beijing BDK Electronics Co. Ltd. daripada China tidak mempunyai kod buatan kerana belum pernah

didaftarkan di Malaysia. Kelulusan pendaftaran bagi koc hanya diperoleh pada 24 Julai 2008.

iii. Semakan selanjutnya mendapati Van Siaran Luar yang dibekalkan itu tidak dilengkapi sepenuhnya dengan peralatan penyiaran. Mengikut Kementerian, peralatan *RF TV Off Air Demodulator C/W Control Antenna* jenama Asioma TV Box 2353V bernilai RM14,915 telah dibekalkan dan disahkan penerimaannya setelah ujian dan pentauliahan dijalankan terhadap van. Bagaimanapun setelah ia digunakan, pihak RTM mendapati peralatan tersebut tidak dapat berfungsi dengan baik dan telah dikembalikan semula kepada kontraktor pada 22 Ogos 2008. Sehingga akhir bulan Januari 2009, peralatan tersebut masih belum diserahkan kembali kepada RTM. Di samping itu, 2 lagi peralatan lain iaitu *Up/Down Converter (Standard Definition ke High Definition) Wireless Microphone SHURE SM58* bernilai RM57,100 masih belum dibekalkan.

iv. Sehingga 30 Januari 2009, sebuah lagi Van Siaran Luar masih belum dibekalkan. Penghantaran van ini telah mengalami kelewatan selama 333 hari. Mengikut Kementerian, punca utama kelewatan penghantaran ialah kerana koc mengalami kerosakan serius semasa dipunggah dari Pelabuhan Klang ke gudang Sony Malaysia di Bangi oleh agen pengangkutan yang dilantik iaitu SA Kargo Sdn. Bhd. Kementerian telah mengadakan 2 mesyuarat iaitu pada bulan April dan Jun 2008 bersama-sama dengan SA Kargo Sdn. Bhd., BESSAR dan RTM. Hasil daripada mesyuarat tersebut, Kementerian berpendapat bahawa SA Kargo Sdn. Bhd. adalah bertanggungjawab sepenuhnya terhadap kerosakan tersebut. Satu laporan kerosakan telah dihantar ke Kementerian Kewangan pada bulan Julai 2008 bagi tuntutan pampasan daripada Kumpulan Wang Insurans Barang-barang Kerajaan. Kementerian Kewangan telah melantik *adjuster* untuk menjalankan pemeriksaan terhadap kerosakan koc van tersebut. Setelah pemeriksaan, *adjuster* melaporkan bahawa kerosakan yang dialami adalah kecil dan koc masih boleh digunakan. Pada masa yang sama, BESSAR dengan kerjasama pembuat koc Beijing BDK Electronics Co. Ltd. juga melantik perunding bagi menjalankan siasatan dan berpendapat bahawa kerosakan koc adalah serius dan jika terus digunakan akan menjejaskan prestasinya serta akan kehilangan waranti daripada pihak pembuat. **Pada tarikh pengauditan, status tuntutan pampasan bagi koc tersebut masih dalam siasatan Kementerian Kewangan dan ini akan melewatkan lagi tempoh penghantaran van yang kedua itu.** Gambar berikut menunjukkan koc Van Siaran Luar yang rosak tersimpan di gudang Sony Malaysia, Bangi :-

GAMBAR 22.1

Gudang Sony Malaysia, Bangi
- Koc Van Siaran Luar Yang Rosak
(07.11.2008)

v. Adalah didapati pelbagai jenis peralatan penyiaran bernilai RM9.14 juta yang diterima secara berasingan (piecemeal) dan berperingkat mulai bulan Januari 2008 yang tidak dapat dipasangkan ke dalam koc yang rosak telah disimpan di gudang Sony Malaysia, Bangi. Peralatan ini terdiri daripada kamera, *video mixer* dan lensa kamera disimpan di gudang berkenaan apabila kerja pemasangan terhenti sementara menunggu penyelesaian terhadap tuntutan pampasan koc yang rosak. **Lawatan Audit ke gudang Sony Malaysia di Bangi pada bulan November 2008 mendapati peralatan tersebut disimpan atas rak yang disediakan di dalam gudang berkenaan yang tidak dipasang dengan hawa dingin. Keadaan ini boleh menjejaskan prestasi sebahagian peralatan yang sensitif kepada suhu yang tinggi. Perkara ini telah dibincangkan dengan BESSAR dan diakui oleh Kementerian bahawa prestasi sebahagian peralatan boleh terjejas sekiranya disimpan terlalu lama dalam keadaan yang tidak berhawa dingin. Berdasarkan rekod Kementerian, peralatan tersebut telah disimpan dalam gudang itu sejak bulan Januari 2008.** Keadaan peralatan yang tersimpan di gudang Sony Malaysia adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 22.2

Gudang Sony Malaysia, Bangi
- Sebahagian Daripada Peralatan Penyiaran Yang Tersimpan Di Gudang
(07.11.2008)

vi. Adalah didapati Kementerian telah mengenakan bayaran Gantirugi Tertentu Dan Ditetapkan berjumlah RM221,406 terhadap BESSAR kerana kelewatan/kegagalannya membuat bekalan seperti mana yang dipersetujui. Bayaran ini telah dibuat melalui potongan dari bayaran kemajuan.

22.4.1.3. Pembayaran Yang Tidak Teratur

Mengikut Surat Setuju Terima, terdapat 2 peringkat bayaran yang dipersetujui bagi perolehan berasaskan *Free On Board* iaitu 80% apabila penghantaran van dibuat dari premis pengilang manakala 20% lagi setelah ia diuji, ditauliah dan diserahkan oleh pembekal. Semakan Audit mendapati sehingga bulan Disember 2008, bayaran berjumlah RM20.87 juta atau 85.9% daripada keseluruhan nilai kontrak telah dibuat seperti di **Jadual 22.2**. Bagaimanapun, didapati sejumlah RM57,100 adalah bayaran terhadap 2 jenis peralatan penyiaran yang belum dibekalkan. Peralatan ini adalah untuk dipasangkan ke dalam Van Siaran Luar yang telah diterima pada 7 Ogos 2008. Butirannya adalah seperti di **Jadual 22.3**.

JADUAL 22.2
BAYARAN PEROLEHAN KOMPONEN PERALATAN
VAN SIARAN LUAR SETAKAT 31 DISEMBER 2008

BUTIRAN	HARGA MENGIKUT KONTRAK (RM Juta)	BAYARAN (RM Juta)	% BAYARAN	
			BAGI SETIAP VAN	DARIPADA NILAI KONTRAK
Van Siaran Luar Yang Telah Diterima	12.66	12.66	100	52.1
Van Siaran Luar Yang Belum Diterima	11.64	8.21	70.5	33.8
JUMLAH	**24.30**	**20.87**		**85.9**

JADUAL 22.3
BAYARAN TERHADAP KOMPONEN PERALATAN
YANG MASIH BELUM DITERIMA

JENIS PERALATAN	MAKLUMAT BAYARAN				
	BAYARAN PERTAMA 80%		BAYARAN AKHIR 20%		BAYARAN PENUH 100%
	TARIKH	RM	TARIKH	RM	RM
Up/Down Converter (Standard Definition ke High Definition)	11.1.2008	38,242	9.9.2008	9,561	47,803
Wireless Microphone SHURE SM58	9.1.2008	7,438	9.9.2008	1,859	9,297
JUMLAH		**45,680**		**11,420**	**57,100**

Pada pandangan Audit, pembayaran yang dibuat terhadap peralatan yang belum dibekalkan adalah tidak teratur. Sehubungan ini, RTM perlu mengambil tindakan tegas bagi memastikan BESSAR membekalkan peralatan tersebut untuk dipasang kepada van berkenaan.

22.4.2. Perolehan Sistem Penyiaran Dan Produksi Radio Digital

22.4.2.1. Pelantikan Kontraktor

Kontrak ini ditawarkan kepada syarikat Commissioning And Maintenance Services Sdn. Bhd. melalui tender terbuka. Ia melibatkan penyediaan Sistem Penyiaran dan Produksi Radio Digital serta kerja berkaitan di 3 lokasi iaitu RTM Kuching, RTM Alor Setar dan Auditorium Perdana Angkasapuri. Perolehan ini meliputi bekalan peralatan dan penyediaan fasiliti penyiaran seperti Auditorium,

Bilik Kawalan Utama, Studio Penyiaran, Studio Bicara, Bilik Edit, *Record Library,* Pejabat Pengurus Program dan Pejabat Penerbit Program. Nilai kontrak adalah berjumlah RM16.95 juta di mana pecahan kos kontrak mengikut lokasi adalah RM10.13 juta bagi RTM Kuching, RM5.12 juta bagi RTM Alor Setar dan RM1.70 juta bagi Auditorium Perdana Angkasapuri. Semakan Audit mendapati kontrak bagi perolehan ini lewat ditandatangani iaitu selepas 6 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima diterima. **Perkara ini perlu diberikan perhatian serius oleh Kementerian semasa melaksanakan projek lain supaya kepentingan Kerajaan dapat dipelihara.**

22.4.2.2. Pemasangan Sistem Penyiaran Dan Produksi Radio Digital

Tempoh kuat kuasa kontrak perolehan Sistem Penyiaran dan Produksi Radio Digital adalah selama 31 minggu bermula dari 22 Mei 2007 hingga 31 Disember 2007. Semakan Audit mendapati kontraktor hanya dapat menyempurnakan perolehan ini pada 19 April 2008 selepas lanjutan masa selama 3 bulan 19 hari diluluskan. Selain daripada itu, beberapa perkara yang ditetapkan dalam spesifikasi teknikal tidak dipatuhi sepenuhnya seperti berikut :-

a. Mengikut Spesifikasi Teknikal, setiap peralatan diberi jaminan setahun dari tarikh *final acceptance test*. Bagi peralatan tertentu, tambahan kepada tempoh jaminan ini juga diberi oleh pengilang. Ini bermakna tempoh jaminan bagi peralatan berkenaan adalah melebihi satu tahun. Mengikut syarat kontrak, kontraktor berkenaan dikehendaki memaklumkan kepada RTM tentang tempoh jaminan yang diberikan oleh pengilang terlibat. **Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan tempoh jaminan peralatan yang diberi oleh pengilang kerana kontraktor tidak mengemukakan maklumat berkaitan kepada stesen RTM yang dilawati. Stesen RTM tersebut juga didapati tidak mengetahui tentang tempoh jaminan sebenar, terma dan syarat jaminan bagi setiap peralatan yang diterima. Keadaan ini boleh menyebabkan RTM menanggung kos pembaikan peralatan tersebut sekiranya berlaku sebarang kerosakan walaupun dalam tempoh jaminan.**

b. Mengikut Spesifikasi Teknikal, kontraktor perlu membekalkan secara terperinci cadangan perpindahan teknologi kepada RTM. Cadangan tersebut hendaklah mengandungi pelan dan rancangan penglibatan kakitangan RTM di dalam melaksanakan Sistem Penyiaran dan Produksi Radio Digital bagi memperoleh kemahiran yang diperlukan untuk menjalankan operasi dan berkebolehan membina modul baru apabila diperlukan. Semakan Audit mendapati kontraktor tidak mengemukakan cadangan perpindahan teknologi kepada RTM. Namun demikian, didapati kontraktor telah menyediakan latihan di kilang dan juga latihan di tapak kepada pegawai di Ibu Pejabat, RTM Kuching dan RTM Alor Setar bagi membolehkan pegawai mengendalikan *in-house training* di stesen.

c. Mengikut Spesifikasi Teknikal, *Radio Automation System* (RAS) hendaklah berupaya berkomunikasi antara stesen RTM Kuching dan Alor Setar dengan Ibu Pejabat di Angkasapuri melalui *Wide Area Network*. Bagaimanapun, sistem ini tidak digunakan seperti mana perancangan asal. Berdasarkan maklum balas yang diberi oleh pihak RTM, ia tidak digunakan untuk tujuan komunikasi bagi mengelak serangan virus kepada sistem induk di Angkasapuri. **Semakan Audit selanjutnya mendapati bayaran bagi melaksanakan sistem ini berjumlah RM77,692 telah dibuat sepenuhnya pada 2 Mei 2008.**

Pada pandangan Audit, demi untuk menjamin kepentingan Kerajaan dan bagi memastikan Kerajaan mendapat *value for money* dalam perolehan yang dibuat, Kementerian patut memastikan spesifikasi teknikal disediakan dengan jelas untuk memudahkan rujukan.

22.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

22.5.1. Sungguhpun Kementerian Penerangan (Kementerian) telah membelanjakan tidak kurang daripada RM40 juta untuk perolehan Van Siaran Luar serta Sistem Penyiaran dan Produksi Radio Digital bagi mempertingkatkan keupayaan RTM dalam membuat liputan siaran, namun perbelanjaan ini tidak dapat dimanfaatkan kerana beberapa kelemahan dalam urusan perolehan yang berpunca daripada perancangan dan pelaksanaan yang tidak teratur serta ketidakpatuhan terhadap peraturan kewangan. Bagi memastikan semua perolehan tersebut dapat dijalankan dengan cekap serta berkesan dan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

22.5.1.1. Memastikan kontraktor menyempurnakan bekalan van dan peralatan penyiaran yang masih tertangguh. Sehubungan ini, Kementerian perlu memasukkan peruntukan mengenai keperluan kontraktor memperbaharui Bon Pelaksanaan yang telah tamat pada 3 Mac 2009 dan pelanjutan tempoh waranti Van Siaran Luar dan peralatan penyiaran yang belum diterima.

22.5.1.2. Bagi kes di mana bayaran dibuat terhadap bekalan peralatan yang tidak dibuat, siasatan hendaklah dijalankan bagi menentukan pihak yang terlibat dan jika didapati bersalah, tindakan surcaj diambil terhadapnya.

22.5.1.3. RTM perlu memaklumkan tempoh jaminan peralatan termasuk jaminan pengilang kepada stesen RTM yang menerima bekalan bagi memanfaatkan kemudahan yang telah diberi.

22.5.2. Bagi menjamin kepentingan Kerajaan, Kementerian perlu menambah baik urusan perolehannya. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian mengambil langkah penambahbaikan seperti berikut :-

22.5.2.1. Kontrak perlu ditandatangani dalam tempoh yang ditetapkan iaitu 4 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima dikeluarkan.

22.5.2.2. Memastikan Bon Pelaksanaan adalah berkuat kuasa sehingga kesemua pembaikan kecacatan/kekurangan disempurnakan oleh kontraktor bagi mengelakkan Kerajaan terdedah kepada risiko menanggung kos pembaikan/ pembetulannya.

22.5.2.3. Sebarang permohonan perubahan spesifikasi atau jadual peralatan hendaklah diluluskan selepas kajian perubahan nilai dan kos kontrak dilakukan terlebih dahulu. Kontraktor juga perlu mengemukakan pengesahan jaminan kualiti setanding dengan spesifikasi asal.

KEMENTERIAN SUMBER MANUSIA

23. PENGURUSAN PERALATAN PEMBELAJARAN DI INSTITUT LATIHAN, JABATAN TENAGA MANUSIA

23.1. LATAR BELAKANG

23.1.1. Jabatan Tenaga Manusia (JTM) dahulunya dikenali sebagai Jabatan Tenaga Rakyat telah ditubuhkan pada tahun 1967. Tanggungjawab JTM antaranya adalah untuk melahirkan tenaga kerja mahir negara dari peringkat sijil hingga diploma lanjutan melalui kursus-kursus kemahiran yang ditawarkan oleh 3 jenis institut di bawahnya iaitu Institut Latihan Perindustrian (ILP), Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) dan Institut Teknikal Jepun-Malaysia/Japan-Malaysia Technical Institute (JMTI). Objektif penubuhan 3 institut ini adalah untuk melahirkan tenaga kerja mahir bagi memenuhi keperluan sektor perindustrian dan meningkatkan kemahiran pekerja industri bagi membolehkan mereka memberi sumbangan yang lebih berkesan kepada pembangunan negara. ILP menawarkan kursus peringkat sijil dan diploma (tahap 1 hingga 3) manakala ADTEC menawarkan kursus peringkat sijil hingga diploma lanjutan (tahap 1 hingga 5). JMTI pula menawarkan kursus peringkat diploma dan diploma lanjutan (tahap 3 hingga 5).

23.1.2. Setakat bulan Disember 2008, Jabatan Tenaga Manusia mempunyai 27 institut latihan yang terdiri daripada 22 ILP, 4 ADTEC dan 1 JMTI di seluruh negara yang menawarkan pelbagai kursus kemahiran. Antara kursus yang ditawarkan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.1
KURSUS YANG DITAWARKAN SETAKAT BULAN DISEMBER 2008

ILJTM	BILANGAN ILJTM	PERINGKAT KURSUS	BILANGAN KURSUS	CONTOH KURSUS
ILP	22	Sijil	38	Teknologi Mekanik Industri, Pemesinan Am, Kimpalan, Juruelektrik, Automasi Perindustrian, Automotif, Telekomunikasi, CADD Senibina, Perabot, Binaan Bangunan, Komputer, Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara, Seramik, Percetakan
		Diploma	6	Teknologi Binaan Bangunan, Automotif, Komputer, Perisian, Pengeluaran.
ADTEC	4	Sijil	2	Teknologi Penyenggaraan Kapal Terbang (Mekanikal) dan Penyenggaraan Kapal Terbang (Avionik)
		Diploma	12	Teknologi Kimpalan, Pengeluaran, Pembuatan, Jaminan Mutu, Automotif, Elektrik, Telekomunikasi, Penyejukbekuan dan Penyamanan Udara, Komputer
		Diploma Lanjutan	4	Teknologi Kimpalan, Pengeluaran, Jaminan Kualiti, Mekatronik
JMTI	1	Diploma	4	Teknologi Kejuruteraan Mekatronik, Komputer, Elektronik, Pembuatan
		Diploma Lanjutan	4	Teknologi Kejuruteraan Mekatronik, Komputer, Elektronik, Pembuatan
JUMLAH	**27**		**70**	

Nota :
ILP - Institut Latihan Perindustrian
JMTI - Institut Teknikal Jepun-Malaysia
ADTEC - Pusat Latihan Teknologi Tinggi
ILJTM - Institut Latihan, Jabatan Tenaga Manusia

23.1.3. Cawangan Perolehan Kementerian Sumber Manusia (Kementerian) adalah bertanggungjawab terhadap perolehan peralatan pembelajaran di Institut Latihan, Jabatan Tenaga Manusia (ILJTM). Di bawah Rancangan Malaysia Kelapan (RMK-8), sejumlah RM700 juta telah diperuntukkan untuk tujuan perolehan peralatan pembelajaran tersebut dan sejumlah RM441.33 juta daripadanya telah dibelanjakan.

23.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan peralatan pembelajaran di ILJTM telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan memenuhi keperluannya.

23.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

23.3.1. Pengauditan ini dijalankan di Kementerian Sumber Manusia dan Jabatan Tenaga Manusia dengan menyemak fail, rekod dan dokumen yang berkaitan dengan pengurusan peralatan pembelajaran ILJTM dari aspek perolehan, penerimaan, penggunaan, penyenggaraan, penyimpanan dan pelupusan.

23.3.2. Lawatan Audit telah dijalankan di 7 ILP iaitu ILP Kepala Batas, Pulau Pinang; ILP Kuala Langat, Selangor; ILP Miri dan Kota Samarahan, Sarawak; ILP Sandakan, Sabah; ILP Muar, Johor dan ILP Kota Bharu, Kelantan serta ADTEC Shah Alam dan JMTI Pulau Pinang untuk menentukan tahap penggunaan dan penyenggaraan peralatan berkenaan. Selain itu, temu bual dan perbincangan dengan pegawai di peringkat Kementerian, JTM, ILP, ADTEC dan JMTI yang berkenaan juga dijalankan.

23.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September 2008 hingga Mac 2009 mendapati pada umumnya, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan peralatan di Institut Latihan Perindustrian/Pusat Latihan Teknologi Tinggi/Institut Teknikal Jepun-Malaysia yang menyebabkan Kerajaan tidak mendapat *value for money* dan menjejaskan kelancaran pembelajaran. Antara kelemahan ketara yang dikenal pasti adalah tiada bukti menunjukkan kajian pasaran telah dibuat kerana harga peralatan yang dipersetujui jauh lebih tinggi daripada harga pasaran. Selain itu, harga yang ditawarkan oleh pembekal tidak disemak dengan teliti menyebabkan harga peralatan yang sama berbeza dengan ketara di antara Institut Latihan Perindustrian; perolehan peralatan oleh Kementerian yang tidak dirancang dengan teliti serta tidak berasaskan kepada keperluan sebenar telah menyebabkan peralatan bernilai tidak kurang daripada RM3.66 juta masih tidak digunakan atau tidak digunakan secara optimum; penyenggaraan peralatan tidak dibuat dengan teratur di mana wujud beberapa kelemahan seperti peralatan yang rosak semenjak tahun 2004 masih lagi tidak dibuat pembaikan dan proses yang terlibat sebelum peralatan rosak diserahkan kepada kontraktor untuk dibaiki mengambil masa sehingga 284 hari. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

23.4.1. Perolehan Peralatan

23.4.1.1. Pada tahun 2003, Kementerian telah memohon peruntukan berjumlah RM700 juta daripada Kementerian Kewangan bagi membiayai perolehan peralatan latihan di 7 ILP dan 2 ADTEC yang sedang dalam pembinaan. Berdasarkan kepada permohonan tersebut, Kementerian Kewangan pada tahun 2005 telah meluluskan supaya perolehan peralatan bagi 6 ILP dibuat secara rundingan terus, satu ILP secara tender terhad dan 2 ADTEC secara tender khas mengikut siling yang telah ditetapkan iaitu antara RM40 juta hingga RM55 juta bagi setiap ILP/ADTEC kecuali ILP Miri dan ADTEC Perak di mana siling tersebut tidak ditetapkan. Bagi perolehan secara rundingan terus, Kementerian Kewangan telah juga menamakan syarikat yang patut dilantik untuk membekalkan peralatan bagi setiap institut. Daripada 9 ILP/ADTEC tersebut, pihak Audit telah membuat semakan terhadap 3 perolehan secara rundingan terus dan satu perolehan secara tender terhad di ILP. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.2
KAEDAH PEROLEHAN DAN SILING YANG DILULUSKAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN	SILING PROJEK DILULUSKAN OLEH KEM. KEWANGAN (RM Juta)	KAEDAH PEROLEHAN YANG DILULUSKAN	PEMBEKAL
Kepala Batas	45 - 50	Rundingan Terus	Maflink Engineering Sdn. Bhd.
Sandakan	50 - 55	Rundingan Terus	Komponen Utama Sdn. Bhd.
Miri	Tidak Ditetapkan	Rundingan Terus	Naim Cendera Sdn. Bhd.
Kuala Langat	40 - 45	Tender Terhad	Rebound Asia (M) Sdn. Bhd.

23.4.1.2. Jawatankuasa Rundingan Harga telah ditubuhkan oleh Kementerian bagi merundingkan harga ke paras yang terendah seperti mana yang disyaratkan oleh Kementerian Kewangan. Didapati sebahagian keanggotaan Jawatankuasa Rundingan Harga bagi 3 ILP tersebut adalah terdiri daripada pegawai yang sama. Berdasarkan minit mesyuarat rundingan harga, pihak Audit mendapati rundingan telah dibuat mengikut setiap jenis peralatan bagi ILP Kepala Batas dan ILP Sandakan. Bagi ILP Miri, didapati mesyuarat rundingan harga yang pertama telah merundingkan harga mengikut setiap jenis peralatan bagi Kursus Reka Bentuk Produk Industri. Bagaimanapun pada mesyuarat yang kedua, Jawatankuasa Rundingan Harga berpendapat harga yang ditawarkan oleh pembekal masih terlalu tinggi berbanding jumlah peruntukan yang disediakan oleh Kementerian iaitu RM88 juta. Jawatankuasa seterusnya memutuskan supaya pembekal mengemukakan tawaran mengikut jumlah peruntukan Kementerian tanpa ada pengurangan kuantiti dan perubahan spesifikasi manakala penyerahan jenama alternatif perlu mendapat kelulusan Jawatankuasa Penilaian Kementerian. Pembekal diminta menyelaraskan harga setiap peralatan yang munasabah untuk dimuktamadkan. Harga tersebut seterusnya dimuktamadkan tanpa mengadakan rundingan mengikut setiap jenis peralatan.

23.4.1.3. Sungguhpun pada amnya Kementerian dapat mengurangkan antara 16.0% hingga 59.3% daripada harga yang ditawarkan oleh pembekal melalui rundingan yang dibuat namun harga yang telah dipersetujui untuk ILP Kepala Batas dan ILP Sandakan adalah lebih tinggi daripada siling yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Manakala bagi ILP Miri, perbandingan tersebut tidak dapat dibuat kerana tiada siling ditetapkan oleh Kementerian Kewangan. Semakan selanjutnya mendapati Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan antara bulan Disember 2005 hingga Julai 2006 terhadap harga yang dipersetujui. Butiran lanjut seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.3
PERBANDINGAN PARAS HARGA PEROLEHAN

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN	PEMBEKAL	ANGGARAN HARGA PEMBEKAL (RM Juta)	HARGA DIPERSETUJUI (RM Juta)	SILING HARGA DILULUSKAN KEMENTERIAN KEWANGAN (RM Juta)	PERBEZAAN HARGA DIPERSETUJUI DAN SILING (RM Juta)
Kepala Batas	Maflink Engineering Sdn. Bhd.	130.45	55.21	45 - 50	5.21 - 10.21
Sandakan	Komponen Utama Sdn. Bhd.	170.66	69.56	50 - 55	14.56 - 19.56
Miri	Naim Cendera Sdn. Bhd.	104.76	88	*	*
JUMLAH		**405.87**	**212.77**	**95 - 105**	**19.77 - 29.77**

Nota : (*) Tiada Siling Harga Ditetapkan Oleh Kementerian Kewangan

23.4.1.4. Perolehan peralatan bagi ILP Kuala Langat yang dianggarkan oleh Kementerian bernilai RM28 juta telah dibuat secara tender terhad. Namun demikian, Kementerian tidak menetapkan bilangan peralatan yang perlu dibeli dan spesifikasi peralatan yang diperlukan. Semakan Audit mendapati pelawaan menyertai tender telah dibuat pada bulan Mac 2005 kepada 5 syarikat yang dicadangkan oleh Kementerian dan telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan. Semasa tawaran dibuat, Kementerian telah meminta syarikat berkenaan menyenaraikan peralatan yang boleh dibekalkan kepada institut mengikut kursus. Berdasarkan kepada penilaian terhadap peralatan yang ditawarkan, Lembaga Perolehan Kementerian telah memutuskan untuk melantik Rebound Asia (M) Sdn. Bhd. yang menawarkan harga berjumlah RM52 juta memandangkan 727 daripada 776 peralatan yang ditawarkan memenuhi keperluan institut serta dokumen teknikal dan harga yang dikemukakan adalah lengkap. Sehubungan ini, nilai kontrak yang ditetapkan bagi perolehan tersebut adalah berjumlah RM52 juta bagi membekalkan 727 peralatan sahaja kerana 49 peralatan lagi tidak memenuhi keperluan institut. Bagaimanapun pada bulan Ogos 2005, Kementerian telah memohon kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk membeli 49 peralatan tersebut secara rundingan terus dari syarikat yang sama dengan harga berjumlah RM9.49 juta. Permohonan ini telah diluluskan oleh Kementerian Kewangan pada bulan September 2005. Oleh itu, **nilai kontrak dengan Rebound Asia (M) Sdn. Bhd. bagi membekalkan peralatan ke ILP Kuala Langat adalah berjumlah RM61.49 juta yang mana adalah antara 36.6% hingga 53.7% lebih tinggi daripada siling projek yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan.**

23.4.1.5. Mengikut kontrak, syarikat yang dilantik dikehendaki membekalkan peralatan mengikut ILP berdasarkan Percuma Atas Kapal/*Free On Board* (FOB). Semakan Audit mendapati **harga yang ditetapkan dalam kontrak bagi beberapa peralatan yang sama yang dibekalkan kepada ILP menunjukkan perbezaan yang ketara.** Butirannya adalah seperti berikut :-

a. Harga bagi 6 peralatan yang mempunyai model dan spesifikasi yang sama bagi Bengkel Telekomunikasi di ILP Miri, ILP Kepala Batas dan ILP Sandakan yang masing-masingnya dibekalkan oleh Naim Cendera Sdn. Bhd., Maflink Engineering Sdn. Bhd. dan Komponen Utama Sdn. Bhd. didapati berbeza dengan ketara. Perbezaan harga seunit mengikut jenis peralatan berbanding harga terendah dibekalkan kepada ILP adalah antara 18.8% hingga 2,360.5%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.4
PERBANDINGAN HARGA PERALATAN YANG SAMA
UNTUK BENGKEL TELEKOMUNIKASI

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN	PEMBEKAL	HARGA (Unit/Set) (RM)	PERBEZAAN HARGA (%)	KUANTITI DIBELI
***Copper Splicing Kit* (Gambar 23.1)**				
Miri	Naim Cendera	43,757	-	45
Kepala Batas	Maflink Engineering	52,000	18.8	45
Sandakan	Komponen Utama	69,727	59.3	5
***Fibre Splicing Machine* (Gambar 23.2)**				
Miri	Naim Cendera	66,045	-	15
Sandakan	Komponen Utama	110,287	67	5
***CATV Optical Fiber Identifier* (Gambar 23.3)**				
Miri	Naim Cendera	10,624	-	16
Kepala Batas	Maflink Engineering	21,000	97.7	16
Dual DC Power Supply				
Kepala Batas	Maflink Engineering	1,300	-	30
Sandakan	Komponen Utama	3,300	153.8	8
Amplifier / Logarithmic Converter				
Miri	Naim Cendera	38,138	231.6	16
Kepala Batas	Maflink Engineering	11,500	-	16
Sandakan	Komponen Utama	25,100	118.3	2
***Pole Platform* (Gambar 23.4)**				
Miri	Naim Cendera	30,510	2,360.5	6
Kepala Batas	Maflink Engineering	1,240	-	6
Sandakan	Komponen Utama	1,600	29	3

GAMBAR 23.1

Copper Splicing Kit

ILP Miri RM43,757 Setiap Set
ILP Kepala Batas RM52,000 Setiap Set
ILP Sandakan RM69,727 Setiap Set
(13.11.2008)

GAMBAR 23.2

Fibre Splicing Machine

ILP Miri RM66,045 Setiap Set
ILP Sandakan RM110,287 Setiap Set
(30.10.2008)

GAMBAR 23.3

CATV Optical Fiber Identifier

ILP Miri RM10,624 Setiap Unit
ILP Kepala Batas RM21,000 Setiap Unit
(30.10.2008)

GAMBAR 23.4

Pole Platform

ILP Miri RM30,510 Setiap Unit
ILP Kepala Batas RM1,240 Setiap Unit
ILP Sandakan RM1,600 Setiap Unit
(30.10.2008)

b. Harga bagi 4 peralatan yang mempunyai model dan spesifikasi yang sama bagi Bengkel Juru Elektrik di ILP Miri, ILP Kepala Batas dan ILP Sandakan yang masing-masingnya dibekalkan oleh Syarikat Naim Cendera Sdn. Bhd., Maflink Engineering Sdn. Bhd. dan Komponen Utama Sdn. Bhd. didapati berbeza dengan ketara. Perbezaan harga seunit mengikut jenis peralatan berbanding harga terendah dibekalkan kepada ILP adalah antara 32.9% hingga 294.2%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.5
PERBANDINGAN HARGA PERALATAN YANG SAMA
UNTUK BENGKEL JURU ELEKTRIK

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN	PEMBEKAL	HARGA (Unit/Set) (RM)	PERBEZAAN HARGA (%)	KUANTITI DIBELI
***Primary and Secondary Injection Tester Set* (Gambar 23.5)**				
Miri	Naim Cendera	81,084	-	1
Kepala Batas	Maflink Engineering	119,122	46.9	1
Sandakan	Komponen Utama	130,000	60.3	1
Electronic Copyboards Wide Screen				
Miri	Naim Cendera	9,992	47.7	3
Kepala Batas	Maflink Engineering	6,764	-	3

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN	PEMBEKAL	HARGA (Unit/Set) (RM)	PERBEZAAN HARGA (%)	KUANTITI DIBELI
Heavy Duty Ratchet **(Gambar 23.6)**				
Miri	Naim Cendera	2,649	294.2	5
Kepala Batas	Maflink Engineering	672	-	5
Universal Function Generator With Counter				
Kepala Batas	Maflink Engineering	3,975	-	2
Sandakan	Komponen Utama	5,282	32.9	2

GAMBAR 23.5

Primary And Secondary Injection Tester Set

ILP Miri RM81,084 Setiap Set
ILP Kepala Batas RM119,122 Setiap Set
ILP Sandakan RM130,000 Setiap Set
(21.11.2008)

GAMBAR 23.6

Heavy Duty Ratchet

ILP Miri RM2,649 Setiap Unit
ILP Kepala Batas RM672 Setiap Unit
(30.10.2008)

c. Harga bagi 5 peralatan yang mempunyai model dan spesifikasi yang sama bagi Bengkel Penyejukbekuan Dan Penyamanan Udara di ILP Miri, ILP Kepala Batas dan ILP Sandakan yang masing-masingnya dibekalkan oleh Syarikat Naim Cendera Sdn. Bhd., Syarikat Maflink Engineering Sdn. Bhd. dan Syarikat Komponen Utama Sdn. Bhd. didapati berbeza dengan ketara. Perbezaan harga seunit mengikut jenis peralatan berbanding harga terendah dibekalkan kepada ILP adalah antara 30.9% hingga 131.5%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.6
PERBANDINGAN HARGA PERALATAN YANG SAMA
UNTUK BENGKEL PENYEJUKBEKUAN DAN PENYAMANAN UDARA

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN	PEMBEKAL	HARGA SEUNIT (RM)	PERBEZAAN HARGA (%)	KUANTITI DIBELI
Package Unit Air Cooled Condenser **(Gambar 23.7)**				
Miri	Naim Cendera	16,560	-	6
Kepala Batas	Maflink Engineering	32,901	98.7	4
Sandakan	Komponen Utama	38,340	131.5	6
Package Unit Water Cooled Condenser **(Gambar 23.8)**				
Kepala Batas	Maflink Engineering	44,515	-	4
Sandakan	Komponen Utama	64,000	43.8	6
Wall Mounted Split Air Conditioning Unit				
Miri	Naim Cendera	3,864	-	16
Kepala Batas	Maflink Engineering	6,234	61.3	13
Sandakan	Komponen Utama	6,000	55.3	16

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN	PEMBEKAL	HARGA SEUNIT (RM)	PERBEZAAN HARGA (%)	KUANTITI DIBELI
Motor Demonstration Panel				
Kepala Batas	Maflink Engineering	42,000	-	1
Sandakan	Komponen Utama	55,000	30.9	1
Welding Fume Extractor **(Gambar 23.9)**				
Miri	Naim Cendera	34,884	47.8	4
Kepala Batas	Maflink Engineering	23,609	-	4
Sandakan	Komponen Utama	41,580	76.1	4

GAMBAR 23.7

Package Unit Air Cooled Condenser

ILP Miri RM16,560 Setiap Unit
ILP Kepala Batas RM32,901 Setiap Unit
ILP Sandakan RM38,340 Setiap Unit
(21.11.2008)

GAMBAR 23.8

Package Unit Water Cooled Condenser

ILP Kepala Batas RM44,515 Setiap Unit
ILP Sandakan RM64,000 Setiap Unit
(21.11.2008)

GAMBAR 23.9

Welding Fume Extractor

ILP Miri RM34,884 Setiap Unit
ILP Kepala Batas RM23,609 Setiap Unit
ILP Sandakan RM41,580 Setiap Unit
(21.11.2008)

d. Harga bagi 7 peralatan yang mempunyai model dan spesifikasi yang sama bagi pusat sumber di ILP Miri, ILP Kepala Batas, ILP Sandakan dan ILP Kuala Langat yang masing-masingnya dibekalkan oleh Syarikat Naim Cendera Sdn. Bhd., Syarikat Maflink Engineering Sdn. Bhd., Syarikat Komponen Utama Sdn. Bhd. dan Syarikat Rebound Asia (M) Sdn. Bhd. didapati berbeza dengan ketara. Perbezaan harga seunit mengikut jenis peralatan berbanding harga terendah dibekalkan kepada ILP adalah antara 14.7% hingga 455.1%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.7
PERBANDINGAN HARGA PERALATAN YANG SAMA UNTUK PUSAT SUMBER

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN	PEMBEKAL	HARGA SEUNIT (RM)	PERBEZAAN HARGA (%)	KUANTITI DIBELI
USB Ver. 2.0 Memory Drive				
Sandakan	Komponen Utama	221	-	10
Kuala Langat	Rebound Asia	565	155.6	20
80 GB External Firewire Hard Disk				
Sandakan	Komponen Utama	624	-	2
Kuala Langat	Rebound Asia	847	35.7	5
Plastic Card Printer Kit				
Miri	Naim Cendera	14,342	14.7	1
Kepala Batas	Maflink Engineering	12,500	-	1
Sandakan	Komponen Utama	30,480	143.8	1
Kuala Langat	Rebound Asia	28,975	131.8	1
Electrical Paper Drilling Machine				
Miri	Naim Cendera	11,894	197.3	1
Kepala Batas	Maflink Engineering	4,000	-	1
Sandakan	Komponen Utama	5,413	35.3	1
Kuala Langat	Rebound Asia	9,540	138.5	1
Electrical Heavy Duty Stapling Machine (Single Head)				
Miri	Naim Cendera	6,416	220.8	1
Kepala Batas	Maflink Engineering	2,000	-	1
Sandakan	Komponen Utama	9,400	370	1
Kuala Langat	Rebound Asia	11,102	455.1	1
Electrical Heavy Duty Stapling Machine (Double Stapling Head)				
Kepala Batas	Maflink Engineering	6,650	-	1
Sandakan	Komponen Utama	8,320	25.1	1
Kuala Langat	Rebound Asia	9,785	47.1	1
Electrical Paper Guillotine				
Miri	Naim Cendera	41,743	178.3	1
Kepala Batas	Maflink Engineering	15,000	-	1

23.4.1.6. Arahan Perbendaharaan 169 menetapkan bahawa setiap pengurusan perolehan perlu membuat kajian pasaran yang berpatutan supaya perolehan itu adalah yang paling sesuai dan menguntungkan. Kajian hendaklah mengambil kira aspek kualiti, harga, kegunaan, kos penyenggaraan dan faktor lain yang berkaitan. Bagaimanapun, tiada bukti yang menunjukkan kajian pasaran telah dijalankan oleh Kementerian. Pihak Audit telah membuat

perbandingan harga kontrak dengan harga pasaran bagi beberapa peralatan di Kepala Batas, Miri dan Sandakan. **Hasil perbandingan mendapati harga kontrak bagi 4 peralatan di Kepala Batas adalah antara 37.8% hingga 800% lebih tinggi daripada harga pasaran pada tahun perolehan**. Bagi Miri dan Sandakan, perbandingan harga kontrak tidak dapat dibuat dengan harga pasaran tahun perolehan berkenaan kerana maklumat harga tidak diperoleh. Bagaimanapun merujuk kepada Minit Mesyuarat Rundingan Harga bagi perolehan peralatan untuk ILP Miri dan ILP Sandakan yang telah diadakan pada tahun 2006, didapati harga perolehan peralatan secara umumnya telah mengambil kira faktor Sabah sebanyak 8% daripada harga di Semenanjung dan faktor Sarawak sebanyak 10%. Sungguhpun demikian, didapati **harga kontrak perolehan bagi 6 peralatan di Miri dan Sandakan adalah antara 18.8% hingga 2,981.8% lebih tinggi daripada harga pasaran di Semenanjung yang telah dinaikkan dengan 8% atau 10%.** Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.8
HARGA KONTRAK LEBIH TINGGI DARIPADA HARGA PASARAN

INSTITUT LATIHAN PERINDUSTRIAN	NAMA PERALATAN	BUTIRAN PERALATAN	HARGA YANG DIBAYAR (Unit/Set) (RM)	HARGA PASARAN* (Unit/Set) (RM)	PERBEZAAN HARGA (%)	KUANTITI DIBELI
Miri	*AC/DC Tig Welding Machine*	*Miller Syncroware 350LX*	41,429	23,100	79.3	16
	Pole Platform **(Gambar 23.4)**	-	30,510	990	2,981.8	6
	Cordless Impact Drill **(Gambar 23.10)**	*Bosch/GSR12V*	2,169	748	190	6
	Kereta **(Gambar 23.11)**	Proton Wira 1.5 (Baru Tahun 2007)	69,000	51,700 - 53,900	28	2
Sandakan	*Storage Cabinet*	-	2,755	1,620	70.1	30
	Kereta	Proton Wira 1.5 (Terpakai Tahun 2003)	38,500	30,240 - 32,400	18.8	2
	Thumbdrive **(Gambar 23.12)**	*Kingston Data Traveler 1 GB*	480	90	433.3	5
Kepala Batas	*Pole Platform* **(Gambar 23.4)**	-	1,240	900	37.8	6
	Storage Cabinet **(Gambar 23.13)**	-	13,500	1,500	800	30
	Kereta	Proton Wira 1.5 (Terpakai Tahun 2003)	42,000	28,000 - 30,000	40	2
	Torches/Handlamps	*Eveready*	143	35	308.6	3

Nota : ***(*) - Harga Pasaran Bagi Miri Telah Dinaikkan 10% Daripada Harga Di Semenanjung Manakala 8% Bagi Sandakan***

GAMBAR 23.10

ILP Miri

Cordless Impact Drill
Harga Kontrak : RM2,169 Setiap Unit
Harga Pasaran : RM748 Setiap Unit
(08.1.2009)

GAMBAR 23.11

ILP Miri

Kereta Baru
Harga Kontrak : RM69,000 Sebuah
Harga Pasaran : RM53,900 Sebuah
(30.10.2008)

GAMBAR 23.12

ILP Sandakan

Thumbdrive 1GB
Harga Kontrak : RM480
Harga Pasaran : RM90
(21.11.2008)

GAMBAR 23.13

ILP Kepala Batas

Storage Cabinet
Harga Kontrak : RM13,500
Harga Pasaran : RM1,500
(14.11.2008)

Pada pandangan Audit, perbezaan harga yang ketara antara ILP Kepala Batas, Sandakan dan Miri tidak sewajarnya berlaku memandangkan sebahagian keanggotaan Jawatankuasa Rundingan Harga bagi ketiga-tiga ILP itu adalah terdiri daripada pegawai yang sama. Bagi ILP Kuala Langat, perolehan peralatannya yang dibuat secara tender terhad sepatutnya mendapat tawaran yang lebih baik berbanding dengan rundingan terus, namun harga bagi beberapa peralatan yang mempunyai model dan spesifikasi yang sama adalah lebih tinggi daripada yang dibuat secara rundingan terus. Penjimatan perbelanjaan ini hanya dapat dibuat dengan semakan lebih teliti dan menjalankan kajian pasaran untuk dijadikan panduan semasa menentukan harga peralatan.

23.4.2. Penerimaan Peralatan

Mengikut syarat perjanjian, sekiranya pembekal lewat membekalkan peralatan, denda akan dikenakan atas kadar 0.1% daripada nilai peralatan yang tidak dibekalkan dan bilangan hari yang lewat tertakluk kepada denda maksimum 10% dari nilai barang. Bagi peralatan yang tidak diserahkan, Kerajaan boleh membeli bilangan peralatan yang tidak diserahkan daripada pihak ketiga dan lebihan kos perolehan terlibat boleh dituntut daripada pembekal berkenaan. Selain itu, Kerajaan

juga boleh menamatkan perjanjian dan merampas Bon Pelaksanaan. Berdasarkan rekod Kementerian, pihak Audit mendapati 1,922 peralatan pembelajaran bernilai RM1.56 juta lewat dibekalkan oleh Maflink Engineering Sdn. Bhd. kepada ILP Kepala Batas di mana ada penerimaan dibuat selepas 200 hari dari tarikh kontrak tamat. Bagaimanapun, pembekal tersebut telah dikenakan denda berjumlah RM116,484. Lawatan Audit antara 3 hingga 6 Mac 2009 di JMTI, Pulau Pinang pula mendapati 11 item melibatkan 176 peralatan bernilai RM0.83 juta masih belum dibekalkan oleh Qbase Engineering walaupun denda berjumlah RM96,620 telah dikenakan. Semakan selanjutnya mendapati Qbase Engineering telah memohon untuk menarik diri dari membekalkan 11 item tersebut pada bulan Februari 2009 namun Kementerian masih belum memberikan kelulusan. Pihak Kementerian juga tidak dapat merampas Bon Pelaksanaan yang dikemukakan oleh pembekal memandangkan tempoh kuat kuasanya telah tamat. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.9
SENARAI TEMPOH PEMBEKALAN PERALATAN

PEMBEKAL	ILJTM	NILAI KONTRAK (RM Juta)	BILANGAN PERALATAN YANG LEWAT DIBEKAL (Unit)	NILAI PERALATAN YANG LEWAT DIBEKAL (RM Juta)	TEMPOH PERJANJIAN KONTRAK	TARIKH PEMBEKALAN PERALATAN TERAKHIR	TEMPOH KELEWATAN PEMBEKALAN PERALATAN (Hari)
Maflink Engineering Sdn.Bhd.	ILP Kepala Batas	55.21	1,922	1.56	03.07.2006 hingga 02.07.2007	22.01.08	200
Qbase Engineering	JMTI Pulau Pinang	1.87	176	0.83	04.09.2006 hingga 03.09.2007	-	483*

Nota : ***(*) Setakat Bulan Disember 2008***
ILP - Institut Latihan Perindustrian
JMTI - Institut Teknikal Jepun-Malaysia
ILJTM - Institut Latihan, Jabatan Tenaga Manusia

Pada pandangan Audit, sekiranya berlaku kelewatan dalam penyempurnaan pembekalan, penghantaran, pemasangan dan pengujian peralatan, tindakan serta merta hendaklah diambil oleh Kementerian untuk memastikan tempoh sah laku Bon Pelaksanaan dilanjutkan. Selain itu, Kementerian patut mengkaji semula kadar denda yang dikenakan kepada pembekal yang lewat membekalkan peralatan memandangkan kadar sedia ada adalah terlalu rendah.

23.4.3. Penggunaan Peralatan

Lawatan Audit telah dilakukan ke ILP yang dipilih antara bulan September hingga Disember 2008 dan mendapati beberapa peralatan bernilai RM3.66 juta yang telah dibekalkan antara tahun 2001 hingga 2006 masih tidak digunakan atau tidak digunakan secara optimum. Peralatan tersebut tidak digunakan kerana pembeliannya dibuat terlalu awal dan ada juga yang dibeli melebihi keperluan. Maklumatnya adalah seperti berikut :-

23.4.3.1. Di ILP Kota Samarahan, Sarawak, terdapat 9 jenis peralatan bagi Kursus Fabrikasi Logam dan Kursus Juruelektrik Tahap 3 bernilai RM1.42 juta yang diterima antara tahun 2001 hingga 2004 masih belum digunakan pada akhir tahun 2008. Berdasarkan temu bual dan perbincangan dengan tenaga pengajar, pihak Audit difahamkan kursus tersebut akan dijalankan di ILP Kota Samarahan pada awal tahun 2009. Keadaan ini boleh menyebabkan peralatan tersebut terdedah kepada risiko kerosakan/*obsolete* dan kos pembaikan/ penggantiannya perlu ditanggung oleh Kementerian memandangkan tempoh waranti peralatan itu telah pun tamat. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.10
PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN KERANA KURSUS BERKENAAN BELUM DIMULAKAN

NAMA PERALATAN	BILANGAN (Unit/Set)	TARIKH DIBEKALKAN	TARIKH WARANTI TAMAT	HARGA (Unit/Set) (RM)	JUMLAH (RM)
Micro Plasma Welding Machine	5	17.12.2003	17.12.2004	93,160	465,800
Submerged Arc Welding Machine	1	27.01.2004	27.01.2005	75,000	75,000
CNC Turret Punch Press **(Gambar 23.14)**	1	19.06.2001	19.06.2002	593,527	593,527
Step Down Power Transformer (1) **(Gambar 23.15)**	1	15.05.2001	15.05.2002	43,841	43,841
Low Voltage Feeder Pillar	2	19.04.2001	19.04.2002	669	1,338
Spot and Projection Use per Machine **(Gambar 23.16)**	1	09.04.2001	09.04.2002	32,852	32,852
Step Down Power Transformer (2) **(Gambar 23.15)**	1	15.05.2001	15.05.2002	40,824	40,824
Pressure Test Equipment **(Gambar 23.17)**	1	19.09.2001	19.09.2002	60,800	60,800
A Complete Set of a Pulling in Underground Equipment and Accessories **(Gambar 23.18 dan 23.19)**	1	02.10.2001	02.10.2002	101,218	101,218
JUMLAH	**14**				**1,415,200**

GAMBAR 23.14

ILP Kota Samarahan
CNC Turret Punch Press
Harga Perolehan : RM593,527
(26.11.2008)

GAMBAR 23.15

ILP Kota Samarahan
Step Down Power Transformer 1 & 2
Harga Perolehan : RM84,665
(26.11.2008)

GAMBAR 23.16

ILP Kota Samarahan
Spot And Projection Use Per Machine
Harga Perolehan : RM32,852
(26.11.2008)

GAMBAR 23.17

ILP Kota Samarahan
Pressure Test Equipment
Harga Perolehan : RM60,800
(26.11.2008)

GAMBAR 23.18

GAMBAR 23.19

ILP Kota Samarahan
A Complete Set Of A Pulling In Underground Equipment And Accessories
Harga Perolehan : RM101,218
(26.11.2008)

23.4.3.2. Di ILP Miri pula, didapati peralatan yang dibeli untuk Kursus Telekomunikasi melebihi keperluan sebenar menyebabkan sejumlah 55 unit melibatkan 3 jenis peralatan tidak digunakan sejak dibeli pada tahun 2006. Anggaran kos peralatan terlibat adalah berjumlah RM2.24 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.11
PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN KERANA MELEBIHI KEPERLUAN

NAMA PERALATAN	TAHUN DIBELI	HARGA (Unit/Set) (RM)	BILANGAN DIBEKALKAN (Unit/Set)	JUMLAH (Unit/ Set) (RM)	BILANGAN TIDAK DIGUNAKAN SETAKAT DISEMBER 2008 (Unit/Set)	KOS PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN (RM)
Copper Splicing Kit **(Gambar 23.20)**	2006	43,757	45	1,969,086	37	1,619,009
Multimode Connection Termination **(Gambar 23.21)**	2006	32,672	30	980,161	10	326,720
Fiber Optic Test Equipment	2006	36,335	16	581,367	8	290,680
JUMLAH					**55**	**2,236,409**

GAMBAR 23.20

ILP Miri
Copper Splicing Kit
Harga Perolehan : RM43,757
(30.10.2008)

GAMBAR 23.21

ILP Miri
Multimode Connection Termination
Harga Perolehan : RM32,672
(30.10.2008)

Pada pandangan Audit, perolehan peralatan yang tidak dirancang dengan teliti serta tidak berasaskan kepada keperluan sebenar telah menyebabkan berlakunya pembaziran wang awam. Sehubungan itu, Kementerian patut merancang dengan teliti perolehan peralatan bagi memastikan peralatan yang dibeli bukan sahaja dapat digunakan secara optimum tetapi juga memenuhi keperluan dari segi kesesuaian dan kuantitinya.

23.4.4. Penyenggaraan Peralatan

23.4.4.1. Sebelum tahun 2008, penyenggaraan peralatan adalah diuruskan oleh Institut Latihan Perindustrian (ILP)/Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) sendiri. Bagaimanapun mulai tahun 2008, kerja penyenggaraan diserahkan kepada 2 syarikat yang telah dilantik secara rundingan terus oleh Kementerian Kewangan iaitu Regines Resources Sdn. Bhd. dan Rebound Asia (M) Sdn. Bhd.

23.4.4.2. Bagi tempoh tahun 2002 hingga 2006, sejumlah RM15 juta telah diluluskan kepada Kementerian bagi melaksanakan kerja penyenggaraan bangunan dan peralatan pembelajaran di 27 institut latihan di bawah Jabatan Tenaga Manusia. **Pada pandangan Audit, jumlah yang diperuntukkan ini adalah terlalu kecil berbanding dengan bilangan institut yang perlu disenggarakan.** Bagaimanapun pada tahun 2007, Kementerian Kewangan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM110 juta untuk menyenggarakan peralatan pembelajaran di 19 institut dan Kementerian diminta oleh Kementerian Kewangan supaya melantik Regines Resources Sdn. Bhd. dan Rebound Asia (M) Sdn. Bhd. untuk melaksanakan kerja tersebut bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 mengikut institut latihan yang ditetapkan. Regines Resources Sdn. Bhd. sebuah syarikat bumiputera mempunyai modal berbayar berjumlah RM1 juta manakala Rebound Asia (M) Sdn. Bhd. juga sebuah syarikat bumiputera yang mempunyai modal berbayar berjumlah RM1.50 juta. Penyenggaraan peralatan di 8 institut yang lain dibuat oleh ILP berkenaan. Kerja penyenggaraan yang perlu dilakukan oleh kedua-dua syarikat ini meliputi pembaikan dan pencegahan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.12
PERUNTUKAN PENYENGGARAAN PERALATAN
DI INSTITUT LATIHAN, JABATAN TENAGA MANUSIA
BAGI TEMPOH TAHUN 2008 HINGGA 2010

KONTRAKTOR/PEMBEKAL	KOS PEMBAIKAN (RM Juta)	KOS PENCEGAHAN (RM Juta)	BIL. ILJTM TERLIBAT
Regines Resources Sdn. Bhd.	10	45	10
Rebound Asia (M) Sdn. Bhd.	10	45	9

Nota : ***ILJTM - Institut Latihan, Jabatan Tenaga Manusia***

23.4.4.3. Lawatan Audit yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2008 mendapati 12 peralatan yang rosak antara tahun 2004 hingga 2008 di Pusat Latihan Teknologi Tinggi (ADTEC) Shah Alam, ILP Kota Bharu dan ILP Muar masih tidak dibaiki. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.13
PERALATAN ROSAK TETAPI TIDAK DIBAIKI

ILJTM	NAMA PERALATAN	KOS PEROLEHAN (RM)	TAHUN DIBELI	TAHUN ROSAK
Pusat Latihan Teknologi Tinggi Shah Alam	*Cutting Machine (Mecatome)* **(Gambar 23.22)**	308,650	2001	2004
	Digital Hardness Testing Machine	61,467	2001	2006
	Measuring Finescope	165,000	2001	2007
	Eshed Robotec **(Gambar 23.23)**	2,840,129	2001	2005
	FMS for Milling (1) **(Gambar 23.24)**	1,836,000	2001	2007
	FMS for Milling (2)	1,836,000	2001	2007
ILP Kota Bharu	*GMAW/FCAW Machine*	19,890	2002	2008
	Rotor Resistance Starter	2,500	1994	2008
	Squaring Circular Saw	57,000	2001	2008
ILP Muar	*AC/DC Inverter Welding (3 in 1)* **(Gambar 23.25)**	28,254	2001	2006
	AC/DC Inverter Welding (MIG/MAG – 2 in 1)	28,254	2001	2006
	AC/DC Welding	14,100	2001	2006

Nota : ***ILJTM - Institut Latihan, Jabatan Tenaga Manusia***
ILP - Institut Latihan Perindustrian

GAMBAR 23.22

ADTEC Shah Alam
Cutting Machine (Mecatome)
Harga Perolehan : RM308,650
(03.12.2008)

GAMBAR 23.23

ADTEC Shah Alam
Eshed Robotec
Harga Perolehan : RM2,840,129
(03.12.2008)

GAMBAR 23.24

ADTEC Shah Alam
FMS for Milling (1)
Harga Perolehan : RM1,836,000
(03.12.2008)

GAMBAR 23.25

ILP Muar
AC/DC Inverter Welding (3 in 1)
Harga Perolehan : RM28,254
(15.10.2008)

23.4.4.4. Semakan Audit selanjutnya mendapati peralatan yang rosak tidak dibaiki disebabkan sama ada oleh ketiadaan kepakaran atau kesukaran mendapatkan alat ganti. Selain itu, harga pembaikan yang ditawarkan oleh syarikat yang dilantik lebih tinggi berbanding kos perolehan asal. Keadaan ini menyebabkan Kementerian masih belum memberi kelulusan terhadap pelaksanaan kerja pembaikan tersebut. Perbandingan antara kos perolehan asal dan kos pembaikan yang ditawarkan oleh kontraktor adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.14
KEROSAKAN PERALATAN TIDAK DIBAIKI DISEBABKAN OLEH KOS PEMBAIKAN MELEBIHI KOS PEROLEHANNYA

ILP/ KONTRAKTOR	NAMA PERALATAN	MODEL	TAHUN DIBELI	TAHUN ROSAK	KOS PEROLEHAN ASAL (RM)	TAWARAN HARGA PEMBAIKAN (RM)
Kota Bharu **(Regines Resources Sdn. Bhd.)**	*GMAW/FCAW Machine*	*Miller Invision 534MP x 1-22A/USA*	2002	2008	19,890	26,100 - 28,930
	Squaring Circular Saw	*Sicar Optima 3200*	2001	2008	57,000	57,120
Muar **(Regines Resources Sdn. Bhd.)**	*AC/DC Inverter Welding (3 in 1)*	*Kemppi PSS 3500 TU20 + WU10*	2001	2006	28,254	74,250 - 75,250
	AC/DC Inverter Welding (MIG/MAG (2 in 1)	*Kemppi PW 4000 + PW MIG 500*	2001	2006	28,254	37,250 - 97,120
	AC/DC Inverter Welding (MIG/MAG (2 in 1)	*Kemppi PW 4000 + PW MIG 500*	2001	2006	28,254	37,250
	AC/DC Welding	*Miller Syncroware 350 LX*	2001	2006	14,100	29,000 - 34,370

Nota : ILP - Institut Latihan Perindustrian

23.4.4.5. Sebelum sesuatu peralatan dapat diperbaiki, terdapat beberapa prosedur yang perlu dipatuhi seperti melaporkan kerosakan, penilaian oleh kontraktor, penyediaan sebut harga, penilaian teknikal dan harga. Didapati tiada norma masa ditetapkan bagi setiap proses kerja yang terlibat. Semakan Audit mendapati beberapa kes di mana urusan dari melaporkan kerosakan sehingga penilaian harga mengambil masa antara 116 hingga 284 hari. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.15
PROSES MEMBAIKI PERALATAN

ILJTM	NAMA PERALATAN	KOS PEMBAIKAN (RM)	TARIKH					TEMPOH DIAMBIL (Hari)
			i	ii	iii	iv	v	
ILP Muar	*CNC Milling/Turning*	72,000	11.01.08	28.01.08	04.02.08	05.05.08	06.05.08	116
	CNC Universal Milling	70,000	11.01.08	28.01.08	04.02.08	05.05.08	06.05.08	116
	CNC Vertical Machining Centre	44,000	11.01.08	28.01.08	04.02.08	05.05.08	06.05.08	116
	Hydraulic Shear NC Control	56,000	11.01.08	23.01.08	04.02.08	05.05.08	06.05.08	116
ILP Kota Bharu	*Hydraulic Technology Training System*	4,000	23.01.08	26.02.08	03.02.08	19.03.08	21.05.08	119
	AC/DC TIG Machining	11,500	23.01.08	28.01.08	05.02.08	19.03.08	21.05.08	119
	GMAW/FCAW Machining	12,800	23.01.08	28.01.08	05.02.08	19.03.08	21.05.08	119
	Mesin Kimpal SMAW/GTAW	8,000	23.01.08	28.01.08	05.02.08	19.03.08	21.05.08	119
	Pillar Drilling Machine	6,000	23.01.08	28.01.08	05.02.08	19.03.08	21.05.08	119
	Universal Milling Machine	13,000	23.01.08	28.01.08	05.02.08	19.03.08	21.05.08	119
ILP Kota Samarahan	*CNC Milling*	11,500	27.07.07	25.08.07	09.04.08	23.04.08	06.05.08	284
	CNC Vertical Milling Machine	20,000	27.07.07	25.08.07	09.04.08	23.04.08	06.05.08	284
	CNC Vertical Milling Machine	25,000	27.07.07	25.08.07	09.04.08	23.04.08	06.05.08	284
	Hydraulic Shear	9,603	27.07.07	25.08.07	31.03.08	16.04.08	06.05.08	284
ADTEC Shah Alam	*AC/DC GTAW Shielded Metal AVC*	10,000	21.01.08	13.03.08	21.03.08	31.03.08	06.06.08	137
	AC/DC GTAW Shielded Metal AVC	9,100	21.01.08	13.03.08	21.03.08	31.03.08	06.06.08	137
	AC/DC GTAW Shielded Metal AVC	9,800	21.01.08	13.03.08	21.03.08	31.03.08	06.06.08	137
	MIG-MAG FCAW Machine Inverter	8,800	21.01.08	13.03.08	21.03.08	31.03.08	06.06.08	137
JMTI Pulau Pinang	*Kaeser Rotary Type Air Compressor*	14,500	29.05.08	22.07.08	01.08.08	12.08.08	11.12.08	197
	Sodick CNC Wire Cutting Machine	1,800	29.05.08	14.08.08	05.09.08	17.10.08	11.12.08	197
	Bandsaw Machine	5,000	29.05.08	22.07.08	01.08.08	12.08.08	11.12.08	197
	Isolation Amplifier 4 Channel	500	29.05.08	02.07.08	18.07.08	12.08.08	11.12.08	197

Nota : ***ILJTM - Institut Latihan, Jabatan Tenaga Manusia*** ***ILP - Institut Latihan Perindustrian***
ADTEC - Pusat Latihan Teknologi Tinggi ***JMTI - Institut Teknikal Jepun-Malaysia***

i. Laporan Kerosakan
ii. Penilaian Kontraktor
iii. Penerimaan Sebut Harga
iv. Penilaian Teknikal
v. Penilaian Harga

23.4.4.6. Mengikut kontrak, tempoh pembaikan peralatan yang dipersetujui antara kontraktor dan Kementerian perlu diluluskan oleh Jawatankuasa Harga Peringkat Kementerian. Sekiranya kontraktor lewat/gagal melaksanakan kerja tersebut, denda akan dikenakan atas kadar 0.1% daripada nilai perkhidmatan yang lewat dibekalkan dan bilangan hari yang lewat tertakluk kepada 10% dari nilai perkhidmatan atau Bon Pelaksanaannya dirampas. Semakan Audit

terhadap Minit Mesyuarat Jawatankuasa Harga Peringkat Kementerian yang diadakan pada 11 Disember 2008 mendapati tempoh pembaikan peralatan yang ditetapkan kepada kontraktor ialah antara 2 hingga 8 minggu atau 14 hingga 56 hari bergantung kepada kerosakan yang perlu diperbaiki. Bagaimanapun, lawatan Audit pada 3 Mac 2009 di Institut Teknikal Jepun-Malaysia (JMTI) mendapati sejumlah 59 peralatan yang terdiri daripada komputer peribadi dan *sensor cassy module* masih lagi belum siap diperbaiki dan telah melepasi tempoh yang telah dipersetujui selama 28 hingga 35 hari. Tiada bukti yang menunjukkan denda dikenakan terhadap kontraktor atau Bon Pelaksanaan dirampas. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 23.16
PENYENGGARAAN PEMBAIKAN PERALATAN
YANG LEWAT DILAKSANAKAN OLEH PEMBEKAL

KURSUS	PERALATAN	BILANGAN (Unit)	TEMPOH YANG DIPERSETUJUI (Hari)	TARIKH MULA DIPERBAIKI	PATUT SIAP DIPERBAIKI	TEMPOH LEWAT (Hari)
Kejuruteraan Elektronik	Komputer Peribadi	40	28 hingga 42	22.12.2008	01.02.2009	29
	Sensor Cassy Module	4	28 hingga 42	23.12.2008	02.02.2009	28
Kejuruteraan Mekatronik	Komputer Peribadi	15	14 hingga 21	07.01.2009	28.01.2009	35

23.4.4.7. Berdasarkan temu bual dengan tenaga pengajar dan pelajar ILP/ ADTEC, pihak Audit mendapati peralatan rosak yang tidak dibaiki dengan segera telah mengganggu proses pembelajaran. Sebagai contoh di ADTEC Shah Alam, penggunaan peralatan untuk latihan amali oleh pelajar adalah pada nisbah 1 : 5 berbanding standard biasa iaitu pada nisbah 1 : 1. Selain itu, ia juga menyebabkan mereka terpaksa menggunakan kemudahan di Pusat Latihan Pengajar Dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) Shah Alam. Kelewatan kontraktor membaiki peralatan yang telah rosak juga menyebabkan proses pembelajaran di JMTI terganggu.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu merundingkan harga pembaikan peralatan ke paras lebih rendah dengan syarikat yang dilantik atau menimbang pembelian baru sekiranya aset sedia ada tidak ekonomik lagi untuk dibaiki. Kementerian juga perlu menetapkan norma masa bagi setiap proses kerja pembaikan. Selain itu, Kementerian patut mengambil tindakan mengenakan denda atau merampas Bon Pelaksanaan pembekal yang lewat membuat pembaikan peralatan.

23.4.5. Penyelenggaraan Rekod

Berdasarkan Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, sesuatu aset hendaklah didaftarkan bagi memudahkan urusan perekodan dan pengesanan. Pendaftaran aset hendaklah dilaksanakan oleh Pegawai Aset yang dilantik secara bertulis oleh Kementerian. Daftar aset tersebut hendaklah dikemas kini jika berlaku sebarang penambahan/penggantian/penaiktarafan, pemeriksaan aset, pelupusan dan hapus kira. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya peralatan pembelajaran telah didaftarkan dengan teratur kecuali maklumat pemeriksaan

peralatan yang tidak dicatatkan. Selain itu, Buku Log Penggunaan Mesin tidak diselenggarakan di ILP Kota Samarahan dan ILP Sandakan kerana pegawai bertanggungjawab tidak mengetahui tentang keperluan untuk menyelenggarakan Buku Log tersebut.

Pada pandangan Audit, Buku Log Penggunaan Mesin perlu diselenggarakan dengan teratur bagi memudahkan pengesanan dan pemantauan terhadap keadaan peralatan supaya penyenggaraan, pelupusan dan penggantian peralatan dapat dibuat dengan sempurna. Sekiranya berlaku kerosakan, ILP juga dapat memastikan sama ada kerosakan berpunca dari penggunaan maksimum atau kerosakan biasa yang bukan disebabkan oleh penggunaan mesin.

23.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Kementerian Sumber Manusia (Kementerian) telah membelanjakan tidak kurang daripada RM441.33 juta untuk membekalkan peralatan pembelajaran ke 7 ILP di seluruh negara bagi tempoh RMK-8. Perbelanjaan yang besar ini hanya dapat dimanfaatkan jika kelemahan dalam pengurusan peralatan yang berpunca daripada perancangan perolehan tidak dirancang dengan teliti, ketiadaan kajian pasaran dan peralatan tidak diselenggara secara berjadual ditangani segera. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan pengurusan peralatan di Institut Latihan Perindustrian/Pusat Latihan Teknologi Tinggi/Institut Teknikal Jepun-Malaysia di masa akan datang dilaksanakan dengan cara yang cekap, berhemat dan memenuhi keperluan latihan, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara berikut :-

23.5.1. Memastikan jumlah nilai kontrak perolehan peralatan yang dipersetujui antara pembekal dan Kementerian ditetapkan setelah merundingkan harga bagi setiap jenis peralatan dan tidak diputuskan mengikut jumlah peruntukan Kementerian. Sehubungan ini, kajian pasaran perlu dijalankan untuk dijadikan panduan semasa menentukan harga peralatan dalam kontrak dan membuat semakan teliti terhadap harga peralatan yang ditawarkan oleh pembekal.

23.5.2. Bagi membolehkan peralatan yang dibeli memenuhi keperluan dari segi kesesuaian dan kuantitinya, perancangan yang teliti dalam perolehan peralatan perlu diadakan dan pandangan daripada tenaga pengajar patut diperoleh untuk dipertimbangkan.

23.5.3. Mengkaji semula kadar denda yang dikenakan terhadap pembekal yang lewat membekalkan peralatan memandangkan kadar sedia ada adalah terlalu rendah.

23.5.4. Bagi memastikan tidak ada kelewatan dalam melaksanakan kerja penyenggaraan/pembaikan peralatan, Kementerian hendaklah menetapkan norma masa bagi setiap proses kerja yang terlibat dan memastikan norma masa tersebut dipatuhi. Selain itu, Kementerian patut mengambil tindakan terhadap pembekal yang lewat membuat pembaikan peralatan seperti mengenakan denda atau merampas Bon Pelaksanaan.

KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

24. PENGURUSAN PEROLEHAN PERALATAN KURSUS DI KOLEJ KOMUNITI

24.1. LATAR BELAKANG

24.1.1. Penubuhan kolej komuniti adalah untuk merealisasikan konsep pembelajaran sepanjang hayat dalam sistem pendidikan negara amnya dan pengajian tinggi khasnya. Pada tahun 2001, sebanyak 10 kolej komuniti telah ditubuhkan dan bilangan ini telah bertambah menjadi 37 di seluruh negara pada akhir bulan Disember 2008. Kolej ini menawarkan pelbagai jenis kursus untuk lepasan sekolah menengah yang ingin memperbaiki diri sebelum ke pasaran pekerjaan atau melanjutkan pelajaran ke peringkat lebih tinggi. Selain itu, kolej komuniti juga berusaha untuk memupuk budaya pembelajaran dan latihan berterusan melalui kursus pendek yang ditawarkan kepada masyarakat di bawah konsep Pembelajaran Sepanjang Hayat bagi mewujudkan masyarakat berilmu dan bermaklumat.

24.1.2. Pada masa kini, program sepenuh masa yang ditawarkan di kolej komuniti meliputi 22 kursus peringkat sijil dan 5 program peringkat diploma. Antara kursus yang ditawarkan ialah Sijil Multimedia Kreatif (Animasi), Sijil Teknologi Pembuatan Bersepadu dan Diploma Teknologi Elektrik (Pemasangan dan Perkhidmatan). Kolej komuniti juga menawarkan pelbagai kursus jangka pendek yang relevan dengan keperluan masyarakat setempat bagi meningkatkan kualiti kehidupan mereka. Setiap kolej yang dibina dilengkapkan dengan peralatan kursus dan perabot di samping prasarana teknologi maklumat dan komunikasi supaya dapat memenuhi keperluan semasa yang berteknologi tinggi. Antara peralatan kursus yang dibekalkan adalah *Air Conditioning Simulator* dan *Recovery and Recyling Machine* untuk Kursus Penyejukan Dan Penyaman Udara, *Document Camera/Visualizer* dan *Portable Lighting Equipment* untuk Kursus Multimedia Kreatif, *Food Warmer Dome* dan *Chafing Dish* untuk Kursus Hotel Dan Katering serta *Reservation and Ticketing Software* dan *Multimedia Preparation Software Set* untuk Kursus Pelancongan Dan Pengembaraan.

24.1.3. Perolehan peralatan secara tender diuruskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi (Kementerian) manakala perolehan secara sebut harga diuruskan oleh kolej komuniti yang berkenaan. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, Kementerian telah menandatangani 25 kontrak bagi pembelian peralatan kursus berjumlah RM23.14 juta. Selain itu, sebanyak 75 sebut harga bagi perolehan peralatan kursus bernilai RM6.48 juta telah dilaksanakan oleh 10 kolej komuniti yang dilawati. Jumlah peruntukan dan perbelanjaan bagi perolehan peralatan kursus untuk tempoh tahun 2006 hingga 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.1
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEROLEHAN PERALATAN KURSUS BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

TAHUN	PERUNTUKAN DILULUSKAN (RM Juta)	PERBELANJAAN (RM Juta)	% BELANJA
2006	31.61	20.03	63.4
2007	45.00	38.97	86.6
2008	21.50	21.07	98.0
JUMLAH	**98.11**	**80.07**	**81.6**

24.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan perolehan peralatan kursus di kolej komuniti telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur, berhemat dan memenuhi keperluannya.

24.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan yang dijalankan adalah meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pengurusan perolehan peralatan kursus di kolej komuniti. Semakan telah dibuat terhadap rekod, fail dan dokumen berkaitan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 di peringkat Kementerian dan 10 kolej komuniti serta 7 cawangannya di negeri seperti di **Jadual 24.2**. Temu bual dan perbincangan dengan pegawai yang terlibat di peringkat Kementerian dan kolej komuniti telah dijalankan. Selain itu, pihak Audit juga telah mengedarkan borang soal selidik kepada pensyarah di kolej komuniti yang dilawati bagi mendapatkan maklum balas berkenaan penggunaan peralatan kursus yang dibekalkan.

JADUAL 24.2
SENARAI KOLEJ KOMUNITI YANG DIAUDIT

NEGERI	KOLEJ KOMUNITI	CAWANGAN
Sabah	Tawau	Semporna
Kedah	Langkawi	-
	Bandar Darulaman	Bandar Baharu dan Jerai
Johor	Pasir Gudang	Tanjung Piai
	Bandar Penawar	-
Selangor	Kuala Langat	Klang
	Selayang	-
Pahang	Bentong	Raub
Melaka	Bukit Beruang	-
Negeri Sembilan	Jempol	Felda Palong

24.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos 2008 hingga Februari 2009 mendapati beberapa kelemahan dalam pengurusan perolehan peralatan kursus di kolej komuniti seperti kelemahan dalam merancang perolehan mengakibatkan peralatan yang

diperlukan oleh kolej komuniti tidak dibekalkan, peralatan yang dibeli tidak digunakan secara optimum kerana perolehannya melebihi keperluan/tidak diperlukan/tidak sesuai; peralatan lewat dibekalkan oleh kontraktor; peralatan belum diujilari sungguhpun bayaran telah dibuat dan peralatan diletakkan ditempat yang tidak sesuai/kurang selamat. Penyelenggaraan rekod harta modal juga tidak dibuat dengan lengkap dan tidak kemas kini. Penjelasan lanjut berhubung perkara yang dibangkitkan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

24.4.1. Kelemahan Perancangan Dalam Perolehan Peralatan Kursus

Semakan Audit mendapati kelemahan dalam perancangan perolehan mengakibatkan ada peralatan yang diperlukan oleh kolej komuniti tidak dibekalkan, peralatan tidak digunakan secara optimum disebabkan perolehannya dibuat melebihi keperluan/tidak diperlukan/tidak sesuai. Terdapat juga kes di mana kolej komuniti terpaksa menyewa peralatan yang lebih sesuai untuk digunakan. Maklumat lanjut adalah seperti berikut :-

24.4.1.1. Sejumlah 35 jenis peralatan yang diperlukan oleh 10 kolej komuniti untuk Kursus Teknologi Maklumat sepatutnya dibekalkan oleh Syarikat Rangkaian M & E Sdn. Bhd. yang dilantik oleh Kementerian pada tahun 2005. Bagaimanapun, syarikat tersebut gagal membekalkannya dan Kementerian telah merampas Bon Pelaksanaannya bernilai RM99,972 pada bulan Julai 2008. **Sehingga bulan April 2009, Kementerian masih belum melantik pembekal baru bagi memperoleh peralatan tersebut.** Antara peralatan yang diperlukan mengikut kolej komuniti adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.3
PERALATAN KURSUS TEKNOLOGI MAKLUMAT YANG DIPERLUKAN

KOD ITEM	ITEM	KOLEJ KOMUNITI									
		MENTAKAB	BANDAR PENAWAR	SEGAMAT 2	GERIK	PASIR SALAK	SUNGAI SIPUT	PAYA BESAR	ALOR GAJAH	KUALA LANGAT	BENTONG
FML 1	*Multimedia Projector*	✓			✓	✓	✓	✓			
FML 2	*Scanner*	✓		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	
FML 3	*Digital Video Camera*			✓							
FML 5	*Software :-*										
	5.1 Adobe Photoshop		✓	✓							✓
	5.2 Adobe Premier		✓	✓		✓	✓	✓	✓	✓	✓
	5.3 Macromedia Director		✓	✓	✓						✓
	5.4 Macromedia Flash		✓	✓							✓
	5.5 Dreamweaver Ultradev	✓	✓	✓	✓						✓
	5.6 Sound Forge	✓	✓	✓							✓
	5.7 Norton Ghost	✓	✓	✓							✓
FPL 2	*Personel Computer 1 (Lecturer)*	✓	✓		✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
FPL 3	*Personel Computer 2 (Student)*		✓	✓							✓
FPL 5	*Uninterruptable Power Supply (UPS)*			✓							

KOD ITEM	ITEM	KOLEJ KOMUNITI									
		MENTAKAB	BANDAR PENAWAR	SEGAMAT 2	GERIK	PASIR SALAK	SUNGAI SIPUT	PAYA BESAR	ALOR GAJAH	KUALA LANGAT	BENTONG
FPL 8	*Software :-*										
	8.1 MS Windows 2003 Server Installation CD		✓				✓				✓
	8.2 MS Office Profesional with Frontpage Installation CD	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
	8.3 MS Office Profesional with Client License	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
	8.4 MS Visual Studio Enterprise Installation CD		✓								✓
	8.5 MS Visual Studio Client License	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
	8.6 MS SQL Server	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
	8.7 MS SQL Client License	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
	8.8 Microsoft Project 2003 Client License	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
	8.9 Norton Ghost	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
FPL 9	*Laser Printer A4*		✓	✓	✓						✓
FPL 10	*LAN (SET)*				✓						✓
FPL 11	*ISDN Modem*				✓						
FIL 1	*Computer Troubleshooting Trainer*										✓
FIL 4	*Digital Multimeter*				✓						
FIL 6	*Soldering And Desoldering Station*	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	
FIL 7	*Personel Computer*		✓	✓	✓					✓	✓
FIL 8	*Laser Printer A4*	✓	✓			✓	✓	✓	✓	✓	✓
FIL 10	*Multimedia Projector*	✓			✓	✓	✓	✓			
FIL 11	*Software :-*										
	11.1 Linux Red Hat	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
	11.2 MS Windows 2003 Server		✓			✓	✓	✓	✓	✓	✓
FIL 15	*Switch*	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓	✓
FIL 16	*Electronic Repairing Hand Tools Kit*				✓						

Nota : ***✓- Belum Dibekalkan***

24.4.1.2. Kolej Komuniti Kuala Langat menyewa peralatan bagi Kursus Teknologi Elektrik untuk membolehkan Penilaian Dalam Kelas [*Classroom Assessment Technique* (CAT)] bagi 3 modul dibuat terhadap pelajar. Tempoh kontrak sewaan peralatan tersebut adalah daripada bulan Mac 2008 hingga bulan Februari 2009 dengan kos sewaan berjumlah RM137,473. Peralatan ini terpaksa disewa kerana ia **tidak disenaraikan semasa perolehan peralatan bagi Kursus Teknologi Elektrik dibuat sungguhpun hasil penilaian CAT menyumbang 60% kepada markah kursus**. Senarai peralatan yang disewa adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.4
PERALATAN KURSUS TEKNOLOGI ELEKTRIK YANG DISEWA OLEH KOLEJ KOMUNITI KUALA LANGAT

KOD ITEM	PERALATAN	KUANTITI
ETE 1	*Active Machine Test Stand*	2
ETE 2	*Rubber Coupling Sleeve*	2
ETE 3	*Coupling Guard*	2
ETE 4	*Universal Rheostat*	2
ETE 5	*DC Multi-circut Compound Wound Machines (industrial line)*	2
ETE 6	*EEM2 DC Multi-circut, Compound Wound Machines 0.3kW (GB) - Literature*	1
ETE 7	*Three Phase Star Delta Starter*	1
ETE 8	*Autotransformer Starter*	1
ETE 9	*Three Phase Primary Resistence Starter*	1
ETE 10	*Forward Reverse Starter*	1
ETE 11	*Power Supply 0-24V, AC 5A (Varying AC)*	2

24.4.1.3. Di Kolej Komuniti Bandar Penawar, pihak kolej perlu menyewa mesin kimpalan iaitu *TIG Welding* dan *MIG Welding* serta *PLASMA Cutter* untuk kegunaan pelajar bagi Kursus Teknologi Pembinaan kerana peralatan yang ada tidak sesuai dengan keperluan terkini. Peralatan telah disewa mulai bulan Mei 2008 dan setakat tarikh pengauditan pada bulan Februari 2009, kolej telah membayar kos sewaan peralatan untuk tempoh 5 bulan berjumlah RM22,500. Selain itu, didapati juga kontrak sewaan tidak ditandatangani antara pihak kolej dengan pembekal bagi menjaga kepentingan kolej. Sebaliknya, pihak kolej hanya mengeluarkan pesanan tempatan kepada penyewa. Butiran mengenai sewaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.5
PERALATAN KURSUS TEKNOLOGI PEMBINAAN YANG DISEWA OLEH KOLEJ KOMUNITI BANDAR PENAWAR

PERALATAN	KUANTITI	SEWAAN SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
TIG Welding	3	650	1,950
MIG Welding	3	650	1,950
PLASMA Cutter	1	600	600
JUMLAH SEWAAN SEBULAN			**4,500**
JUMLAH SEWAAN BAGI 5 BULAN			**22,500**

24.4.1.4. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada pensyarah melalui borang soal selidik yang diedarkan, **terdapat juga 46 jenis peralatan yang lain tidak dibekalkan kerana ia tidak disenaraikan semasa perolehan dibuat oleh Kementerian atau disebabkan oleh kontrak pembekalannya ditamatkan. Peralatan ini diperlukan oleh pelajar untuk pelaksanaan modul tertentu bagi kursus seperti Teknologi Maklumat, Penyenggaraan Bangunan, Teknologi Pembinaan dan lain-lain.** Berikut diberikan beberapa contoh peralatan yang diperlukan :-

JADUAL 24.6
PERALATAN YANG DIPERLUKAN TETAPI TIDAK DIBEKALKAN

KOLEJ KOMUNITI	KURSUS	MODUL	PERALATAN
Bandar Penawar	Teknologi Maklumat	TTM 310	*Networking Technology Trainer, Modem, Modem Tester, Workbench* dan *Stool*
		TTM 312	*Personel Computer I (Lecturer)* dan *Personel Computer II (Student)*
		TTM 312	*Software MS Office Premium Installation CD, Software MS Office Premium Client License, Digital Still Camera, Digital Video Camera, Technician Toolbox Kit, Color Laser Printer A4* dan *Inkjet Color Printer A3*
		TTM 102	*Software Borland C*
		TTM 309	*Software Windows 2000, Software Windows NT* dan *Software Linux*
	Penyenggaraan Bangunan	BBM 103	*Grinder*
	Teknologi Pembinaan	BCT 202	Tukul Anjal dan Ultrasonik
		BCT 204	*Software Autocadd*
		BCT 303	*Proba Machintosh* dan *Peralatan Ujian Kandungan Kelembapan*
Tawau	Sistem Komputer Dan Sokongan	ESS 311	*Multimeter*
	Teknologi Pembinaan	VAU 102	*Water Compressor*
		VAU 310	Gas Untuk Mesin Kimpalan TIG Dan MIG
		VAU 207	*Torque Angle Gauge*
		VAU 102 VAU 207 VAU 308 VAU 309	*Waste Oil Drain, Vacuum Oil Exctracting Machine and Brake* dan *Engine Stand*
		VAU 207	*Telescopic Transmission Jack*
Kuala Langat	Multimedia Kreatif (Animasi)	MPM 1304 MAS 2407	Komputer
	Teknologi Elektrik	ETE 209 ETE 107 ETE 210	*DC Machine, Universal Reostat, AC Generator, DC Motor* dan *Meter Torque*
	Teknologi Pembuatan Perabot	BFM 107 BFM 207 BFM 307	*Compressor*
Bandar Darulaman	Teknologi Elektrik	ETE 209	Motor AT
		ETE 107	Penjana AT
		ETE 210	*3 Phase Slip Ring Motor*
		ETE 209	*Inverter*
Bentong	Teknologi Maklumat	TTM 312	Komputer

24.4.1.5. Lawatan ke Kolej Komuniti Langkawi dan Bandar Penawar mendapati **beberapa peralatan tidak digunakan secara optimum atau langsung tidak digunakan** disebabkan oleh beberapa faktor seperti peralatan dibekalkan melebihi keperluan, peralatan tidak diperlukan, tidak sesuai dan fungsi peralatan yang terhad. Antara contoh peralatan yang terlibat adalah seperti di jadual dan gambar berikut :-

JADUAL 24.7
PERALATAN TIDAK DIGUNAKAN SECARA OPTIMUM/LANGSUNG TIDAK DIGUNAKAN

KOLEJ KOMUNITI	PERALATAN	LOKASI	JUMLAH HARGA (RM)	CATATAN
Langkawi	*12 Juicer Set* **(Gambar 24.1)**	Makmal Matematik Dan Sains	1,176	Peralatan Dibekalkan Melebihi Keperluan
	6 Conveyer Belt Assemble **(Gambar 24.2)**		3,300	
Bandar Penawar	*Drying Oven* **(Gambar 24.3)**	Makmal Sains	1,460	Tiada Keperluan
	Counter Top Distilleer **(Gambar 24.4)**		1,150	
	5 Dumpy Level **(Gambar 24.5)**	Bengkel Ukur	9,340	
	5 Tube Bender **(Gambar 24.6)**	Bengkel Penyaman Udara	1,340	
	2 Ten Second Electronic Digital Theodolite **(Gambar 24.7)**	Bengkel Ukur	8,676	Alat Tidak Dapat Mengukur Jarak Secara Digital
	Hose Portable Dust Extractor **(Gambar 24.8)**	Bengkel Kayu	2,086	*Hose* Yang Dibekalkan Pendek
Bentong	*Air Entrainment Meter* **(Gambar 24.9 dan 24.10)**	Teknologi Pembinaan	7,276	Injap Udara Tidak Sepadan Dengan Pam Yang Dibekalkan
Tawau	*TIG Welding* **(Gambar 24.11)**	Bengkel Automotif	8,710	Gas Karbon Dioksida Dan Gas Argon Sukar Diperoleh Di Pasaran Tempatan
	MIG Welding **(Gambar 24.11)**	Bengkel Automotif	8,500	
Bandar Penawar	*4 Nitrogen Gas Cylinder* **(Gambar 24.12)**	Bengkel Penyaman Udara	5,760	Perlu Komponen Lain Untuk Membolehkan Ia Digunakan

GAMBAR 24.1

Kolej Komuniti Langkawi
- Juicer Set
(11.08.2008)

GAMBAR 24.2

Kolej Komuniti Langkawi
- Conveyer Belt Assemble
(11.08.2008)

GAMBAR 24.3

Kolej Komuniti Bandar Penawar
- Drying Oven
(12.02.2009)

GAMBAR 24.4

Kolej Komuniti Bandar Penawar
- Counter Top Distilleer
(12.02.2009)

GAMBAR 24.5

Kolej Komuniti Bandar Penawar
- Dumpy Level
(12.02.2009)

GAMBAR 24.6

Kolej Komuniti Bandar Penawar
- Tube Bender
(12.02.2009)

GAMBAR 24.7

Kolej Komuniti Bandar Penawar
- Ten Second Electronic Digital Theodolite
(12.02.2009)

GAMBAR 24.8

Kolej Komuniti Bandar Penawar
- Hose Portable Dust Extractor
(12.02.2009)

GAMBAR 24.9

GAMBAR 24.10

Kolej Komuniti Bentong
- Air Entrainment Meter
(22.10.2008)

GAMBAR 24.11

Kolej Komuniti Tawau
- MIG Welding Dan TIG Welding
(29.07.2008)

GAMBAR 24.12

Kolej Komuniti Bandar Penawar
- Nitrogen Gas Cylinder
(12.02.2009)

24.4.1.6. Berdasarkan maklum balas melalui borang soal selidik yang diterima pada bulan Februari 2009 daripada pensyarah Kolej Komuniti Tawau, terdapat **10 peralatan bernilai RM494,518 untuk Kursus Diploma Automotif yang diterima sejak tahun 2002 dan 2004 masih tidak digunakan.** Ini disebabkan kursus tersebut yang dirancang diadakan di Kolej Komuniti Tawau masih belum dijalankan. Antara contoh peralatan yang langsung tidak digunakan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.8
PERALATAN KURSUS DIPLOMA AUTOMOTIF
YANG BELUM DIGUNAKAN DI KOLEJ KOMUNITI TAWAU

PERALATAN	TARIKH TERIMA	HARGA (RM)
Compression Tester For Diesel Engine	01.12.2002	3,920
Injector Nozzle Tester	01.12.2002	10,395
Injector Dismantling Jig	01.12.2002	1,283
Injector Nozzle Cleaning Kit	01.12.2002	1,200
Diesel Timing Gun	01.12.2002	3,920
Diesel Engine 4 Cylinder Distributor Type	01.10.2002	4,800
Diesel Engine 4 Cylinder In-line Type	01.10.2002	5,000
DPA Fuel Injection Pump Tool Kit	08.11.2002	14,000
Petrol Fuel Injection Training Unit	2004	323,000
Diesel Fuel Injection Pump Test Bench	2004	127,000
JUMLAH		**494,518**

Pada pandangan Audit, bagi memastikan pelaksanaan kursus tidak terjejas, peralatan yang diperoleh memenuhi kehendak modul dan dapat digunakan secara optimum, perancangan dalam perolehan peralatan kursus perlu dibuat secara menyeluruh. Bagi tujuan ini, Kementerian perlu mendapatkan pandangan daripada pensyarah kursus berkenaan. Bagi kes di mana peralatan gagal dibekalkan oleh pembekal, Kementerian perlu mengambil tindakan segera untuk mendapatkan peralatan tersebut dengan melantik pembekal baru. Selain itu, bagi peralatan yang melebihi keperluan, agihan boleh dibuat kepada kolej komuniti lain yang memerlukan peralatan tersebut.

24.4.2. Kelewatan Bekalan Peralatan Kursus

24.4.2.1. Daripada 21 kontrak perolehan secara tender yang disemak, pihak Audit mendapati beberapa peralatan yang dipesan melalui 14 kontrak (melibatkan 8 pembekal) bernilai RM15.35 juta lewat dibekalkan **kepada 16 kolej komuniti antara 5 hingga 395 hari**. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan nilai peralatan yang terlibat. Antara peralatan yang lewat dibekalkan adalah *Bench Drill*, *Belt And Disc Sander* dan *Portable Dust Extractor*. Satu daripada pembekal tersebut iaitu **VSS System (M) Sdn. Bhd. didapati lewat membekalkan peralatan untuk kesemua 6 kontrak yang**

diberi kepadanya. Semakan Audit selanjutnya mendapati setakat bulan November 2008, Kementerian telah mengenakan denda berjumlah RM486,286 kepada kesemua 8 pembekal yang lewat membuat bekalan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.9
PERALATAN LEWAT DIBEKALKAN

JENIS KURSUS	KOLEJ KOMUNITI	NAMA KONTRAKTOR	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KELEWATAN	JUMLAH DENDA (RM)
Fesyen Dan Pakaian	- Mentakab - Gerik	VSS System (M) Sdn. Bhd. Modal Berbayar : RM5 juta Modal Dibenarkan : RM5 juta	326,962	54 - 56 hari	1,451
Pemprosesan Dan Kawalan Mutu Makanan (Kategori Makmal Analisis)	- Pasir Salak - Jelebu		381,221	10 - 72 hari	6,347
Hotel Dan Katering	Rompin		399,990	7 hari	1,014
Lanskap Dan Pengurusan Nurseri	- Selandar - Alor Gajah		1,572,007	9 - 395 hari	97,904
Penyenggaraan Bangunan (Bengkel Elektrik Dan Elektronik)	- Mentakab - Bandar Penawar		333,435	9 - 38 hari	7,611
Penyenggaraan Bangunan (Bengkel Kerja Kayu Dan Kerja Bata)	- Mentakab - Bandar Penawar		224,951	33 - 223 hari	28,856
Bakeri Dan Konfeksionari	Ledang	Purnama Damai Sdn. Bhd. Modal Berbayar : RM2 juta Modal Dibenarkan : RM10 juta	733,137	5 - 45 hari	27,510
Penyenggaraan Bangunan (Bengkel Kerja Paip/ Sanitasi, Fabrikasi Logam Dan Penyaman Udara)	- Mentakab - Bandar Penawar		766,051	5 - 305 hari	95,678
Sijil Automotif	- Pasir Salak - Sungai Siput - Gerik - Ledang	QBase Engineering (Syarikat Usaha Sama)	2,265,318	30 - 149 hari	49,839
Teknologi Elektrik (Pemasangan Dan Perkhidmatan)	- Rompin - Segamat 2 - Sungai Siput - Paya Besar - Jelebu - Alor Gajah - Kuala Langat - Bentong	MZ Network Sdn. Bhd. Modal Berbayar : RM2 juta Modal Dibenarkan : RM5 juta	2,424,910	5 - 309 hari	45,969
Sistem Komputer Dan Sokongan	- Selandar - Paya Besar - Jasin - Jelebu - Alor Gajah	CD Integrated Sdn. Bhd. Modal Berbayar : RM1 juta Modal Dibenarkan : RM1 juta	3,096,403	5 - 281 hari	42,389
Teknologi Pembinaan	- Bandar Penawar - Jelebu - Bentong	Refzen (M) Sdn. Bhd. Modal Berbayar : RM1 juta Modal Dibenarkan : RM1 juta	1,747,631	6 - 206 hari	55,323
Teknologi Pembuatan Perabot (Bengkel Pembuatan Perabot)	- Gerik - Kuala Langat - Mentakab	Kosijaya Didatic Sdn. Bhd. Modal Berbayar : RM2 juta Modal Dibenarkan : RM5 juta	801,600	5 - 74 hari	21,846

JENIS KURSUS	KOLEJ KOMUNITI	NAMA KONTRAKTOR	NILAI KONTRAK (RM)	TEMPOH KELEWATAN	JUMLAH DENDA (RM)
Hotel Dan Katering	Selayang	Kad Marketing Sdn. Bhd. Modal Berbayar : RM1 juta Modal Dibenarkan : RM1 juta	279,783	24 - 72 hari	4,549
JUMLAH			**15,353,399**	**5 - 395 hari**	**486,286**

24.4.2.2. Mengikut maklum balas pensyarah di kolej berkenaan, pada umumnya kelewatan bekalan peralatan telah menyebabkan proses pengajaran dan pembelajaran terjejas seperti kelas terpaksa dibuat penjadualan semula, pelajar terpaksa berkongsi peralatan dan peralatan yang kurang sesuai terpaksa digunakan. Kolej juga terpaksa menyewa peralatan yang menyebabkan perbelanjaan tambahan.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu mengambil tindakan bagi memastikan baki peralatan yang masih belum diterima oleh kolej komuniti terlibat dibekalkan oleh pembekal dengan segera.

24.4.3. Peralatan Belum Diujilari

Bagi peralatan yang memerlukan pembekal membuat pemasangan, pengujian dan latihan, pembayaran penuh hanya akan dibuat sekiranya peralatan tersebut telah dipasang dan diuji dengan memuaskan serta latihan telah sempurna dijalankan. **Di Kolej Komuniti Langkawi, didapati peralatan untuk Kursus Pelancongan Dan Pengembaraan yang bernilai RM87,800 masih belum diujilari sejak diterima pada bulan November 2007 sungguhpun bayaran telah dijelaskan oleh pihak kolej pada bulan Disember 2007.** Memandangkan tempoh jaminan telah tamat pada bulan November 2008, ini akan mendedahkan Kerajaan menanggung kos pembaikan sekiranya kerosakan peralatan berlaku. Butiran mengenai peralatan terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.10
PERALATAN BELUM DIUJILARI DI KOLEJ KOMUNITI LANGKAWI

PERALATAN	TARIKH TERIMA	KOS (RM)
Electronic Whiteboard **(Gambar 24.13)**	15.11.2007	8,800
Lifeguard Boat (Rubber) Engine **(Gambar 24.14)**	15.11.2007	23,000
Scrubbing Machine **(Gambar 24.15 dan 24.16)**	10.11.2007	6,000
Point Of Sales System **(Gambar 24.17 dan 24.18)**	10.11.2007	50,000
JUMLAH		**87,800**

GAMBAR 24.13

Kolej Komuniti Langkawi
- Electronic Whiteboard
(11.08.2008)

GAMBAR 24.14

Kolej Komuniti Langkawi
- Lifeguard Boat (Rubber) Engine
(11.08.2008)

GAMBAR 24.15

GAMBAR 24.16

Kolej Komuniti Langkawi
- Scrubbing Machine
(11.08.2008)

GAMBAR 24.17

GAMBAR 24.18

Kolej Komuniti Langkawi
- Point Of Sales System
(11.08.2008)

24.4.4. Penempatan Peralatan Tidak Sesuai Dan Kurang Selamat

Lawatan Audit ke 10 kolej komuniti yang dipilih mendapati secara umumnya penempatan peralatan adalah memuaskan kecuali perkara berikut :-

24.4.4.1. Di Kolej Komuniti Langkawi, Selayang dan Bentong, peralatan kursus seperti komputer, peralatan memasak dan peralatan ukur **ditempatkan di dalam bilik/stor yang tidak dilengkapi dengan jeriji besi seperti di Gambar 24.19 dan 24.20. Ini boleh mendedahkan peralatan tersebut kepada risiko kecurian.** Bagi Kolej Komuniti Selayang, pihak Audit dimaklumkan jeriji besi tidak dipasang di stor berkenaan kerana pihak kolej telah memasang CCTV. Bagaimanapun adalah lebih wajar jeriji dipasang untuk meningkatkan tahap keselamatan.

GAMBAR 24.19

Kolej Komuniti Langkawi
- Beroperasi Secara Sementara Di Aras Bawah Island Plaza Tidak Dilengkapi Jeriji Besi
(11.08.2008)

GAMBAR 24.20

Kolej Komuniti Selayang
- Stor Yang Menempatkan Peralatan Dapur Tidak Dilengkapi Jeriji Besi
(17.09.2008)

24.4.4.2. Berdasarkan kepada manual penggunaan peralatan, peralatan *Automotic Recording Vicat Apparatus* perlu ditempatkan di ruangan yang bebas habuk. Bagaimanapun pemeriksaan Audit di Kolej Komuniti Bentong dan Bandar Penawar mendapati peralatan ini ditempatkan di ruangan terbuka yang menyebabkannya berhabuk dan ini boleh menjejaskan fungsi peralatan **(Gambar 24.21 dan 24.22)**.

GAMBAR 24.21

Kolej Komuniti Bentong
- Bengkel Konkrit Menempatkan Automotic Recording Vicat Apparatus Berhabuk
(22.10.2008)

GAMBAR 24.22

Kolej Komuniti Bandar Penawar
- Bengkel Konkrit Menempatkan Automotic Recording Vicat Apparatus Berhabuk
(12.02.2009)

24.4.4.3. Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia menghendaki supaya setiap mesin angkat memiliki Perakuan Kelayakan Mesin Angkat yang dikeluarkannya bagi menjamin keselamatan pengguna mesin tersebut. Semakan Audit mendapati **mesin angkat di Kolej Komuniti Bandar Darulaman, Selayang dan Jempol tidak mempunyai perakuan tersebut.** Oleh itu, tahap keselamatan untuk menggunakan mesin tersebut tidak dapat ditentukan. Contoh mesin angkat adalah seperti di **Gambar 24.23 dan 24.24.**

GAMBAR 24.23

GAMBAR 24.24

Kolej Komuniti Jempol
- Mesin Angkat Tidak Mempunyai Perakuan Kelayakan Mesin Angkat
(23.01.2009)

24.4.4.4. Di Kolej Komuniti Bandar Penawar pula, didapati 5 bengkel bagi Kursus Penyenggaraan Bangunan dan satu bengkel bagi Kursus Teknologi Pembinaan **hanya mempunyai 1 pintu *roller shutter***. Keadaan ini boleh mengancam keselamatan pelajar dan pensyarah apabila berlaku kecemasan. Pihak kolej telah membuat pengubahsuaian dengan menambah 1 pintu *roller shutter* pada 2 bengkel dengan kos sebanyak RM4,004. Bagaimanapun peruntukan kewangan masih diperlukan untuk membuat tambahan pintu *roller shutter* bagi 4 bengkel yang lain.

Pada pandangan Audit, kolej komuniti yang terlibat perlu segera mengemukakan permohonan peruntukan kewangan kepada Kementerian untuk meningkatkan tahap keselamatan kolej komuniti masing-masing. Kolej komuniti juga perlu peka terhadap keperluan menempatkan peralatan kursus yang sensitif di tempat yang sesuai. Selain itu, perakuan daripada Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia perlu diperoleh dengan segera bagi peralatan yang berkenaan.

24.4.5. Kelemahan Penyelenggaraan Rekod Harta Modal

Semakan Audit di 10 kolej komuniti yang dipilih mendapati sungguhpun pada umumnya rekod harta modal diselenggara namun ia tidak dikemaskinikan. Terdapat maklumat-maklumat seperti nombor casis/nombor siri pembuat, komponen/aksesori, tandatangan Ketua Jabatan, penempatan aset dan pemeriksaan tidak dinyatakan atau direkodkan dalam Daftar Harta Modal. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.11
DAFTAR HARTA MODAL TIDAK DILENGKAPKAN

KOLEJ KOMUNITI	RUANGAN YANG TIDAK DIISI (Bilangan Kad)				
	NO. CASIS / NO. SIRI PEMBUAT	KOMPONEN / AKSESORI	TANDATANGAN KETUA JABATAN	PENEMPATAN ASET	PEMERIKSAAN
Tawau	1	4	-	-	6
Langkawi	28	34	34	2	34
Pasir Gudang	38	21	-	-	-
Bandar Darulaman	6	8	-	-	8
Kuala Langat	29	31	-	-	20
Selayang	16	21	-	-	31
Bentong	25	32	-	-	51
Bukit Beruang	7	7	1	-	10
Jempol	8	8	-	-	13
Bandar Penawar	9	7	-	-	3
JUMLAH	**167**	**173**	**35**	**2**	**176**

Pada pandangan Audit, rekod harta modal perlu diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan teratur bagi memudahkan rujukan.

24.4.6. Ketepatan Bayaran Tidak Dapat Disahkan

Sebanyak 9 baucar bayaran berkaitan perolehan peralatan kursus yang diuruskan oleh Kolej Komuniti Jempol bagi tahun 2006 berjumlah RM1.16 juta tidak dapat dikemukakan kepada pihak Audit semasa pengauditan dijalankan. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada pembayaran berkaitan perolehan ini telah dibuat dengan teratur. Baucar bayaran yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 24.12
BAUCAR BAYARAN TIDAK DIKEMUKAKAN

NOMBOR RUJUKAN SEBUT HARGA	PEMBEKAL	JUMLAH (RM)
KKJN/SH/12/06	Innovision Business Solutions Sdn. Bhd.	84,894
KKJN/SH/14/06	RAS Equipment Trading	130,065
KKJN/SH/15/06	UB Rich Enterprise	69,730
KKJN/SH/16/06	Bengkel Automas Services	128,495
KKJN/SH/17/06	KACD Resources Sdn. Bhd.	169,356
KKJN/SH/18/16	KZ Berjaya Enterprise	164,921
KKJN/SH/19/06	Exrona Enterprise	169,912
KKJN/SH/20/06	ACM Trading & Services	52,635
KKJN/SH/21/06	KACD Resources Sdn. Bhd.	193,161
JUMLAH		**1,163,169**

Pada pandangan Audit, kawalan terhadap rekod kewangan khususnya baucar bayaran perlu ditingkatkan dan dokumen berkenaan hendaklah disimpan di tempat yang selamat bagi memudahkan rujukan.

24.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Kementerian Pengajian Tinggi (Kementerian) telah membelanjakan sejumlah RM80.07 juta untuk membekalkan peralatan kursus ke kolej komuniti bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008. Bagi memastikan semua kursus yang dirancang dapat dijalankan dengan cekap serta berkesan dan Kerajaan mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat, kelemahan-kelemahan dalam urusan perolehan peralatan yang berpunca daripada perancangan dan pelaksanaan perolehan tidak dibuat dengan teratur, kegagalan kontraktor membekalkan peralatan dalam tempoh yang ditetapkan dan peralatan yang dibeli tidak bersesuaian dengan keperluan perlu ditangani. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian memberi pertimbangan kepada perkara-perkara berikut :-

24.5.1. Kementerian hendaklah memastikan peralatan yang dibeli adalah bersesuaian dengan kursus. Bagi tujuan ini, pandangan daripada pensyarah yang berkenaan hendaklah diperoleh sebelum perolehan dibuat. Bagi kes di mana peralatan gagal dibekalkan oleh pembekal, Kementerian perlu mengambil tindakan segera untuk mendapatkan peralatan tersebut dengan melantik pembekal baru. Manakala bagi peralatan yang melebihi keperluan pula, agihan boleh dibuat kepada kolej komuniti lain yang memerlukan peralatan tersebut.

24.5.2. Kementerian perlu mengambil tindakan bagi memastikan baki peralatan yang masih belum diterima oleh kolej komuniti terlibat dibekalkan oleh pembekal dengan segera.

24.5.3. Kolej komuniti yang terlibat perlu segera mengemukakan permohonan peruntukan kewangan kepada Kementerian untuk meningkatkan tahap keselamatannya. Kolej komuniti juga perlu peka tentang keperluan menempatkan peralatan kursus yang sensitif di tempat yang sesuai serta bagi peralatan tertentu yang memerlukan perakuan dari Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan Malaysia, kelulusan yang sewajarnya perlu segera diperoleh.

24.5.4. Rekod harta modal perlu diselenggarakan dengan lengkap, kemas kini dan teratur bagi memudahkan rujukan. Rekod ini juga hendaklah disemak oleh pegawai yang bertanggungjawab dari semasa ke semasa dan digunakan untuk tujuan pemeriksaan fizikal peralatan.

24.5.5. Kementerian hendaklah menjalankan siasatan untuk menentukan sama ada bayaran yang telah dibuat adalah disokong dengan baucar bayaran dan ada dokumen sokongan. Sekirannya berlaku penyelewengan, tindakan disiplin atau surcaj hendaklah diambil terhadap pihak yang terlibat.

24.5.6. Latihan hendaklah diberi kepada pegawai yang terlibat dengan urusan perolehan dan penyelenggaraan rekod harta modal khususnya di peringkat kolej komuniti.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

25. PEMBINAAN DAN PENGURUSAN KOMPLEKS KEMENTERIAN DALAM NEGERI DI NEGERI PERAK

25.1. LATAR BELAKANG

25.1.1. Kompleks Kementerian Dalam Negeri di Perak (Kompleks) terletak di Kawasan Komersial Bandar Meru Raya, Ipoh, Perak di atas tanah seluas 6.5 ekar milik Kerajaan Persekutuan. Kompleks mula dibina pada awal tahun 2003 secara *design and build* oleh Zenith Capital Sdn. Bhd. (pemaju) dan diselia oleh PCB Development Sdn. Bhd. (perunding). Kompleks telah siap dibina pada bulan April 2005 dan diduduki mulai bulan Jun 2005. Setakat tarikh pengauditan, kos pembinaan Kompleks adalah RM41.83 juta tanpa melibatkan sebarang perubahan kerja.

25.1.2. Sebanyak 7 jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri (Kementerian) iaitu Jabatan Imigresen; Jabatan Pendaftaran Negara; Jabatan Pertahanan Awam; Jabatan Pendaftaran Pertubuhan; Agensi Antidadah Kebangsaan; Ikatan Relawan Rakyat Malaysia dan Unit Penguat Kuasa (Bahagian Kawalan Filem) ditempatkan di Kompleks ini. Tujuan utama Kompleks ini dibina adalah untuk memudahkan orang awam berurusan dengan semua jabatan ini di bawah satu bumbung dan menyediakan tempat bekerja yang selesa kepada kakitangan awam. Selain daripada ruang pejabat, kemudahan juga disediakan antara lainnya adalah bilik mesyuarat; auditorium; dewan bankuet; perpustakaan; bilik kelab sukan dan rekreasi; TASKA serta kafeteria (gerai makan).

25.1.3. Semasa perancangan/pembinaan Kompleks, Bahagian Pembangunan (Unit Pengurusan Projek 2) Kementerian yang diketuai oleh Setiausaha Bahagian Gred M54 bertanggungjawab memantau pelaksanaan projek dan Ketua Setiausaha Kementerian Dalam Negeri merupakan Pegawai Penguasa projek ini. Selain itu, Pengarah Imigresen Negeri Perak Gred M48 juga dilantik sebagai Ketua Agensi Pemimpin untuk menguruskan Kompleks termasuk menyelaraskan keperluan dan penggunaan ruang pejabat jabatan; penyenggaraan, keselamatan serta kebajikan pengguna Kompleks.

25.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pembinaan dan pengurusan Kompleks Kementerian Dalam Negeri di Negeri Perak telah dirancang dan dilaksanakan dengan teratur serta mencapai objektif yang ditetapkan.

25.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek perancangan, pelaksanaan dan pemantauan terhadap pembinaan Kompleks serta pengurusannya. Pengauditan dijalankan dengan menyemak

fail, rekod dan dokumen berkaitan di Bahagian Pembangunan Kementerian; Bahagian Kewangan, Ibu Pejabat Jabatan Imigresen dan Unit Perhubungan, Jabatan Imigresen Negeri Perak. Lawatan juga dijalankan untuk meninjau keadaan Kompleks secara fizikal iaitu dari segi tahap penggunaan; penyenggaraan dan keselamatan bangunan di samping menemu bual kakitangan dan pelanggan Kementerian/Jabatan.

25.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Jun hingga Disember 2008 mendapati beberapa kelemahan dalam pembinaan dan pengurusan Kompleks Kementerian Dalam Negeri Di Negeri Perak. Didapati Kementerian menghadapi beberapa masalah seperti Pelan Lukisan Siap Bina serta Manual Operasi Dan Penyenggaraan lewat diperoleh, senarai lengkap maklumat peralatan, kelengkapan dan perabot tidak dapat diperincikan serta kecacatan kerja yang belum diselesaikan sehingga menjejaskan kerja penyenggaraan bangunan secara menyeluruh. Sungguhpun Kementerian belum mengeluarkan Sijil Perakuan Membaiki Kecacatan, namun kegagalan menahan bayaran kemajuan kerja kepada pemaju dan perunding bagi kerja yang kurang sempurna telah mendedahkan Kerajaan kepada risiko untuk menanggung tambahan kos bagi kerja pembaikan kecacatan tersebut. Selain itu, ruang tempat kerja yang disediakan tidak mengikut piawaian MAMPU dan juga tidak mengambil kira pertambahan kakitangan. Bagi kemudahan lain yang disediakan di Kompleks iaitu TASKA, perpustakaan serta bilik sukan dan rekreasi pula belum digunakan. Penjelasan lanjut berhubung dengan perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

25.4.1. Prestasi Projek

25.4.1.1. Mengikut syarat kontrak, pemaju perlu menyiapkan Kompleks pada atau sebelum 5 Disember 2004. Bagaimanapun, Kompleks hanya siap dibina pada 25 April 2005 setelah 2 lanjutan masa diluluskan oleh Pengawai Penguasa berdasarkan kepada perakuan perunding. Kelewatan penyiapan Kompleks telah mengakibatkan jabatan terlibat hanya dapat menduduki bangunan mulai bulan Jun 2005. Dalam tempoh ini, Kementerian terpaksa terus menyewa bangunan lain menyebabkan tambahan kos berjumlah RM190,876. Selain itu, Kementerian juga perlu menanggung kos tambahan khidmat perunding berjumlah RM218,100. Antara faktor yang menyumbang kepada kelewatan menyempurnakan Kompleks adalah kekurangan bekalan besi keluli serta membuat beberapa kerja tambahan untuk memenuhi keperluan yang ditetapkan oleh Jabatan Bomba Dan Penyelamat; Majlis Bandaraya Ipoh serta Jabatan Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan.

25.4.1.2. Mengikut syarat kontrak, pemaju perlu mengemukakan Pelan Lukisan Siap Bina (as-built drawing plan) dengan segera sebaik sahaja bangunan disiapkan. Dokumen ini penting bagi membolehkan pengesahan dibuat untuk menentukan sama ada pemaju telah melaksanakan kerja berdasarkan spesifikasi yang diluluskan. Bagaimanapun, semakan Audit

mendapati pemaju hanya mengemukakan dokumen ini pada bulan Mei 2008 iaitu 3 tahun selepas bangunan siap. Kelewatan penyerahan dokumen ini telah menyebabkan :-

a. Pengesahan butiran terperinci pembinaan Kompleks seperti yang dirancang tidak dapat dilakukan oleh perunding dengan sempurna terutamanya dari aspek kuantiti yang dibekalkan dan kualititi kerja dihasilkan.

b. Butiran peralatan, kelengkapan dan perabot tidak dapat diperincikan untuk tujuan perekodan.

25.4.1.3. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelewatan berlaku kerana pemaju perlu menyemak semula dan membuat pindaan terhadap pelan itu setelah perunding mengesahkan terdapat perbezaan butiran yang ketara iaitu di antara yang tercatat dalam dokumen berbanding dengan fizikal. Kementerian pula tidak mengeluarkan surat amaran atau mengambil tindakan tertentu terhadap pemaju atau perunding bagi menyelesaikan isu tersebut dengan segera.

25.4.1.4. Syarat kontrak juga menetapkan pemaju perlu membaiki semua kecacatan kerja yang dilaporkan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Semakan Audit mendapati Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi projek ini telah tamat pada bulan Mei 2007. Berdasarkan kepada Minit Mesyuarat Penyelarasan Pembinaan Kompleks yang diadakan pada 8 April 2008, didapati pemaju telah mengambil tindakan untuk membaiki 13 kecacatan kerja. Bagaimanapun, lawatan Audit ke Kompleks pada awal bulan November 2008 mendapati 3 daripada 13 kecacatan kerja tersebut masih berlaku. Selain itu, masalah keretakan dan kebocoran telah berlaku di 3 lokasi baru dalam kawasan yang pernah dibaiki oleh pemaju. Butiran terperinci adalah seperti di **Jadual 25.1 dan 25.2** serta disokong dengan **Gambar 25.1 hingga 25.6**. Didapati juga beberapa kerja pembinaan Kompleks yang tidak kemas dan sempurna seperti di **Gambar 25.7 hingga 25.10**. Pihak Audit tidak dapat mengenal pasti faktor yang menyebabkan pemaju gagal menyempurnakan kesemua kecacatan kerja ini. Di peringkat Kementerian, didapati Kementerian kurang memantau prestasi kerja pemaju dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi menangani kecacatan kerja yang dilaporkan oleh pengurusan Kompleks dan perunding. Sehubungan ini, Kementerian memaklumkan bahawa adalah tanggungjawab perunding untuk memantau kesempurnaan kerja pemaju.

Pada pandangan Audit, Kementerian perlu memantau kerja perunding dengan memastikan semua kecacatan diselesaikan oleh pemaju dengan segera dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan. Kegagalan perunding dan pemaju melaksanakan tanggungjawab tersebut perlu diambil tindakan dengan menahan sebahagian daripada bayaran khidmat perunding/bayaran kemajuan kerja untuk tujuan memperbaiki kecatatan kerja yang kurang sempurna.

JADUAL 25.1
KECACATAN KERJA YANG MASIH BERLAKU

TEMPAT	PERIHAL KECACATAN KERJA YANG BELUM SELESAI	GAMBAR DIAMBIL SEMASA LAWATAN PASUKAN AUDIT PADA 4 NOVEMBER 2008
Ruang Legar Aras 4	• Peralatan *smoke spill* ditambah selepas lawatan Jabatan Bomba Dan Penyelamat dilakukan. Ia dipasang bertujuan untuk menyedut asap berlebihan keluar dari dalam bangunan. Kebocoran yang berlaku di bumbung menyebabkan peralatan ini dimasuki air hujan dan tangga utama Kompleks menjadi basah.	**GAMBAR 25.1**
Bumbung Depan Dewan Bankuet	• Kebocoran pada *copper pipe* masih berlaku di sekitar bangunan Kompleks sungguhpun telah diperbaiki oleh pemaju.	**GAMBAR 25.2**
Kawasan Dataran Kompleks	• Terdapat kesan air bertakung (water-ponding) di atas permukaan lantai konkrit berjubin disebabkan kecerunan (gradient) lantai tersebut tidak mengikut piawaian yang ditetapkan. • Terdapat juga rekahan antara ruang jubin tersebut dan ia telah menyebabkan air meresap ke siling Aras 2 di kawasan parkir Kompleks.	**GAMBAR 25.3**

JADUAL 25.2
KECACATAN KERJA DI LOKASI BARU

TEMPAT	PERIHAL KECACATAN KERJA YANG BELUM SELESAI	GAMBAR DIAMBIL SEMASA LAWATAN PASUKAN AUDIT PADA 4 NOVEMBER 2008
Kawasan Parkir Aras 1	• Keretakan pada lantai konkrit parkir telah menyebabkan beberapa bahagian dinaiki air apabila hujan lebat. • Pihak pemaju telah melaksanakan pelbagai langkah pembaikan antaranya kerja *hacking* pada lantai parkir di kawasan tiang rasuk tanah ini bagi menyekat pengeluaran air dari tanah. Kaedah ini berhasil bagi menyekat air di kawasan berkenaan sahaja, namun masalah yang sama dihadapi di kawasan lain. Ini berlaku mungkin disebabkan kerja *water-proofing* di bahagian bawah lantai konkrit parkir tersebut tidak sempurna.	 **GAMBAR 25.4**

TEMPAT	PERIHAL KECACATAN KERJA YANG BELUM SELESAI	GAMBAR DIAMBIL SEMASA LAWATAN PASUKAN AUDIT PADA 4 NOVEMBER 2008
Bersebelahan Kawasan Cadangan Bilik Perpustakaan Aras 5	• Terdapat kesan resapan air keluar melalui keretakan pada lantai bumbung di Aras 5 Kompleks walaupun beberapa bahagian telah dibaiki sebelum ini.	**GAMBAR 25.5**
Kawasan Parkir Aras 1	• Air keluar dari celah *beam* di atas siling.	**GAMBAR 25.6**

GAMBAR 25.7

Parkir Awam
- Kabel Elektrik Lampu Jalan Tidak Ditutup Dengan Kemas Yang Membahayakan Orang Awam
(04.11.2008)

GAMBAR 25.8

Jalan Utama
- Lampu Dipasang Di Atas Jalan Yang Membahayakan Orang Awam
(04.11.2008)

GAMBAR 25.9

Kawasan Taman
- Kabel Elektrik Lampu Jalan Tidak Bertutup Yang Membahayakan Orang Awam
(04.11.2008)

GAMBAR 25.10

Jalan Menuju Ke Lobi Kompleks
- Laluan Pejalan Kaki Kurang Kemas
(04.11.2008)

25.4.1.5. Kecacatan kerja yang masih belum dibaiki serta kualiti kerja yang kurang memuaskan telah mengakibatkan Kementerian belum mengeluarkan Sijil Perakuan Membaiki Kecacatan dan memuktamadkan akaun penutup projek ini sehingga tarikh pengauditan. Namun demikian, didapati Kementerian telah menjelaskan semua bayaran kos khidmat perunding dan kos projek kepada pemaju seperti di **Jadual 25.3**. Tempoh sah laku Bon Pelaksanaan pemaju yang bernilai RM2.04 juta juga telah tamat pada 5 Disember 2007 selaras dengan tempoh yang ditetapkan dalam kontrak.

JADUAL 25.3
PERUNTUKAN DAN PERBELANJAAN PEMBANGUNAN PEMBINAAN KOMPLEKS

PERKARA	PERUNTUKAN (RM)		PERBELANJAAN (RM)		
	PERIHAL	JUMLAH (RM)	RMK-8	RMK-9 (Sehingga 2006)	JUMLAH (RM)
Perunding	• Yuran asal - RM 752,734 • Lanjutan pertama - RM138,267 • Lanjutan kedua - RM163,500	1,054,501	838,276	216,225	1,054,501
	Tuntutan perjalanan dan elaun	54,745	16,628	1,875	18,503
	Cukai perkhidmatan (5%)	52,725	-	52,725	52,725
Jumlah Kecil Kos Perunding		**1,161,971**	**854,904**	**270,825**	**1,125,729**
Pemaju		40,700,000	39,880,121	819,879	40,700,000
JUMLAH KOS PEMBINAAN		**41,861,971**	**40,735,025**	**1,090,704**	**41,825,729**

Pada pandangan Audit, sekiranya pihak Kementerian berpuashati sememangnya pemaju dan perunding cuai dalam menjalankan tugas, maka tindakan seperti menahan bayaran kemajuan kerja/yuran perunding kepada pemaju dan perunding hendaklah diambil. Kegagalan berbuat demikian telah mendedahkan Kerajaan kepada risiko untuk menanggung tambahan kos bagi membaiki kecacatan yang sepatutnya disempurnakan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.

25.4.2. Penggunaan Kompleks

25.4.2.1. Kompleks dibina untuk menyediakan tempat kerja yang selesa kepada kakitangan dan memudahkan orang awam berurusan dengan semua jabatan Kementerian di bawah satu bumbung. Bagaimanapun, didapati objektif ini tidak dapat dicapai sepenuhnya disebabkan oleh faktor berikut :-

a. Keluasan bilik yang ditetapkan dalam kontrak bagi 40 pegawai/kakitangan adalah kurang dari piawaian yang ditetapkan oleh MAMPU. Kurangan keluasan bilik adalah antara 22% hingga 75%. Apabila ia dibina, keluasannya adalah juga kurang daripada keluasan yang ditetapkan dalam kontrak antara 6.6% hingga 100%.

b. Semakan secara rambang terhadap ruang tempat kerja (bukan bilik) bagi 38 kakitangan mendapati keluasan ruang ini bagi 34 kakitangan kurang dari piawaian yang ditetapkan oleh MAMPU. Peratusan kurangan keluasan ruang tempat kerja adalah antara 8% hingga 76%. Antara sebab perkara ini berlaku kerana 7 ruang tempat kerja yang tidak terdapat dalam Pelan Lukisan Siap Bina telah diwujudkan.

c. Secara keseluruhannya, ketujuh-tujuh jabatan yang ditempatkan di Kompleks menghadapi 53.2% kekurangan ruang pejabat. Ini disebabkan peluasan program/aktiviti jabatan dan seterusnya melibatkan pertambahan jawatan yang ketara telah diluluskan. Perbandingan jumlah jawatan yang diluluskan semasa lawatan Audit pada bulan November 2008 dengan semasa Kompleks diduduki pada tahun 2005 menunjukkan **peratusan peningkatan jawatan yang mendadak iaitu antara 33.3% hingga 170%** seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.4
KEDUDUKAN PENGGUNAAN RUANG PEJABAT OLEH JABATAN YANG MENDUDUKI KOMPLEKS KEMENTERIAN DALAM NEGERI DI NEGERI PERAK

JABATAN	BILANGAN PERJAWATAN DILULUSKAN			% PENINGKATAN [(C - B)/B x 100]
	SEMASA PERANCANGAN 2002 (A)	SEMASA BERPINDAH 2005 (B)	PADA BULAN NOVEMBER 2008 (C)	
Jabatan Imigresen	80	120	167	39.2
Jabatan Pendaftaran Negara	72	72	99	37.5
Agensi Antidadah Kebangsaan	19	19	40	110.5
Unit Penguat Kuasa (Bahagian Kawalan Filem)	29	10	27	170.0
Ikatan Relawan Rakyat Malaysia	15	12	16	33.3
Jabatan Pertahanan Awam	12	18	34	88.9
Jabatan Pendaftaran Pertubuhan	18	12	20	66.7
JUMLAH	**245**	**263**	**403**	**53.2**

25.4.2.2. Kekurangan ruang pejabat telah memberi kesan yang negatif kepada keselesaan pegawai/kakitangan yang bertugas di Kompleks. Contohnya Jabatan Imigresen dan Jabatan Pendaftaran Negara terpaksa menempatkan kakitangan di ruang tempat kerja yang kurang selesa dan sempit seperti di kawasan laluan utama atau laluan kecemasan **(Gambar 25.11 hingga 25.14)**. Bagaimanapun, pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada ketidakselesaan ini telah menjejaskan produktiviti kerja serta tahap kecekapan sistem penyampaian awam (public delivery system) jabatan dalam Kompleks kerana maklumat seperti perbandingan output sesuatu jabatan sebelum dan selepas berpindah ke Kompleks tidak dapat dikemukakan untuk semakan Audit.

GAMBAR 25.11



Bahagian Paspot Aras 3
Jabatan Imigresen Negeri Perak
- Laluan Kecemasan Diubah Suai Sebagai Pejabat
(05.11.2008)

GAMBAR 25.12

Bahagian Penguat Kuasa Aras 2
Jabatan Imigresen Negeri Perak
- Laluan Utama Diubah Suai Sebagai Pejabat
(05.11.2008)

GAMBAR 25.13

Bahagian Pentadbiran Aras 2
Jabatan Imigresen Negeri Perak
- Ruang Kerja Di Tengah Laluan Koridor
(05.11.2008)

GAMBAR 25.14

Bahagian Warganegara/Perkahwinan Aras 3
Jabatan Pendaftaran Negara
- Laluan Diubah Suai Sebagai Pejabat
(05.11.2008)

25.4.2.3. Semakan Audit mendapati 4 ruang/kemudahan dalam Kompleks tidak digunakan secara optimum terutamanya bagi perpustakaan, bilik kelab sukan dan rekreasi, TASKA dan satu gerai makan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.5
KEKERAPAN PENGGUNAAN RUANG PELBAGAI KEMUDAHAN UNTUK KAKITANGAN AWAM DI KOMPLEKS BAGI TEMPOH TAHUN 2006 HINGGA 2008

JENIS KEMUDAHAN	KELUASAN (Meter Persegi)	KEKERAPAN PENGGUNAAN		
		2006	2007	2008 (Setakat Bulan Oktober)
Auditorium	225.62	5	9	18
Bilik mesyuarat utama	225.62	13	24	27
Dewan bankuet	852.69	17	37	9
Perpustakaan **(Gambar 25.15)**	239.63	Tidak digunakan		
Bilik kelab sukan dan rekreasi **(Gambar 25.16)**	239.63	Tidak digunakan untuk tujuan sebenar		
TASKA **(Gambar 25.17)**	143.9	Tidak disewa sejak bulan Jun 2005		
Gerai makan No. 4 **(Gambar 25.18)**	9.5	Tidak disewa sejak bulan Jun 2005		

GAMBAR 25.15

Perpustakaan
- Tidak Digunakan Sejak Tahun 2005
(06.11.2008)

GAMBAR 25.16

Bilik Kelab Sukan Dan Rekreasi
- Dijadikan Stor Sementara RELA Tetapi Tidak Diuruskan Dengan Baik
(06.11.2008)

GAMBAR 25.17

TASKA (2 Tingkat)
- Peralatan Telah Dibekalkan Tetapi Belum Beroperasi
(06.11.2008)

GAMBAR 25.18

Gerai Makan No. 4
- Tidak Digunakan Sejak Tahun 2005
(06.11.2008)

25.4.2.4. Ruang perniagaan yang tidak disewakan telah menyebabkan kemudahan peralatan bernilai RM21,500 yang dibeli untuk operasi TASKA masih belum digunakan. Manakala anggaran kerugian hasil sewa TASKA dan gerai makan bagi tempoh bulan Jun 2005 hingga November 2008 adalah berjumlah RM42,000 (TASKA RM29,400 dan gerai makan No. 4 RM12,600). Kemudahan tersebut tidak diguna/tidak disewa antara lainnya disebabkan oleh faktor berikut :-

a. Kurang sambutan daripada kakitangan yang bertugas di dalam Kompleks.

b. Jawatankuasa Penyelarasan Penyenggaraan Kompleks tidak ditubuhkan sebelum bulan Julai 2008 bagi memantau pengurusan dan penggunaan Kompleks.

c. Sejak bangunan ini diduduki pada tahun 2005, Kementerian dengan kerjasama Jabatan Imigresen Negeri Perak belum pernah membuat penilaian terhadap keseluruhan pengurusan dan penggunaan Kompleks terutamanya dari segi memberi kemudahan yang baik kepada orang awam bagi berurusan dengan semua jabatan di bawah Kementerian di samping menyediakan tempat kerja yang selesa kepada kakitangan awam.

25.4.2.5. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 100 kakitangan yang bertugas di jabatan dalam Kompleks dan 92 orang awam yang berurusan di Kompleks ini, pihak Audit menyimpulkan bahawa secara umumnya mereka berpendapat konsep Kompleks dibina adalah baik. Bagaimanapun, mereka menyarankan supaya pengurusan Kompleks mengambil tindakan terhadap beberapa kekurangan yang wujud agar kakitangan dan orang awam selesa bertugas/berurusan rasmi dalam Kompleks. Ringkasan maklum balas mengenai kekurangan Kompleks adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 25.6
MAKLUM BALAS MENGENAI KEKURANGAN KOMPLEKS

KEKURANGAN	MAKLUM BALAS (✓- Setuju)	
	KAKITANGAN	PELANGGAN
Kedudukan Kompleks terlalu jauh dari bandar.	✓	✓
Perkhidmatan pengangkutan awam khususnya bas yang kurang dan tidak kerap.	✓	✓
Kadar tambang teksi yang tinggi (RM30 sehala).	✓	-
Mesin juruwang automatik (mesin ATM) tidak disediakan.	✓	✓
Pejabat Pos Mini tidak disediakan.	✓	✓
Kemudahan parkir tidak mencukupi.	✓	-
Kafeteria kurang pilihan makanan dan minuman.	✓	-
Pameran tanda harga makanan/minuman di kafeteria kurang jelas.	✓	-
Kawasan khas untuk merokok tidak disediakan.	✓	-
Ruang kerja yang tidak selesa.	✓	-

Pada pandangan Audit, Kementerian patut mengambil langkah yang sewajarnya untuk mengatasi kekurangan yang terdapat di Kompleks ini. Bagi mengatasi masalah kekurangan ruang tempat kerja jangka masa pendek, Kementerian boleh mengubah suai ruang bangunan yang belum digunakan seperti TASKA, perpustakaan serta bilik kelab sukan dan rekreasi menjadi ruang tempat kerja bagi jabatan yang menghadapi kekurangan ruang yang kritikal. Selain itu, memandangkan kawasan persekitaran Kompleks adalah terhad dan sebagai penyelesaian jangka panjang, Kementerian boleh membuat perancangan menyusun semula jabatan yang kurang berurusan dengan orang awam supaya ditempatkan di bangunan/kawasan lain pada masa akan datang.

25.4.3. Penyenggaraan Bangunan Dan Peralatan

25.4.3.1. Mengikut syarat kontrak, pemaju perlu mengemukakan Manual Operasi Dan Penyenggaraan dengan segera sebaik sahaja bangunan siap. Dokumen ini menunjukkan tatacara penggunaan peralatan bagi tujuan operasi dan penyenggaraan bangunan berkaitan. Semakan Audit mendapati pemaju hanya mengemukakan dokumen ini pada bulan Mei 2008 iaitu 3 tahun selepas bangunan disiapkan. Kelewatan penyerahan dokumen ini telah menyebabkan spesifikasi kerja berkaitan dengan penyenggaraan peralatan tertentu tidak dapat dilakukan dengan awal.

25.4.3.2. Kegagalan menyempurnakan kecacatan oleh pemaju juga telah mengakibatkan penyenggaraan bangunan ini secara menyeluruh tidak dapat dilaksanakan seperti mana dikehendaki di bawah Surat Pekeliling Am Bilangan 2 Tahun 1995 (Pewujudan Sistem Penyenggaraan Terancang). Bagaimanapun, pengurusan Kompleks telah mengenal pasti dan melaksanakan 5 jenis penyenggaraan (pencegahan dan pemulihan) dari aspek elektrik; alat penghawa

dingin; lif; mencuci dan membersihkan bangunan yang perlu dilaksanakan dari semasa ke semasa. Pemeriksaan Audit mendapati tahap penyenggaraan yang telah dilaksanakan oleh kontraktor yang dilantik adalah memuaskan.

Pada pandangan Audit, Kementerian dan pengurusan Kompleks perlu memastikan kecacatan kerja yang sering kali berulang ditangani dengan segera. Perkara ini penting untuk membolehkan penyenggaraan bangunan secara keseluruhannya dilakukan dengan sempurna dan Kompleks sentiasa selamat dan selesa untuk digunakan oleh kakitangan dan orang ramai.

25.4.4. Keselamatan Kompleks

25.4.4.1. Aspek keselamatan kebakaran sangat penting bagi sesebuah bangunan yang kerap digunakan oleh orang ramai. Akta Perkhidmatan Bomba 1988 - Peraturan Perkhidmatan Bomba (Perakuan) di bawah Arahan Penguat Kuasa Bilangan 1 Tahun 2002 menghendaki perakuan keselamatan bangunan oleh Pasukan Bomba Dan Penyelamat dilakukan setiap tahun. Antara aspek yang perlu dilaksanakan sebelum perakuan diberi adalah menubuhkan organisasi keselamatan seperti *Emergency Response Team* (ERT); menjalankan latihan kebakaran (fire-drill) untuk penghuni bangunan; menyediakan peralatan/kemudahan keselamatan diri (tanda dan lampu kecemasan; tatacara kebakaran); alat pencegahan kebakaran (sistem siar raya; sistem pengesan api automatik dan pusat kawalan keselamatan) dan kemudahan menentang kebakaran (pili bomba; alat pemadam api; sistem gelung hos dan lif bomba).

25.4.4.2. Semakan Audit mendapati pihak pengurusan Kompleks tidak pernah mendapatkan Perakuan Keselamatan Bangunan secara tahunan daripada Pasukan Bomba Dan Penyelamat sejak bangunan tersebut diduduki pada tahun 2005. Pengurusan Kompleks belum menubuhkan ERT dan menjalankan latihan kebakaran. Perkara ini berlaku disebabkan pengurusan Kompleks yang diketuai oleh Jabatan Imigresen Negeri Perak tidak mengadakan perbincangan/ mesyuarat secara khusus bagi menangani isu keselamatan. Kementerian juga tidak menyediakan arahan/garis panduan khusus mengenai penubuhan dan pelaksanaan Jawatankuasa Keselamatan Kompleks. Bagaimanapun, lawatan Audit di sekitar Kompleks mendapati alat/kemudahan keselamatan diri; peralatan pencegahan kebakaran dan kemudahan menentang kebakaran telah disediakan. Pengurusan Kompleks telah melantik 2 kontraktor untuk menyedia/ menyenggarakan Sistem Litar Tertutup TV (CCTV) dan alat pencegahan kebakaran. Perkhidmatan penyenggaraan yang diberi oleh kedua-dua kontraktor ini bagi tahun 2007 dan 2008 adalah selaras dengan syarat kontrak.

Pada pandangan Audit, Kementerian dan pengurusan Kompleks hendaklah mengambil tindakan segera meningkatkan tahap keselamatan di Kompleks ini bagi menjamin keselamatan harta benda serta keselamatan pengguna.

25.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Kompleks ini sepatutnya boleh digunakan secara optimum sekiranya dirancang dan diuruskan secara cekap dan berkesan oleh pihak Kementerian. Kecacatan kerja dalam kompleks ini boleh dielakkan jika pihak Kementerian dan perunding meningkatkan pemantauannya terhadap pemaju semasa bangunan ini dibina. Bagi memastikan perkara yang sama tidak berulang dalam pelaksanaan projek yang lain serta memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini, Kementerian dan pengurusan Kompleks disyorkan mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut :-

25.5.1. Menyediakan Manual Pengurusan Kompleks Kementerian Dalam Negeri secara menyeluruh dengan menyentuh pelbagai aspek tatacara pengurusan bangunan guna sama antara lainnya keperluan kewangan; penggunaan ruang dan kemudahan; penyenggaraan dan keselamatan bangunan.

25.5.2. Menyelesaikan kesemua isu pembaikan kecacatan dengan segera iaitu dengan menggesa pemaju melaksanakan kerja yang masih belum selesai dan seterusnya mengeluarkan Sijil Perakuan Membaiki Kecacatan serta memuktamadkan akaun penutup projek secepat mungkin.

25.5.3. Jawatankuasa Penyelarasan Penyenggaraan Kompleks yang telah ditubuhkan pada bulan Julai 2008 perlu mengambil tindakan yang agresif dan segera untuk menyelesaikan aduan kekurangan terhadap kemudahan di Kompleks oleh kakitangan dan orang awam.

25.5.4. Bagi mengatasi masalah kekurangan ruang tempat kerja jangka masa pendek, Kementerian boleh mengubah suai ruang bangunan yang belum digunakan seperti TASKA, perpustakaan serta bilik kelab sukan dan rekreasi menjadi ruang tempat kerja bagi jabatan yang menghadapi kekurangan ruang yang kritikal. Selain itu, memandangkan kawasan persekitaran Kompleks adalah terhad dan sebagai penyelesaian jangka panjang, Kementerian boleh membuat perancangan menyusun semula jabatan yang kurang berurusan dengan orang awam supaya ditempatkan di bangunan/kawasan lain pada masa akan datang.

25.5.5. Kementerian dan pengurusan Kompleks hendaklah mengambil tindakan segera meningkatkan tahap keselamatan di Kompleks ini bagi menjamin keselamatan harta benda serta keselamatan pengguna.

KEMENTERIAN DALAM NEGERI

26. POLIS DIRAJA MALAYSIA

- **PENGURUSAN SISTEM PERANGKAP LAMPU MERAH BERKAMERA DAN PENGELUARAN SAMAN**

26.1. LATAR BELAKANG

26.1.1. Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera (sistem perangkap) yang digunakan oleh Polis Diraja Malaysia (PDRM) bertujuan untuk meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya supaya mematuhi isyarat lampu merah dan seterusnya mengurangkan kadar kemalangan di persimpangan jalan. Sistem tersebut sepatutnya dipasang di 56 persimpangan jalan di 6 bandar utama iaitu Kuala Lumpur; Petaling Jaya; Ipoh; Georgetown; Melaka dan Johor Bahru. Sistem yang dibangunkan oleh *ROBOT Visual Systems GmbH* daripada Jerman ini telah dibeli antara tempoh tahun 1993 hingga 1995 bernilai RM8.98 juta. Ia merangkumi peralatan yang terdiri daripada 40 kamera model *Traffiphot* III-G (kamera); 110 kamera *Active Dummy* (*dummy*); 150 tiang dan o*uter housing/inner housing*; 6 *film processor* serta 6 *reader printer*. **Gambarajah 26.1 dan 26.2** menunjukkan pelaksanaan dan aliran proses Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera.

GAMBARAJAH 26.1



Pelaksanaan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera
- Sekiranya Sesebuah Kenderaan Melintasi Loop Sensors Ketika Lampu Isyarat Warna Merah, Flash Akan Berfungsi Secara Automatik Dan Akan Merakam 2 Gambar Kenderaan Berkaitan (Gambar 'A' dan 'B').

GAMBARAJAH 26.2



Aliran Proses Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera

26.1.2. Dalam melaksanakan sistem ini, kontrak penyenggaraan, pembaikan dan pembekalan alat ganti bernilai RM1.60 juta telah ditandatangani antara Kementerian Keselamatan Dalam Negeri dengan Commercial Circle (M) Sdn. Bhd. sebagai kontraktor bagi tempoh tahun 2000 hingga 2002. Syarikat ini telah dilantik pada tahun 1993 secara tender terbuka. Bagi tempoh tahun 2004 hingga 2009, kontraktor tersebut juga telah dilantik semula untuk melaksanakan kerja yang sama dengan nilai kontrak berjumlah RM5.46 juta. Setakat 31 Disember 2008, sejumlah RM3.21 juta telah dibayar kepada kontraktor.

26.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera serta pengeluaran saman telah dilaksanakan dengan cekap dan mencapai objektif perolehannya.

26.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

26.3.1. Pengauditan ini meliputi aspek pengurusan dan penyenggaraan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera dan pengeluaran saman. Semakan terhadap fail, rekod dan dokumen yang berkaitan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 telah dibuat di Cawangan Trafik, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman; Bahagian Perolehan Teknikal Jabatan Logistik, PDRM; Bahagian Kewangan Jabatan Logistik, PDRM; Unit Perolehan Teknikal, Cawangan Trafik Ibu Pejabat Polis Bukit Aman; Cawangan Trafik Ibu Pejabat Polis Kontinjen (IPK) Kuala Lumpur dan 5 Cawangan Trafik Ibu Pejabat Polis Daerah (IPD) iaitu Petaling Jaya; Johor Bahru Selatan; Melaka Tengah; Ipoh dan Timur Laut Pulau Pinang.

26.3.2. Perbincangan/temu bual turut diadakan dengan Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya, pegawai dan anggota polis serta pengguna jalan raya. Selain itu, pemeriksaan fizikal telah dibuat di 6 lokasi di mana tiang, kamera dan *dummy* dipasang. Perbandingan kos faedah antara pemasangan sistem dengan penggunaan anggota polis di persimpangan jalan juga dibuat untuk menentukan kewajaran kesinambungan sistem.

26.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan September hingga Disember 2008 mendapati secara umumnya, pengurusan dan pemantauan terhadap Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera adalah kurang memuaskan. Pihak Audit tidak dapat menentukan sejauh mana penggunaan sistem ini telah mencapai objektif yang ditetapkan. Terdapat juga beberapa kelemahan yang boleh menjejaskan keberkesanan fungsi sistem ini seperti peralatan sistem tidak digunakan sepenuhnya; kerosakan peralatan sistem yang tidak dibaiki dan tidak disenggarakan dengan sewajarnya; penempatan peralatan sistem di lokasi yang tidak sesuai serta pengeluaran saman yang tidak diuruskan dengan cekap. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang diperhatikan adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

26.4.1. Prestasi Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera

26.4.1.1. Prestasi Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera boleh dinilai melalui 2 kaedah iaitu dari aspek penurunan kes pelanggaran isyarat lampu merah dan penurunan kadar kemalangan. Bagi tujuan ini, PDRM perlu mempunyai statistik mengenai bilangan kes pelanggaran isyarat lampu merah dan kadar kemalangan sebelum dan selepas pemasangan sistem serta statistik pelanggaran isyarat lampu merah dan bilangan kemalangan bagi tempoh beberapa tahun kebelakang sebagai perbandingan. Namun demikian, PDRM tidak mempunyai maklumat tersebut. Oleh itu, **pihak Audit tidak dapat menentukan sejauh mana penggunaan sistem ini telah mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, pihak Audit mengesyorkan supaya PDRM menyimpan data kemalangan yang berlaku di persimpangan jalan sama ada yang dipasang atau tidak dengan sistem perangkap. PDRM dengan kerjasama kontraktor juga perlu mengumpul data mengenai bilangan kes pelanggaran isyarat lampu merah.**

26.4.1.2. Berdasarkan maklum balas yang diterima daripada 180 pengguna jalan raya di sekitar 6 bandar yang dipasang dengan sistem perangkap, adalah didapati 39 (21.7%) pengguna yang menyedari akan kewujudan sistem tidak mengetahui ia boleh merakam kesalahan melanggar isyarat lampu merah dan 36 (20%) pengguna lain tidak mengetahui tentang pemasangan sistem tersebut. Ini akan menyebabkan hasrat Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran pengguna jalan raya supaya mematuhi isyarat lampu merah sukar dicapai. Sehubungan ini, **pengumuman kepada orang awam tentang kewujudan dan tujuan pemasangan sistem perangkap ini wajar dibuat.**

26.4.2. Pengurusan Dan Penyenggaraan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera

Keberkesanan prestasi sistem perangkap adalah bergantung kepada kecekapan pengurusan dan penyenggaraan peralatan sistem yang terdiri daripada kamera; *dummy*; tiang dan o*uter housing/inner housing*; *film processor* serta *reader printer*. Mengikut syarat kontrak, 40 kamera dan 110 *dummy* serta 150 tiang hendaklah dipasang di 56 persimpangan jalan di 6 bandar utama. Semakan Audit mendapati **hanya 48 daripada 150 sistem perangkap berfungsi**. Antara faktor yang menyebabkan sistem ini tidak dapat berfungsi sepenuhnya adalah seperti berikut :-

26.4.2.1. Sebanyak 2 kamera dan 21 *dummy* sungguhpun berada dalam keadaan baik tetapi tidak dipasang di persimpangan jalan sebaliknya ia disimpan di pejabat Unit Red Light Camera (Unit RLC). Manakala 11 kamera dan 68 *dummy* telah rosak. Kesemua kamera dan *dummy* yang rosak itu disimpan sama ada di pejabat Unit RLC, pejabat kontraktor atau masih berada di lokasi di mana ia dipasang. **Gambar 26.1 hingga 26.6** menunjukkan keadaan kamera dan *dummy* yang disimpan di pejabat Unit RLC.

KAMERA DAN *DUMMY* YANG DISIMPAN DI PEJABAT *UNIT RED LIGHT CAMERA* (BERKEADAAN BAIK DAN ROSAK)

GAMBAR 26.1

GAMBAR 26.2

Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut Pulau Pinang (09.10.2008)

GAMBAR 26.3

GAMBAR 26.4



Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan (26.08.2008)

GAMBAR 26.5

Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah (16.09.2008)

GAMBAR 26.6

Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur (25.09.2008)

26.4.2.2. Didapati hanya 117 tiang telah dipasang di 48 persimpangan jalan. Semakan selanjutnya mendapati 70 daripada 117 tiang yang dipasang itu boleh digunakan manakala 47 tiang tidak boleh digunakan. Bagaimanapun, hanya 48 daripada 70 tiang yang boleh digunakan telah dipasang dengan kamera/*dummy*. Daripada 33 tiang yang tidak dipasang di persimpangan jalan, 29 tiang disimpan di IPK/IPD manakala 4 lagi gagal dikesan **(Gambar 26.7 hingga 26.9)**.

TIANG TIDAK DIPASANG DISIMPAN
DI IBU PEJABAT POLIS KONTINJEN/IBU PEJABAT POLIS DAERAH

GAMBAR 26.7

Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah
- Tiang Disimpan Di Stor Barang Kes
(18.09.2008)

GAMBAR 26.8

Ibu Pejabat Polis Daerah Ipoh
- Tiang Disimpan Di Belakang Pejabat Unit RLC
(14.10.2008)

GAMBAR 26.9

Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan
- Tiang Disimpan Di Bawah Tangga Berhampiran Pejabat Unit RLC
(26.08.2008)

26.4.2.3. Semakan Audit mendapati tiang tidak berada di lokasi akibat daripada telah dicabut semasa kerja naik taraf/pelebaran jalan, dicuri atau rosak akibat dilanggar. Bagi tiang yang dipasang tetapi tidak berfungsi/tidak digunakan disebabkan oleh beberapa perkara seperti berikut :-

a. Kotak kawalan, kabel lektrik atau *induction loop sensors* rosak/berkarat **(Gambar 26.10 hingga 26.15)**.

KOTAK KAWALAN ROSAK/BERKARAT DAN KABEL ELEKTRIK ROSAK

GAMBAR 26.10

GAMBAR 26.11

Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan
- Persimpangan Jalan Tebrau/Jalan Utama/Jalan Rebung
(25.08.2008)

GAMBAR 26.12

GAMBAR 26.13

Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan
- Persimpangan Jalan Kempas/Jalan Datin Halimah
(25.08.2008)

GAMBAR 26.14

GAMBAR 26.15

Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur
- Persimpangan Jalan Genting Kelang/Jalan Usahawan
(23.09.2008)

b. Jalan dinaik taraf/dilebarkan tetapi tiang tidak dicabut/dialih untuk dipasang semula di persimpangan jalan baru **(Gambar 26.16 hingga 26.18)**.

TIANG DIPASANG DI LOKASI TETAPI TIDAK BOLEH DIGUNAKAN KERANA NAIK TARAF/PELEBARAN JALAN

GAMBAR 26.16

Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan - Persimpangan Jalan Kempas/ Jalan Datin Halimah (25.08.2008)

GAMBAR 26.17

Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan - Persimpangan Jalan Taman Perling/ Lebuhraya Pasir Gudang (27.08.2008)

GAMBAR 26.18

Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur - Persimpangan Jalan Pudu/Jalan Hang Tuah (23.09.2008)

c. Tiang terhalang oleh pembangunan kawasan sekitar disebabkan tiada koordinasi antara Pihak Berkuasa Tempatan dengan PDRM **(Gambar 26.19 hingga 26.21)**.

TIANG DIPASANG DI LOKASI TETAPI TIDAK BOLEH DIGUNAKAN KERANA PEMBANGUNAN KAWASAN SEKITAR

GAMBAR 26.19



Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah (Persimpangan Jalan Mushi Abdullah/Jalan Tun Sri Lanang/Jalan Bendahara)

- Tiang Yang Dipasang Pada Tahun 1997 Berada Di Dalam Kawasan Berpagar Pejabat Pameran Kenderaan Yang Dibina Pada Tahun 2003. Ini Menyebabkan Kabel Elektrik Dan Induction Loop Sensors Ke Tiang Tersebut Rosak Kerana Tembok Telah Dibina Di Tempat Pemasangan Tiang Dan Disimen (17.09.2008)

GAMBAR 26.20

GAMBAR 26.21

Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah
(Persimpangan Jalan Mushi Abdullah/Jalan Tun Sri Lanang/Jalan Bendahara)

- Tiang Yang Dipasang Pada Tahun 1997 Berada Di Kaki Lima Restoran Makanan Segera Yang Telah Diubah Suai. Ini Menyebabkan Kabel Elektrik Dan Induction Loop Sensors Ke Tiang Tersebut Rosak Kerana Kaki Lima Restoran Telah Disimen
(17.09.2008)

26.4.2.4. Kelemahan penyenggaraan terhadap peralatan sistem adalah juga merupakan faktor yang menyebabkan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera tidak dapat berfungsi sepenuhnya. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

a. Sungguhpun peralatan sistem telah dibeli antara tempoh tahun 1993 hingga 1995, namun pelantikan kontraktor untuk kerja penyenggaraan hanya dibuat mulai tahun 2000. Ini menyebabkan peralatan sistem lewat disenggarakan.

b. Mengikut syarat kontrak, kontraktor bertanggungjawab melaksanakan kerja penyenggaraan terhadap peralatan sistem secara harian, mingguan dan 3 bulan sekali masing-masingnya mengikut skop kerja dan jadual yang ditetapkan. Bagaimanapun, didapati kerja penyenggaraan yang sepatutnya dilaksanakan setiap 3 bulan yang berjumlah 15 kali bagi tempoh 4 Jun 2004 hingga 31 Oktober 2008 hanya dilaksanakan 2 kali. Ini adalah kerana Bahagian Logistik, Cawangan Trafik, PDRM menghendaki kontraktor mendapatkan kelulusannya terlebih dahulu untuk kerja penyenggaraan tersebut sungguhpun kontrak tidak menetapkan syarat sedemikian. Terdapat kes di mana permohonan kontraktor untuk melaksanakan kerja penyenggaraan tersebut tidak diluluskan oleh PDRM kerana kekurangan peruntukan kewangan.

c. Syarat kontrak juga menetapkan kontraktor perlu menjalankan pemeriksaan mingguan terhadap sistem bersama-sama dengan anggota polis daripada Unit RLC. Bagaimanapun, pemeriksaan tersebut sering kali tidak dapat dijalankan kerana unit ini mengalami kekurangan anggota.

d. Terdapat kes di mana kontraktor lewat/tidak menjalankan kerja pembaikan. Berdasarkan kepada maklum balas daripada kontraktor, kegagalannya menjalankan kerja pembaikan ini adalah berpunca daripada kesukaran untuk mendapatkan alat ganti. Bagaimanapun mengikut syarat kontrak, adalah

menjadi tanggungjawab kontraktor untuk memastikan alat ganti sentiasa sedia ada untuk menyempurnakan kerja pembaikan.

e. Penyenggaraan sukar dijalankan terhadap peralatan sistem kerana peralatan berkenaan dilindungi oleh pokok yang diuruskan oleh Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) **(Gambar 26.22 dan 26.23)**. Perkara ini boleh dielakkan sekiranya PDRM mendapat kerjasama daripada PBT yang berkenaan.

TIANG DIHALANG OLEH RIMBUNAN POKOK YANG MENYUKARKAN PENYENGGARAAN DIJALANKAN

GAMBAR 26.22

Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan - Persimpangan Jalan Kebun Teh/Jalan Beringin (25.08.2008)

GAMBAR 26.23

Ibu Pejabat Polis Daerah MelakaTengah - Persimpangan Super Senyum/Pulau Melaka (16.09.2008)

f. PDRM tidak memantau dengan berkesan kerja penyenggaraan yang telah dijalankan oleh kontraktor. Didapati penyata penyenggaraan yang disediakan oleh kontraktor tidak disahkan oleh Ketua Trafik Kontinjen/ Daerah, sebaliknya hanya oleh anggota Unit RLC. PDRM juga lewat/tidak mengambil tindakan susulan terhadap laporan kerosakan/keperluan pembaikan/penggantian peralatan sistem yang dikemukakan oleh kontraktor.

Pada pandangan Audit, peralatan sistem yang tidak berfungsi sepenuhnya mengakibatkan kesalahan melanggar isyarat lampu merah tidak dapat dirakam. Justeru ia menjejaskan pencapaian objektif pemasangan sistem perangkap. Selain itu, kamera dan *dummy* serta tiang yang berkeadaan baik tetapi tidak digunakan telah menyebabkan berlaku pembaziran wang Kerajaan.

26.4.3. Pengurusan Saman

26.4.3.1. PDRM menggunakan filem Kodak untuk Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera. Mengikut pengeluar filem Kodak, segulung filem yang digunakan dalam kamera boleh menghasilkan 800 rakaman gambar di mana 2 rakaman akan diambil bagi setiap kenderaan yang terlibat dengan pelanggaran isyarat lampu merah. Ini bermakna segulung filem boleh menunjukkan 400 kesalahan. Bagi setiap kesalahan, notis pemberitahuan (POL 170A) dan

seterusnya saman (POL 257) akan dikeluarkan kepada pesalah. Semakan Audit terhadap penggunaan 82 daripada 951 gulung filem di IPK Kuala Lumpur dan 5 IPD iaitu Petaling Jaya; Johor Bahru Selatan; Melaka Tengah; Ipoh dan Timur Laut Pulau Pinang mendapati perkara berikut :-

a. Di IPD Petaling Jaya, Melaka Tengah, Ipoh dan Timur Laut Pulau Pinang, terdapat kekurangan yang ketara mengenai bilangan rakaman berbanding dengan bilangan yang sepatutnya. Kekurangannya adalah antara 30 hingga 368 rakaman.

b. Di IPK Kuala Lumpur dan IPD Johor Bahru Selatan, Melaka Tengah, Ipoh serta Timur Laut Pulau Pinang, didapati sejumlah 3,981 rakaman telah rosak dan menyebabkan notis pemberitahuan dan saman tidak dapat dikeluarkan. Didapati juga notis pemberitahuan dan saman tidak dikeluarkan bagi 1,022 rakaman yang menunjukkan kenderaan yang terlibat dengan kesalahan pelanggaran isyarat lampu merah di IPK Kuala Lumpur dan IPD Melaka Tengah, Ipoh serta Timur Laut Pulau Pinang. Namun demikian, IPK dan IPD berkenaan tidak dapat mengemukakan sebab notis pemberitahuan dan saman tidak dikeluarkan bagi kesalahan berkenaan. Mengikut perkiraan Audit, Kerajaan telah kehilangan hasil berjumlah RM1.0 juta akibat daripada saman yang tidak dikeluarkan itu.

26.4.3.2. Antara faktor yang menyumbang kepada kerosakan rakaman atau kualiti rakaman terjejas seperti kabur dan tidak boleh dibaca adalah seperti berikut :-

a. Kamera; *outer housing/inner housing; film processor* dan *reader printer* tidak berfungsi dengan baik akibat daripada kerosakan komponennya **(Gambar 26.24 hingga 26.26)**. Di IPD Melaka Tengah, *outer housing* didiami oleh cicak dan berhabuk yang menjejaskan kualiti rakaman **(Gambar 26.27)**.

KOMPONEN SISTEM PERANGKAP TIDAK BERFUNGSI DENGAN BAIK

GAMBAR 26.24

GAMBAR 26.25

Ibu Pejabat Polis Daerah Johor Bahru Selatan
- Saluran Paip Film Processor Bocor
(28.08.2008)

GAMBAR 26.26

Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kuala Lumpur
- Saluran Paip Film Processor Bocor
(25.09.2008)

GAMBAR 26.27

Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah
- Outer Housing "Didiami" Oleh Cicak Dan Berhabuk
(28.08.2008)

b. *Film processor* merupakan alat yang sensitif dan memerlukan penjagaan rapi. Ia perlu diletakkan di tempat yang berhawa dingin. Bagaimanapun, didapati ia tidak diletakkan di tempat yang sesuai yang boleh menyebabkan filem yang diproses kurang berkualiti **(Gambar 26.28 hingga 26.31)**.

***FILM PROCESSOR* TIDAK DILETAKKAN DI TEMPAT YANG SESUAI**

GAMBAR 26.28

GAMBAR 26.29

Ibu Pejabat Polis Daerah Timur Laut Pulau Pinang
- Diletakkan Dalam Tempat Senggara Penghawa Dingin Dengan Keadaan Tempat Yang Tidak Berjaga
(09.10.2008)

GAMBAR 26.30



GAMBAR 26.31

Ibu Pejabat Polis Daerah Melaka Tengah
- Ditempatkan Di Bilik Yang Kecil Dan Tiada Penghawa Dingin
(15.09.2008)

c. Anggota Unit RLC kurang cekap/mahir mengendalikan filem untuk diproses.

d. Mengikut kontraktor yang menyenggarakan sistem perangkap, bagi memastikan filem boleh menghasilkan rakaman yang baik, ia tidak boleh berada melebihi 21 hari dalam kamera. Semakan Audit secara rambang mendapati terdapat filem berada di dalam kamera antara 26 hingga 60 hari.

26.4.3.3. Unit RLC akan menyenaraikan nombor kenderaan bagi pengguna yang melanggar isyarat lampu merah melalui Sistem Kompaun Trafik Berkomputer (Sistem Trafik COPS). Manakala Unit Teknologi Maklumat, Ibu Pejabat Polis Bukit Aman akan mendapatkan maklumat pemilik kenderaan daripada Jabatan Pengangkutan Jalan secara *online*. Seterusnya, Cawangan Trafik PDRM akan mengeluarkan saman melalui Sistem Trafik COPS. Semakan Audit mendapati norma masa yang khusus tidak ditetapkan bagi setiap proses yang terlibat. Berdasarkan 600 notis pemberitahuan yang dipilih secara rambang untuk diaudit, adalah didapati 397 kes di mana tempoh masa yang diambil dari tarikh kesalahan dilakukan sehingga saman dikeluarkan kepada pesalah adalah antara 3 hingga 9 bulan. Bagi 157 kes yang lain, tempoh masa pengeluaran saman tidak dapat ditentukan kerana maklumat pengeluaran saman tidak dikemukakan.

Pada pandangan Audit, kegagalan/kelewatan mengeluarkan saman telah menjejaskan usaha Kerajaan untuk meningkatkan kesedaran pengguna tentang pematuhan isyarat lampu merah bagi mengelakkan kemalangan di persimpangan jalan.

26.4.4. Maklum Balas Terhadap Penggunaan Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera

26.4.4.1. Seramai 24 (80%) daripada 30 pegawai/anggota polis yang ditemu bual memaklumkan bahawa sistem ini dapat meringankan beban kerja anggota Unit RLC kerana tanpa pemasangan sistem perangkap ini, anggota polis perlu ditempatkan di persimpangan jalan selama 24 jam untuk memastikan pengguna jalan raya mematuhi isyarat lampu merah.

26.4.4.2. Ketua Pengarah Jabatan Keselamatan Jalan Raya juga telah memberi pandangan tentang kewajaran sistem ini dipasang dan diperluaskan ke lokasi yang lain di seluruh negara. Mengikut beliau, sistem perangkap ini boleh menjalankan fungsinya selama 24 jam setiap hari bagi mengesan kesalahan melanggar isyarat lampu merah dan ini boleh mempertingkatkan tahap penguatkuasaan terhadap undang-undang dan peraturan lalu lintas di jalan raya. Penggunaan sistem perangkap ini juga adalah lebih objektif, tepat dan *scientific* berbanding dengan penggunaan tenaga manusia. Tambahan pula, PDRM tidak mempunyai anggota yang mencukupi untuk melaksanakan tugas penguatkuasaan lalu lintas di mana tahap penguatkuasaan hanya 16% hingga 25% pada hari biasa dan 40% pada hari perayaan ketika ini.

Berdasarkan perkiraan Audit, sekiranya anggota polis (pangkat konstanbel) ditempatkan di 56 persimpanan jalan iaitu 3 anggota di setiap persimpangan jalan untuk menggantikan fungsi Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera, Kerajaan perlu menanggung bayaran emolumen bagi 3 tahun berjumlah RM12.32 juta. Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding dengan kos perolehan

sistem perangkap setelah mengambil kira jangka hayatnya selama 20 tahun serta kos penyenggaraan sistem bagi tempoh 3 tahun yang berjumlah RM6.81 juta. Mengambil kira perkiraan ini dan maklum balas tersebut, pada pandangan Audit, adalah wajar bagi Kementerian/PDRM menimbangkan untuk memperluaskan pemasangan sistem ini di lokasi yang lain di seluruh negara, dengan syarat pihak PDRM meningkatkan keupayaannya dari segi pengurusan dan penyenggaraan peralatan.

26.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Secara keseluruhannya, Sistem Perangkap Lampu Merah Berkamera tidak diuruskan dengan cekap dan berkesan. Antara faktor utama yang telah mengakibatkan sistem ini tidak dapat mencapai objektifnya adalah kerana kelewatan pelantikan kontraktor untuk kerja penyenggaraan; ketiadaan koordinasi antara pihak Polis Diraja Malaysia (PDRM) dengan kontraktor serta Pihak Berkuasa Tempatan; kesukaran mendapatkan alat ganti; kekurangan anggota polis dan peruntukan kewangan yang disediakan tidak mencukupi kerana telah digunakan untuk tujuan lain. Berdasarkan maklum balas yang diterima, sistem ini wajar diperluaskan pemasangannya di seluruh negara kerana mendatangkan faedah kepada anggota polis dan orang awam dengan syarat pihak PDRM meningkatkan keupayaannya dari segi pengurusan dan penyenggaraan peralatan. Bagi memperbaiki kelemahan yang dibangkitkan dalam laporan ini dan memastikan Kerajaan dapat mencapai objektif pemasangan sistem perangkap lampu merah berkamera serta memperoleh *value for money*, adalah disyorkan supaya Kementerian Dalam Negeri dan PDRM mengambil tindakan penambahbaikan seperti berikut :-

26.5.1. Mewujudkan mekanisme untuk mengumpul data mengenai jumlah pelanggaran isyarat lampu merah dan kemalangan di setiap persimpangan jalan yang telah dipasang dengan sistem perangkap bagi tujuan menilai keberkesanan sistem ke arah mencapai objektif perolehannya.

26.5.2. Memastikan sistem perangkap dipasang di lokasi yang sesuai dan sentiasa berfungsi dengan baik. Bagi tujuan ini, pemantauan yang berterusan hendaklah dibuat bagi memastikan sistem ini disenggara mengikut jadual yang telah ditetapkan dan sebarang kerosakan dibaiki segera. Selain itu, Kementerian/PDRM perlu bekerjasama dengan Pihak Berkuasa Tempatan yang berkenaan untuk memastikan aktiviti pembinaan/pelebaran jalan/pembangunan kawasan tidak menjejaskan keberkesanan sistem ini.

26.5.3. Menyediakan anggota polis yang khusus untuk menguruskan sistem perangkap dan seterusnya memberi latihan kepada mereka untuk mengendalikan sistem khususnya dalam penggunaan filem bagi memastikan tidak berlaku kerosakan rakaman yang akan menjejaskan pengeluaran saman.

26.5.4. Menentukan norma masa bagi setiap proses yang terlibat dari tarikh kesalahan dilakukan sehingga saman dikeluarkan bagi memastikan tidak ada sebarang kelewatan dalam pengeluaran saman kepada pesalah.

PELBAGAI KEMENTERIAN DAN JABATAN

27. PENGURUSAN BAYARAN EMOLUMEN BAGI ANGGOTA PERKHIDMATAN AWAM

27.1. LATAR BELAKANG

27.1.1. Emolumen terdiri daripada gaji pokok, bayaran elaun dan imbuhan yang diluluskan oleh Kerajaan. Gaji pokok merujuk kepada mata gaji dalam struktur gaji Sistem Saraan Malaysia yang berkuat kuasa dan diambil kira untuk faedah pencen. Elaun dan imbuhan dalam perkhidmatan awam berdasarkan Perintah Am Bab B merupakan satu keistimewaan dan bukan bersifat kekal yang patut dibayar kepada pegawai berkelayakan berdasarkan syarat dan kadar yang ditetapkan. Potongan gaji terdiri daripada potongan wajib seperti caruman Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), bayaran ansuran pinjaman perumahan, kenderaan, komputer dan potongan cukai pendapatan berjadual. Manakala potongan pilihan seperti simpanan Tabung Haji, zakat, insurans, Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia Berhad (ANGKASA) dan pelbagai potongan yang diluluskan. Bagi tahun 2008, sejumlah RM41.01 bilion telah dibelanjakan untuk pembayaran emolumen.

27.1.2. Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) merupakan penggubal polisi emolumen perkhidmatan awam Malaysia termasuk Polis Diraja Malaysia. Bagaimanapun bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), ia tertakluk kepada penerimaan polisi tersebut oleh Majlis Angkatan Tentera. Kementerian/Jabatan bertanggungjawab menyelenggara rekod gaji dan dokumen perkhidmatan untuk memproses pembayaran emolumen. Pembayaran emolumen dilaksanakan oleh Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM) dan bagi ATM diuruskan oleh Jabatan Arah Urusan Gaji Angkatan Tentera Malaysia (UGAT).

27.1.3. Mengikut data dalam Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS) yang diselenggarakan oleh JPA sehingga 31 Disember 2008, sebanyak 1,257,426 jawatan pelbagai gred telah diluluskan oleh JPA. Daripada jumlah itu, 1,013,532 daripadanya telah diisi. Jumlah tersebut tidak termasuk jawatan tentera dan polis kerana maklumat mengenainya tidak dapat diperoleh daripada sistem tersebut. Bagaimanapun mengikut rekod di Kementerian Pertahanan dan Polis Diraja Malaysia, anggota tentera dan polis yang sedia ada seramai 206,652 anggota. Kedudukan perjawatan perkhidmatan awam adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 27.1
KEDUDUKAN PERJAWATAN PERKHIDMATAN AWAM PADA 31 DISEMBER 2008

KUMPULAN PERKHIDMATAN	LULUS	DIISI	% ISI
Pengurusan Tertinggi	1,609	1,597	99.3
Pengurusan Dan Profesional	317,707	258,212	81.3
Bersepadu (BSP)	265,957	214,433	80.6
Kumpulan Sokongan	671,396	538,782	80.3
Lain-lain	757	508	67.1
JUMLAH	**1,257,426***	**1,013,532***	**80.6**

Nota :- (*) Tidak Termasuk Jawatan Polis Dan Tentera

27.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada pengurusan bayaran emolumen di pelbagai Kementerian/Jabatan telah dilaksanakan dengan teratur selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

27.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

27.3.1. Pengauditan ini meliputi semakan terhadap dokumen sokongan dan data gaji, elaun, imbuhan melalui fail induk gaji bagi tempoh bulan Mei 2007 hingga Jun 2008 serta potongan gaji bagi sesuatu bulan dalam tempoh tersebut. Pengauditan ini dilaksanakan di 11 Kementerian/Jabatan yang melibatkan 2 peringkat iaitu di 6 Pejabat Perakaunan dan 98 Pusat Pembayar seperti di jadual berikut :-

JADUAL 27.2
BILANGAN PUSAT PEMBAYAR YANG DIAUDIT

KEMENTERIAN/JABATAN	SKIM PERKHIDMATAN PEGAWAI YANG DIAUDIT	BILANGAN PUSAT PEMBAYAR DIAUDIT
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	Semua Skim	1
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	Semua Skim	3
Kastam Diraja Malaysia	Semua Skim	18
Polis Diraja Malaysia	Pegawai/Anggota Polis	2
Kementerian Pertahanan	Pegawai/Anggota Tentera	5
Kementerian Pelajaran Malaysia	Pegawai Perkhidmatan Pendidikan	19
Kementerian Kesihatan Malaysia	Skim Perubatan Dan Kesihatan	38
Kementerian Pengangkutan	Semua Skim	7
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	Semua Skim	3
Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	Semua Skim	1
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	Semua Skim	1
JUMLAH		**98**

27.3.2. Menyemak 2,951 fail peribadi/fail gaji/rekod perkhidmatan di Pusat Pembayar bagi pegawai yang terlibat sama ada dengan lantikan pertama; tukar lantik; kenaikan pangkat; anjakan gaji; cuti belajar bergaji penuh/separuh gaji/tanpa gaji; bersara; meninggal dunia; meletak jawatan atau tindakan tatatertib. Temu bual juga diadakan dengan pegawai terlibat bagi mendapatkan perakuan pengesahan maklumat yang diperoleh daripada proses semakan.

27.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Mei hingga Disember 2008 mendapati pada umumnya, **pengurusan bayaran emolumen bagi anggota perkhidmatan awam di Kementerian/Jabatan berkenaan adalah kurang memuaskan**. Antara kelemahan yang diperhatikan ialah berlaku lebihan dan kurangan bayaran emolumen masing-masingnya berjumlah RM947,338 dan RM221,437, fail peribadi dan rekod perkhidmatan tidak diselenggarakan dengan lengkap dan kemas kini serta surat perwakilan kuasa tidak dikeluarkan kepada pegawai yang menandatangani Borang Kew. 8. **Memandangkan pengauditan hanya dibuat berdasarkan sampel, jumlah lebihan dan kurangan bayaran emolumen mungkin lebih besar sekiranya pengauditan dibuat secara menyeluruh**. Antara faktor yang menyebabkan lebihan/ kurangan bayaran emolumen tersebut ialah kesilapan dalam pengiraan gaji dan elaun; kelewatan mengambil tindakan untuk memberhentikan/membuat pelarasan gaji dan elaun apabila pegawai bercuti separuh gaji/bercuti tanpa gaji/meninggal dunia/bersara/ letak jawatan/dikenakan tindakan tatatertib/bertukar; tindakan dan keputusan tatatertib lewat diambil oleh bahagian berkenaan; bayaran Bantuan Sara Hidup (COLA) dan Imbuhan Tetap Perumahan/Elaun Perumahan Wilayah masih dibuat kepada pegawai yang menduduki kuarters Kerajaan dan kutipan balik lebihan bayaran tersebut tidak dibuat melalui potongan emolumen. Penjelasan lanjut mengenai perkara yang telah diperhatikan adalah seperti di perenggan berikut :-

27.4.1. Peraturan Berhubung Dengan Bayaran Emolumen

Bagi tujuan pengauditan ini, pematuhan terhadap peraturan seperti berikut telah disemak :-

27.4.1.1. Penetapan Gaji Permulaan Pegawai

Perintah Am 23 dan 24 Bab A, Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Pelantikan, Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) menjelaskan kuasa Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) untuk menetapkan gaji permulaan seseorang pegawai awam yang baru dilantik dan dilantik dalam kes-kes khas. Semua penentuan tangga gaji untuk pegawai lantikan pertama dan pegawai yang dilantik secara Kenaikan Pangkat Secara Lantikan (KPSL) telah ditetapkan oleh SPA melalui surat tawaran yang dikeluarkan kepada pegawai tersebut.

27.4.1.2. Bayaran Anjakan Gaji

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 dan Bilangan 5 Tahun 2002 serta Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2005 menetapkan pegawai yang mencapai keputusan Aras IV Penilaian Tahap Kecekapan (PTK) layak dipertimbangkan untuk anjakan gaji. Pegawai lantikan pertama yang telah disahkan jawatan hanya boleh menerima anjakan gaji selepas 3 tahun dari tarikh lantikan. Setiap pegawai yang diberi anjakan gaji perlu disokong dengan surat kelulusan daripada Ketua Jabatan. Penetapan tangga gaji bagi anjakan gaji adalah secara melintang ke tangga gaji peringkat berikutnya.

27.4.1.3. Penetapan Gaji Pegawai Yang Dinaikkan Pangkat

Kenaikan pangkat pegawai akan dimaklumkan melalui surat penyiaran kenaikan pangkat yang menyatakan tarikh kuat kuasa kenaikan pangkat sama ada dikebelakangkan pada mana-mana tarikh yang ditetapkan oleh Lembaga Kenaikan Pangkat. Kaedah pelarasan gaji dan penetapan gaji permulaan kenaikan pangkat adalah merujuk kepada Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 14 Tahun 2007 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 2008 yang masing-masingnya dikeluarkan oleh JPA pada 20 Ogos 2007 dan 2 Jun 2008.

27.4.1.4. Membuat Pelarasan/Memberhentikan Bayaran Emolumen Bagi Pegawai Yang Bercuti Separuh Gaji/Bercuti Tanpa Gaji

a. Takrif dan kaedah pelaksanaan cuti separuh gaji dan cuti tanpa gaji mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2002 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 5 Tahun 2007 yang dikeluarkan oleh JPA serta Perintah Am Bab C (Cuti) adalah seperti berikut :-

    i. Cuti separuh gaji - cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk mengikuti kursus latihan atau pengajian atau mengidap penyakit tertentu yang diperakukan oleh Lembaga Perubatan atau atas sebab kesihatan sanak saudara yang rapat dan dalam tempoh tersebut, pegawai dibayar separuh gaji.

    ii. Cuti tanpa gaji - cuti yang diluluskan oleh pihak berkuasa melulus kepada seseorang pegawai untuk tujuan belajar, mengikuti suami atau isteri belajar atau bertugas di dalam atau luar negara serta cuti menjaga anak tanpa dibayar gaji dalam tempoh tersebut.

b. Kebenaran bercuti hendaklah disokong antaranya dengan surat kelulusan bercuti dan dokumen sokongan yang berkaitan seperti surat kelulusan JPA dan surat tawaran universiti (cuti belajar) atau surat pengesahan Lembaga Perubatan dan sebagainya.

27.4.1.5. Memberhentikan Bayaran Emolumen Bagi Pegawai Yang Meletak Jawatan/Meninggal Dunia/Bersara

a. Mengikut Perintah Am Bab A (Lantikan), seseorang pegawai yang hendak meletakkan jawatan hendaklah terlebih dahulu memberi notis berhenti kerja. Notis ini hendaklah dihantar melalui Ketua Jabatan yang akan memanjangkannya kepada Ketua Pengarah Perkhidmatan Awam Malaysia. Manakala Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2008 menetapkan pegawai yang meninggal dunia layak menerima bayaran gaji yang sepatutnya sehingga tarikh kematiannya dan dokumen penting bagi mengesahkan bahawa seseorang pegawai telah meninggal dunia adalah Sijil Kematian. Selain itu, Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2008 pula menetapkan umur persaraan wajib bagi anggota sektor awam ialah apabila mencapai umur 55 atau 56 atau 58 tahun. Pegawai juga boleh memohon bersara secara pilihan apabila mencapai umur 40 tahun.

b. Mengikut Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2008, pegawai yang layak menerima pelarasan gaji akhir sebelum bersara adalah pegawai yang memenuhi salah satu keadaan berikut :-

i. Bersara wajib di bawah Seksyen 10(1) atau 10(3), Akta Pencen.
ii. Bersara atas sebab kesihatan.
iii. Bersara atas sebab penghapusan jawatan.
iv. Bersara atas sebab penyusunan semula organisasi.
v. Bersara atas alasan peribadi.
vi. Bersara demi kepentingan perkhidmatan awam.
vii. Bersara atas sebab penswastaan/pengkorporatan agensi Kerajaan.
viii. Bersara bagi pegawai yang tertakluk kepada Skim Kumpulan Wang Simpanan Pekerja.

27.4.1.6. Memberhentikan/Pemotongan Emolumen Terhadap Kes Tindakan Tatatertib

Mengikut Peraturan-peraturan Pegawai Awam (Kelakuan dan Tatatertib) 1993, jika seseorang pegawai didapati bersalah atas sesuatu kesalahan tatatertib, mana-mana satu atau gabungan dua atau lebih hukuman tatatertib boleh dikenakan bergantung kepada tahap seriusnya kesalahan itu. Hukuman yang boleh dikenakan ke atas pegawai berkenaan adalah seperti amaran, denda, lucut hak emolumen, tangguh pergerakan gaji, turun gaji, turun pangkat dan buang kerja. Peraturan 44(6) dalam peraturan yang sama menyatakan pegawai yang ditahan kerja adalah berhak untuk menerima tidak kurang daripada separuh emolumennya sebagaimana difikirkan patut oleh Pihak Berkuasa Tatatertib. Manakala Peraturan 45 memberi kuasa kepada Pihak Berkuasa Tatatertib untuk menggantung kerja pegawai tersebut jika pegawai itu telah disabitkan oleh mana-mana mahkamah jenayah atau suatu perintah tahanan, buang negeri dan sebagainya. Bagi ATM, Seksyen 159 (1)(a), Akta Angkatan Tentera menetapkan gaji pegawai/anggota boleh dilucutkan semasa menjalani hukuman tatatertib.

27.4.1.7. Imbuhan Tetap Keraian

Kadar Imbuhan Tetap Keraian (ITK) untuk pegawai dalam Kumpulan Pengurusan Tertinggi serta Kumpulan Pengurusan Dan Profesional ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 1996, Bilangan 8 Tahun 2000, Bilangan 4 dan 5 Tahun 2002. Kadar ITK adalah antara RM400 hingga RM5,300 sebulan.

27.4.1.8. Imbuhan Tetap Perumahan/Elaun Perumahan Wilayah

Kadar kelayakan pegawai untuk menerima Imbuhan Tetap Perumahan (ITP) dinyatakan di dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1994, Bilangan 8 Tahun 2000, Bilangan 6 Tahun 2001, Bilangan 4 Tahun 2004, Bilangan 11 Tahun 2006 dan Bilangan 16 Tahun 2007. Kadar yang ditetapkan adalah antara

RM180 hingga RM2,500 sebulan. Manakala Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 11 Tahun 2001 menetapkan pegawai yang bertukar wilayah layak diberi Elaun Perumahan Wilayah (EPW). Pegawai yang layak menerima EPW tidak layak diberi ITP dan sebaliknya. Kadar EPW adalah berbeza mengikut kumpulan dan tempat berkhidmat seperti mana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002.

27.4.1.9. Bantuan Sara Hidup

Pegawai yang diluluskan ITP layak diberikan Bantuan Sara Hidup (COLA) manakala pegawai yang menduduki kuarters layak 50% daripada kadar yang diberikan kepada pegawai yang tidak diperuntukkan rumah Kerajaan. Kadar COLA adalah ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 2007. Pegawai yang tidak layak menerima COLA adalah seperti berikut :-

a. Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
b. Memangku atau dipinjamkan untuk menyandang jawatan Kumpulan Pengurusan Tertinggi.
c. Dibayar Bayaran Insentif Wilayah.
d. Berada dalam skim saraan agensi yang diasingkan pengurusan saraannya.
e. Dipinjamkan ke badan antarabangsa atau syarikat swasta.
f. Dibayar Elaun Perbezaan Sara Hidup.
g. Diluluskan cuti belajar di luar negara melebihi satu tahun.
h. Bercuti tanpa gaji.

27.4.1.10. Elaun Pemangkuan

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 7 Tahun 1993, Elaun Pemangkuan bermaksud elaun yang dibayar kepada seseorang pegawai yang diberi kelulusan memangku suatu jawatan yang lebih tinggi grednya dari gred hakiki dalam skim perkhidmatan pegawai berkenaan secara sepenuh masa. Elaun Memangku secara amnya ialah perbezaan di antara gaji permulaan jawatan yang dipangku dengan gaji hakiki pegawai berkenaan.

27.4.1.11. Elaun Tanggung Kerja

Mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007, penanggungan kerja bermaksud seseorang pegawai diberi kelulusan menjalankan tugas dan tanggungjawab suatu jawatan lain yang sama, lebih tinggi atau lebih rendah tarafnya di samping menjalankan tugas jawatannya sendiri. Kadar Elaun Tanggung Kerja ialah sebanyak 25% daripada gaji permulaan jawatan yang ditanggung.

27.4.1.12. Bayaran Insentif Wilayah/Bayaran Insentif Semenanjung dan Bayaran Insentif Sabah/Sarawak

Pegawai yang layak diluluskan Bayaran Insentif Wilayah (BIW) adalah berdasarkan tempat asal pegawai berkenaan seperti mana ditetapkan dalam

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 6 Tahun 1987 dan Bilangan 7 Tahun 1997. Kadar yang ditetapkan adalah mengikut Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 8 Tahun 2007. Bagi ATM, pembayaran Bayaran Insentif Semenanjung (BIS) dan Bayaran Insentif Sabah/Sarawak (BISS) dibayar mengikut kadar harian dan pangkat. Kadar berkenaan ditetapkan melalui Perintah Majlis Angkatan Tentera (PMAT). BIS dibayar melalui gaji bulanan manakala BISS dibayar melalui Akaun Panjar.

27.4.1.13. Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 4 Tahun 2002 dan Surat Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 17 Tahun 2007 menetapkan Bayaran Insentif Perkhidmatan Kritikal (BIPK) diberi kepada pegawai dalam skim perkhidmatan yang ditakrifkan sebagai perkhidmatan kritikal. Pegawai yang layak menerimanya perlu mematuhi syarat antaranya ialah menggunakan kelayakan/ kelulusan yang dimiliki untuk menjalankan skop fungsi dalam bidang tugas skim yang ditakrifkan sebagai perkhidmatan kritikal.

27.4.1.14. Bayaran Insentif Khas

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 9 Tahun 1991, Bilangan 3 Tahun 2002 dan Bilangan 6 Tahun 2004 membenarkan Bayaran Insentif Khas dibayar kepada pegawai yang melaksanakan tugas khusus di Kementerian/Jabatan berkenaan. Kadar yang ditetapkan adalah berbeza mengikut peraturan yang berkuat kuasa. Antara Bayaran Insentif Khas tersebut adalah seperti berikut :-

a. Bayaran Insentif Pos Basik
b. Bayaran Insentif Luar Waktu Pejabat
c. Bayaran Insentif Pemeriksa Kapal Terbang
d. Bayaran Insentif Kawalan Trafik Udara
e. Bayaran Insentif Subjek Pendidikan
f. Bayaran Insentif Mengajar Kanak-kanak Cacat
g. Bayaran Insentif Pencegahan Kastam
h. Bayaran Insentif Badan Pencegah Rasuah
i. Bayaran Insentif Trafik
j. Bayaran Insentif Detektif
k. Bayaran Insentif Tugas Stesen Luar Pantai

27.4.2. Bayaran Emolumen Yang Tidak Tepat

27.4.2.1. Hasil daripada pengauditan yang dijalankan secara rawak terhadap bayaran emolumen di 11 Kementerian/Jabatan mendapati emolumen terlebih dibayar berjumlah RM947,338 melibatkan 360 pegawai. Manakala sejumlah RM221,437 emolumen telah terkurang dibayar kepada 137 pegawai. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 27.3
LEBIHAN/KURANGAN BAYARAN EMOLUMEN HASIL DARIPADA PENGAUDITAN

KEMENTERIAN/JABATAN	BAYARAN EMOLUMEN					
	TERLEBIH			TERKURANG		
	BIL PEGAWAI	JUMLAH GAJI POKOK (RM)	JUMLAH ELAUN (RM)	BIL PEGAWAI	JUMLAH GAJI POKOK (RM)	JUMLAH ELAUN (RM)
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	66	101,074	36,452	-	-	-
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	1	-	399	-	-	-
Kastam Diraja Malaysia	34	32,279	58,900	12	-	10,027
Polis Diraja Malaysia	105	147,630	72,989	46	13,550	47,309
Kementerian Pertahanan	19	-	3,028	-	-	-
Kementerian Pelajaran Malaysia	5	1,997	8,697	11	-	4,597
Kementerian Kesihatan Malaysia	100	203,340	227,052	42	28,882	87,886
Kementerian Pengangkutan	10	2,584	13,732	19	-	23,283
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	7	9,189	16,635	5	1,426	2,364
Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	6	1,385	4,311	1	-	2,102
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	7	1,224	4,441	1	-	11
JUMLAH	**360**	**500,702**	**446,636**	**137**	**43,858**	**177,579**
JUMLAH GAJI POKOK DAN ELAUN		**947,338**			**221,437**	

27.4.2.2. Semakan Audit mendapati lebihan/kurangan bayaran emolumen tersebut berlaku antara lainnya disebabkan oleh faktor berikut :-

a. Gaji yang dibayar melebihi gaji yang ditawar dan kesilapan sama ada dalam penetapan gaji permulaan dan kadar kelayakan gaji/elaun; pengiraan gaji dan elaun; mengambil kira tangga gaji dan tarikh pergerakan gaji apabila pegawai diberi anjakan gaji/kenaikan pangkat secara lantikan.

b. Kelewatan mengambil tindakan untuk memberhentikan/membuat pelarasan gaji dan elaun apabila pegawai cuti separuh gaji/cuti tanpa gaji/meninggal dunia/bersara/letak jawatan/dikenakan tindakan tatatertib/bertukar.

c. Tindakan dan keputusan tatatertib lewat diambil oleh Kementerian/Jabatan berkenaan.

d. Kesilapan dalam penyediaan penyata perubahan gaji (Borang Kew. 8).

e. Bayaran Bantuan Sara Hidup (COLA) dan Imbuhan Tetap Perumahan/ Elaun Perumahan Wilayah masih dibuat kepada pegawai yang menduduki kuarters Kerajaan. Bayaran COLA juga dibuat kepada pegawai yang telah menerima Bayaran Insentif Wilayah dan memangku jawatan gred JUSA.

f. Kutipan balik lebihan bayaran tidak dibuat melalui potongan emolumen.

27.4.2.3. Semakan Audit selanjutnya terhadap Manual Prosedur Kerja yang disediakan di 11 Kementerian/Jabatan berkenaan mendapati proses kerja bagi pembayaran emolumen dari penyediaan Borang Kew. 8 di Bahagian

Pengurusan Sumber Manusia hingga pembayaran gaji melalui Sistem Gaji Berkomputer di Bahagian Kewangan telah dinyatakan dengan jelas. Dengan mengadakan Manual Prosedur Kerja tersebut dan pekeliling berkaitan untuk dijadikan rujukan, pihak Audit berpendapat lebihan/kurangan bayaran emolumen tidak sewajarnya berlaku. **Oleh itu, Kementerian/Jabatan patut menyiasat sama ada lebihan/kurangan bayaran emolumen tersebut disebabkan oleh kecuaian pegawai. Sekiranya ada, tindakan surcaj hendaklah diambil selaras dengan seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan.**

27.4.2.4. Berdasarkan maklum balas daripada Kementerian/Jabatan berkenaan, didapati 9 Kementerian/Jabatan telah mengambil tindakan mengutip balik emolumen yang terlebih bayar berjumlah RM325,725 dan membuat pembayaran kepada pegawai yang terkurang bayar berjumlah RM159,375 di mana 2 Kementerian iaitu Kementerian Pelajaran Malaysia serta Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat telah mengutip/membayar balik semua lebihan/kurangan bayaran emolumen yang berkenaan. Manakala isu-isu yang di luar kawalan Kementerian/Jabatan seperti pegawai telah melepaskan jawatan telah dirujuk kepada JPA untuk tindakan lanjut. Hasil daripada tindakan tersebut, Kementerian/Jabatan berkenaan masih perlu mengambil tindakan lanjut terhadap baki lebihan/kurangan bayaran emolumen seperti di jadual berikut :-

JADUAL 27.4
LEBIHAN/KURANGAN BAYARAN EMOLUMEN
YANG MEMERLUKAN TINDAKAN LANJUT

KEMENTERIAN	BAYARAN EMOLUMEN					
	TERLEBIH			TERKURANG		
	BIL. PEGAWAI	JUMLAH GAJI POKOK (RM)	JUMLAH ELAUN (RM)	BIL. PEGAWAI	JUMLAH GAJI POKOK (RM)	JUMLAH ELAUN (RM)
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	66	101,074	36,452	-	-	-
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	1	-	399	-	-	-
Kastam Diraja Malaysia	15	1,497	23,778	1	-	900
Polis Diraja Malaysia	98	125,555	69,039	22	9,446	13,358
Kementerian Pertahanan	19	-	3,028	-	-	-
Kementerian Kesihatan Malaysia	70	108,731	129,855	21	101	13,363
Kementerian Pengangkutan	3	1,354	1,082	19	-	23,283
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	1	5,539	13,103	1	-	1,611
Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	1	1,127	-	-	-	-
JUMLAH	**274**	**344,877**	**276,736**	**64**	**9,547**	**52,515**
JUMLAH GAJI POKOK DAN ELAUN		**621,613**			**62,062**	

27.4.3. Rekod Perkhidmatan Tidak Diselenggara Dengan Lengkap Dan Tidak Kemas Kini

27.4.3.1. Fail peribadi/gaji/rekod perkhidmatan bagi semua pegawai pada umumnya ada disimpan oleh Bahagian Perkhidmatan di Pusat Pembayar. **Semakan Audit terhadap 2,951 fail peribadi/gaji/buku rekod perkhidmatan mendapati dokumen dalam 633 fail peribadi/fail gaji tidak lengkap dan 222 rekod perkhidmatan tidak kemas kini (Jadual 27.5).** Contohnya, salinan Borang Kew. 8 berserta dokumen sokongan seperti borang SG20, jadual pengiraan yang menunjukkan jumlah tunggakan, borang Opsyen B, Surat Keputusan Pergerakan Gaji, Surat Tawaran Kenaikan Pangkat dan Surat Arahan Potongan Gaji tidak disimpan dalam fail peribadi/fail gaji. Manakala bagi rekod perkhidmatan, butir-butir yang sepatutnya dicatat tidak direkod seperti penerima Anugerah Perkhidmatan Cemerlang, perubahan gaji tahunan, arahan pertukaran, kelulusan pinjaman kenderaan dan komputer, cuti dan cuti bergaji penuh yang diambil.

JADUAL 27.5
FAIL PERIBADI/FAIL GAJI TIDAK LENGKAP
DAN REKOD PERKHIDMATAN TIDAK KEMAS KINI

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN	
	FAIL PERIBADI/ FAIL GAJI TIDAK LENGKAP	BUKU REKOD PERKHIDMATAN TIDAK KEMAS KINI
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	30	23
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	48	12
Kastam Diraja Malaysia	0	19
Polis Diraja Malaysia	221	55
Kementerian Pertahanan	180	32
Kementerian Pelajaran Malaysia	62	52
Kementerian Kesihatan Malaysia	1	1
Kementerian Pengangkutan	91	28
JUMLAH	**633**	**222**

27.4.3.2. Semakan Audit selanjutnya mendapati fail peribadi/fail gaji dan rekod perkhidmatan yang tidak lengkap dan tidak kemas kini antara lainnya adalah disebabkan oleh nisbah pegawai menyelenggarakan fail berbanding bilangan fail yang dikendalikan adalah tidak sepadan dan seimbang. Selain itu, maklumat individu pegawai tidak sampai kepada pegawai yang menyelenggarakan rekod disebabkan kurang komunikasi serta kerjasama antara bahagian-bahagian yang terlibat dalam penyampaian maklumat pegawai. **Fail peribadi/fail gaji dan rekod perkhidmatan yang tidak lengkap dan kemas kini telah menyukarkan maklumat pegawai diperoleh dan rujukan terhadap perkhidmatannya. Keadaan ini juga menyebabkan bayaran emolumen pegawai lambat diproses dan juga berlakunya emolumen terlebih atau terkurang bayar. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian/Jabatan mengambil tindakan terhadap pegawai yang gagal mengemas kini fail peribadi/fail gaji dan rekod perkhidmatan pegawai, mengkaji semula nisbah pegawai yang mengendalikan rekod pegawai serta mengeluarkan satu garis panduan berkaitan penyelenggaraan rekod tersebut.**

27.4.4. Ketidakpatuhan Kepada Peraturan Berkaitan Dengan Urusan Bayaran Emolumen

27.4.4.1. Surat Perwakilan Kuasa

a. Arahan Perbendaharaan 11(a) menghendaki kewajipan kewangan dan perakaunan bagi pegawai bawahan yang bekerja di bawah seseorang Pegawai Pengawal mestilah dinyatakan dengan jelas olehnya dan menetapkan setakat mana mereka itu dibenarkan menjalankan tugas bagi pihaknya. Tugas yang menjadi tanggungjawabnya mestilah dinyatakan secara bertulis. Manakala bagi Angkatan Tentera Malaysia (ATM), kuasa kepada Pegawai Memerintah Pasukan untuk membuat perubahan gaji/elaun pegawai dan anggota di bawahnya diberi melalui Perintah Bahagian Dua (Perbah Dua) di bawah Peraturan Gaji Dan Elaun 1961. **Semakan Audit di 11 Kementerian/Jabatan yang melibatkan 156 pegawai yang dipertanggungjawabkan untuk meluluskan penyata perubahan gaji (Borang Kew. 8)/Perbah Dua mendapati 12 pegawai di 3 Kementerian/ Jabatan tidak diberikan surat perwakilan kuasa.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 27.6
PEGAWAI MELULUS PENYATA PERUBAHAN GAJI/PERBAH DUA TANPA SURAT PERWAKILAN KUASA

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PEGAWAI	
	DIAUDIT	TIADA SURAT PERWAKILAN KUASA
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	5	5
Kementerian Pengangkutan	17	3
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	4	4
JUMLAH	**26**	**12**

b. Adalah didapati surat perwakilan kuasa tidak dikeluarkan kerana pegawai tidak menyedari keperluan menyediakannya. Bagaimanapun **bagi mematuhi kehendak Arahan Perbendaharaan tersebut, Kementerian/ Jabatan berkenaan perlu segera mengeluarkan surat perwakilan kuasa kepada pegawai yang meluluskan Borang Kew. 8**.

27.4.4.2. Pendapatan Bersih Bulanan

Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 7 Tahun 1993, semua potongan termasuk potongan ansuran kenderaan yang ditanggung oleh seseorang pegawai tidak boleh melebihi 60% dari emolumen bulanan. Ini bermaksud baki pendapatan bersih bulanan tidak boleh kurang 40% daripada emolumen bulanan. Semakan Audit terhadap lembaran gaji pegawai bagi bulan-bulan tertentu di 11 Kementerian/Jabatan mendapati 2,574 kes di mana baki pendapatan bersih pegawai berkenaan selepas ambil kira potongan adalah kurang daripada 40% di mana 33 kes menunjukkan pegawai terlibat tiada lagi gaji bagi bulan berkenaan. Semakan Audit selanjutnya mendapati potongan Biro ANGKASA merupakan penyumbang utama kepada potongan yang tinggi. Antara puncanya terjadi baki pendapatan kurang 40% daripada emolumen

bulanan adalah kerana tiada mekanisme yang jelas untuk memantau dan meluluskan potongan emolumen. **Kementerian/Jabatan disyorkan untuk mewujudkan mekanisme pemantauan dalaman yang jelas berkenaan kelulusan potongan emolumen.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 27.7
BAKI PENDAPATAN BERSIH KURANG 40% DARIPADA EMOLUMEN BULANAN

KEMENTERIAN/JABATAN	BILANGAN PEGAWAI	PERATUS PENDAPATAN BERSIH BULANAN PEGAWAI DAN BILANGAN PEGAWAI				
		0%	0.1% - 10%	10.1% - 20%	20.1% - 30%	30.1% - 39.9%
Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia	46	1	1	0	8	36
Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia	34	0	0	0	11	23
Kastam Diraja Malaysia	73	1	3	5	12	52
Polis Diraja Malaysia	2,331	30	47	148	482	1,624
Kementerian Pertahanan	10	0	0	0	0	10
Kementerian Pelajaran Malaysia	25	1	0	0	9	15
Kementerian Kesihatan Malaysia	39	0	0	5	4	30
Kementerian Pengangkutan	3	0	1	0	2	0
Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri	6	0	0	0	2	4
Kementerian Perusahaan Perladangan Dan Komoditi	5	0	0	0	3	2
Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga Dan Masyarakat	2	0	0	0	0	2
JUMLAH PEGAWAI	**2,574**	**33**	**52**	**158**	**533**	**1,798**

Nota : ***Baki 40% Tidak Termasuk Bayaran Balik Gaji Dan Potongan Seperti Simpanan Tabung Haji, Insurans Dan Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP)***

27.4.4.3. *Backup* Data

Data gaji adalah maklumat terperingkat dan sensitif yang perlu diberi perhatian sewajarnya oleh semua pejabat yang berkaitan. Oleh itu, Kementerian/Jabatan perlu mengadakan prosedur pemulihan bencana bagi memastikan data dan sistem dapat terus digunakan sekiranya berlaku kecurian, kehilangan dan kemusnahan yang disengajakan atau secara kebetulan. Prosedur ini termasuk membuat *back-up* data dalam sistem secara automatik dan berjadual dan seterusnya menyimpan data di luar lelaman (offsite back-up) selaras dengan polisi keselamatan. Bagaimanapun, semakan Audit di **Jabatan Akauntan Negara Malaysia (JANM), Cawangan Kota Kinabalu dan Sandakan mendapati penyimpanan *backup tape* tidak dibuat mengikut polisi keselamatan.** Kegagalan menyimpannya di tempat yang selamat boleh menyebabkan *backup tape* berkenaan rosak, hilang atau diubah suai tanpa kebenaran. Semakan Audit di **Jabatan Kastam Diraja Malaysia dan Polis Diraja Malaysia (PDRM) pula mendapati *backup tape* disimpan di bangunan yang sama.** PDRM juga tidak mempunyai ***backup server* yang boleh digunakan sekiranya *server* yang sedia ada mengalami kerosakan. Pada pandangan Audit, kegagalan mematuhi polisi keselamatan berhubung dengan keperluan mengadakan dan menyimpan *backup* di tempat yang selamat adalah kerana kurang pemantauan oleh pihak pengurusan terhadap perkara ini.** Sehubungan ini**, disyorkan supaya *backup tape***

disimpan seperti mana yang ditetapkan oleh polisi keselamatan dan persetujuan diperoleh daripada JANM untuk menggunakan *server*nya jika berlaku kerosakan pada *server*.

27.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Bagi meningkatkan prestasi pengurusan bayaran emolumen, Kementerian/Jabatan hendaklah mengambil tindakan bagi mengatasi kelemahan yang berpunca daripada kesilapan/kecuaian pegawai semasa memproses bayaran emolumen, kekurangan koordinasi antara bahagian-bahagian yang terlibat, kelemahan pemantauan terhadap kutipan balik lebihan bayaran emolumen serta rekod perkhidmatan yang tidak kemas kini. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya Kementerian/Jabatan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

27.5.1. Kementerian/Jabatan perlu mengambil tindakan surcaj selaras dengan Seksyen 18, Akta Tatacara Kewangan terhadap pegawai yang melakukan kesilapan/cuai sehingga menyebabkan lebihan/kurangan bayaran emolumen.

27.5.2. Mewujudkan koordinasi antara semua pihak yang terlibat di semua peringkat supaya peraturan yang berkuat kuasa dapat dipatuhi dan pengemaskinian maklumat dapat dibuat dari semasa ke semasa apabila berlaku sebarang perubahan status atau maklumat pegawai terutamanya jika melibatkan pertukaran dan kenaikan pangkat.

27.5.3. Memastikan pegawai yang bertanggungjawab menjalankan pemeriksaan terperinci sebelum sebarang pindaan terhadap maklumat emolumen pegawai diluluskan bagi mengelakkan berlaku lebihan atau kurangan bayaran.

27.5.4. Mengeluarkan surat perwakilan kuasa kepada pegawai yang meluluskan Borang Kew. 8.

27.5.5. Memberi latihan kepada pegawai yang melaksanakan tugas berkaitan pengurusan bayaran emolumen dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kepekaan terhadap peraturan yang sedang berkuat kuasa. Sehubungan ini, pihak Institut Tadbiran Awam Negara juga patut diminta mengendalikan kursus berhubung dengan pengurusan bayaran emolumen. Selain itu, pegawai perlu merujuk kepada proses pengurusan bayaran emolumen yang dinyatakan dalam Manual Prosedur Kerja.

27.5.6. Jabatan Akauntan Negara Malaysia hendaklah mempercepatkan penyediaan antaramuka *Government Financial And Management Accounting System* (GFMAS) dan Sistem Maklumat Pengurusan Sumber Manusia (HRMIS). Ketua Jabatan hendaklah memastikan maklumat pegawai dikemas kini dalam HRMIS dan disahkan ketepatannya.

27.5.7. Unit Audit Dalam/Unit Naziran di setiap Kementerian/Jabatan perlu menyemak rekod perkhidmatan setiap 6 bulan secara *regular* bagi memastikan ia lengkap dan kemas kini. Penyemakan ini juga membolehkan sebarang kesilapan yang dikesan diperbetulkan dengan segera.

BAHAGIAN II

PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

BAHAGIAN II
PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN

28. PENDAHULUAN

28.1. Mengikut Penyata Kewangan Kerajaan Persekutuan sehingga 31 Disember 2008, Kerajaan mempunyai pelaburan berjumlah RM24.21 bilion dalam 99 syarikat berbanding dengan tahun 2007 di mana ia mempunyai pelaburan berjumlah RM23.23 bilion dalam 99 syarikat. Kerajaan mempunyai kepentingan dalam 99 syarikat tersebut dengan pegangan saham biasa/keutamaan/emas/khas. Objektif pelaburan Kerajaan Persekutuan adalah untuk mendapatkan pulangan yang munasabah; mengekalkan kepentingan Kerajaan dalam sektor strategik dan melabur dalam sektor yang kurang mendapat sambutan daripada sektor swasta. Jumlah pelaburan mengikut kategori syarikat pada akhir tahun 2008 adalah seperti berikut :-

a. Sejumlah RM22.51 bilion telah dilaburkan dalam 50 syarikat di mana Kerajaan Persekutuan memegang lebih daripada 50% ekuitinya.

b. Sejumlah RM0.61 bilion telah dilaburkan dalam 7 syarikat di mana Kerajaan Persekutuan memegang antara 20% hingga 50% ekuitinya.

c. Sejumlah RM1.09 bilion telah dilaburkan dalam 42 syarikat di mana Kerajaan Persekutuan memegang kurang daripada 20% ekuitinya.

28.2. Selaras dengan kehendak Akta Syarikat 1965, penyata kewangan Syarikat Kerajaan diaudit oleh juruaudit yang dilantik oleh syarikat berkenaan. Bagaimanapun Seksyen 5(1)(d), Akta Audit 1957 memberi kuasa kepada Ketua Audit Negara untuk mengaudit syarikat yang menerima geran/pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan atau Negeri dan sesebuah syarikat di mana lebih daripada 50% modal saham berbayar dipegang oleh Kerajaan Persekutuan atau Negeri atau Agensi Kerajaan sekiranya mendapat perintah daripada Yang di-Pertuan Agong. Sehubungan ini, satu perintah yang dinamakan Perintah Audit (Akaun Syarikat) 2004 telah diwartakan pada 29 Januari 2004 bagi membolehkan Ketua Audit Negara menjalankan pengauditan terhadap syarikat berkenaan.

29. PRESTASI KEWANGAN SYARIKAT SECARA KESELURUHAN

29.1. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada kepentingan Kerajaan sebagai pemegang ekuiti dan pembiaya sumber kewangan dijaga serta pelaburan dalam Syarikat Kerajaan tersebut diuruskan dengan cekap, berkesan dan berhemat.

29.2. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

29.2.1. Jabatan Audit Negara telah menjalankan analisis terhadap penyata kewangan syarikat bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 untuk menilai prestasi kewangan syarikat di mana Kerajaan mempunyai ekuiti lebih daripada 50%. Setakat akhir tahun 2007, Kerajaan Persekutuan memiliki lebih daripada 50% ekuiti dalam 51 syarikat yang melibatkan 4 sektor utama iaitu sektor ekonomi, sosial, infrastruktur serta teknologi (dahulu dikenali sebagai perkhidmatan am). Bagaimanapun, analisis Audit hanya dapat dilaksanakan terhadap 48 daripada 51 syarikat tersebut memandangkan 3 syarikat telah ditutup iaitu Tradisi Gemilang Sdn. Bhd., Malaysia Global Sukuk Inc. dan Malaysia Batek And Handicraft Berhad. Semakan terhadap fail, rekod dan dokumen berkaitan telah dibuat di Bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (MKD) Kementerian Kewangan. Senarai 48 syarikat mengikut sektor yang dianalisis adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.1
SYARIKAT YANG MANA KERAJAAN MEMPUNYAI LEBIH DARIPADA 50% PEGANGAN EKUITI MENGIKUT SEKTOR

SEKTOR EKONOMI	SEKTOR SOSIAL
1. Amanah Raya Berhad 2. Bank Pembangunan Malaysia Berhad 3. Export-Import Bank of Malaysia Berhad 4. FELCRA Berhad 5. Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. 6. Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. 7. Keretapi Tanah Melayu Berhad 8. Malaysia Debt Ventures Berhad 9. Halal Industry Development Corporation Sdn. Bhd. 10. Malaysia Venture Capital Management Berhad 11. Perbadanan Nasional Berhad 12. Petroliam Nasional Berhad 13. Pengurusan Danaharta Nasional Berhad 14. Prokhas Sdn. Bhd. 15. Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. 16. Syarikat Prasarana Negara Berhad 17. Syarikat Tanah dan Harta Sdn. Bhd.	1. IJN Holdings Sdn. Bhd. 2. Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. 3. Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad 4. JKP Sdn. Bhd. 5. NINEBIO Sdn. Bhd. 6. Pembinaan BLT Sdn. Bhd. 7. Pengurusan Aset Air Berhad 8. Percetakan Nasional Malaysia Berhad 9. Radio Televisyen Malaysia Berhad 10. Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. 11. Sarawak Hidro Sdn. Bhd. 12. Syarikat Perumahan Negara Berhad
SEKTOR TEKNOLOGI	**SEKTOR INFRASTRUKTUR**
1. Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd. 2. Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd. 3. Cyberview Sdn. Bhd. 4. Inno Bio Ventures Sdn. Bhd. 5. Jaring Communications Sdn. Bhd. 6. Khazanah Nasional Berhad 7. Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. 8. MIMOS Berhad 9. Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd. 10. Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. 11. Piramid Pertama Sdn. Bhd. 12. Professional Services Development Corporation Sdn. Bhd. 13. SIRIM Berhad 14. Technology Park Malaysia Corporation Berhad	1. Assets Global Network Sdn. Bhd. 2. K.L. International Airport Berhad 3. Pembinaan PFI Sdn. Bhd. 4. Penang Port Sdn. Bhd. 5. Penang Port Holdings Berhad

29.2.2. Daripada 48 syarikat yang dipilih, terdapat beberapa syarikat di mana analisis terhadap penyata kewangannya tidak dapat dijalankan bagi tempoh 3 tahun berturut-turut kerana maklumat kewangan bagi tahun tertentu tidak dapat dikemukakan oleh MKD.

29.3. PENEMUAN AUDIT

29.3.1. Prestasi Kewangan Syarikat Secara Keseluruhan

Analisis Audit telah dijalankan dengan menggunakan data penyata kewangan syarikat bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 yang diperoleh daripada Sistem Maklumat Syarikat Kerajaan Dan Badan Berkanun (GCSIS) yang diselenggarakan oleh Bahagian MKD. Berikut adalah hasil analisis yang dijalankan :-

29.3.1.1. Pendapatan Syarikat

a. Adalah didapati jumlah pendapatan bagi 48 syarikat pada tahun 2007 adalah berjumlah RM116.43 bilion. Ini menunjukkan penurunan pendapatan berjumlah RM100.29 bilion atau 46.3% berbanding RM216.72 bilion pada tahun 2006. Pendapatan tertinggi adalah daripada sektor ekonomi yang memperoleh pendapatan berjumlah RM106.64 bilion atau 91.6% daripada jumlah keseluruhan pendapatan pada tahun 2007. Ini diikuti oleh sektor teknologi dengan pendapatan berjumlah RM7.94 bilion, sektor sosial berjumlah RM1.50 bilion dan sektor infrastruktur berjumlah RM0.35 bilion. Carta di bawah menunjukkan pendapatan syarikat mengikut sektor bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 :-

CARTA 29.1
PENDAPATAN SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007



b. Analisis Audit mendapati 10 syarikat berjaya memperoleh pendapatan yang meningkat setiap tahun. Jumlah pendapatan yang diperoleh oleh syarikat-syarikat ini ialah RM2.33 bilion pada tahun 2005 menjadi RM3.56 bilion pada tahun 2007. Pendapatan bagi 3 syarikat lain pula mengalami penurunan di mana jumlah pendapatannya adalah RM0.39 bilion pada tahun 2005 menurun kepada RM0.08 bilion pada tahun 2007. Kedudukan pendapatan bagi syarikat-syarikat berkenaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.2
SYARIKAT YANG MEMPEROLEH PENAMBAHAN/PENURUNAN PENDAPATAN BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

SYARIKAT	TAHUN		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEH PENAMBAHAN PENDAPATAN			
FELCRA Berhad	1,438.27	1,566.75	2,163.47
Penang Port Sdn. Bhd.	206.83	225.07	274.25
Amanah Raya Berhad	54.55	94.28	249.63
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	203.38	210.85	237.61
SIRIM Berhad	139.07	146.49	209.77
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	108.77	190.41	200.02
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	136.82	155.67	161.19
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	29.88	34.60	38.85
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	6.57	8.90	11.56
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	1.04	2.05	9.34
JUMLAH	**2,325.18**	**2,635.07**	**3,555.69**
SYARIKAT YANG MENGALAMI PENURUNAN PENDAPATAN			
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	104.78	92.44	40.27
MIMOS Berhad	267.12	66.09	32.54
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	14.91	8.03	3.18
JUMLAH	**386.81**	**166.56**	**75.99**

29.3.1.2. Keuntungan Sebelum Cukai

a. Pada tahun 2007, sebanyak 27 syarikat telah memperoleh keuntungan sebelum cukai berjumlah RM78 bilion. Manakala 21 syarikat yang lain mengalami kerugian berjumlah RM0.87 bilion. Ini bermakna jumlah keuntungan sebelum cukai secara keseluruhannya adalah berjumlah RM77.13 bilion. Jumlah ini adalah lebih tinggi berbanding RM69.44 bilion bagi tahun 2006. Pada keseluruhannya, sektor ekonomi menunjukkan peningkatan keuntungan yang lebih baik berbanding sektor-sektor lain. Keuntungan syarikat mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.3
KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

SEKTOR	TAHUN		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Ekonomi	70,518.24	69,660.93	76,902.80
Teknologi	(619.98)	(244.84)	171.12
Sosial	(48.72)	39.67	48.73
Infrastruktur	(22.90)	(11.86)	12.15
JUMLAH	**69,826.64**	**69,443.90**	**77,134.80**

b. Adalah diperhatikan 11 syarikat telah memperoleh keuntungan sebelum cukai untuk tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM218.56 bilion. Manakala sebanyak 8 syarikat mengalami kerugian terkumpul bagi tempoh 3 tahun berturut-turut berjumlah RM1.27 bilion. Syarikat yang memperoleh

keuntungan atau mengalami kerugian bagi 3 tahun berturut-turut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.4
SYARIKAT YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN/MENGALAMI KERUGIAN SEBELUM CUKAI 3 TAHUN BERTERUSAN BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

SYARIKAT	TAHUN		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MEMPEROLEH KEUNTUNGAN SEBELUM CUKAI			
Petroliam Nasional Berhad	70,180.25	69,399.78	76,345.66
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	247.70	441.15	767.43
Cyberview Sdn. Bhd.	29.64	145.10	243.51
FELCRA Berhad	64.90	45.88	132.89
Amanah Raya Berhad	19.02	41.18	128.34
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	34.95	36.74	36.94
Penang Port Sdn. Bhd.	7.70	12.68	28.60
JKP Sdn. Bhd.	4.10	10.13	23.29
IJN Holdings Sdn. Bhd.	29.25	32.63	20.62
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	3.41	8.90	10.82
Technology Park Malaysia Corp. Berhad	2.62	8.90	10.45
JUMLAH	**70,623.54**	**70,183.07**	**77,748.55**
SYARIKAT YANG MENGALAMI KERUGIAN SEBELUM CUKAI			
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(113.80)	(12.75)	(0.47)
Profesional Services Development Corp. Sdn. Bhd.	(0.97)	(1.43)	(1.35)
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	(4.85)	(17.62)	(10.29)
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(30.56)	(29.02)	(22.76)
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(1.72)	(33.40)	(28.64)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(129.53)	(99.17)	(81.83)
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	(19.95)	(36.18)	(83.21)
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(168.96)	(159.87)	(183.37)
JUMLAH	**(470.34)**	**(389.44)**	**(411.92)**

c. Berdasarkan rekod MKD, didapati antara punca syarikat mengalami kerugian adalah syarikat masih baru ditubuhkan atau masih belum menjana hasil daripada operasi; penubuhan syarikat bagi memenuhi kepentingan sosial atau sebagai *Special Purpose Vehicle* yang tidak bermotifkan keuntungan dan penurunan pendapatan serta jumlah hasil yang tidak dapat menampung perbelanjaan operasi.

29.3.1.3. Pegangan Aset

a. Aset yang dipegang oleh syarikat merupakan aset tetap dan semasa yang terdiri daripada hartanah dan peralatan, pelaburan dalam syarikat subsidiari dan bersekutu, inventori, penghutang, tunai dan simpanan tetap. Secara keseluruhannya, aset syarikat telah menurun daripada RM361.68 bilion pada tahun 2006 menjadi RM246.49 bilion pada tahun 2007. Sejumlah RM226.43 bilion (91.9%) daripada aset tersebut adalah dimiliki oleh syarikat di bawah sektor ekonomi dan sejumlah RM9.75 bilion (4.0%) dimiliki oleh syarikat di bawah sektor sosial. Petroliam Nasional Berhad adalah merupakan Syarikat

Kerajaan yang mempunyai aset terbesar iaitu RM171.53 bilion dan diikuti oleh Bank Pembangunan Malaysia Berhad yang mempunyai aset berjumlah RM28.06 bilion.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati 20 syarikat telah menunjukkan pertambahan aset untuk 3 tahun berturut-turut manakala 3 syarikat mengalami penurunan pegangan aset secara berterusan bagi tempoh yang sama. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.5
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN PEGANGAN ASET BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

SYARIKAT	TAHUN		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN ASET			
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	22,860.22	26,779.91	28,064.26
Syarikat Prasarana Negara Berhad	8,346.58	9,140.93	10,203.99
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	3,570.59	5,132.73	5,521.33
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	50.06	217.08	5,253.10
FELCRA Berhad	2,803.55	2,836.19	3,253.20
Syarikat Perumahan Negara Berhad	1,129.93	1,334.13	1,839.23
Perbadanan Nasional Berhad	1,384.24	1,437.94	1,516.51
Malaysia Debt Ventures Berhad	1,010.59	1,430.76	1,491.25
Amanah Raya Berhad	106.98	375.44	1,232.95
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,045.82	1,100.94	1,165.20
SIRIM Berhad	986.45	1,055.74	1,124.91
Penang Port Sdn. Bhd.	559.22	698.61	889.67
IJN Holdings Sdn. Bhd.	263.69	545.59	587.60
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	371.96	398.52	416.36
JKP Sdn. Bhd.	280.81	299.51	324.02
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	189.13	197.44	202.25
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	76.88	156.37	200.09
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	102.83	115.05	132.39
Prokhas Sdn. Bhd.	2.01	78.72	85.36
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	29.88	45.95	51.84
JUMLAH	**45,171.42**	**53,377.55**	**63,555.51**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN ASET			
Assets Global Network Sdn. Bhd.	955.65	927.51	904.91
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	170.65	159.65	155.54
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	51.52	47.47	32.50
JUMLAH	**1,177.82**	**1,134.63**	**1,092.95**

29.3.1.4. Liabiliti Syarikat

a. Antara liabiliti semasa dan liabiliti jangka panjang Syarikat Kerajaan adalah overdraf, pemiutang, deposit, pendahuluan dan pinjaman. Didapati liabiliti Syarikat Kerajaan menurun daripada RM120.92 bilion pada tahun 2006

menjadi RM67.64 bilion pada tahun 2007. Syarikat Kerajaan di bawah sektor ekonomi mempunyai liabiliti tertinggi iaitu berjumlah RM32.89 bilion dan ini diikuti oleh syarikat di bawah sektor teknologi yang mana jumlah liabilitinya ialah RM27.61 bilion.

b. Semakan Audit selanjutnya mendapati liabiliti bagi 11 syarikat telah meningkat untuk 2 atau 3 tahun berturut-turut. Sebaliknya 3 syarikat menunjukkan penurunan liabiliti. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.6
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN LIABILITI BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

SYARIKAT	TAHUN		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN LIABILITI			
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	17,452.38	19,989.60	21,616.23
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	3,112.69	4,243.63	4,682.44
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	2,140.28	2,186.65	3,587.17
Syarikat Perumahan Negara Berhad	860.18	898.92	1,839.23
Malaysia Debt Ventures Berhad	1,387.18	1,641.66	1,641.66
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,440.42	1,528.95	1,620.97
Amanah Raya Berhad	41.82	303.84	892.75
SIRIM Berhad	735.35	801.65	865.79
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	70.87	78.03	85.81
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	65.76	69.19	72.54
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	0.25	5.86	20.33
JUMLAH	**27,307.18**	**31,747.98**	**36,924.92**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN LIABILITI			
Syarikat Prasarana Negara Berhad	6,564.24	5,972.13	2,122.35
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	378.99	268.18	199.33
Pengurusan Danaharta Nasional Berhad	250.45	211.32	134.30
JUMLAH	**7,193.68**	**6,451.63**	**2,455.98**

29.3.1.5. Pinjaman Syarikat

Semakan Audit mendapati sehingga 31 Disember 2007, hanya 17 daripada 48 syarikat yang dianalisis mempunyai pinjaman yang diperoleh daripada Kerajaan Persekutuan. Baki pinjaman yang melibatkan 17 syarikat itu pada akhir tahun 2007 ialah RM14.11 bilion berbanding baki pada akhir tahun 2006 berjumlah RM14.22 bilion iaitu pengurangan dengan sejumlah RM0.11 bilion. Adalah diperhatikan 4 syarikat menunjukkan peningkatan baki pinjaman belum selesai pada tahun 2007 berbanding tahun 2006. Manakala baki pinjaman belum selesai bagi 6 syarikat tidak bergerak dari tahun 2005 hingga 2007. Perwaja Terengganu Sdn. Bhd. mempunyai baki pinjaman belum selesai tertinggi pada tahun 2007 iaitu RM4.59 bilion dan diikuti dengan Export-Import Bank of Malaysia Berhad yang berjumlah RM1.98 bilion. Kedudukan baki pinjaman syarikat yang belum selesai adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.7
KEDUDUKAN BAKI PINJAMAN SYARIKAT YANG BELUM SELESAI BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

SYARIKAT	TAHUN		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Perwaja Terengganu Sdn. Bhd.	4,588.80	4,588.80	4,588.80
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	1,978.21	1,978.21	1,978.21
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	1,286.97	1,376.69	1,472.80
Malaysia Debt Ventures Berhad	1,352.45	1,587.65	1,409.28
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	720.95	862.33	965.20
Keretapi Tanah Melayu Berhad	880.50	880.50	880.50
Cyberview Sdn. Bhd.	469.77	525.76	566.47
FELCRA Berhad	405.41	435.61	513.55
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	321.00	460.00	460.00
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	493.90	506.97	393.29
Malaysia Venture Capital Management Berhad	500.00	450.00	350.00
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	190.00	190.00	190.00
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	175.00	175.00	145.00
MIMOS Berhad	76.00	76.00	76.00
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	65.00	65.00	65.00
Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd	-	51.00	51.00
JKP Sdn. Bhd.	8.74	7.74	6.74
JUMLAH	**13,512.70**	**14,217.26**	**14,111.84**

Sumber : ***Bahagian Pengurusan Pinjaman, Pasaran, Kewangan Dan Aktuari***

29.3.1.6. Dana Pemegang Saham

a. Dana Pemegang Saham adalah merupakan modal yang dibayar oleh pemegang saham dan keuntungan terkumpul syarikat. Prestasi sebuah syarikat dianggap baik sekiranya ia berjaya meningkatkan dana pemegang saham secara berterusan. Sehubungan ini, 16 syarikat menunjukkan peningkatan dana pemegang saham bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 manakala 6 syarikat mengalami penurunan dana secara berterusan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.8
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN/PENURUNAN DANA PEMEGANG SAHAM BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

SYARIKAT	TAHUN		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENINGKATAN DANA			
Petroliam Nasional Berhad	129,383.33	146,868.31	170,786.73
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	4,227.78	5,558.88	6,257.04
Perbadanan Nasional Berhad	1,345.77	1,402.09	1,473.43
Sarawak Hidro Sdn. Bhd.	1,155.32	1,161.64	1,169.41
Cyberview Sdn. Bhd.	512.59	643.73	872.25

SYARIKAT	TAHUN		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
FELCRA Berhad	626.57	738.47	812.33
IJN Holdings Sdn. Bhd.	215.57	388.23	401.80
Penang Port Sdn. Bhd.	344.41	356.10	375.92
SIRIM Berhad	251.10	254.08	260.12
JKP Sdn. Bhd.	217.08	227.88	247.71
Amanah Raya Berhad	63.15	104.53	213.40
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	65.47	117.79	147.24
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	122.74	128.25	129.70
Prokhas Sdn. Bhd.	(0.07)	61.90	76.12
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	18.37	38.74	39.10
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	20.06	26.12	31.50
JUMLAH	**138,569.24**	**158,076.74**	**183,293.80**
SYARIKAT YANG MENUNJUKKAN PENURUNAN DANA			
Syarikat Perumahan Negara Berhad	3.51	(10.13)	(26.60)
Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.	(19.35)	(30.73)	(55.14)
Assets Global Network Sdn. Bhd.	(80.50)	(105.15)	(127.91)
Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd.	2.59	(68.72)	(152.30)
Keretapi Tanah Melayu Berhad	(236.66)	(249.95)	(332.26)
Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.	(394.61)	(428.01)	(455.78)
JUMLAH	**(725.02)**	**(892.69)**	**(1,149.99)**

b. Analisis selanjutnya mendapati 4 syarikat telah mengalami ketidakcukupan dana pemegang saham bagi tempoh 3 tahun berturut-turut iaitu dari tahun 2005 hingga 2007. Jumlah ketidakcukupan dana bagi syarikat yang terlibat telah meningkat daripada RM731.12 juta pada tahun 2005 kepada RM813.84 juta pada tahun 2006 dan tahun 2007 pula meningkat sejumlah RM971.09 juta. Syarikat yang terlibat adalah Indah Water Konsortium Sdn. Bhd., Keretapi Tanah Melayu Berhad, Assets Global Network Sdn. Bhd. dan Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. Ketidakcukupan dana bagi Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. adalah disebabkan oleh tanggungjawab sosialnya untuk memberikan perkhidmatan kepada rakyat pada kadar yang telah dipersetujui oleh Kerajaan. Oleh yang demikian, ketidakcukupan dana akan ditanggung oleh Kerajaan dengan memberi bantuan subsidi untuk menyerap kerugian operasi syarikat. Dana pemegang saham yang negatif bagi Assets Global Network Sdn. Bhd. adalah disebabkan syarikat ini mengalami kerugian berterusan semenjak tahun 2003. Manakala ketidakcukupan dana syarikat Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. dan Keretapi Tanah Melayu Berhad adalah berpunca daripada kegagalan pihak pengurusan mengurus operasi dengan berkesan.

29.3.1.7. Nisbah Semasa

a. Nisbah semasa merupakan pendekatan yang sering digunakan untuk menilai kecairan sesebuah syarikat iaitu sejauh mana aset semasa yang ada dapat menampung tanggungan semasa. Kedudukan nisbah antara aset dengan tanggungan semasa pada kadar 2 : 1 menunjukkan prestasi yang baik. Analisis yang dijalankan hanya meliputi 18 syarikat yang mempunyai maklumat berhubung kedudukan nisbah semasa bagi 3 tahun berturut-turut. Daripada 18 syarikat tersebut, hanya 9 daripadanya telah memperoleh Nisbah semasa di antara 2.15 : 1 hingga 6.67 : 1 pada tahun 2007. Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd. pula didapati mempunyai kecairan pada tahap ekstrem di mana nisbah semasanya adalah 20.79 : 1. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.9
KEDUDUKAN NISBAH SEMASA
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

SYARIKAT	TAHUN		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Malaysian Biotechnology Corporation Sdn. Bhd.	20.0 : 1	15.29 : 1	20.79 : 1
Syarikat Perumahan Negara Berhad	5.66 : 1	3.71 : 1	6.67 : 1
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	10.67 : 1	5.43 : 1	6.35 : 1
IJN Holdings Sdn. Bhd.	4.59 : 1	8.73 : 1	5.68 : 1
JKP Sdn. Bhd.	4.14 : 1	6.08 : 1	5.17 : 1
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	3.12 : 1	3.69 : 1	5.04 : 1
Assets Global Network Sdn. Bhd.	3.18 : 1	3.90 : 1	4.58 : 1
SIRIM Berhad	4.55 : 1	3.85 : 1	2.58 : 1
Petroliam Nasional Berhad	2.73 : 1	2.56 : 1	2.73 : 1
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	1.98 : 1	1.54 : 1	2.15 : 1
Cyberview Sdn. Bhd.	1.28 : 1	2.42 : 1	1.86 : 1
Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.	6.33 : 1	4.69 : 1	1.17 : 1
Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.	1.09 : 1	1.14 : 1	1.12 : 1
Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd.	1.30 : 1	1.19 : 1	1.10 : 1
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	1.23 : 1	0.54 : 1	1.01 : 1
Penang Port Sdn. Bhd.	1.01 : 1	1.15 : 1	0.59 : 1
Keretapi Tanah Melayu Berhad	0.58 : 1	0.38 : 1	0.27 : 1
Piramid Pertama Sdn. Bhd.	0.27 : 1	0.27 : 1	0.27 : 1

b. Nisbah semasa bagi 8 syarikat pada tahun 2005, 7 syarikat pada tahun 2006 dan 8 syarikat pada tahun 2007 adalah kurang daripada 2 : 1 menunjukkan prestasi yang kurang baik. Ini menunjukkan syarikat terlibat tidak mempunyai keupayaan untuk menampung tanggungan semasanya. Keretapi Tanah Melayu Berhad dan Piramid Pertama Sdn. Bhd. mempunyai nisbah semasa kurang daripada 1 secara berterusan bagi tempoh 3 tahun.

29.3.1.8. Pembayaran Cukai Kepada Kerajaan

a. Pada tahun 2007, sebanyak 30 daripada 48 Syarikat Kerajaan telah membayar cukai berjumlah RM24.37 bilion kepada Kerajaan. Syarikat daripada sektor ekonomi membayar 99.8% atau RM24.32 bilion daripada jumlah cukai tersebut di mana Petroliam Nasional Berhad membayar jumlah cukai terbesar iaitu RM24.20 bilion. Cukai yang dibayar pada tahun 2007 meningkat sebanyak 4.8% atau sejumlah RM1.11 bilion berbanding RM23.26 bilion pada tahun 2006. Jumlah cukai yang diterima daripada syarikat Kerajaan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 mengikut sektor adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.10
CUKAI YANG DITERIMA DARIPADA SYARIKAT KERAJAAN MENGIKUT SEKTOR BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

SEKTOR	TAHUN		
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Ekonomi	16,590.77	23,174.63	24,317.01
Sosial	7.48	10.24	24.17
Teknologi	79.84	71.06	19.66
Infrastruktur	1.24	1.17	5.76
JUMLAH	**16,679.33**	**23,257.10**	**24,366.60**

b. Analisis seterusnya mendapati 18 syarikat telah membayar cukai kepada Kerajaan berjumlah RM64.26 bilion bagi 3 tahun berturut-turut seperti di jadual berikut : -

JADUAL 29.11
SYARIKAT YANG MEMBAYAR CUKAI 3 TAHUN BERTERUSAN BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
Petroliam Nasional Berhad	16,485.98	23,063.65	24,195.25	63,744.88
FELCRA Berhad	49.28	26.72	56.27	132.27
Khazanah Nasional Berhad	46.82	52.52	0.19	99.53
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	14.98	17.50	29.44	61.92
Export-Import Bank of Malaysia Berhad	16.66	22.87	14.01	53.54
Amanah Raya Berhad	5.62	14.38	16.91	36.91
Perbadanan Nasional Berhad	10.83	22.07	0.19	33.09
MIMOS Berhad	18.09	9.47	3.37	30.93
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	4.70	9.19	9.55	23.44
SIRIM Berhad	8.13	4.77	5.84	18.74
Composites Technology Research Malaysia Sdn. Bhd.	3.18	0.78	7.83	11.79
Multimedia Development Corporation Sdn. Bhd.	2.13	2.37	1.10	5.60
JKP Sdn. Bhd.	1.23	0.82	3.53	5.58
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	1.21	0.94	0.03	2.18
Keretapi Tanah Melayu Berhad	0.55	0.53	0.49	1.57
Syarikat Prasarana Negara Berhad	0.69	0.64	(0.31)*	1.02

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	0.11	0.19	0.45	0.75
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	0.21	0.21	0.17	0.59
JUMLAH	**16,670.40**	**23,249.62**	**24,344.31**	**64,264.33**

Nota : (*) Jumlah Ini Mengambil Kira Pelarasan Cukai Yang Dibuat

29.3.1.9. Pembayaran Dividen Kepada Kerajaan

a. Bayaran dividen sekurang-kurangnya 10% daripada keuntungan selepas cukai setiap tahun perlu dibayar kepada Kerajaan sebagai pemegang saham. Sekiranya keuntungan lebih diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan, peratusan dividen perlu ditingkatkan ke tahap yang lebih tinggi tanpa menjejaskan kedudukan kewangan syarikat. Berdasarkan kedudukan kewangan tahunan syarikat bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, didapati hanya 14 daripada 27 syarikat yang memperoleh keuntungan telah membayar dividen kepada Kerajaan berjumlah RM72.21 bilion. Bagaimanapun, hanya 4 syarikat telah membayar dividen kepada Kerajaan secara berterusan dalam tempoh 3 tahun iaitu Amanah Raya Berhad, Petroliam Nasional Berhad, Percetakan Nasional Malaysia Berhad dan Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd. Didapati Petroliam Nasional Berhad telah membayar dividen terbesar kepada Kerajaan iaitu berjumlah RM72 bilion bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Syarikat yang membayar dividen kepada Kerajaan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.12
DIVIDEN BERSIH KEPADA KERAJAAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

SYARIKAT	TAHUN			JUMLAH (RM Juta)
	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	
Petroliam Nasional Berhad	18,000.00	24,000.00	30,000.00	72,000.00
Bank Pembangunan Malaysia Berhad	80.00	0.00	0.00	80.00
Percetakan Nasional Malaysia Berhad	22.50	8.39	5.00	35.89
Khazanah Nasional Berhad	30.00	0.00	0.00	30.00
Cyberview Sdn. Bhd.	7.41	11.03	0.00	18.44
FELCRA Berhad	10.80	0.00	7.40	18.20
Perbadanan Nasional Berhad	0.00	10.90	0.00	10.90
Amanah Raya Berhad	0.60	1.80	4.44	6.84
Penang Port Sdn. Bhd.	1.06	3.22	0.00	4.28
Technology Park Malaysia Corporation Sdn. Bhd.	0.64	0.65	2.21	3.50
SIRIM Berhad	0.00	0.00	0.91	0.91
Institut Terjemahan Negara Malaysia Berhad	0.00	0.00	0.40	0.40
JKP Sdn. Bhd.	0.00	0.00	0.40	0.40
Astronautic Technology (M) Sdn. Bhd.	0.24	0.00	0.00	0.24
JUMLAH	**18,153.25**	**24,035.99**	**30,020.76**	**72,210.00**

b. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menyatakan Syarikat Induk yang mempunyai keuntungan tetapi tidak bercadang untuk membayar dividen atas sebab-sebab yang tertentu perlu mengemukakan antaranya sebab-sebab mengapa dividen tidak dapat dibayar. Semakan Audit mendapati IJN Holdings Sdn. Bhd. dan Sarawak Hidro Sdn. Bhd. telah mencatatkan keuntungan selepas cukai bagi tempoh 3 tahun berturut-turut, namun tidak membuat bayaran dividen tanpa menyatakan sebab-sebabnya. Manakala 11 syarikat yang telah memperoleh keuntungan pada tahun 2007 tidak membayar dividen kepada Kerajaan bagi tahun tersebut.

29.3.1.10. Pembayaran Bonus Kepada Kakitangan

Mengikut Akta Syarikat 1965, bonus boleh dibayar kepada kakitangan sekiranya syarikat berkenaan memperoleh keuntungan. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 juga menetapkan bahawa bonus boleh dibayar jika syarikat memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai. Keuntungan munasabah perlu mengambil kira antaranya objektif penubuhan sesebuah syarikat termasuk obligasi sosial jika ada. Jika syarikat memperoleh keuntungan cemerlang (pertambahan keuntungan operasi yang besar bagi 3 tahun yang lalu) bayaran bonus melebihi 2 bulan gaji boleh dipertimbangkan. Semakan Audit terhadap 48 fail syarikat mendapati 31 syarikat telah memohon dan diluluskan oleh Menteri Kewangan untuk membayar bonus bagi tahun 2006 dan 2007. Adalah diperhatikan, 6 daripada 31 syarikat telah membuat pembayaran bonus walaupun mengalami kerugian dalam tempoh 2 tahun berturut-turut. Butirannya adalah seperti di **Jadual 29.13.** Antara justifikasi kelulusan pembayaran bonus adalah untuk mengurangkan beban kewangan pekerja, peningkatan prestasi syarikat yang diukur daripada peningkatan pendapatan atau jumlah kerugian sebelum cukai yang semakin mengecil. Manakala 10 syarikat yang lain tidak mengemukakan permohonan bagi pembayaran bonus kerana sama ada mengalami kerugian; syarikat *dormant;* ditubuhkan sebagai *Special Purpose Vehicle* dan baru beroperasi. Pihak Audit tidak dapat menyemak kedudukan bayaran bonus bagi 7 syarikat yang lain kerana tiada maklumat mengenainya. Syarikat-syarikat yang telah membuat pembayaran bonus walaupun mengalami kerugian dalam tempoh 2 tahun berturut-turut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 29.13
BILANGAN SYARIKAT YANG MEMBUAT PEMBAYARAN BONUS WALAUPUN MENGALAMI KERUGIAN

SYARIKAT	KERUGIAN SEBELUM CUKAI		BONUS (Gandaan Gaji Pokok)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2006 (Bulan)	2007 (Bulan)
Inno Bio Ventures Sdn. Bhd.	(17.60)	(10.29)	1.50 - 2.50	1.50 - 2.50
Jaring Communications Sdn. Bhd.	(26.42)	(14.70)	1.00 - 1.75	1.00
MIMOS Berhad	(25.18)	(10.69)	1.00 - 2.00	1.50 - 2.50
Pembinaan BLT Sdn. Bhd.	(17.19)	(5.32)	2.00 - 3.00	2.00 - 3.00

SYARIKAT	KERUGIAN SEBELUM CUKAI		BONUS (Gandaan Gaji Pokok)	
	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2006 (Bulan)	2007 (Bulan)
Syarikat Perumahan Negara Berhad	(12.04)	(0.50)	1.25 - 2.00	1.00 - 2.00
Syarikat Prasarana Negara Berhad	(159.87)	(183.37)	2.60 - 4.00	2.50- 3.50

30. PENGAWASAN TERHADAP SYARIKAT KERAJAAN OLEH KEMENTERIAN KEWANGAN

30.1. Bahagian Pelaburan, Menteri Kewangan Diperbadankan Dan Penswastaan (MKD), Kementerian Kewangan adalah bertanggungjawab mengawasi pelaburan Kerajaan Persekutuan dengan melaksanakan perkara berikut :-

30.1.1. Memastikan pelaburan Kerajaan terpelihara dan memberi pulangan yang munasabah.

30.1.2. Meluluskan pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Eksekutif, struktur gaji, pelantikan proksi, bayaran elaun Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah, bayaran bonus dan dividen.

30.1.3. Menilai kedudukan kewangan dan pelan perniagaan syarikat.

30.1.4. Mengkaji, menggubal dan menetapkan dasar Kerajaan berkaitan dengan pengurusan syarikat.

30.2. Bagi melaksanakan tanggungjawabnya, Bahagian MKD perlu berpandukan kepada undang-undang dan peraturan yang berkaitan dengan Akta Menteri Kewangan Diperbadankan 1957; Akta Syarikat 1965; Tatacara dan Tataurus Syarikat/Undang-undang Tubuh syarikat berkenaan; Pekeliling Perbendaharaan serta Surat Arahan Perbendaharaan berkaitan syarikat yang dikeluarkan dari semasa ke semasa.

30.3. Pengauditan telah dijalankan untuk menentukan sama ada urusan pelantikan/pelanjutan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah/Ketua Eksekutif dan pelantikan wakil MKD telah dibuat dengan teratur. Pengauditan juga telah dibuat untuk menentukan sama ada pemantauan yang berkesan telah dibuat terhadap pengurusan syarikat. Hasil daripada pengauditan tersebut mendapati perkara berikut :-

30.3.1. Pelantikan Pengerusi Dan Ahli Lembaga Pengarah

Mengikut Surat Pekeliling Am bertarikh 14 Julai 1980, Kementerian Kewangan telah menetapkan semua keahlian Lembaga Pengarah syarikat Kerajaan serta penentuan elaun, faedah dan keistimewaan mereka perlu mendapat persetujuan bertulis daripada Menteri Kewangan. Semakan Audit mendapati pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah seperti yang diamalkan di Bahagian MKD dibuat daripada kalangan pegawai yang berkebolehan daripada sektor awam yang telah bersara atau swasta berdasarkan kelulusan, kelayakan dan pengalaman mereka supaya dapat memberi sumbangan kepada syarikat Kerajaan. Bagaimanapun terdapat juga pelantikan Ahli Lembaga Pengarah dibuat daripada kalangan ahli politik. Kebolehan

calon-calon akan dinilai oleh Bahagian MKD dan dipersetujui oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan sebelum diangkat kepada Menteri Kewangan untuk kelulusan. **Bagaimanapun, tiada garis panduan dan kriteria bertulis disediakan bagi proses pemilihan dan pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah syarikat Kerajaan.** Semakan Audit terhadap 38 fail syarikat mendapati pelantikan Pengerusi/Ahli Lembaga Pengarah serta penentuan elaun, faedah dan keistimewaan mereka telah diluluskan secara bertulis oleh Menteri Kewangan. Permohonan kenaikan atau semakan elaun Ahli Lembaga Pengarah juga telah diluluskan secara bertulis oleh Menteri Kewangan.

30.3.2. Pemilihan Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan

Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 1985 telah menetapkan pelantikan Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan bagi semua syarikat milik Menteri Kewangan Diperbadankan perlu mendapatkan kelulusan daripada Menteri Kewangan. **Bagaimanapun, tiada garis panduan dan kriteria bertulis disediakan oleh Bahagian MKD bagi memproses pelantikan Ketua Eksekutif/ Pengarah Urusan.** Semakan Audit mendapati pelantikan Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan bagi 38 syarikat yang disemak telah diluluskan oleh Menteri Kewangan. **Selain itu, didapati pemilihan Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan dibuat berdasarkan cadangan daripada Menteri, Kementerian berkaitan atau Lembaga Pengarah.** Berdasarkan cadangan berkenaan, Bahagian MKD akan mengemukakan beberapa calon setelah dipersetujui oleh Ketua Setiausaha Perbendaharaan untuk kelulusan Menteri Kewangan.

Pada pandangan Audit, Bahagian MKD perlu menyediakan garis panduan dan prosedur bertulis bagi pelantikan Pengerusi dan Ahli Lembaga Pengarah serta Ketua Eksekutif/Pengarah Urusan supaya mereka yang dilantik adalah calon yang mempunyai kelayakan bersesuaian bagi menyumbang kepada peningkatan prestasi syarikat.

30.3.3. Peranan Pegawai Kerajaan Sebagai Ahli Lembaga Pengarah

Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1985 menetapkan bahawa seorang pegawai Kerajaan boleh dilantik sebagai Ahli Lembaga Pengarah dalam 5 syarikat induk dan tidak lebih daripada 3 syarikat subsidiarinya. Bagaimanapun, berdasarkan rekod yang diselenggarakan oleh Bahagian MKD, didapati **Ketua Setiausaha Perbendaharaan dan Timbalan Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah dilantik menjadi Ahli Lembaga Pengarah bagi mewakili Perbendaharaan di dalam 6 dan 9 syarikat masing-masingnya.** Mengikut penjelasan Bahagian MKD, pemilihan mereka adalah untuk menjaga kepentingan Kerajaan terutamanya bagi syarikat yang bermasalah. Pekeliling yang sama juga menetapkan wakil Kerajaan yang dilantik perlu menyediakan laporan sekurang-kurangnya 3 bulan sekali berhubung dengan perjalanan syarikat-syarikat berkenaan. Semakan Audit mendapati hanya 8 daripada 38 syarikat yang disemak telah menyediakan laporan

bertulis kepada Menteri Kewangan sebelum Mesyuarat Agung Tahunan diadakan. Laporan ini menjelaskan prestasi kewangan syarikat dan memohon persetujuan berhubung resolusi-resolusi yang akan dibentangkan dalam mesyuarat tersebut.

Pada pandangan Audit, Bahagian MKD perlu mempertingkatkan pengawasan terhadap pematuhan semua peraturan yang telah ditetapkan oleh Kerajaan di samping menetapkan format pelaporan yang lebih spesifik.

30.3.4. Tanggungjawab Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan

Syarat dan terma lantikan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan Syarikat yang menjadi sebahagian daripada Surat Pelantikan yang telah dipersetujui oleh Kementerian Kewangan antaranya menyatakan beberapa tanggungjawab yang mesti ditunaikan oleh seseorang Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan di sepanjang tempoh beliau memegang jawatan berkenaan. Selain itu, ia juga menetapkan imbuhan dan faedah yang layak diterima oleh Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan. Antara syarat penting yang terdapat dalam terma lantikan adalah seperti berikut :-

30.3.4.1. Mencapai Sasaran Yang Ditetapkan Dalam *Key Performance Indicator* (KPI) Bagi Kenaikan Gaji Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan

Walaupun pencapaian sasaran dalam KPI yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah merupakan syarat bagi kenaikan gaji Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan, didapati Bahagian MKD belum menetapkan agar semua syarikat MKD mengemukakan salinan KPI setiap tahun kepadanya bagi tujuan pemantauan. Setakat ini, syarikat hanya mengemukakan KPI berserta dengan pencapaian mereka kepada Bahagian MKD jika ada keperluan untuk menaikkan gaji Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan atau bagi menyokong pelanjutan tempoh perkhidmatan mereka. Selain itu, didapati syarikat juga mengemukakan KPI dan pencapaian ke Bahagian MKD semasa memohon kelulusan untuk membayar bonus kepada kakitangannya. **Pada pandangan Audit, Bahagian MKD patut meminta supaya semua syarikat MKD mengemukakan salinan KPI yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah kepadanya pada setiap awal tahun kewangan.**

30.3.4.2. Keperluan Mengisytiharkan Harta

Keperluan mengisytiharkan harta semasa lantikan dan pada setiap tahun sepanjang tempoh memegang jawatan adalah merupakan salah satu syarat yang ditetapkan dalam terma pelantikan Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah Urusan. Semakan Audit terhadap fail dan perbincangan dengan pegawai Bahagian MKD mendapati setakat ini syarat berkenaan masih belum dikuatkuasakan. Sebaliknya, Bahagian MKD menyerahkan tanggungjawab untuk memastikan syarat ini dipatuhi oleh semua Ketua Pegawai Eksekutif/Pengarah

kepada Lembaga Pengarah syarikat berkenaan. **Pada pandangan Audit, keperluan mengisytiharkan harta perlu dikuatkuasakan sebagaimana syarat dan terma pelantikan yang ditetapkan oleh Bahagian MKD.**

30.4. Usaha Bahagian MKD Bagi Meningkatkan Pemantauan Dan Prestasi Syarikat Kerajaan

Bahagian MKD telah mengambil beberapa tindakan bagi meningkatkan peranan wakil Kerajaan dan meningkatkan prestasi Syarikat Kerajaan seperti berikut :-

30.4.1. Semakan Semula Peranan Wakil Perbendaharaan Di Dalam Lembaga Pengarah Syarikat Kerajaan/Agensi Kerajaan Dan Badan Berkanun

30.4.1.1. Bagi memastikan wakil Kerajaan yang dilantik dalam Lembaga Pengarah adalah bersesuaian dan mampu memainkan peranan yang lebih efektif, Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada bulan Mac 2008 telah menetapkan antaranya perkara seperti berikut :-

a. Semua perakuan berhubung pelantikan dan peletakan jawatan sebagai wakil Perbendaharaan di dalam syarikat MKD hanya akan diproses setelah dirujuk terlebih dahulu kepada YB Menteri Kewangan II.

b. Pelantikan pegawai di Bahagian MKD sebagai wakil Perbendaharaan perlu mengambil kira status pegawai selaku *desk officer* syarikat-syarikat yang berkaitan.

30.4.1.2. Semakan terhadap fail lantikan Ahli Lembaga Pengarah mendapati perkara di atas telah dipatuhi dalam melaksanakan pelantikan wakil Perbendaharaan dalam sesuatu Lembaga Pengarah syarikat MKD.

30.4.2. Pemantauan Terhadap Urusan Korporat, Kewangan dan Prosedur Perolehan Syarikat-syarikat Menteri Kewangan Diperbadankan

30.4.2.1. Bagi memperkemaskan lagi pemantauan terhadap syarikat-syarikat MKD, Ketua Setiausaha Perbendaharaan telah mengeluarkan arahan pada bulan Februari 2008 yang menetapkan supaya perakuan Lembaga Pengarah syarikat MKD diperoleh terlebih dahulu sebelum dikemukakan untuk kelulusan Kementerian Kewangan bagi perkara seperti berikut :-

a. Pelantikan/pelanjutan/penamatan serta penetapan terma dan syarat perkhidmatan Pengerusi/Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif.

b. Pembayaran bonus dan kenaikan gaji tahunan bagi Pengarah Urusan/Ketua Pegawai Eksekutif.

c. Pembayaran bonus dan semakan semula gaji semua kakitangan, penetapan Elaun Lembaga Pengarah serta pembayaran dividen.

d. Pindaan terhadap *collective agreement*.

e. Penstrukturan semula syarikat.

f. Penstrukturan semula kewangan syarikat.

g. Hal-hal lain yang memerlukan kelulusan Pemegang Saham seperti yang ditetapkan di dalam Memorandum Dan Artikel Syarikat.

30.4.2.2. Secara umumnya Bahagian MKD telah memastikan arahan ini dipatuhi oleh semua syarikat MKD yang di bawah kawalannya.

30.4.3. Arahan Terhadap Pembayaran Dividen Dan Pengurangan Kos Operasi Syarikat

Bagi memastikan Kerajaan mendapat pulangan daripada pelaburan dalam syarikat Kerajaan bagi tahun 2010 dan tahun-tahun seterusnya, Ketua Setiausaha Perbendaharaan pada bulan April 2009 telah mengeluarkan arahan seperti berikut :-

30.4.3.1 Syarikat milik penuh MKD yang mengalami kerugian dikehendaki mengurangkan kos operasi syarikat sekurang-kurangnya 10% tanpa menjejaskan operasinya. Sekiranya pengurangan kos gagal dicapai, syarikat perlu memberikan alasan kukuh mengenai kegagalan berkenaan dan seterusnya menetapkan jumlah dan kadar pengurangan kos mengikut kemampuan syarikat.

30.4.3.2. Cadangan pembayaran dividen atau pengurangan kos operasi syarikat dijadikan sebagai salah satu Petunjuk Prestasi Utama Tahunan Syarikat.

31. PENGURUSAN AKTIVITI SYARIKAT

Selain daripada membuat analisis terhadap prestasi kewangan syarikat, pengauditan secara mendalam juga dilakukan terhadap pengurusan aktiviti bagi 6 syarikat seperti berikut :-

a. Pengurusan Export-Import Bank of Malaysia Berhad
b. Pengurusan Syarikat Prasarana Negara Berhad
c. Pengurusan JKP Sdn. Bhd.
d. Pengurusan Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd.
e. Pengurusan Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd.
f. Pengurusan Malaysia Venture Capital Management Sdn. Bhd.

Hasil daripada pengauditan yang dijalankan adalah seperti di perenggan-perenggan 32 hingga perenggan 37.

KEMENTERIAN KEWANGAN

32. PENGURUSAN EXPORT-IMPORT BANK OF MALAYSIA BERHAD

32.1. LATAR BELAKANG

32.1.1. Export-Import Bank Of Malaysia Berhad (EXIM Bank) yang ditubuhkan pada tahun 1995 adalah sebuah syarikat subsidiari kepada Bank Industri Teknologi Malaysia Berhad (BITMB). Mulai tahun 2005, ia telah diambil alih oleh Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) daripada BITMB dan menjadi sebuah syarikat milik penuh Kerajaan yang mempunyai modal berbayar berjumlah RM2.71 bilion. EXIM Bank menyediakan kemudahan kredit (dalam bentuk pinjaman/jaminan) dan insurans perbankan untuk membantu syarikat Malaysia meningkatkan kemampuannya mengeksport barangan dan perkhidmatan serta melaksanakan projek pelaburan di luar negara. Kemudahan kredit yang ditawarkan oleh EXIM Bank adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.1
KEMUDAHAN KREDIT YANG DITAWARKAN OLEH EXIM BANK

JENIS KEMUDAHAN KREDIT	PENJELASAN
Overseas Project Financing (OPF)	Memberi kemudahan pinjaman kepada pemaju/kontraktor Malaysia untuk melaksanakan projek di luar negara meliputi pembangunan/naik taraf/pembesaran infrastruktur dan bangunan serta pembelian aset.
Buyer Credit (BC)	Memberi kemudahan pinjaman kepada pembeli luar (foreign buyer) untuk memudahkan pengimportan produk (barangan dan perkhidmatan) dari syarikat Malaysia. Pinjaman disalurkan secara langsung kepada pengeksport atau kontraktor Malaysia yang berkenaan.
Overseas Contract Financing (OCF)	Memberi kemudahan pinjaman untuk membiayai modal kerja dan penyediaan bon kepada pemaju/kontraktor Malaysia untuk melaksanakan kontrak luar negara.
Supplier Credit (SC)	Memberi kemudahan pinjaman kepada pengeksport Malaysia untuk mengeksport produk ke luar negara.
Malaysia Kitchen Financing (MKF)	Memberi kemudahan pinjaman kepada pengusaha Malaysia untuk membuka/ mengembangkan restoran masakan Malaysia di luar negara.
EXIM Overseas Guarantee Financing (EOGF)	Memberi kemudahan jaminan bagi memudahkan syarikat Malaysia mendapatkan pembiayaan daripada bank komersial bagi melaksanakan projek/kontrak luar negara.

32.1.2. Selain menawarkan 6 kemudahan kredit seperti di **Jadual 32.1**, EXIM Bank juga menawarkan kemudahan kredit lain seperti Guarantee, Export of Service dan Export Credit Refinancing (ECR).

32.1.3. EXIM Bank mempunyai 8 Ahli Lembaga Pengarah di mana 2 daripadanya adalah mewakili Kementerian Kewangan dan Kementerian Perdagangan Antarabangsa Dan Industri. Manakala 6 yang lain terdiri daripada Ketua Pegawai Eksekutif dan wakil daripada sektor swasta. Pengurusan syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan beliau dibantu oleh seramai 210 kakitangan eksekutif serta bukan eksekutif.

32.1.4. EXIM Bank mempunyai 3 pejabat cawangan iaitu di Johor Bahru, Pulau Pinang dan Ipoh. Ketiga-tiga pejabat cawangan ini hanya menjalankan aktiviti pemasaran dan susulan terhadap pelanggan bank yang baru dan sedia ada. Urusan pemprosesan dan kelulusan permohonan pinjaman/jaminan dilakukan di peringkat Ibu Pejabat. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, EXIM Bank meluluskan 115 pinjaman/jaminan berjumlah RM3.30 bilion.

32.1.5. Sebagai sebuah syarikat berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, EXIM Bank perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Selain itu, EXIM Bank juga perlu mematuhi Development Financial Institutions Act 2002 serta peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia. Antara lain, Akta Syarikat 1965 menetapkan tentang keperluan pelantikan Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta fungsi mereka untuk menguruskan syarikat. Manakala pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menetapkan tentang kaedah pelantikan Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan penubuhan Jawatankuasa Audit serta fungsi mereka.

32.1.6. Mulai bulan Mei 2008, struktur pengurusan EXIM Bank telah disusun semula berikutan pertukaran sebahagian besar Lembaga Pengarah dan pengurusan tertingginya termasuk pelantikan Pengerusi dan Ketua Pegawai Eksekutif yang baru.

32.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

32.2.1. Prestasi kewangan syarikat memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut

32.2.2. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

32.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

32.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti pinjaman/jaminan EXIM Bank bagi 6 kemudahan iaitu Overseas Project Financing; Buyer Credit; Overseas Contract Financing; Supplier Credit; Malaysia Kitchen Financing dan EXIM Overseas Guarantee Financing. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008 telah dibuat di Ibu Pejabat EXIM Bank. Selain itu, pengauditan juga telah dijalankan di Kementerian Kewangan serta 2 pejabat cawangan iaitu Pulau Pinang dan Johor Bahru.

32.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan Ogos hingga Disember 2008 mendapati EXIM Bank memperoleh keuntungan bersih pada tahun 2008 berbanding kerugian

bersih pada tahun 2007. Pengurusan aktiviti pinjaman EXIM Bank pula kurang memuaskan di mana terdapat beberapa kelemahan seperti pinjaman diluluskan tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan; pinjaman diluluskan tanpa sekuriti mudah cair atau jaminan bank/korporat; kelonggaran dalam proses pengeluaran pinjaman; pemantauan terhadap prestasi peminjam tidak dilaksanakan dengan efektif dan tunggakan bayaran balik pinjaman meningkat. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi dan pengurusan kewangan serta aktiviti pinjaman EXIM Bank adalah seperti di perenggan-perenggan berikutnya :-

32.4.1. Prestasi Kewangan

32.4.1.1. Prestasi kewangan bagi tahun 2006 adalah lebih baik berbanding tahun 2007 di mana EXIM Bank mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM81.20 juta pada tahun 2006 berbanding kerugian bersih berjumlah RM50.21 juta pada tahun 2007. Kerugian yang dicatatkan pada tahun 2007 antara lainnya disebabkan peningkatan hutang lapuk dihapus kira berjumlah RM246.51 juta dan prestasi portfolio insurans kredit yang mengalami kemerosotan berjumlah RM49.86 juta. Selain itu, pendapatan operasi meliputi pendapatan faedah; pendapatan Export Credit Refinancing (ECR); Guarantee; fi kredit pembekal serta caj-caj lain juga hanya menunjukkan sedikit peningkatan iaitu berjumlah RM9.61 juta (5%) pada tahun 2007 berbanding peningkatan ketara pendapatan operasi tersebut pada tahun 2006 yang berjumlah RM54.83 juta atau 40.4%. Pada tahun 2008, EXIM Bank memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM20.18 juta berikutan peningkatan pendapatan operasinya sebanyak RM23.29 juta (11.6%) berbanding tahun 2007. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi EXIM Bank bagi tahun kewangan 2006, 2007 dan 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.2
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI EXIM BANK
BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

BUTIRAN	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Pendapatan Operasi	190.41	200.02	223.31
Pendapatan Faedah	167.08	229.50	216.73
Perbelanjaan Faedah	(98.65)	(122.00)	(48.78)
Pendapatan Faedah Bersih	**68.43**	**107.5**	**167.95**
Underwriting Results	35.43	(14.43)	17.56
Pendapatan Bukan Faedah	19.40	129.23	20.86
Pendapatan Bersih	**123.26**	**222.30**	**206.37**
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(34.09)	(45.88)	(35.49)
Untung Operasi	**89.17**	**176.42**	**170.88**
Loan and Financing Loss and Allowances	5.87	(240.64)	(160.62)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**95.04**	**(64.22)**	**10.26**
Pelarasan Cukai	(13.84)	14.01	9.92
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**81.20**	**(50.21)**	**20.18**

32.4.1.2. Bagi menentukan prestasi kewangan EXIM Bank, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2006, 2007 dan 2008. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan :-

a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, tahap kecairan EXIM Bank pada tahun 2006 adalah 1.78 kali dan ia menurun kepada 1.53 kali pada tahun 2007. Bagaimanapun, nisbah semasa EXIM Bank untuk tahun 2008 meningkat kepada 5.17 kali. Peningkatan yang ketara ini antara lainnya disebabkan pinjaman Kerajaan berjumlah RM1.98 bilion kepada EXIM Bank untuk kemudahan ECR telah ditukar kepada ekuiti. **Berdasarkan nisbah tersebut, kedudukan kecairan EXIM Bank pada tahun 2008 berada di tahap memuaskan untuk menampung liabiliti semasanya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.3
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
2006	4,141.07	2,332.76	1.78:1
2007	4,285.49	2,796.13	1.53:1
2008	4,447.20	859.72	5.17:1

b. **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama (core business) sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit hasil pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (value added) terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, EXIM Bank telah memperoleh keuntungan berjumlah 43 sen pada tahun 2006 tetapi mengalami kerugian berjumlah 25 sen pada tahun 2007. Bagaimanapun, EXIM Bank telah memperoleh keuntungan berjumlah 9 sen pada tahun 2008 bagi setiap ringgit hasil pendapatannya berikutan keuntungan yang dicatatkan pada tahun tersebut. **Berdasarkan kepada nisbah ini, dapatlah dirumuskan bahawa tahap kecekapan operasi EXIM Bank pada tahun 2008 telah menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.4
MARGIN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
2006	81.20	190.41	0.43
2007	(50.21)	200.02	(0.25)
2008	20.18	223.31	0.09

c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi pulangan yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, **didapati tahap kecekapan EXIM Bank menguruskan asetnya pada tahun 2008 menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.5
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET
BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)
2006	81.20	5,132.73	1.6
2007	(50.21)	5,521.33	(0.9)
2008	20.18	5,531.97	0.4

d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati **tahap kecekapan untuk menguruskan modal EXIM Bank menunjukkan peningkatan pada tahun 2008.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.6
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)
2006	81.20	889.10	9.1
2007	(50.21)	838.89	(6.0)
2008	20.18	2,837.28	0.7

32.4.2. Pengurusan Aktiviti

32.4.2.1. Bagi 6 kemudahan yang diaudit, EXIM Bank telah mengeluarkan pinjaman/jaminan atas pinjaman (pinjaman) berjumlah RM315.47 juta pada tahun 2008 berbanding RM1.16 bilion dan RM1.83 bilion pada tahun 2007 dan 2006 masing-masingnya. Bagi tempoh 3 tahun tersebut, pinjaman yang ditawarkan di bawah kemudahan Buyer Credit berjumlah RM1.32 bilion merupakan pinjaman terbesar manakala pinjaman terendah adalah kemudahan Malaysia Kitchen Financing yang berjumlah RM6.73 juta. Jumlah pinjaman/jaminan yang diluluskan oleh EXIM Bank bagi tempoh tahun 2006 sehingga 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.7
JUMLAH PINJAMAN YANG DILULUSKAN
BAGI TEMPOH TAHUN 2006 SEHINGGA 2008

JENIS KEMUDAHAN	TAHUN 2006		TAHUN 2007		TAHUN 2008		JUMLAH BESAR	
	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)	BIL.	JUMLAH (RM Juta)
OPF	19	613.33	6	434.68	2	102.72	27	1,150.73
OCF	6	217.96	9	142.28	3	10.44	18	370.68
BC	11	791.28	4	351.64	3	177.54	18	1,320.46
SC	23	209.96	18	134.50	-	-	41	344.46
MKF	-	-	1	0.92	3	5.81	4	6.73
EOGF	-	-	4	92.24	3	18.96	7	111.20
JUMLAH	**59**	**1,832.53**	**42**	**1,156.26**	**14**	**315.47**	**115**	**3,304.26**

Nota :- ***OPF - Overseas Project Financing*** ***OCF - Overseas Contract Financing***
BC - Buyer Credit ***SC - Supplier Credit***
MKF - Malaysia Kitchen Financing ***EOGF - EXIM Overseas Guarantee Financing***

32.4.2.2. Pada 31 Disember 2008, baki pinjaman belum selesai bagi 107 pinjaman yang diluluskan di bawah 6 kemudahan adalah berjumlah RM2.0 bilion. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.8
BAKI PINJAMAN BELUM SELESAI PADA 31 DISEMBER 2008

JENIS KEMUDAHAN	BILANGAN PINJAMAN	JUMLAH (RM Juta)
Overseas Project Financing	33	1,427.64
Overseas Contract Financing	8	128.74
Buyer Credit	18	177.24
Supplier Credit	37	140.10
Malaysia Kitchen Financing	4	5.14
EXIM Overseas Guarantee Financing	7	118.08
JUMLAH	**107**	**1,996.94**

32.4.2.3. Semakan Audit terhadap 37 pinjaman yang telah diluluskan mendapati pada umumnya, pengurusan pinjaman oleh EXIM Bank adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan pinjaman terutamanya berhubung dengan proses kelulusan dan pemantauan terhadap prestasi peminjam yang menyebabkan berlakunya pinjaman tidak

berbayar (NPL). Mengikut polisi EXIM Bank dan selaras dengan Garis Panduan Mengenai Klasifikasi Pinjaman/Pembiayaan Tidak Berbayar Dan Peruntukan Untuk Hutang Lapuk/Ragu (BNM/DFI/GP3) yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia, sesuatu akaun diklasifikasikan sebagai NPL apabila bayaran balik pinjaman tertangguh melebihi tempoh 3 bulan bagi kemudahan Supplier Credit dan 6 bulan bagi kemudahan-kemudahan lain. Penjelasan lanjut mengenai tahap pengurusan pinjaman adalah seperti berikut :-

a. Pinjaman Diberi Bagi Memenuhi Mandat EXIM Bank

i. Terdapat 3 pihak yang bertanggungjawab memperaku dan meluluskan permohonan pinjaman yang diterima iaitu EXIM Loan & Insurance Committee; Loan Approval Committee of The Board serta Lembaga Pengarah (Jawatankuasa Pelulus). Had kuasa bagi setiap pihak yang berkenaan adalah berdasarkan kepada Term Of Reference yang telah ditetapkan. Selain itu, EXIM Bank telah menetapkan beberapa kriteria berhubung kelulusan pinjaman/jaminan. Antara kriterianya adalah peminjam perlu mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh iaitu mencatatkan keuntungan sekurang-kurangnya bagi 2 daripada 3 tahun kewangan yang dinilai serta mempunyai tahap kecairan dan *credit history* yang memuaskan. Semakan Audit mendapati **18 (48.6%) daripada 37 pinjaman/jaminan telah diluluskan kepada syarikat yang tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan. Antaranya peminjam tidak mempunyai kedudukan kewangan yang kukuh seperti mencatatkan kerugian bagi 2 atau 3 tahun kewangan yang dinilai serta tahap kecairan dan *credit history* peminjam tidak dapat ditentukan memandangkan peminjam merupakan syarikat yang baru ditubuhkan.** Walaupun peminjam tidak memenuhi kriteria yang ditetapkan, kelulusan telah diberi berasaskan kepada justifikasi tertentu. Antaranya ialah untuk melaksanakan mandat yang ditetapkan oleh Kerajaan iaitu membantu syarikat Malaysia yang berminat menjalankan projek di luar negara; pinjaman disandarkan dengan sekuriti tertentu serta jangkaan positif terhadap pemulihan kedudukan kewangan peminjam dan keupayaannya menjelaskan hutang. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga 31 Disember 2008, sebanyak 9 (50.0%) pinjaman dengan baki pinjaman (baki pokok + interest in suspense + other charges) berjumlah RM369.66 juta daripada 18 pinjaman tersebut telah dikategorikan sebagai NPL. Butirannya adalah seperti di **Jadual 32.10**. Selain itu, pihak Audit juga mendapati 11 peminjam mempunyai jumlah ekuiti/dana pemegang saham yang kurang 20% berbanding jumlah pinjaman yang diluluskan di mana jumlah pinjaman keseluruhan yang diluluskan berjumlah RM532.73 juta berbanding jumlah ekuiti/dana pemegang saham yang berjumlah RM28.25 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.9
PINJAMAN DIBERI TIDAK MEMENUHI KRITERIA DITETAPKAN

JENIS KEMUDAHAN	BILANGAN SAMPEL PINJAMAN	BILANGAN PINJAMAN TIDAK MENGIKUT KRITERIA	KETIDAKPATUHAN KEPADA KRITERIA (BILANGAN PEMINJAM)		EKUITI/DANA PEMEGANG SAHAM PEMINJAM KURANG 20% BERBANDING JUMLAH PINJAMAN
			MENCATAT KERUGIAN MELEBIHI 2 TAHUN	SYARIKAT BARU/PRESTASI KEWANGAN TIDAK DAPAT DINILAI	
OPF	14	10	6	4	2
OCF	4	-	-	-	2
BC	7	3	1	2	2
SC	6	2	1	1	1
MKF	3	3	-	3	3
EOGF	3	-	-	-	1
JUMLAH	**37**	**18**	**8**	**10**	**11**

JADUAL 32.10
PINJAMAN YANG DILULUSKAN TIDAK MEMATUHI KRITERIA DAN TELAH DIKATEGORIKAN SEBAGAI NPL

JENIS KEMUDAHAN	PINJAMAN LULUS TANPA MEMATUHI KRITERIA	PINJAMAN DIKATEGORIKAN SEBAGAI NPL	BAKI PINJAMAN (RM Juta)	% DIKATEGORI SEBAGAI NPL
OPF	10	7	308.57	70.0
OCF	-	-	-	-
BC	3	1	57.76	33.3
SC	2	1	3.33	50.0
MKF	3	-	-	-
EOGF	-	-	-	-
JUMLAH	**18**	**9**	**369.66**	**50.0**

ii. Aras risiko telah ditetapkan bagi setiap bakal peminjam sebagai panduan kepada Jawatankuasa Pelulus semasa mempertimbangkan kelulusan pinjaman. Penetapan aras risiko dibuat bagi mengenal pasti risiko berpotensi yang boleh mendedahkan EXIM Bank kepada kegagalan bayaran balik oleh peminjam (default loan). Aras risiko ditetapkan dari tahap 1 hingga 8 yang menggambarkan risiko terendah hingga risiko tertinggi. Aras risiko tahap 1 menunjukkan peminjam mempunyai risiko *default loan* yang paling rendah manakala aras risiko tahap 8 menunjukkan kedudukan sebaliknya. Semakan Audit mendapati peminjam bagi 13 (35.1%) daripada 37 pinjaman yang telah diluluskan memperoleh aras risiko yang tinggi iaitu antara tahap 6 hingga 8 manakala 22 (59.5%) pinjaman memperoleh aras risiko sederhana iaitu antara tahap 3 hingga 5. Manakala 2 peminjam bagi kemudahan Buyer Credit tidak diberi tahap risiko kerana pinjaman dibuat kepada Kerajaan di negara asing. Berdasarkan maklum balas daripada EXIM Bank, antara sebab kelulusan masih diberi kepada peminjam tersebut yang memperoleh aras risiko yang tinggi adalah bagi membantu pengeksport/ pemaju yang gagal mendapatkan sumber pinjaman daripada bank komersial lain. Semakan Audit selanjutnya mendapati sehingga 31

Disember 2008, sebanyak 9 (69.2%) daripada 13 pinjaman dengan baki pinjaman berjumlah RM301.47 juta yang dinilai mendapat aras risiko tinggi telah dikategorikan sebagai NPL manakala 7 (31.8%) daripada 22 pinjaman dengan baki pinjaman berjumlah RM164.93 juta yang dinilai mendapat aras risiko sederhana juga telah dikategorikan sebagai NPL. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.11
TAHAP RISIKO KEGAGALAN BAYARAN BALIK PINJAMAN

JENIS KEMUDAHAN	BILANGAN SAMPEL PINJAMAN	TAHAP RISIKO (BILANGAN PINJAMAN)							
		1	2	3	4	5	6	7	8
OPF	14	-	-	1	-	5	8	-	-
OCF	4	-	-	-	2	1	-	-	1
BC*	7	-	-	-	1	2	2	-	-
SC	6	-	-	-	-	5	1	-	-
MNF	3	-	-	-	-	2	1	-	-
EOGF	3	-	-	-	2	1	-	-	-
JUMLAH	**37**	**-**	**-**	**1**	**5**	**16**	**12**	**-**	**1**

Nota : ***(*) - 2 Peminjam Dari Kemudahan BC Tidak Diberi Tahap Risiko Kerana Pinjaman Dibuat Kepada Kerajaan Di Negara Asing.***

JADUAL 32.12
PINJAMAN BERISIKO TINGGI DAN SEDERHANA YANG TELAH DIKATEGORIKAN SEBAGAI NPL

JENIS KEMUDAHAN	PINJAMAN LULUS DENGAN ARAS RISIKO TINGGI (TAHAP 6-8)	PINJAMAN DIKATEGORI SEBAGAI NPL	% DIKATEGORI SEBAGAI NPL	PINJAMAN LULUS DENGAN ARAS RISIKO SEDERHANA (TAHAP 3-5)	PINJAMAN DIKATEGORI SEBAGAI NPL	% DIKATEGORI SEBAGAI NPL
OPF	8	6	75.0	6	3	50.0
OCF	1	1	100.0	3	-	-
BC	2	1	50.0	3	1	33.3
SC	1	1	100.0	5	3	60.0
MKF	1	-	-	2	-	-
EOGF	-	-	-	3	-	-
JUMLAH	**13**	**9**	**69.2**	**22**	**7**	**31.8**

b. Pinjaman Diluluskan Tanpa Sekuriti Mudah Cair/Jaminan Korporat/Bank

Mengikut polisi kredit EXIM Bank, pinjaman/jaminan yang diberi hendaklah disandarkan kepada sekuriti bagi menjamin kepentingan bank sekiranya pinjaman mengalami kegagalan (default). Semakan Audit mendapati 37 pinjaman/jaminan yang diluluskan telah disandarkan dengan sekuriti. **Bagaimanapun, sekuriti yang disandarkan bagi 21 (56.7%) daripada 37 pinjaman/jaminan tersebut bukan merupakan sekuriti mudah cair seperti tunai, deposit tetap, bon, saham atau jaminan korporat/bank. Sebaliknya, sekuriti yang disandarkan adalah seperti tanah, jaminan peribadi dan pulangan daripada projek yang belum dipungut.** Ini disebabkan polisi kredit

EXIM Bank tidak menetapkan secara khusus mengenai keperluan menyediakan sekuriti mudah cair bagi kesemua pinjaman/jaminan yang diluluskan. Sebaliknya polisi tersebut hanya menyenaraikan jenis-jenis sekuriti yang boleh disandarkan kepada pinjaman/jaminan. Manakala penetapan jenis dan nilai sekuriti bagi sesuatu pinjaman/jaminan diputuskan oleh Jawatankuasa Pelulus mengikut permohonan yang diterima (case by case) bergantung kepada penilaian risiko terhadap peminjam. Mengikut penjelasan dari EXIM Bank, peminjam tidak diminta mengemukakan sekuriti mudah cair kerana sebahagian besar daripada mereka baru memulakan perniagaan dan sememangnya tidak mempunyai keupayaan untuk mengemukakan sekuriti tersebut. Didapati daripada 21 pinjaman/jaminan yang diluluskan tanpa sekuriti mudah cair atau jaminan bank/ korporat, sebanyak 10 (47.6%) pinjaman dengan baki pinjaman berjumlah RM378.73 juta sehingga 31 Disember 2008 telah dikategorikan sebagai NPL. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.13
KELULUSAN TANPA SEKURITI TUNAI/BERASASKAN TUNAI/ JAMINAN BANK/KORPORAT TELAH DIKATEGORIKAN SEBAGAI NPL

JENIS KEMUDAHAN	BILANGAN			BAKI PINJAMAN (RM Juta)	% DIKATEGORI SEBAGAI NPL
	SAMPEL PEMINJAM	PINJAMAN TANPA SEKURITI TUNAI/ ASAS TUNAI/ JAMINAN	DIKATEGORI SEBAGAI NPL		
OPF	14	6	6	284.30	100.0
OCF	4	3	1	33.14	33.3
BC	7	4	1	57.76	25.0
SC	6	4	2	3.53	50.0
MKF	3	1	-	-	-
EOGF	3	3	-	-	-
JUMLAH	**37**	**21**	**10**	**378.73**	**47.6**

Pada pandangan Audit, tanpa sekuriti mudah cair atau jaminan bank/korporat, EXIM Bank akan menghadapi masalah untuk mendapatkan pinjaman yang tertunggak sekiranya peminjam gagal membayar balik hutangnya mengikut jadual. Sehubungan ini, EXIM Bank perlu menetapkan secara khusus mengenai keperluan menyediakan sekuriti mudah cair bagi kesemua pinjaman/jaminan yang diluluskan.

c. Kelonggaran Dalam Proses Pengeluaran Pinjaman

Mengikut syarat yang telah ditetapkan dalam surat tawaran, wang pinjaman tidak boleh dikeluarkan kepada peminjam, sebaliknya perlu dibayar terus kepada kontraktor yang melaksanakan projek sebagai satu mekanisme kawalan bagi mengelakkan penyalahgunaan wang pinjaman dan melancarkan pelaksanaan projek. Semakan Audit mendapati secara keseluruhannya, pengeluaran pinjaman telah dibuat dengan teratur kecuali bagi 2 pinjaman di bawah kemudahan Overseas Contract Financing dan Overseas Project Financing yang masing-masingnya berjumlah RM28 juta dan USD15.22 juta.

Bagi kedua-dua pinjaman tersebut yang telah diluluskan antara tahun 2002 hingga 2006, EXIM Bank telah memberikan kelonggaran bagi membolehkan wang pinjaman dikeluarkan terus kepada peminjam. Selain itu, EXIM Bank juga memberikan kelonggaran bagi mengecualikan beberapa syarat di bawah *condition precedent* (syarat yang perlu dipenuhi sebelum pengeluaran pinjaman dibuat) yang ditetapkan semasa kelulusan diberi. Antara syarat yang telah diberi pengecualian adalah peminjam tidak perlu mendapatkan pembiayaan daripada bank komersial lain sungguhpun syarat awal menetapkan pembiayaan daripada EXIM Bank berdasarkan kepada nisbah 50:50 dengan bank komersial lain serta peminjam juga tidak perlu meningkatkan modal berbayarnya kepada USD3 juta sebelum pengeluaran pinjaman dibuat. Sebaliknya, peminjam dibenarkan meningkatkan modal berbayarnya secara berperingkat. Kelonggaran ini diberi oleh EXIM Bank berdasarkan permohonan peminjam setelah mengambilkira beberapa faktor seperti syarat yang ditetapkan oleh Institusi Kewangan di negara yang dilabur, masalah peminjam untuk mendapatkan pembiayaan dari bank komersial lain serta bagi membantu syarikat Malaysia melaksanakan projek di luar negara selaras dengan mandat yang diberikan kepada EXIM Bank. Semakan Audit selanjutnya mendapati **akibat daripada kelonggaran tersebut, EXIM Bank gagal memungut balik sepenuhnya bayaran pokok daripada kedua-dua peminjam tersebut berjumlah RM80.77 juta**. **Kedua-dua pinjaman tersebut masih berstatus NPL setakat 31 Disember 2008 dengan baki pinjaman (baki pokok + interest in suspense + other charges) berjumlah RM97.80 juta.**

Pada pandangan Audit, EXIM Bank perlu memperketatkan proses pengeluaran pinjaman bagi mengelakkan pinjaman yang diberi tidak dapat dikutip balik.

d. Pemantauan Terhadap Prestasi Peminjam Tidak Dilaksanakan Dengan Efektif

i. Berdasarkan polisi kredit, EXIM Bank bertanggungjawab menjalankan kajian semula tahunan (annual review) terhadap kedudukan kewangan; prestasi projek yang dilaksanakan oleh peminjam serta status penggunaan wang pinjaman. Berdasarkan perjanjian pinjaman pula, EXIM Bank perlu memastikan bahawa setiap peminjam mengemukakan penyata kewangan beraudit setiap tahun bagi tujuan pemantauan terhadap kedudukan kewangan peminjam berkenaan. **Pemeriksaan Audit terhadap 37 sampel pinjaman yang dipilih mendapati *annual review* bagi 20 peminjam tidak dibuat dengan teratur di mana *annual review* bagi 9 peminjam tidak dibuat secara *regular* manakala tiada bukti menunjukkan *annual review* pernah dibuat bagi 11 peminjam yang lain setakat tarikh pengauditan dijalankan.** Berdasarkan minit mesyuarat pengurusan yang disemak, pihak Audit mendapati *annual review* tidak dapat dijalankan setiap tahun antaranya disebabkan oleh kesukaran mendapatkan maklumat daripada peminjam. Kegagalan

melaksanakan *annual review* mengikut tempoh yang ditetapkan mengakibatkan Lembaga Pengarah tidak dapat mengesan status atau prestasi setiap peminjam dengan sewajarnya dan tindakan susulan yang lebih awal tidak dapat diputuskan. Sehingga 31 Disember 2008, **sebanyak 14 (70.0%) daripada 20 peminjam tersebut yang mana *annual review* tidak dijalankan dengan teratur telah dikategorikan sebagai NPL dengan baki pinjaman berjumlah RM453.08 juta.**

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati tiada bukti menunjukkan Penyata Kewangan Beraudit bagi 19 peminjam telah dikemukakan kepada EXIM Bank setiap tahun. Sehingga 31 Disember 2008, **sebanyak 11 (57.9%) daripada 19 peminjam tersebut mempunyai baki pinjaman berjumlah RM261.64 juta yang dikategorikan sebagai NPL.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.14
PEMINJAM YANG TIDAK MENGEMUKAKAN PENYATA KEWANGAN DENGAN TERATUR TELAH DIKATEGORIKAN SEBAGAI NPL

JENIS KEMUDAHAN	JUMLAH SAMPEL PEMINJAM	PENYERAHAN PENYATA KEWANGAN YANG TIDAK TERATUR	PINJAMAN DIKATEGORIKAN SEBAGAI NPL	% DIKATEGORI SEBAGAI NPL
OPF	14	6	5	83.3
OCF	4	2	1	50.0
BC	7	4	2	50.0
SC	6	3	3	100.0
MKF	3	1	-	-
EOGF	3	3	-	-
JUMLAH	**37**	**19**	**11**	**57.9**

Pada pandangan Audit, kedudukan prestasi peminjam perlu dibentangkan dan dijadikan agenda tetap untuk dibincangkan di setiap mesyuarat Lembaga Pengarah supaya peminjam yang bermasalah dapat dikenal pasti dan tindakan pembetulan dapat diambil dengan awal.

32.4.2.4. Semakan Audit mendapati pada 31 Disember 2008, bilangan pinjaman tidak berbayar (NPL) telah meningkat kepada 33 akaun berbanding hanya 21 akaun dan 19 akaun masing-masingnya pada tahun 2007 dan 2006. Didapati kemudahan Supplier Credit mencatatkan bilangan akaun NPL tertinggi iaitu 14 daripada 33 akaun. Ini adalah kerana kemudahan tersebut banyak diluluskan kepada syarikat industri kecil dan sederhana yang kedudukan kewangannya masih belum stabil. Bagaimanapun dari segi amaun NPL, kemudahan Overseas Project Financing mencatatkan jumlah yang terbesar iaitu RM461.99 juta. Butiran lanjut adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 32.1
BILANGAN AKAUN NPL MENGIKUT KEMUDAHAN



32.4.2.5. Antara sebab yang dikenal pasti mengakibatkan peningkatan NPL adalah kelemahan dalam proses pemantauan prestasi peminjam oleh EXIM Bank serta syarikat peminjam menghadapi masalah dalaman seperti aliran tunai negatif; operasi diberhentikan; pelaksanaan projek lewat daripada yang dijadualkan serta produk syarikat ditolak oleh pembeli. Selain itu, *post-mortem review* tidak dijalankan terhadap semua akaun pinjaman yang berstatus NPL seperti mana yang ditetapkan oleh EXIM Bank untuk menentukan sebab berlakunya NPL. Sehingga 31 Disember 2008, pihak Audit mendapati *post-mortem review* hanya dijalankan terhadap 2 akaun pinjaman yang berstatus NPL. Peningkatan NPL ini menyebabkan peruntukan hutang lapuk yang lebih besar perlu disediakan bagi pinjaman berkenaan dan ini telah menjejaskan kedudukan kewangan EXIM Bank. Kedudukan NPL sehingga 31 Disember 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.15
KEDUDUKAN PINJAMAN TIDAK BERBAYAR SETAKAT 31 DISEMBER 2008

TEMPOH TUNGGAKAN PINJAMAN	BILANGAN SYARIKAT TERLIBAT	JUMLAH PINJAMAN DILULUSKAN		BAKI PINJAMAN MENJADI NPL		% PINJAMAN MENJADI NPL	
		(USD Juta)	(RM Juta)	(USD Juta)	(RM Juta)	(USD)	(RM)
Kurang Dari 1 Tahun	16	94.09	106.90	87.20	51.48	92.7	48.2
Antara 1 Hingga 3 Tahun	7	15.22	56.20	15.22	53. 00	100.0	94.3
Melebihi 3 Tahun	10	48.43	10.50	43.70	3.93	90.2	37.4
JUMLAH	**33**	**157.74**	**173.60**	**146.12**	**108.41**	**92.6**	**62.4**

32.4.2.6. EXIM Bank telah membuat perbandingan kedudukan peratusan NPL bersih (Gross NPL tolak specific provision dan interest in suspense) pada 31 Disember 2007 dengan bank-bank luar negara yang mempunyai fungsi sama dengan EXIM Bank. Hasil daripada perbandingan tersebut menunjukkan peratusan NPL bersih pada 31 Disember 2007 bagi EXIM Bank adalah yang tertinggi iaitu 6.75% berbanding dengan bank-bank luar negara lain yang hanya mencatatkan peratusan NPL bersih antara 0.04% hingga 5.82%. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.16
KEDUDUKAN NPL EXIM BANK BERBANDING
BANK LUAR NEGARA PADA 31 DISEMBER 2007

NAMA BANK	NPL BERSIH (%)
Japan Bank For International Corporation	2.08
EXIM Bank Of China	2.45
EXIM Bank Of Korea	0.04
EXIM Bank Of India	2.16
EXIM Bank Of Thailand	5.82
Export Finance & Insurance Corp. Australia	2.10
EXIM Bank Of Malaysia	**6.75**

Pada pandangan Audit, bagi memastikan NPL tidak meningkat secara berterusan, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan perlu meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap prestasi peminjam serta menjalankan *post-mortem review* terhadap semua akaun NPL selaras dengan polisi EXIM Bank.

32.4.2.7. Berdasarkan maklum balas terhadap teguran Audit yang diterima pada bulan Mei 2009, EXIM Bank memaklumkan bahawa pengurusan baru telah mengambil pelbagai langkah untuk mengatasi kelemahan yang wujud. Antara langkah tersebut ialah mengemas kini polisi dan prosedur berkaitan pinjaman; membangunkan sistem maklumat perbankan berkomputer; meningkatkan pemantauan pinjaman; menetapkan *zero annual review overdue* sebagai *Key Performance Indicator* pegawai yang terlibat dengan aktiviti pinjaman serta memperkukuhkan hal berkaitan pemulihan dan penstrukturan semula pinjaman.

32.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

32.4.3.1. Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, EXIM Bank juga telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti di jadual berikut :-

JADUAL 32.17
PERATURAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN SYARIKAT

PERATURAN YANG DITETAPKAN	CATATAN
Polisi Dan Prosedur Sumber Manusia	Mengandungi 45 polisi dan prosedur yang berkaitan dengan pengurusan sumber manusia. Antaranya berkaitan dengan pelantikan, pengesahan jawatan, kenaikan pangkat, pertukaran, penamatan, cuti, gaji dan elaun serta kemudahan pinjaman kepada pekerja. Selain itu, perkara yang berkaitan dengan tindakan disiplin, polisi *whistle-blowing* dan latihan pekerja juga turut diliputi.
Polisi Dan Garis Panduan Pentadbiran Perolehan	Menerangkan kaedah yang perlu diikuti berhubung dengan proses perolehan.
Polisi Aset Dan Pelupusan	Menerangkan tatacara berhubung pengurusan aset yang melibatkan proses perolehan, penerimaan, penyimpanan, perekodan dan pelupusan.

32.4.3.2. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat serta merangka strategi pelaksanaannya. Di samping itu, *the Blue Book-Intensifying Performance Management* yang dilancarkan pada bulan Julai 2005 juga menetapkan keperluan menyediakan Petunjuk Prestasi Utama. Semakan Audit mendapati EXIM Bank telah menyediakan rancangan korporat bagi tempoh 5 tahun (2008 hingga 2012) yang meliputi antaranya aspek perancangan, analisis *Strengths, Weaknesses, Opportunities And Threats* (SWOT), strategi korporat, pelan tindakan terperinci dan *corporate scorecard*. Selain itu, EXIM Bank juga telah menyediakan Petunjuk Prestasi Utama bagi mengukur pencapaiannya.

32.4.3.3. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Setiausaha Jawatankuasa Audit mestilah dilantik daripada wakil Unit Audit Dalam serta berdaftar dengan mana-mana Badan Profesional Perakaunan. Pekeliling tersebut juga menekankan antara tanggungjawab Jawatankuasa Audit adalah untuk mengkaji pandangan Audit Luar dan memastikan perkara berbangkit diberi perhatian dan diambil tindakan oleh pengurusan syarikat. Semakan Audit mendapati Setiausaha Jawatankuasa Audit telah dilantik daripada wakil Bahagian Audit Dalam EXIM Bank, namun pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada Setiausaha yang dilantik telah berdaftar dengan mana-mana Badan Profesional Perakaunan yang diiktiraf kerana maklumat mengenainya tidak dikemukakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati Jawatankuasa Audit telah mengambil tindakan susulan yang wajar terhadap pemerhatian yang dibangkitkan oleh Juruaudit Luar (Bank Negara Malaysia dan KPMG) melalui semakan dan penelitian berkala terhadap isu yang dibangkitkan dan seterusnya mengemukakan laporan kepada Bank Negara Malaysia setiap 3 bulan sekali.

32.4.3.4. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan bahawa syarikat perlu membayar dividen daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan pada kadar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun kepada Kerajaan selaku pemegang saham syarikat. Syarikat perlu mengemukakan kepada Kementerian Kewangan sebab-sebab yang munasabah sekiranya ia gagal membayar dividen kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati EXIM Bank **tidak membayar dividen kepada Kerajaan walaupun mencatatkan keuntungan bersih berjumlah RM76.41 juta, RM81.20 juta dan RM20.18 juta masing-masingnya pada tahun 2005, 2006 dan 2008.** Berdasarkan perkiraan Audit, jumlah dividen yang layak diterima daripada keuntungan bagi ketiga-tiga tahun tersebut adalah berjumlah RM17.78 juta (berasaskan kadar 10% daripada keuntungan bersih). Mengikut EXIM Bank, ia tidak membayar dividen kepada Kerajaan bagi tahun kewangan 2006 kerana keuntungan tersebut digunakan untuk dilabur semula bagi mengembangkan perniagaan perbankkan eksport dan mengukuhkan kedudukan dana pemegang sahamnya.

32.4.3.5. Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan langkah-langkah wajar diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit terhadap pengurusan aset EXIM Bank mendapati kelemahan seperti berikut :-

a. Bangunan kedai 3 tingkat di Johor Bahru yang telah dibeli dengan harga RM1.30 juta pada bulan April 1995 didapati tidak digunakan secara optimum seperti di **Gambar 32.1 dan 32.2**. Hanya tingkat 3 digunakan sebagai pejabat EXIM Bank yang menempatkan 3 pegawainya manakala ruangan lain tidak disewakan semula setelah penyewa sedia ada berpindah keluar pada tahun 2006. EXIM Bank telah melantik ejen hartanah bagi mendapatkan penyewa baru/pembeli yang berminat dengan bangunan tersebut, namun sehingga kini masih tiada pihak yang berminat.

GAMBAR 32.1

Pejabat Cawangan Johor Bahru
Ruangan Pejabat Di Tingkat 2
(25.08.2008)

GAMBAR 32.2

Pejabat Cawangan Johor Bahru
Ruangan Bawah Tanah
(25.08.2008)

b. Lawatan Audit ke pejabat cawangan EXIM Bank di Johor Bahru dan Pulau Pinang juga mendapati banyak aset yang usang seperti peralatan pejabat dan perabot belum dilupuskan **(Gambar 32.3 dan 32.4)**. Pihak Audit dimaklumkan bahawa pejabat cawangan tidak bertanggungjawab terhadap urusan pelupusan aset kerana ianya adalah di bawah bidang kuasa Ibu Pejabat. **Pada pandangan Audit, pihak Ibu Pejabat EXIM Bank patut menyegerakan urusan pelupusan aset tersebut bagi menyediakan persekitaran pejabat yang lebih kondusif.**

GAMBAR 32.3

Pejabat Cawangan Johor Bahru
Aset Usang Belum Dilupuskan
(25.08.2008)

GAMBAR 32.4

Pejabat Cawangan Pulau Pinang
Aset Usang Belum Dilupuskan
(25.08.2008)

c. Aset yang diperoleh dari Bank Industri Teknologi Malaysia Berhad sejak tahun 2005 seperti komputer, peralatan pejabat dan perabot tidak ditanda (tagging) hak milik dan nombor pendaftaran.

32.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Objektif utama Kerajaan menubuhkan EXIM Bank adalah untuk menyediakan kemudahan kredit bagi meningkatkan kemampuan syarikat Malaysia mengeksport barangan dan perkhidmatan serta melaksanakan projek pelaburan di luar negara. Bagi mencapai objektif tersebut, EXIM Bank telah menetapkan beberapa prosedur pembiayaannya. Bagaimanapun, prosedur tersebut tidak dapat dilaksanakan dengan cekap dan berkesan sekiranya kelemahan dalam pengurusan kemudahan kredit yang berpunca daripada kegagalan mematuhi polisi/prosedur yang telah ditetapkan serta kelemahan pemantauan tidak diperbetulkan segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya pihak yang terlibat memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

32.5.1. Pihak pengurusan perlu memastikan penetapan sekuriti pinjaman adalah selaras dengan tahap risiko yang ditentukan bagi setiap peminjam dengan memberi keutamaan kepada sekuriti tunai/berasaskan tunai atau jaminan korporat/bank.

32.5.2. Bagi memastikan NPL tidak meningkat secara berterusan, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan perlu meningkatkan pemantauan dan penyeliaan terhadap prestasi peminjam serta menjalankan *post-mortem review* terhadap semua akaun NPL selaras dengan polisi EXIM Bank. Sehubungan ini, kedudukan prestasi pinjaman perlu dibentangkan dan dijadikan agenda tetap untuk dibincangkan di setiap mesyuarat Lembaga Pengarah.

32.5.3. Pihak pengurusan EXIM Bank perlu memastikan dividen dibayar kepada Kerajaan dari keuntungan syarikat memandangkan Kerajaan selaku pemegang saham layak mendapat pulangan dari pelaburannya.

33. PENGURUSAN SYARIKAT PRASARANA NEGARA BERHAD

33.1. LATAR BELAKANG

33.1.1. Syarikat Prasarana Negara Berhad (Prasarana) telah ditubuhkan pada 11 Ogos 1998. Ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan dengan modal berbayar RM3.80 bilion. Prasarana adalah bertanggungjawab untuk menguruskan infrastruktur pengangkutan awam di kawasan Lembah Klang dan Pulau Pinang. Objektif utama syarikat ialah menyediakan infrastruktur pengangkutan awam yang bersepadu, cekap dan *value for money.*

33.1.2. Prasarana mempunyai 6 Ahli Lembaga Pengarah di mana 2 daripadanya adalah wakil daripada Kementerian Kewangan. Pengurusan syarikat diketuai oleh Pengarah Urusan Kumpulan dan beliau dibantu oleh seramai 123 kakitangan eksekutif serta 48 bukan eksekutif. Bagi mencapai objektifnya, syarikat telah mengambil tindakan berikut :-

a. Mendapatkan dana bagi pelaburan dalam infrastruktur pengangkutan awam.
b. Melabur dalam infrastruktur pengangkutan awam.
c. Menguruskan perolehan aset pengangkutan awam yang memenuhi polisi Kerajaan dan aspirasi negara.
d. Menguruskan hutang bagi membiayai infrastruktur pengangkutan awam.

33.1.3. Operasi pengangkutan awam yang melibatkan Prasarana adalah seperti di carta berikut :-

CARTA 33.1
OPERASI PENGANGKUTAN AWAM YANG MELIBATKAN PRASARANA



Nota : LRT - Light Rail Transit

33.1.4. Empat syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya oleh Prasarana terlibat sama ada dalam aktiviti pengangkutan awam, khidmat juru perunding atau kemudahan instrumen kewangan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.1
MAKLUMAT SUBSIDIARI BAGI SYARIKAT PRASARANA NEGARA BERHAD

SENARAI SYARIKAT SUBSIDIARI	TARIKH PENUBUHAN	MODAL BERBAYAR (RM)	AKTIVITI UTAMA*
Panorama Langkawi Sdn. Bhd.	28.9.2002	100,000	Menjalankan operasi kereta kabel Langkawi
KLRT Consult Sdn. Bhd.	12.11.2001	3,000,000	Khidmat Juruperunding
KL Starrail Sdn. Bhd.	3.2.1992	5,000,000	Menjalankan operasi monorel
First Sukuk Al-Ijara Sdn. Bhd.	11.10.1996	1,000	Khidmat kemudahan instrumen kewangan

Nota : (*) Aktiviti Utama Sebagaimana Yang Dinyatakan Di Dalam Memorandum And Article Of Association

33.1.5. Sebagai sebuah syarikat berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, Prasarana perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Antara lain, Akta Syarikat 1965 menetapkan tentang keperluan pelantikan Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta fungsi mereka untuk pengurusan syarikat. Manakala pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menetapkan tentang kaedah pelantikan Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan penubuhan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta fungsi mereka.

33.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

33.2.1. Prestasi kewangan syarikat memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut

33.2.2. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

33.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

33.2.4. Pengurusan subsidiari telah dipantau oleh Syarikat Induk selaras dengan objektif syarikat yang ditetapkan.

33.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama Syarikat Prasarana Negara Berhad. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008 telah dibuat di pejabat Syarikat Prasarana Negara Berhad; Rangkaian Pengangkutan Integrasi Deras Sdn. Bhd. (RapidKL) serta Kementerian Kewangan. Bagaimanapun analisis prestasi kewangan hanya dapat dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2005 hingga 2007 kerana semasa pengauditan dijalankan, Syarikat Prasarana Negara Berhad tidak dapat mengemukakan

Penyata Kewangan tahun 2008 yang telah diaudit. Temu bual dengan pegawai dan kakitangan Prasarana, RapidKL serta pegawai Kementerian Kewangan turut diadakan. Selain itu, pemeriksaan Audit juga dijalankan di depoh bas dan tapak tanah yang dipilih.

33.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2008 hingga Januari 2009 mendapati pada umumnya, prestasi kewangan dan pengurusan aktiviti Prasarana adalah kurang memuaskan. Syarikat ini telah mengalami kerugian terkumpul berterusan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 disebabkan oleh belanja susut nilai yang tinggi. Beban kewangan ini menjadi lebih ketara jika Kerajaan tidak menanggung faedah bon yang diterbitkan oleh Prasarana. Kedudukan kewangan ini juga menyebabkan Prasarana tidak mampu menebus semula bon yang diterbitkan berjumlah RM1.37 bilion bagi membiayai aktivitinya. Malahan berdasarkan kedudukan aliran tunainya ketika ini, ia juga berkemungkinan menghadapi masalah menebus semula baki bon yang diterbitkannya berjumlah RM7.10 bilion. Kedudukan kecairan syarikat serta pulangan ke atas ekuiti juga mengalami kemerosotan pada tahun 2007 berbanding tahun sebelumnya. Selain itu, pengurusan aktiviti terutamanya urusan perolehan; pelupusan dan penyelenggaraan rekod aset adalah kurang memuaskan serta Petunjuk Prestasi Utama (KPI) yang jelas berhubung aktiviti Prasarana tidak disediakan. Terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan pelaburan Kerajaan di dalam syarikat ini mendapat *value for money.* Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti Prasarana adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

33.4.1. Prestasi Kewangan

33.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, prestasi kewangan syarikat adalah kurang memuaskan di mana ia mengalami kerugian bersih (selepas cukai) bagi 3 tahun berturut-turut. Pada tahun 2007, ia mengalami kerugian berjumlah RM183.06 juta berbanding RM160.55 juta pada tahun 2006. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kerugian syarikat adalah belanja susut nilai aset tetap yang tinggi dan peningkatan perbelanjaan operasi pada tahun 2007 iaitu sebanyak RM8.53 juta (35.7%) lebih tinggi daripada tahun 2006. Susut nilai aset tetap meningkat dengan ketara pada tahun 2007 iaitu sebanyak RM19.82 juta atau 9.7% kepada RM224.96 juta berbanding RM205.14 juta pada tahun 2006. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi Prasarana bagi tahun kewangan 2005, 2006 dan 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.2
PENDAPATAN DAN PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI PRASARANA BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

BUTIRAN	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Pendapatan	37.82	39.99	65.37
Perbelanjaan Operasi	(18.51)	(23.90)	(32.43)
Untung Kasar	**19.31**	**16.09**	**32.94**

BUTIRAN	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Lain-Lain Pendapatan	274.28	292.77	243.75
Susutnilai	(199.61)	(205.14)	(224.96)
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(11.34)	(13.95)	-
Untung/(Rugi) Operasi	**82.64**	**89.77**	**51.73**
Kos Kewangan	(251.59)	(249.64)	(235.09)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**(168.95)**	**(159.87)**	**(183.36)**
Pelarasan Cukai	(0.04)	(0.68)	0.30
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**(168.99)**	**(160.55)**	**(183.06)**

33.4.1.2. Bagi menentukan prestasi kewangan Prasarana, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2005 hingga 2007. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan :-

a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, tahap kecairan Prasarana pada tahun 2005 adalah 5.47 kali dan ia meningkat secara mendadak pada tahun 2006 kepada 24.46 kali dan menurun semula pada tahun 2007 kepada 0.35 kali. Ini bermakna aset semasa yang dimilikinya boleh menampung antara 0.35 hingga 24.46 kali ganda liabiliti semasanya. Penurunan nisbah ini pada tahun 2007 adalah disebabkan terdapat peningkatan dalam liabiliti semasa terutamanya pinjaman jangka pendek serta akruan yang lain pada tahun tersebut. **Keadaan ini akan menyebabkan syarikat berdepan dengan risiko yang lebih tinggi untuk menyelesaikan liabiliti jangka pendek**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.3
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
2005	525.36	96.20	5.47 : 1
2006	1,248.89	51.07	24.46 : 1
2007	736.94	2,117.25	0.35 : 1

b. **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama (core business) sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan

pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (value added) terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan pada tahun 2005, Prasarana telah mengalami kerugian sebanyak RM4.47 dan RM4.01 pada tahun 2006. Bagaimanapun, keadaan ini telah bertambah baik pada tahun 2007 di mana kerugiannya adalah RM2.80 bagi setiap ringgit pendapatan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.4
MARGIN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
2005	(168.99)	37.82	(4.47)
2006	(160.55)	39.99	(4.01)
2007	(183.06)	65.37	(2.80)

c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati **tahap kecekapan syarikat menguruskan asetnya pada tahun 2006 adalah lebih baik berbanding dengan tahun 2005**. Bagaimanapun pada tahun 2007, tiada perubahan terhadap status pulangan ini. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.5
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)
2005	(168.99)	8,346.58	(2.0)
2006	(160.55)	9,140.93	(1.8)
2007	(183.06)	10, 203.99	(1.8)

d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati **tahap kecekapan untuk menguruskan modal syarikat semakin menurun**. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.6
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)
2005	(168.99)	1,782.35	(9.5)
2006	(160.55)	3,168.80	(5.1)
2007	(183.06)	2,985.75	(6.1)

33.4.1.3. Analisis terhadap struktur modal Prasarana mendapati kelemahan seperti berikut :-

a. Perolehan Saham Yang Tidak Menguntungkan

Bagi memastikan pelaburan dilaksanakan secara bersepadu, cekap serta *value for money*, Prasarana perlu memastikan pelaburannya mendatangkan pulangan yang munasabah. Berdasarkan Resolusi Pengarah bertarikh 21 Februari 2002, Prasarana telah membeli saham KL Infrastructure Group Berhad (KLIG) sebanyak 52 juta unit saham bernilai RM26.52 juta. Jumlah ini bersamaan dengan 10% ekuiti syarikat. Pihak Audit tidak dapat menentukan justifikasi pembelian saham ini memandangkan KLIG adalah sebuah syarikat yang mengalami masalah kewangan akibat dari kegagalannya melaksanakan projek pembinaan monorel. Semakan Audit mendapati nilai saham yang dibeli pada harga berjumlah RM26.52 juta telah menurun kepada RM6.76 juta pada tahun 2007. **Pada pandangan Audit, pembelian saham ini adalah pelaburan yang merugikan kepada pihak Kerajaan.**

b. Ketidakupayaan Menebus Balik Bon Korporat

i. Bon merupakan instrumen kewangan yang diterbitkan bagi membiayai projek infrastruktur dan perlu ditebus semula oleh pihak yang menerbitkannya pada tarikh matang sesuatu bon. Sehingga 31 Disember 2008, Prasarana telah menerbitkan 8 bon berjumlah RM8.47 bilion (nilai prinsipal) pada kadar kupon antara 3.3% hingga 4.7% bagi setiap 6 bulan seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.7
JUMLAH BON YANG DIKELUARKAN OLEH PRASARANA

BON	JUMLAH PRINSIPAL (RM Juta)	KADAR KUPON (%)	TARIKH ISU BON	TARIKH MATANG	TEMPOH MATANG (Tahun)
Tranche 1	547.00	3.3	1.12.2001	30.11.2006	5
Tranche 2	820.00	3.5	1.12.2001	30.11.2008	7
Tranche 3	2,187.00	3.8	1.12.2001	30.11.2011	10
Tranche 4	1,914.00	4.3	1.12.2001	30.11.2016	15
Tranche 5	1,000.00	4.0	11.9.2002	6.9.2022	20
Tranche 6	300.00	4.1	30.5.2008	29.5.2015	7
Tranche 7	1,200.00	4.4	30.5.2008	30.5.2018	10
Tranche 8	500.00	4.7	30.5.2008	30.5.2023	15
JUMLAH	**8,468.00**				

ii. Semakan Audit mendapati Prasarana tidak berupaya menebus semula bon yang telah diterbitkan (*Tranche* 1 dan 2) yang berjumlah RM1.37 bilion (prinsipal dan kupon) yang telah matang pada 30 November 2006 dan 30 November 2008. Sebaliknya, penebusan semula bon tersebut telah dibiayai sepenuhnya melalui peruntukan kewangan Kerajaan. Ketidakupayaan penebusan semula bon tersebut adalah berpunca daripada sumber dana syarikat yang tidak mencukupi. **Pada pandangan Audit, Kementerian Kewangan perlu memantau dengan rapi pengurusan kewangan Prasarana bagi memastikan ia dikendalikan dengan lebih cekap dan berhemat supaya aliran tunai syarikat dapat diperbaiki bagi mengelakkan Kerajaan dari membuat penebusan semula bon terbitan Prasarana berjumlah RM7.10 bilion (prinsipal) yang akan matang antara tahun 2011 hingga tahun 2023.**

33.4.2. Pengurusan Aktiviti

33.4.2.1. Peranan Prasarana dalam pengurusan infrastruktur pengangkutan awam bermula pada bulan Ogos 2002 apabila dipertanggungjawabkan untuk mengambil alih dan mengurus sistem kemudahan pengangkutan bas dan sistem pengangkutan rel transit aliran ringan daripada 12 syarikat pengangkutan yang lain. Prasarana telah melantik RapidKL mulai bulan Disember 2004 dan Rapid Penang mulai bulan Ogos 2007 sebagai pengendali aset (operator) yang dimilikinya. Kronologi peranan Prasarana sejak penubuhannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.8
PERANAN PRASARANA SEJAK PENUBUHAN

PERANAN	TARIKH	PERISTIWA PENTING
Belum beroperasi	11.8.1998	Penubuhan syarikat
	30.11.2001	Menerbitkan bon RM5.40 bilion serta mula mengambil alih liabiliti PUTRA dan STAR
Pemilik dan Operator Aset	30.08.2002	Mengambil alih pengurusan PUTRA dan STAR
	06.09.2002	Menerbitkan bon RM1 bilion
	30.05.2003	*Refinancing* bon RM5.40 bilion melalui penjadualan semula tempoh matang dan kadar kupon
	26.04.2004 dan 06.05.2004	Mengambil alih pengurusan City Liner dan Intrakota
Pemilik Aset manakala RapidKL dan RapidPenang sebagai Operator Aset	31.12.2004	Melantik RapidKL sebagai operator bas dan *LRT*
	01.08.2007	Melantik RapidPenang sebagai operator bas
	19.12.2007	Mengambil alih pengurusan KL Monorail dan melantik KL Starrail sebagai operator monorel
	31.05.2008	Menerbitkan bon RM2 bilion

33.4.2.2. Sehingga 31 Disember 2008, Prasarana memiliki aset berhubung sistem pengangkutan bas bernilai RM610.48 juta serta aset sistem pengangkutan transit aliran ringan bernilai RM6.70 bilion yang dikendalikan (operate) oleh 3 syarikat. Antara aset yang dimiliki oleh Prasarana adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.9
ASET YANG DIMILIKI OLEH PRASARANA SETAKAT 31 DISEMBER 2008

JENIS SISTEM	OPERATOR	BILANGAN ASET			NILAI KOS ASET (RM Juta)	NILAI PASARAN ASET (RM Juta)
		TREN/BAS (unit)	LANDASAN (km)	STESEN/DEPOH (unit)		
Sistem Pengangkutan Transit Aliran Ringan	RapidKL (melalui *Ampang Line**)	90	27	25	780.73***	657.43
	RapidKL (melalui Kelana Jaya *Line***)	30 *car* 70 *tren*	29	25	772.32***	650.61
	KL Starrail Sdn. Bhd.	24	8.6	11	122.39***	122.14
Sistem Pengangkutan Bas	RapidKL	921	Tidak Berkaitan	11	426.91****	331.27
	RapidPenang	150	Tidak Berkaitan	5	45.12****	39.92

Nota :
* - ***Dahulu dikenali sebagai Sistem Transit Aliran Ringan Sdn. Bhd. (STAR)***
** - ***Dahulu dikenali sebagai Projek Usahasama Transit Ringan Automatik Sdn. Bhd. (PUTRA)***
*** - ***Nilai kos aset tidak termasuk kos bagi Automatic Fare Collection System; Track and Guideway System; Bangunan; Perabot; Tanah dan lain-lain* aset**
**** - ***Nilai kos aset tidak termasuk kos bagi Ticketing System; Bangunan; Perabot; Peralatan Pejabat dan lain-lain* aset**

33.4.2.3. Semakan Audit mendapati pada umumnya, bas dan Sistem Pengangkutan Transit Aliran Ringan (LRT) yang telah diambil alih oleh Prasarana dapat digunakan bagi tujuan pengangkutan. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan terhadap pengurusan aktiviti Prasarana seperti berikut :-

a. Pembelian Tanah Untuk Depoh Bas Melebihi Daripada Harga Penilaian

i. Antara objektif syarikat adalah untuk memastikan prosedur perolehan yang sistematik dan telus sejajar dengan konsep *value for money* yang digariskan oleh polisi Kerajaan. Pada 7 Julai 2008, Lembaga Pengarah Prasarana telah meluluskan bajet berjumlah RM33.25 juta berdasarkan RM45 sekaki persegi (RM484.38 semeter persegi) bagi membeli tanah di Lot 1499, Balakong, Cheras seluas 6.86 hektar untuk membina depoh bas. Tanah berkenaan dimiliki oleh pemilik bangunan pejabat yang disewa oleh Prasarana. Pihak Audit tidak dapat menentukan asas bajet yang telah diluluskan itu kerana ia adalah 10.8% hingga 50% lebih tinggi daripada harga tanah yang dinilai oleh Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta dan 2 jurunilai swasta pada bulan Februari 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.10
HARGA YANG DINILAI OLEH JURUNILAI

JURUNILAI	TARIKH PENILAIAN	HARGA PENILAIAN (RM)	% PERBEZAAN NILAI TANAH BERBANDING BAJET
IPC Island Property Consultants Sdn. Bhd.	11 Feb 2008	RM30,000,000 @ RM437 smp	10.8
Raine & Horne	13 Feb 2008	RM22,170,000 @ RM322.94 smp	50.0
Jabatan Penilaian Dan Perkhidmatan Harta	15 Feb 2008	RM24,027,500 @ RM350 smp cadangkan harga dirunding pada permulaan RM20 juta	38.4

Nota : ***smp - semeter persegi***

ii. Semakan Audit selanjutnya mendapati Perjanjian Jual Beli telah ditandatangani pada 21 Julai 2008 dengan harga RM31.03 juta iaitu 3.4% hingga 40% lebih tinggi dari cadangan harga tanah oleh kesemua jurunilai tersebut. Lawatan Audit pada 29 Januari 2009 ke tapak mendapati tanah berkenaan masih belum dibangunkan. Tanah tersebut juga tidak berpagar dan tiada papan tanda yang menunjukkan pemilik tanah tersebut adalah Prasarana. Keadaan tanah itu adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 33.1

GAMBAR 33.2

Tanah Di Lot 1499, Mukim Cheras
- Kawasan Tanah Yang Diratakan, Tiada Papan Tanda Dan Tiada Pagar
(29.01.2009)

Pada pandangan Audit, perolehan tanah tidak dibuat secara berhemat dan merugikan syarikat. Pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah sepatutnya merundingkan harga berdasarkan kepada lingkungan harga yang dicadangkan oleh kesemua jurunilai.

b. Kelemahan Dalam Urusan Perolehan Bas

i. Polisi Kerajaan menetapkan semua perolehan perlu dibuat secara adil dan saksama, telus, memberi nilai faedah terbaik serta memenuhi akauntabiliti awam. Pada bulan Januari 2006, Kementerian Kewangan telah meluluskan permohonan Prasarana supaya pembelian 280 bas *Completed Knocked Down* (CKD) atau 'bas yang dipasang mengikut bahagian' buatan Dongfeng dibuat secara rundingan terus dengan syarikat MTrans Bus Sdn. Bhd. Bagaimanapun Prasarana telah membuat keputusan untuk menukar jenis bas yang diperlukan daripada jenis CKD kepada jenis *Completed Built Up* (CBU) iaitu 'bas pasang-siap' atas alasan diperlukan segera oleh operatornya iaitu RapidKL. Kementerian Kewangan telah bersetuju dengan cadangan ini dan mengarahkan supaya Prasarana melaksanakan perolehan bas tersebut secara tender terhad.

ii. Pada 17 Mac 2006, Prasarana telah menawarkan kepada 7 syarikat untuk mengemukakan cadangan bagi perolehan bas berkenaan. Berdasarkan kepada penilaian teknikal dan penilaian kewangan, Lembaga Tender Prasarana telah mencadangkan supaya kontrak

berjumlah RM87.36 juta ditawarkan kepada 3 syarikat secara agihan iaitu SKS Coachbuilders Sdn. Bhd. dengan 150 bas daripada pengeluar King Long Xiamen; Master Builders (M) Sdn. Bhd. dengan 80 bas daripada pengeluar Wuxi Anyuan dan MTrans Bus Sdn. Bhd. dengan 50 bas daripada pengeluar Dongfeng. Alasan agihan ini adalah untuk mengelakkan berlaku kelewatan penghantaran bas dan juga *concentration risk* jika hanya satu pembekal ditawarkan kontrak. Cadangan tersebut telah dipersetujui oleh Lembaga Pengarah. Bagaimanapun berdasarkan kepada surat yang dikeluarkan pada 5 April 2006, didapati Kementerian Kewangan hanya bersetuju untuk mengagihkan perolehan 200 bas antara 3 syarikat tersebut dengan nilai RM62.40 juta. Manakala perolehan baki 80 bas bernilai RM24.96 juta diserahkan kepada 2 syarikat yang lain iaitu Euromawar Sdn. Bhd. dan Sumai Engineering Sdn. Bhd. yang juga mengemukakan tawarannya pada peringkat awal tetapi tidak dipilih kerana tidak melepasi penilaian teknikal. Oleh itu penilaian kewangan tidak dijalankan terhadap tawaran dan kedudukan kewangan kedua-dua syarikat tersebut.

iii. Prasarana telah menjalankan penilaian teknikal kali kedua terhadap tawaran syarikat Euromawar Sdn. Bhd. dan Sumai Engineering Sdn. Bhd. setelah Kementerian Kewangan mengesyorkan supaya kedua-dua syarikat tersebut juga ditawarkan. Hasil penilaian teknikal tersebut telah diperakukan oleh Lembaga Pengarah tetapi penilaian kewangan masih tidak dijalankan. Semakan Audit selanjutnya mendapati kedua-dua syarikat lewat membekalkan bas antara 18 hingga 80 hari dan Prasarana telah mengenakan denda bagi kelewatan tersebut antara RM0.42 juta hingga RM1.72 juta. Bayaran denda tersebut telah didapatkan daripada Bon Pelaksanaan.

Pada pandangan Audit, Kementerian Kewangan hendaklah memastikan pemilihan kontraktor atau pembekal adalah berdasarkan hasil penilaian teknikal dan penilaian kewangan bagi mengelakkan masalah bekalan akibat daripada ketidakupayaan pembekal dari segi kepakaran dan kewangan.

c. Kualiti Bas Kurang Memuaskan

i. Semakan Audit mendapati 475 (44.4%) daripada 1,071 unit bas yang dimiliki oleh Prasarana merupakan model dari negara China. Antara lainnya, pembelian bas buatan China diputuskan oleh pihak pengurusan berasaskan faktor harga terendah serta penghantaran segera. Bas ini terdiri daripada pelbagai model seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.11
BAS KELUARAN NEGARA CHINA MENGIKUT MODEL

MODEL BAS	KUANTITI (Unit)
Dongfeng	245
Kosmo	30
Anyuan	50
King Long	150
JUMLAH	**475**

ii. Semakan terhadap rekod yang diselenggarakan oleh RapidKL mendapati pada umumnya kesemua bas seringkali mengalami kerosakan pada *wheel stud*, bateri dan brek yang mana boleh menjejaskan keselamatan pengguna dan menjejaskan operasi bas. Butiran kerosakan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.12
JENIS KEROSAKAN YANG DIKESAN

SUB SISTEM	PERKARA	MODEL	IMPAK TERHADAP KESEDIAAN BAS BEROPERASI	IMPAK TERHADAP JAMINAN KESELAMATAN	(%) UNIT BAS ROSAK	GAMBAR PERALATAN YANG ROSAK
Wheel Stud	*Wheel stud easily broken, thread loose*	Semua	Ya	Ya	63.2	
Wheel Nut	*Wheel nut, thread loose*	Semua	Ya	Ya	63.2	
Battery	*Easily fail*	Semua	Ya	Ya	84.2	
Battery Terminal	*Battery low charge, when engine been stopped difficult to restart*	Semua	Ya	Ya	100	
Brake System	*Brake drum need to change before high time*	Semua	Ya	Ya	63.2	
Brake System	*Brake, less efficency (when lining surface hardened)*	Semua	Ya	Ya	100	
Under Carriage	*Tyre wear at front axle very high, steering wheel difficult to control*	Semua	Ya	Ya	100	
Under Carriage	*Tyre wear at rear axle very high, steering wheel difficult to control*	Semua	Ya	Ya	63.2	

Pada pandangan Audit, Prasarana perlu mengkaji semula prestasi bas mengikut model bagi memastikan operasi RapidKL tidak terjejas dan mendapat *value for money.*

d. Syarat Terhadap Kelulusan Perolehan Secara Rundingan Terus Tidak Dipatuhi

i. Surat Perbendaharaan bertarikh 26 Mac 2008 menetapkan bahawa Kementerian/Agensi/Syarikat Kerajaan yang telah memperoleh kelulusan Kementerian Kewangan bagi perolehan secara rundingan terus perlu :-

- Mengeluarkan Surat Niat (LOI)
- Menubuhkan dan melantik secara bertulis Jawatankuasa Rundingan Harga
- Menyediakan Minit Mesyuarat Jawatankuasa Rundingan Harga dan disahkan oleh Kementerian/Agensi/Syarikat Kerajaan
- Menjalankan kajian pasaran untuk dijadikan asas rundingan harga
- Mendapat pengesahan bertulis daripada syarikat pembekal
- Menyediakan Laporan Hasil Rundingan Harga

ii. Semakan terhadap 15 perolehan secara rundingan terus berjumlah RM275.16 juta mendapati bagi kesemua perolehan tersebut, Prasarana tidak melaksanakan perkara yang ditetapkan dalam Surat Perbendaharaan tersebut di atas setelah kelulusan perolehan diberikan oleh Kementerian Kewangan. Keadaan ini berlaku kerana surat kelulusan yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan tidak mensyaratkan tentang keperluan pematuhan kepada perkara tersebut seperti mana surat-surat lain yang lazimnya dikeluarkan bagi perolehan secara rundingan terus di mana keperluan mematuhi syarat berkenaan telah dinyatakan. Semakan Audit selanjutnya mendapati 8 (53.3%) daripada perolehan tersebut yang bernilai RM253.74 juta telah diluluskan oleh Setiausaha Bahagian Perolehan, Kementerian Kewangan yang juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah merangkap Pengerusi Lembaga Tender A Prasarana. Kegagalan mematuhi ketetapan peraturan tersebut menyebabkan syarikat tidak mendapat jaminan bahawa setiap perolehan adalah *value for money.*

Pada pandangan Audit, Kementerian Kewangan hendaklah memastikan keperluan pematuhan syarat kelulusan perolehan secara rundingan terus dinyatakan secara jelas dalam surat kelulusannya supaya ia dipatuhi oleh Prasarana. Selain itu, bagi mengelakkan berlakunya *conflict of interest,* Kementerian Kewangan hendaklah menetapkan peraturan di mana pegawainya yang menganggotai sesuatu Lembaga Pengarah tidak dibenarkan memberi kelulusan terhadap aktiviti perolehan yang melibatkan syarikat berkenaan.

e. Dokumen Kontrak

Akta Syarikat 1965, menetapkan Lembaga Pengarah bertanggungjawab menyediakan satu sistem kawalan dalaman syarikat yang baik. Semakan Audit terhadap 23 kontrak perolehan bernilai RM308.78 juta mendapati kesemua kontrak tersebut ditandatangani antara 1 hingga 10 bulan dari tarikh Surat Setuju Terima (SST) dikeluarkan. Perkara ini berlaku kerana Prasarana tidak menetapkan tempoh kontrak yang sepatutnya ditandatangani dan kurangnya pemantauan oleh Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan terhadap proses kontrak. Jadual berikut menunjukkan tempoh masa kontrak ditandatangani :-

JADUAL 33.13
TEMPOH KONTRAK DITANDATANGANI

BIL.	BILANGAN KONTRAK	NILAI KONTRAK (RM Juta)	TEMPOH KONTRAK DITANDATANGANI
1	1	0.50	1 bulan 15 hari
2	11	156.85	2 hingga 4 bulan
3	5	65.44	4 hingga 6 bulan
4	4	52.72	6 hingga 8 bulan
5	1	28.30	9 bulan 9 hari
6	1	4.97	10 bulan 12 hari
JUMLAH	**23**	**308.78**	

Pada pandangan Audit, kelewatan menandatangani kontrak boleh mendedahkan Prasarana kepada risiko kegagalan menguatkuasakan terma kontrak bagi menjamin kepentingan syarikat. Pihak Audit mengesyorkan supaya polisi pengurusan kontrak dikeluarkan bagi memudahkan pemantauan.

f. Tindakan Pelupusan Aset Yang Diambil Alih Tidak Memuaskan

i. Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan langkah yang sewajarnya diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur. Sejajar dengan objektif penubuhan Prasarana iaitu menyusun semula sistem pengangkutan awam, sejumlah RM600 juta telah digunakan bagi mengambil alih sistem pengangkutan bas termasuk komponen; depoh; alat ganti dan bengkel di Lembah Klang.

ii. Pada 3 Julai 2008, Prasarana telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk melupuskan sejumlah 1,139 unit badan bas, 832 kotak gear dan 969 buah enjin secara jualan skrap. Pemilihan syarikat untuk membeli skrap ini dibuat secara tender dengan nilai kontrak berjumlah RM13.52 juta. Pihak Audit tidak dapat mengesahkan asas kelulusan pelupusan tersebut oleh Kementerian Kewangan memandangkan permohonan yang dikemukakan oleh Prasarana tidak

disokong dengan maklumat yang terperinci seperti nombor pendaftaran kenderaan berhubung bas dan komponen yang hendak dilupuskan.

iii. Semakan selanjutnya terhadap laporan pasukan teknikal yang ditugaskan oleh pengurusan Prasarana untuk membuat pemeriksaan terhadap bas dan komponen yang akan dilupuskan mendapati sebanyak 459 (40.3%) daripada 1,139 bas tersebut masih boleh diperbaiki; yang mana diklasifikasikan sebagai A (perlu pembaikan bahagian enjin) serta B (perlu pembaikan bahagian badan dan aksesori bas). Ada di antara bas tersebut tidak pernah digunakan semenjak ia diambil alih daripada syarikat berkenaan pada tahun 2004. Kesemua bas ini diletakkan di depoh Sungai Buaya dan Serendah yang terdedah kepada hujan dan panas dan ini menyebabkan ia menjadi usang. Lawatan Audit ke depoh bas Serendah dan Sungai Buaya mendapati bas yang akan dilupuskan adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 33.3

GAMBAR 33.4

Tapak Depoh Bas Di Sungai Buaya
- Bas Yang Akan Dilupuskan
(21.01.2009)

GAMBAR 33.5

GAMBAR 33.6

Tapak Depoh Bas Di Serendah
- Bas Yang Akan Diupuskan
(21.01.2009)

Pada pandangan Audit, Prasarana sepatutnya menetapkan kaedah pelupusan bas dan komponennya mengikut tahap boleh gunanya berdasarkan kepada penilaian yang dibuat oleh pasukan teknikal. Sehubungan ini, bas dan komponennya yang masih boleh digunakan tidak sepatutnya dilupuskan secara skrap.

g. Kelemahan Dalam Pendaftaran Dan Penyelenggaraan Rekod Aset

i. Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan langkah yang sewajarnya diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur. Semakan terhadap pendaftaran aset mendapati perkara berikut :-

- Daftar Aset syarikat yang diselenggara adalah tidak lengkap di mana tidak menyatakan nombor pendaftaran serta lokasi aset. Sebagai contoh, pendaftaran bagi 166 unit bas yang bernilai RM23 juta hanya direkodkan sebagai CKD1-CKD166.
- Daftar Aset tidak dikemas kini.
- Verifikasi terhadap aset yang didaftarkan tidak pernah dibuat sejak pengambilalihan aset pada tahun 2004. Pihak Audit difahamkan bahawa syarikat sedang melaksanakan proses verifikasi dan *tagging* ke atas semua aset yang didaftarkan mulai penghujung tahun 2008.
- Dokumen asal hak milik bagi bas tidak disimpan di Prasarana, sebaliknya disimpan oleh RapidKL bagi memberi kemudahan kepada pihak RapidKL untuk berurusan dengan agensi penguatkuasa. Salinan dokumen hak milik tersebut juga didapati tidak disimpan di Prasarana bagi tujuan rujukan. Pihak Audit tidak dapat menentukan sejauh mana cukai jalan dan insurans telah diperbaharui oleh RapidKL memandangkan Prasarana tidak mempunyai mekanisme tertentu bagi memastikan kehendak tersebut dipatuhi.

Memandangkan aset Prasarana diuruskan oleh operator yang dilantik oleh Prasarana, pengemaskinian dan penyediaan Daftar Aset yang lengkap adalah penting untuk memudahkan pemantauan dan verifikasi. Kurang kawalan dan pemantauan terhadap aset akan mendedahkan kepada risiko kehilangan dan penyalahgunaan aset. Selain itu Prasarana perlu mewujudkan mekanisme bagi memastikan operator mematuhi undang-undang seperti pembaharuan cukai jalan dan insurans.

ii. Berdasarkan *Amended And Restated Bus Operating Agreement* dan *Amended And Restated Railway Operating Agreement* bertarikh 12 Oktober 2006, antara obligasi RapidKL adalah bertanggungjawab sepenuhnya untuk penyenggaraan bas dan rel berbentuk *routine, preventive, predictive, overhaul* serta *refurbishment*. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 3 kontrak penyenggaraan mendapati bayaran penyenggaraan berjumlah RM10.50 juta ditanggung oleh Prasarana kerana RapidKL tidak berkeupayaan membiayai kos penyenggaraan tersebut. Kontrak penyenggaraan yang terlibat adalah seperti berikut :-

- *refurbishment* 30 unit bas bernilai RM5.80 juta
- *refurbishment* 142 air-cond tren (Light Rail Transit) bernilai RM4.20 juta
- *overhaul* dan servis 210 unit bas (IVECO) bernilai RM0.50 juta

Pada pandangan Audit, kedudukan kewangan Prasarana yang berterusan mengalami kerugian dalam tempoh 3 tahun akan bertambah kritikal apabila terpaksa menanggung kos penyenggaraan tersebut yang sepatutnya dibiayai oleh RapidKL. Bagi menyelesaikan masalah ini dan untuk perancangan jangka masa panjang, Prasarana patut mengkaji semula peranan RapidKL sebagai operator bas serta LRT dan seterusnya menentukan langkah alternatif yang wajar diambil.

33.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

33.4.3.1. Akta Syarikat 1965 dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi oleh syarikat untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, Prasarana juga telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.14
PERATURAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN SYARIKAT

PERATURAN YANG DITETAPKAN	CATATAN
Discretionary Authority Limit (DAL)	Meliputi had-had kuasa secara menyeluruh yang dapat disesuaikan dan diguna pakai oleh syarikat dan anak syarikatnya untuk urusan perolehan, prosedur tender, pelupusan aset, perbelanjaan, pelaburan serta hal-hal sumber manusia.
Manual Polisi Lembaga	Merupakan polisi dan garis panduan sebagai sumber rujukan kepada ahli Lembaga Pengarah meliputi perkara berkaitan dengan komposisi Lembaga Pengarah, tanggungjawab dan peranan utama Lembaga Pengarah, prosedur mesyuarat lembaga, jawatankuasa lembaga, perhubungan Lembaga Pengarah dengan pihak pengurusan dan pemegang saham, tanggungjawab Setiausaha dan semakan imbuhan serta prestasi Lembaga Pengarah.
Polisi Sumber Manusia	Menyediakan peraturan dan garis panduan berhubung dengan pengambilan, penilaian prestasi, pembangunan kerjaya, kod kelakuan dan disiplin, kesihatan dan keselamatan, latihan kakitangan serta kemudahan yang disediakan untuk mereka.
Polisi Kewangan Dan Perakaunan	Menetapkan peraturan dan garis panduan berhubung dengan penyediaan penyata kewangan, belanjawan, perolehan, pembayaran, pungutan, perakaunan dan pengurusan pelaburan.

33.4.3.2. Semakan Audit mendapati beberapa peraturan syarikat dan pengurusan kewangan tidak dipatuhi sepenuhnya oleh pihak berikut :-

a. Mengikut Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993, setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat tahunan bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. Di samping itu, *The Blue Book – Intensifying Performance Management* yang diperkenalkan dalam Transformasi *Government Linked Company* (GLC) juga menetapkan keperluan mewujudkan Petunjuk Prestasi Utama. Semakan Audit mendapati sejak penubuhannya, Prasarana telah menyediakan Rancangan Perniagaan

yang pertama iaitu dari tempoh tahun 2003 hingga 2007 yang mengandungi visi, misi, polisi dan hala tuju syarikat. Visi syarikat adalah *To Be A World-Class Provider Of Mass Public Transport Infrastructure* dan misinya adalah *To Provide A Value-For-Money, Highly Integrated And Efficient Mass Public Transportation Infrastructure*. Dengan keadaan ekonomi semasa dan juga kemajuan teknologi serta kehendak masyarakat Lembah Klang terhadap sistem pengangkutan awam yang lebih cekap, Prasarana mengambil inisiatif dengan mengkaji semula Rancangan Perniagaannya selaras dengan Rancangan Prasarana Ke-1 (RPK-1) yang telah dikeluarkannya. Ia meliputi bagi tempoh tahun 2006 hingga 2010. Di samping itu pada bulan Mei 2009, syarikat telah menyiapkan laporan *Sustainable Public Enterprise For Rail and Bus* (SUPERB). Laporan ini adalah hasil kajian terhadap pasaran dan model sistem pengangkutan awam yang diamalkan di Singapura Dan Hong Kong yang meliputi penentuan saiz optimum sesebuah syarikat pengangkutan awam, kaedah penjanaan pendapatan dan kaedah mengurangkan kos operasi syarikat. Ia secara tidak langsung dapat membantu syarikat menjana pendapatan dan mengurangkan kadar kebergantungan terhadap sumber kewangan daripada Kerajaan. **Namun begitu, pihak syarikat tidak menetapkan secara terperinci Petunjuk Prestasi Utama yang selaras dengan strategi syarikat dalam usaha mencapai visi dan misi syarikat serta dapat memenuhi kehendak masyarakat sebagai pengguna. Pada pandangan Audit, syarikat perlu menetapkan Petunjuk Prestasi Utama serta kaedah menilai pencapaiannya.**

b. Berdasarkan *Discretionary Authority Limit* (DAL), Ketua Pegawai Eksekutif perlu mendapatkan mandat terlebih dahulu daripada Lembaga Pengarah untuk menguruskan perolehan bernilai melebihi RM500,000. Semakan Audit terhadap Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah bertarikh 26 Jun 2006 mendapati Ketua Pegawai Eksekutif telah mengeluarkan *Letter Of Award* yang melibatkan 20 kontrak bernilai RM311.11 juta tanpa terlebih dahulu mendapatkan mandat daripada Lembaga Pengarah.

c. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 10 Tahun 1993 antara lainnya menetapkan bahawa syarikat Kerajaan yang memperoleh keuntungan operasi yang munasabah sebelum cukai dibenarkan membayar bonus kepada kakitangannya. Syarikat perlu mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan terlebih dahulu terhadap pembayaran bonus ini. Semakan Audit mendapati sungguhpun Prasarana telah mengalami kerugian bagi 3 tahun berterusan, namun ia telah membayar bonus kepada pegawai dan kakitangannya berjumlah antara RM0.43 juta hingga RM1.46 juta setahun pada kadar antara 2 hingga 4 bulan gandaan gaji bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 yang mana adalah tidak munasabah. Didapati Kementerian Kewangan telah memberi kelulusan terhadap pembayaran bonus ini. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.15
JUMLAH BAYARAN BONUS BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

TAHUN	KERUGIAN SEBELUM CUKAI (RM Juta)	TEMPOH GANDAAN GAJI (BULAN)	JUMLAH (RM)
2005	(168.95)	2	430,331
2006	(159.87)	2.5 - 4	863,864
2007	(183.36)	2.5 - 3.5	1,457,426
JUMLAH			**2,751,621**

Pada pandangan Audit, sungguhpun Prasarana telah mendapat kelulusan daripada Kementerian Kewangan untuk membuat bayaran bonus ini, namun ia bertentangan dengan pekeliling Kerajaan tersebut. Bagaimanapun, sekiranya Kementerian Kewangan bersetuju supaya bayaran bonus dibenarkan dibuat kepada syarikat yang terlibat dengan tanggungjawab sosial seperti Prasarana tanpa mengambil kira kedudukan kewangannya, disyorkan Kementerian Kewangan menetapkan indikator yang khusus sebagai asas pembayaran bonus ini.

33.4.4. Pengurusan Syarikat Subsidiari

33.4.4.1. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, dua syarikat subsidiari Prasarana mencatat keuntungan terkumpul antara RM0.59 juta hingga RM3.10 juta. Manakala 2 lagi syarikat subsidiari mencatat kerugian terkumpul antara RM2,466 hingga RM332,342. Salah satu daripada syarikat subsidiarinya iaitu First Sukuk Al-Ijara Sdn. Bhd. telah mengalami kerugian terkumpul berterusan kerana belum menjalankan aktiviti sejak ditubuhkan dan perlu menanggung kos pentadbirannya. Kedudukan prestasi syarikat subsidiari Prasarana adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.16
PRESTASI SYARIKAT SUBSIDIARI
KEDUDUKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

SENARAI SYARIKAT SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) TERKUMPUL (RM)			STATUS PENCAPAIAN OPERASI SYARIKAT
	2005	2006	2007	
Panorama Langkawi Sdn. Bhd.	1,675,691	3,098,443	1,772,061	Mencatat keuntungan terkumpul setiap tahun
KLRT Consult Sdn. Bhd.	589,555	709,864	685,884	Mencatat keuntungan terkumpul setiap tahun
KL Starrail Sdn. Bhd.	(2,466)	(3,501)	(332,342)	Mengalami kerugian terkumpul setiap tahun
First Sukuk Al-Ijara Sdn. Bhd.	(8,361)	(10,966)	(12,998)	Sebuah syarikat *dormant*

33.4.4.2. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 tahun 1993 menyatakan bahawa semua Kumpulan Syarikat yang mempunyai keuntungan pada sesuatu tahun perlu mengemukakan cadangan pembayaran dividen kepada Kementerian Kewangan dan juga memastikan syarikat subsidiari membayar dividen kepada syarikat induk. Sekiranya tidak berbuat demikian, alasan yang munasabah perlu dikemukakan kepada Kementerian Kewangan. Adalah didapati syarikat subsidiari Prasarana iaitu Panorama Langkawi Sdn. Bhd. tidak

mengemukakan sebarang cadangan pembayaran dividen sungguhpun mencatat keuntungan pada tahun 2005 hingga 2007. Demikian juga bagi KLRT Consult Sdn. Bhd. yang mencatat keuntungan pada tahun 2005 dan 2006. Tiada sebarang bukti yang menunjukkan bahawa kelulusan pengecualian bayaran dividen ini telah diperoleh daripada Kementerian Kewangan. Kedudukan Kewangan kedua-dua syarikat tersebut bagi tahun kewangan 2005, 2006 dan 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 33.17
PRESTASI SYARIKAT SUBSIDIARI
KEDUDUKAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

SENARAI SYARIKAT SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) SEMASA SELEPAS CUKAI (RM)		
	2005	2006	2007
Panorama Langkawi Sdn. Bhd.	876,690	1,422,752	2,196,270
KLRT Consult Sdn. Bhd.	449,836	120,309	(23,980)

Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah Prasarana hendaklah memastikan syarikat subsidiarinya mematuhi pekeliling Kerajaan yang dikeluarkan memandangkan Kerajaan turut mempunyai kepentingan terhadap syarikat subsidiari tersebut. Lembaga Pengarah juga perlu memantau dengan rapi prestasi syarikat subsidiarinya bagi memastikan ia beroperasi dengan cekap dan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi syarikat subsidiari yang *dormant*, Lembaga Pengarah sepatutnya menetapkan hala tuju syarikat berkenaan dan sekiranya tidak diperlukan, ia patut dibubarkan.

33.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Objektif Prasarana bagi menyediakan infrastruktur pengangkutan awam yang bersepadu, cekap dan *value for money* sukar dicapai sekiranya Prasarana tidak mempertingkatkan kedudukan aliran tunai dan aktivitinya tidak dilaksanakan secara cekap dan berkesan. Sehubungan dengan ini, adalah disyorkan Lembaga Pengarah/ pihak pengurusan Syarikat Prasarana dan Kementerian Kewangan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

33.5.1. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan Prasarana mempunyai mekanisme untuk memantau kedudukan aset yang digunakan oleh operator bagi memastikan ia disenggarakan dengan baik dan tidak terdedah kepada risiko kehilangan dan disalahgunakan.

33.5.2. Memandangkan kedudukan kewangan Prasarana akan bertambah kritikal apabila perlu menanggung kos penyenggaraan bas dan rel berjumlah RM10.50 juta yang sepatutnya dibiayai oleh RapidKL, adalah wajar pihak pengurusan Prasarana mengkaji semula peranan RapidKL sebagai operator bas serta LRT dan seterusnya menentukan langkah alternatif yang wajar diambil untuk perancangan jangka masa panjang.

33.5.3. Lembaga Pengarah hendaklah memastikan syarikat subsidiari Prasarana mematuhi pekeliling Kerajaan yang dikeluarkan memandangkan Kerajaan turut mempunyai kepentingan terhadap syarikat subsidiari tersebut. Lembaga Pengarah Prasarana juga perlu memantau dengan rapi prestasi syarikat subsidiarinya bagi memastikan ia beroperasi dengan cekap dan selaras dengan objektif penubuhannya. Bagi syarikat subsidiari yang *dormant*, Lembaga sepatutnya menetapkan hala tuju syarikat berkenaan dan sekiranya tidak diperlukan, ia patut dibubarkan.

33.5.4. Kementerian Kewangan perlu memantau dengan rapi pengurusan kewangan Prasarana untuk memastikan ia dikendalikan dengan lebih cekap dan berhemat supaya aliran tunai Prasarana dapat diperbaiki dan seterusnya berupaya untuk menebus semula bon yang telah diterbitkan.

33.5.5. Kementerian Kewangan hendaklah memastikan keperluan pematuhan syarat kelulusan perolehan secara rundingan terus dinyatakan secara jelas dalam surat kelulusannya supaya ia dipatuhi oleh Prasarana. Selain itu, bagi mengelakkan berlakunya *conflict of interest,* Kementerian Kewangan hendaklah menetapkan peraturan di mana pegawainya yang menganggotai sesuatu Lembaga Pengarah tidak dibenarkan memberi kelulusan terhadap aktiviti perolehan yang melibatkan syarikat berkenaan.

33.5.6. Kementerian Kewangan patut menetapkan indikator yang khusus sebagai asas pembayaran bonus terhadap syarikat yang terlibat dengan tanggungjawab sosial seperti Prasarana.

34. PENGURUSAN JKP SDN. BHD.

34.1. LATAR BELAKANG

34.1.1. JKP Sdn. Bhd. (JKP) telah ditubuhkan pada 12 Julai 1995. Ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan dengan modal berbayar berjumlah RM10.25 juta. Fungsi utama JKP adalah untuk melaksanakan projek sosio-ekonomi yang telah dikenal pasti oleh Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang bagi menjaga kepentingan masyarakat Bumiputera di Pulau Pinang supaya tidak tersisih dari arus pembangunan ekonomi negeri yang berkembang dengan pesat. Objektif utama JKP adalah membangunkan projek dengan cekap dan berkesan untuk mencapai minimum 70% penyertaan Bumiputera dalam semua aktiviti utama yang dilaksanakan oleh JKP.

34.1.2. JKP mempunyai 6 Ahli Lembaga Pengarah di mana 3 daripada mereka merupakan wakil Kerajaan iaitu 2 daripada Kementerian Kewangan dan seorang dari Jabatan Perdana Menteri. Pengurusan JKP diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan dibantu oleh seramai 20 kakitangan eksekutif serta 29 bukan eksekutif. JKP menjalankan 3 aktiviti utama iaitu sebagai pemaju, pengurus dan pemegang hartanah. Butiran berhubung aktiviti utama JKP adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.1
AKTIVITI UTAMA JKP SDN. BHD.

FUNGSI	KETERANGAN AKTIVITI
Pemaju Hartanah	Menguruskan projek pembinaan hartanah sama ada yang dibinanya sendiri; dimajukan melalui konsep usaha sama dengan syarikat lain; projek secara penswastaan atau projek yang melibatkan JKP sebagai Pengurus Projek.
Pengurus Hartanah	▪ Menguruskan harta yang meliputi kompleks perniagaan dan rumah pangsa/pangsapuri. ▪ Menguruskan kutipan sewa dan kutipan caj penyenggaraan dengan melantik agen bagi membantu dalam urusan berkenaan.
Pemegang Hartanah	Menguruskan pindah milik tanah dan menyelenggara rekod tanah yang diperoleh sama ada melalui pengambilalihan; pemberian oleh Kerajaan Negeri atau pembelian.

34.1.3. JKP mempunyai satu syarikat subsidiari iaitu Mutiara. Com Sdn. Bhd. dengan pegangan saham sebanyak 70%. Mutiara Com. Sdn. Bhd. ditubuhkan sebagai penyelaras pentadbiran dan operasi Konsortium ICT yang berperanan membangunkan aplikasi; mengintegrasikan sistem serta menyediakan perkhidmatan sistem bangunan secara automasi.

34.1.4. Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, JKP perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Antara lain, Akta Syarikat 1965 menetapkan tentang keperluan

pelantikan Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta fungsi mereka berkaitan pengurusan syarikat. Manakala pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menetapkan tentang kaedah pelantikan Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan penubuhan Jawatankuasa Audit serta fungsi mereka.

34.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

34.2.1. Prestasi kewangan syarikat memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

34.2.2. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

34.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

34.2.4. Pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh Syarikat Induk selaras dengan objektif syarikat yang ditetapkan.

34.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama JKP Sdn. Bhd. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008 telah dibuat di pejabat JKP Sdn. Bhd. dan Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, analisis prestasi kewangan hanya dapat dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2005 hingga 2007 kerana semasa pengauditan dijalankan, JKP Sdn. Bhd. tidak dapat mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2008 yang telah diaudit. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan JKP serta pegawai Kementerian Kewangan turut diadakan. Lawatan ke tapak projek yang dipilih juga telah dilakukan.

34.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2008 hingga Januari 2009 mendapati pada umumnya, kedudukan kewangan JKP bagi tahun 2007 adalah baik di mana keuntungan bersih yang diperoleh lebih tinggi berbanding tahun sebelumnya. Tahap kecekapan JKP menguruskan aset dan modalnya pada tahun 2007 juga menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya. Peratus penyertaan golongan Bumiputera dalam projek pembangunan JKP menepati sasaran pencapaian minimum iaitu 70%. Bagaimanapun, terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti utamanya seperti projek lewat disiapkan serta tiada perjanjian ditandatangani antara JKP dengan perunding projek, agen kutipan sewa dan penyewa premis perniagaan. Selain itu, sewa dan caj penyenggaraan tidak dikutip dengan sewajarnya mengakibatkan tunggakan hasil yang tinggi serta urusan pindah milik tanah tidak dibuat dengan segera. Beberapa peraturan yang ditetapkan oleh Kementerian Kewangan

berhubung dengan pengurusan kewangan juga tidak dipatuhi sepenuhnya. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi dan pengurusan kewangan serta aktiviti JKP adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

34.4.1. Prestasi Kewangan

34.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, prestasi kewangan JKP secara keseluruhannya adalah baik dengan mencatat keuntungan bersih bagi 3 tahun berturut-turut. Pada tahun 2007, keuntungan bersih JKP adalah RM19.83 juta berbanding dengan tahun 2006 berjumlah RM9.91 juta. Peningkatan keuntungan bersih berjumlah RM9.92 juta adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan pembangunan hartanah; hasil jualan tanah dan hasil jualan bangunan. Ia juga disumbangkan oleh penurunan perbelanjaan am dan pentadbiran pada tahun 2007. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi JKP bagi tahun kewangan 2005, 2006 dan 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.2
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI JKP SDN. BHD.
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

BUTIRAN	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Pendapatan	41.63	38.10	55.04
Perbelanjaan Operasi	(35.12)	(36.23)	(49.89)
Untung Kasar	**6.51**	**1.87**	**5.15**
Lain-Lain Pendapatan	2.41	17.02	23.84
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(4.76)	(8.50)	(4.84)
Untung/(Rugi) Operasi	**4.16**	**10.39**	**24.15**
Kos Kewangan	(0.05)	(0.26)	(0.86)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**4.11**	**10.13**	**(23.29)**
Cukai	(1.20)	(0.30)	(3.53)
Kepentingan Minoriti	(0.23)	0.08	0.07
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**2.68**	**9.91**	**19.83**

34.4.1.2. Bagi menentukan prestasi kewangan JKP, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2005, 2006 dan 2007. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan :-

a. Nisbah Semasa dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat keupayaan aset semasa untuk menjelaskan liabiliti jangka pendek syarikat. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, tahap kecairan JKP adalah 5.83 kali pada tahun 2005; 6.08 kali pada tahun 2006 dan 5.17 kali pada tahun 2007. Ini bermakna aset semasa yang dimilikinya boleh

menampung antara 5.17 hingga 6.08 kali ganda liabiliti semasanya. Tahap kecairan yang semakin menurun ini adalah disebabkan oleh penurunan stok; kos pembangunan hartanah serta lain-lain deposit dan terimaan pada tahun 2007 berbanding tahun 2006. **Sungguhpun demikian, kedudukan kecairan syarikat adalah masih di tahap memuaskan untuk menampung liabiliti semasanya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.3
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
2005	166.29	28.55	5.83 : 1
2006	186.39	30.68	6.08 : 1
2007	172.15	33.30	5.17 : 1

b. **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama (core business) sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (value added) terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, JKP telah mendapat keuntungan berjumlah 6 sen pada tahun 2005; sebanyak 26 sen pada tahun 2006 dan 36 sen pada tahun 2007. **Berdasarkan kepada nisbah ini, dapat dirumuskan bahawa tahap kecekapan operasi JKP pada tahun 2007 menunjukkan peningkatan berbanding tahun sebelumnya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.4
MARGIN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
2005	2.68	41.63	0.06
2006	9.91	38.10	0.26
2007	19.83	55.04	0.36

c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperolehi syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, **didapati tahap kecekapan JKP menguruskan asetnya pada tahun 2007 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.5
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)
2005	2.68	280.81	1.0
2006	9.91	299.51	3.3
2007	19.83	324.02	6.1

d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati **tahap kecekapan untuk menguruskan modal JKP semakin meningkat pada tahun 2007.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.6
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	KEUNTUNGAN SELEPAS FAEDAH DAN PELARASAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)
2005	2.68	217.08	1.2
2006	9.92	227.88	4.4
2007	19.83	247.71	8.0

34.4.2. Pengurusan Aktiviti

Semakan Audit mendapati pada umumnya, JKP telah mencapai sasaran minimum iaitu 70% penyertaan Bumiputera dalam semua aktiviti utamanya. Sehingga 31 Disember 2008, seramai 11,078 (78.4%) pembeli unit kediaman dan unit premis komersil adalah Bumiputera serta 23 kontraktor binaan dan 69 perunding projek adalah 100% Bumiputera. Selain itu, seramai 249 (76.9%) penyewa premis komersil yang diuruskan oleh JKP adalah terdiri daripada Bumiputera. Bagaimanapun, masih ada beberapa kelemahan dalam pengurusan aktivitinya seperti berikut :-

34.4.2.1. Aktiviti Sebagai Pemaju Hartanah

a. Sejak penubuhannya, JKP telah terlibat dengan 47 projek pembinaan hartanah sama ada dibina sendiri, secara penswastaan atau usaha sama dengan syarikat lain. Selain itu, JKP juga terlibat dengan projek yang dilaksanakan oleh syarikat lain sebagai Pengurus Projek. Sebagai Pemaju Hartanah, sebanyak 15,466 unit kediaman dan 465 unit premis komersil telah/sedang dibina oleh JKP setakat 31 Disember 2008. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.7
PENGLIBATAN JKP SDN. BHD. DALAM PROJEK
PEMBINAAN HARTANAH SETAKAT 31 DISEMBER 2008

KAEDAH	BILANGAN		
	PROJEK	KEDIAMAN (Unit)	PREMIS KOMERSIL (Unit)
Dimajukan oleh JKP	11	1,705	20
Dimajukan melalui konsep usaha sama	23	4,764	177
Dimajukan secara penswastaan	11	8,453	268
Sebagai Pengurus Projek	2	544	-
JUMLAH	**47**	**15,466**	**465**

b. Semakan Audit terhadap projek pembinaan yang dilaksanakan oleh JKP mendapati perkara seperti berikut :-

i. Projek Lewat Disiapkan

- Adalah didapati 4 projek lewat/gagal disiapkan antara 20 hingga 538 hari dari tarikh yang telah ditetapkan dalam kontrak **(Jadual 34.8)**. Bagaimanapun 2 projek (Taman Merbau Jaya dan Taman Ilmu, Fasa 2F) ada memohon lanjutan masa dan telah diluluskan. Keadaan projek yang lewat disiapkan adalah seperti di **Gambar 34.1 dan 34.2**. Semakan terhadap Minit Mesyuarat Tapak dan Minit Mesyuarat Lembaga Pengarah mendapati antara punca kelewatan menyiapkan projek adalah kontraktor yang dilantik tidak cekap, tidak mempunyai guna tenaga yang mencukupi serta menghadapi masalah kewangan.

JADUAL 34.8
PROJEK LEWAT DISIAPKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2008

PROJEK/LOKASI	TARIKH PROJEK MULA	TARIKH SEPATUT SIAP MENGIKUT KONTRAK	LANJUTAN MASA	STATUS PROJEK/TARIKH DISIAPKAN	TEMPOH KELEWATAN SELEPAS LANJUTAN MASA (Hari)
Taman Sepadu - Fasa 1	20.03.2006	19.05.2007	Dalam Proses Permohonan	01.11.2008	533
Taman Sepadu - Fasa 2	14.08.2006	13.07.2007	Dalam Proses Permohonan	**Dalam Pembinaan	538
Taman Merbau Jaya	20.03.2007	19.09.2007	8.12.2008 (EOT Kedua Diluluskan)	Dalam Pembinaan	23
Taman Ilmu Fasa 2F	03.05.2006	02.08.2007	02.08.2008 (EOT Kedua Diluluskan)	*22.08.2008	20

Nota : **** Certificate Of Practical Completion On Site (C.P.C) Belum Dikeluarkan***
***** Certificate Of Practical Completion On Site (C.P.C) Separa Telah Dikeluarkan***

GAMBAR 34.1

GAMBAR 34.2

Projek Taman Merbau Jaya
- Keadaan Projek Yang Lewat Disiapkan
(15.01.2009)

- Semakan Audit mendapati bagi Taman Sepadu, kelewatan antara 533 hingga 538 hari adalah melibatkan kontraktor penyiap yang mengambilalih projek ini daripada kontraktor asal yang menarik diri dalam tempoh pelaksanaan projek. Bagi projek Taman Merbau Jaya pula, Pinang Bakti Sdn. Bhd. dikehendaki melaksanakan projek ini secara turnkey dan menyiapkannya pada 19 September 2007. Memandangkan prestasi kontraktor adalah tidak memuaskan, JKP terpaksa menamatkan perjanjian *turnkey* dengan kontraktor tersebut. Bagaimanapun projek ini diteruskan secara konvensional dengan mengekalkan kontraktor ini dan telah melantik perunding projek yang baru tanpa mengubah nilai kontrak.

Pada pandangan Audit, JKP perlu memastikan kontraktor yang dilantiknya dan sub kontraktor yang dilantik oleh kontraktor mempunyai *track record* yang baik; guna tenaga yang mencukupi dan kewangan yang stabil. Ini adalah kerana kelewatan menyiapkan projek boleh mendedahkan JKP kepada risiko menghadapi tindakan undang-undang daripada pembeli rumah.

- Semakan Audit terhadap syarat perjanjian kontrak bagi 3 projek (Taman Ilmu, Fasa 2F; Taman Sepadu dan Taman Merbau Jaya) mendapati denda mengikut kadar tertentu boleh dikenakan kepada kontraktor terlibat manakala satu projek iaitu Projek Taman Penaga Permai walaupun ianya tiada kelewatan berlaku pihak Audit mendapati tiada peruntukan mengenai denda dinyatakan dalam perjanjian antara JKP dengan kontraktor. Semakan Audit selanjutnya terhadap 3 projek tersebut mendapati hanya 2 projek telah dikenakan denda dengan teratur dan ia telah dijelaskan oleh kontraktor melalui bayaran kemajuan. Bagaimanapun bagi projek Taman Sepadu, sungguhpun denda berdasarkan RM5,000 sehari boleh dikenakan terhadap kontraktor berkenaan, namun tindakan ini tidak diambil oleh JKP kerana beranggapan tarikh siap projek adalah berdasarkan perjanjian dengan kontraktor asal iaitu pada 1 Januari 2009 atau 48 bulan daripada tarikh

perjanjian ditandatangani (2 Januari 2005). Mengikut perkiraan Audit, denda yang perlu dikenakan ke atas kontraktor setakat 31 Disember 2008 adalah berjumlah RM5.36 juta. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.9
DENDA YANG PATUT DIKENAKAN TERHADAP KONTRAKTOR YANG LEWAT MENYIAPKAN PROJEK SETAKAT 31 DISEMBER 2008

PROJEK	KOS PROJEK (RM Juta)	TEMPOH KELEWATAN (Hari)	KADAR DENDA SEPERTI DINYATAKAN DALAM KONTRAK	JUMLAH DENDA SEPATUTNYA (RM Juta)
Taman Sepadu, Fasa 1	56.50	533	RM 5,000 (Sehari)	2.67
Taman Sepadu, Fasa 2		538	RM 5,000 (Sehari)	2.69
Taman Penaga Permai, Sg. Dua	17.90	-	Tidak dinyatakan dalam perjanjian	Tiada

Pada pandangan Audit, JKP sepatutnya mengenakan denda terhadap kontraktor penyiap bagi projek Taman Sepadu. JKP juga perlu memastikan semua perjanjian kontrak pembinaan yang ditandatangani mengandungi klausa mengenai denda bagi menjamin kepentingan JKP.

ii. Ketiadaan Perjanjian Perunding Projek

Sebelum memulakan sesuatu projek, JKP akan melantik beberapa perunding projek terlebih dahulu iaitu Perunding Arkitek; Perunding Kejuruteraan Sivil dan Perunding Juruukur Bahan bagi menjalankan *feasibility study* ke atas projek berkenaan. Bagi menjamin kepentingan JKP, dokumen perjanjian kontrak perlu ditandatangani dengan pihak yang berkenaan. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 4 projek pembinaan mendapati 3 projek tidak mempunyai perjanjian kontrak ditandatangani dengan semua perunding projek yang dilantik oleh JKP, sebaliknya hanya Surat Setuju Terima dikeluarkan bagi mengesahkan pelantikan pihak yang berkenaan. Ini disebabkan garis panduan JKP tidak mewajibkan perjanjian kontrak ditandatangani dengan mana-mana pihak. Bagi satu projek lagi iaitu Taman Penaga Permai, pelantikan perunding diuruskan oleh kontraktor yang dilantik untuk menjalankan projek ini. **Pada pandangan Audit, ketiadaan perjanjian rasmi menyukarkan JKP mengambil tindakan terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.10
PELANTIKAN PERUNDING PROJEK
TANPA MENANDATANGANI PERJANJIAN KONTRAK

PROJEK	PERUNDING DILANTIK	NILAI KONTRAK (RM)	DOKUMEN LANTIKAN
Taman Ilmu Fasa 2 F	Arkitek : Utamacipta Architects	199,317	Surat Setuju Terima
	Jurutera M&E (Int) : Sarjana Jurutera Perunding Sdn. Bhd.	39,066	
	Jurutera M&E (Ext) :Pintar Juara Konsultan Sdn. Bhd.	2,992	
	Jurutera C&S (Int) : Izinria Consulting Services Bhd.	141,381	
	Jurutera C&S (Ext) : Barisan Jurutera Perunding Sdn. Bhd.	12,210	
	Juruukur Bahan : MSAY Technical Ventures	66,083	
Taman Sepadu	Perunding Arkitek : East Design Architect Sdn. Bhd.	315,000	Surat Setuju Terima
	Jurutera M&E : ABA Jurutera Perunding	87,500	
	Jurutera C&S : Perunding Kejuruteraan Cekap Muda	175,000	
	Juruukur Bahan : MITG Group Sdn. Bhd.	170,520	
Taman Merbau Jaya	Arkitek : Nik Rushdi Architect	304,960	Surat Setuju Terima
	Jurutera M&E : RHA Consulting Engineers Sdn. Bhd.	86,914	
	Jurutera C&S : Perunding Kejuruteraan Armi	228,720	
	Jurukur Bahan : Mokhnar &Associates	64,804	

Nota : ***Jurutera C & S - Civil & Structure***
Jurutera M& E - Mechanical And Engineering

Pada pandangan Audit, bagi menjamin kepentingan JKP, perjanjian kontrak perlu ditandatangani dengan setiap perunding yang dilantik. Dengan adanya perjanjian ini, tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya.

iii. Unit Kediaman Dan Lot Premis Perniagaan Yang Tidak Dapat Dijual

JKP telah menubuhkan Bahagian Pemasaran yang bertanggungjawab memastikan prestasi pemasaran serta penjualan unit-unit kediaman dan komersil yang dibangunkan olehnya sentiasa berada pada tahap yang memuaskan. Mengikut amalan, JKP akan mendapatkan pembeli bagi rumah/ premis perniagaan yang akan dibinanya semasa projek dilancarkan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati setakat 31 Disember 2008, sebanyak 249 (1.6%) daripada 15,466 unit kediaman dan 48 (10.3%) daripada 465 unit komersil yang telah siap/sedang dibina **belum dapat dijual**. Antara sebab unit kediaman dan komersil tersebut tidak dapat dijual adalah kerana pemilihan lokasi pembinaan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pembangunan Bumiputera Pulau Pinang tidak strategik serta jenis kediaman yang dibina iaitu pangsapuri kurang mendapat sambutan. Kedudukan unit kediaman/komersil yang tidak dapat dijual adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.11
KEDUDUKAN UNIT KEDIAMAN/KOMERSIL YANG TIDAK DAPAT DIJUAL
SETAKAT 31 DISEMBER 2008

PROJEK	STATUS PEMBINAAN/TAHUN SIAP	BILANGAN BELUM DIJUAL	
		RUMAH	KOMERSIL
Taman Ilmu	2008/2009	10	-
Taman Sepadu	2008/2009	3	-
Taman Jelutong Indah Fasa 1	2008	38	-
Pangsapuri Jalan Perak	2008	1	-
Kg.Tengah, Jelutong	2006	1	-
Taman Sutera, Kg. Belah Dua	Dalam pembinaan	2	-
Taman Air Tawar Indah	1999	129	38
Taman Merbau Jaya	Dalam pembinaan	34	10
Taman Penaga Permai, Sg. Dua	Dalam pembinaan	31	-
JUMLAH		**249**	**48**

Pada pandangan Audit, JKP perlu meningkatkan aktiviti promosi untuk menjual rumah atau unit komersil yang masih belum dapat dijual.

iv. Kualiti Pembinaan Rumah Kurang Memuaskan

Lawatan Audit mendapati kualiti pembinaan bagi 3 projek iaitu Taman Sepadu, Taman Merbau Jaya dan Taman Ilmu, Fasa 2F yang masih dalam tempoh tanggungan kecacatan adalah kurang memuaskan. Antara kecacatan yang telah ditemui adalah seperti cat yang tidak sekata; lantai kaki lima retak; lantai tidak rata; atap bocor; siling bocor dan kerja *plastering* yang tidak kemas seperti di **Gambar 34.3 hingga 34.6. Pihak Audit berpendapat JKP perlu memastikan kontraktor berkenaan memperbaiki semua kecacatan yang berlaku sebelum tamat tempoh tanggungan kecacatan kerana keadaan tersebut boleh menjejaskan imej JKP sebagai pemaju hartanah.**

GAMBAR 34.3

GAMBAR 34.4

Projek Taman Ilmu Fasa 2F
- Cat Yang Tidak Sekata Dan Kaki Lima Longkang Retak
(14.01.2009)

GAMBAR 34.5

GAMBAR 34.6

Projek Taman Ilmu Fasa 2F Dan Taman Sepadu
- Siling Retak Dan Kerja Plastering Yang Tidak Kemas
(14.01.2009)

34.4.2.2. Aktiviti Sebagai Pengurus Hartanah

JKP menguruskan 494 unit premis perniagaan di 20 kompleks perniagaan setakat 31 Disember 2008. Kadar sewa bulanan yang telah ditetapkan oleh JKP bagi premis tersebut adalah antara RM90 hingga RM12,500 seunit. Selain itu, JKP turut bertanggungjawab mengurus sebanyak 2,544 unit rumah pangsa/ pangsapuri dengan kadar caj penyenggaraan bulanan antara RM25 hingga RM80 seunit. Semakan Audit terhadap pengurusan hartanah oleh JKP mendapati perkara berikut :-

a. Premis Perniagaan Yang Tidak Disewakan

i. JKP perlu memastikan pulangan yang memuaskan diperoleh daripada aktiviti utamanya supaya syarikat mampu beroperasi secara berterusan (going concern). Semakan terhadap rekod sewaan mendapati 175 (35.4%) daripada keseluruhan 494 unit di 16 premis perniagaan tidak disewakan. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.12
STATUS SEWAAN PREMIS PERNIAGAAN

PREMIS PERNIAGAAN	BILANGAN UNIT		KADAR SEWAAN (RM)
	SEDIA ADA	TIDAK DISEWA	
Kompleks Tasek Gelugor	44	4	90 hingga 540
Kompleks Bagan	67	44	100 hingga 700
Kompleks Bukit Mertajam	44	19	244 hingga 2,728.55
Kompleks Kepala Batas	26	14	212 hingga 1,320
Kompleks Balik Pulau	53	15	76.50 hingga 875.70
Medaniaga Bayan Lepas	10	0	250 hingga 459
Kedai Telok Air Tawar	108	34	415 hingga 2,230
Kedai Permatang Rawa	33	12	428 hingga 1800
Kedai Taman Sri Pinang	18	4	455 hingga 1,225
Menara UMNO	35	11	1,120 hingga 11,998
Kedai Taman Ilmu	20	0	560 hingga 1,440
Kompleks Batu Feringghi	1	0	8,530 hingga 12,500
Bangunan Persatuan Bekas Polis	5	4	750

PREMIS PERNIAGAAN	BILANGAN UNIT		KADAR SEWAAN (RM)
	SEDIA ADA	TIDAK DISEWA	
Medaniaga Teluk Kumbar	8	0	TM
Medaniaga Sungai Bakap	13	13	TM
Kedai Pangsa Sri Bagan	9	1	TM
JUMLAH	**494**	**175**	

Nota : ***TM - Tiada Maklumat***

ii. Lawatan Audit ke premis perniagaan terlibat pada 12 November 2008 mendapati keadaan premis tersebut adalah tidak memuaskan di mana antaranya terdapat premis yang tidak terurus dan juga siling premis yang runtuh seperti ditunjukkan di **Gambar 34.7 dan 34.8**. Bagaimanapun berdasarkan maklum balas yang diterima daripada JKP, kerja pembaikan siling yang runtuh di Kompleks Bukit Mertajam dan pengubahsuaian di Medanniaga Sungai Bakap telah dilaksanakan pada bulan April 2009 dan bulan Mei 2009 masing-masingnya seperti ditunjukkan di **Gambar 34.9** dan **Gambar 34.10**. **Pada pandangan Audit, JKP perlu memastikan premis sedia ada sentiasa berkeadaan baik dan terurus di samping berusaha meningkatkan aktiviti promosi bagi menyewakan premis yang belum disewakan. Langkah ini dapat menjaminkan pulangan hasil sewaan kepada JKP.**

GAMBAR 34.7

Medanniaga Sungai Bakap
- Permis Perniagaan Tidak Bersih Dan Kemas
(12.11.2008)

GAMBAR 34.8

Kompleks Bukit Mertajam Kemas
- Siling Premis Perniagaan Yang Runtuh
(12.11.2008)

GAMBAR 34.9

Medanniaga Sungai Bakap
- Selepas Kerja-Kerja Pengubahsuaian
Disiapkan Pada 8 Mei 2009

GAMBAR 34.10

Kompleks Bukit Mertajam Kemas
- Keadaan Siling Yang Rosak Selepas
Dibaiki Pada 2 April 2009

b. Urusan Sewaan Dan Caj Penyenggaraan Tidak Dibuat Dengan Teratur

i. Akta Syarikat 1965 menetapkan Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan pengurusan hasil diuruskan dengan teratur dan kawalan dalaman mengenainya diwujudkan. Semakan Audit terhadap urusan kutipan hasil JKP mendapati pada umumnya, tunggakan sewa premis perniagaan dan caj penyenggaraan rumah pangsa/pangsapuri semakin meningkat dari setahun ke setahun. Jumlah tunggakan setakat 31 Disember 2007 adalah RM2.58 juta dan RM5.03 juta bagi sewa premis perniagaan dan caj penyenggaraan masing-masingnya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.13
TUNGGAKAN KUTIPAN SEWA PREMIS PERNIAGAAN
SETAKAT 31 DISEMBER 2005 HINGGA 31 DISEMBER 2007

PREMIS PERNIAGAAN	TUNGGAKAN SEWA PADA AKHIR TAHUN (RM)		
	2005	2006	2007
Rumah Panjang	59,417	59,417	59,417
Gerai Balik Pulau	173,644	151,181	191,249
Kompleks Bagan	305,526	334,215	394,925
Kompleks Bukit Mertajam	248,710	273,380	291,438
Kompleks Tasik Gelugor	44,809	63,799	91,095
Kompleks Kepala Batas	157,445	176,272	261,227
Kompleks Sungai Bakap	35,715	35,715	42,715
Rumah Kedai Sri Bagan	84,800	76,700	74,200
Batu Feringgi	177,000	177,000	177,000
Bayan Lepas	74,150	77,600	105,650
Telum Kumbang	5,700	5,700	5,700
Permatang Rawa	27,840	52,970	81,229
Taman Sri Pinang	92,835	124,021	104,799
Taman Air Tawar	440,585	261,001	498,913
Taman Ilmu	-	25,060	67,520
Menara UMNO	-	-	137,066
JUMLAH	**1,928,176**	**1,894,031**	**2,584,143**

JADUAL 34.14
TUNGGAKAN CAJ PENYENGGARAAN RUMAH PANGSA/PANGSAPURI
SETAKAT 31 DISEMBER 2005 HINGGA 31 DISEMBER 2007

RUMAH PANGSA/PANGSAPURI	TUNGGAKAN CAJ PENYENGGARAAN PADA AKHIR TAHUN (RM)		
	2005	2006	2007
Rumah Pangsa Medan Tengku, Jelutong	372,737	365,780	341,949
Rumah Pangsa Sri Bagan Dalam Butterworth	1,177,615	1,234,379	1,349,998
Pangsapuri Bayan Permai, Bayan Lepas	142,367	182,131	158,816
Pangsapuri Idaman, Taman Pauh Fasa 2B	1,039,185	1,095,939	1,070,664
Pangsapuri Halaman Damai	511,960	532,512	595,593

RUMAH PANGSA/PANGSAPURI	TUNGGAKAN CAJ PENYENGGARAAN PADA AKHIR TAHUN (RM)		
	2005	2006	2007
Pangsapuri Indah Taman Air Tawar, Fasa 1	264,510	331,810	402,312
Rumah Pangsa Taman Air Tawar, Fasa 3	425,652	520,249	613,163
Rumah Pangsa Sri Bayu	54,431	171,762	400,541
Pangsapuri Mutiara Heights, Jelutong	-	51,280	95,152
JUMLAH	**3,988,457**	**4,485,842**	**5,028,188**

ii. Semakan selanjutnya terhadap rekod kutipan sewaan dan caj penyenggaraan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008 mendapati ianya tidak dikemas kini dan tiada *aging report* disediakan oleh JKP. Ini adalah disebabkan sistem berkomputer bagi merekod kutipan sewaan dan caj penyenggaraan tidak dapat berfungsi dengan baik. Oleh itu JKP perlu merekod secara manual kutipan tersebut berdasarkan laporan kutipan yang disediakan oleh pihak agen yang dilantik. Namun, JKP didapati tidak memantau dengan berkesan kutipan tersebut.

iii. JKP telah melantik 16 agen kutipan bagi memudahkan urusan kutipan sewaan dan caj penyenggaraan dengan membayar kadar komisen antara 8% hingga 15% daripada jumlah kutipan semasa ataupun tunggakan yang telah dapat dikutip. Agen juga akan dibayar insentif antara 20% hingga 50% jika jumlah kutipan semasa mencapai 70% hingga 100%. Bagaimanapun, tiada sebarang perjanjian ditandatangani dengan agen berkenaan, sebaliknya hanya Surat Setuju Terima dikeluarkan. Selain itu, didapati perjanjian juga tidak ditandatangani bagi sebahagian premis perniagaan yang disewakan oleh JKP. **Ketiadaan perjanjian ini menyukarkan JKP untuk mengambil tindakan terhadap agen yang tidak menyerahkan kutipan sewaan dan caj penyenggaraan serta penyewa yang tidak membayar sewa mereka.**

Pada pandangan Audit, JKP perlu memastikan perjanjian ditandatangani dengan agen kutipan hasil dan penyewa premis perniagaan. Selain itu, satu sistem yang *reliable* dan berkesan bagi merekodkan kutipan hasil juga perlu diwujudkan dengan segera untuk membolehkan pemantauan terhadap pengurusan hasil ini dibuat dengan lebih berkesan.

34.4.2.3. Aktiviti Sebagai Pemegang Hartanah

a. JKP mempunyai sejumlah 132 lot tanah bernilai RM238.34 juta setakat 31 Disember 2008. Tanah ini diperoleh sama ada dibeli, diberi oleh Kerajaan Negeri atau diambilalih dari UDA Holding Berhad. Butiran berhubung tanah yang dimiliki oleh JKP mengikut daerah adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.15
BILANGAN HARTANAH MENGIKUT JENIS PEROLEHAN TANAH
SETAKAT 31 DISEMBER 2008

DAERAH	JENIS PEROLEHAN TANAH			NILAI TANAH (RM Juta)
	TANAH PEMBERIAN KERAJAAN NEGERI	TANAH YANG DIAMBILALIH	TANAH YANG DIBELI OLEH JKP	
Daerah Barat Daya	2	23	12	42.07
Daerah Timur Laut	4	2	4	6.00
Daerah Seberang Perai Utara	-	40	8	46.24
Daerah Seberang Perai Tengah	1	15	3	81.63
Daerah Seberang Perai Selatan	1	6	11	62.40
JUMLAH	**8**	**86**	**38**	**238.34**

b. Semakan Audit mendapati JKP telah menguruskan aktiviti sebagai pemegang hartanah iaitu mengambilalih dan memegang harta Jawatankuasa Pemandu Penyertaan Bumiputera Pulau Pinang yang selama ini didaftar atas nama UDA serta menguruskan tanah yang dibeli sendiri oleh JKP dengan teratur.

34.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

34.4.3.1. Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan kewangannya, JKP juga telah menetapkan beberapa peraturan dan prosedur kerja yang perlu dipatuhi seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.16
PERATURAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN SYARIKAT

PERATURAN YANG DISEDIAKAN	CATATAN
Terma Dan Syarat Perkhidmatan	Menetapkan peraturan berhubung dengan terma penggajian, jadual kerja, disiplin, elaun dan kemudahan yang disediakan untuk kakitangan.
Prosedur Garis Panduan Pelaksanaan	**Bahagian 1 - Perolehan Bekalan, Perkhidmatan Dan Kerja** Menetapkan peraturan mengenai pengurusan tender, sebut harga dan pembelian. **Bahagian 2- Pembayaran** Menetapkan peraturan mengenai pembayaran bagi sesuatu pembelian dan pembayaran gaji. **Bahagian 3- Penerimaan** Menetapkan peraturan mengenai penerimaan cek atau wang tunai dan pengeluaran resit.

34.4.3.2. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. Di samping itu, *The Blue Book-Intensifying Performance Management* yang dilancarkan pada bulan Julai 2005 juga menetapkan keperluan menyediakan Petunjuk Prestasi Utama. Semakan Audit mendapati

JKP menyediakan Pelan Perniagaan Syarikat bagi tahun 1997 hingga 1999. Bagaimanapun untuk tempoh tahun 2000 hingga 2008 tiada bukti syarikat telah menyediakan Rancangan Korporat ataupun Pelan Perniagaan Syarikat. Manakala Rancangan Korporat bagi tempoh tahun 2010 hingga 2014 akan dibentangkan dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah pada bulan Oktober 2009. Petunjuk Prestasi Utama pula telah disediakan dalam tahun 2008 dan kini sedang dikemaskinikan. **Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu memastikan Rancangan Korporat dan Petunjuk Prestasi Utama sentiasa dikemaskinikan serta memantau strategi pelaksanaannya dalam usaha mencapai misi dan visi syarikat serta menjamin kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham syarikat.**

34.4.3.3. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Jawatankuasa ini juga perlu bermesyuarat sekali dalam tempoh 3 bulan atau 4 kali setahun atau seperti mana yang ditentukan oleh Pengerusinya. Pekeliling tersebut juga menekankan bahawa Setiausaha Jawatankuasa Audit mestilah dilantik daripada wakil Unit Audit Dalam dan perlu berdaftar dengan mana-mana Badan Profesional Perakaunan. Semakan Audit mendapati sungguhpun Jawatankuasa Audit telah ditubuhkan oleh JKP, namun ia tidak bermesyuarat mengikut kekerapan yang ditetapkan serta tidak membincangkan aktiviti utama JKP secara mendalam. Semakan Audit selanjutnya mendapati Setiausaha Jawatankuasa Audit adalah Ketua Pegawai Eksekutif syarikat dan beliau belum berdaftar dengan mana-mana Badan Profesional Perakaunan. Ini disebabkan JKP belum menubuhkan/melantik Unit Audit Dalamnya. **Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu memantau prestasi Jawatankuasa Audit supaya ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan.**

34.4.3.4. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan bahawa syarikat perlu membayar dividen daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan pada kadar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun kepada Kerajaan selaku pemegang saham syarikat. Syarikat perlu mengemukakan kepada Kementerian Kewangan sebab-sebab yang munasabah sekiranya ia gagal membayar dividen kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati **sungguhpun JKP telah memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM2.68 juta, RM9.91 juta dan RM19.83 juta masing-masingnya pada tahun 2005, 2006 dan 2007, namun ia hanya membayar dividen berjumlah RM0.40 juta bagi keuntungan bersih tahun 2007.**

34.4.3.5. Akta Syarikat 1965 menetapkan Lembaga Pengarah perlu memastikan hasil diuruskan dengan teratur dan kawalan dalaman mengenainya diwujudkan. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 pula antaranya menetapkan bahawa peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas dan diperketatkan bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan

mengelakkan pembaziran. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berlaku dalam proses terimaan dan pengurusan perbelanjaan JKP seperti berikut :-

a. Lawatan Audit pada 12 November 2008 mendapati terimaan tunai berjumlah RM6,225 dan juga cek berjumlah RM185,800 masih belum dibankkan serta tidak disimpan di tempat yang selamat sebaliknya wang berkenaan disimpan di dalam kabinet yang digunakan bagi menyimpan fail seperti di **Gambar 34.11 dan 34.12**. JKP juga didapati tidak mempunyai prosedur pengurusan kewangan yang lengkap dan pembahagian kerja berhubung dengan kewangan juga tidak teratur. Contohnya di Bahagian Kewangan, pegawai yang ditugaskan untuk mengurus penerimaan kutipan turut terlibat dengan membankkan kutipan dan mengeluarkan resit serta menyediakan Penyata Penyesuaian Bank. Butiran berhubung terimaan tunai dan cek yang belum dibankkan ketika pemeriksaan Audit dilakukan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.17
TERIMAAN TUNAI DAN CEK YANG BELUM DIBANKKAN

TARIKH PUNGUTAN	JUMLAH TUNAI (RM)	NILAI CEK (RM)
06 hingga 10.11.2008	1,317	74,150
04 hingga 12.11.2008	1,378	-
10 hingga 12.11.2008	-	38,005
06 hingga 11.11.2008	1,730	-
10 hingga 11.11.2008	1,800	73,645
JUMLAH	**6,225**	**185,800**

GAMBAR 34.11

GAMBAR 34.12

Pejabat JKP Sdn. Bhd.
- Kabinet Untuk Menyimpan Fail Turut Digunakan Bagi Simpanan Kutipan Tunai Dan Cek (12.11.2008)

b. JKP tidak mengemaskinikan Penyata Penyesuaian Bank bagi satu akaunnya di CIMB Bank (tujuan operasi) sejak bulan Disember 2007. Manakala Penyata Penyesuaian Bank bagi satu akaun di Maybank (tujuan operasi) dan 9 *Housing Development Account* (HDA) di pelbagai bank lain didapati tidak dikemaskinikan sejak bulan Oktober 2008. **Tanpa mengemaskinikan penyata penyesuaian ini, JKP tidak dapat menentukan ketepatan baki tunainya dan sebarang penyelewengan tidak dapat dikesan dengan**

awal. Bagaimanapun tindakan mengemaskinikan Penyata Penyesuaian Bank telah diambil oleh pihak pengurusan syarikat bermula bulan Januari 2009, di mana bagi akaunnya di CIMB Bank telah dikemaskinikan sehingga bulan Disember 2008, manakala bagi satu akaun di Maybank dan 9 akaun HDA di pelbagai bank telah dikemaskini sehingga bulan April 2009.

34.4.3.5. Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur serta mematuhi peraturan yang ditetapkan. Semakan Audit mendapati JKP tidak mempunyai daftar aset yang lengkap bagi merekodkan asetnya. Selain itu, tiada tanda pengenalan atau *tagging* dibuat terhadap semua aset yang dimilikinya. Mengikut temu bual dengan pegawai JKP, pemeriksaan fizikal terhadap aset juga tidak dilaksanakan. Ini disebabkan Prosedur Garis Panduan Pelaksanaan yang dikeluarkan oleh syarikat tidak menetapkan prosedur berhubung pengurusan aset serta didapati pegawai yang menguruskan aset pula tidak mempunyai pengetahuan dan tidak diberikan latihan yang mencukupi dalam pengurusan aset.

Pada pandangan Audit, Kementerian Kewangan hendaklah memastikan JKP mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangan JKP dibuat dengan teratur dan berhemat. JKP juga perlu mengemaskinikan prosedurnya berhubung dengan pengurusan kewangan dan memastikan ia dipatuhi sepenuhnya.

34.4.4. Pengurusan Syarikat Subsidiari

34.4.4.1. Pada tahun 2007, Mutiara Com. Sdn. Bhd. berupaya mempertingkatkan prestasi operasinya di mana syarikat tersebut telah mencatat keuntungan terkumpul berjumlah RM0.23 juta berbanding kerugian terkumpul berjumlah RM0.27 juta pada tahun 2006. Ini disebabkan oleh peningkatan pendapatan operasi pada tahun 2007.

34.4.4.2. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008, Mutiara Com. Sdn. Bhd. telah terlibat dengan 24 projek ICT sama ada dengan syarikat swasta ataupun dengan agensi Kerajaan di Pulau Pinang. Lapan daripada 24 projek tersebut akan tamat tempoh pelaksanaannya antara tahun 2008 hingga 2010. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 34.18
SENARAI PROJEK YANG TAMAT TEMPOH ANTARA TAHUN 2008 HINGGA 2010

NAMA SYARIKAT /AGENSI	JENIS PERKHIDMATAN/ PEMBEKALAN	TEMPOH PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
GiTN Sdn. Berhad	*System Commission Equipment – 2nd Phase*	2005 – 2008	13.50
GiTN Sdn. Berhad	*System Commission of CISCO Routers – 2nd Phase*	2005 – 2008	4.00
GiTN Sdn. Berhad	*System Commissioning of Allied Telesyn Routers – 1st Phase*	2005 – 2008	3.80

NAMA SYARIKAT /AGENSI	JENIS PERKHIDMATAN/ PEMBEKALAN	TEMPOH PROJEK	NILAI KONTRAK (RM Juta)
Telekom Malaysia Berhad	*Supply, delivery, installation, testing and post acceptance maintenance and support services for customer premises equipment (CPE) Routers for TM Retails*	2006 – 2009	0.11
GiTN Sdn. Berhad	*Supply, delivery, installation, customizing, testing, commissioning, maintenance & support services of contact center system*	2006 – 2010	0.49
GiTN Sdn. Berhad	*Supply, delivery, installation, configuration, testing & commissioning of PABX System*	2007 – 2010	0.25
TELEKOM R & D	*Rental E1 PRI ISDN & ICG Cards*	2007 – 2008	0.08
GiTN Sdn. Berhad	*Supply of CISCO Router*	2007 – 2009	4.00
JUMLAH			**26.23**

34.4.4.3. Semakan Audit mendapati JKP ada membincangkan tentang prestasi syarikat subsidiarinya dalam Mesyuarat Lembaga Pengarah dan juga Mesyuarat Jawatankuasa Audit. **Bagaimanapun pada pandangan Audit, sungguhpun terdapat peningkatan terhadap prestasi kewangan dan aktiviti syarikat subsidiarinya, namun Lembaga Pengarah JKP perlu mempertingkatkan pemantauan secara berkala terhadap pengurusan syarikat subsidiarinya bagi memastikan kelancaran operasi syarikat tersebut adalah selaras dengan objektif penubuhannya.**

34.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Sungguhpun JKP berupaya mencapai penyertaan 70% Bumiputera dalam pelaksanaan projek sosio-ekonomi, namun masih ada beberapa kelemahan dalam pengurusan aktiviti jika tidak diperbetulkan dengan awal boleh menjejaskan kedudukan prestasi kewangan dan keberkesanan pelaksanaan aktiviti utamanya sebagai pemaju, pengurus dan pemegang hartanah. Pada umumnya, kelemahan tersebut adalah berpunca daripada ketiadaan garis panduan yang lengkap, rancangan korporat dan Indeks Petunjuk Prestasi serta kurangnya pemantauan dan penyeliaan yang rapi. Sehubungan itu, adalah disyorkan supaya Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan JKP memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

34.5.1. Pihak pengurusan JKP perlu memastikan kontraktor yang dilantiknya dan sub kontraktor yang dilantik oleh kontraktor mempunyai ‘track record’ yang baik, guna tenaga yang mencukupi dan kewangan yang stabil. Ini adalah kerana kelewatan menyiapkan projek boleh mendedahkan JKP kepada risiko menghadapi tindakan undang-undang daripada pembeli rumah.

34.5.2. Bagi menjamin kepentingannya, Lembaga Pengarah perlu memastikan JKP menandatangani perjanjian kontrak dengan semua pelanggannya seperti perunding, agen kutipan hasil dan penyewa premis perniagaan. Dengan adanya perjanjian ini, tindakan penguatkuasaan boleh diambil terhadap mereka yang gagal

melaksanakan tanggungjawabnya. Selain itu, Lembaga juga perlu memastikan semua kontrak pembinaan mengandungi klausa mengenai peruntukan denda terhadap kontraktor yang ingkar atau lewat menyiapkan projek.

34.5.3. Pihak pengurusan JKP perlu memastikan aktiviti promosi untuk menjual rumah atau menyewakan premis perniagaan di samping memastikan bangunan tersebut sentiasa berkeadaan baik dan terurus.

34.5.4. Pihak pengurusan JKP perlu memastikan kontraktor memperbaiki semua kecacatan sebelum tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan kerana ia boleh menjejaskan imej JKP sebagai pemaju hartanah.

34.5.5. Pihak pengurusan JKP perlu memastikan setiap prosedur keselamatan ditapak projek dipatuhi oleh kontraktor seperti mana yang ditetapkan dalam Akta Keselamatan Dan Kesihatan Pekerjaan 1994.

34.5.6. Lembaga Pengarah perlu memastikan garis panduan pengurusan kewangan/aktiviti yang lengkap, rancangan korporat, Petunjuk Prestasi Utama dan strategi pelaksanaan untuk menguruskan aktiviti utama JKP dan memastikan ianya dipatuhi dengan sewajarnya.

34.5.7. Lembaga Pengarah perlu memantau prestasi Jawatankuasa Audit supaya ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan.

34.5.8. Pihak pengurusan JKP perlu mempertingkatkan pemantauan secara berkala terhadap pengurusan syarikat subsidiarinya bagi memastikan kelancaran operasi syarikat tersebut adalah selaras dengan objektif penubuhannya.

34.5.9. Kementerian Kewangan hendaklah memastikan JKP mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangan JKP dibuat dengan teratur dan berhemat. JKP juga perlu mengemaskinikan prosedurnya berhubung dengan pengurusan kewangan dan memastikan ia dipatuhi sepenuhnya.

KEMENTERIAN KEWANGAN

35. PENGURUSAN KUMPULAN MODAL PERDANA SDN. BHD.

35.1. LATAR BELAKANG

35.1.1. Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMP) mula beroperasi pada 1 Julai 2001 dan ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan dengan modal berbayar RM3.00. KMP bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguruskan dana modal teroka bagi perolehan teknologi. Objektif utama KMP adalah seperti berikut :-

35.1.1.1. Mewujud dan mengurus dana modal teroka bagi perolehan teknologi dan meneroka sumber dana lain bagi aktiviti berkaitan dengannya.

35.1.1.2. Menyediakan Pelan Induk dan mengurus program pelaburan yang berkaitan dengan industri berteknologi tinggi.

35.1.1.3. Melabur dalam syarikat baru yang berteknologi tinggi dan berdaya maju serta mengenal pasti peluang pelaburan serta pemindahan teknologi yang bersesuaian ke Malaysia.

35.1.2. KMP mempunyai 4 Ahli Lembaga Pengarah di mana seorang daripadanya adalah wakil daripada Kementerian Kewangan. Lembaga Pengarah dipengerusikan oleh Dato' Mohamed Yunus Ramli bin Abbas yang juga dilantik memangku jawatan Ketua Pegawai Eksekutif dan beliau dibantu oleh seramai 8 kakitangan yang lain.

35.1.3. KMP telah mendapat pinjaman berjumlah RM190 juta daripada Kerajaan Persekutuan bagi membiayai aktiviti utamanya termasuk menguruskan pelaburan dana modal teroka bagi perolehan teknologi melalui 3 dana iaitu Hi-Tech Venture Capital; Flagship Capital dan Dana Perdana. KMP akan memperoleh pulangan pelaburan setelah sesuatu pelaburan dijual. Butiran pelaburan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.1
PELABURAN DANA MODAL TEROKA BAGI PEROLEHAN TEKNOLOGI OLEH KUMPULAN MODAL PERDANA SDN. BHD.

JENIS DANA	NEGARA TERLIBAT	PERUNTUKAN PELABURAN (RM Juta)	OBJEKTIF DANA	KAEDAH PELABURAN
Hi-Tech Venture Capital (HTVC) - Dahulunya dikenali sebagai American Pacific Venture Capital (AMPVC)	Amerika Syarikat (berpusat di Silicon Valley)	95	• Membuat pelaburan dan pemindahan teknologi	• Diuruskan oleh General Partner (GP) dari Hi-Tech Venture Partners, LLC. (yang berdaftar di Amerika Syarikat) bersama wakil KMP sebagai Nominee/Trainee Manager. • GP boleh melantik Syarikat Pengurusan bagi menjalankan urusan pelaburan. • Syarikat subsidiari KMP iaitu Perdana Capital (Labuan) Sdn. Bhd. mewakili KMP dalam semua urusan pelaburan dengan GP.

JENIS DANA	NEGARA TERLIBAT	PERUNTUKAN PELABURAN (RM Juta)	OBJEKTIF DANA	KAEDAH PELABURAN
Flagship Capital	China, Negara ASEAN dan Eropah	44 (Sehingga kini peruntukan ini masih belum diterima oleh KMP, dan segala pelaburan menggunakan peruntukan sedia ada)	• Membuat pelaburan bagi pembangunan modal teroka serta perkembangan pasaran.	• Diuruskan oleh Pengurus Dana iaitu Hupomone Capital Partners (yang berdaftar di Singapura), yang mempunyai kuasa penuh di dalam penentuan pelaburan tertakluk kepada syarat-syarat perjanjian dana. • Syarikat subsidiari KMP iaitu Flagship Capital Corporation (Mauritius) mewakili KMP dalam semua urusan pelaburan dengan Pengurus Dana.
Dana Perdana	Malaysia	25	• Membuat pelaburan bagi Pra-IPO dan lain-lain peringkat.	• Diurus sendiri oleh KMP dengan tujuan membantu syarikat tempatan mengembangkan perniagaan ke pasaran luar dan sebagai penerima perpindahan teknologi.

Nota : IPO - Initial Public Offering

35.1.4. KMP mempunyai 4 syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya iaitu Midcorp Partnership Sdn. Bhd., Symmid Corporation Sdn. Bhd., Perdana Capital (Labuan) Sdn. Bhd. dan Plug & Play Technology Holdings Sdn. Bhd. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.2
MAKLUMAT SYARIKAT SUBSIDIARI BAGI KUMPULAN MODAL PERDANA SDN. BHD.

SYARIKAT SUBSIDIARI	TAHUN PENUBUHAN	MODAL BERBAYAR	AKTIVITI
Midcorp Partnership Sdn. Bhd.	2002	RM5.00	• *Dormant*
Symmid Corporation Sdn. Bhd.	2003	RM2.00 Juta	• Reka cipta *Integrated Circuit* (IC) • Memberi latihan berhubung IC
Perdana Capital (Labuan) Sdn. Bhd.	2002	USD11,155 (Saham biasa) USD11,155 (Saham keutamaan)	• Syarikat pegangan pelaburan (Investment Holding) • *Special Purpose Vehicle* (SPV) untuk pengeluaran dana Hi-Tech Venture Capital (HTVC) ke Amerika Syarikat
Plug & Play Technology Holdings Sdn. Bhd.	2008	RM2.00	• Terlibat dalam infrastruktur dan pelaburan terhadap syarikat-syarikat berasaskan teknologi (dalam dan luar negeri)

35.1.5. Sebagai sebuah syarikat yang dimiliki oleh Kerajaan, KMP perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Antara lain, Akta Syarikat 1965 menetapkan tentang keperluan pelantikan Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta fungsi mereka bagi menguruskan syarikat. Manakala pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menetapkan tentang kaedah pelantikan Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan penubuhan Jawatankuasa Audit serta fungsi mereka.

35.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

35.2.1. Prestasi kewangan syarikat memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

35.2.2. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

35.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

35.2.4. Pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh syarikat induk selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

35.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMP). Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Oktober 2008 telah dibuat di KMP dan Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, analisis prestasi kewangan hanya dapat dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2005 hingga 2007 kerana semasa pengauditan dijalankan, KMP tidak dapat mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2008 yang telah diaudit. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan KMP turut diadakan.

35.4. PENEMUAN AUDIT

Pada umumnya, kedudukan kewangan KMP bagi tahun 2007 menunjukkan sedikit peningkatan di mana syarikat ini memperoleh keuntungan berbanding pencapaian kewangan pada tahun terdahulu yang mencatatkan kerugian. Kecekapan KMP dalam pengurusan operasi; aset dan struktur modal juga menunjukkan peningkatan berbanding tahun terdahulu. Sungguhpun demikian, pengurusan aktiviti KMP terutamanya Dana Hi-Tech Venture Capital (HTVC) adalah kurang memuaskan. Terdapat beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan pelaburan Kerajaan di dalam syarikat ini mendapat pulangan kewangan serta pemindahan teknologi yang bersesuaian ke Malaysia. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi dan pengurusan kewangan serta aktiviti KMP adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

35.4.1. Prestasi Kewangan

35.4.1.1. Prestasi kewangan pada tahun 2007 menunjukkan sedikit peningkatan berbanding tahun sebelumnya di mana **KMP mencatatkan keuntungan bersih bagi tahun 2007 setelah mengalami kerugian berturut-turut pada tahun 2005 dan 2006. Pada tahun 2007, keuntungan bersih yang dicatatkan berjumlah RM0.36 juta berbanding kerugian RM7.14 juta pada tahun 2006**. Peningkatan dalam keuntungan bersih pada tahun 2007 adalah disebabkan oleh peningkatan pendapatan hasil daripada jualan balik pelaburan modal teroka yang telah matang berjumlah RM9.35 juta atau 45.2% berbanding hanya sejumlah RM2 juta yang diperoleh pada tahun 2006. Ia juga disumbangkan oleh peningkatan lain-lain pendapatan terutamanya pendapatan faedah daripada simpanan tetap. Selain itu, keuntungan bersih KMP juga

disebabkan oleh penurunan perbelanjaan operasi dan pentadbiran berjumlah RM4.59 juta. Antara perbelanjaan yang menurun dengan ketara adalah perbelanjaan gaji dan upah, peruntukan hutang lapuk dan ganjaran pengarah yang disebabkan oleh kekosongan jawatan Pengerusi Eksekutif. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi KMP bagi tahun kewangan 2005, 2006 dan 2007 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.3
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI
KUMPULAN MODAL PERDANA SDN. BHD.
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

BUTIRAN	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Pendapatan	1.04	6.44	9.34
Perbelanjaan Operasi	(3.49)	(6.14)	(2.25)
Untung Kasar	**(2.45)**	**0.30**	**7.09**
Lain-lain Pendapatan	4.26	0.00	0.01
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(10.12)	(7.44)	(6.74)
Untung/(Rugi) Operasi	**(8.31)**	**(7.14)**	**(0.36)**
Kos Kewangan	-	**-**	**-**
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	(8.31)	(7.14)	0.36
Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**(8.31)**	**(7.14)**	**0.36**

35.4.1.2. KMP telah memperoleh pinjaman daripada Kerajaan berjumlah RM190 juta bagi membiayai pelaburan dana modal teroka untuk perolehan teknologi. Mengikut perjanjian pinjaman antara KMP dengan Kerajaan, bayaran pertama bagi pinjaman tersebut berjumlah RM38 juta perlu dibayar balik pada 31 Disember 2007. **Semakan Audit mendapati KMP tidak berupaya menjelaskan bayaran balik pertama tersebut kerana kedudukan kewangan yang tidak kukuh berikutan KMP masih belum mendapat pulangan daripada sebahagian besar pelaburan yang dibuatnya.** Ini disebabkan operasi pelaburan KMP hanya bermula pada tahun 2004 dan pelaburannya adalah di dalam syarikat tidak tersenarai serta syarikat yang baru memulakan operasi. Sehubungan itu, syarikat telah memohon penjadualan semula terhadap bayaran balik pinjaman tersebut di mana bayaran pertama dipohon untuk ditunda sehingga tahun 2010 serta sejumlah RM30 juta (15.8%) daripada pinjaman tersebut dipohon untuk ditukarkan kepada ekuiti. Kerajaan telah meluluskan penjadualan bayaran balik pinjaman tersebut pada bulan Februari 2009. Manakala bagi permohonan pertukaran pinjaman kepada ekuiti telah mendapat kelulusan daripada Dewan Rakyat pada 25 Mac 2009. **Pada pandangan Audit, Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula kedudukan KMP berhubung dengan keupayaan modalnya supaya ia boleh meningkatkan inisiatif pelaburan dan perpindahan teknologi ke Malaysia.**

35.4.1.3. Bagi menentukan prestasi kewangan KMP, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2005, 2006 dan 2007. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan :-

a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat keupayaan aset semasa syarikat untuk menjelaskan liabliti jangka pendeknya. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, tahap kecairan KMP pada tahun 2005 adalah 382.03 kali dan ia menurun secara mendadak pada tahun 2006 dan 2007 masing-masingnya kepada 4.68 kali dan 1.17 kali. Ini bermakna aset semasa yang dimilikinya boleh menampung 1.17 kali ganda liabiliti semasanya pada tahun 2007. Tahap kecairannya yang semakin menurun ini adalah disebabkan oleh pengurangan akaun belum terima; pendahuluan dan deposit serta peningkatan lain-lain akaun belum bayar serta akruan yang ketara pada kedua-dua tahun tersebut berbanding tahun 2005.**Kedudukan kecairan KMP pada tahun 2007 hanya dapat menampung liabiliti semasanya pada tahap minimum. Penurunan kecairan ini adalah disebabkan pelaburan di dalam dana Flagship di mana peruntukan sebanyak RM44 juta masih belum disalurkan kepada KMP.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.4
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
2005	122.25	0.32	382.03: 1
2006	89.94	19.20	4.68 :1
2007	66.90	57.15	1.17:1

b. **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama (core business) sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (value added) terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil pendapatan, KMP telah mengalami kerugian berjumlah RM1.57 dan RM1.11 pada tahun 2005 dan 2006 tetapi memperoleh keuntungan berjumlah 4 sen pada tahun 2007. **Berdasarkan kepada nisbah ini, adalah dirumuskan bahawa KMP berupaya mempertingkatkan kecekapan operasinya pada tahun 2007.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.5
MARGIN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
2005	(8.31)	5.30	(1.57)
2006	(7.14)	6.44	(1.11)
2007	0.36	9.35	0.04

c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, **didapati tahap kecekapan KMP menguruskan asetnya pada tahun 2007 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.6
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)
2005	(8.31)	170.65	(4.9)
2006	(7.14)	159.65	(4.5)
2007	0.36	155.54	0.2

d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati **tahap kecekapan untuk menguruskan modal KMP semakin meningkat pada tahun 2007.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.7
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)
2005	(8.31)	19.67	(42.2)
2006	(7.14)	30.55	(23.4)
2007	0.36	34.61	1.0

35.4.2. Pengurusan Aktiviti

35.4.2.1. Berdasarkan maklumat syarikat, prestasi dana modal teroka yang telah diuruskan oleh KMP sehingga 31 Disember 2008 adalah seperti berikut :-

a. Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. telah membuat pelaburan dalam Dana Hi-Tech Venture Capital (HTVC) berjumlah RM33.67 juta melibatkan 8 syarikat yang berdaftar di Amerika Syarikat. Pelaburan ini dibuat dalam industri *semiconductor; enterprise software; data software* dan *networking.* Sebanyak 3 (37.5%) daripada 8 pelaburan tersebut telah dijual di mana 2 daripadanya telah memperoleh keuntungan. Manakala 5 (62.5%) syarikat pelaburan yang lain yang belum dijual mengalami kerugian antara RM0.41 juta hingga RM38.40 juta. Analisis yang dibuat oleh pihak pengurusan KMP berhubung dengan sasaran pulangan pelaburan mendapati KMP berpotensi memperoleh pulangan pelaburan antara sekali ganda hingga 4 kali ganda jumlah pelaburannya dalam tempoh antara 2 hingga 3 tahun yang akan datang. Kedudukan pelaburan melalui Dana HTVC setakat 31 Disember 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.8
PRESTASI PELABURAN DANA HI-TECH VENTURE CAPITAL
KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2008

NAMA SYARIKAT	TAHUN PELABURAN	KOS PELABURAN (RM Juta)	PERATUS PEGANGAN SAHAM KMP (%)	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI (RM Juta)	POTENSI PULANGAN	
					RENDAH (RM Juta)	TINGGI (RM Juta)
W&W Communication	November 2005	8.0	13.0	Telah dijual pada bulan Disember 2008	9.50	9.50
SABIO LABS	Oktober 2005	0.95	2.9	Telah dijual pada bulan Februari 2008	2.00	2.00
IBRIX	Julai 2006	5.29	1.5	(38.40)	10.58	21.16
SST	Mei 2006	4.94	34.0	(2.45)	4.94	4.94
Cyclos Semiconductor	Ogos 2006	2.82	22.7	(0.41)	5.64	5.64
Fusionops	Okober 2005	0.95	2.8	(1.86)	0.95	1.43
Multigig Inc	Februari 2008	6.92	10.0	(13.80)	13.84	20.76
Aarohi	Mac 2005	3.80	2.6	Telah dijual pada bulan Mei 2006	3.00	3.00
JUMLAH		**33.67**	**-**	**(56.92)**	**50.45**	**68.43**

b. Pelaburan dalam Dana Flagship Capital sehingga 31 Disember 2008 adalah berjumlah RM37.47 juta. Ia melibatkan 7 syarikat yang berdaftar di beberapa negara seperti China dan Jerman. Pelaburan ini dibuat dalam industri *pharmaceutical; fixed wireless; solar energy; marine navigational radar* dan *medical devices.* Lima (71.4%) daripada 7 syarikat tersebut memperoleh keuntungan antara RM8.70 juta hingga RM55.10 juta manakala 2 (28.6%) syarikat yang lain mengalami kerugian berjumlah RM0.25 juta dan RM4.10 juta. Bagaimanapun, pulangan terhadap dana tersebut belum dapat

ditentukan memandangkan tiada pelaburan yang telah dijual (exit) sehingga bulan Disember 2008. Analisis yang dibuat oleh pihak pengurusan KMP berhubung dengan sasaran pulangan pelaburan mendapati KMP berpotensi memperoleh pulangan pelaburan antara sekali ganda hingga 3 kali ganda jumlah pelaburannya dalam tempoh antara 2 hingga 3 tahun yang akan datang. Kedudukan pelaburan melalui Dana Flagship Capital setakat 31 Disember 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.9
PRESTASI PELABURAN DANA FLAGSHIP CAPITAL
KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2008

NAMA SYARIKAT	TAHUN PELABURAN	KOS PELABURAN (RM Juta)	PERATUS PEGANGAN SAHAM KMP (%)	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) SEBELUM CUKAI (RM Juta)	POTENSI PULANGAN	
					RENDAH (RM Juta)	TINGGI (RM Juta)
Cenway (Tianjin, China)	Januari 2007	1.83	1.2	12.60	4.58	5.49
Teknova (Beijing, China)	Mac 2007	5.57	3.0	(4.10)	5.57	5.57
Stelcom (Xiamen, China)	November 2007	5.57	2.3	36.30	13.93	16.71
ENV (Singapore & China)	November 2007	4.71	7.8	8.70	9.42	14.13
Solartec (Munich, Germany)	Disember 2007	7.86	1.9	11.10	7.86	15.72
Zesun (Shanghai, China)	April 2008	1.78	7.5	(0.25)	2.67	2.67
Desun (Shangro, Jiangxi Province)	Mei 2008	10.15	1.1	55.10	25.38	30.45
JUMLAH		**37.47**	**-**	**119.45**	**69.40**	**90.74**

c. Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. telah membuat pelaburan dalam Dana Perdana berjumlah RM21.48 juta melibatkan 13 syarikat yang berdaftar di Malaysia. Pelaburan ini dibuat dalam industri *mobile content platform; oil and gas; digital imaging solution; electronic components* serta *integrated circuit products and design.* Lima (38.5%) daripada 13 syarikat tersebut memperoleh keuntungan daripada pelaburan antara RM0.03 juta hingga RM2.60 juta; dua (15.4%) syarikat memperoleh kerugian daripada pelaburan antara RM0.26 juta hingga RM0.89 juta; lima (38.5%) syarikat tidak dapat dinilai kedudukan pulangan pelaburannya kerana maklumat mengenainya tidak diperoleh manakala satu (7.7%) syarikat sedang dalam tindakan perundangan. Analisis yang dibuat oleh pihak pengurusan KMP berhubung dengan sasaran pulangan pelaburan mendapati KMP berpotensi memperoleh pulangan pelaburan antara sekali ganda hingga 3.5 kali ganda jumlah pelaburannya dalam tempoh antara 2 hingga 3 tahun yang akan datang. Kedudukan pelaburan melalui Dana Perdana setakat 31 Disember 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.10
PRESTASI PELABURAN DANA PERDANA
KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2008

NAMA SYARIKAT	TAHUN PELABURAN	KOS PELABURAN (RM Juta)	PERATUS PEGANGAN SAHAM KMP (%)	NILAI PELABURAN SEMASA (RM Juta)	PULANGAN PELABURAN (RM Juta)	POTENSI PULANGAN	
						RENDAH (RM Juta)	TINGGI (RM Juta)
Green Packet Bhd.	Jun 2004	1.10	0.1	3.70	2.60	3.85	3.85
BSL Corp. Bhd.	September 2005	0.50	0.3	0.53	0.03	0.60	0.60
ETI Tech Corp. Bhd.	Oktober 2005	0.75	-	2.20	1.45	2.19	2.19
BCT Tech Bhd.	Januari 2005	2.00	2.3	1.45	(0.55)	2.20	2.20
NextNat Comm Bhd.	September 2006 Mac 2008	0.99 0.49	1.8 1.2	0.10 0.23	(0.89) (0.26)	1.47	1.47
Express Asia Bhd.	April 2005	1.00	RCPS	-	Tindakan Mahkamah	0.00	0.00
RH Media Sdn. Bhd.	Disember 2006	1.00	1.8	3.20	2.20	3.00	3.00
Air Broadband Sdn. Bhd.	Disember 2007	3.00	20.0	3.00	-	4.50	6.00
Orogenics Holdings Bhd.	Januari 2008	2.00	1.3	2.00	-	2.60	3.00
FIBON Bhd.	April 2008	3.25	4.9	4.6	1.35	4.23	4.23
Pictureworks Sdn. Bhd.	September 2008	1.00	6.8	1.0	-	3.75	5.00
EA Global Holdings	September 2008	2.40	4.1	2.4	-	4.49	6.90
Prestariang Sys Sdn. Bhd.	Disember 2008	2.00	5.0	2.00	-	5.20	8.00
JUMLAH		**21.48**		**26.41**	**5.93**	**38.08**	**46.44**

Nota : ***(*) Baki Peratusan Pegangan Saham***
(**) Jumlah Ini Termasuk Saham Yang Telah Jual Dan Dijangka Jual
RCPS - Redeemeable Convertible Preference Shares

d. Sehingga 31 Disember 2008, sebanyak 4 (28.6%) daripada 14 pelaburan dalam Dana Perdana telah dijual dan menghasilkan keuntungan berjumlah RM5 juta seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.11
KEUNTUNGAN HASIL JUALAN PELABURAN DANA PERDANA
KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2008

SYARIKAT	JUMLAH SAHAM (Unit)	KOS PELABURAN (RM Juta)	JUALAN SAHAM (Unit)	NILAI JUALAN SAHAM (RM Juta)	KEUNTUNGAN ATAS JUALAN SAHAM (RM Juta)	BAKI SAHAM (Unit)	NILAI BAKI SAHAM (RM Juta)
Green Packet Bhd.	2,499,990	1.10	2,227,000	3.63	2.65	272,990	0.13
BSL Corp. Bhd.	735,200	0.50	438,300	0.44	0.14	296,900	0.09
ETI Tech Corp. Bhd.	1,666,000	0.75	1,666,000	2.19	1.44	0	0
BCT Tech Bhd.	4,651,162	2.00	1,142,600	1.26	0.77	3,508,562	0.19
JUMLAH	**9,552,352**	**4.35**	**5,473,900**	**7.52**	**5.00**	**4,078,452**	**0.41**

35.4.2.2. Semakan Audit mendapati pada umumnya, pengurusan pelaburan dalam Dana Flagship Capital dari segi pelantikan Pengurus Dana oleh KMP serta pemantauan terhadap aktiviti pelaburan oleh Pengurus Dana yang telah

dilantik itu adalah teratur. Selain itu, pengurusan pelaburan dalam Dana Perdana meliputi aspek pemilihan syarikat pelaburan serta pengurusan pelaburan juga dilaksanakan oleh KMP dengan baik selaras dengan polisi pelaburan yang telah ditetapkan. Namun terdapat beberapa kelemahan pengurusan pelaburan dalam Dana HTVC seperti berikut :-

a. Pelantikan General Partner HTVC Tidak Dibuat Dengan Teratur

Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 telah menetapkan bahawa antara tanggungjawab Lembaga Pengarah adalah memastikan syarikat mempunyai dasar dan operasi yang munasabah selaras dengan tujuan Kerajaan memegang ekuiti dalam syarikat tersebut. Semakan Audit mendapati Lembaga Pengarah telah memutuskan supaya dana modal teroka HTVC diberi kepada Hi-Tech Venture Partners yang bertindak sebagai General Partner (GP) bagi pelaburan dalam Dana HTVC. GP dipertanggungjawabkan untuk memantau syarikat pengurusan yang dilantik bagi menguruskan pelaburan dalam Dana HTVC. Pihak Audit tidak dapat menentukan sama ada proses pelantikan GP telah dibuat secara teratur. Oleh itu, pihak Audit tidak dapat mengesahkan sejauh mana pemilihan GP tersebut adalah berasaskan kepada keupayaan, kepakaran dan pengalamannya untuk menguruskan pelaburan. Bagaimanapun berdasarkan siasatan KMP semenjak pertengahan tahun 2008, Hi-Tech Venture Partners/ GP didapati tidak mempunyai kakitangan dan premis tetap untuk beroperasi, tidak mempunyai kaedah promosi yang berkesan (websites dan brochures) serta tidak mempunyai profil dan kedudukan kewangan yang memuaskan. **Pada pandangan Audit, KMP perlu menetapkan kriteria yang jelas bagi sebarang pelantikan rakan usaha samanya.**

b. Kelemahan Klausa Kontrak Perjanjian HTVC Dengan General Partner

i. Mengikut perjanjian antara Hi-Tech Venture Partners (GP) dengan wakil KMP, GP dibenarkan terlibat dengan syarikat pengurusan dana sama ada sebagai pemegang saham, rakan kongsi, pengarah atau kakitangan seperti mana petikan klausa yang berikut :-

> *"The General Partner Affiliates may be partners; shareholders; members; managers; officers and/or directors of the Management Company and receive compensation from the Management Company."*

ii. Adalah diperhatikan GP telah melantik syarikat Hi-Tech Associates, LLC sebagai syarikat pengurusan untuk menguruskan dana dengan bayaran fi pengurusan berjumlah USD3.30 juta bagi tempoh bulan Mei 2004 hingga September 2008. Selain itu, didapati syarikat pengurusan tersebut tidak mempunyai kakitangan untuk menguruskan operasi yang ditetapkan. Semakan Audit selanjutnya mendapati perjanjian kontrak antara GP dengan Syarikat Hi-Tech Associates, LLC **telah**

ditandatangani oleh individu yang sama yang mewakili kedua-dua syarikat. Bagaimanapun, pihak pengurusan KMP memaklumkan bahawa ini adalah struktur yang biasa dipraktikkan dalam pengurusan Syarikat Modal Teroka di Amerika Syarikat. Pada pandangan Audit, sungguhpun keadaan ini tidak menyalahi syarat kontrak tersebut di atas, namun ia boleh mewujudkan *conflict of interest* memandangkan GP dipertanggungjawabkan juga untuk memantau syarikat pengurusan secara bersendirian.

c. Ketidakpatuhan Terhadap Syarat Perjanjian Oleh General Partner HTVC

Berdasarkan perjanjian yang ditandatangani antara KMP dengan Hi-Tech Venture Partners (GP), tanggungjawab GP antaranya adalah memilih syarikat yang akan dilabur; menguruskan pelaburan sebagaimana kehendak perjanjian; mengemukakan laporan berhubung *due diligence* dan mengemukakan laporan yang berkaitan dengan pengurusan pelaburan. Semakan Audit mendapati beberapa syarat kontrak tidak dipatuhi oleh GP seperti tidak mengemukakan laporan suku tahunan (penyata operasi dan analisis pelaburan) serta laporan tahunan dan penyata kewangan yang diaudit bagi tahun 2006 dan 2007. GP juga tidak melaksanakan *due diligence;* menyelenggarakan rekod kewangan dan mengadakan mesyuarat tahunan dengan KMP. Semakan Audit selanjutnya mendapati KMP tidak mempunyai mekanisme untuk memastikan pengurusan pelaburan oleh GP dibuat dengan teratur. *Standard Operating Procedures* (SOP) yang mengandungi proses dan norma kerja yang jelas juga tidak disediakan oleh KMP. Selain itu, perjanjian tidak menetapkan dengan jelas format pelaporan yang perlu disediakan oleh GP. **Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah dan pihak pengurusan KMP hendaklah memantau prestasi GP secara berterusan bagi memastikan ia mematuhi semua syarat perjanjian supaya pelaburan yang telah dibuat memberi pulangan yang sewajarnya. Bagaimanapun, KMP telah memaklumkan bahawa tindakan telah diambil untuk menamatkan perkhidmatan pengurus HTVC di Amerika Syarikat.**

d. Peranan Dan Tanggungjawab Nominee/Trainee Manager Bagi Pelaburan HTVC Adalah Terhad Dan Perlu Dipertingkatkan

KMP telah menghantar 2 pegawai secara bergilir ke Amerika Syarikat sebagai Nominee/Trainee Manager yang bertanggungjawab antara lainnya memastikan operasi modal teroka selaras dengan polisi yang ditetapkan; memahami operasi modal teroka di Amerika Syarikat; mengurus dan memantau dana bersama GP serta memastikan komunikasi berkala melalui laporan kemajuan setiap suku tahun kepada KMP. Sejumlah RM0.52 juta telah dibelanjakan untuk membiayai penghantaran kedua-dua pegawai berkenaan bagi tempoh bulan Januari 2006 hingga bulan November 2008. Pihak Audit mendapati peranan Nominee/Trainee Manager sebagai wakil

KMP adalah kurang berkesan kerana penglibatan pegawai dalam operasi modal teroka tersebut adalah terhad dan GP menjalankan operasi secara berseorangan. GP juga tidak menyediakan pejabat dan kemudahan kepada Nominee/Trainee Manager untuk menjalankan tanggungjawabnya. Selain itu, pihak Audit mendapati tiada bukti menunjukkan laporan berhubung dengan prestasi pelaburan disediakan bagi tahun 2006 dan 2007 kerana tiada dalam simpanan fail yang berkenaan. **Pada pandangan Audit, kelemahan GP dan syarikat pengurusan sepatutnya dibangkitkan kepada pengurusan KMP oleh Nominee/Trainee Manager di peringkat awal. Sehubungan ini, KMP hendaklah memastikan Nominee/Trainee Manager mengemukakan laporan berhubung dengan prestasi pelaburan bagi setiap suku tahun supaya sebarang isu berbangkit dapat ditangani dengan awal.**

35.4.2.3. Salah satu daripada objektif KMP adalah untuk mengenal pasti peluang pelaburan serta pemindahan teknologi yang bersesuaian ke Malaysia. Pencapaian pemindahan teknologi dipantau oleh Lembaga Pengarah melalui mesyuarat Lembaga Pengarah mulai akhir tahun 2007. Semakan Audit mendapati sungguhpun KMP telah menetapkan jenis pemindahan teknologi yang disasarkan, namun ia tidak menetapkan kaedah untuk mengukur pencapaiannya. Selain itu, pihak Audit mendapati tidak semua pelaburannya menghasilkan pemindahan teknologi. Sehingga tarikh pengauditan, sebanyak 36 jenis teknologi telah dapat dipindahkan dalam pelbagai bentuk manakala 13 lagi masih di peringkat rundingan. Butiran mengenai pencapaian pemindahan teknologi daripada pelaburan KMP adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.12
PULANGAN PELABURAN DALAM BENTUK PEMINDAHAN TEKNOLOGI
KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2008

BENTUK PEMINDAHAN TEKNOLOGI	BILANGAN PEMINDAHAN TEKNOLOGI *		
	HTVC	FLAGSHIP	PERDANA
Relocation of HQ/R&D/Marketing Centre Into Malaysia	-	1	4
Setting Up Of An Outfit in Malaysia	4	-	2
Joint R & D Collaboration	1	-	1
Training	5	1	6
Market-International/Local	3	1	6
Outsourcing	2	-	2
Technology (IP)	-	-	1
Business Cooperation	3	2	4
JUMLAH	**18**	**5**	**26**

Nota : (*) Syarikat Yang Sama Tetapi Terlibat Dengan Pelbagai Bentuk Pemindahan Teknologi

Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu menetapkan kaedah untuk mengukur pencapaian pemindahan teknologi dari semasa ke semasa.

35.4.2.4. Pada umumnya, pemantauan terhadap pengurusan pelaburan oleh Lembaga Pengarah adalah kurang memuaskan. Ini terbukti di mana bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Oktober 2008, hanya 7 daripada 13 mesyuarat Lembaga Pengarah telah membincangkan secara terperinci berhubung prestasi pelaburan syarikat. **Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah KMP perlu memantau dengan rapi prestasi syarikat yang dilantiknya untuk menguruskan dana pelaburan bagi memastikan setiap pelaburan yang diuruskan oleh syarikat berkenaan adalah teratur dan memberi pulangan yang optimum. *Standard Operating Procedures* berhubung dengan proses kerja pelaburan perlu disediakan dengan lengkap dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.**

35.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dan Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Pihak Audit mendapati KMP tidak mengeluarkan sebarang manual berhubung pengurusan dan peraturan kewangannya. Semua tugas yang dilaksanakan pada masa kini adalah sama ada menerima arahan secara lisan atau dilaksanakan mengikut amalan pegawai yang terdahulu. Semakan Audit mendapati beberapa peraturan pengurusan dan kewangan tidak dipatuhi sepenuhnya seperti berikut :-

35.4.3.1. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati KMP tidak **menyediakan rancangan korporat secara tahunan bagi memastikan objektif penubuhan syarikat tercapai sebagaimana disasarkan. Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu memastikan pihak pengurusan menyediakan rancangan korporat tahunan sejajar dengan strategi jangka panjang syarikat yang sedia ada serta strategi pelaksanaannya dalam usaha mencapai misi dan visi syarikat serta menjamin kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham syarikat.**

35.4.3.2. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam masih belum ditubuhkan/dilantik.

35.4.3.3. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan bahawa syarikat perlu membayar dividen daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan pada kadar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun kepada Kerajaan selaku pemegang saham syarikat. Syarikat perlu

mengemukakan kepada Kementerian Kewangan sebab-sebab yang munasabah sekiranya ia gagal membayar dividen kepada Kerajaan. Sungguhpun **KMP telah memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM0.36 juta pada tahun 2007, namun syarikat ini tidak membayar dividen kepada Kerajaan.**

35.4.3.4. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 antara lainnya menetapkan peraturan-peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas dan diperketat bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit terhadap 567 (50.1%) daripada 1,133 baucar bayaran bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Oktober 2008 mendapati kelemahan berhubung pengurusan bayaran seperti berikut :-

a. Tuntutan perjalanan bagi sesuatu bulan tidak dikemukakan pada bulan berikutnya, sebaliknya dikumpul untuk beberapa bulan berikutnya iaitu antara 2 hingga 7 bulan.

b. Sebanyak 402 cek bernilai RM5.39 juta telah dikeluarkan sungguhpun pegawai yang bertanggungjawab untuk meluluskan baucar tidak menandatangani baucar bayaran.

35.4.4. Pengurusan Syarikat Subsidiari

35.4.4.1. Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, hanya satu syarikat subsidiari KMP iaitu Syarikat Perdana Capital (Labuan) Sdn. Bhd. yang mencatatkan keuntungan terkumpul berterusan antara RM0.17 juta hingga RM3.95 juta; dua syarikat subsidiari yang lain mencatatkan kerugian berterusan antara RM12.12 juta hingga RM22.92 juta manakala kedudukan kewangan bagi satu syarikat subsidiari belum dapat ditentukan kerana baru ditubuhkan. Butiran lanjut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 35.13
PRESTASI SYARIKAT SUBSIDIARI
KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2008

SENARAI SYARIKAT SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN/(KERUGIAN) TERKUMPUL (RM Juta)			STATUS PENCAPAIAN OPERASI SYARIKAT
	2005	2006	2007	
Midcorp Partnership Sdn. Bhd.	(14.01)	(14.06)	(14.06)	Telah menghentikan operasi sejak tahun 2003.
Symmid Corporation Sdn. Bhd.	(12.12)	(18.12)	(22.92)	Telah beroperasi selama 5 tahun dan berkemampuan untuk reka cipta IC pada tahap 45 nanometer serta bekerjasama dengan TM R&D dan MIMOS.
Perdana Capital (Labuan) Sdn. Bhd.	0.17	0.40	3.95	Syarikat Pegangan Pelaburan (Investment Holding).
Plug & Play Technology Holdings Sdn. Bhd.	-	-	-	Baru ditubuhkan pada tahun 2008.

35.4.4.2. Objektif penubuhan Syarikat Symmid Corporation Sdn. Bhd. (Symmid) antaranya adalah untuk melaksanakan aktiviti reka cipta litar bersepadu dalam sektor semi konduktor serta membangunkan produk tersebut. Symmid juga merupakan suatu projek untuk meningkatkan modal insan dalam merekacipta litar bersepadu. Syarikat tersebut mempunyai seramai 18

"Specialised IC Design Engineers" dan mempunyai keupayaan untuk merekacipta litar sehingga 45 nanometer. Pada masa ini, operasi Symmid lebih tertumpu kepada projek penyelidikan secara usaha sama dengan agensi luar seperti MIMOS Berhad; TM Research & Development Sdn. Bhd. (Telekom R&D)*;* Avago Teknologies Malaysia Sdn. Bhd. (Avago) dan Spansion (Penang) Sdn. Bhd. Setakat bulan Oktober 2008, Symmid telah melaksanakan lebih daripada 10 projek usaha sama seperti membangunkan *UPE Metro E Router* dan *IPV6 Router (*Telekom R&D)*;* A*nalog to Digital Converter* (Avago) serta *CPLD Design for Security Lab* (MIMOS). Selain itu, pihak Audit juga mendapati Symmid telah menjalankan 57 kursus/latihan kepada 232 peserta dari pelbagai industri bagi tempoh tahun 2006 hingga bulan Oktober 2008. **Semakan Audit selanjutnya mendapati aktiviti pembangunan dan pengeluaran produk reka cipta litar bersepadu secara komersil belum dilaksanakan oleh Symmid.**

35.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Bagi membolehkan objektif penubuhan Kumpulan Modal Perdana Sdn. Bhd. (KMP) dicapai seperti mana yang telah ditetapkan, Kementerian Kewangan dan pihak pengurusan KMP perlu menangani kelemahan yang telah dibangkitkan dalam laporan ini. Sehubungan ini, adalah disyorkan pihak pengurusan dan Lembaga Pengarah KMP serta Kementerian Kewangan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

35.5.1. Kementerian Kewangan perlu memastikan pihak pengurusan KMP menyediakan rancangan korporat, Indeks Petunjuk Prestasi serta strategi pelaksanaannya dalam usaha mencapai misi dan visi syarikat serta menjamin kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham syarikat.

35.5.2. Lembaga Pengarah KMP perlu memantau dengan rapi prestasi syarikat yang dilantiknya untuk menguruskan dana pelaburan bagi memastikan setiap pelaburan yang diuruskan oleh syarikat berkenaan adalah teratur dan memberi pulangan yang optimum. *Standard Operating Procedures* berhubung dengan proses kerja pelaburan perlu disediakan dengan lengkap dan dipatuhi oleh semua pihak yang terlibat.

35.5.3. Lembaga Pengarah KMP perlu menilai pencapaian pemindahan teknologi dari semasa ke semasa berasaskan sasaran yang ditetapkan. Bagi tujuan ini Lembaga Pengarah perlu menetapkan kaedah untuk membuat penilaian tersebut.

35.5.4. Lembaga Pengarah KMP perlu memastikan Jawatankuasa Audit dan Unit Audit Dalam ditubuhkan/dilantik supaya audit dalaman dapat dijalankan untuk memastikan pengurusan kewangan syarikat dibuat dengan teratur.

35.5.5. Pihak pengurusan KMP perlu mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan syarikat subsidiarinya bagi memastikan operasi syarikat tersebut adalah selaras dengan objektif penubuhannya.

35.5.6. Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula kedudukan KMP berhubung dengan keupayaan modalnya supaya ia boleh meningkatkan inisiatif pelaburan dan perpindahan teknologi ke Malaysia.

36. PENGURUSAN RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA SDN. BHD.

36.1. LATAR BELAKANG

36.1.1. Rangkaian Hotel Seri Malaysia Sdn. Bhd. (RHSM) telah ditubuhkan pada bulan April 1994 bagi menguruskan hotel kos sederhana. Syarikat ini mempunyai modal berbayar berjumlah RM131.34 juta. Sejumlah RM118.93 juta (90.6%) daripada modal tersebut adalah dimiliki oleh Kerajaan Persekutuan melalui Menteri Kewangan (Diperbadankan). Pemegang saham yang lain adalah Kerajaan Negeri di mana terdapatnya Hotel Seri Malaysia. Bagi menjaga kepentingan Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri, RHSM adalah bertanggungjawab menentukan dasar pengurusan hotel secara sistem francais dan memastikan dasar tersebut dipatuhi oleh pihak yang terlibat. Sistem francais tersebut yang dikenali sebagai Sistem Francais Hotel Seri Malaysia mempunyai beberapa objektif utama antaranya menggalakkan pengusaha kecil khususnya pengusaha Bumiputera untuk berkecimpung dalam industri pelancongan; menyediakan kemudahan penginapan sederhana untuk pelancong tempatan dan antarabangsa serta meningkatkan mutu perkhidmatan yang diberi oleh hotel kategori kos sederhana di samping menjadi *catalyst* kepada pengusaha swasta untuk melabur dalam bidang ini.

36.1.2. RHSM mempunyai 8 Ahli Lembaga Pengarah di mana 5 daripadanya merupakan wakil daripada Kementerian Kewangan dan Kementerian Pembangunan Usahawan Dan Koperasi serta Kementerian Pelancongan. Pengurusan syarikat diketuai oleh Pengarah Urusan dan beliau dibantu oleh seramai 7 kakitangan eksekutif serta 6 bukan eksekutif.

36.1.3. Di bawah Sistem Francais Hotel Seri Malaysia, RHSM adalah Francaisor iaitu pemilik kepada sistem ini dan juga pemilik Hotel Seri Malaysia. Manakala Francaisi (Pengendali Hotel) pula adalah merupakan individu perseorangan Bumiputera yang dilantik menguruskan Hotel Seri Malaysia dengan menggunakan Sistem Francais Hotel Seri Malaysia. Bagi memastikan pengurusan hotel dibuat dengan teratur, RHSM telah melantik satu syarikat pengurusan iaitu Gateway Inn Management Sdn. Bhd. untuk menguruskan Sistem Francais Hotel Seri Malaysia yang kini mempunyai 19 hotel di seluruh negara termasuk Hotel Seri Malaysia Kepala Batas yang mula beroperasi pada bulan Mac 2009. Syarikat pengurusan tersebut juga dipertanggungjawabkan untuk menguruskan salah sebuah Hotel Seri Malaysia untuk dijadikan *flagship hotel* kepada rangkaian hotel yang lain di bawah Sistem Francais ini.

36.1.4. Sebagai sebuah syarikat sendirian berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, RHSM perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian

Kewangan dari semasa ke semasa. Antara lain, Akta Syarikat 1965 menetapkan tentang keperluan pelantikan Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta fungsi mereka untuk pengurusan syarikat. Manakala pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menetapkan tentang kaedah pelantikan Lembaga Pengarah, Ketua Eksekutif dan penubuhan Jawatankuasa Audit serta fungsi mereka.

36.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

36.2.1. Prestasi kewangan syarikat memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

36.2.2. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang telah ditetapkan.

36.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

36.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti RHSM. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008 telah dibuat di pejabat RHSM, Kementerian Pelancongan, 5 Hotel Seri Malaysia iaitu Port Dickson, Pulau Pinang, Kuantan, Kuala Terengganu dan Seremban. Bagaimanapun analisis prestasi kewangan hanya dapat dijalankan berdasarkan kepada Penyata Kewangan tahun 2005 hingga 2007 kerana semasa pengauditan dijalankan, RHSM tidak dapat mengemukakan Penyata Kewangan tahun 2008 yang telah diaudit. Pemeriksaan fizikal terhadap aset juga telah dijalankan di RHSM dan 5 hotel yang terlibat. Maklum balas pelanggan turut diperoleh melalui soal selidik yang diedarkan kepada mereka yang menginap di hotel. Selain itu, semakan juga dibuat terhadap perkara yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara tahun 2004 bagi menilai sejauh mana tindakan pembetulan/penambahbaikan telah dilaksanakan sewajarnya oleh pihak RHSM.

36.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2008 hingga Mac 2009 mendapati sungguhpun RHSM memperoleh keuntungan pada tahun 2006 dan 2007, namun kedudukan kewangannya masih belum kukuh. RHSM tidak mempunyai keupayaan untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya. Terdapat beberapa kelemahan dalam pengurusan RHSM terutamanya yang berkaitan dengan pelaksanaan Sistem Francais Hotel Seri Malaysia. Syarikat Pengurusan dan Pengendali Hotel tidak mematuhi syarat perjanjian, manual operasi tidak dikemaskinikan oleh Syarikat Pengurusan; Pengendali Hotel tidak menjelaskan yuran bulanan mengikut jadual; RHSM lewat menguruskan pindah milik tanah hotel dan ia juga tidak menguruskan kewangannya mengikut peraturan yang telah ditetapkan. Didapati kelemahan dalam

pengurusan kewangan dan pelaksanaan aktiviti RHSM yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004, masih ada yang belum diperbetulkan. Sungguhpun RHSM mendapat keuntungan bersih pada tahun 2006 dan 2007, namun tidak ada sebarang dividen dibayar kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi dan pengurusan kewangan serta aktiviti RHSM adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

36.4.1. Prestasi Kewangan

36.4.1.1. RHSM memperoleh keuntungan bersih pada tahun 2006 dan 2007 berbanding kerugian berjumlah RM0.79 juta pada tahun 2005. Pada tahun 2007, RHSM telah memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM1.46 juta berbanding RM1.21 juta pada tahun 2006. RHSM dapat memperbaiki kedudukan kewangannya disebabkan oleh pengambilalihan operasi Hotel Seri Malaysia Kuantan dan Hotel Seri Malaysia Kulim secara sementara oleh RHSM sebelum melantik francaisi baru pada kedua-dua tahun tersebut. RHSM memperoleh tambahan pendapatan melalui operasi hotel khususnya daripada sewa bilik, penyediaan makanan dan lain-lain pendapatan. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi syarikat bagi tahun kewangan 2005, 2006 dan 2007 adalah seperti di **Jadual 36.1**. Sungguhpun RHSM mendapat keuntungan bersih pada tahun 2006 dan 2007, namun tidak ada sebarang dividen dibayar kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan-Kerajaan Negeri yang terlibat.

JADUAL 36.1
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA UNTUNG RUGI
RANGKAIAN HOTEL SERI MALAYSIA SDN. BHD.
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

BUTIRAN	2005 (RM Juta)	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)
Pendapatan	6.6	8.9	11.56
Perbelanjaan Operasi	(7.15)	(6.85)	(8.24)
Untung Kasar	**-0.55**	**2.05**	**3.32**
Lain-lain Pendapatan	1.85	2.74	3.38
Perbelanjaan Am Dan Pentadbiran	(0.98)	(1.14)	(1.75)
Untung Operasi	**0.32**	**3.65**	**4.95**
Kos Kewangan	(1.29)	(2.08)	(2.63)
Untung/(Rugi)Sebelum Cukai	**(0.97)**	**1.57**	**2.32**
Pelarasan Cukai	0.18	(0.36)	(0.86)
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**(0.79)**	**1.21**	**1.46**

36.4.1.2. Bagi menentukan prestasi kewangan RHSM, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2005, 2006 dan 2007. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan :-

a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana

kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, tahap kecairan syarikat pada tahun 2005 adalah 1.09 kali dan ia meningkat pada tahun 2006 kepada 1.14 kali dan 1.16 kali pada tahun 2007. Ini bermakna aset semasa yang dimilikinya boleh menampung antara 1.09 hingga 1.16 kali ganda liabiliti semasanya. Tahap kecairannya yang semakin meningkat ini adalah disebabkan oleh peningkatan inventori serta lain-lain akaun belum terima pada kedua-dua tahun tersebut berbanding tahun 2005. **Berdasarkan kepada nisbah ini, dapat dirumuskan RHSM masih belum mempunyai keupayaan yang tinggi untuk menampung keseluruhan tanggungan semasanya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.2
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	ASET SEMASA (a) (RM Juta)	LIABILITI SEMASA (b) (RM Juta)	NISBAH SEMASA (a/b)
2005	68.91	62.94	1.09:1
2006	74.78	65.52	1.14:1
2007	79.47	68.23	1.16:1

b. **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama *(*core business) sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (value added*)* terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil yang dipungut, RHSM mengalami kerugian berjumlah 12 sen pada tahun 2005 tetapi memperoleh keuntungan berjumlah 14 sen dan 13 sen pada tahun 2006 dan 2007. **Berdasarkan kepada nisbah ini, dapat dirumuskan bahawa RHSM telah berupaya mempertingkatkan kecekapan operasinya mulai tahun 2006.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.3
MARGIN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
2005	(0.79)	6.60	(0.12)
2006	1.21	8.90	0.14
2007	1.46	11.56	0.13

c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat

menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, **didapati tahap kecekapan syarikat untuk menguruskan asetnya pada tahun 2007 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.4
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET (%) (a/b)
2005	(0.79)	189.13	(0.4)
2006	1.21	197.45	0.6
2007	1.46	202.25	0.7

d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, didapati **tahap kecekapan untuk menguruskan modal syarikat semakin meningkat pada tahun 2007.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.5
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2005, 2006 DAN 2007

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)
2005	(0.79)	122.74	(0.6)
2006	1.21	128.25	0.9
2007	1.46	129.70	1.1

36.4.2. Pengurusan Aktiviti

36.4.2.1. Sehingga 31 Disember 2008, RHSM telah melantik 18 Pengendali Hotel dan tanggungjawab mereka ditetapkan dalam perjanjiannya dengan RHSM. Didapati 12 daripada 18 Pengendali Hotel tersebut telah mengendalikan hotel melebihi 8 tahun dan perjanjiannya telah diperbaharui. Manakala perjanjian bagi 2 Pengendali Hotel masih belum tamat. Empat Pengendali Hotel lagi adalah dilantik untuk menggantikan Pengendali Hotel yang telah ditamatkan kontrak lebih awal kerana gagal menjelaskan bayaran yuran francais dan kelemahan pengurusannya. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.6
KEDUDUKAN TEMPOH PENGENDALIAN HOTEL SERI MALAYSIA

HOTEL SERI MALAYSIA	TEMPOH ASAL			TEMPOH PEMBAHARUAN		
	TEMPOH (Tahun)	TARIKH MULA FRANCAIS	TARIKH TAMAT	TEMPOH (Tahun)	TARIKH MULA	TARIKH TAMAT
Kuala Terengganu	8	31.12.1995	30.12.2002	8	31.12.2002	03.12. 2010
Alor Setar	8	22.01. 1995	21.01.2003	8	22.01.2003	21.01. 2011
Kuantan	5	07 .01 1995	06.11. 2013	Tidak Berkenaan		
Sungai Petani	8	21.01. 2008	20.11.2013	8	21.01.2003	20.01.2011
Port Dickson	8	13.01. 1995	12.01.2003	8	13.01. 2003	12.01.2011
Seremban	8	09.02.1995	08.02. 2003	8	09.02.2003	08.02.2011
Temerloh	8	01.06.1999	31.05.2007	8	01.06.2007	31.05.2015
Marang	8	02.02. 2004	01.02.2012	Tidak Berkenaan		
Rompin	8	02.02 2004	01.02.2012	Tidak Berkenaan		
Bagan Lalang	8	01.11.1995	30.10.2003	8	01.11.2003	30.10.2011
Ipoh	8	03.10.1995	02.10.2003	8	03.10.2003	02.10.2011
Johor Bahru	8	01.08.2004	31.07.2012	Tidak Berkenaan		
Pulau Pinang	8	01.11.1995	30.10.2003	8	01.11.2003	30.10. 2011
Taiping	8	02.10.1995	01.10. 2003	8	02.10. 2003	01.10.2011
Mersing	8	01.11.2000	30.10.2008	8	01.11.2008	30.10 2016
Genting	8	19 .01.1998	18.01.2006	8	19.01.2006	18.01.2014
Kulim	8	01 .04.2004	31.03.2012	Tidak Berkenaan		
Melaka	5	05 .12.2005	04.12.2010	Tidak Berkenaan		

36.4.2.2. Pada umumnya, pendapatan yang diperoleh oleh Pengendali Hotel bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007 telah menunjukkan peningkatan di mana peningkatan puratanya dari tahun ke tahun adalah melebihi 13%. Sungguhpun demikian, bagi Hotel Seri Malaysia Ipoh dan Kulim, pendapatannya bagi tahun 2007 adalah kurang berbanding tahun 2006. Hotel Seri Malaysia Johor Bahru pula yang mempunyai bilangan bilik sebanyak 200 bilik berbanding hotel lain yang secara puratanya mempunyai antara 50 hingga 150 bilik telah mencatatkan pendapatan tertinggi berjumlah RM14.02 juta bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007. Kedudukan pendapatan Pengendali Hotel adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.7
PENDAPATAN PENGENDALI HOTEL SERI MALAYSIA
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

HOTEL SERI MALAYSIA	PENDAPATAN MENGIKUT TAHUN (RM Juta)			JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN BILIK
	2005	2006	2007		
Genting	4.20	4.09	4.93	13.22	124
Port Dickson	2.36	2.52	2.76	7.64	100
Bagan Lalang	3.30	3.75	3.92	10.97	100
Taiping	1.68	1.65	1.93	5.26	50
Ipoh	3.33	3.77	3.68	10.78	100
Pulau Pinang	2.74	3.33	3.91	9.98	150
Johor Bahru	4.48	4.43	5.11	14.02	200
Terengganu	3.80	4.02	4.35	12.17	150
Kuantan	3.03	3.35	3.69	10.07	100
Mersing	2.61	2.50	2.92	8.03	100

HOTEL SERI MALAYSIA	PENDAPATAN MENGIKUT TAHUN (RM Juta)			JUMLAH (RM Juta)	BILANGAN BILIK
	2005	2006	2007		
Alor Setar	3.32	3.60	3.93	10.85	100
Sungai Petani	2.51	2.49	3.04	8.04	100
Marang	1.04	1.41	1.62	4.07	50
Temerloh	1.53	1.64	1.78	4.95	50
Rompin	1.13	1.05	1.18	3.36	50
Seremban	1.92	1.76	1.91	5.59	50
Kulim	1.63	2.20	2.17	6.00	71
Melaka	-	3.13	4.52	7.65	100
JUMLAH	**44.61**	**50.69**	**57.35**	**152.65**	**1,745**

36.4.2.3. Prestasi sebenar sesebuah hotel boleh diukur melalui petunjuk kadar penginapan purata (average occupancy rate) yang mengambil kira jumlah pendapatan dan jumlah bilik yang diduduki berbanding jumlah bilik yang ada di sesuatu hotel bagi sesuatu tempoh. RHSM telah menetapkan sasaran kadar penginapan purata kumpulan tahunan antara 64.8% hingga 67.5%. Hotel Seri Malaysia Seremban mencatatkan kadar penginapan purata yang tertinggi iaitu 83.6% manakala Hotel Seri Malaysia Rompin mencatat jumlah kadar penginapan purata terendah iaitu 50.5%. Hotel Seri Malaysia Melaka yang mula beroperasi pada tahun 2006 telah menunjukkan prestasi yang memberangsangkan dengan kadar penginapan puratanya melebihi sasaran bagi tahun 2007. Didapati bagi setiap tahun sekurang-kurangnya 9 hotel tidak mencapai sasaran yang telah ditetapkan antara lain disebabkan oleh lokasi hotel yang tidak strategik. Butiran kadar penginapan purata mengikut hotel adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.8
KADAR PENGINAPAN PURATA HOTEL SERI MALAYSIA
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

HOTEL SERI MALAYSIA	KADAR PENGINAPAN PURATA MENGIKUT TAHUN			PURATA 2005 - 2007 (%)
	2005 (%)	2006 (%)	2007 (%)	
Genting	68.8	65.6	75.7	70.0
Port Dickson	54.6*	55.0*	55.9*	55.1
Bagan Lalang	73.5	74.9	73.0	73.8
Taiping	74.4	70.1	69.1	71.2
Ipoh	73.3	73.4	69.6	72.1
Pulau Pinang	52.8*	60.3*	61.6*	58.2
Johor Bahru	59.4*	54.1*	58.0*	57.2
Kuala Terengganu	71.8	72.5	74.8	73.0
Kuantan	74.5	77.9	77.3	76.6
Mersing	62.4*	56.1*	56.5*	58.3
Alor Setar	72.9	76.3	72.8	74.0
Sungai Petani	55.5*	54.1*	58.9*	56.2
Marang	50.9*	64.0*	66.4*	60.4
Temerloh	61.9*	62.3*	62.5*	62.2

HOTEL SERI MALAYSIA	KADAR PENGINAPAN PURATA MENGIKUT TAHUN			PURATA 2005 - 2007 (%)
	2005 (%)	2006 (%)	2007 (%)	
Rompin	52.5*	49.3*	49.8*	50.5
Seremban	89.3	79.3	82.2	83.6
Kulim	49.4*	66.7	58.3*	58.1
Melaka	-	65.3*	72.3	68.8
Kadar Penginapan Purata Kumpulan	**64.6**	**65.4**	**66.4**	
Sasaran Kadar Penginapan Purata Kumpulan	**64.8**	**66.0**	**67.5**	

Nota : ***(*)- Hotel Seri Malaysia Yang Tidak Mencapai Kadar Penginapan Purata Mengikut Sasaran Pada Tahun Yang Berkenaan***

36.4.2.4. Operasi Hotel Seri Malaysia tertumpu kepada penyewaan bilik penginapan di mana ia menyumbangkan lebih daripada 59.9% pendapatan diikuti oleh penyediaan makanan sebanyak 35.3% manakala bakinya 4.8% terdiri daripada pendapatan lain-lain perkhidmatan. Bagi komposisi pendapatan mengikut bilik diduduki (room night), Agensi Kerajaan merupakan pelanggan utamanya dengan menyumbang pendapatan berjumlah RM0.65 juta atau 56.1%. Butiran pendapatan mengikut pecahan aktiviti dan mengikut komposisi bilik diduduki adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.9
PENDAPATAN MENGIKUT PECAHAN AKTIVITI
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

AKTIVITI JUALAN	PENDAPATAN MENGIKUT TAHUN (RM Juta)			JUMLAH (RM Juta)	PERATUSAN PENDAPATAN
	2005	2006	2007		
Bilik	26.78	30.30	34.28	91.36	59.9
Makanan	15.67	17.85	20.39	53.91	35.3
Minuman	0.10	0.11	0.15	0.36	0.2
Dobi	0.03	0.03	0.03	0.09	0.1
Telefon	0.07	0.05	0.04	0.16	0.1
Lain-lain	1.95	2.34	2.47	6.76	4.4
JUMLAH	**44.60**	**50.68**	**57.36**	**152.64**	**100.0**

JADUAL 36.10
PENDAPATAN MENGIKUT KOMPOSISI BILIK DIDUDUKI (ROOM NIGHT)
BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2007

JENIS PELANGGAN	BILANGAN *ROOM NIGHT* MENGIKUT TAHUN			JUMLAH	PERATUSAN PENDAPATAN
	2005	2006	2007		
Agensi Kerajaan	208,984	216,598	222,266	647,848	56.1
Sektor Korporat	48,259	47,993	43,500	139,752	12.1
Agensi Pelancongan/ Pelancong Asing	1,549	1,677	4,377	7,603	0.7
Pelancong Tempatan dan Lain-Lain	106,294	122,258	130,276	358,828	31.1
JUMLAH	**365,086**	**388,526**	**400,419**	**1,154,031**	**100.0**

36.4.2.5. Semakan Audit mendapati pada umumnya, pengurusan Sistem Francais Seri Malaysia dari aspek pemilihan Pengendali Hotel telah dilaksanakan dengan teratur. Selain itu, lawatan Audit terhadap 5 hotel mendapati ada di antaranya telah diuruskan dengan baik. Contoh hotel yang dilawati adalah seperti di gambar berikut :-

GAMBAR 36.1

Hotel Seri Malaysia Terengganu
- Bilik Kenamaan Hotel
(05.03.2009)

GAMBAR 36.2

Hotel Seri Malaysia Pulau Pinang
- Persekitaran Hotel Dihiasi Indah
(27.02.2009)

GAMBAR 36.3

Hotel Seri Malaysia Pulau Pinang
- Ruang Lobi Yang Disusun Dengan Kemas Dan Teratur
(27.02.2009)

GAMBAR 36.4

Hotel Seri Malaysia Kuantan
- Lanskap Hotel Yang Menarik
(04.03.2009)

36.4.2.6. Adalah didapati sungguhpun pada umumnya pengurusan Sistem Francais Seri Malaysia seperti mana yang dinyatakan dalam perenggan terdahulu adalah memuaskan, namun terdapat beberapa kelemahan terhadap pengurusannya seperti berikut :-

a. Kelewatan Pindah Milik Tanah

Setakat 31 Disember 2008, sebanyak 19 Hotel Seri Malaysia telah dibina di 10 negeri kecuali Sabah, Sarawak, Kelantan dan Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur melibatkan kos berjumlah RM208.30 juta. Mengikut Perjanjian Pemegang Saham (Shareholders Agreement*)* yang ditandatangani pada bulan Oktober 1997, Kerajaan Negeri yang terlibat dalam kerjasama pembinaan hotel akan diberikan saham RHSM bersamaan dengan nilai tapak tanah berkenaan sebaik sahaja tanah dipindah milik kepada Kerajaan Persekutuan. Sementara menunggu pindah milik dan *capitalization* saham selesai bagi beberapa tapak tanah berkenaan, nilai saham RM1.00 token akan diberikan. Semakan Audit mendapati 9 tapak hotel telah dipindah milik antara tempoh tahun 1996 hingga

2004. **Bagaimanapun, didapati pindah milik tanah hotel belum dibuat bagi 10 tapak tanah di 5 negeri disebabkan kelewatan dalam urusan *Memorandum Of Transfer* dan masalah birokrasi** di beberapa peringkat Jabatan di negeri berkenaan. Perkara yang sama juga telah pun dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004. Butiran status pindah milik tanah yang terlibat adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.11
STATUS PINDAH MILIK TANAH HOTEL

PIHAK KERAJAAN NEGERI	NEGERI	PINDAH MILIK TANAH HOTEL YANG BELUM SELESAI
State Secretary Incorporated - Kedah	Kedah	Alor Setar, Sungai Petani dan Kulim
State Secretary Incorporated - Johor	Johor	Mersing dan Johor Bahru
State Secretary Incorporated - Perak	Perak	Ipoh dan Taiping
Menteri Besar Incorporated - Negeri Sembilan	Negeri Sembilan	Seremban dan Port Dickson
Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor	Selangor	Bagan Lalang

Pada pandangan Audit, memandangkan Kerajaan telah membelanjakan tidak kurang daripada RM208.30 juta (tidak termasuk kos pengubahsuaian) untuk membina 19 Hotel Seri Malaysia, adalah penting kesemua tanah tapak hotel berkenaan dipindah milik kepada Kerajaan Persekutuan dengan segera bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

b. Syarat Perjanjian Dengan Syarikat Pengurusan Yang Tidak Dipatuhi

Perjanjian Pembangunan Dan Pengurusan Sistem Francais telah ditandatangani dengan satu Syarikat Pengurusan pada tahun 1994 dan berkuat kuasa sehingga bulan November 2010. Perjanjian ini antara lainnya menetapkan tanggungjawab Syarikat Pengurusan seperti mengemas kini Manual Operasi; membangun dan menguruskan Sistem Tempahan Berpusat bagi rangkaian hotel; menjalankan *Management Operation Review* mengikut ketetapan serta menguruskan *flagship hotel.* Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2008, sejumlah RM7.28 juta telah dibayar kepada Syarikat Pengurusan bagi tujuan perkhidmatan berkenaan. Semakan Audit terhadap penguatkuasaan syarat perjanjian mendapati perkara berikut :-

i. Manual Operasi Tidak Dikemas Kini

Manual Operasi yang lengkap dibekalkan kepada Pengendali Hotel untuk dijadikan panduan bagi menguruskan hotel mengikut Sistem Francais. Manual ini telah diguna pakai sejak tahun 1995 dan tidak pernah dikemaskinikan sungguhpun perjanjian mengenainya memperuntukkan supaya manual dikaji dan penambahbaikan dibuat dari semasa ke semasa. Didapati panduan bagi menguruskan kemudahan tambahan yang disediakan selepas tahun tersebut seperti kolam renang; CCTV; *broadband; internet* dan ASTRO tidak dinyatakan dalam manual tersebut. Manakala perkara berkaitan pengurusan bar; *lounge* dan minuman keras masih kekal dalam

manual ini sungguhpun perkhidmatannya tidak disediakan. Perkara ini telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004.

ii. Sistem Tempahan Berpusat Tidak Diurus Secara Berkesan

Seperti yang dilaporkan dalam Laporan Audit tahun 2004, Sistem Tempahan Berpusat yang dikendalikan oleh Syarikat Pengurusan tidak membolehkan pelanggan membuat tempahan bilik hotel pada cuti umum dan hari Ahad. Semakan Audit mendapati kaedah tempahan yang sama masih diamalkan sehingga kini sungguhpun perjanjian menetapkan Sistem tersebut perlu beroperasi sepanjang minggu. Selain itu, pihak Audit tidak dapat menentukan jumlah sebenar yang dipungut oleh Syarikat Pengurusan daripada tempahan yang dibuat melaluinya. Pihak Audit juga tidak dapat menentukan sama ada semua pungutan yang dibuat oleh Syarikat Pengurusan telah diserahkan kepada Pengendali Hotel yang berkenaan.

iii. *Management Operation Review* Tidak Lengkap

Syarat perjanjian menetapkan *Management Operation Review* perlu dilaksanakan oleh Syarikat Pengurusan setiap 3 bulan bagi mengetahui tahap pencapaian prestasi Pengendali Hotel dan laporan mengenainya yang meliputi aspek seperti pelaksanaan pelan bisnes; prestasi Pengendali Hotel; pengubahsuaian hartanah/bangunan serta penyelenggaraan rekod kewangan perlu dikemukakan kepada RHSM. Syarikat Pengurusan juga dikehendaki mengemukakan ulasan/cadangan penambahbaikan prestasi hotel berhubung pemeriksaan yang dibuat. Semakan ke atas laporan bagi 9 hotel yang dipilih mendapati *Management Operation Review* telah dilaksanakan seperti mana yang ditetapkan. Bagaimanapun, laporan tentang pengubahsuaian hartanah/bangunan yang dibuat pada tahun 2007 seperti pembaikan dan ubah suai Hotel Seri Malaysia Seremban berjumlah RM34,326; Hotel Seri Malaysia Melaka berjumlah RM188,876; Hotel Seri Malaysia Pulau Pinang berjumlah RM8,800 dan Hotel Seri Malaysia Mersing berjumlah RM12,000 tidak dikemukakan kepada RHSM. Sebagaimana penemuan Audit yang dibangkitkan pada tahun 2004, aspek tahap pelaksanaan pelan bisnes masih tidak dilaporkan. **Pada pandangan Audit, memandangkan laporan *Management Operation Review* yang lengkap adalah diperlukan untuk membantu RHSM menilai prestasi Pengendali Hotel, RHSM perlu membuat susulan dengan Syarikat Pengurusan untuk mendapatkan maklumat yang belum dikemukakan.**

iv. Pengurusan *Flagship Hotel* Kurang Memuaskan

Mengikut Minit Mesyuarat Jawatankuasa Teknikal Sistem Francais Pengurusan Hotel Kos Sederhana Kementerian Pelancongan, Kuala Terengganu dipilih menjadi *flagship hotel* iaitu sebagai model kepada hotel yang lain dan sebagai pusat latihan kakitangan bagi semua rangkaian Hotel

Seri Malaysia. Lawatan Audit ke *flagship hotel* tersebut mendapati kelemahan pengurusan seperti mana yang telah dilaporkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 masih wujud seperti berikut :-

- Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, prestasi *flagship hotel* dari segi kadar penginapan purata adalah di kedudukan kelima daripada 18 hotel. Sungguhpun kedudukan ini adalah baik tetapi prestasinya perlu dipertingkatkan sekiranya dianggap sebagai model kepada hotel yang lain.
- Daftar aset bagi *flagship hotel* tidak diselenggarakan dengan lengkap di mana aset yang tidak digunakan dan telah dilupuskan masih disenaraikan dalam daftar tersebut.
- Tahap kebersihan di *flagship hotel* masih tidak memuaskan dan gambar berikut memberikan contohnya :-

GAMBAR 36.5

Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu
- Bekas Meletak Sudu Dan Garpu Dihinggapi Lalat
(05.03.2009)

GAMBAR 36.6

Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu
- Tong Sampah Diletak Bersebelahan Bahan-bahan Masakan
(05.03.2009)

Pada pandangan Audit, RHSM perlu memastikan pengurusan terhadap operasi *flagship* hotel termasuk pengurusan kewangan sentiasa mencapai standard yang ditetapkan sebagai model kepada hotel yang lain.

c. Syarat Perjanjian Dengan Pengendali Hotel Tidak Dipatuhi

Bagi memastikan pengendalian operasi sistem francais serta penyenggaraan premis dan kelengkapan hotel diuruskan dengan teratur, Pengendali Hotel dikehendaki menandatangani Perjanjian Francais dan Perjanjian Pengurusan Premis. Kedua-dua perjanjian ini menyenaraikan peranan dan tanggungjawab RHSM selaku francaisor dan tanggungjawab Pengendali Hotel sebagai francaisi. Semakan Audit mendapati perkara berikut :-

i. Syarat Perjanjian Yang Tidak Dipatuhi Oleh RHSM

- RHSM adalah bertanggungjawab untuk menguruskan Dana Iklan Dan Promosi serta Dana Baik Pulih yang disumbangkan secara bulanan oleh Pengendali Hotel. Sungguhpun garis panduan bagi kedua-dua pengurusan dana ini disediakan, namun terdapat beberapa perkara yang tidak diliputi seperti pihak yang dibenarkan meluluskan penggunaan

dana; tatacara penyelenggaraan rekod kewangan; prosedur penyediaan dan pengauditan akaun. Ketiadaan garis panduan yang jelas ini menyebabkan berlakunya kelemahan seperti berikut :-

- Akaun bank bagi Dana Iklan Dan Promosi serta Dana Baik Pulih tidak diasingkan tetapi diuruskan bersama dengan akaun pentadbiran RHSM. Oleh itu, kedudukan baki tunai sebenar bagi kedua-dua dana tidak dapat ditentukan.

- Penyata Terimaan Dan Bayaran Tahunan bagi Dana Baik Pulih tidak disediakan dan tidak diaudit oleh Juruaudit dilantik.

- Garis panduan Dana Baik Pulih menyatakan bahawa kerja baik pulih boleh dilakukan di premis hotel hanya setelah mendapat kelulusan bertulis daripada RHSM terlebih dahulu. Bagaimanapun, semakan terhadap baucar bayaran bagi bulan Mei hingga September 2008 mendapati sebanyak 8 kerja pembaikan bernilai RM0.23 juta telah dilaksanakan lebih awal oleh Pengendali Hotel sungguhpun kelulusan belum diperoleh daripada RHSM. Keadaan ini berlaku disebabkan kerja tersebut perlu dibuat segera dan kelulusan daripada RHSM adakalanya lewat.

Pada pandangan Audit, garis panduan bagi tujuan pengurusan dana yang sedia ada perlu dikaji semula dan dikemaskinikan. Pemantauan terhadap pengurusan dana perlu dibuat secara berkala oleh Lembaga Pengarah untuk memastikan penggunaannya dibuat dengan teratur, telus dan selaras dengan objektif ditetapkan.

- Syarat perjanjian menghendaki RHSM membekalkan Pengendali Hotel pada tarikh permulaan operasi satu salinan dokumen *hand over* yang lengkap dan terperinci mengenai aset yang diserahkan. Bagaimanapun, lawatan di Hotel Seri Malaysia Kuantan mendapati dokumen *hand over* yang lengkap tidak diserahkan kepada Pengendali Hotel yang baru mengambil alih operasi hotel pada bulan Januari 2008. Ketiadaan dokumen *hand over* yang lengkap dan terperinci menyukarkan Pengendali Hotel berkenaan mengenal pasti status bilangan sebenar aset yang diserahkan. Perkara yang sama telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004 berhubung 10 Hotel Seri Malaysia yang didapati tidak dibekalkan dengan dokumen *hand over* oleh RHSM di awal pembukaan premis mereka. **Sehubungan ini, Jawatankuasa Audit perlu memastikan pihak pengurusan RHSM mengambil tindakan pembetulan terhadap teguran Audit berhubung dengan ketiadaan dokumen *hand over* kepada Pengendali Hotel yang baru. RHSM juga sepatutnya melaksanakan verifikasi aset terlebih dahulu supaya senarai lengkap aset dapat disediakan sebelum penyerahan aset kepada Pengendali Hotel.**

ii. Syarat Perjanjian Yang Tidak Dipatuhi Oleh Pengendali Hotel

- Perjanjian Francaisi dan Perjanjian Pengurusan Premis menetapkan sebanyak 10% faedah (denda) boleh dikenakan ke atas Pengendali Hotel yang lewat mengemukakan yuran bulanan iaitu sewa, royalti, fi iklan dan promosi serta Dana Baik Pulih. Semakan Audit terhadap *aging report* setakat bulan Disember 2008 mendapati 5 Pengendali Hotel tidak dikenakan denda tersebut sungguhpun lewat menjelaskan yuran bulanan menyebabkan yuran mereka tertunggak. Perkara yang sama ini juga telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara Tahun 2004. Walaupun RHSM didapati telah mengambil beberapa langkah untuk mengurangkan tunggakan yuran melalui penghantaran surat peringatan; surat amaran; notis tuntutan dan notis penamatan perjanjian, namun masih ada tunggakan yang belum dapat diselesaikan. Kedudukan tunggakan yuran setakat 31 Disember 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.12
KEDUDUKAN TUNGGAKAN YURAN BULANAN PENGENDALI HOTEL
PADA 31 DISEMBER 2008

HOTEL SERI MALAYSIA	JUMLAH (RM)	USIA /(RM)			
		SEMASA	MELEBIHI 30 HARI	MELEBIHI 60 HARI	MELEBIHI 90 HARI
Port Dickson	26,225	26,225			
Bagan Lalang	32,531	32,531			
Pulau Pinang	14,310			14,310	
Kuala Terengganu	71,683	71,683			
Kuantan	72,769	72,769			
Mersing	98,274	49,513	48,761		
Alor Setar	28,418	28,418			
Sungai Petani	27,333	27,333			
Marang	23,039	23,039			
Temerloh	39,922	29,922			10,000
Rompin	49,331	26,753	22,578		
Kulim	52,552	32,227	20,325		
Melaka	84,069	84,069			
JUMLAH	**620,456**	**504,482**	**91,664**	**14,310**	**10,000**

- Semakan Audit terhadap 5 hotel iaitu Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu, Kuantan, Port Dickson, Seremban dan Pulau Pinang mendapati beberapa peraturan yang ditetapkan dalam Manual Operasi tidak dipatuhi sepenuhnya oleh Pengendali Hotel. Antaranya adalah Pengendali Hotel tidak menyediakan laporan bulanan bagi pengurusan sumber manusia dan tidak mengadakan mesyuarat pengurusan mengikut kekerapan ditetapkan. Kedudukan pematuhan terhadap Manual Operasi adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.13
PEMATUHAN TERHADAP MANUAL OPERASI

PERKARA	ASPEK YANG PERLU DIPATUHI	HOTEL SERI MALAYSIA				
		1	2	3	4	5
Kawalan Pengurusan	• Struktur organisasi dan perjawatan	✓	✓	✓	✓	✓
	• Penyediaan laporan :-					
	- *Monthly Evaluation On Employee's Strength And Turn Over*	✓	x	x	x	x
	- *Monthly Summary Report On Labour Management's Relation*	x	x	x	x	x
	- *Monthy Summary Report On Overtime Work In Different Department*	x	x	✓	✓	✓
Mesyuarat Pengurusan	• *Daily Operation Meeting*	✓	✓	✓	✓	✓
	• *Daily Sales Briefing*	✓	✓	✓	X (ii)	✓
	• *Heads Of Department Weekly Meeting*	✓	✓	X (i)	X (i)	✓
	• *Weekly Sales Meeting*	✓			✓	✓
	• *Monthly Credit Meeting*	✓	X (i)	✓	✓	✓
	• *Monthly Performance Meeting*	✓		✓	✓	✓
	• *Food And Beverage Operations Meeting*	✓	✓	✓	✓	✓
Jabatan Akaun	• Laporan Kewangan	✓	✓	✓	✓	✓
	• Buku Tunai dikemas kini	✓	✓	x	✓	x
	• Belanjawan disediakan	✓	✓	✓	✓	✓

✓- Mematuhi X - Tidak Mematuhi

Nota : 1 - Kuala Terengganu 2 - Kuantan 3 - Port Dickson 4 - Seremban 5 - Pulau Pinang

(i) Dibincangkan Secara Tidak Rasmi Antara Pengurus Besar Dan Semua Ketua Jabatan. Minit Mesyuarat Tidak Disediakan.

(ii) Terdapat Seorang Kakitangan Bertugas Di Hotel Ini.

- Manual Operasi juga menetapkan bahawa adalah menjadi tanggungjawab Pengendali Hotel memastikan premis hotel disenggara dengan baik supaya ia sentiasa berkeadaan bersih; selesa; mempunyai keseragaman imej; menawarkan kemudahan yang lengkap dan sesuai serta menyediakan layanan memuaskan kepada pelanggan. Lawatan Audit ke premis hotel pada akhir bulan Februari dan awal Mac 2009 mendapati status pematuhan terhadap perkara yang ditetapkan dalam Manual Operasi adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 36.14
KEADAAN PREMIS HOTEL SERI MALAYSIA

TEMPAT/HOTEL SERI MALAYSIA	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
PERSEKITARAN HOTEL					
• Kuala Terengganu - Kesan *seepage* pada siling	X	✓	✓	T/B	T/B
• Seremban - Kebocoran pada paip **(Gambar 36.7)**	X	✓	✓	T/B	T/B
• Kuantan	✓	✓	✓	T/B	T/B
• Pulau Pinang	✓	✓	✓	T/B	T/B
• Port Dickson	✓	✓	✓	T/B	T/B

TEMPAT/HOTEL SERI MALAYSIA	(a)	(b)	(c)	(d)	(e)
***HOUSEKEEPING* / DOBI**					
• Kuala Terengganu	✓	✓	X	✓	T/B
• Seremban	✓	✓	✓	✓	T/B
• Port Dickson	X	✓	X	✓	T/B
- Cadar dan bantal tidak tersusun **(Gambar 36.8)**					
• Kuantan	X	✓	X	✓	T/B
- Keadaan berselerak **(Gambar 36.9)**					
• Pulau Pinang	✓	✓	✓	✓	T/B
BILIK PENYENGGARAAN					
• Kuala Terengganu	X	✓	X	✓	T/B
- Barangan berselerak **(Gambar 36.10)**					
• Seremban	X	✓	X	✓	T/B
• Port Dickson	X	✓	X	✓	T/B
- Keadaan berselerak **(Gambar 36.11)**					
• Kuantan	X	✓	X	✓	T/B
• Pulau Pinang	✓	✓	✓	✓	T/B
DAPUR					
• Kuala Terengganu	X	✓	X	✓	T/B
• Seremban	✓	✓	✓	✓	T/B
• Kuantan	X	✓	X	✓	T/B
- Kesan *seepage* pada siling **(Gambar 36.12)**					
• Port Dickson	X	✓	✓	✓	T/B
- Peralatan memasak yang kotor					
• Pulau Pinang	X	✓	✓	✓	T/B
BILIK HOTEL					
• Kuala Terengganu	X	✓	X	T/B	✓
- Permaidani rosak **(Gambar 36.13)**					
• Seremban	X	✓	X	T/B	✓
- Kesan kuning pada *shower tray* **(Gambar 36.14)**					
• Port Dickson	X	✓	✓	T/B	✓
• Kuantan	✓	✓	✓	T/B	✓
• Pulau Pinang	✓	✓	X	T/B	✓
- Permaidani rosak dan koyak **(Gambar 36.15)**					
- Cat dinding basah kerana kebocoran daripada alat pendingin **(Gambar 36.16)**					

T/B - Tidak Berkenaan ***✓ - Mematuhi*** ***X - Tidak Mematuhi***

Nota :-

(a) Kebersihan Dalam Menyediakan Perkhidmatan
(b) Kemudahan Kepada Pelanggannya
(c) Keselesaan
(d) Layanan Mesra Kakitangan
(e) Keseragaman Dalam Imej Dan Perkhidmatan Yang Ditawarkan

GAMBAR 36.7

Hotel Seri Malaysia Seremban
- Kebocoran Pada Paip
(24.02.2009)

GAMBAR 36.8

Hotel Seri Malaysia Port Dickson
- Cadar Dan Bantal Tidak Tersusun
(23.02.2009)

GAMBAR 36.9

Hotel Seri Malaysia Kuantan
- Keadaan Berselerak
(04.03.2009)

GAMBAR 36.10

Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu
- Barangan Berselerak
(05.03.2009)

GAMBAR 36.11

Hotel Seri Malaysia Port Dickson
- Keadaan Berselerak
(23.02.2009)

GAMBAR 36.12

Hotel Seri Malaysia Kuantan
- Kesan Seepage Pada Siling
(04.03.2009)

GAMBAR 36.13

Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu
- Permaidani Rosak Di Bilik 125
(05.03.2009)

GAMBAR 36.14

Hotel Seri Malaysia Seremban
- Kesan Kuning Pada Shower Tray
Di Tandas Bilik 310
(24.02.2009)

GAMBAR 36.15

Hotel Seri Malaysia Pulau Pinang
- Permaidani Rosak Dan Koyak Di Bilik 127
(27.02.2009)

GAMBAR 36.16

Hotel Seri Malaysia Pulau Pinang
- Cat Dinding Basah Oleh Kebocoran
Daripada Alat Pendingin Di Bilik 210
(27.02.2009)

- Lima Pengendali Hotel yang dilawati telah mengambil insurans meliputi perlindungan terhadap kebakaran; kecurian liabiliti awam; kemudahan peribadi berkumpulan dan *money insurance* tetapi salinan nota perlindungan insurans tersebut tidak dikemukakan kepada RHSM untuk rujukan dan simpanan seperti mana yang disyaratkan.
- Penyata kewangan yang diaudit bagi kelima-lima hotel tidak dikemukakan kepada RHSM. Pihak Audit juga tidak dapat memastikan sama ada persetujuan daripada RHSM terhadap pelantikan Juruaudit bagi tujuan membuat pemeriksaan dan pengesahan akaun hotel telah diperoleh seperti mana yang disyaratkan dalam perjanjian.
- Rekod lengkap berhubung setiap pengubahsuaian, pembaikan atau penyenggaraan yang dibuat ke atas kelengkapan atau bangunan premis hotel tidak diselenggarakan.

Pada pandangan Audit, bagi memastikan objektif Kerajaan melaksanakan Sistem Francais Hotel Seri Malaysia dapat dicapai sepenuhnya, Lembaga Pengarah dan pengurusan RHSM; Syarikat Pengurusan serta Pengendali Hotel perlu memastikan peranan, fungsi dan tanggungjawab masing-masing dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta selaras dengan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian berkenaan.

36.4.2.7. Bagi menilai prestasi perkhidmatan Hotel Seri Malaysia, semakan telah dibuat terhadap maklum balas yang diberi oleh 70 penginap di 12 Hotel Seri Malaysia pada tahun 2008. Semakan tersebut mendapati pada puratanya 20.3% daripada mereka tidak berpuas hati terhadap layanan dan keselesaan yang ditawarkan oleh hotel berkenaan. Selain itu, pada puratanya 25.7% daripada pengunjung menyatakan kurang berpuas hati terhadap tahap boleh guna kemudahan peralatan yang sedia ada seperti peti ais, alat penghawa dingin, suis dan alat *audio system* manakala 30% pula menyatakan kurang berpuas hati terhadap kebersihan bilik dan tandas hotel.

36.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

Akta Syarikat 1965, pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, RHSM telah mewujudkan Jawatankuasa Remunerasi Dan Pencalonan bagi membincangkan penstrukturan RHSM; Cadangan Kenaikan Pangkat Dan Gaji Tahunan Pegawai serta Terma Dan Syarat Perkhidmatan Anggota Pekerja Syarikat. Selain itu RHSM juga menyediakan peraturan kewangan yang telah diluluskan oleh Lembaga Pengarah pada bulan Januari 2009. Semakan Audit terhadap pematuhan peraturan pengurusan dan kewangan syarikat adalah seperti berikut :-

36.4.3.1. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati RHSM telah menyediakan perancangan strategik bagi tempoh tahun 2008 hingga 2010 dan telah membentangkannya kepada Lembaga Pengarah pada bulan Mei 2008. Ia merangkumi penetapan visi; misi; nilai teras; meningkatkan tadbir urus korporat; meningkatkan kecekapan sistem francais; menambah baik operasi Hotel Seri Malaysia; mewujudkan *Central Procurement Unit* dan penjenamaan semula Hotel Seri Malaysia serta mengkaji peluang pengembangan bisnes. Bagaimanapun, *Central Procurement Unit* belum diwujudkan dan tiada bukti menunjukkan RHSM telah membuat penilaian semula terhadap pencapaian sebenar berbanding sasaran ditetapkan dalam rancangan strategik. **Pada pandangan Audit, strategi bagi mencapai rancangan strategik ini perlu ditetapkan dan penilaian berhubung pencapaiannya dibuat supaya mutu perkhidmatan Hotel Seri Malaysia dapat ditingkatkan secara berterusan.**

36.4.3.2. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 9 Tahun 1993 menetapkan bahawa Jawatankuasa Audit perlu diwujudkan untuk memelihara kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham melalui kawalan dan pengawasan ke atas pengurusan syarikat serta mengawasi semua fungsi Unit Audit Dalam. Pekeliling tersebut juga menekankan antara tanggungjawab Jawatankuasa Audit adalah untuk mengkaji pandangan Audit Luar dan menentukan perkara berbangkit diberi perhatian dan diambil tindakan oleh pengurusan syarikat. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati aspek pengurusan kewangan tidak dibincangkan dengan mendalam semasa Mesyuarat Jawatankuasa Audit. Pihak Audit tidak dapat memastikan sama ada Jawatankuasa Audit telah mengambil tindakan susulan yang sewajarnya terhadap pemerhatian yang pernah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara terutamanya berhubung isu pemantauan terhadap Sistem Francais Seri Malaysia; pengemaskinian Manual Operasi/garis panduan serta pengurusan kewangan RHSM. Selain itu, kesemua jawatan dalam Unit Audit Dalam yang telah diluluskan masih belum diisi sehingga kini. **Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu memantau prestasi Jawatankuasa Audit supaya ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan terutamanya dalam memastikan pihak pengurusan menangani kelemahan yang telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara.**

36.4.3.3. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan bahawa syarikat perlu membayar dividen daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan pada kadar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun kepada Kerajaan selaku pemegang saham syarikat. Syarikat perlu mengemukakan kepada Kementerian Kewangan sebab-sebab yang munasabah sekiranya ia gagal membayar dividen kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati **RHSM tidak membayar dividen kepada Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri yang terlibat sungguhpun telah memperoleh keuntungan bersih berjumlah RM1.21 juta dan RM1.46 juta masing-masingnya pada tahun 2006 dan 2007.**

36.4.3.4. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 antaranya menetapkan bahawa peraturan berkaitan dengan perbelanjaan syarikat perlu diperkemas dan diperketatkan bagi tujuan mengurangkan kos operasi dan mengelakkan pembaziran. Semakan Audit mendapati beberapa kelemahan berlaku dalam proses perolehan dan pengurusan pembayaran RHSM seperti berikut :-

a. Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 2005 menetapkan bahawa Kementerian/Agensi/Syarikat Kerajaan dibenarkan untuk memecahkecilkan perolehan dengan syarat antaranya perolehan melibatkan kerja khusus yang perlu mematuhi standard*;* memerlukan kepakaran khusus serta melibatkan penyampaian perkhidmatan yang kritikal kepada orang awam. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati keperluan tersebut tidak dipatuhi di mana sejumlah RM0.90 juta yang merupakan kerja bagi melaksanakan projek infrastruktur ICT telah dipecahkecilkan kepada 5 kontrak berasingan dan RM0.77 juta bekalan peralatan/perisian CCTV *Surveillance System* bagi hotel dan Ibu Pejabat RHSM telah dipecahkecilkan kepada 4 kontrak berasingan untuk mengelakkan daripada perolehan secara tender. Berdasarkan maklum balas terhadap teguran Audit, pihak pengurusan telah mengambil tindakan menamatkan perkhidmatan pegawai yang terlibat secara langsung dengan perolehan tersebut.

b. Semakan Audit mendapati pembayaran berjumlah RM42,398 bagi projek menaik taraf Sistem Maklumat RHSM tidak dibuat kepada syarikat pembekal yang sepatutnya di mana nama di baucar bayaran dan invois adalah berlainan dengan nama penerima cek. Perkara ini dibangkitkan apabila RHSM menghubungi syarikat pembekal tersebut untuk memaklumkan mengenai beberapa pencanggahan dari segi invois dan cara pembayaran cek dilakukan. Adalah didapati invois pembayaran tidak dikeluarkan oleh syarikat pembekal tersebut, sebaliknya telah dikeluarkan oleh seorang pelobi atau *runner* syarikat pembekal tersebut yang sememangnya berurusan mengenai projek menaik taraf ICT dengan RHSM. Laporan polis telah dibuat pada bulan September 2008 dan sehingga kini, kes ini masih dalam siasatan pihak berkuasa berkenaan.

c. Semakan Audit terhadap baucar pembayaran bagi tempoh bulan Januari hingga Disember 2008 mendapati 44 pembayaran berjumlah RM0.56 juta berkaitan pembelian barang dan perkhidmatan tidak dilakukan melalui pesanan pembelian. Bagi kesemua baucar bayaran yang disemak, tanda cop “Telah Dibayar” tidak dibuat ke atas dokumen sokongan. Manakala perakuan pengesahan tidak dibuat terhadap salinan fotostat dokumen yang menyokong pembayaran. Ketiadaan perakuan ini mendedahkan kepada risiko pembayaran 2 kali.

d. Pada tahun 2000, sejumlah RM45.80 juta geran telah diberikan oleh Kementerian Kewangan kepada RHSM bagi membiayai kos pengambilalihan Hotel Putra Palace di Perlis. Syarat pemberian geran ini akan menyebabkan

penambahan ekuiti Menteri Kewangan (Diperbadankan) dalam RHSM ketika itu daripada 73.9% (RM115.50 juta) kepada 79.8% (RM161.50 juta). Bagaimanapun, geran ini tidak digunakan untuk tujuan pengambilalihan Hotel Putra Palace dan disebaliknya dimasukkan dalam simpanan tetap RHSM. Kementerian Kewangan pada bulan Ogos 2007 telah bersetuju meluluskan supaya faedah terkumpul daripada simpanan tetap sebanyak RM7.67 juta atas geran terlibat dimasukkan ke akaun *Refurbishment Fund* RHSM. Sungguhpun akaun bank berasingan telah diwujudkan pada 29 Februari 2008, namun tiada transaksi yang menunjukkan jumlah ini telah digunakan untuk tujuan perbelanjaan baik pulih hotel. Garis panduan berhubung penggunaan dana ini juga masih belum disediakan.

36.4.3.5. Menurut Akta Syarikat 1965, Lembaga Pengarah bertanggungjawab memastikan tindakan sewajarnya diambil bagi memastikan aset syarikat diuruskan dengan cekap dan teratur. Semakan Audit terhadap pengurusan aset RHSM mendapati kelemahan seperti berikut :-

a. Daftar aset tidak diselenggarakan dengan lengkap dan tidak kemas kini di mana jenis, bilangan dan kos seunit aset tidak dinyatakan. Keterangan sesuatu aset juga tidak tepat dan lengkap. Ketiadaan maklumat yang lengkap dan tepat ini menyukarkan rujukan bagi tujuan pelupusan, pengenaan susut nilai serta penggantian aset.
b. Aset tidak ditandakan dengan nombor kod pendaftaran/pengenalan dan ini menyebabkan kedudukan aset kepunyaan RHSM dan Pengendali Hotel sukar untuk dikenal pasti.
c. Verifikasi terhadap aset khususnya aset yang ditempatkan di hotel tidak pernah dibuat sejak penubuhan RHSM. Ini menyebabkan kedudukan fizikal dan lokasi sebenar aset tidak dapat ditentukan sama ada masih wujud, boleh digunakan, hilang, rosak atau tidak ekonomi dibaiki.
d. Mekanisme tertentu untuk mengumpulkan maklumat aset di setiap hotel tidak ditentukan dan menyebabkan proses penyerahan dan pengambilalihan aset semasa pertukaran Pengendali Hotel tidak dibuat dengan teratur. RHSM pula tidak menyediakan senarai berasingan kedudukan aset mengikut hotel.
e. Penyenggaraan bangunan dan kelengkapan hotel tidak dibuat secara berjadual dan keadaan ini boleh menyebabkan aset tidak dijaga dengan baik.

Pada pandangan Audit, Kementerian Kewangan hendaklah memastikan RHSM mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangan RHSM dibuat dengan teratur dan berhemat.

36.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Objektif Kerajaan menubuhkan RHSM adalah untuk menguruskan Sistem Francais Hotel Seri Malaysia. Bagi tujuan ini pihak RHSM telah menetapkan beberapa prosedur serta memeterai perjanjian dengan Syarikat Pengurusan serta Pengendali Hotel. Bagaimanapun, objektif tersebut tidak mungkin dapat dicapai dengan cekap dan berkesan sekiranya kelemahan dalam sistem tersebut terutamanya dalam memantau aktiviti Syarikat Pengurusan dan Pengendali Hotel tidak diperbetulkan segera. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya pihak-pihak yang terlibat dalam sistem francais hotel RHSM dan Kementerian Kewangan memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

36.5.1. Memandangkan Kerajaan telah membelanjakan tidak kurang daripada RM208.30 juta (tidak termasuk kos pengubahsuaian) untuk membina 19 Hotel Seri Malaysia, pihak pengurusan perlu memastikan tanah tapak hotel-hotel berkenaan dipindah milik kepada Kerajaan Persekutuan dengan segera bagi menjamin kepentingan Kerajaan.

36.5.2. Pihak pengurusan RHSM perlu membuat susulan dengan Syarikat Pengurusan Sistem Francais Hotel Seri Malaysia untuk mendapatkan maklumat yang tidak terdapat dalam Laporan *Management Operation Review* untuk membantunya menilai prestasi Pengendali Hotel.

36.5.3. Memandangkan Hotel Seri Malaysia Kuala Terengganu telah dipilih menjadi *flagship hotel* sebagai model kepada hotel lain, pihak pengurusan RHSM perlu memastikan operasinya termasuk pengurusan kewangan sentiasa mencapai standard yang ditetapkan.

36.5.4. Pihak pengurusan perlu memastikan garis panduan bagi tujuan pengurusan dana yang sedia ada dikaji semula dan dikemaskinikan. Pemantauan mengenai pengurusan dana perlu dibuat secara berkala oleh Lembaga Pengarah untuk memastikan penggunaannya dibuat dengan teratur, telus dan selaras dengan objektif ditetapkan.

36.5.5. Bagi memastikan objektif Kerajaan melaksanakan Sistem Francais Hotel Seri Malaysia dapat dicapai sepenuhnya, Lembaga Pengarah dan pengurusan RHSM; Syarikat Pengurusan serta Pengendali Hotel perlu memastikan peranan, fungsi dan tanggungjawab masing-masing dilaksanakan dengan cekap dan berkesan serta selaras dengan syarat yang ditetapkan dalam perjanjian berkenaan.

36.5.6. Lembaga Pengarah perlu memantau prestasi Jawatankuasa Audit supaya ia dapat berfungsi dengan lebih berkesan terutamanya dalam memastikan pihak pengurusan RHSM menangani kelemahan yang telah dibangkitkan oleh Jabatan Audit Negara. Sehubungan ini, pihak pengurusan RHSM juga perlu mengisi dengan segera jawatan di Unit Audit Dalam yang telah diluluskan.

36.5.7. Kementerian Kewangan hendaklah memastikan RHSM mematuhi kehendak Akta Syarikat 1965 dan semua pekeliling yang telah dikeluarkannya bagi memastikan pengurusan kewangan RHSM dibuat dengan teratur dan berhemat.

KEMENTERIAN KEWANGAN

37. PENGURUSAN MALAYSIA VENTURE CAPITAL MANAGEMENT BERHAD

37.1. LATAR BELAKANG

37.1.1. Malaysia Venture Capital Management Berhad (MAVCAP) telah ditubuhkan pada 19 April 2001. Ia merupakan sebuah syarikat milik penuh Kerajaan dengan modal berbayar berjumlah RM200,000,002. Misi utama MAVCAP adalah untuk membantu usahawan yang menceburi bidang ICT untuk memperoleh kekayaan; memastikan pulangan pelaburan yang terbaik kepada MAVCAP dan menyediakan latihan kepada pengusaha modal teroka. Aktiviti utama MAVCAP adalah menguruskan pelaburan modal teroka dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) melalui 2 jenis pelaburan iaitu Direct Venture Capital (DVC) dan Outsourced Partners Programme (OSP) di mana pulangan pelaburan akan diperoleh melalui penjualan pelaburan di dalam sesuatu syarikat sama ada melalui penyenaraian syarikat atau penjualan saham kepada pihak ketiga atau usahawan sendiri. Kedua-dua pelaburan tersebut difokuskan kepada perniagaan baru sehingga peringkat pra-IPO (Initial Public Offering). Butiran pelaburan tersebut adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.1
PELABURAN MODAL TEROKA MALAYSIA VENTURE CAPITAL MANAGEMENT BERHAD

JENIS PELABURAN	TEMPOH PELABURAN	JUMLAH PELABURAN DILULUSKAN (RM Juta)	JUMLAH PERUNTUKAN BAGI SETIAP PELABURAN (RM Juta)	KAEDAH PELABURAN
Direct Venture Capital (DVC)	3 hingga 8 tahun	192.81	0.50 hingga 40.00	• Mempunyai 5 skim iaitu Seed Investment; Direct Investment; MAVCAP 100 (khusus untuk syarikat bumiputera); MAVCAP 110 (pelaburan seed dan direct di bawah Rancangan Malaysia ke 8) serta MAVCAP 120 (tujuan penyatuan dan pengambilalihan syarikat serta pelaburan Pre-IPO) di mana setiap skim dibezakan mengikut jumlah peruntukan pelaburan. • Diuruskan oleh Pasukan Pelaburan MAVCAP.
Outsourced Partners Programme (OSP)	8 hingga 10 tahun	240.00	25.00 hingga 30.00	• Mempunyai 2 skim iaitu OSP 1 dan OSP 2 (pelaburan melibatkan syarikat tempatan dan antarabangsa) • OSP 1 diuruskan oleh 4 Pengurus Dana manakala OSP 2 diuruskan oleh 5 Pengurus Dana. • Sebanyak 8 syarikat subsidiari MAVCAP yang berdaftar di Malaysia menjadi *special purpose vehicles* bagi penyaluran dana modal teroka untuk kedua-dua skim tersebut.

37.1.2. MAVCAP mempunyai 5 Ahli Lembaga Pengarah dan 1 ahli Lembaga Pengarah silih ganti, yang mana salah seorang daripada Lembaga Pengarah tersebut dan ahli Lembaga Pengarah silih ganti adalah merupakan wakil daripada Kementerian Kewangan. Pengurusan syarikat diketuai oleh Ketua Pegawai Eksekutif dan beliau dibantu oleh seramai 37 kakitangan eksekutif dan bukan eksekutif.

37.1.3. Sehingga 31 Disember 2008, MAVCAP mempunyai 10 syarikat subsidiari di mana 8 syarikat subsidiari berperanan sebagai syarikat dana modal teroka bagi penyaluran dana untuk pelaburan OSP1 dan OSP2, satu syarikat subsidiari terlibat dalam mengurus dan menyalurkan geran bagi tujuan pembangunan ICT dan bukan ICT melalui Cradle Investment Programme serta satu syarikat subsidiari lagi tidak aktif dan dalam proses pembubaran. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.2
MAKLUMAT SYARIKAT SUBSIDIARI
MALAYSIA VENTURE CAPITAL MANAGEMENT BERHAD

SYARIKAT SUBSIDIARI	BULAN/TAHUN PENUBUHAN	PERUNTUKAN DANA (RM Juta)	PERATUS PEGANGAN SAHAM (%)	AKTIVITI
MAVCAP Technology Sdn. Bhd.	November 2001	25.00	100	Sebagai syarikat dana modal teroka bagi penyaluran dana modal teroka ICT bagi skim OSP 1
MAVCAP ICT Sdn. Bhd.	November 2001	25.00	100	
MAVCAP Biotech Sdn. Bhd.	Julai 2002	25.00	100	
MAVCAP Photonic Sdn. Bhd.	November 2001	25.00	100	
Musharaka Tech Ventures Sdn. Bhd.	Mac 2007	30.00	100	Sebagai syarikat dana modal teroka bagi penyaluran dana modal teroka ICT bagi skim OSP 2
Expedient Equity Ventures Sdn. Bhd.	Julai 2007	25.00	83	
DTA Growth Capital Sdn. Bhd.	Jun 2008	25.00	83	
Teak Ventures Sdn. Bhd.	Mei 2008	30.00	74	
Cradle Fund Sdn. Bhd.	Disember 2003	*	100	Pengurusan dan penyaluran geran bagi tujuan pembangunan ICT dan bukan ICT
MAVCAP Bioinformatics Sdn. Bhd.	April 2003	*	100	*Dormant*

Nota : (*) - Modal berbayar adalah RM2.00

37.1.4. Sebagai sebuah syarikat berhad yang dimiliki oleh Kerajaan, MAVCAP perlu mematuhi undang-undang dan peraturan yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965 dan peraturan lain yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa. Antara lain, Akta Syarikat 1965 menetapkan tentang keperluan pelantikan Lembaga Pengarah dan Setiausaha Syarikat serta fungsi mereka untuk pengurusan syarikat. Manakala pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan menetapkan tentang kaedah pelantikan Lembaga Pengarah, Ketua Pegawai Eksekutif dan penubuhan Jawatankuasa Audit serta fungsi mereka.

37.2. OBJEKTIF PENGAUDITAN

Pengauditan ini dijalankan untuk menilai sama ada :-

37.2.1. Prestasi kewangan syarikat memuaskan atau sebaliknya dan menentukan faktor-faktor yang menyumbang kepada prestasi tersebut.

37.2.2. Pengurusan aktiviti telah dilaksanakan dengan teratur serta selaras dengan objektif yang ditetapkan.

37.2.3. Pengurusan kewangan dan tadbir urus korporat adalah selaras dengan peraturan yang ditetapkan.

37.2.4. Pengurusan syarikat subsidiari telah dipantau oleh Syarikat Induk selaras dengan objektif syarikat yang ditetapkan.

37.3. SKOP DAN METODOLOGI PENGAUDITAN

Pengauditan ini meliputi aspek kewangan dan aktiviti utama MAVCAP. Semakan terhadap dokumen, fail serta rekod yang berkaitan bagi tempoh tahun 2005 hingga bulan Januari 2009 telah dibuat di pejabat MAVCAP, syarikat subsidiarinya iaitu Cradle Fund Sdn. Bhd. dan Kementerian Kewangan. Selain itu, temu bual dengan pegawai dan kakitangan MAVCAP, pegawai Kementerian Kewangan serta pegawai Cradle Fund Sdn. Bhd. juga turut diadakan.

37.4. PENEMUAN AUDIT

Pengauditan yang dijalankan antara bulan November 2008 hingga Januari 2009 mendapati pada umumnya, kedudukan kewangan MAVCAP adalah kurang memberangsangkan. MAVCAP mengalami kerugian terkumpul berjumlah RM18.91 juta pada tahun 2008 disebabkan oleh pengurangan atas pendapatan yang diterima berbanding perbelanjaan yang dibuat pada tahun tersebut. Tahap kecekapan MAVCAP menguruskan aset dan modalnya pada tahun 2008 juga menunjukkan penurunan berbanding tahun 2007. Pengurusan aktiviti MAVCAP pula mempunyai beberapa kelemahan seperti ketidakpatuhan terhadap garis panduan dan syarat perjanjian serta kurangnya pemantauan terhadap prestasi Pengurus Dana dan Syarikat Pelaburan. Latihan kepada pengusaha modal teroka juga tidak dirancang dan dilaksanakan sebagaimana misi yang ditetapkan. Selain itu, pengurusan terhadap syarikat subsidiari tidak dipantau dengan rapi oleh MAVCAP. Penjelasan lanjut berhubung dengan prestasi kewangan dan aktiviti MAVCAP adalah seperti di perenggan-perenggan berikut :-

37.4.1. Prestasi Kewangan

37.4.1.1. Bagi tempoh tahun 2006 hingga 2008, prestasi kewangan syarikat kumpulan MAVCAP secara keseluruhannya adalah kurang memberangsangkan di mana mengalami kerugian bersih berjumlah RM14.12 juta pada tahun 2008 berbanding dengan kerugian bersih berjumlah RM8.90 juta pada tahun 2007 dan keuntungan bersih RM4.72 juta pada tahun 2006. Antara faktor utama yang menyumbang kepada kerugian adalah penurunan pendapatan yang diterima sejumlah RM5.22 juta iaitu RM20.09 juta pada tahun 2008 berbanding RM25.31 juta pada tahun 2007. Kedudukan pendapatan dan perbelanjaan serta untung rugi syarikat kumpulan MAVCAP bagi tahun kewangan 2006, 2007 dan 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.3
PENDAPATAN, PERBELANJAAN SERTA
UNTUNG RUGI SYARIKAT KUMPULAN MAVCAP
BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

BUTIRAN	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Pendapatan	20.01	19.17	13.71
Lain-lain Pendapatan	2.39	6.14	6.38
Jumlah Pendapatan	**22.40**	**25.31**	**20.09**

BUTIRAN	2006 (RM Juta)	2007 (RM Juta)	2008 (RM Juta)
Perbelanjaan Operasi	(14.98)	(31.86)	(31.04)
Perbelanjaan Am dan Pentadbiran	(2.70)	(2.35)	(3.17)
Untung/(Rugi) Sebelum Cukai	**4.72**	**(8.90)**	**(14.12)**
Cukai	-	-	-
Untung/(Rugi) Bersih Semasa	**4.72**	**(8.90)**	**(14.12)**

37.4.1.2. Bagi menentukan prestasi kewangan syarikat kumpulan MAVCAP, analisis nisbah semasa; margin keuntungan; nisbah pulangan ke atas aset serta nisbah pulangan ke atas ekuiti telah dijalankan terhadap butiran yang ditunjukkan pada Lembaran Imbangan serta Penyata Pendapatan bagi tahun kewangan 2006, 2007 dan 2008. Berikut adalah hasil analisis yang telah dijalankan :-

a. **Nisbah Semasa** dikira dengan membandingkan Aset Semasa dengan Liabiliti Semasa. Nisbah ini digunakan bagi menentukan sejauh mana kemampuan aset semasa syarikat yang boleh ditukar segera kepada tunai bagi menampung liabiliti jangka pendek syarikat. Semakin tinggi nisbah ini, semakin meningkat kecairan syarikat. Berdasarkan kepada perkiraan Audit, tahap kecairan syarikat adalah 5.08 kali pada tahun 2006, 4.17 kali pada tahun 2007 dan 6.79 kali pada tahun 2008. Ini bermakna aset semasa yang dimilikinya boleh menampung antara 4.17 hingga 6.79 kali ganda liabiliti semasanya. **Pada umumnya keupayaan MAVCAP untuk menampung keseluruhan liabilitinya pada tahun 2008 adalah lebih baik berbanding tahun sebelumnya.** Ini disebabkan antaranya oleh kelulusan Kementerian Kewangan menjadualkan semula bayaran balik pinjaman MAVCAP. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.4
NISBAH SEMASA BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

TAHUN	ASET SEMASA (RM Juta) (a)	LIABILITI SEMASA (RM Juta) (b)	NISBAH SEMASA (a/b)
2006	526.49	103.63	5.08 :1
2007	421.57	101.06	4.17 :1
2008	348.20	51.31	6.79 :1

b. **Margin Keuntungan** mengukur kadar keuntungan selepas cukai bagi setiap ringgit hasil yang dipungut daripada perniagaan utama (core business) sesebuah syarikat. Peningkatan nisbah ini menunjukkan meningkatnya kecekapan sesebuah syarikat di mana bagi setiap ringgit kenaikan pendapatan, ia memberi kesan langsung dan nilai tambah (value added) terhadap kadar keuntungan syarikat. Mengikut perkiraan Audit, bagi setiap ringgit hasil yang diperoleh, syarikat kumpulan MAVCAP telah memperoleh keuntungan berjumlah 24 sen pada tahun 2006 tetapi mengalami kerugian berjumlah 46 sen pada tahun 2007 dan RM1.03 pada tahun 2008. **Berdasarkan kepada nisbah ini, dapat dirumuskan bahawa kecekapan operasi syarikat kumpulan MAVCAP pada tahun 2008 adalah kurang**

memuaskan berbanding tahun 2007. Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.5
MARGIN KEUNTUNGAN BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH PENDAPATAN (RM Juta) (b)	MARGIN KEUNTUNGAN BAGI SETIAP RM1.00 PENDAPATAN (RM) (a/b)
2006	4.72	20.01	0.24
2007	(8.90)	19.17	(0.46)
2008	(14.12)	13.71	(1.03)

c. **Nisbah Pulangan Ke Atas Aset** mengukur pulangan yang diperoleh oleh syarikat daripada pelaburan asetnya iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit aset yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit aset yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan asetnya. Berdasarkan perkiraan Audit, **didapati tahap kecekapan syarikat kumpulan MAVCAP dalam menguruskan asetnya pada tahun 2008 adalah kurang memuaskan berbanding tahun sebelumnya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.6
NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET
BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

TAHUN	UNTUNG/(RUGI) SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH ASET (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS ASET % (a/b)
2006	4.72	657.30	0.7
2007	(8.90)	546.36	(1.6)
2008	(14.12)	500.61	(2.8)

d. **Nisbah Pulangan Ke Atas Ekuiti** mengukur pulangan ke atas jumlah modal syarikat yang dilaburkan iaitu pulangan bersih yang diperoleh bagi setiap ringgit modal yang digunakan. Semakin tinggi hasil yang diperoleh daripada setiap ringgit modal yang digunakan, semakin cekap syarikat menguruskan modalnya. Berdasarkan perkiraan Audit, **didapati tahap kecekapan menguruskan modal syarikat kumpulan MAVCAP pada tahun 2008 adalah semakin menurun berbanding tahun sebelumnya.** Butirannya adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.7
NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI
BAGI TAHUN KEWANGAN 2006, 2007 DAN 2008

TAHUN	UNTUNG SELEPAS FAEDAH DAN CUKAI (RM Juta) (a)	JUMLAH EKUITI (RM Juta) (b)	NISBAH PULANGAN KE ATAS EKUITI (%) (a/b)
2006	4.72	203.68	2.3
2007	(8.90)	194.84	(4.6)
2008	(14.12)	181.09	(7.8)

37.4.2. Pengurusan Aktiviti

Pengurusan pelaburan yang merangkumi proses pemilihan dan pemantauan syarikat yang dilabur bagi Direct Venture Capital (DVC) dan Pengurus Dana bagi Outsourced Partner Program (OSP) adalah tanggungjawab Pasukan Pelaburan MAVCAP. MAVCAP mempunyai 4 Pasukan Pelaburan di mana setiap satu pasukan diketuai oleh Senior Vice President dan dianggotai oleh Vice President, Senior Investment Manager serta Investment Manager. Penjelasan lanjut berhubung pengurusan pelaburan adalah seperti berikut :-

37.4.2.1. Pemilihan Syarikat Untuk Dilabur Dan Pengurus Dana.

Pada umumnya, pemilihan syarikat untuk dilabur (syarikat pelaburan) bagi DVC dan pemilihan Pengurus Dana bagi OSP telah dibuat mengikut proses yang ditetapkan oleh MAVCAP seperti di carta berikut :-

CARTA 37.1
PROSES PEMILIHAN SYARIKAT PELABURAN BAGI DIRECT VENTURE CAPITAL



CARTA 37.2
PROSES PEMILIHAN PENGURUS DANA BAGI OUTSOURCED PARTNER PROGRAM



37.4.2.2. Pelaburan Direct Venture Capital (DVC)

Setakat 31 Disember 2008, MAVCAP telah membuat pelaburan berjumlah RM171.26 juta dalam 51 syarikat melalui 4 skim pelaburan di bawah DVC iaitu 45 syarikat melalui skim Seed And Direct; 2 syarikat melalui skim MAVCAP 100; 3 syarikat melalui skim MAVCAP 110 serta satu syarikat melalui skim MAVCAP 120. Semakan Audit terhadap pelaburan DVC mendapati perkara seperti berikut :-

a. Pengurusan Pelaburan Tidak Dilaksanakan Dengan Memuaskan

i. Berdasarkan Investment Operational And Process Manual (*Release* 2.0 – 2001), pengurusan pelaburan DVC perlu dilaksanakan oleh Pasukan Pelaburan melalui beberapa prosedur iaitu menghubungi syarikat pelaburan secara berkala melalui telefon atau membuat lawatan serta menjalankan penilaian dari semasa ke semasa melalui penyediaan *Key Performance Indicator* (KPI) Mingguan dan Laporan Bulanan; *trigger review; project review; semi annual review* dan *annual review.* Semakan Audit mendapati Jawatankuasa Pelaburan telah bermesyuarat sekurang-kurangnya 2 kali sebulan bagi membincangkan kedudukan pelaburan DVC termasuk pelaksanaan pengurusan pelaburan. **Bagaimanapun, semakan Audit terhadap 23 fail syarikat pelaburan mendapati tiada bukti menunjukkan Pasukan Pelaburan telah mematuhi sepenuhnya prosedur pengurusan pelaburan sebagaimana yang ditetapkan dalam manual.** Contohnya adalah seperti di **Jadual 37.8**.

JADUAL 37.8
KEDUDUKAN PENGURUSAN PELABURAN DVC OLEH PASUKAN PELABURAN

PROSEDUR DALAM MANUAL	KAEDAH PELAKSANAAN	KEKERAPAN	BUKTI TINDAKAN PENGURUSAN PELABURAN DIBUAT (Bilangan Syarikat)
Telefon	Perhubungan yang dibuat dengan syarikat pelaburan direkodkan dengan terperinci dan difailkan.	Minimum 24 jam/bulan	6
KPI Mingguan Dan Laporan Bulanan	Menyediakan maklumat berkaitan *Milestones & Management Accounts* untuk dinilai.	Mingguan/Bulanan	
Perjumpaan	Perjumpaan dibuat dengan syarikat.	Sekurang-kurangnya sekali sebulan	0
Lawatan	Lawatan oleh Senior Vice President.	Setiap Suku Tahun	
Trigger Review	Disediakan dalam tempoh 5 hari oleh Pasukan Pelaburan setelah menerima Laporan Bulanan daripada syarikat pelaburan.	Bulanan/Mengikut Prestasi Pelaburan	1
Project Review	*Senior Vice President* dan *Investment Manager* membincangkan ringkasan laporan bulanan dan KPI, bertukar idea dan mengkaji sinergi yang perlu dilaksanakan antara syarikat portfolio.	Pertengahan Tahun	0
Semi Annual Review	Kajian terhadap setiap portfolio dari aspek *strategic, operational update & review, performance, current value* dan *way forward* oleh Jawatankuasa Pelaburan.	Pertengahan Tahun	0
Annual Review	Jawatankuasa Pelaburan menilai prestasi pelaburan berdasarkan maklumat seperti *corporate details, operations, investment details, financial analysis* dan *business review* .	Tahunan	1

Nota : KPI - Key Performance Indicator

ii. Berdasarkan Investment Operational And Process Manual (*Release* 2.0 – 2001), proses *classification review and approval* (CRA) perlu dilaksanakan secara bulanan oleh Pasukan Pelaburan iaitu dalam tempoh 5 hari selepas menerima laporan bulanan dari syarikat pelaburan. Tujuan CRA adalah untuk mengenal pasti risiko setiap pelaburan yang dibuat; faktor yang menyebabkan risiko tersebut dan merangka strategi/pelan tindakan untuk mengatasi masalah yang berbangkit. Berdasarkan kepada proses CRA, syarikat pelaburan akan

dikategorikan kepada CR1 hingga CR5 yang menunjukkan tahap risiko pelaburan terendah hingga tahap risiko pelaburan tertinggi. Bagi syarikat yang dikategorikan sebagai CR3 hingga CR5 (syarikat yang bermasalah), Pasukan Pelaburan perlu mengambil tindakan susulan seperti mengkaji semula syarat perjanjian sedia ada; mendapatkan khidmat juru perunding serta menyediakan pelan tindakan yang spesifik bagi mengatasi masalah syarikat pelaburan yang berkenaan dan seterusnya mengurangkan risiko kerugian kepada MAVCAP. Butiran kategori syarikat pelaburan adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.9
KATEGORI SYARIKAT PELABURAN MENGIKUT PROSES *CLASSIFICATION REVIEW AND APPROVAL*

KATEGORI SYARIKAT	INDIKATOR
CR1	*Normal*
CR2	*General Weakness*
CR3	*Intensive Care (Adverse changes in market, industry* dan *management)*
CR4	*Value Impaired (Suffer degree permanent dimunition in value, consider for part write off)*
CR5	*Write off/Abandon – (Suffer full & permanent dimunition in value)*

iii. **Semakan Audit terhadap 23 fail syarikat pelaburan dengan nilai pelaburan berjumlah RM93.78 juta mendapati tiada bukti menunjukkan CRA dilaksanakan secara bulanan oleh Pasukan Pelaburan.** Keadaan ini menyebabkan 6 (26.1%) daripada 23 syarikat pelaburan tersebut dengan nilai pelaburan RM21.20 juta yang menghadapi masalah terpaksa dihapus kira antara tahun 2005 hingga 2007 disebabkan kegagalan MAVCAP mengambil tindakan mengesan risiko yang dihadapinya di peringkat awal.

iv. Semakan Audit selanjutnya mendapati kelemahan pengurusan pelaburan tersebut di atas antaranya disebabkan oleh faktor-faktor berikut :-

- Pusing ganti kakitangan yang terlibat dengan pelaburan tersebut adalah tinggi. **Kekerapan pertukaran kakitangan ini secara tidak langsung telah menjejaskan kesinambungan pengumpulan maklumat dan tugas pengurusan pelaburan.** Ini menyebabkan Pasukan Pelaburan tidak dapat mengenal pasti masalah syarikat pelaburan dengan lebih awal dan seterusnya tindakan segera bagi mengatasi masalah yang dihadapi tidak dapat dibuat. Kedudukan pusing ganti kakitangan yang terlibat dengan pelaburan DVC adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.10
KEDUDUKAN PUSING GANTI KAKITANGAN YANG TERLIBAT DENGAN PENGURUSAN PELABURAN DVC BAGI TEMPOH TAHUN 2005 HINGGA 2008

TAHUN	BILANGAN JAWATAN	BILANGAN BERHENTI KERJA	% PEMBERHENTIAN KERJA
2005	12	1	8.3
2006	9	3	33.3

TAHUN	BILANGAN JAWATAN	BILANGAN BERHENTI KERJA	% PEMBERHENTIAN KERJA
2007	11	2	18.2
2008	16	1	6.3

- Beberapa prosedur pengurusan pelaburan sebagaimana yang ditetapkan dalam manual seperti *trigger review, project review, semi annual review* dan *annual review* telah tidak dipraktikkan memandangkan terdapat pertindihan skop kerja dalam prosedur tersebut. Berdasarkan maklumbalas MAVCAP terhadap teguran Audit, pihak pengurusan MAVCAP sedang dalam tindakan mengemaskini manual operasinya selaras dengan praktis semasa bagi memantapkan pengurusan pelaburannya.

Pada pandangan Audit, bagi memastikan pengurusan pelaburan dilaksanakan dengan cekap, pihak pengurusan MAVCAP perlu segera memuktamadkan pengemaskinian Investment Operational And Process Manual.

b. Prestasi Pelaburan DVC Kurang Memberansangkan

Setakat 31 Disember 2008, MAVCAP telah mengalami kerugian atas pelaburan DVC berjumlah RM11.48 juta. Didapati 15 (29.4%) daripada 51 pelaburan telah dijual/lupus dengan 8 (53.3%) daripadanya memperoleh keuntungan berjumlah RM18.28 juta manakala 7 (46.7%) yang lain mengalami kerugian berjumlah RM30 juta. Selain itu, didapati 9 pelaburan terpaksa dihapus kira disebabkan sama ada tidak memberi pulangan yang *viable* kepada MAVCAP atau syarikat pelaburan mempunyai masalah dalaman. Bagi 27 (52.9%) syarikat pelaburan lain yang masih aktif pula, didapati 5 (18.5%) syarikat mencatatkan keuntungan dan 15 (55.6%) syarikat mengalami kerugian manakala maklumat bagi 7 (25.9%) syarikat yang lain tidak dikemukakan kepada pihak Audit. Semakan Audit selanjutnya mendapati **4 daripada 5 syarikat yang memperoleh keuntungan pula tidak membayar dividen kepada MAVCAP sebagaimana yang ditetapkan dalam perjanjian**. Kedudukan pelaburan DVC adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.11
PRESTASI PELABURAN DIRECT VENTURE CAPITAL
KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2008

PERKARA	STATUS PELABURAN			JUMLAH
	AKTIF	*DIVESTMENT* (PELUPUSAN EKUITI)	HAPUS KIRA	
Bilangan Syarikat	27	15	9	51
Jumlah Pelaburan Dibuat (RM Juta)	90.48	59.58	21.20	171.26
Pulangan Pelaburan (RM Juta)	0.24	(11.72)	TB	(11.48)
Bil. Syarikat Yang Mencatatkan Keuntungan	5	TB	TB	5

PERKARA	STATUS PELABURAN			JUMLAH
	AKTIF	*DIVESTMENT* (PELUPUSAN EKUITI)	HAPUS KIRA	
Bil. Syarikat Yang Mengalami Kerugian	15	TB	TB	15
Bil. Status Syarikat Tidak Dikemukakan	7	TB	TB	7

Nota : TB - Tidak Berkaitan

37.4.2.3. Pelaburan Outsourced Partner Program (OSP)

a. Setakat 31 Disember 2008, MAVCAP telah membuat pelaburan berjumlah RM122.07 juta dalam 48 syarikat melalui 2 skim pelaburan di bawah OSP iaitu 39 syarikat melalui skim OSP 1 dan 9 syarikat melalui skim OSP 2. Skim OSP 1 diuruskan oleh 4 Pengurus Dana manakala skim OSP 2 diuruskan oleh 5 Pengurus Dana. Selain itu, 8 syarikat subsidiari MAVCAP serta satu syarikat bersekutu menjadi syarikat dana bagi penyaluran dana untuk kedua-dua skim tersebut seperti di jadual berikut :-.

JADUAL 37.12
PELABURAN OUTSOURCED PARTNER PROGRAM (OSP)
SETAKAT 31 DISEMBER 2008

JENIS PELABURAN	PENGURUS DANA	SYARIKAT DANA MODAL TEROKA
OSP 1	DTA Ventures Management Sdn. Bhd.	MAVCAP ICT Sdn. Bhd.
	Expedient Equity Sdn. Bhd.	MAVCAP Biotech Sdn. Bhd.
	iSprings Ventures Management Sdn. Bhd.	MAVCAP Technology Sdn. Bhd.
	Photonics Venture Capital Sdn. Bhd.	MAVCAP Photonics Sdn. Bhd.
OSP2	Expedient Equity Two Sdn. Bhd.	Expedient Equity Ventures Sdn. Bhd.
	DTA Venture Two Sdn. Bhd.	DTA Growth Capital Sdn. Bhd.
	Ethos Capital Sdn. Bhd.	Ethos Capital One Sdn. Bhd.
	Teak Capital Sdn. Bhd.	Teak Ventures Sdn. Bhd.
	Musharaka Venture Management Sdn. Bhd.	Musharaka Tech Venture Sdn. Bhd.

b. Semakan Audit terhadap pengurusan pelaburan OSP adalah seperti di perenggan berikut :-

i. Prestasi Pelaburan OSP Kurang Memberansangkan

Setakat 31 Disember 2008, MAVCAP hanya memperoleh pulangan positif atas pelaburan OSP berjumlah RM12.52 juta. Pelaburan terhadap 2 (4.2%) daripada 48 syarikat telah dijual sepenuhnya dengan memperoleh keuntungan berjumlah RM2.02 juta. Manakala 11 (22.9%) pelaburan terpaksa dihapus kira kerana tidak memberi pulangan yang *viable* kepada MAVCAP. Bagi 33 (68.8%) daripada syarikat pelaburan lain yang belum dijual, didapati hanya 18 (54.5%) syarikat mencatat keuntungan manakala sebanyak 15 (45.5%) syarikat mengalami kerugian. Semakan Audit selanjutnya mendapati 2 syarikat yang lain pula telah dikenakan tindakan undang-undang kerana gagal mematuhi perjanjian pelaburan dengan syarikat dana modal teroka. Kedudukan pelaburan OSP adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.13
PRESTASI PELABURAN OUTSOURCED PARTNERS PROGRAMME
KEDUDUKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2008

PERKARA	STATUS PELABURAN				JUMLAH
	AKTIF	*DIVESTMENT* (PELUPUSAN EKUITI)	HAPUS KIRA	TINDAKAN UNDANG-UNDANG	
Bilangan Syarikat	33	2	11	2	48
Jumlah Pelaburan Dibuat (RM Juta)	99.53	2.10	15.93	4.51	122.07
Pulangan Pelaburan (RM Juta)	10.50	2.02	TB	TB	12.52
Bil. Syarikat Yang Mencatatkan Keuntungan	18	TB	TB	TB	18
Bil. Syarikat Yang Mengalami Kerugian	15	TB	TB	TB	15

Nota : TB - Tidak Berkaitan

ii. Kelemahan Pemantauan Terhadap Pengurus Dana

- **Tiada Wakil MAVCAP Dalam Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Pengurus Dana**

  Perjanjian Pengurusan antara MAVCAP dan Pengurus Dana telah menetapkan bahawa Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan (IC) di peringkat Pengurus Dana perlu dihadiri oleh wakil MAVCAP sebagai pemerhati dan penasihat semasa mesyuarat diadakan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati hanya satu daripada 9 Pengurus Dana yang mematuhi kehendak perjanjian tersebut iaitu Ethos Capital Sdn. Bhd. **Bagi 8 (88.9%) Pengurus Dana yang lain, tiada bukti menunjukkan bahawa wakil MAVCAP telah menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan berkenaan kerana pihak MAVCAP tidak dimaklumkan tentang mesyuarat yang diadakan.** Semakan Audit selanjutnya mendapati minit Mesyuarat Jawatankuasa berkenaan juga tidak dikemukakan kepada MAVCAP bagi tujuan makluman.

- **Syarat Perjanjian Pengurusan Tidak Dipatuhi Oleh Pengurus Dana**

  Berdasarkan Perjanjian Pengurusan antara MAVCAP dengan Pengurus Dana, antara tanggungjawab Pengurus Dana adalah mengemukakan Laporan Bulanan mengenai pengurusan pelaburan kepada MAVCAP. Semakan Audit mendapati hanya satu Pengurus Dana iaitu Ethos Capital Sdn. Bhd. mengemukakan Laporan Bulanan kepada MAVCAP. Manakala bagi 8 Pengurus Dana yang lain, pihak Audit mendapati **tiada bukti menunjukkan Laporan Bulanan dikemukakan kepada MAVCAP mengikut kekerapan yang ditetapkan**. Keadaan ini menyebabkan Lembaga Pengarah serta Pasukan Pelaburan yang terlibat dalam memantau prestasi Pengurus Dana berkenaan tidak dapat mengenal pasti masalah pelaburan dengan lebih awal untuk tindakan penambahbaikan.

Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah MAVCAP perlu memantau prestasi Pengurus Dana dengan rapi bagi memastikan mereka menguruskan pelaburan dengan teratur selaras dengan perjanjian yang ditetapkan supaya MAVCAP mendapat pulangan daripada pelaburan tersebut. Sehubungan ini, MAVCAP juga perlu memastikan Pengurus Dana memaklumkan tentang mesyuarat pengurusan pelaburan yang diadakannya bagi membolehkan wakil MAVCAP menghadirinya supaya isu-isu yang berbangkit daripada mesyuarat tersebut dapat disusul oleh pengurusan MAVCAP secara konsisten.

37.4.2.4. Latihan Kepada Pengusaha Modal Teroka

Antara misi utama MAVCAP adalah menyediakan latihan kepada pengusaha modal teroka. **Bagaimanapun, semakan Audit mendapati tiada bukti menunjukkan MAVCAP telah menguruskan program latihan kepada pengusaha modal teroka.** Selain itu, didapati MAVCAP tidak menetapkan dasar dan rancangan latihan berkaitan pengurusan modal teroka dari segi mekanisme latihan dan kaedah mengukur pencapaian program latihan yang diadakan.

Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu mengkaji semula keperluan dan kesesuaian latihan modal teroka dan menetapkan dasar yang jelas berhubung dengan perkara ini bagi memastikan misi MAVCAP untuk melatih dan melahirkan pengusaha dan tenaga profesional dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi tercapai. Sehubungan itu, rancangan latihan tahunan juga perlu disediakan yang antara lainnya mengandungi metodologi latihan; bilangan peserta yang disasarkan; bilangan dan jenis kursus serta komposisi tenaga pengajar.

37.4.3. Pematuhan Terhadap Peraturan Pengurusan Dan Kewangan Syarikat

37.4.3.1. Akta Syarikat 1965 dan pekeliling yang dikeluarkan oleh Kementerian Kewangan serta Kod Tadbir Urus Korporat telah memperincikan elemen penting yang perlu dipatuhi untuk memastikan tadbir urus korporat dan kewangan yang baik oleh syarikat. Bagi memastikan wujudnya kawalan dalaman yang mantap terhadap pengurusan dan kewangan syarikat, MAVCAP juga telah menetapkan polisi dan menggariskan beberapa peraturan untuk dipatuhi seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.14
PERATURAN PENGURUSAN DAN KEWANGAN MAVCAP

PERATURAN YANG DITETAPKAN	CATATAN
Employees' Handbook (Mei 2003)	Menyatakan terma am perkhidmatan, kemudahan yang diterima, *Code of Conduct* serta polisi dan garis panduan e-mel dan Internet.
Financial Authority Limit	Menyatakan had kuasa kelulusan bagi prosedur kerja berhubung pengurusan dokumen kontrak, sumber manusia, perakaunan, kawalan dalaman, pentadbiran operasi dan kutipan.

PERATURAN YANG DITETAPKAN	CATATAN
Payment Policy And Procedure	Menggariskan polisi dan prosedur pembayaran untuk perbelanjaan modal, pendapatan, pelaburan serta tuntutan dan pendahuluan kakitangan. Menyatakan tentang cara pembayaran; prosedur berhubung penerimaan; pengesahan dan pemeriksaan dokumen sokongan; proses kemasukan maklumat di dalam sistem FACT dan penyediaan baucar bayaran serta had kuasa kelulusan.

37.4.3.2 Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 11 Tahun 1993 menetapkan bahawa syarikat perlu membayar dividen daripada sebahagian keuntungan yang diperoleh bagi sesuatu tahun kewangan pada kadar sekurang-kurangnya 10% setiap tahun kepada Kerajaan selaku pemegang saham syarikat. Syarikat perlu mengemukakan kepada Kementerian Kewangan sebab-sebab yang munasabah sekiranya ia gagal membayar dividen kepada Kerajaan. Semakan Audit mendapati **MAVCAP tidak membayar dividen bagi keuntungan bersih berjumlah RM4.72 juta yang diperoleh pada tahun 2006.**

37.4.3.3. Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 12 Tahun 1993 menyatakan bahawa setiap syarikat perlu menyediakan rancangan korporat dan menetapkan strateginya bagi menentukan hala tuju syarikat dan merangka strategi pelaksanaannya. Semakan Audit mendapati **MAVCAP telah menyediakan rancangan korporat namun tidak terperinci di mana analisis persekitaran, analisis pasaran dan analisis industri tidak disediakan. Selain itu, rancangan korporat tersebut hanya disediakan untuk tempoh 2 tahun**. Semakan Audit selanjutnya mendapati pernyataan korporat serta senarai dan pengagihan tugas kakitangan yang lengkap dan jelas tidak disediakan.

Pada pandangan Audit, Lembaga Pengarah perlu memastikan rancangan korporat tahunan serta strategi pelaksanaannya disediakan secara terperinci dalam usaha mencapai misi dan visi syarikat serta menjamin kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham syarikat.

37.4.4. Pengurusan Syarikat Subsidiari

37.4.4.1. Sehingga 31 Disember 2007, sebanyak 5 daripada 10 syarikat subsidiari MAVCAP telah mengalami kerugian berjumlah antara RM0.37 juta hingga RM6.92 juta. Manakala prestasi kewangan bagi 4 syarikat subsidiari MAVCAP belum dapat dinilai pada tahun 2005, 2006 dan 2007 kerana baru ditubuhkan serta tidak aktif. Syarikat subsidiari MAVCAP yang lain iaitu Cradle Fund Sdn. Bhd. (CFSB) memperoleh pendapatan berjumlah RM800 pada tahun 2005 yang merupakan faedah daripada simpanan tetap, manakala pada tahun 2006 dan 2007 CFSB tidak memperoleh sebarang keuntungan dan semua perbelanjaan yang berkaitan dengan aktiviti utamanya telah dibiayai sepenuhnya oleh geran Kerajaan. Pada umumnya, **syarikat subsidiari MAVCAP yang terlibat dalam pengurusan pelaburan modal teroka ICT gagal memperoleh sebarang keuntungan kerana risiko yang tinggi dalam pelaburan tersebut.** Ini disebabkan pelaburan modal teroka ICT mensasarkan kepada syarikat yang baru memulakan operasi (seed) dan bidang ICT terdedah

kepada perubahan yang sangat pantas dari semasa ke semasa. Kedudukan prestasi syarikat subsidiari MAVCAP adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.15
PRESTASI SYARIKAT SUBSIDIARI
KEDUDUKAN PADA 31 DISEMBER 2007

SYARIKAT SUBSIDIARI	KEUNTUNGAN/ (KERUGIAN) TERKUMPUL (RM Juta)			STATUS PENCAPAIAN OPERASI SYARIKAT
	2005	2006	2007	
MAVCAP Technology Sdn. Bhd.	(2.82)	(1.84)	(6.92)	Aktif
MAVCAP ICT Sdn. Bhd.	(1.15)	(2.27)	(0.92)	Aktif
MAVCAP Biotech Sdn. Bhd.	(0.57)	(0.62)	(1.55)	Aktif
MAVCAP Photonics Sdn. Bhd.	(3.54)	(0.61)	(2.10)	Aktif
Expedient Equity Ventures Sdn. Bhd.	-	-	(0.37)	Aktif
Musyaraka Tech Venture Sdn. Bhd.	-	-	-	Aktif
DTA Growth Capital Sdn. Bhd.	-	-	-	Aktif
Teak Ventures Sdn. Bhd.	-	-	-	Aktif
Cradle Fund Sdn. Bhd.	0.0008*	-	-	Aktif
MAVCAP Bioinformatics Sdn. Bhd.	-	-	-	*Dormant*

Nota : (*) - Pendapatan daripada faedah simpanan tetap

37.4.4.2. Cradle Fund Sdn. Bhd. (CFSB) diwujudkan pada tahun 2003 bukan untuk tujuan meraih keuntungan tetapi untuk melaksanakan program Cradle Investment Programme (CIP) melalui peruntukan geran berjumlah RM100 juta daripada Kementerian Kewangan. Sehingga 31 Disember 2008, CFSB telah memperoleh sejumlah RM30 juta daripada keseluruhan amaun geran tersebut. CIP merupakan program penyaluran geran kepada usahawan berpotensi yang mempunyai idea inovatif serta idea yang boleh dikomersilkan dalam bidang teknologi sama ada dalam bentuk ICT atau *non-ICT.* Jumlah geran yang akan diperuntukkan bagi setiap usahawan yang layak adalah antara RM0.05 juta hingga RM0.15 juta. MAVCAP yang merupakan syarikat induk bagi CFSB telah dipertanggungjawabkan untuk memantau program tersebut dan menerima bayaran fi sejumlah 3% serta tertakluk kepada syarat Perjanjian Pengurusan dengan CFSB dan melaporkan status terkini pelaksanaan CIP kepada Kementerian Kewangan. Bagaimanapun, semakan Audit mendapati **sejak penubuhan CFSB, tidak ada sebarang Perjanjian Pengurusan telah dibuat. Selain itu, MAVCAP didapati tidak melaporkan status CIP kepada Kementerian Kewangan dari semasa ke semasa sungguhpun geran berjumlah RM30 juta telah diberi kepada CFSB**.

37.4.4.3. Berdasarkan polisi CFSB, setiap permohonan geran untuk pembangunan projek ICT dan bukan-ICT perlu dibuat penilaian terlebih dahulu untuk memastikan ia boleh dikomersilkan di pasaran. Pengeluaran geran akan dibuat secara berperingkat berdasarkan kepada prestasi projek. Daripada 1,323 projek yang diterima setakat 31 Disember 2008, sebanyak 311 (23.5%) telah diluluskan, sebanyak 32 (2.4%) sedang diproses manakala 980 (74.1%) telah ditolak. Manakala daripada 311 projek yang telah diluluskan, sebanyak 228 (73.3%) adalah berkaitan dengan bidang ICT. Projek yang telah siap disimpan

dalam *Ideas Bank* sementara menunggu untuk dikomersilkan atau dijual kepada pihak yang berminat. Setakat 31 Disember 2008, bilangan projek yang disimpan dalam *Ideas Bank* di CFSB adalah sebanyak 122 yang mana 55 (45%) daripadanya telah berjaya dikomersilkan. Butiran berhubung status projek serta jumlah dana yang diluluskan dan yang telah dikeluarkan setakat 31 Disember 2008 adalah seperti di jadual berikut :-

JADUAL 37.16
STATUS IDEA SERTA JUMLAH DANA YANG DILULUSKAN DAN DIKELUARKAN SETAKAT 31 DISEMBER 2008

STATUS	IDEA		JUMLAH DANA DILULUSKAN		JUMLAH DANA YANG TELAH DIKELUARKAN	
	BILANGAN	%	(RM Juta)	%	(RM Juta)	%
Completed	130	41.8	6.32	29.4	5.71	80.2
Works In Progress	99	31.8	11.12	51.9	0.81	11.4
Terminated	82	26.4	4.00	18.7	0.60	8.4
JUMLAH	**311**	**100**	**21.44**	**100**	**7.12**	**100**

37.4.4.4. Disbursement And Mentoring Manual menetapkan antara lainnya setiap pembangunan projek perlu disiapkan dalam tempoh 6 bulan sehingga *prototype* dihasilkan. Selain itu, Perjanjian Geran pula menyatakan antaranya usahawan yang gagal menghasilkan *prototype* perlu menjelaskan balik kesemua bayaran yang telah diterimanya bersama dengan faedah sejumlah 4% setahun atas jumlah bayaran tersebut kepada CFSB. Bagaimanapun, semakan Audit terhadap proses pengurusan CIP mendapati masih ada beberapa kelemahan seperti berikut :-

a. Sebanyak 34 projek lewat disiapkan antara 2 hingga 27 bulan. Bagaimanapun, **tiada bukti menunjukkan pihak CFSB telah mengambil tindakan tegas terhadap pihak yang berkenaan bagi mempercepatkan penyiapan projek berkenaan**. Sebaliknya CFSB hanya memantau perkembangan proses melalui telefon atau email.

b. Bagi 29 usahawan yang gagal menghasilkan *prototype,* pihak Audit mendapati **tiada bukti menunjukkan pihak pengurusan CFSB telah mengambil tindakan tegas untuk mengutip bayaran balik yang perlu dijelaskan kepada CFSB**. Berhubung dengan isu ini, pihak CFSB telah memaklumkan bahawa langkah *recovery* telah dimulakan sejak tahun 2007 kepada usahawan yang bermasalah dan gagal memberi maklumbalas yang memuaskan. Lembaga Pengarah telah meluluskan pelan untuk mengutip bayaran dari projek yang gagal menghasilkan *prototype* dan tindakan susulan hanya dikenakan ke atas penerima geran melebihi RM10,000.

c. Maklumat terkini berhubung kedudukan pembayaran idea CIP kepada usahawan antara Disbursement And Mentoring Unit dan Accounts Unit adalah berbeza. Selain itu, adalah diperhatikan juga **status kemajuan bagi keseluruhan idea CIP tidak dikemas kini secara berterusan**.

Pada pandangan Audit, pengurusan CFSB perlu mengenal pasti cara terbaik untuk memastikan para usahawan mematuhi polisi CFSB dan perjanjian yang dimeterai. Selain itu, Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula atau menentukan status CFSB dan hubungannya dengan MAVCAP serta menentukan mekanisme untuk pemantauan pengurusan aktiviti dan kewangan CFSB.

37.5. RUMUSAN DAN SYOR AUDIT

Misi MAVCAP untuk membantu usahawan yang menceburi bidang ICT untuk memperoleh kekayaan, memastikan pulangan pelaburan yang terbaik kepada MAVCAP dan menyediakan latihan kepada pengusaha modal teroka tidak mungkin dapat dicapai sepenuhnya jika tindakan pembetulan tidak diambil dengan segera terhadap kelemahan pengurusan MAVCAP terutamanya berhubung kegagalannya memantau syarikat pelaburan dan Pengurus Dana. Sehubungan ini, Lembaga Pengarah MAVCAP, pihak pengurusan MAVCAP dan Kementerian Kewangan disyorkan supaya memberi pertimbangan terhadap perkara berikut :-

37.5.1. Bagi memastikan pengurusan pelaburan dilaksanakan dengan cekap, pihak pengurusan MAVCAP perlu memuktamadkan pengemaskinian Investment Operational And Process Manual.

37.5.2. Pihak pengurusan MAVCAP perlu memantau prestasi Pengurus Dana dengan rapi bagi memastikan mereka menguruskan pelaburan dengan teratur selaras dengan perjanjian yang ditetapkan supaya MAVCAP mendapat pulangan yang terbaik dari pelaburan tersebut.

37.5.3. Lembaga Pengarah perlu mengkaji semula keperluan dan kesesuaian latihan modal teroka dan menetapkan dasar yang jelas berhubung dengan perkara ini bagi memastikan misi MAVCAP melatih dan melahirkan usahawan dan tenaga profesional dalam bidang teknologi maklumat dan komunikasi tercapai.

37.5.4. Lembaga Pengarah perlu memastikan rancangan korporat serta strategi pelaksanaannya secara terperinci disediakan dalam usaha mencapai misi dan visi syarikat serta menjamin kepentingan Kerajaan sebagai pemegang saham syarikat.

37.5.5. Kementerian Kewangan perlu mengkaji semula atau menentukan status Cradle Fund Sdn Bhd. (CFSB) dan hubungannya dengan MAVCAP serta menentukan mekanisme bagi pemantauan pengurusan aktiviti dan kewangan CFSB.

38. RUMUSAN TERHADAP PENGURUSAN SYARIKAT KERAJAAN SECARA MENYELURUH

Berdasarkan kepada analisis terhadap prestasi kewangan syarikat secara menyeluruh, didapati sebilangan syarikat telah menunjukkan prestasi yang baik dan mencatat keuntungan secara berterusan. Bagaimanapun, masih ada sebilangan syarikat yang tidak menunjukkan prestasi yang boleh dibanggakan di mana ada yang rugi berterusan setiap tahun ataupun memperoleh keuntungan yang tidak konsisten. Ini mengakibatkan sebilangan besar syarikat tidak dapat memberi pulangan yang dijangkakan oleh Kerajaan. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya Kementerian Kewangan mempertingkatkan pemantauan terhadap pengurusan syarikat-syarikat Kerajaan bagi memastikan matlamat Kerajaan mewujudkan syarikat tersebut dapat dicapai. Sehubungan ini, wakil Kementerian Kewangan dalam semua Lembaga Pengarah syarikat perlu mengemukakan Laporan Prestasi Pengurusan ke Bahagian Menteri Kewangan Diperbadankan untuk dianalisis. Bagi membolehkan wakil Kerajaan menjalankan tugasnya dengan berkesan, keahlian mereka dalam Lembaga Pengarah syarikat dihadkan selaras dengan kehendak Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 3 Tahun 1985. Pemilihan wakil Kerajaan juga perlu berdasarkan kepada pengalaman dan kepakaran mereka berkaitan dengan urusan syarikat.

BAHAGIAN III

TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/JABATAN/SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TERHADAP PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006 DAN 2007 - KEDUDUKAN SETAKAT 1 APRIL 2009

BAHAGIAN III

TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL OLEH KEMENTERIAN/JABATAN/ SYARIKAT KERAJAAN PERSEKUTUAN TERHADAP PERKARA YANG DIBANGKITKAN DALAM LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006 DAN 2007 - KEDUDUKAN SETAKAT 1 APRIL 2009

39. PENDAHULUAN

Bagi membantu Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan memperbetulkan kelemahan-kelemahan yang telah dibangkitkan dalam Laporan Ketua Audit Negara bagi tahun 2006 dan 2007, sejumlah 574 syor telah dikemukakan oleh Jabatan Audit Negara untuk tujuan tersebut. Pemeriksaan susulan yang telah dijalankan mendapati setakat 1 April 2009, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan telah mengambil tindakan susulan terhadap 201 (93.9%) daripada 214 syor bagi tahun 2006 dan 338 (93.9%) daripada 360 syor bagi tahun 2007. **Pada umumnya, Jabatan Audit Negara berpuashati dengan tindakan yang telah diambil oleh pihak-pihak yang berkenaan itu**. Bagi 35 syor yang lain pula, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang berkenaan sedang/belum mengambil tindakan susulan. Butirannya adalah seperti di **perenggan 40 dan 41**. Sehubungan ini, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan yang terlibat adalah digesa untuk mengambil tindakan segera/susulan bagi memperbetulkan kelemahan yang dibangkitkan dengan melaksanakan syor-syor yang telah diberi oleh pihak Audit.

40. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2006

40.1. KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI

40.1.1. Pengurusan Skim Baja Padi Kerajaan Persekutuan

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Pengiraan denda lewat membekalkan baja perlu dibuat berdasarkan syarat kontrak dan bukan Manual Pelaksanaan Skim. Kementerian perlu mengambil tindakan bagi mendapatkan jumlah denda yang sepatutnya daripada Pertubuhan Peladang Kebangsaan (NAFAS) dengan segera.	Baki tunggakan bayaran denda lewat yang belum dijelaskan ialah sebanyak RM4.10 juta.
2.	Jumlah penalti RM279,290 bagi tempoh tahun 2004 hingga 2006 yang belum dijelaskan oleh NAFAS hendaklah diperoleh daripada bayaran pembekalan baja.	Baki penalti yang belum dijelaskan ialah sebanyak RM2,060.

40.1.2. Pengurusan Skim Subsidi Harga Padi

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Pada tahun 2006, Padiberas Nasional Bhd. (BERNAS) telah memohon daripada Kementerian untuk melupuskan bayaran subsidi harga padi yang tidak dituntut oleh 1,279 pesawah berjumlah RM887,172. Bagi mengatasi masalah ini, BERNAS patut memperbaiki sistem susulannya untuk mengesan pesawah yang masih belum menuntut bayaran subsidi harga padi mereka. BERNAS sepatutnya menyelesaikan kes-kes tersebut semasa urusan penyemakan pendaftaran pesawah yang dilakukan pada setiap awal musim. Kementerian pula hendaklah memastikan usaha ini telah diambil oleh BERNAS sebelum meluluskan permohonan.	BERNAS telah memohon untuk melupuskan bayaran subsidi yang tidak dituntut oleh 626 pesawah berjumlah RM373,537 pada 9 Ogos 2007.

40.2. KEMENTERIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI (Telah Dibubarkan)

40.2.1. Pengurusan Tabung Modal Pusingan (Kini Di Bawah Tanggungjawab Suruhanjaya Koperasi Malaysia, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan)

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Enam pinjaman bernilai RM389,855 tidak digunakan bagi tujuan asal ia dipohon tetapi tiada tindakan susulan diambil mengikut peraturan Prosedur Susulan Penggunaan Wang.	Dua pinjaman berjumlah RM60,000 telah diselesaikan. Manakala 2 daripada 4 koperasi tidak lagi menjalankan apa-apa aktiviti dan baki 2 koperasi pula tidak menjelaskan pinjaman. Pasukan petugas khas akan mengadakan lawatan susulan ke koperasi-koperasi berkenaan.

40.3. KEMENTERIAN TENAGA, AIR DAN KOMUNIKASI (Kini Dikenali Sebagai Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau Dan Air)

40.3.1. Program Pemberian Perkhidmatan Sejagat

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Kelewatan mengeluarkan Sijil Penyiapan Projek *Universal Services Provision* Fasa 4 adalah antaranya disebabkan faktor alam, ketiadaan petugas, masalah kebenaran memulakan kerja dan pengubahsuaian bangunan.	Kementerian sedang dalam proses mengeluarkan Sijil Penyiapan Projek untuk projek ini.

40.4. KEMENTERIAN WILAYAH PERSEKUTUAN

40.4.1. Penswastaan Pengurusan Sisa Pepejal, Dewan Bandaraya Kuala Lumpur

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Pihak DBKL tidak dapat menuntut baki nilai aset yang telah diambil oleh Alam Flora Sdn. Bhd. (Alam Flora) yang berjumlah RM11.79 juta kerana syarat Perjanjian Pengurusan yang telah ditandatanganinya hanya menghendaki syarikat itu menjelaskan bayaran terhadap nilai aset berkenaan setelah Perjanjian Konsesi pengurusan sisa pepejal seluruh negara ditandatangani oleh Kerajaan.	DBKL telah mengemukakan surat tuntutan kepada Alam Flora pada Mac 2008 dan pada April 2008. Alam Flora memaklumkan bahawa pembayaran akan diselesaikan selepas Perjanjian Konsesi dimeterai. Bagaimanapun, Perjanjian Konsesi masih belum dimeterai.
2.	DBKL perlu menukar hak milik kenderaan yang telah diserahkan kepada Alam Flora bagi mengelakkan DBKL dari menanggung liabiliti sekiranya berlaku sebarang kemalangan dan kecurian kenderaan.	DBKL sedang berusaha untuk menukar hak milik kenderaan yang telah diserahkan kepada Alam Flora.

40.5. KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

40.5.1. Program Perluasan Pendidikan Prasekolah

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Sebanyak 12 baucar bayaran berkaitan kerja pengubahsuaian/bina bilik darjah bagi Kedah dan Selangor tidak dapat dikemukakan kerana dokumen berkenaan tidak dapat dikesan.	Masih terdapat 2 baucar bayaran yang belum diserahkan untuk pengauditan.

40.6. KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

40.6.1. Pengurusan Aktiviti Kolej Komuniti

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Beberapa kemudahan/peralatan yang disediakan/ dibekalkan di Kolej Komuniti Arau didapati tidak digunakan kerana tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan seperti pembinaan bilik jahitan yang sempit dan tidak mengikut keluasan yang ditetapkan, hanya 7 *electrical installation bay* yang telah dibina sungguhpun mengikut spesifikasi sepatutnya adalah 10 unit dan kewujudan tiang dan bilangan pintu yang banyak telah menyebabkan ruang yang sepatutnya boleh menempatkan 19 kakitangan hanya boleh menampung 7 kakitangan sahaja. Kementerian perlu mengambil tindakan menyelesaikan masalah ini dengan segera.	Kementerian masih belum mengambil tindakan terhadap pembekalan kemudahan/peralatan yang tidak mengikut spesifikasi.

40.7. KEMENTERIAN PERTAHANAN

40.7.1. Pengurusan Pakaian Kombat Dan Peralatan Tempur Individu Tentera Darat

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Denda lewat berjumlah RM570,549 tidak dapat dikenakan kepada pembekal kerana pihak 91 Depot Pusat Ordnans (DPO) tidak menghantar Laporan Prestasi pembekalan kepada Bahagian Perolehan dan Bahagian Kewangan untuk tindakan.	Pada November 2007, Kementerian telah mengeluarkan dan menyeragamkan Laporan Denda Lewat supaya tindakan serta-merta boleh diambil ke atas pembekal yang terlibat. Bagaimanapun, denda lewat masih belum dikutip.

40.7.2. Perolehan Kapal Peronda Tentera Laut DiRaja Malaysia

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Tentera Laut Diraja Malaysia perlu membuat keputusan dengan kadar segera bagi menempatkan *Enhanced COMINT* di darat supaya peralatan yang dibekalkan tidak rosak dan sekiranya terdapat kerosakan, ia dapat dibaiki dalam tempoh jaminan. Kelewatan penempatan peralatan tersebut di darat menyebabkan ia tidak dapat digunakan secara optimum.	Buat masa ini, *Enhanced COMINT* berada di KD Kedah. Peralatan untuk dipasang di darat masih disimpan di stor kerana masalah tempat yang tidak sesuai.

40.8. SYARIKAT KERAJAAN

40.8.1. Pengurusan Indah Water Konsortium Sdn. Bhd.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Kerajaan patut menandatangani perjanjian konsesi yang baru bagi memasukkan fungsi dan tanggungjawab Indah Water Konsortium Sdn. Bhd. (IWK) dalam menguruskan projek pembinaan loji termasuk pemilihan kontraktor; rundingan harga munasabah; pembinaan mengikut spesifikasi dan projek disiapkan mengikut tempoh yang ditetapkan. Kadar bayaran pengurusan yang boleh dituntut serta tindakan yang boleh diambil sekiranya IWK gagal melaksanakan tanggungjawabnya perlu juga dimasukkan.	Juruperunding KPMG sedang melaksanakan Kajian Halatuju Industri Perkhidmatan Pembetungan Negara di mana antara lain bertujuan menyatukan perkhidmatan pembetungan dengan perkhidmatan bekalan air di negara ini. Sehubungan ini, perundingan perjanjian akan diadakan apabila kajian tersebut siap dilaksanakan.
2.	Liabiliti sehingga 31 Disember 2006 yang dianggarkan sebanyak RM528.97 juta yang diambil alih daripada pihak berkuasa tempatan berdasarkan syarat perjanjian penswastaan tidak dapat ditentukan kerana rekod mengenainya tidak diselenggarakan dengan lengkap.	IWK telah memohon untuk menghapus kira liabiliti tersebut dan permohonan sedang diteliti oleh Kementerian Kewangan.

41. LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA TAHUN 2007

41.1. JABATAN PERDANA MENTERI

41.1.1. Pengurusan Pensijilan Halal, Jabatan Kemajuan Islam Malaysia

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) perlu memastikan pegawainya yang terlibat dalam aktiviti pensijilan halal diwartakan dan mempunyai kad kuasa seperti mana yang dikehendaki di bawah Akta Perihal Dagangan 1972. JAKIM juga perlu meminta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri Dan Hal Ehwal Pengguna supaya mempertimbangkan penurunan kuasa yang terhad bagi pegawainya untuk menjalankan aktiviti pensijilan halal dan penguatkuasaan dengan berkesan.	Kerajaan pada 2 April 2008 telah mengambil keputusan untuk menyerahkan urusan pensijilan Halal Malaysia kepada Halal Industry Development Corporation (HDC). HDC sedang menyediakan Akta Tubuhnya bagi tujuan ini. Sebaik sahaja Akta ini diluluskan, HDC akan memohon supaya Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan menurunkan kuasa kepada pegawai HDC bagi menjalankan aktiviti pensijilan halal dan penguatkuasaan. Permohonan ini dijangka akan dimajukan pada suku terakhir tahun 2009.
2.	JAKIM perlu memantau pengurusan Sistem Pesanan Ringkas (SMS) terutamanya dari aspek ketepatan data yang dikemukakan oleh DAPAT VISTA Sdn. Bhd.. Selain itu, JAKIM juga perlu mendapatkan laporan bulanan trafik SMS dan menyemaknya dengan data dalam sistem e-Halal untuk memastikan ketepatan data dan juga bagi menilai prestasi perkhidmatan syarikat. Selain daripada maklumat berhubung dengan status halal produk, premis dan rumah sembelihan yang mendapat Sijil Halal JAKIM, sistem e-Halal juga patut diperluaskan untuk memasukkan maklumat berhubung dengan status halal produk yang mendapat Sijil Halal daripada Jabatan Agama Islam Negeri.	Sistem e-Halal sedang dikemas kini untuk dinaik taraf dengan mengambil kira integrasi maklumat dari peringkat negeri.

41.2. KEMENTERIAN KEWANGAN

41.2.1. Projek Pembinaan Empangan Hidroelektrik Bakun, Sarawak

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Sarawak Hidro Sdn. Bhd. (SHSB) telah diberi kelulusan oleh Kementerian Kewangan pada bulan November 2000 untuk melantik KLIA Consultancy Services Sdn. Bhd. (KLIACS) sebagai perunding sokongan bagi mengendalikan Projek Bakun. Kementerian Kewangan telah menetapkan pelantikan KLIACS adalah tertakluk kepada kelulusan bayaran kos perkhidmatan perunding mengikut kaedah input masa (*man-month*). KLIACS telah memberikan perkhidmatan perunding bagi tempoh bulan Jun 2000 hingga Oktober 2001 walaupun tidak menerima Surat	Mesyuarat telah diadakan pada 26 Ogos 2008 memutuskan pihak KLIACS perlu mengemukakan dokumen sokongan untuk dikaji semula sebelum pihak SHSB membuat keputusan berkaitan bayaran perkhidmatan perunding.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
	Niat daripada SHSB. KLIACS telah membuat tuntutan bayaran ikhtisas berjumlah RM11.99 juta kepada SHSB bagi kerja yang dilaksanakannya. Bagaimanapun, asas tuntutan yang berdasarkan skala yuran perunding ini tidak dipersetujui oleh SHSB. Ini adalah kerana jumlah tuntutan tersebut berbeza dengan pengiraan dan penilaian SHSB yang hanya berjumlah RM2.45 juta (tidak termasuk GST 5%). SHSB telah merujuk perkara ini kepada Kementerian Kewangan untuk mendapat penyelesaian pada bulan Oktober 2003. Sehubungan itu, Kementerian Kewangan pada bulan April 2004 hanya bersetuju meluluskan bayaran berjumlah RM1.75 juta (tidak termasuk GST 5%) kepada KLIACS. KLIACS sekali lagi tidak bersetuju dengan jumlah yang diluluskan oleh Kementerian Kewangan dan enggan menandatangani sebarang perjanjian. Sungguhpun perjanjian belum ditandatangani, SHSB telah membuat bayaran sebanyak dua kali kepada KLIACS berjumlah RM1.84 juta (termasuk GST 5%).	Perjanjian masih belum ditandatangani kerana pihak KLIACS enggan menyetujui jumlah bayaran.
2.	SHSB telah mengeluarkan 16 Arahan Perubahan Kerja (APK) kepada Malaysia China Hydro Joint Venture (MCHJV) setakat bulan Ogos 2007. Bagaimanapun sehingga akhir tahun 2007, hanya satu APK berjumlah RM2.51 juta telah dipersetujui oleh kedua-dua pihak dan telah pun dibayar. Bagi APK yang lain, harga belum dimuktamadkan kerana anggaran SHSB berjumlah RM53.49 juta adalah berbeza dengan anggaran MCHJV yang berjumlah RM85.91 juta. SHSB perlu memuktamadkan harga bagi APK yang telah dikeluarkan dengan secepat mungkin bagi mengawal kos projek agar tidak berterusan meningkat.	Sebanyak 12 APK telah dimuktamadkan seperti berikut :- i. 3 APK *Omission* bernilai RM3.22 juta. ii. 9 APK *Addition* bernilai RM11.47 juta. Manakala 4 APK masih dalam rundingan.

41.3. KEMENTERIAN SUMBER ASLI DAN ALAM SEKITAR

41.3.1. Pelaksanaan Projek Pengurusan Banjir Dan Terowong (SMART), Jabatan Pengairan Dan Saliran

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Denda Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) yang boleh dikenakan terhadap kontraktor bagi tempoh 1 Julai 2007 hingga 31 Januari 2008 adalah berjumlah RM49.47 juta. Kontraktor berkenaan masih belum menjelaskan denda ini.	Jumlah LAD yang dikenakan adalah bergantung kepada tarikh *Certificate Of Practical Completion* (CPC). Memandangkan isu CPC belum diselesaikan, jumlah muktamad LAD tidak dapat ditentukan.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
2.	Disebabkan paras air Sungai Kerayong sentiasa melebihi aras *storage pond*, Jabatan Pengairan Dan Saliran terpaksa menggunakan pam sementara untuk mengeluarkan air daripada *storage pond* Taman Desa ke Sungai Kerayong. Kerajaan perlu memastikan kontraktor Kumpulan Sakata Sdn. Bhd. menyiapkan kerja menaik taraf Sungai Kerayong bagi mengelakkan penggunaan pam yang akan menyebabkan Kerajaan menanggung kos bekalan minyak diesel sekiranya SMART menuntut jumlah yang telah dibiayainya.	Kemajuan kerja menaik taraf Sungai Kerayong adalah 65% dan dijangka selesai pada bulan Mac 2010.

41.4. KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA

41.4.1. Pengurusan Peralatan Bagi Program Pengajaran Dan Pembelajaran Sains Dan Matematik Dalam Bahasa Inggeris

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Kontraktor perlu dikenakan denda Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) mengikut syarat yang ditetapkan dalam Surat Setuju Terima bagi kerja penyenggaraan pemulihan peralatan yang lewat dijalankan.	Kementerian sedang mengenal pasti sekolah yang terlibat dan sekiranya didapati syarikat telah lewat melaksanakan kerja pemulihan, Kementeriaan akan menolak denda LAD tersebut daripada jaminan Bon Pelaksanaan.

41.5. KEMENTERIAN KESIHATAN

41.5.1. Perolehan Positron Emission Tomography Computed Temography Scan (PET CT Scan) Dan Cyclotron

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Mengikut syarat kontrak perolehan *FluroDeoxiglucose* (FDG), kontraktor tidak dibenarkan memajakkan kesemua atau mana-mana bahagian atau membuat kontrak kecil bagi tujuan melaksanakan kontrak ini tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan. Bagaimanapun, kontraktor telah menyerahkan urusan perolehan FDG kepada General Electric International Inc. dan seterusnya telah melantik Trans-Asia Corporation Bhd. sebagai ejen penghantaran FDG dari Lapangan Terbang Bayan Lepas ke Hospital Pulau Pinang tanpa mendapat persetujuan bertulis daripada Kerajaan. Selain, itu, ejen penghantaran yang dilantik tidak mempunyai lesen Kelas D daripada Lembaga Perlesenan Tenaga Atom. Pelantikan syarikat tersebut adalah bertentangan dengan peruntukan Seksyen 40 Akta Pelesenan Tenaga Atom (Akta 304).	Kementerian telah merujuk kes ini kepada Penasihat Undang-undang (PUU) pada 27 November 2008 dan akan mengambil tindakan setelah mendapat maklum balas daripada PUU.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
2.	Mengikut Peraturan-peraturan Kawalan Dadah Dan Kosmetik 1984, Ketua Pengarah Kesihatan mempunyai kuasa untuk meluluskan pembekalan FDG yang belum berdaftar sebagai Ubat Berdaftar dari Hospital Putrajaya ke Hospital Pulau Pinang. Perolehan FDG daripada Hospital Singapura patut diberhentikan apabila Jabatan Perubatan Nuklear di Hospital Putrajaya telah mengeluarkan FDG pada bulan November 2006. Bagaimanapun, permohonan daripada Hospital Pulau Pinang kepada Ketua Pengarah Kesihatan untuk mendapatkan bekalan FDG hanya dikemukakan pada 20 September 2007 dan kelulusan diberi pada 26 Oktober 2007. Namun demikian, tindakan untuk mendapatkan FDG daripada Hospital Putrajaya tidak diuruskan oleh Hospital Pulau Pinang sebaik sahaja kelulusan tersebut diberi dan pembelian FDG dari Hospital Singapura masih diteruskan sehingga bulan Disember 2007. Bagi tempoh bulan November 2006 hingga Disember 2007, sejumlah 114 penghantaran FDG melibatkan kos berjumlah RM2.25 juta telah dibuat. Pada pandangan Audit, siasatan perlu dibuat terhadap pegawai yang cuai dalam membuat perolehan sehingga Kerajaan terus mengimport FDG daripada Hospital Singapura sedangkan Hospital Putrajaya mampu membekalkan FDG ke Hospital Pulau Pinang.	Pembekalan FDG daripada Hospital Putrajaya ke Hospital Pulau Pinang hanya mula dibuat pada bulan Disember 2008. Bagaimanapun, siasatan terhadap pegawai yang terlibat dalam membuat pembelian FDG daripada Hospital Singapura setelah Hospital Putrajaya mengeluarkan FDG pada bulan November 2006 masih belum dibuat.

41.6. KEMENTERIAN PENGAJIAN TINGGI

41.6.1. Pengurusan Peralatan Kursus Di Politeknik

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Sebanyak 9 peralatan yang dibekalkan di Jabatan Kejuruteraan Mekanikal, Politeknik Mukah, Sarawak tidak mengikut spesifikasi yang ditetapkan.	Daripada 9 item yang disenaraikan, 6 telah diluluskan pertukaran spesifikasi dan 1 item telah dibekalkan sepenuhnya. Manakala 2 item tidak diluluskan pertukaran kerana tidak mencapai tahap minima yang ditetapkan oleh Kementerian. Satu mesyuarat akan diadakan bagi mengenal pasti kesemua peralatan yang tidak mengikut spesifikasi untuk tindakan selanjutnya.
2.	Beberapa set peralatan yang dibekalkan kepada Politeknik Mukah, Sarawak tidak dibuat dengan lengkap dan tiada tindakan seperti mengenakan denda atau merampas Bon Pelaksanaan diambil terhadap kontraktor yang berkenaan.	Satu mesyuarat akan diadakan bagi mengenal pasti kesemua peralatan yang belum/gagal dibekalkan oleh syarikat untuk tindakan selanjutnya.

41.7. KEMENTERIAN PERTAHANAN

41.7.1. Pembinaan Pangkalan Tentera Laut DiRaja Malaysia Markas Wilayah Laut 2, Teluk Sapangar, Sabah

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Denda Ganti Rugi Tertentu Dan Ditetapkan (LAD) berjumlah RM5.20 juta telah dikenakan kepada Ekran Berhad kerana kelewatan menyiapkan projek. Daripada jumlah tersebut sejumlah RM1.42 juta masih belum dijelaskan.	Baki denda LAD RM1.42 juta akan dipotong semasa penyediaan akaun muktamad pada Mac 2010.

41.8. KEMENTERIAN HAL EHWAL DALAM NEGERI (Kini Dikenali Sebagai Kementerian Dalam Negeri)

41.8.1. Pengurusan Kenderaan, Ikatan Relawan Rakyat Malaysia

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Sebanyak 62 daripada 102 kenderaan tidak dihantar untuk diservis mengikut jumlah jarak yang disyorkan oleh pembuat kenderaan. Sebanyak 100 daripada 102 kenderaan yang diaudit tidak dihantar untuk pemeriksaan tahunan. Kenderaan perlu diservis mengikut ketetapan yang ditentukan dan diperiksa setiap tahun.	Masih terdapat 33 kenderaan yang tidak diservis mengikut jumlah jarak yang disyorkan oleh pembuat kenderaan. Di samping itu, masih terdapat 24 kenderaan yang belum dihantar untuk pemeriksaan tahunan.

41.9. KEMENTERIAN KESELAMATAN DALAM NEGERI (Kini Dikenali Sebagai Kementerian Dalam Negeri)

41.9.1. Pengurusan Tanah Yang Tidak Dibangunkan, Polis Diraja Malaysia

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Sebanyak 372 daripada 437 lot tanah belum dibangunkan dan tidak mempunyai perancangan/tindakan untuk membangunkannya.	Tiada maklum balas diterima daripada auditi.
2.	Mengikut perjanjian, penyewa dikehendaki memagar keseluruhan tapak yang disewa, namun terdapat 12 lot tanah yang tidak dipagar seluruhnya atau sebahagiannya oleh penyewa.	Jabatan Ketua Pengarah Tanah Dan Galian akan mengadakan perbincangan bersama Penasihat Undang-undang bagi melihat kewajaran klausa dalam perjanjian yang mengehendaki penyewa memagar tanah yang disewa.
3.	Tiada koordinasi antara Unit Hasil PDRM dan pihak yang menyelenggara maklumat sewa serta daftar sewa yang tidak diselenggara dengan baik menyebabkan masalah kelewatan bayaran dan tunggakan sewa tidak dapat diselesaikan dengan berkesan dan penguatkuasaan tidak dapat dibuat ke atas penyewa.	PDRM sedang membangunkan sistem e-tanah untuk memasukkan data tanah.

41.10. SYARIKAT KERAJAAN

41.10.1. Pengurusan Kedah Aquaculture Sdn. Bhd.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Mengikut perjanjian antara pemegang saham, pelantikan wakil Menteri Kewangan Diperbadankan dan Menteri Besar Kedah Diperbadankan dalam Lembaga Pengarah Kedah Aquaculture Sdn. Bhd. (KASB) adalah mengikut nisbah 3 : 2. Sejak tahun 2002, kedua-dua pemegang saham tersebut hanya melantik seorang wakil dalam Lembaga Pengarah. Pada bulan Disember 2006, Lembaga Pengarah telah bersetuju untuk melantik wakil tambahan dari kedua-dua pemegang saham tersebut ke dalam syarikat bagi membolehkan wakil yang dilantik mempengerusikan Jawatankuasa Audit Dan Pemeriksaan serta Jawatankuasa Pembangunan Korporat yang akan ditubuhkan. Bagaimanapun sehingga pengauditan dilaksanakan pada bulan Julai 2007, tiada tambahan wakil pemegang saham dibuat dan bilangan Ahli Lembaga Pengarah masih kekal 3 orang.	Perjanjian pengurusan di antara KASB dengan Blue Archipelago Bhd. telah dimeterai pada 19 November 2008. Pengambilalihan pengurusan ini masih baru dan memerlukan masa untuk melakukan perubahan dari segi pemegang saham dan bilangan Ahli Lembaga Pengarah syarikat.
2.	Bagi tempoh tahun 2005 hingga 2007, KASB gagal melunaskan bayaran ansuran pinjaman daripada Kerajaan Persekutuan seperti yang dijadualkan. Sehingga akhir tahun 2007, baki pinjaman yang belum dibayar balik termasuk faedah adalah berjumlah RM65 juta.	Pendapatan KASB adalah bergantung pada prestasi pihak Blue Archipelago Bhd. yang menguruskan penjualan udang. Bayaran ansuran pinjaman Kerajaan Persekutuan akan dapat dilunaskan setelah KASB mendapat keuntungan sebanyak 25% daripada hasil jualan udang seperti yang telah dimeterai di dalam perjanjian antara Blue Archipelago Bhd. dengan KASB. Perkongsian keuntungan ini dijangka akan diperoleh pada pertengahan tahun 2009.

41.10.2. Pengurusan Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB)

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Tanah untuk projek Rumah Mampu Milik di Vista Pinggiran Inanam, Kota Kinabalu, Sabah telah dikaveat oleh Pejabat Tanah Dan Ukur atas arahan pemilik tanah asal kerana penukaran hak milik tanah tidak dipersetujui oleh pemilik tanah tersebut. SPNB telah membayar kos tanah berjumlah RM5.19 juta dan membelanjakan sejumlah RM11.39 juta untuk projek ini. Bagaimanapun, didapati hak milik tanah belum dipindah milik kepada SPNB. Pada	Pemilik tanah iaitu SSB telah bersetuju untuk menukar hak milik tanah. Oleh itu, pihak SPNB masih menunggu kelulusan bagi pindah hak milik berkenaan. Projek akan diterus selepas pertukaran hak milik selesai.

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
	13 Februari 2007, SPNB telah mengeluarkan arahan secara rasmi kepada Supernesa Sdn. Bhd. (SSB) untuk menangguhkan pelaksanaan projek sehingga isu berhubung dengan jalan masuk ke tapak projek dan penukaran hak milik tanah dapat diselesaikan.	

41.10.3. Pengurusan Multimodal Freight Sdn. Bhd. (MMF) [Syarikat Subsidiari Keretapi Tanah Melayu Berhad (KTMB)]

BIL.	PERKARA YANG DIBANGKITKAN DAN SYOR AUDIT	TINDAKAN SUSULAN YANG SEDANG/BELUM DIAMBIL
1.	Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 1 Tahun 1985 menetapkan bahawa sebarang pelantikan Ketua Eksekutif dalam syarikat Kerajaan serta subsidiarinya perlu mendapat kelulusan Menteri Kewangan terlebih dahulu. Syarat perkhidmatan bagi jawatan tersebut hendaklah dikemukakan untuk kelulusan Menteri Kewangan. Tiada bukti pelantikan serta syarat perkhidmatan jawatan tersebut telah mendapat kelulusan Menteri Kewangan.	Pelantikan Ketua Eksekutif belum mendapat kelulusan daripada Menteri Kewangan.
2.	Seramai 11 pelanggan telah diberi kemudahan kredit melebihi had kredit yang diluluskan antara RM5,000 hingga RM250,000.	Pihak MMF sedang menyelaras semua kemudahan kredit pelanggan di setiap cawangan. Ia dijangka akan selesai pada Jun 2009.
3.	MMF tidak pernah membayar sebarang dividen kepada KTMB walaupun MMF pernah mencatat keuntungan operasinya. Tiada bukti yang menunjukkan bahawa kelulusan pengecualian bayaran dividen ini diperoleh daripada Kementerian Kewangan.	Pihak MMF sedang berbincang dengan Unit Perundangan dan Sekretariat KTMB mengenai jumlah dividen yang perlu dibayar oleh MMF.

PENUTUP

PENUTUP

Pada umumnya, Kementerian/Jabatan/Syarikat Kerajaan mempunyai perancangan yang memadai untuk melaksanakan projek/aktivitinya. Bagaimanapun dari segi pelaksanaannya masih ada beberapa kelemahan yang perlu ditangani segera bagi memastikan sesuatu projek/aktiviti dilaksanakan dengan cekap dan mencapai objektif yang ditetapkan. Sehubungan ini, diberikan beberapa cadangan bagi mengelakkan kelemahan-kelemahan ini daripada berterusan berlaku :-

a. Memandangkan pengauditan yang dijalankan oleh Jabatan Audit Negara adalah berdasarkan kepada pensampelan dan skop tertentu, Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif perlu mengaturkan supaya pemeriksaan secara menyeluruh dijalankan untuk menentukan sama ada aktiviti lain juga mempunyai kelemahan yang sama dan seterusnya mengambil tindakan pembetulan. Sehubungan ini, Unit Audit Dalam selain daripada menjalankan penilaian terhadap sistem kawalan dalaman, patut juga diminta menjalankan penilaian terhadap pengurusan aktiviti organisasi untuk menentukan sejauh mana aktivitinya dilaksanakan dengan cekap, berhemat dan mencapai objektif yang telah ditetapkan. Bagi tujuan ini, Ketua Jabatan/Ketua Eksekutif perlu menentukan bilangan jawatan di Unit Audit Dalam mencukupi dan mempunyai kepakaran yang diperlukan.

b. Berdasarkan pengauditan yang dijalankan, didapati beberapa kelemahan dalam pelaksanaan projek/aktiviti yang berpunca daripada kurang pemantauan/ penyeliaan oleh pihak yang dipertanggungjawabkan, kurang kepakaran teknikal dan bergantung sepenuhnya kepada perunding/kontraktor, ketiadaan penyelarasan antara agensi yang terlibat serta masalah dalaman yang dihadapi oleh kontraktor. Kelemahan ini menyebabkan projek/aktiviti tidak dapat disiapkan dalam tempoh yang ditetapkan, kualiti kerja tidak memuaskan, kos projek/aktiviti meningkat, Kerajaan tidak mendapat *value for money* bagi perbelanjaan yang telah dibuat dan objektif pelaksanaan projek/aktiviti juga tidak dapat dicapai sepenuhnya. Sehubungan ini, adalah disyorkan supaya :-

    i. *Independent Review Panel* ditubuhkan untuk mengkaji cadangan syarikat bagi perolehan bernilai melebihi RM100 juta. Peranan panel ini adalah untuk memberi nasihat/*second opinion* kepada Kerajaan mengenai *design, costing* dan bahan yang digunakan sebelum melaksanakan sesuatu projek yang kompleks dan melibatkan kos yang tinggi. *Independent Review Panel* ini bukan sahaja boleh mengurangkan masa yang diambil oleh jabatan/agensi dalam membuat penilaian malah akan membolehkan Kerajaan mendapat *value for money.* Bagi tujuan ini, Kementerian Kewangan, Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri (UPE, JPM) dan Jabatan Kerja Raya

patut dipertanggungjawabkan secara bersama untuk mengenal pasti projek yang memerlukan *Independent Review* manakala UPE, JPM pula bertanggungjawab mengenal pasti keahlian panel dan seterusnya menguruskan pelantikannya.

ii. Analisis harga pasaran perlu dibuat bagi memastikan Kerajaan mendapat harga yang berpatutan bagi sesuatu perolehan seperti mana yang dinyatakan dalam Surat Pekeliling Perbendaharaan Bilangan 5 Tahun 2007, Arahan Perbendaharaan 169.1 dan Surat Arahan Perbendaharaan bertarikh 24 April 2008. Di samping itu, perbandingan harga dengan perolehan barangan yang sama spesifikasinya oleh Jabatan lain juga patut dibuat untuk mendapatkan anggaran harga.

iii. Pelaksanaan projek Kerajaan secara *design and build* dikaji semula memandangkan pelaksanaan projek seumpama ini melibatkan kos yang lebih tinggi berbanding dengan projek secara konvensional. Sehubungan ini, adalah dicadangkan supaya hanya projek yang kompleks dan memerlukan kepakaran tertentu sahaja dibenar menggunakan kaedah *design and build*. Kementerian Kewangan dikehendaki mengeluarkan garis panduan pelaksanaan projek secara *design and build.* Selain itu, bagi menjamin kepentingan Kerajaan, perunding bagi projek secara *design and build* perlu dilantik oleh Kerajaan.

iv. Kajian terperinci dijalankan terlebih dahulu terhadap sesuatu projek Kerajaan sebelum ia diluluskan untuk pelaksanaan. Bagi tujuan ini, selaras dengan Arahan Perbendaharaan 182.1, agensi perlu mengemukakan maklumat lengkap seperti kedudukan status tapak projek, ringkasan projek, siling projek, peruntukan tahunan dan jadual pelaksanaan projek kepada jabatan teknik. Langkah ini adalah perlu untuk memastikan projek dilaksanakan mengikut jadual dan Kerajaan mendapat *value for money.*

v. *Feasibility studies* (kajian kemungkinan) yang meliputi analisis teknikal, analisis kewangan, ekonomi, sosial dan kesan kepada alam sekitar perlu dilaksanakan sebelum projek yang melibatkan kos melebihi RM100 juta diluluskan untuk pelaksanaan.

vi. *Integrated planning* antara agensi terlibat perlu dilakukan di peringkat awal pelaksanaan projek terutama bagi projek yang besar. Contohnya Tenaga Nasional Berhad, Jabatan Bekalan Air, Jabatan Perancang Bandar, Jabatan Bomba Dan Penyelamat serta Pihak Berkuasa Tempatan perlu dibawa berunding sebelum sesuatu projek dilaksanakan supaya semua kemudahan asas dapat disediakan dan kelancaran projek tidak terjejas.

vii. Kementerian/Jabatan hendaklah mematuhi Garis Panduan dan Peraturan Bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan oleh Jawatankuasa Kecil Piawaian Dan Kos bagi rujukan Jawatankuasa Perancang Pembangunan Negara semasa merancang sesuatu perolehan kerja bagi memastikan

bangunan yang akan dibina mematuhi standard dan kos yang telah ditetapkan.

viii. Bagi membendung masalah projek/aktiviti Kerajaan gagal dilaksanakan akibat daripada ketidakupayaan kontraktor sama ada dari segi kewangan atau kepakaran, adalah disyorkan supaya syarikat yang ingin menyertai sesuatu perolehan Kerajaan diminta mengemukakan maklumat mengenai modal berbayar dan kedudukan kewangannya untuk tempoh 3 tahun serta senarai kontrak Kerajaan dan swasta yang sedang dan akan dilaksanakannya. Syarikat juga diminta untuk memaklumkan pengalamannya dalam bidang yang ingin ditawarkannya. Semua maklumat yang dikemukakan ini hendaklah disokong dengan perakuan bersumpah oleh syarikat berkenaan. Maklumat ini perlu dipertimbangkan semasa membuat pemilihan kontraktor.

ix. Berhubung dengan masalah peralatan yang diperoleh tidak digunakan sama ada kerana bangunan belum disiapkan/peralatan tidak sesuai/peralatan dibeli berlebihan/tidak diperlukan, adalah disyorkan perkara berikut :-

- Pandangan pengguna hendaklah diambil kira semasa menyediakan spesifikasi kontrak berhubung dengan perolehan peralatan.
- Perolehan peralatan hendaklah diselaraskan dengan kemajuan kerja pembinaan bangunan. Bagi tujuan ini, jadual bekalan peralatan perlu disediakan bagi mengelakkan peralatan yang tidak dapat digunakan terdedah kepada kerosakan dan kecurian serta tempoh waranti tamat sebelum digunakan.

x. Tindakan yang tegas seperti mengenakan tindakan tatatertib atau surcaj perlu diambil terhadap pegawai yang cuai/gagal melaksanakan tanggungjawabnya sehingga menyebabkan Kerajaan menanggung kerugian.

xi. Tindakan yang tegas juga patut diambil terhadap perunding yang gagal melaksanakan tanggungjawabnya untuk memantau/menyelia sesuatu projek/aktiviti seperti mengenakan penalti/menyenaraihitamkan perunding tersebut daripada terlibat dengan projek Kerajaan yang lain. Sehubungan ini, perjanjian dengan perunding hendaklah memasukkan peruntukan berhubung dengan tindakan yang boleh dikenakan terhadap mereka sekiranya gagal melaksanakan tanggungjawab yang telah ditetapkan.

Jabatan Audit Negara
Putrajaya

17 Jun 2009